

Biografi TOKOH WANITA Malaysia

PERTUBUHAN TINDAKAN WANITA ISLAM (PERTIWI)



**Pelanduk
Publications**
www.pelanduk.com

Diterbitkan oleh
Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI)
63 Jalan SS3/53, Kelana Jaya, 47300 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
e-mail: pertiwi2003@hotmail.com

dengan kerjasama
Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
(No. Sykt 113307-W)
12 Jalan SS13/3E, Subang Jaya Industrial Estate,
47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
e-mail: rusaone@tm.net.my
web: www.pelanduk.com

Teks © 2004 PERTIWI
Mana-mana bahagian di dalam buku ini tidak boleh
disiarkan atau diterbitkan semula, dalam sebarang bentuk
atau dengan apa cara sekalipun tanpa mendapat kebenaran
terlebih dahulu daripada Penerbit.

Rekabentuk kulit buku ihsan Nick Foong,
The Writer's Publishing House Sdn. Bhd.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Biografi tokoh wanita Malaysia
ISBN 967-978-906-3
1. Women—Malaysia—Biography
923.2595

Dicetak di Malaysia

920-7209595
M
B10
109

— 7 OCT 2004
NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01144760



*Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi
Perdana Menteri Malaysia*



PERUTUSAN

Syabas saya ucapkan kepada Pertubuhan Tindakan Wanita Islam Malaysia (*PERTIWI*) kerana telah berjaya menerbitkan buku 'Biografi Tokoh Wanita Malaysia' ini. Seajar dengan usaha kerajaan untuk membawa agenda wanita maju ke hadapan, penerbitan buku ini adalah satu usaha yang amat penting dan bertepatan masanya. Selain daripada menjadi satu bahan dokumentasi yang komprehensif yang dapat menghurai dan memperjelas sejarah pembangunan wanita negara, buku ini juga akan menjadi bukti kejayaan yang telah dicapai oleh golongan wanita di Malaysia.

Kerajaan telah lama mengiktiraf dan menyanjung tinggi sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh wanita di dalam proses pembangunan Negara. Baik sebagai ibu, isteri, pekerja mahupun individu, wanita Malaysia sentiasa melangkah maju dan terus memberi sumbangan yang jitu di dalam pelbagai aspek pembangunan negara. Hari ini, kita melihat penyertaan wanita yang lebih dominan di dalam bidang ekonomi, politik dan sosial, jauh lebih bermakna berbanding dahulu. Terdapat lebih ramai tokoh wanita yang memegang teraju utama di dalam bidang politik sebagai Menteri dan Timbalan Menteri, menerajui bidang ekonomi sebagai usahawan berjaya dan pegawai pengurusan kanan serta menerajui bidang sosial sebagai pemimpin persatuan, badan-badan sukarelawan dan badan-badan bukan kerajaan.

Kerajaan bertekad untuk terus memberi ruang dan galakan kepada kaum wanita untuk terus bersama di dalam proses pembangunan dengan membuka peluang-peluang yang lebih luas bagi membolehkan wanita menceburi pelbagai lapangan yang ada dengan lebih mendalam dan bermakna lagi. Di samping itu, usaha-usaha untuk menghapuskan kekangan undang-undang dan institusi yang menyekat penyertaan wanita di dalam pelbagai proses pembangunan juga akan diteruskan agar wanita tidak mempunyai halangan untuk turut sama terbabit secara aktif. Dengan menyediakan persekitaran yang sesuai, adalah menjadi harapan Kerajaan agar peranan, kedudukan dan taraf wanita akan terus meningkat ke tahap yang lebih membanggakan.

Kepada semua tokoh wanita yang biografinya termuat di dalam buku ini, tahniah saya ucapkan. Sesungguhnya, saya amat berbangga dengan apa yang telah anda capai dan buktikan. Saya percaya, kegigihan dan kesungguhan tokoh-tokoh wanita seperti anda semua akan menjadi sumber inspirasi dan teladan kepada setiap wanita terutamanya generasi wanita muda Malaysia hari ini.



DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI



*Yang Amat Berbahagia Datin Paduka Seri Endon Mahmood
Penaung PERTIWI*



KATA-KATA ALUAN

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada PERTIWI kerana berjaya menerbitkan edisi terbaru buku 'Biografi Tokoh Wanita Malaysia' yang pertama kali telah diterbitkan pada tahun 1983. Saya difahamkan bahawa edisi pada kali ini memuatkan lebih kurang 200 orang tokoh wanita yang telah memberi sumbangan dan berjasa kepada negara. Maklumat tentang diri mereka amat penting didokumenkan bagi memaklumkan generasi akan datang tentang peranan yang telah dimainkan oleh tokoh-tokoh wanita ini.

Saya berasa amat bangga dengan kejayaan dan pencapaian tokoh-tokoh wanita di negara kita. Mereka telah tampil ke hadapan bagi menyahut seruan kerajaan agar sama-sama berganding bahu dengan kaum lelaki dalam proses pembangunan negara. Malah ramai di kalangan tokoh-tokoh ini telah mencatat sejarah sebagai perintis dalam pelbagai bidang seperti sains aeroangkasa, dunia diplomasi dan antarabangsa, perniagaan dan kewangan, sukan antarabangsa, seni, politik, kerja-kerja kebajikan dan lain-lain.

Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada PERTIWI di atas usaha murni ini yang bertujuan untuk memberi penghargaan kepada kaum wanita di Malaysia. Walaupun usaha untuk mendokumentasikan setiap tokoh ini mengambil masa dan tenaga namun segala usaha tersebut telah membuahkan hasil yang amat berguna. Saya berharap PERTIWI akan terus berusaha melaksanakan pelbagai aktiviti demi kesejahteraan wanita dan masyarakat pada masa-masa akan datang.

DATIN PADUKA SERI ENDON MAHMOOD

KANDUNGAN

*Perutusan Perdana Menteri Malaysia
Kata-kata Aluan Penaung PERTIWI
Sekapur Sirih
Sajak – Dalam Suara Seorang Perempuan*

1. Adibah Amin 1
2. Aishah Ali 4
3. Aishah Ghani, *Tan Sri Datin Paduka Seri (Dr.)* 6
4. Aishah Ong, *Toh Puan Datin Seri Dato' Dr.* 9
5. Aishah Shaikh Ahmad 12
6. Aishahtun Mohd Fadzlullah Suhaimi, *Puan Sri Dato'* 14
7. Alijah Gordon, *Dato' Dr. (Allahyarham)* 16
8. Anis Sabirin, *Dr.* 20
9. Ann Abdul Majeed, *Datuk* 22
10. Ariah Tengku Ahmad, *Datuk* 25
11. Asiah Abu Samah, *Dato' (Dr.)* 29
12. Asma Ismail, *Profesor Dr.* 33
13. Asmah Haji Omar, *Profesor Emeritus Dato' Dr.* 38
14. Atikah Haji Adom 44
15. Azah Aziz 46
16. Azanin Dato' Ahmad, *Datin* 49
17. Azizah Ja'afar, *Ibu (Allahyarham)* 52
18. Azizan Baharuddin, *Profesor Dr.* 55
19. Bhar, Rhina, *Dato'* 58
20. Bhupalan, F.R. 60
21. Bibi Aishah Hamid Don, *Dato'* 64
22. Che Ashidah Minin, *Puan Sri Datin* 66
23. Chee, Clara L., *Dr.* 70
24. Chia, Yvonne 73
25. Chiam Heng Keng, *Profesor Dr.* 75
26. Chin, Marina 77
27. Chong, Rosemarie, *Datin Paduka* 83

28. Chong Hon Nyan, *Puan Sri* 83
29. Dairiam, Shanthi 85
30. Dasimah Dasir (*Allahyarham*) 88
31. David, Nicol Ann 90
32. Dayang Mahani Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae, *Datuk* 93
33. Devaki Krishnan, *Tan Sri (Dr.)* 95
34. Devaraj, Elizabeth Sarojini, *Datin* 99
35. Emilia Kamaruddin, *Mejar (TUDM)* 101
36. Endon Mahmood, *Datin Paduka Seri* 103
37. Enjah Mohd Ariff, *Ibu (Allahyarham)* 105
38. Erma Fatima Rahmad 108
39. Farida Habib Shah, *Profesor Dr.* 110
40. Faridah Haji Mat Saman 114
41. Faridah Merican 116
42. Fatimah Bee Mohd Hashim, *Komander (TLDM)* 119
43. Fatimah Haji Abdul Majid, *Datin Paduka* 121
44. Fatimah Hamid Don, *Puan Sri Dato' Profesor Emeritus Dr.* 125
45. Fatimah Haji Hashim, *Tun Tan Sri (Dr.)* 130
46. Fauziah Ahmad Daud 134
47. Fauziah Haji Mohd Ramly, *Datin* 136
48. Goh Kwee Teng (*Mendiang*) 139
49. Goh Nee Dumpangol, Ursula 141
50. Habsah Hassan 143
51. Halijah Ibrahim, *Profesor Dr.* 145
52. Halimah Mohamed Sadique, *Datuk* 149
53. Halimah Othman, *Datin* 151
54. Halimahton Abdul Majid, *Dato' (Allahyarham)* 153
55. Hamidah Mohd Nor, *Ustazah* 156
56. Hasnah Muhamad Ali 159
57. Hazizah Haji Tumin, *Puan Sri Datin* 162
58. Heliliah Mohd Yusof, *Yang Arif Datuk* 164
59. Hendon Haji Din, *Dato'* 168
60. Jabu, Empiang, *Puan Sri Dato' Sri* 172
61. Jamilah Ariffin, *Datin Paduka Profesor Dr.* 174
62. Janaky Athi Nahappan, *Puan Sri Datin* 179
63. Josiah, Ivy Nallamah 183
64. Kalsom Abdullah 186
65. Kamariah Alang Mat Nasid 188

66. Kamilia Dato' Ibrahim, *Dato'* 190
67. Kamsiah Abdul Majid, *Tan Sri Datin* 194
68. Kasmini Kassim, *Profesor Dr.* 197
69. Kee Phaik Cheen, *Dato'* 202
70. Khadijah Hashim 204
71. Khadijah Rohani Mohd Yunus, *Profesor Dr.* 207
72. Khairiah Mohd Talha 212
73. Khalijah Mohd Salleh, *Profesor Dr.* 214
74. Khatijah Ahmad, *Datuk* 218
75. Khatijah Sidek (*Allahyarham*) 220
76. Kontik Kamariah Ahmad, *Tan Sri Datin Sri Cempaka Sri* 224
77. Laila Taib, *Datuk Amar Puan Sri (Dr.)* 228
78. Lakshmi Navaratnam (*Mendiang*) 232
79. Lee Lee Lan 235
80. Lee, Ruby, *Datuk Datin Paduka* 238
81. Leong, Adeline, *Datuk* 243
82. Leung Thong Ping 245
83. Lily Abdul Majeed, *Datuk* 247
84. Lim, P.G., *Dato'* 250
85. Loh Ludher, Lee Lee, *Dr.* 253
86. Madhuri Majumder, *Dato' Dr.* 255
87. Maimon Abdullah (*Allahyarham*) 257
88. Maimunah Yusof 259
89. Mangalam, *Mother* 262
90. Marina Mahathir, *Datin Paduka* 266
91. Marina Yusoff 268
92. Mavis Masri Azman, *Datin* 271
93. Mazlan Othman, *Profesor Datuk Dr.* 273
94. Maznah Abdul Hamid, *Datuk* 277
95. Maznah Abdul Jalil, *Dato'* 281
96. Maznah Mazlan, *Dato'* 283
97. Mohaiyani Shamsuddin, *Datuk* 286
98. Naimah Hasbi Sulaiman, *Puan Sri Datin Amar* 288
99. Napsiah Omar, *Dato'* 290
100. Ng Lay Swee, *Tan Sri Datuk Dr.* 293
101. Ng Yen Yen, *Dato' Dr.* 295
102. Nik Safiah Karim, *Profesor Emeritus Datuk Dr.* 298
103. Noni Said, *Datuk* 303

104. Noor Farida Ariffin, *Dato'* 306
105. Noor Laily Dato' Abu Bakar, *Dato' Dr.* 309
106. Noraihan Dato' Amar Hj. Sallehuddin, *Dato' (Dr.), (Allahyarham)* 313
107. Norhuda Ahmad, *Leftenan Kolonel* 317
108. Norma Mansor, *Profesor Dr.* 320
109. Norraesah Mohamad, *Dato' Dr.* 323
110. Nuraizah Abdul Hamid, *Tan Sri Datuk (Dr.)* 326
111. Ooi Chean See, *Datuk* 329
112. Oon B.H. (*Mendiang*) 331
113. Phang, O.C., *Datin Paduka* 334
114. Puteh Mariah Ibrahim Rashid, *Puan Sri Datin* 338
115. Rafiah Salim, *Datuk* 340
116. Rafidah Aziz, *Dato' Seri (Dr.)* 343
117. Rahah Tan Sri Haji Mohd Noah, *Tun* 348
118. Rahaiah Baheran 350
119. Rahimah Stephens, *Toh Puan Datuk* 354
120. Rahmah Haji Abu Kassim, *Dato'* 356
121. Rahmah Osman, *Datin Paduka* 358
122. Raj Abdul Karim, *Datuk Dr.* 363
123. Rajamani Mailvaganam 368
124. Raja Noora Ashikin Raja Abdullah, *YM Puan Sri Datin Seri Dato'* 371
125. Ramachandran, Ellen M. (*Mendiang*) 374
126. Ramani, Gurusamy 376
127. Rasamani Kandiah 379
128. Rashidah Shuib, *Profesor Madya Datin Dr.* 381
129. Robaayah Zambahari, *Dato' Seri Dr.* 384
130. Rohani Pa' Wan Chik 387
131. Rokayah Rajak 390
132. Rokiah Abdul Talib, *Dr.* 392
133. Roshidah Ishak, *Kolonel Dr.* 396
134. Rosnani Jamil, *Datin* 398
135. Rugayah Majid, *Datin Amar* 400
136. Rugayah Sulong, *Dato'* 403
137. Ruhani Abdul Rahman 405
138. Saadiyah Sardon, *Toh Puan Dato' Seri Utama (Allahyarham)* 407

139. Sakinah Junid, *Puan Sri Datin* 410
140. Salasiah Din, *Toh Suri Wati* 412
141. Saleha Mohd Ali, *Tan Sri Dato' Paduka (Dr.)* 415
142. Salma Ismail, *Tan Sri Dato' Dr.* 418
143. Saloma, *Puan Sri (Allahyarham)* 420
144. Shahrizat Abdul Jalil, *Dato' Seri* 422
145. Shalin Zulkifli 425
146. Shamsiah Mohd Yasin, *Datin Seri Dato'* 430
147. Sharifah Aini, *Datuk* 432
148. Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabuddin, *Profesor Dato' Dr.* 435
149. Sharifah Mordhiah Tuanku Fauzi, *Datin Paduka* 439
150. Sharifah Rodziah Syed AlwiBarakhbah, *Tun (Allahyarham)* 441
151. Sharifah Zuriah Al Jeffri 443
152. Shuhaimi Baba 447
153. Siti Aishah Haji Abdul Rahman 452
154. Siti Hasmah Mohd Ali, *Tun Dato' Seri Utama Datin Paduka Seri Dr.* 456
155. Siti Norma Hj. Yaakob, *Yang Arif Dato'* 461
156. Siti Nurhaliza Tarudin 464
157. Siti Rahmah Haji Kassim, *Dato'* 468
158. Siti Sa'diah Sheikh Bakir, *Datin Paduka* 471
159. Siti Zaharah Sulaiman, *Dato' Dr.* 474
160. Siti Zainon Ismail, *Profesor Madya Dr.* 477
161. Siti Zaleha Mohd Hashim 481
162. Siti Zalikah Mohd Nor, *Profesor Madya Datin Dr.* 484
163. Siti Zuraina Abdul Majid, *Dato' Profesor* 487
164. Soo Kim Lan, *Dr. (Mendiang)* 492
165. Suhailah Tan Sri Mohd Noah, *Tun* 494
166. T. Ramanayagam, *(Dr.)* 495
167. Helen Tan 499
168. Nellie S.L. Tan-Wong, *Dato' Dr.* 501
169. Tengku Budriah Ibni Almarhum Tengku Ismail, *YMM Raja Perempuan Besar Perlis* 504
170. Tengku Noor Asiah Tengku Ahmad, *YBM Dato'* 507
171. Tengku Noor Zakiah Tengku Ismail, *YM Dato' Paduka* 510
172. Tom Abdul Razak, *(Allahyarham)* 512

173. Too, Lilian 516
174. Tra Zehnder, *Dato' Sri* 518
175. Tuanku Bahiyah Ibni Almarhum Sultan Abdul Rahman,
DYMM (Almarhumah) 521
176. Tunku Azizah Tunku Petra, *YM Puan Sri* 523
177. Tunku Kurshiah Ibni Almarhum Tunku Besar Burhanuddin,
YMM Tunku Puan Besar (Almarhumah) 525
178. Tunku Mukminah Tunku Mohamad Jiwa, *YM Dato'* 528
179. Umasundari Sambanthan, *Toh Puan* 531
180. Wan Asiah Wan Ahmad, *To' Puan* 533
181. Wan Azizah Wan Ismail, *Datin Seri Dr.* 536
182. Wan Mariam Haji Wan Ahmad 538
183. Wan Mas Wan Ibrahim 540
184. Wazir Jahan Begum Abdul Karim, *Dr.* 543
185. Yeoh, June 547
186. Zabedah Haji Shahi 549
187. Zaharah Nawawi 551
188. Zaharah Shaari, *Dato'* 554
189. Zahrah A. Kadir, *Dr.* 556
190. Zahrah Za'ba (*Allahyarham*) 558
191. Zaidah Mohd Noor 560
192. Zainah Anuar 562
193. Zainun Munshi Sulaiman @ Ibu Zain, *Tan Sri,*
(Allahyarham) 564
194. Zaiton Othman 568
195. Zaitoon Dato' Othman, *Datin Paduka* 573
196. Zakiah Hashim, *Datuk* 576
197. Zakiah Hanum Haji Abdul Hamid, *Datuk* 578
198. Zakiah Laidin, *Dato'* 582
199. Zaleha Ismail, *Tan Sri Datin Paduka Seri* 584
200. Zeti Akhtar Aziz, *Tan Sri Dato' Seri Dr.* 590
201. Zuraidah Atan, *Dato'* 593
202. Zurinah Hassan 595

Senarai Singkatan 597

Gambar Ahli Jawatankuasa Biografi 601

Senarai Ahli Jawatankuasa Biografi 603

Maklumat Tentang PERTIWI 605

SEKAPUR SIRIH

Pada tahun 1983, di bawah pimpinan Y. Bhg. Datuk Zakiah Hanum sebagai Ketua I, PERTIWI telah menerbitkan buku **Biografi Wanita Malaysia** dengan tujuan utama untuk mengumpulkan maklumat mengenai wanita di negara ini, khususnya tentang sumbangan mereka terhadap proses pembangunan negara. Sebanyak 76 orang tokoh telah tersenarai dalam buku tersebut. Kebanyakan mereka merupakan perintis dalam bidang masing-masing, dalam erti kata mereka telah menerokai bidang-bidang tertentu dan telah memberi sumbangan kepada pembangunan bidang-bidang tersebut.

Kini 20 tahun telah berlalu. Wanita Malaysia telah mencatat kemajuan yang amat besar dan membanggakan. Bukan sahaja jumlah wanita yang terdidik dan memegang jawatan penting bertambah, mereka juga telah memasuki bidang-bidang baharu yang dahulunya hanya merupakan dunia lelaki. Sekadar menyebut beberapa contoh, kini kita mempunyai hakim wanita, duta besar wanita, usahawan wanita, ahli aeroangkasa wanita, pengkaji sejarah purbakala wanita, dan puluhan profesor wanita. Wanita Malaysia kini bukan hanya berlegar di arena kebangsaan tetapi telah menjangkau jauh ke dunia antarabangsa. Ahli-ahli sukan wanita, misalnya, memperoleh kejuaraan dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa. Ahli-ahli profesional kita bekerjasama dan mendapat pengiktirafan daripada rakan-rakan antarabangsa mereka, baik dalam bidang penyelidikan, diplomasi dan perniagaan, mahupun dalam bidang kesenian dan politik.

Untuk menggambarkan perubahan besar yang telah berlaku pada wanita Malaysia kini, PERTIWI memutuskan untuk menerbitkan edisi baharu bagi buku biografi yang pertama itu, berjudul *Biografi Tokoh Wanita Malaysia*. Melalui penerbitan ini, jumlah

tokohnya telah meningkat daripada 76 kepada 202 orang. Senarai asalnya lebih panjang, tetapi kami menghadapi beberapa masalah ketika mengerjakan projek ini.

Pertama, terdapat beberapa tokoh yang secara ikhlas memberitahu bahawa mereka tidak mahu dimasukkan, atas beberapa sebab, kebanyakannya sebab peribadi. Kedua, terdapat sejumlah tokoh yang tidak dapat dihubungi langsung disebabkan mereka telah berpindah, alamat tidak dapat diperolehi atau kerana mereka tidak menjawab surat kami, walaupun beberapa kali dikirim. Terdapat juga sejumlah tokoh yang walaupun dapat dihubungi berjanji akan mengirim balik borang yang mengandungi maklumat tetapi sampai tiga empat kali diingatkan tidak juga menyampaikan maklumat tentang diri mereka. Itulah antara hambatan-hambatan besar yang dihadapi oleh PERTIWI dalam usaha ini.

Untuk makluman, sebahagian besar daripada penulisan tentang tokoh-tokoh yang termuat di dalam buku ini berdasarkan jawapan yang diperolehi melalui borang maklumat yang dikirim oleh PERTIWI serta maklumat-maklumat lain yang diberikan oleh tokoh-tokoh berkenaan. Dalam hal ini wujud ketidakseimbangan. Ada tokoh yang murah hati dengan maklumat tentang diri mereka. Oleh itu, huraian tentang diri mereka boleh dikatakan lengkap. Namun ada juga tokoh yang amat bersifat ketimuran, iaitu tidak mahu dianggap menonjolkan diri lalu tidak memasukkan banyak maklumat. Maka maklumat tentang diri mereka tidak terlalu panjang. Dalam usaha untuk mencari keseimbangan, PERTIWI, di mana boleh, telah membuat rujukan dan penyelidikan tambahan, seperti di Arkib Negara dan dalam laman-laman web rasmi. Ada juga tokoh yang atas permintaan mereka ditemu bual, dalam usaha untuk mencungkil maklumat tambahan. Demi kelicinan kerja, kami telah memutuskan agar tarikh akhir bagi kemasukan maklumat ialah bulan Disember 2003, kecuali maklumat yang tersiar dalam akhbar yang dapat kami kutip, seperti mereka yang memenangi pilihan raya, yang mendapat anugerah, dan sebagainya. Agar maklumat tentang

tokoh-tokoh ini bersifat kini, dari semasa ke semasa, PERTIWI akan mengeluarkan edisi tambahan.

Kepada semua tokoh yang nama mereka tersenarai di dalam buku ini, PERTIWI mengucapkan ribuan terima kasih. Sesungguhnya maklumat tentang diri mereka bukan sahaja merupakan catatan penting untuk memberi gambaran tentang kemajuan wanita di Malaysia tetapi juga menjadi sumber rujukan dan inspirasi kepada generasi muda.

Dalam usaha menyediakan buku ini, PERTIWI terhutang budi kepada banyak pihak. Kepada Ahli-ahli Jawantankuasa Biografi, terutama Timbalan Pengerusinya, Y. Bhg. Datin Hajah Jamilah Adam, ucapan terima kasih daun keladi atas sumbangan mereka. Kerja-kerja penyiapan tulisan tentang tokoh-tokoh telah diusahakan oleh sekumpulan penyelidik yang amat gigih yang juga bertugas sebagai urus setia. Mereka terdiri daripada Saudara Johan Cruyff @ Mohd Johari Nordin yang bertugas sehingga Jun 2003, Puan Nurhafilah Musa, Saudari Wan Shahida Wan Omar yang bertugas sehingga Disember 2003 dan Saudari Wan Intan Fadzilah Wan Mansor yang mula bertugas pada Januari 2004. Kepada mereka saya mengucapkan ribuan terima kasih. Penghargaan juga disampaikan kepada Saudara Haznizul Ahmad Shukery yang telah banyak membantu dari aspek aspek teknikal penyediaan draf akhir.

Kepada Y. Bhg. Dato' Ng Tieh Chuan, Pengarah Urusan Pelanduk Publications serta kakitangan, terima kasih atas minat yang begitu tinggi terhadap kerja-kerja penerbitan buku ini. Dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Siti Zaleha Hashim atas sumbangan sajak berjudul "Dalam Suara Seorang Perempuan."

Kepada para dermawan, terima kasih yang tidak terhingga atas sumbangan yang amat bererti dalam menjayakan projek ini. Antara mereka ialah Y. Bhg. Dato' Lim Kang Yew daripada Syarikat Pembinaan Limbongan Setia Berhad dan Puan Faridah Stephens, Pengarah, The Writers' Publishing House.

Dan kepada Penaung PERTIWI, yang dikasihi, Y.A.Bhg. Datin Paduka Seri Endon Mahmood, sekalung bunga atas Kata-kata Aluan bagi penerbitan buku ini.

Akhir kata, kami memohon ribuan maaf sekiranya terdapat kelemahan dan kami bersedia menerima sebarang kritikan yang membina.

*Datuk Prof. Emeritus Dr. Nik Safiah Karim
Ketua 1 PERTIWI dan Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Biografi*

SAJAK

Dalam Suara Seorang Perempuan

*Dalam suara seorang perempuan
Ada sungai mengalir jernih
Sejuk dan mendamaikan
Malam ingin segera datang
Ribut pun segera reda
Mendengarnya, kerana
Dalam suara seorang perempuan
Ada kelembutan.*

*Dalam suara seorang perempuan
Ada tempat berteduh
Unggas yang sedang terbang
Ingin segera pulang ke sarang
Kapal-kapal yang sedang berlayar
Ingin segera sampai ke perlabuhan
Pengembara yang jauh di seberang
Ingin segera melangkah pulang
Kerana dalam suara seorang perempuan
Ada perlindungan*

*Dalam suara seorang perempuan
Ada api semarak bernyala
Pejuang yang hampir tewas pun
Bangun semula jadi pahlawan
Bintang yang hampir padam pun
Bersinar lagi membawa seri
Pohon yang hampir rebah pun
Tumbuh semula bertambah hijau
Mendengarnya, kerana
Dalam suara seorang perempuan
Ada kekuatan*

*Dalam suara seorang perempuan
Ada cahaya gemilang
Dapat menembusi lapis-lapis ilmu
Membentuk bangsa berani
Mewarnai fikir dan budi
Membawa diri ke tangga paling tinggi
Kerana dalam suara seorang perempuan
Ada kebijaksanaan*

*Seorang perempuan yang arif berbudi
Kata-katanya amat bermakna
Dan suaranya amat berharga.*

Siti Zaleha M. Hashim
Jurnal Puisi Melayu
Kuala Lumpur
Perisa 10/2001
4 September 2001

ADIBAH AMIN



Puan Adibah Amin, atau nama sebenarnya Khalidah Adibah Haji Amin, dilahirkan di Johor Bahru, pada 19 Februari 1936. Beliau telah berkeluarga dan mempunyai seorang anak perempuan. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Perempuan

Melayu Bandar Tinggi, Johor Bahru, dari tahun 1942 hingga 1945. Selepas itu, beliau melanjutkan pelajaran ke Sekolah Perempuan Sultan Ibrahim, Johor Bahru, antara tahun 1946 hingga 1950. Beliau menduduki peperiksaan Senior Cambridge di Sekolah Convent Johor Bahru, pada tahun 1951 dan seterusnya mengambil tingkatan enam di English College, Johor Bahru, dari tahun 1952 hingga 1953. Pada tahun 1953, Puan Adibah berjaya menyambung pengajian di Universiti Malaya Singapura dalam bidang Pengajian Melayu dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang tersebut. Beliau memperoleh Diploma Pendidikan daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada tahun 1966.

Kerjayanya sebagai pendidik bermula di Malay Girls' College, Kuala Lumpur, dari tahun 1958 hingga 1961. Tiga tahun berikutnya, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Institut Bahasa, Kuala Lumpur. Antara tahun 1965 hingga 1967, Puan Adibah telah mengajar di Sekolah Menengah Alam Shah, Kuala Lumpur, dan telah dinaikkan pangkat sebagai Guru Besar di Sekolah Menengah

Perempuan Kolam Air pada tahun 1968. Pada tahun 1970, beliau kembali mengajar di Institut Bahasa, Kuala Lumpur.

Puan Adibah mula menceburkan diri dalam bidang penulisan tatkala bapanya meninggal dunia sewaktu beliau berusia sembilan tahun. Pada umur 13 tahun, beliau telah mula menulis dan menjual buku, iaitu sebuah buku terjemahan karya Enid Blyton berjudul *A House at the Corner* dan sebuah buku bertajuk *Bangsawan Tulin*. Pada peringkat awal pembabitan Puan Adibah dalam bidang penulisan, beliau telah menggunakan nama pena 'Cenderawasih'. Beliau telah menulis untuk akhbar *Utusan Melayu* sejak menuntut di Universiti Malaya. Beliau juga menggunakan beberapa nama pena lain, iaitu 'Aida', 'Aida Kalmin' dan 'Ning Juita'. Antara tahun 1971 hingga 1982, beliau telah menjadi penulis rencana, pemberita dan penulis ruangan bagi akhbar *New Straits Times*. Pada tahun 1983, Puan Adibah dilantik Pengarang Kumpulan (Keluaran Bahasa Melayu) untuk Kumpulan *New Straits Times* dan merupakan wanita pertama yang memegang jawatan tersebut. Pada tahun 1984, beliau menjadi Penolong Khas Pengarah TV3. Di samping itu, beliau pernah menjadi Penasihat majalah *JELITA* serta editor majalah *ERA* (1985-1986).

Puan Adibah telah menghasilkan beberapa novel seperti *Bangsawan Tulin* (1952), *Seroja Masih di Kolam* (1968) dan *Tempat Jatuh Lagi Dikenang* (1983). Beliau juga telah membuat terjemahan beberapa buah novel ke dalam bahasa Inggeris, iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Tunggul-tunggul Gerigis* yang ditulis oleh Shahnnon Ahmad, *Rimba Harapan* karya Keris Mas dan *Sangkar* yang ditulis oleh Anwar Ridhwan. Buku terjemahan *Ranjau Sepanjang Jalan* atau *No Harvest But A Thorn* telah dipilih sebagai salah satu daripada sepuluh buku oleh panel literasi *The Sydney Morning Herald*. Beliau turut menghasilkan skrip drama radio seperti *Bukan Patung Bernyawa* yang memenangi tempat pertama Pertandingan Skrip Radio Terbaik pada tahun 1976, *Padamu Jua*, yang memenangi tempat pertama dalam pertandingan yang sama pada tahun 1977 dan

Pulang Gadisku Pulang dalam kumpulan drama radio pertama yang diterbitkan bersama Habsah Hassan. Beliau juga pernah berlakon dalam filem *Adik Manja* arahan Othman Hafsham dan telah memenangi Anugerah Pelakon Pembantu Wanita Terbaik dalam Festival Filem Malaysia pada tahun 1983.

Hasil penulisan beliau dalam ruangan *As I Was Passing* dalam akhbar *New Straits Times* dari tahun 1972 hingga bulan Februari 1984 di bawah nama pena 'Sri Delima' telah dibukukan dan diterbitkan pada tahun 1976 dan 1978. Buku-buku lain yang turut dihasilkan ialah *Hidup Seribu Liku* (1981) dan *Tak Kenal Maka Tak Cinta* (1986). Sekitar tahun 1990-an, beliau telah menyertai akhbar *The Star* selama dua tahun dan sehingga kini mempunyai ruangan dalam akhbar *Sunday Star* bertajuk *Come to Class With Adibah*. Beliau turut menerbitkan buku-buku panduan bahasa bagi pelajar-pelajar yang menduduki SPM. Pada tahun 2002, beberapa artikel beliau dalam *Journal One* telah diterbitkan dalam sebuah buku berjudul *Glimpses*.

Sumbangan Puan Adibah yang begitu besar telah diiktiraf apabila beliau memenangi beberapa anugerah, antaranya University Book Prize pada tahun 1956 daripada Universiti Malaya Singapura, anugerah Asian Journalist of the Year oleh Press Foundation of Asia-Matsui pada tahun 1979 dan anugerah SEA Write Award pada tahun 1983. Beliau telah dikurniakan Ijazah Kehormat Sarjana Persuratan oleh USM dan, pada 1991, beliau telah menerima Anugerah Esso-GAPENA. Beliau memperoleh bintang Setia Mahkota Johor (S.M.J.) pada tahun 1983 daripada DYMM Sultan Johor dan Anugerah Persuratan Johor pada tahun 1996. Pada tahun 1991, Puan Adibah menerima Anugerah Avon-Tan Sri Fatimah sebagai penghargaan atas usaha beliau dalam bidang pendidikan dan dalam tahun yang sama, beliau memperoleh Esso-GAPENA Literary Promotion Award. Pada tahun 1998, beliau mendapat Anugerah Tun Razak atas sumbangannya yang tidak ternilai dalam bidang pendidikan dan berjaya memupuk persefahaman serta keharmonian antara pelbagai kaum di Malaysia.

AISHAH ALI



Puan Aishah dilahirkan di Johor Bahru, pada 13 April 1953. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Ishak Nengah dan mereka mempunyai tiga orang anak, iaitu Johan, Ashraf dan Iman. Beliau mempunyai kelulusan Sarjana Muda Komunikasi Massa dari ITM. Beliau mempunyai pengalaman selama 27 tahun sebagai wartawan dan telah berkhidmat di pelbagai jawatan.

Kerjaya beliau bermula sebagai wartawan berita dari 1976 hingga 1977. Kemudian, beliau menjadi wartawan hiburan dari tahun 1977 hingga 1981, wartawan *New Straits Times* di Meja London dari tahun 1981 hingga 1982 dan wartawan bebas dari tahun 1982 hingga 1985. Beliau bertugas sebagai penulis di meja pengarang dari tahun 1985 hingga 1987 dan Editor di Meja Pengarang *Sunday Mail* hingga sekarang. Beliau dikenali dengan tulisan-tulisan rencana dan artikel mengenai wanita. Di samping itu, beliau terlibat dalam menganjurkan Bengkel Penulis Remaja (Young Writers' Workshop) setiap tahun.

Selain itu, Puan Aishah telah dilantik ahli NACIWID dan Pengerusi Alumni Sekolah Perempuan Sultan Ibrahim, Johor Bahru. Beliau berpeluang mengiringi Tun Dr. Siti Hasmah bersama sepuluh orang wakil pertubuhan wanita bukan kerajaan ke Iraq bagi melaporkan kesan sekatan ekonomi ke atas wanita dan kanak-kanak kepada

Kabinet. Pada tahun 1995, beliau telah terpilih mewakili Asia ke Toronto, Kanada, untuk merangka draf Seksyen J (Media) dalam Pelan Bertindak sebelum dibawa ke Persidangan Wanita Sedunia Keempat di Beijing. Dalam simposium tersebut, beliau telah memenangi Anugerah Esei Terbaik, Kategori Media Cetak daripada seramai 136 orang wartawan yang menyertainya.

Puan Aishah telah mengikuti beberapa seminar dan persidangan di peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa. Antaranya Seminar on Changing Women's Image in the Media di Asian Pacific Development Centre, Kuala Lumpur pada tahun 1987, Seminar on Sensitising the Media to Development Issues on Women di tempat yang sama pada tahun 1992, seminar Meeting the Population Challenge: The Role of Journalists in the East and South East and Oceania Region anjuran International Planned Parenthood Federation di Bangkok, pada tahun 1993, Workshop in Preparation for International Symposium on Women and Media: Access to Expression and Decision Making anjuran UNESCO di Paris, pada tahun 1994, International Seminar on Women and Media: Challenges and Opportunities for Asia in the Next Millennium anjuran UNESCO dan UKM pada tahun 1997 dan seminar Monitoring Gender in the Mass Media di USM, Pulau Pinang, pada tahun 1998.

Beliau pernah memenangi tempat kedua bagi esei tentang Perancangan Keluarga dan Status Wanita di Bengkel Mesyuarat Population Challenge: The Role of Journalists in the East and South-East Asian Region di Bangkok, pada tahun 1993. Pada tahun 2000, beliau telah dianugerahi bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

AISHAH GHANI, TAN SRI DATIN PADUKA SERI (DR.)



Yang Berbahagia Tan Sri Datin Paduka Seri (Dr.) Aishah telah dilahirkan pada 15 Disember 1923 di Kampung Sungai Serai, Hulu Langat, Selangor. Beliau telah berkahwin dengan Encik Abdul Aziz Abu Hassan (Allahyarham) dan mereka memperoleh

empat orang anak, iaitu Shairudin, Mariati, Datuk Astaman dan Zarim.

Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Melayu Bukit Raya, Cheras, Selangor. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran di peringkat menengah di Diniyah Puteri, Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia, dari tahun 1936 hingga 1939. Seterusnya pada tahun 1940 hingga 1943, beliau telah memasuki Maktab Perguruan Tinggi Islam di Padang, Sumatera Barat, Indonesia. Beliau kemudiannya telah mengambil jurusan kewartawanan di Regent Street Polytechnic di London, pada April 1955 hingga Disember 1958.

Penglibatan Tan Sri Aishah dalam bidang politik bermula dengan kerjayanya sebagai wartawan dalam *Pelita Malaya*, lidah rasmi Parti Kebangsaan Melayu (PKM). Sebaik sahaja PKM ditubuhkan, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa dan sekaligus mengetuai sayap wanita yang dipanggil Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Beliau pernah menyertai perhimpunan dan gerakan menuntut kemerdekaan

an di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, beliau telah keluar dari parti ini pada tahun 1946 dan menjadi ahli UMNO pada tahun 1949. Penglibatannya dalam UMNO bermula apabila beliau menjadi ahli UMNO cawangan Pasar Pudu. Beliau menyertai UMNO Kampung Baru pada tahun 1949 dan diberi tugas sebagai Setiausaha.

Sekembalinya beliau dari London pada tahun 1959, beliau bekerja sebagai wartawan di *Berita Harian* dan penyunting di Kumpulan akhbar *New Straits Times*. Beliau telah mengundurkan diri dari bidang kewartawanan pada tahun 1963 apabila beliau menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan Naib Ketua Wanita UMNO. Beliau telah menjadi Setiausaha Pergerakan Wanita UMNO Negeri Selangor pada tahun 1960 hingga 1972.

Pada tahun 1963, Tan Sri Aishah telah dilantik Senator wanita yang pertama di Malaysia dan menjadi wakil wanita yang pertama dari Malaysia ke Perhimpunan Agung PBB. Dari tahun 1967 hingga 1972, beliau menjadi wakil Malaysia ke Persidangan Suruhanjaya Taraf Wanita PBB. Beliau telah dipilih menjadi Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia pada tahun 1972 sehingga 1984. Pada tahun 1973, beliau telah dilantik menjadi Menteri Kebajikan Masyarakat dan memegang jawatan ini selama 11 tahun sebelum menamatkan khidmat beliau pada tahun 1984. Beliau telah melancarkan Yayasan Kebajikan Negara yang masih berfungsi sehingga sekarang.

Tan Sri Aishah ialah Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita UMNO Malaysia semenjak tahun 1986 hingga sekarang. Kini beliau menjadi Pengerusi Koperasi Jaya Murni Wanita Berhad sejak penubuhannya pada tahun 1975, Pengerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (1985-1997), Ahli Jawatankuasa Yayasan Tun Abdul Razak dan Pengerusi Pusat Perlindungan Wanita Darsaadah. Selain itu, beliau turut terlibat dalam bidang perniagaan dengan menjadi Pengerusi Electcoms Sdn. Bhd., Pengarah Eksekutif Meditel Electronics Sdn. Bhd., Pengarah Nusa Utama Sdn. Bhd., Hasrat Emas Sdn. Bhd.,

Pengangkutan Kota Mas Sdn. Bhd., Tanjung Serbaneka Sdn. Bhd. dan Metrojaya Bhd.

Beliau telah dianugerahi bintang Johan Mangku Negara (J.M.N.) pada tahun 1971 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Pada tahun 1978, beliau dikurniai Darjah Dato' Paduka Mahkota Selangor Kelas Kedua (D.P.M.S.) oleh Kerajaan Selangor yang membawa gelaran 'Datin Paduka'. Beliau dianugerahi bintang Panglima Mangku Negara (P.M.N.) yang membawa gelaran 'Tan Sri' oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1985. Setahun kemudian, beliau telah dianugerahi Ijazah Kehormat Kedoktoran Undang-undang oleh USM. Pada tahun 1999, beliau dikurniai darjah Seri Paduka Mahkota Selangor Kelas Pertama (S.P.M.S.) yang membawa gelaran 'Datin Paduka Seri' oleh DYMM Sultan Selangor. Pada tahun 2002, beliau telah dikurniai Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Sains Politik oleh UKM.

AISHAH ONG, TOH PUAN DATIN SERI DATO' DR.



Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Dato' Dr. Aishah Ong telah dilahirkan pada 27 Januari 1945 di Kuala Lumpur, dan merupakan generasi keempat keluarga pelombong bijih timah. Beliau ialah anak kedua daripada empat orang adik-beradik.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tun Dato' Seri Haji Omar Yoke-Lin Ong, bekas Menteri Kabinet dan bekas Presiden Dewan Negara, pada tahun 1974. Mereka mempunyai tiga orang cahaya mata, iaitu Ariffin, Dr. Rohani dan Mohd Taufik.

Beliau telah mendapat pendidikan di St. Mary's Girls School, Kuala Lumpur, dan St. Francis Girls College, England. Seterusnya, beliau telah melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Royal Free Hospital, University of London, antara tahun 1964 hingga 1969. Selepas berdaftar dengan General Medical Council, beliau meneruskan latihan dalam bidang Rawatan Utama di London, dan pada tahun 1971, beliau telah menerima Diploma Obstetrik di London. Beliau hanya pulang ke Kuala Lumpur pada tahun 1973.

Sekembalinya ke Malaysia, Toh Puan Dr. Aishah Ong bekerja di Kementerian Kesihatan dari tahun 1973 hingga 1975, pada mulanya di Hospital Besar, Kuala Lumpur, kemudian di Klinik Kerajaan di Hospital Tanglin, yang diikuti dengan pekerjaan di klinik swasta

Young & Newton dari tahun 1975-1977. Pada tahun 1977, beliau telah dijemput oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menyertai klinik percuma anjuran PERKIM di Kuala Lumpur, dan beliau menjadi doktor sukarela, bertugas satu petang dalam seminggu antara tahun 1978 hingga 1985.

Sejak tahun 1978, beliau telah dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Pengurus Hospital Universiti hingga 1996. Beliau juga Ahli Majlis Universiti Malaya sejak tahun 1987 hingga 1996 (sebelum pengkorporatan universiti) dan selepas itu menjadi Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaya (selepas pengkorporatan) sejak bulan Februari 1997 hingga Februari 2003. Mulai bulan Februari 2003 hingga Februari 2008, beliau dilantik Pro-Canselor Universiti Malaya, wanita pertama yang dilantik ke jawatan tersebut. Di samping itu, beliau telah dilantik Ahli Lembaga Pengurus International Medical College dari tahun 1991 hingga 1998 dan mulai tahun 2001 hingga Februari 2003, beliau telah dilantik Ahli Majlis International Medical University (IMU) selepas kolej itu menerima status universiti. Sejak dilantik Pro-Canselor Universiti Malaya, beliau telah meletakkan jawatan sebagai Ahli Majlis IMU dan dilantik ke Jawatankuasa Penasihat Antarabangsa IMU.

Selain itu, Toh Puan Dr. Aishah Ong adalah antara Ahli Jawatankuasa Pengasas BAKTI dari tahun 1977 hingga 1981. Pada tahun 1980 hingga 1981, beliau menjadi Setiausaha Kehormat BAKTI dan sejak tahun 1984, beliau menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan BAKTI dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif sehingga sekarang.

Di samping itu, beliau juga ialah Pengasas dan Pengarah IKWAM sejak tahun 1987, Ahli Lembaga Pemegang Amanah WAO sejak tahun 1984, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Tabung Kumpulan Kebajikan Maybank sejak tahun 1990, Penaung Cancerlink sejak tahun 1990, Pengerusi Tabung Kebajikan *The Malay Mail* sejak tahun 1991 dan Ahli Jawatankuasa Pemilihan Biasiswa Rhodes untuk Malaysia di British Council sejak tahun 1993. Beliau juga ialah Ahli Lembaga Hospital Mata Tun Hussein Onn mulai tahun 1987 hingga

1994. Beliau merupakan Ahli Majlis Persatuan Orang-orang Buta Malaysia sejak tahun 1979 hingga 1994 dan Ahli Jawatankuasa Wanita PERKIM sejak tahun 1977 hingga 1988.

Toh Puan Dr. Aishah Ong ialah Ahli Majlis Persatuan Badminton Malaysia sejak tahun 1994 dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif dari tahun 1994 hingga 2001, Pemegang Amanah Majlis Kanser Nasional (MAKNA) sejak tahun 1994 sehingga 2003, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Institut Jantung Negara sejak tahun 1996, Ahli Lembaga Pemegang Amanah NCWO sejak tahun 1996, Timbalan Presiden Persatuan Badminton Kuala Lumpur sejak tahun 1999, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Tabung Pendidikan Kumpulan Maybank sejak tahun 1999, Penaung Yayasan Arthritis Malaysia sejak tahun 1999, Pengasas dan Pemegang Amanah Cancer Research Initiative Foundation (CARIF) sejak tahun 2000 dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Lembaga Amanah Tabung Kebajikan Kesihatan Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, sejak bulan Oktober 2002.

Bagi menghargai jasa-jasa dan sumbangannya, beliau telah dikurniai bintang Johan Mangku Negara (J.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1990, Pingat Emas Tun Fatimah pada tahun 1992 oleh NCWO dan Distinguished Fellowship oleh IMU pada bulan Ogos 1999. Pada tahun 2003, beliau telah dikurniai Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N.) oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang yang membawa gelaran 'Dato'.

AISHAH SHAIKH AHMAD



Puan Aishah dilahirkan di Pulau Pinang, pada 5 Jun 1952. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Island Girls' School, Pulau Pinang, dan seterusnya di Sekolah Menengah Convent Green Lane. Beliau memasuki tingkatan enam di Penang Free School

sebelum melanjutkan pendidikan kursus profesional di ITM dan mendapat ijazah Chartered Institute of Transport (U.K.). Beliau telah mengikuti beberapa kursus di United Kingdom dan Amerika Syarikat, iaitu Motor Management Course (Bath) pada tahun 1980 dan Ashridge Management Course pada tahun 1991. Penglibatan beliau dalam bidang automotif membawa beliau mengikuti program Ford Strategic Marketing di Universiti Duke, Amerika Syarikat pada tahun 1997.

Kerjaya beliau dalam bidang automotif bermula seawal tahun 1976 dengan memegang jawatan pelatih eksekutif dengan kumpulan syarikat Inchcape. Seterusnya beliau dinaikkan pangkat ke pelbagai jawatan pengurusan sehingga menjadi Pengurus Besar Bahagian Jualan antara tahun 1997 hingga 2001 di Ford Malaysia. Pada tahun 2001, Puan Aishah menjadi Pengarah di Master Body Collision Repair Sdn. Bhd. Bermula dari bulan Januari 2002, beliau dilantik menjadi Pengarah Bahagian Korporat bagi Kumpulan Automatif,

Tractors Malaysia. Beliau juga dilantik Pengarah, Associated Motor Industries pada tahun 2002.

Selain itu, Puan Aishah telah memegang beberapa jawatan penting, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa, seperti Pengerusi Persatuan Pengedar Kenderaan-kenderaan Malaysia dari tahun 1991 hingga 1999, Pengerusi Persatuan Automotif Malaysia dari tahun 1998 hingga sekarang, Pengerusi Persatuan Automotif ASEAN dari tahun 2000 hingga 2002 dan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal, Projek Ecotech-APEC dari tahun 2000 hingga 2002. Beliau ialah juga Pengerusi Kuala Lumpur International Motor Show (KLIMS) tahun 1994, 2000 dan 2003.

Beliau pernah dilantik ahli MAPEN II oleh Perdana Menteri Malaysia dan juga mewakili Malaysia ke Dialog Serantau ASEAN. Beliau juga telah mempengerusikan Jawatankuasa Japanese Roving Experts di Malaysia dari tahun 2001 hingga sekarang bagi membantu syarikat-syarikat pengeluar komponen automotif mencapai mutu yang lebih tinggi dan mampu mengurangkan kos pengeluaran.

Beliau telah terlibat aktif dalam Yayasan Budiman UiTM yang berperanan untuk memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar UiTM yang kurang mampu untuk menampung pengajian mereka di universiti itu. Puan Aishah telah dilantik Pengarah Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Budiman UiTM dari Oktober 1999 hingga sekarang. Pada tahun 2003, beliau juga dilantik Pengerusi Acara Harta Karun Yayasan Budiman UiTM dan dilantik Pengarah Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) oleh Menteri Pendidikan Malaysia.

Pada tahun 1999, Puan Aishah telah dianugerahi Tokoh Alumni ITM oleh Perdana Menteri Malaysia. Beliau juga telah dianugerahi bintang Johan Mangku Negara (J.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 2000. Pada tahun 2002, beliau dianugerahi bintang Darjah Johan Negeri (D.J.N.) oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang.

AISHAHTUN MOHD FADZLULLAH SUHAIMI, PUAN SRI DATO'



Yang Berbahagia Puan Sri Dato' Aishahtun telah dilahirkan pada 27 Disember 1932 di Singapura. Beliau mendirikan rumah tangga dengan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, bekas Menteri Besar Negeri Terengganu yang kini bertugas sebagai Duta Malaysia di

Arab Saudi. Puan Sri Aishahtun mendapat pendidikan rendah dan menengah di Madrasah Al-Maarif Al-Islamiah, Ipoh Lane, Tanjong Katong, Singapura. Selepas itu, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Ain Shams, Kaherah, dari tahun 1958 hingga 1961.

Beliau terlibat aktif dengan pelbagai pertubuhan dan badan sukarela. Dari tahun 1976 hingga 1997, beliau menjadi Pengerusi Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Negeri Terengganu. Beliau ialah Pengerusi Pergerakan Puteri Islam Negeri Terengganu dari tahun 1981 hingga 1997. Pada tahun 1990 hingga 1999, beliau ialah Yang Dipertua Serikandi (Badan Amal dan Kebajikan Isteri Wakil-wakil Rakyat Negeri Terengganu) dan dari tahun 1997 hingga sekarang, beliau ialah Yang Dipertua Surianita (Wanita Sedar) Negeri Terengganu.

Puan Sri Dato' Aishahtun telah menjadi pengasas beberapa badan kebajikan, antaranya, Pengasas Wisma Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Negeri Terengganu yang diberi nama Wisma Dato'

Hajah Aishahtun Suhaimi, Pengasas Bengkel Usahajaya Puteri (Bengkel Jahitan) di Terengganu, Pengasas Rumah Taqwa (rumah penginapan gadis-gadis untuk pemulihan akhlak) dan Pengasas Rumah Penyayang (rumah penginapan kanak-kanak cacat) di Chukai, Kemaman. Selain itu, beliau juga Ahli Jawatankuasa Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Kini, beliau menjadi Timbalan Yang Dipertua Persatuan Isteri-isteri Duta di Riyadh, Arab Saudi.

Puan Sri Dato' Aishahtun giat membantu orang-orang miskin, orang-orang cacat, ibu tunggal dan lain-lain melalui persatuan-persatuan kebajikan yang disertainya. Beliau juga pernah menulis beberapa makalah mengenai wanita di akhbar *Utusan Melayu* dan *Berita Harian* dan pernah menghasilkan buku masakan tradisional Terengganu.

Bagi mengenang jasa-jasanya, beliau telah dianugerahi bintang Dato' Paduka Mahkota Terengganu (D.P.M.T.) oleh DYMM Sultan Terengganu, Sultan Ismail Nasiruddin Shah, yang membawa gelaran 'Dato'' dan bintang Johan Mangku Negara (J.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah.

ALIJAH GORDON, DATO' DR. (ALLAHYARHAM)



Yang Berbahagia Dato' Dr. Alijah, atau nama sebenarnya Shirley Doris Gordon, telah dilahirkan pada 29 Mac 1929 di New Jersey, Amerika Syarikat. Beliau telah mendapat pendidikan di Upsala College dan pada tahun 1954, beliau telah menamatkan pengajian daripada Graduate Faculty of Columbia University dalam bidang Public Law and Government. Ketika di sinilah Dato' Dr. Alijah mula berjinak dengan isu-isu yang sedang bergolak di Asia Barat, terutamanya isu Palestin. Pada usia 24 tahun, beliau telah berdebat dengan Abba Eban, Duta Israel ke PBB sebelum dilantik menjadi Menteri Luar Israel, dalam sebuah siaran langsung televisyen New York, tentang isu Palestin dan propaganda Zionis.

Sebaik sahaja tamat pengajian di Columbia, Dato' Dr. Alijah telah mengorak langkah ke Asia Barat, dengan tujuan utamanya untuk membuat tesis tentang masyarakat Kurdish. Namun perjalanannya berakhir di Kaherah, di mana beliau telah ditawarkan biasiswa oleh Kementerian Pendidikan Mesir untuk membuat penyelidikan tentang Mesir di Institute of Higher Arab Studies.

Setahun kemudian, beliau menghadapi cabaran pertama disebabkan kelantangan beliau mempertahankan kebenaran. Dato' Dr. Alijah terpaksa meninggalkan Mesir dan memulakan penghidupan di

Lebanon. Pada tahun 1956, beliau menjadi wartawan dengan sebuah penerbitan Jerman, *Ost-Korrespondenz*, dan membuat laporan tentang pergolakan di Asia Barat dari Lebanon. Semasa menjalankan tugas di Bombay untuk membuat liputan di Persidangan Sosialis Asia, Israel telah menyerang Mesir dan laluan penerbangan ke Asia Barat ditutup. Dato' Dr. Alijah kini terdampar di negara asing sekali lagi. Di persidangan ini, beliau telah memperjuangkan isu-isu Arab Palestin dengan lantang di sebalik kemarahan wakil Israel yang hadir. Selepas persidangan tersebut, beliau terus menuju ke New Delhi untuk menghadiri Persidangan Penulis-penulis Asia atas jemputan seorang penulis terkenal, Mulk Raj Anand.

Dari New Delhi, Dato' Dr. Alijah memenuhi jemputan Perdana Menteri Burma untuk datang ke negaranya. Motif utama beliau memenuhi jemputan tersebut ialah Palestin, kerana U Nu, Perdana Menteri Burma ketika itu, merupakan satu-satunya pemimpin negara asing yang telah melawat Israel dan kerana Burma merupakan negara Asia yang pertama mengiktiraf kewujudan negara Israel pada tahun 1949.

Dari Burma, perjalanan Dato' Dr. Alijah terus ke Malaysia sebelum bertapak di Singapura. Dengan galakan daripada Pendeta Za'ba, beliau telah menubuhkan Malaysian Sociological Research Institute (MSRI) pada tahun 1959 dengan Pendeta Za'ba sebagai Pengerusi dan Tunku Abdul Rahman sebagai Penaung. Beliau telah dilantik Bendahari dan penyelidik untuk projek Islam in Malaya. Beliau juga merupakan Pengasas Yayasan Rakyat di Singapura, yang bertanggungjawab memberikan sokongan awal kepada kanak-kanak Melayu dari segi pendidikan pada sekitar tahun 1960-an yang purata kadar celik huruf ketika itu mencapai tahap 65%.

Dalam tahun 1970, Dato' Dr. Alijah telah diusir keluar dari Singapura kerana tulisan-tulisannya yang keras mengkritik kerajaan Singapura dalam banyak isu kemasyarakatan. Beliau masuk ke Malaysia dan bersama-sama rakan-rakannya berusaha keras membina MSRI sebagai sebuah institusi penyelidikan dan penerbitan.

Antara penerbitan di bawah MSRI ketika itu ialah *Intisari dan Benih*, di samping beberapa buah buku yang disunting oleh Dato' Dr. Alijah sendiri. Buku-buku ini, antara lainnya, ialah *Islam Comes to Malaysia* oleh Dr. S.Q. Fatimi, *Islamic Law in Malaya* oleh Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim (Allahyarham), *Sufism Among the Malays* oleh Prof. Syed Naguib Al-Attas dan *Chinese New Villages in Malaya* oleh Ray Nyce.

Pada tahun 1974, Dato' Dr. Alijah sekali lagi telah diusir, kini dari Malaysia pula, disebabkan kelantangannya mengkritik hubungan kerajaan Malaysia dengan Israel. Sehingga tahun 1982, beliau telah menjadi gelandangan yang mengembara dari sebuah negara ke negara lain sebelum kembali semula ke Malaysia setelah Perdana Menteri Malaysia ketika itu, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad, membatalkan perintah buang negara terhadap dirinya.

Pada tahun 1988, Dato' Dr. Alijah telah menubuhkan Medical Aid for Palestinians (MAP) Malaysia dan menghantar sukarelawan-sukarelawan perubatan Malaysia ke Lebanon sewaktu perang bagi membantu rakyat Palestin yang menjadi pelarian di sana. Berikutan misi ini, Dato' Dr. Alijah telah berjaya memohon persetujuan kerajaan Malaysia untuk menubuhkan Tabung Amanah Untuk Membantu Program-program MSRI; maka lahirlah program MSRI/Sponsorship of Palestinian Children. Dato' Dr. Alijah telah menjadi salah seorang daripada Pemegang Amanah Tabung ini. Di bawah program ini, rakyat Malaysia telah membuat sumbangan tahunan untuk membiayai anak-anak Palestin yang tinggal di khemah-khemah pelarian di Lebanon.

Dato' Dr. Alijah banyak menyumbang kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya, *A Study of the Press Reports Over Six Weeks Prior to the 13th May 1969 Race Riot in Malaya* di Manila, Filipina, pada tahun 1970, sebuah kertas kerja mengenai Patani di Persidangan Minoriti Muslim OIC di Perth, Australia, pada tahun 1984 dan *Rape as Genocide* di Conference Against Torture yang diadakan di Cape Town, Afrika Selatan, pada tahun 1995.

Sekembalinya daripada buangan, Dato' Dr. Alijah yang telah dilantik Pengerusi MSRI telah meneruskan kerja-kerja penerbitan MSRI dan buku-buku yang berikut telah diterbitkan: *Bosnia Testament to War Crimes as Told by Survivors* (1993), *Nine Saints of Java* (1996), *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady* (1999), *Propagation of Islam in the Indonesia-Malay Archipelago* (2001) dan *Palestinians Speak: I Painted the Snow Black ... because we're afraid of the days* (2001).

Beliau juga telah menulis dua buah buku; satu tentang pengalamannya di Mesir yang berjudul *In the Time of the Mishmish: A Painting in Twenty Parts* (2002) dan autobiografinya *On Becoming Alijah – Part 1: From the American Revolutionary War through Burma, March 1957* (2003).

Dato' Dr. Alijah telah memeluk agama Islam pada akhir tahun 1960-an dan beliau pernah berkahwin sebanyak dua kali (yang pertama dengan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Lim Kean Siew) tetapi tidak mempunyai anak.

Pada Jun 2003, Dato' Dr. Alijah akhirnya mencapai impian untuk menjadi rakyat Malaysia secara rasmi. Pada bulan Julai 2003, beliau telah dianugerahi Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N.) oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang yang membawa gelaran 'Dato' '.

Dato' Dr. Alijah telah meninggal dunia pada 18 November 2003 ketika berusia 74 tahun akibat radang paru-paru.

ANIS SABIRIN, DR.



Dr. Anis Sabirin, yang juga dikenali dengan pelbagai nama pena, iaitu 'Nil', 'Nuraini' dan 'A.B.S.', telah dilahirkan pada 1 Mac 1936 di Johor Bahru, Johor. Beliau telah mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu dan sekolah agama di Johor Bahru,

seterusnya melanjutkan pelajaran di Sekolah Perempuan (Inggeris) Sultan Ibrahim, Johor Bahru, Johor. Beliau telah meneruskan pengajian di Universiti Malaya Singapura dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) pada tahun 1959. Beliau telah mendapat tawaran biasiswa Fullbright untuk ke Amerika Syarikat pada tahun 1967 bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Politik dan seterusnya Ijazah Kedoktoran dalam bidang ekonomi pada tahun 1976 di Claremont Graduate School.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Penyelidik di DBP dari tahun 1960 hingga 1967. Antara pengalaman beliau ialah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Istilah Falsafah serta Setiausaha Jawatankuasa Istilah Kesusasteraan dan Setiausaha Jawatankuasa Menyiasat Penyata Pelajaran Razak pada tahun 1959. Beliau juga pernah bertugas di Kedutaan Indonesia, di Pejabat Perdagangan Malaysia di Los Angeles, Amerika Syarikat, Pegawai Pemasaran di Suruhanjaya Per-

dagangan Malaysia di New York, Amerika Syarikat, dan menjadi Pengerusi Eksekutif Azlida Components (M) Sdn. Bhd.

Dr. Anis merupakan antara penulis wanita yang begitu menonjol sekitar tahun 1960-an. Pembabitannya dalam bahasa dan sastera berlaku secara kebetulan kerana ayahnya seorang penerbit buku-buku Melayu. Beliau banyak membaca buku yang sampai kepada ayahnya dan mula menceburkan diri dalam dunia penulisan kreatif sewaktu berada di universiti. Beliau dikenali bukan sahaja kerana karyanya dalam penulisan cerpen dan puisi tetapi juga dalam forum dan ceramah berkaitan dengan wanita. Tulisan-tulisannya termuat dalam akhbar *Berita Minggu* dan majalah *Dewan Bahasa* seperti *Sastera Melayu Menggelongsor ke Daerah Pelacuran*, *Penulis Wanita* dan *The Angry Young Man*. Selain itu, beliau telah dijemput sebagai Karyawan Tamu DBP dari tahun 1994 hingga 1996.

Antara karya Dr. Anis dalam bentuk puisi ialah *Puisi-puisi Nusantara* (antologi bersama) (1981), *Kembang Melati* (antologi puisi) (1982), *Bunga Gerimis* (antologi bersama) (1986) dan *Puisi-rama Merdeka* (1986). Antara cerpennya yang telah disiarkan dalam akhbar pada sekitar tahun 1960-an ialah *Gadis Pejabat* (Utusan Pemuda), *Perempuan* (*Berita Minggu*) dan *Berkunjung ke Tanah Suci* (*Berita Harian*). Himpunan cerpen-cerpennya yang telah diterbitkan ialah *Dari Bayang ke Bayang* (1966), *Angin Retak* (antologi bersama) (1966), *Hawa* (antologi bersama) (1984), *Titisan Indah di Bumi Merkah* (antologi bersama) (1985), *Persona* (1994) dan *Garis Biru* (2002).

Dua buah sajaknya, *Dua Dunia* dan *Tak Dapat Kulupakan* yang tersiar dalam majalah *Dewan Sastera* dan *Dewan Budaya*, telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia bagi tahun 1982/1983.

ANN ABDUL MAJEED, DATUK



Yang Berbahagia Datuk Ann dilahirkan di Kuala Lumpur, pada 20 Mac 1928 dan merupakan anak keempat daripada lapan orang adik-beradik. Pada tahun 1959, beliau telah berkahwin dengan Dato' Dr. Mohd Nordin Keling, seorang doktor veterinar. Mereka dikurniائي dua orang anak, iaitu Dato' Ahmed Ainuddin dan Ain Siti Zareena, serta lima orang cucu.

Pendidikan awal Datuk Ann bermula di Sekolah Perempuan Melayu, Kampung Baru, pada tahun 1933, seterusnya pada tahun 1938 di Sekolah Convent, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua (1942-1945), beliau bersekolah di Sekolah Jepun Bukit Nanas. Beliau telah lulus Sijil Peperiksaan Senior Cambridge pada tahun 1947. Sebagai pelajar, beliau telah aktif dalam aktiviti-aktiviti Pandu Putri, Persatuan Pelajar-pelajar Melayu Negeri Selangor, seterusnya aktiviti-aktiviti ke arah mengasaskan Gabungan Penuntut-penuntut Melayu Semenanjung (GPMS).

Beliau mula berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan sebagai Kadet Pegawai Kebajikan Masyarakat pada tahun 1948, dan terus ditempatkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Johor Bahru, untuk bertugas dalam bidang kebajikan kanak-kanak cacat penglihatan. Pada tahun 1949, beliau telah melanjutkan pelajaran di United

Kingdom, dalam bidang Sains Masyarakat & Pentadbiran Sosial dengan pengkhususan dalam bidang perancangan pemulihan orang-orang cacat.

Sekembalinya ke Johor Bahru, beliau meneruskan tugasnya untuk mengasaskan Sekolah Princess Elizabeth bagi Kanak-kanak Buta. Pada tahun 1954, beliau telah dipinjamkan kepada Persatuan Orang Buta Malaya (MAB) selama setahun untuk berkhidmat sebagai Setia-usaha Agungnya. Sekembalinya ke Jabatan Kebajikan Masyarakat, beliau telah berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Perkhidmatan Pemulihan Orang-orang Cacat. Kemudian beliau dilantik Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan (1959-1968). Setelah itu beliau telah kembali semula ke Kuala Lumpur untuk berkhidmat di Kementerian Kebajikan Masyarakat di mana beliau telah memegang jawatan Penolong Pengarah Perkhidmatan Kanak-kanak & Keluarga, Pengarah Perkhidmatan Latihan, Pengarah Perkhidmatan Pencegahan & Pembangunan, Timbalan Ketua Pengarah I, dan mengakhiri perkhidmatannya dengan kerajaan sebagai wanita pertama menjadi Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

Walaupun sibuk dengan tugas seharian, beliau tidak ketinggalan terlibat dengan pelbagai kegiatan kemasyarakatan. Di peringkat kerajaan, Datuk Ann telah dilantik Pengerusi NACIWID (1983-1988). Dalam tempoh itu beliau telah bertugas sebagai Pengerusi ASEAN Women's Programme peringkat ASEAN (1984-1987), di peringkat negara (1984-1992), Ahli Majlis Penasihat Kebangsaan Melindungi Pengguna (1990-1995), Ahli Lembaga Pengarah LPPKN (1984-1992), Ahli Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-kanak (1993-2000), dan Ahli Lembaga Yayasan Kebajikan Negara (1984-2000).

Beliau juga telah memberi khidmat bakti kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan bertugas sebagai Naib Presiden MKKM (1980-1995), Naib Presiden PPSEAWA Malaysia (1985-1990), Presiden PPSEAWA Malaysia (1990-2000), dan Naib Presiden PPSEAWA Antarabangsa (1994-1997). Beliau telah juga dilantik Ahli

Kehormat oleh Persatuan Orang-orang Cacat Anggota Malaysia (POCAM) dan MAB.

Sebagai penghargaan bagi perkhidmatannya, beliau telah dikurniai pingat British Empire Medal (B.E.M.) sebelum merdeka. Setelah itu, beliau telah dikurniai Pingat Sultan Ibrahim (P.I.S.) oleh DYMM Sultan Johor. Kemudian, beliau memperoleh darjah Kesateria Mangku Negara (K.M.N.), Johan Setia Mahkota (J.S.M.) serta darjah kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N.) yang membawa gelaran 'Datuk' daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

ARIAH TENGGU AHMAD, DATUK



Yang Berbahagia Datuk Aariah, atau nama sebenarnya Irene Daphne Pritchard, berketurunan darah campuran Kadazan-Iban-Cina, telah dilahirkan di Jesselton (kini Kota Kinabalu), pada 6 Februari 1938. Pendidikan awal beliau bermula di St.

Joseph Chinese Primary School di Papar, pada sekitar tahun 1946. Setahun kemudian, beliau memasuki Sekolah Menengah Convent St. Anne, Labuan. Dari tahun 1948 hingga 1954, beliau telah belajar di Sekolah Menengah Convent St. Francis di Jesselton, dan telah mengambil peperiksaan Senior Cambridge pada tahun 1954. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tengku Ahmad Tengku Besar Burhanuddin (Allahyarham) dan mereka telah dikurniائي seorang anak lelaki, Tengku Ahmad Fuad.

Ketika berusia 15 tahun, beliau telah menjadi pelari mewakili sekolahnya ke Kejohanan North Borneo Amateur Athletic Association (NBAA) pada tahun 1953 dan telah mencipta rekod 12.8 saat bagi acara lari berhalangan 80 ela yang belum dipecahkan sehingga kini. Pada tahun seterusnya, beliau telah memenangi pingat emas bagi empat acara perseorangan dalam kejohanan tersebut, iaitu lari 100 ela, lari 220 ela, lompat jauh dan lari berganti-ganti 4x100 ela. Sebagai Kapten Pasukan Wanita Borneo Utara, beliau telah mewakili

Borneo Utara ke Sukan Borneo, Kejohanan Olahraga Malaya dan Kejohanan Olahraga Singapura dalam sekitar tahun 60-an. Beliau juga aktif dalam Pergerakan Pandu Puteri sebagai Ketua Pasukan 3rd Jesselton untuk St. Francis Convent.

Datuk Ariaah ialah salah seorang daripada dua orang rakyat Sabah yang telah mendapat biasiswa Colombo Plan pada tahun 1956 untuk melanjutkan pelajaran ke New Zealand. Tiga tahun kemudian, beliau telah berjaya kembali dengan kelulusan Diploma Pendidikan Jasmani daripada Teachers Training College di Dunedin, New Zealand. Sebelum kembali ke Sabah, beliau telah berkhidmat di Jabatan Pendidikan Remuera di Auckland, New Zealand.

Sekembalinya ke Sabah, beliau telah menjadi guru pakar pendidikan jasmani di Sekolah Menengah Convent St. Francis dari tahun 1959 hingga 1964, dan dalam masa yang sama, beliau menjadi juruhebah sambilan di Radio Sabah, Kota Kinabalu. Selepas itu, beliau dilantik Koresponden Pantai Timur bagi *Sabah Times* (surat khabar tertua di Sabah). Beliau merupakan wanita Sabah yang pertama bekerja sebagai wartawan. Dalam masa yang sama, beliau ialah pemain hoki yang terkemuka di negeri Sabah. Beliau menjadi Setiausaha Kehormat Kelab Hoki Wanita Jesselton. Datuk Ariaah juga ialah Pengasas Persatuan Hoki Wanita Sabah dan telah memegang jawatan Naib Setiausaha pada tahun 1985 dan Setiausaha Kehormat. Pada tahun 1964, beliau telah mengetuai pasukan hoki wanita Sabah ke Kejohanan Hoki Wanita Sabah yang pertama peringkat negeri yang telah diadakan di Tawau, Sabah.

Pada akhir tahun 1950-an dan awal tahun 60-an, beliau telah menjadi Protem Setiausaha Persatuan Guru-guru Jesselton. Dalam sekitar tahun 60-an juga, beliau terlibat aktif dalam Persatuan Bulan Sabit Merah, cawangan Sabah, dan menjadi ahli seumur hidup persatuan tersebut serta telah memegang jawatan Naib Pengerusi pada tahun 1974, dan Ahli Jawatankuasa Kota Kinabalu Jayceetes (kini dikenali Intan Junior Chamber). Datuk Ariaah juga Presiden Protem Persatuan Wanita Sabah (PEWASA) dari tahun 1976 hingga

1977 dan Presiden Pengasas Ex-Franciscans' Association (EFA) dari tahun 1978 hingga 1980. Kini beliau ialah salah seorang daripada tiga orang pemegang amanah dalam EFA.

Pembabitan beliau dalam bidang politik sejak tahun 1985 bermula apabila beliau dilantik Ahli Dewan Undangan Negeri dan memegang jawatan Naib Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Ketua Pergerakan Wanita PBS hingga tahun 2000. Beliau telah bertanding dan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Kawang dari tahun 1986 hingga 1994 dan beliau ialah Ketua Bahagian Kawang bagi PBS.

Semasa Sabah diperintah oleh PBS (1986-1994), Datuk Ariaiah telah memegang pelbagai jawatan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah. Beliau menjadi Menteri Perkhidmatan Sosial (1985-1994) dan Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Perkhidmatan Sosial (1993-1994). Dalam tempoh tersebut, beliau telah menjadi Pengerusi PEMADAM Negeri Sabah dan Naib Presiden PEMADAM Kebangsaan (1987-1991) serta Pengerusi Biro Hal Ehwal Sabah & Sarawak di bawah PEMADAM Kebangsaan (1987-1991). Beliau juga menjadi ahli seumur hidup Commonwealth Parliamentary Association (CPA).

Selain itu, dari tahun 1985 hingga 1994, beliau juga ialah Pengerusi Kempen Aktiviti Membaca peringkat negeri Sabah, Pengerusi Jawatankuasa Pemulihan Bencana Alam peringkat negeri dan Pengerusi Majlis Perlindungan Pengguna Negeri Sabah. Di bawah pimpinannya, Kementerian Perkhidmatan Sosial telah memajukan bidang perpustakaan di negeri Sabah dengan membina tiga buah perpustakaan wilayah, dua buah perpustakaan cawangan di bawah Perpustakaan Negeri Sabah dan beberapa buah perpustakaan desa selain perpustakaan bergerak. Pada tahun 1986, Datuk Ariaiah telah melancarkan Sabah Women Action-Resource Group (SAWO) dan menjadi Penasihat pertubuhan tersebut sehingga tahun 1994. Beliau pernah dilantik Penaung Inner Wheel Club of Kota Kinabalu. Pada tahun 1988, beliau telah memainkan peranan penting dalam

menubuhkan Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) yang berfungsi sebagai badan penasihat kepada kerajaan negeri dan *think tank* serta penjana pembangunan Negeri Sabah. Majlis ini diletakkan di bawah naungan Jabatan Ketua Menteri (JKM). Beliau menyokong penubuhan Persatuan Kebajikan Balu-balu Kota Kinabalu pada tahun 1992 dengan memberi peruntukan daripada kementeriannya.

Bagi menghargai jasa-jasa yang telah disumbangkannya, beliau telah dikurniai bintang Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (P.G.D.K.) oleh Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 1987 yang membawa gelaran 'Datuk'. Seterusnya, beliau dianugerahi pingat Jaksa Pendamai (J.P.) juga oleh Kerajaan Negeri pada tahun 1993 dan merupakan wanita pertama yang diberikan pingat tersebut. Beliau juga telah mendapat anugerah Tokoh Sukan Negeri Sabah dan telah diberikan Sijil Penghargaan oleh Kerajaan Negeri melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pada tahun 2002, beliau telah dianugerahi Tokoh Wanita Negeri Sabah bersempena sambutan Hari Wanita peringkat negeri Sabah.

ASIAH ABU SAMAH, DATO' (DR.)



Yang Berbahagia Dato' (Dr.) Asiah telah dilahirkan di Parit, Perak, pada 1 Mac 1937 dan merupakan anak perempuan tunggal dan yang bongsu daripada lima adik-beradik. Bapanya, Encik Abu Samah Ismail ialah seorang guru lulusan Maktab Matang

dan pernah menjadi Guru Kumpulan dan kemudiannya Guru Pelawat. Beliau telah belajar di Sekolah Rendah Kebangsaan Penaga, Kuala Kangsar, dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Clifford, Kuala Kangsar, hingga tahun 1948. Selepas itu, beliau telah menuntut di Treacher Methodist Girls' School dari tahun 1949 di Taiping, dan lulus Senior Cambridge dalam tahun 1954. Beliau meneruskan pelajaran ke Tingkatan Enam di King Edward VII School, Taiping, dari tahun 1955 hingga 1956.

Beliau berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) daripada Universiti Malaya, Singapura, pada tahun 1960 dan Diploma Pendidikan daripada universiti yang sama pada tahun 1961. Dalam tahun 1963, beliau telah meneruskan pengajian di School of Oriental and African Studies, University of London, dengan kelulusan Post-graduate Diploma in General Linguistics. Pada tahun 1978, beliau telah mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang pendidikan daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur, dan telah menulis tesis yang bertajuk *A Study of Some Sociological Factors Affecting Language Development of Primary School Children*.

Kerjaya beliau sebagai guru siswazah bermula di Sekolah Menengah Westland, Pulau Pinang, dari tahun 1961 hingga 1962. Seterusnya beliau mengajar pula di Sekolah Menengah Penang Free School, Pulau Pinang. Bermula pada bulan Ogos 1965 hingga November 1966, beliau telah ditukarkan ke Maktab Perguruan Bahasa di Kuala Lumpur, dan telah bertugas sebagai pensyarah. Dari bulan Disember 1966 hingga bulan September 1970, beliau menjadi Pengerua Kolej Tunku Kurshiah, Seremban, Negeri Sembilan. Kemudian, beliau telah dinaikkan pangkat dan berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Latihan Guru di Kementerian Pelajaran sehingga Disember 1973. Selepas itu, beliau bertugas sebagai Ketua Pegawai Penilai, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan di Kementerian Pelajaran. Pada tahun 1974, beliau menjadi Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia sehingga tahun 1987. Mulai November 1987 hingga Januari 1990, beliau telah dilantik Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan. Pada tahun 1990, beliau telah berkhidmat beberapa bulan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II, Kementerian Pendidikan. Beliau diangkat sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia pada 27 November 1991 hingga beliau bersara pada Februari 1993. Jawatan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia adalah satu-satunya jawatan yang sebelum ini belum pernah disandang oleh seorang wanita.

Sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, beliau menjadi Pengerusi beberapa jawatankuasa penting mengenai pendidikan di Kementerian Pendidikan, antaranya Jawatankuasa Pusat Kurikulum, Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan Program Bahasa Inggeris dan Jawatankuasa Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah. Beliau juga dilantik mempengerusikan Majlis Buku Kebangsaan mulai Ogos 1991, dan menjadi wakil Kementerian Pendidikan dalam majlis universiti-universiti tempatan seperti UTM dan USM. Di peringkat antarabangsa pula, beliau dilantik Ahli Lembaga dalam Regional Language Centre (RELC) Governing Board, Regional Centre for Innovation and Technology (INNOTECH) Governing

Board dan Regional Institute of Higher Education and Development (RIHED) Governing Board. Beliau juga pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu yang mewakili Malaysia di Majlis Bahasa Melayu-Indonesia (MBIM) dan wakil Malaysia dalam International Bureau of Education (IBE).

Walaupun sibuk dengan tugas harian, Dato' Asiah tidak ketinggalan untuk melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan kebajikan dan sukarela. Antara pertubuhan-pertubuhan yang dianggotai oleh beliau ialah Persatuan Bulan Sabit Merah Negeri Sembilan sebagai Ahli Jawatankuasa dari tahun 1969 hingga 1970 dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Siswazah Universiti Malaya Negeri Sembilan sesi 1969/70. Dalam tahun 1974, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia dan pada tahun 1976, beliau menjadi wakil Kementerian Pelajaran ke NACIWID. Semenjak tahun 1977, beliau ialah Ahli Jawatankuasa Pengelola Pustaka Bimbingan Kanak-kanak Kuala Lumpur dan Penasihat Majlis Guru Besar Sekolah-sekolah Rendah Wilayah Persekutuan.

Dato' Asiah telah beberapa kali diundang ke persidangan-persidangan mengenai pelajaran dan pendidikan di dalam dan di luar negara. Antaranya, UNESCO Regional Seminar on Intercultural Education yang diadakan di Adelaide, Australia, dalam tahun 1974, UNESCO Workshop on Curriculum for Development di Manila, dalam tahun 1975 dan African Regional Seminar in Systematic Curriculum Development and Evaluation di Accra, Ghana, dalam tahun 1975. Beliau juga telah menghadiri Meeting of Experts on Methodology of Curriculum Reform di Paris, pada tahun 1976 dan mengikuti Regional Workshop on Primary Education di Islamabad, Pakistan, pada tahun 1986, Third Tun Abdul Razak Conference di Athens, Ohio, Amerika Syarikat, pada tahun 1989, Regional Seminar on Language Acquisition RELC di Singapura, pada tahun 1991, Council of International Bureau of Education Meeting IBE di Geneva, Switzerland, pada tahun 1992 dan 37th Session of the

International Bureau of Education Meeting juga di Geneva, Switzerland, pada tahun 1993.

Beliau juga turut menghasilkan beberapa kertas kerja dan penerbitan. Antaranya, **Kursus Bahasa Kebangsaan** bersama Abdul Razak Nordin dan Zainul Arifin (1962), *Curriculum Development in Malaysia – Context, Approach and Concerns* (1979), *Peranan Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi dalam Perkembangan Sastera Kebangsaan* (1982), *Falsafah Pendidikan Untuk Wanita di Peringkat Universiti dalam Konteks Pembangunan Negara* (1983) dan *Language Education Policy Concern for Unity, Reality and Rationality* (1989).

Selepas bersara dari tugasnya sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, beliau dilantik Penasihat Korporat Pendidikan bagi Land & General Berhad dari tahun 1993 hingga 1999. Mulai 1 April 1999, beliau menjadi Ahli Lembaga Pengarah Lang Education Sdn.Bhd. dan Ahli Lembaga Pengarah L & G Twintech Sdn.Bhd. Kini, beliau juga adalah Ahli Majlis Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), *Distinguished ISIS Fellow* di Institut Pengajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, Pengerusi Lembaga Pengurus International Institute of Educational Planning (IIEP) UNESCO di Paris, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Budi Penyayang Malaysia dan ahli SUHAKAM.

Bagi mengenang jasa-jasanya dalam bidang pendidikan, beliau telah dianugerahi bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada tahun 1975, bintang Johan Mangku Negara (J.M.N.) pada tahun 1983 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan bintang Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.) pada tahun 1988 oleh DYMM Sultan Perak yang membawa gelaran 'Dato' '. Beliau telah mendapat Pingat Emas Tun Fatimah daripada NCWO pada tahun 1992. Pada tahun 1993, beliau telah dikurniakan Ijazah Doktor Kehormat Sains dalam Sains Sosial oleh University of Southampton/West Sussex Institute of Higher Education. Dalam tahun yang sama juga, beliau telah mendapat Anugerah Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah-Avon.

ASMA ISMAIL, PROFESOR DR.



Profesor Dr. Asma dilahirkan pada 15 Jun 1958 di Jitra, Kedah. Bapanya bekas Ketua Inspektor Kesihatan Pulau Pinang dan ibunya bekas Pembantu Jururawat. Beliau anak sulung daripada tiga orang adik-beradik. Beliau memulakan pendidikan awal di

Sekolah Rendah Sultan Ahmad Tajudin, Jitra, Kedah. Ketika berumur sembilan tahun, keluarganya telah berpindah ke Pulau Pinang dan beliau dibesarkan di sana. Sejak kecil lagi, beliau telah menunjukkan ciri kepimpinan dan telah menjadi Ketua Pelajar serta Ketua Pengawas di Residency Road Girls' School, Pulau Pinang. Pada tahun 1974, beliau telah meneruskan pelajaran ke Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan. Semasa di sana, beliau mula berminat dalam bidang sains biologi.

Setelah mendapat keputusan cemerlang dalam SPM, beliau ditawarkan biasiswa MARA untuk mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda Sains di Amerika Syarikat. Selepas memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Biologi dari University of Nevada, Reno, pada tahun 1980, beliau telah menerima tawaran USM untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan Kedoktoran di bawah Rancangan Latihan Kakitangan Akademik. Pengajian kursus sarjananya ialah di bawah bimbingan Prof. Eugene D. Weinberg,

seorang pakar dalam bidang ferum dan kaitannya dengan infeksi manusia di Indiana University, Bloomington, Amerika Syarikat.

Pencapaiannya yang cemerlang dalam bidang Ijazah Sarjana Mikrobiologi dalam tahun 1983 telah meyakinkan dirinya untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang biologi molekul di peringkat Ph.D. Walaupun berjaya ke University of California, Berkeley, oleh sebab baru mendirikan rumah tangga, beliau memilih untuk bersama suaminya, Prof. Madya Dr. Ahmad Zakaria dan meneruskan Ph.D.-nya di Sekolah Perubatan University of Nevada, Reno, Amerika Syarikat. Pada tahun 1986, kejayaan beliau dalam pengajian molekul membran luar bakteria terbukti kerana hasil penyelidikan tersebut telah membawa kepada penemuan pertama wujudnya *Siderophore* dan peranannya dalam pathogenesis yis, *Candida albicans*.

Sekembalinya ke tanah air pada tahun 1986, Prof. Dr. Asma telah dilantik pensyarah di Jabatan Mikrobiologi dan Parasitologi Perubatan, Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), USM. Minat dan kepakarannya dalam penyelidikan protein membran luar telah mendorongnya mencari jalan penyelesaian untuk mendiagnos penyakit tifoid yang pada masa itu memakan masa dua hingga tujuh hari untuk mendapat keputusan makmal. Ujian serologi pula (ujian Widal) bukan sahaja memakan masa tetapi juga tidak spesifik untuk pendiagnos tifoid.

Dengan penggunaan teknik molekul, beliau telah berusaha untuk mencari protein pada membran luar yang antigenik lagi spesifik terhadap bakteria *Salmonella typhi*, bakteria yang menyebabkan penyakit tifoid. Beliau telah menyertai kumpulan penyelidik bioteknologi perubatan, PPSP, yang diketuai oleh Prof. Ong Kok Hai, Ketua Jabatan pada waktu itu. Pada tahun 1987, setelah dua tahun menjalankan penyelidikan dengan Prof. Ong Kok Hai dan En. Zainoodin Abdul Kader, penemuan protein membran luar 50kDa yang antigenik dan spesifik bagi *Salmonella typhi* telah dihasilkan. Ini merupakan satu penemuan *breakthrough* dalam penyelidikan tifoid.

Kit pertamanya untuk diagnosis segera demam tifoid diberi nama TYPHIDOT. Kit tersebut dapat menghasilkan keputusan dalam masa tiga jam berbanding dengan ujian konvensional melalui kultur yang memakan masa dua hingga tujuh hari.

Pada tahun 1989, Prof. Dr. Asma telah dianugerahi Fellowship oleh Japanese Society for the Promotion of Science sebagai Saintis Pelawat di Jabatan Biokimia, Fakulti Perubatan, University of Tokyo. Pada tahun 1992, beliau telah memenangi British High Commissioner's Fellowship untuk mengkaji aspek penulenan protein serta *protein chemistry* di St. Bartholomews, London. Sekembalinya dari sana, beliau telah dilantik Ketua Jabatan II bagi Jabatan Mikrobiologi dan Parasitologi Perubatan PPSP dan pada tahun 1995, dilantik Timbalan Dekan (Pentadbiran) PPSP sehingga tahun 2000, dan sebagai Timbalan Dekan Penyelidikan PPSP antara tahun 2000 hingga 2001. Pada tahun 2001 sehingga sekarang, beliau telah dilantik Pengarah Pusat Inovasi dan Pembangunan Teknologi Perubatan, USM. Bagi mengiktiraf sumbangan beliau kepada Pusat Penyelidikan dan universiti, beliau telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak tiga kali.

Dalam masa tujuh tahun beliau bertugas sebagai Timbalan Dekan Pentadbiran, beliau telah menghasilkan dua lagi kit bagi peng-diagnosan penyakit tifoid, iaitu TYOHIDOT-M pada tahun 1996 yang mampu mendiagnos penyakit tifoid akut dalam masa tiga jam dan kit TYPHIDOT Rapid pada tahun 1998 yang boleh menghasilkan keputusan dalam masa satu jam.

Prof. Dr. Asma sering dijemput membentangkan kertas kerja, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa, serta berkongsi pengalaman sebagai seorang saintis dan penglibatannya dalam pengkomersilan industri biodiagnostik dan bioteknologi. Setakat ini, beliau telah menerbitkan lebih daripada 90 kertas kerja dan menjadi panel penilai geran IRPA, IGS dan NBD di peringkat nasional serta Pengerusi Skim Geran Nobel Laureate bagi

Perubatan dan Fisiologi, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan.

Antara kertas-kertas kerja beliau yang telah dibentangkan di persidangan-persidangan antarabangsa termasuklah *Effect of Elevated Temperatures and Cations on the Growth, Phenotypic Development and Siderophore Production of Candida Albicans* bersama D.M. Lupan dan G.W. Bedell di Mesyuarat Tahunan American Society of Microbiology di Las Vegas, Nevada, Amerika Syarikat, pada tahun 1985, *Diagnosis of Typhoid Fever – A Clinician's Dilemma* bersama Choo, K.E. dan Ong, K.H. di Persidangan Asia Pasifik Pertama di Kuala Lumpur, pada tahun 1991, *Advances in the Rapid Serodiagnosis of Typhoid Fever* bersama Tuan Ibrahim T.A. di Thai Medical Technologists Association Seminar di Phuket, Thailand, pada tahun 1996, *Characterization and Comparative Analysis of Antigenic Components of the Cell Surface Proteins of Burkholderia Pseudomallei* bersama Zainoodin Abdul Kader dan Aiyer S. di Meliodosis World Congress pada tahun 2001, dan *Development of DNA-based Diagnostics for Infectious Diseases Using Innovative Technologies* di Seminar Bilateral Malaysia-Rusia mengenai Kimia Bioorganik di Shemyakin Institute, Moscow, Russia, pada tahun 2002. Hasil-hasil penulisan Prof. Dr. Asma telah diterbitkan dalam pelbagai jurnal di dalam dan di luar negara. Antara artikel dalam jurnal yang diterbitkan di peringkat antarabangsa ialah *Siderophore Production by Pathogenic Yeast, Candida Albicans* bersama G.W. Bedell dan D.M. Lupan (1985), *Dot Enzyme Immunosorbent assay for the Serodiagnosis of Typhoid Fever* bersama Zainoodin Abdul Kader dan K.H. Ong (1992), dan *Rapid and Reliable Serological Diagnosis of Enteric Fever Comparative Sensitivity and Specificity of Typhidot and Typhidot-M Tests in Febrile Malaysian Children* bersama Choo, K.E, T.M.E. Davies, T.A. Tuan Ibrahim dan W.N.W. Ghazali (1999). Antara artikel dalam jurnal yang telah diterbitkan di dalam negara ialah *Use of Immunodot Blot Test for the Rapid Diagnosis of Typhoid Fever* bersama Zainoodin Abdul Kader (1991), *New Advances in the Diagnosis of Typhoid and Detection of Typhoid Carriers* (2000) dan *Development of the Immuno-*

chromatographic nTest for the Rapid Diagnosis of Typhoid Fever bersama M. Ravichandran, Mohd Zaki Salleh, Aziah Ismail dan Foong Sui Yun (2002).

Selain itu, Prof. Dr. Asma juga menjadi ahli beberapa badan profesional antarabangsa termasuklah American Society of Microbiology, Phi Kappa Phi Honour Society USA, American Society for the Advancement of Science, New York Academy of Sciences dan International Society for Travel Health. Beliau ialah Fellow Attachment bagi Royal Society of London dan ahli Malaysian Society of Infectious Diseases and Chemotherapy, Malaysian Society of Parasitology and Tropical Medicine, Malaysian Society for Molecular and Cellular Biology dan Malaysian Invention and Design Society. Beliau menjadi sidang redaksi *Journal of Bioscience*, *Journal of Tropical Biomedicine* dan *Malaysian Journal of Medical Science*.

Pengiktirafan tertinggi yang pernah diperolehnya ialah apabila beliau dilantik Pakar Perunding WHO bagi penyakit tifoid sejak tahun 2001 dan Perunding WHO bagi vaksinasi sejak tahun 2002. Beliau juga telah menerima lebih daripada 18 hadiah dan pengiktirafan termasuklah Anugerah Saintis Muda Negara yang pertama dalam bidang perubatan pada tahun 1991, Pereka Cipta Wanita Malaysia 1995, Anugerah Tan Sri Fatimah-Avon bagi Wanita Cemerlang Malaysia dalam bidang Sains dan Perubatan 1996, Anugerah Inovasi Cemerlang oleh Persatuan Pereka Cipta Malaysia (MINDS) 1996, Penyelidik Terbaik USM 1999, Wanita Cemerlang Kelantan 2002 dan Anugerah MAMPU bagi Inovasi Penyelidikan Bersama antara sektor awam dengan sektor swasta 2002. Sumbangannya dalam penyelidikan tifoid juga telah diiktiraf oleh Pusat Sains Negara dan beliau kini diletakkan dalam golongan Saintis Wanita – Malaysia Hall of Fame. Atas sumbangan dan peranannya dalam bidang bioteknologi perubatan, USM telah melantik beliau Profesor pada tahun 2001.

ASMAH HAJI OMAR, PROFESOR EMERITUS DATO' DR.



Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah dilahirkan pada 5 Mac 1940 di Jitra, Kedah. Beliau telah berumah tangga dan mempunyai tiga orang anak. Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Rendah di Jitra, dan kemudian di Sekolah Perempuan

Kampung Baru, Alor Setar, (sekarang Sekolah Menengah Perempuan Sultanah Asma) selama dua tahun. Selepas itu, beliau menuntut di Kolej Perempuan Melayu (kini Kolej Tunku Kurshiah) sehingga lulus Senior Cambridge. Beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universitas Indonesia, Jakarta, hingga tahun 1961 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan. Pada tahun 1963, beliau mendapat Ijazah Sarjana dalam Bahasa dan Sastra Indonesia daripada universiti yang sama.

Sekembalinya ke Malaysia, Prof. Dato' Dr. Asmah telah berkhidmat sebagai penolong pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, antara tahun 1963 hingga 1966. Mulai tahun 1966, beliau dinaikkan pangkat sebagai pensyarah di jabatan yang sama sehingga tahun 1972. Beliau telah menyambung kembali pelajarannya ke peringkat kedoktoran dan berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang linguistik pada tahun 1969 daripada University of London.

Prof. Dato' Dr. Asmah dilantik Profesor Linguistik Melayu di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, sejak tahun 1976 sehinggalah beliau bersara pada tahun 1995. Selepas itu, beliau dilantik semula pada tahun 1995 selama tiga tahun dan disambung kontrak lagi dari tahun 1998 hingga 2000. Pada tahun 1998, beliau telah menerima anugerah Doktor Persuratan Linguistik Melayu daripada Universiti Malaya. Dua tahun kemudian, beliau dikurniai anugerah 'Profesor Emeritus' oleh universiti yang sama.

Semasa bertugas di Universiti Malaya, beliau telah memegang beberapa jawatan penting. Dari tahun 1983 hingga 1986, beliau ialah Timbalan Naib Canselor (Perjawatan). Prof. Dato' Dr. Asmah telah dilantik Pengarah Pusat Bahasa sebanyak lima kali sejak tahun 1972 hingga 1995. Beliau juga telah menjadi Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik sebanyak tiga kali dari tahun 1995 hingga 2000.

Antara tahun 2001 hingga 2005, beliau menjadi profesor dan menyandang Kursi Peradaban Melayu Za'ba di UPSI; dalam tempoh yang sama, beliau juga dilantik Pengarah Institut Peradaban Melayu UPSI.

Prof. Dato' Dr. Asmah terkenal dengan penyelidikannya dalam bidang bahasa Melayu, bahasa-bahasa bumiputera Sabah dan Sarawak dan beberapa projek berkaitan bahasa Melayu. Beliau telah menghuraikan sebanyak 25 bahasa yang terdapat di Sabah dan Sarawak seperti yang dinyatakan dalam bukunya, *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages* (1983) dan *The Iban Language of Sarawak: A Grammatical Description* (1981).

Selain itu, Prof. Dato' Dr. Asmah telah menjalankan kajian ke atas bahasa Kentakbong, bahasa orang asli yang dituturkan di Baling, Kedah, dan bahasa Makassar. Beliau juga terlibat dalam Projek Hitung Kata Bahasa Melayu untuk Kementerian Pelajaran dari tahun 1970 hingga 1973 dan Projek Kajian Penggunaan Bahasa Melayu, khususnya mengetuai Bahagian Rekonstruksi Bahasa Melayu dari tahun 1989 hingga 1995. Beliau dilantik Ahli Panel Penasihat bagi

Projek Ensiklopedia Malaysia (Edisi Didier Millet) dari tahun 1995, dan menjadi Ketua Panel Penyelidikan bagi program Jejak Bahasa DBP-TV3 mulai Julai 2000.

Beliau telah menganggotai beberapa jawatankuasa dan persatuan. Sejak tahun 1963, beliau ialah Ahli Jawatankuasa Istilah DBP dan Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia dan menjadi Timbalan Pengerusi Jawatankuasa tersebut dari tahun 1978 hingga sekarang. Sejak tahun 1972, beliau ialah wakil Malaysia dalam Permanent International Committee of Linguistics (CIPL) dan Ahli Majlis Bahasa Indonesia dan Malaysia (MBIM) dan kemudiannya Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia (MABBIM). Prof. Dato' Dr. Asmah juga Ahli Jawatankuasa Penasihat Kamus ANU-DBP dari tahun 1982 hingga 1988, Ahli Jawatankuasa Kata Singkatan Perpustakaan pada tahun 1982, Ahli Jawatankuasa Penggubalan Dasar Komunikasi Kebangsaan Kementerian Penerangan pada tahun 1983, Ahli Jawatankuasa Pemilih Rhodes Scholar, British Council Malaysia dari tahun 1986 hingga 1992 dan Ahli Jawatankuasa Penasihat Muzium Bahasa dan Sastera, DBP sejak tahun 1999.

Prof. Dato' Dr. Asmah ialah Pengasas dan Presiden Persatuan Linguistik Malaysia dari tahun 1977 hingga 1979 dan Pengasas dan Presiden Persatuan Bahasa Moden Malaysia dari tahun 1986 hingga 1994 dan dari tahun 2000 hingga 2004. Di samping itu, beliau dilantik Pengerusi Jawatankuasa Bahasa Malaysia Kod Tangan, Kementerian Pendidikan yang menghasilkan buku *Bahasa Malaysia Kod Tangan untuk Kanak-kanak Pekak* dari tahun 1980 hingga 1986, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Gabungan Sains dan Sains Sosial, DBP sejak tahun 1978 dan Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan Istilah Industri Perkhidmatan Kewangan, DBP. Beliau juga pernah menjadi Ahli Majlis Universiti Malaya dari tahun 1992 hingga 1993, Ahli Lembaga Penasihat Kebangsaan Pusat Pengajian Bahasa dan Komunikasi, UNIMAS selama dua tahun mulai tahun 1998 dan Ahli Panel Penasihat Akademik UiTM dari tahun 2001 hingga 2002.

Selain itu, Prof. Dato' Dr. Asmah turut melibatkan diri dalam pertubuhan akademik antarabangsa. Antaranya, beliau ialah anggota sidang pengarang *International Journal of the Sociology of Language* dari tahun 1994 hingga 1995, anggota sidang pengarang *Teaching Education*, sebuah jurnal antarabangsa yang berpusat di University of Brisbane, Australia, dari tahun 1999 hingga 2001 dan juga berpusat di Stanford, Amerika Syarikat, sejak tahun 2002, anggota sidang pengarang *Intercultural Communication* mulai tahun 2003, anggota sidang pengarang *Language Planning*, sebuah e-journal yang berpusat di Madras, India, Pengulas untuk *International Journal of Multilingual Development* dan Pengulas untuk *Asian Journal of English Language Teaching*.

Beliau juga dilantik perunding beberapa projek. Antaranya, Pengurus Projek-projek Perundangan Fakulti Bahasa dan Linguistik bagi Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) dan Hospital Universiti, Perunding Ejaan Bahasa Iban bagi Kementerian Pendidikan Sarawak pada tahun 1995, Perunding bagi Times-Chambers Essential English Dictionary terbitan Federal Publications and Chambers pada tahun 1995, Perunding bagi Kamus Iban-Inggeris yang disusun oleh Vinson dan Joanne Sutlive pada tahun 1994 dan Perunding Ensiklopedia Bahasa terbitan DBP mulai tahun 2003.

Sumbangan beliau mendapat pengiktirafan antarabangsa dan pernah dijemput menjadi profesor pelawat di beberapa universiti luar negara. Pada tahun 1977, beliau menjadi Pensyarah Jemputan dalam perancangan bahasa di Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Jakarta dan Pensyarah Jemputan dalam perancangan bahasa di Malaysia, di rancangan Summer Institute of Linguistics, University of Hawaii. Dalam tahun 1979, beliau dijemput menjadi Profesor Pelawat di Universiti Qatar, Doha, dan di Center for Southeast Asian Languages and Cultures di Mahidol University, Bangkok. Beliau menjadi Profesor Pelawat Fulbright, Rancangan SEASSI (Southeast Asian Studies Summer Institute) di Northern Illinois University,

pada tahun 1987, Profesor Pelawat di Jabatan Linguistik, Universiti Gothenberg, Sweden, pada tahun 1989 dan Profesor Penyelidik di Nordic Institute of Asian Studies (NIAS), Copenhagen, Denmark, pada tahun 1992.

Prof. Dato' Dr. Asmah telah menghasilkan lebih daripada 40 buah buku akademik mengenai bahasa dan linguistik dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta puluhan makalah dalam jurnal tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, beliau juga telah menghasilkan penterjemahan dari bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris. Terjemahannya yang paling utama ialah buku berjudul *Choose Life (Memilih Kehidupan)* yang ditulis oleh Arnold Tonybee dan Daisaku Ikeda serta *Oxford Advanced Learner's Dictionary* yang disusun oleh Hornby yang diterbitkan oleh Fajar Bakti pada tahun 2000.

Bagi menghargai sumbangannya dalam bidang bahasa, Prof. Dato' Dr. Asmah telah dikurniai beberapa anugerah. Pada tahun 1973, beliau menerima bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Dalam tahun 1979, beliau telah dianugerahi bintang Setia Diraja Kedah (S.D.K.) manakala pada tahun 1983, beliau dikurniai bintang Dato' Setia Diraja Kedah (D.S.D.K.) yang membawa gelaran 'Dato' '. Kedua-dua bintang ini dianugerahi oleh DYMM Sultan Kedah.

Pada tahun 1978, Prof. Dato' Dr. Asmah mendapat anugerah ASANAL (Asian Association on National Languages). Menteri Pelajaran Perancis telah mengurniai beliau *Orde des Palmes Academique* pada tahun 1989. Setahun kemudian, beliau dikurniai anugerah *Grata Home Nagem* oleh Institute Portuguese Do Oriente, Macau. Pada tahun 1993, beliau telah dianugerahi Piagam Penghargaan atas jasanya mengembangkan MABBIM. Dua tahun selepas itu, beliau mendapat Anugerah Avon-Tan Sri Fatimah untuk kategori pendidikan.

Pada tahun 1996, Prof. Dato' Dr. Asmah menerima Anugerah Bahasa Raja Nazrin Shah yang pertama daripada Persatuan Bahasa

Moden. Dalam tahun 1998, beliau dikurniai Anugerah Women of the Year oleh American Biographical Institute. Beliau mendapat anugerah 20th CAA Silver Medal daripada International Biographical Centre pada tahun 1999. Dua tahun kemudian, beliau diangkat Tokoh Ilmuwan Bahasa oleh DBP dan pada tahun 2003, beliau mendapat Anugerah Tokoh MABBIM sempena ulang tahun MABBIM yang ke-30.

ATIKAH HAJI ADOM



Puan Atikah dilahirkan pada 19 Jun 1951 di Johor. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Ismail Yasin dan mereka memperoleh tiga orang anak, iaitu Izreen Fara, Izan Fareeza dan Muhammad Izhar.

Pendidikan awal beliau bermula di Muar, dan seterusnya di Sekolah Tun Fatimah, Johor. Beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dan berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sosiologi dan Antropologi pada tahun 1974.

Kerjaya beliau bermula sebagai Pegawai di Perkhidmatan Awam Negeri Johor. Selepas itu, beliau menjadi Pegawai Pentadbir di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dari tahun 1974 hingga 1975. Beliau telah menyertai Bank Simpanan Nasional (BSN) pada bulan September 1975 dan menjadi pegawai pertama yang memasuki perkhidmatan BSN sejak BSN diambil alih daripada Pejabat Pos. Antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau ialah Setiausaha Lembaga, Pengurus Pentadbiran dan Perjawatan, Pengurus Pembangunan Perniagaan, Pengurus Cawangan Kuala Lumpur, Pengurus Kanan Operasi Bank dan Pemasaran dan Pengurus Kanan Hal Ehwal Awam dan Pemasaran. Jawatan terakhir beliau dengan BSN ialah Pengarah Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat BSN.

Semasa berkhidmat dengan BSN, beliau telah menjadi wanita pertama dilantik sebagai Pengurus Cawangan. Beliau juga pemangkin dan pelopor kepada kursus bersiri 'FEELINGS' untuk kakitangan BSN yang menekankan personaliti yang berketrampilan dan kemampuan untuk berkomunikasi kepada pegawai-pegawai barisan hadapan dan keseluruhan bank yang memerlukan kursus Etika Sosial dan Keterampilan. Puan Atikah turut menduduki kerusi Ahli Lembaga Pengarah dalam anak syarikat BSN, iaitu Permodalan BSN Berhad dan BSN Finance Berhad.

Selain itu, beliau juga turut melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Beliau ialah Timbalan Pengerusi PUSPANITA BSN, Ahli Majlis Tertinggi PUSPANITA Kebangsaan, Ahli Jawatankuasa Bahagian UMNO Ampang Jaya, Ahli Lembaga Persatuan Siswazah Wanita Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Ampang Jaya. Beliau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Publisiti dan Pemasaran di peringkat antarabangsa International Savings Banks Institute. Puan Atikah merupakan antara wanita pertama di Malaysia yang menjadi hos *talk show*, iaitu *Bersama Atikah* di RTM selama tiga tahun dari tahun 1995 hingga 1997. Kini beliau telah bersara daripada BSN untuk melibatkan diri dalam sektor swasta. Antara penglibatan beliau adalah sebagai Pengarah Urusan ATK Communications Sdn. Bhd., Pengarah Hal Ehwal Korporat bagi Syarikat Avon Cosmetics dan Asia Pacific Adviser, Temporal Brand Consulting Sdn. Bhd.

Pada 1995, beliau telah menerima bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

AZAH AZIZ



Nama sebenarnya ialah Sharifah Azah Mohammad Alsagoff, berdarah campuran Melayu, Turki dan Arab dan dilahirkan pada 21 Ogos 1928 di Singapura. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Convent di Johor Bahru dan Sekolah Jepun ketika berlakunya Pe-

rang Dunia Kedua tetapi tidak berpeluang melanjutkan pelajaran disebabkan perang. Beliau telah berkahwin pada usia 17½ tahun dengan Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz dan mereka dikurniائي seorang anak perempuan, Tan Sri Dato' Seri Dr. Zeti Akhtar, kini Gabenor Bank Negara.

Dari tahun 1949 hingga 1951, Puan Azah bekerja dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor Bahru. Selepas itu, beliau bertugas sebagai setiausaha di Jabatan Pengajian Sosial, Universiti Malaya, Singapura. Kemudian beliau menjadi setiausaha kepada Pendeta Za'ba di Jabatan Pengajian Melayu di universiti yang sama. Sejak tahun 1957, selama 16 tahun, beliau bertanggungjawab mewujudkan dan mengisi ruangan wanita dan menjadi Pengarangnya dalam akhbar *Berita Harian*. Pada tahun 1973 hingga 1978, beliau menjadi Editor Bahagian Rencana Kumpulan akhbar kebangsaan, *Utusan Malaysia/Utusan Melayu* dan juga menjadi Konsultan Majalah *Wanita*. Puan Azah juga ialah Pengasas Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAMA) dan University Women's Association. Beliau

menjadi Presiden PERTAMA yang pertama dari tahun 1971 hingga 1978 dan kini ialah Penasihat PERTAMA.

Puan Azah boleh dianggap antara wanita terawal di negara ini yang memperjuangkan nasib dan hak wanita dengan pertubuhan wanita lain, seperti hak mendapat gaji yang sama bagi kerja yang sama, cukai berasingan bagi isteri-isteri bekerja serta pindaan undang-undang perkahwinan orang bukan Islam dan keluarga Islam. Beliau juga antara Pengasas PERTIWI (Pertubuhan Tindakan Wanita Islam) yang cergas membela nasib wanita dan kanak-kanak.

Hobinya yang suka mengumpulkan tekstil tradisional, perhiasan, pakaian tradisional dan kraftangan tradisional Melayu menjadikan beliau tempat rujukan mengenai kebudayaan Melayu. Beliau sering membuat kajian dan diundang untuk menyampaikan ceramah tentang pelbagai aspek kebudayaan Melayu. Sejak tahun 1950-an, beliau giat mengembangkan dan memperkenalkan kebudayaan dan kesenian Melayu melalui ceramah dan penulisan. Beliau pernah menjadi Pengarah Pakaian drama tari *Busaneka* pada Festival Kesenian Universiti-universiti ASEAN. Puan Azah juga orang pertama yang memperkenalkan Haiku (puisi pendek bahasa Jepun) kepada masyarakat Malaysia.

Beliau menganggotai pelbagai organisasi. Antaranya, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Abdul Razak sejak tahun 1977, Ahli Lembaga FINAS dari tahun 1981 hingga 1984, Ahli Majlis Penasihat Kebudayaan Kebangsaan (telah dibubarkan) dari tahun 1978 hingga 1983 dan dari tahun 1987 hingga 1990, Ahli Lembaga Penasihat KARYANEKA dari tahun 1987 sehingga dibubarkan, Ahli Lembaga Pembangunan Kraftangan Malaysia dan Ahli Tribunal Hak Cipta dari tahun 1987 hingga 1989.

Puan Azah telah menghasilkan beberapa penulisan untuk kanak-kanak, iaitu, *Adik Sayang*, antologi pantun kanak-kanak (1971), *Puisi Kanak-kanak*, antologi sajak moden untuk kanak-kanak (1967), *Pantun Kanak-kanak*, antologi enam jilid pantun Melayu

tradisional untuk kanak-kanak dan **Dendang dan Dondang Kanak-kanak**, lagu-lagu tradisional untuk kanak-kanak yang ditulis bersama Dr. Ariff Ahmad (1990). Selain itu, beliau juga telah menulis dua buah buku lagi bertajuk, **Di Taman Seni**, buku mengenai kraftangan Melayu sebagai pengenalan kepada kanak-kanak (1987) dan **Marilah Bermain** mengenai permainan tradisional (1993). Beliau juga menghasilkan buku **Selayang Kenangan**, himpunan esei dan penulisan lain tentang hal wanita, pakaian tradisional dan kraftangan (1990). Beliau antara wanita pertama di Malaysia yang menerbitkan buku pantun dan lagu kanak-kanak melalui syarikatnya sendiri, 'Akaz'.

Puan Azah pernah menyertai pelbagai persidangan dan seminar seperti Persidangan Penulis Wanita Asia-Pasifik di East West Centre, Honolulu, Hawaii, pada tahun 1967, Simposium Wanita Afro-Asia di Iskandariah, sempena Tahun Wanita Antarabangsa pada tahun 1975 dan program-program lain berkaitan kewartawanan, kraftangan, tekstil dan kesusasteraan kanak-kanak.

Kini beliau ialah Ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara dan Ahli Lembaga Penasihat The Encyclopaedia of Malaysia.

AZANIN DATO' AHMAD, DATIN



Yang Berbahagia Datin Azanin telah dilahirkan dan dibesarkan di Perak. Beliau telah menerima asuhan daripada nenda dan moyangnya dalam bidang tarian tradisional. Selepas memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi

daripada Universiti Monash, Australia, beliau kembali ke Malaysia dalam tahun 1970-an untuk mendalami warisan kebudayaan agar dapat dijaga dan dipertahankan. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Profesor Dato' Dr. Shaharil Talib.

Suasana Cultural Centre telah ditubuhkan pada tahun 1980 oleh Datin Azanin bagi memelihara seni pentas termasuklah dari segi latihan, pendidikan, persembahan tarian teater, kajian dan dokumentasi. Beliau berjaya menghidupkan kembali seni yang hampir luput seperti persembahan Makyong, *Shadow Puppet Theatre*, silat, Tarian Istana Diraja, muzik klasik dan sebagainya.

Beliau telah membuat persembahan tarian di merata-rata tempat sama ada dalam atau luar negara. Pada tahun 1978, beliau telah membuat persembahan drama tari yang pertama bertajuk *Dayang Sari* di Universiti Malaya. Dua tahun kemudian, *Jentayu* telah dipersembahkan di Berlin Barat dan London, manakala pertunjukan *Puteri Saadong* telah ditayangkan di televisyen pada tahun 1983.

Persembahan tarian *Seri Rama-Sita Dewi* telah diadakan di Jepun, pada tahun 1990 di beberapa tempat seperti Tokyo, Hiroshima, Kita Kyushu, Gifu dan Osaka.

Pada tahun 1992, Datin Azanin telah menghasilkan dua buah persembahan, iaitu *Keris*, sebuah persembahan yang mentafsirkan personaliti kebudayaan Melayu sebagai sebahagian daripada kebudayaan masyarakat Asia Tenggara, yang diadakan di hadapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dan *Kunang-kunang Gunung Ledang* yang dipersembahkan semasa Malam Amal. Beliau telah mendapat jemputan daripada Duta Sepanyol untuk mengadakan persembahan *Kunang-kunang Gunung Ledang* di sana pada bulan April 1994. Persembahan drama tari ini telah diadakan di tujuh tempat di Sepanyol dan mendapat liputan televisyen Sepanyol. Drama tari *An Evening with the Royal Courts-Putri Saadong and Sita Dewi* telah dipersembahkan di hadapan Permaisuri Monineath Sihanouk di Palais du Government Wat Phnom, Phnom Penh, Cambodia, pada tahun 1995. Tahun berikutnya, Datin Azanin telah menghasilkan *Tun Fatimah* yang telah dipentaskan di hadapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dan seterusnya ditayangkan oleh ASTRO pada tahun 1998 sempena sambutan Hari Kebangsaan. Persembahan ini juga turut diadakan semasa sambutan Hari Wanita pada tahun 1999 dan menjadi antara program yang ditayangkan sempena sambutan Hari Kebangsaan pada tahun itu.

Buat pertama kalinya, sebuah persembahan istimewa berjudul *And the Music Dances* telah diadakan oleh Datin Azanin dan kumpulan penarinya di World of Music, Arts and Dance Festival di Gran Canarias, Sepanyol.

Atas sumbangan Datin Azanin yang begitu bernilai dalam memelihara kebudayaan seni tari Melayu, beliau telah memperoleh beberapa anugerah. Pada tahun 1992, beliau menerima bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan bintang Seri Mahkota Kelantan (S.M.K.)

daripada DYMM Sultan Kelantan. Bagi mengiktiraf jasanya kepada negara dan masyarakat, beliau dianugerahi Anugerah Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah-Avon dalam tahun yang sama. Pada tahun 1993, beliau mendapat darjah Ahli Mahkota Perak (A.M.P.) daripada DYMM Sultan Perak.

AZIZAH JA'AFAR, IBU (ALLAHYARHAM)



Ibu Azizah Ja'afar lahir pada bulan Jun 1899. Ayahnya ialah Dato' Ja'afar Muhammad, Menteri Besar Johor yang pertama dalam zaman pemerintahan Almarhum Sultan Abu Bakar. Antara adik-beradiknya ialah Dato' Onn Ja'afar (abang), Pengasas UMNO.

Ibu Azizah telah berkahwin dengan Syed Mohammad Alsagoff dan dikurniai dua orang cahaya mata, iaitu Syed Omar dan Sharifah Azah atau dikenali dengan panggilan 'Azah Aziz'.

Beliau memperoleh pendidikan di rumah. Ayahnya menyediakan guru untuk mengajar anak perempuannya di rumah. Seorang ulama dibawa dari Singapura untuk pengajian agama dan seorang wanita Inggeris untuk mengajar bahasa Inggeris. Guru dari Singapura turut disediakan.

Ibu Azizah berasal daripada keluarga bangsawan Johor, bercita tinggi serta gigih menyalurkan pengetahuan kepada kaum wanita mengenai pelajaran yang sesuai untuk para gadis. Falsafah Ibu Azizah ialah ibu-ibu yang berpelajaran dapat membantu negara dari segi politik, ekonomi dan pendidikan. Kerajaan Johor telah melantik beliau Penyelia Masakan dan Jahitan Sekolah-sekolah Melayu Negeri Johor pada tahun 1938.

Ibu Azizah merupakan orang pertama yang memegang jawatan tersebut di samping menjadi guru masakan dan jahitan di sekolah-sekolah dalam daerah Muar, Batu Pahat dan Johor Bahru. Sebagai Penyelia, beliau mula mengajar kursus ini di Sekolah Perempuan Ngee Heng, Johor Bahru.

Pada tahun 1942, Ibu Azizah telah mencadangkan kepada Pegawai Pelajaran Negeri Johor (yang di bawah pemerintahan Jepun), Tuan Sato, agar dibuka sebuah Sekolah Tadbir Rumah Tangga yang berasingan daripada sekolah-sekolah lain. Cadangan beliau disetujui dan bangunan Palmer dan Turner di Jalan Gertak Merah, Johor Bahru, telah dijadikan sekolah tersebut.

Selepas pemerintahan Jepun pada tahun 1945, beliau menyambungkan semula Sekolah Tadbir Rumah Tangga yang tergendala itu di sebuah bangunan baharu di Jalan Air Molek, Johor Bahru. Oleh sebab sambutan yang menggalakkan daripada murid-murid, beliau telah diberikan sebuah sekolah lengkap dengan asrama. Kumpulan pertama sekolah asrama ini terdiri daripada 30 orang pelajar perempuan dari sekitar negeri Johor.

Selepas bersara daripada jawatan Penyelia Sekolah Tadbir Rumah Tangga dalam tahun 1958, Ibu Azizah telah dilantik Pengetua Taman Asuhan RIDA (sekarang Taman Latihan Wanita) yang baru dibuka di Jalan Syed Putra, Kuala Lumpur. Beliau tamat berkhidmat daripada jawatan tersebut pada tahun 1971.

Selain itu, Ibu Azizah turut bergiat dalam bidang penulisan dengan menggunakan nama samaran 'Derma Negara' dalam akhbar *Berita Harian*. Tujuan penulisan beliau adalah untuk menyedarkan kaum ibu di kampung-kampung tentang pentingnya zat makanan bagi menjamin kesihatan kanak-kanak dan generasi akan datang. Beliau juga mengelolakan sebuah ruangan dalam majalah *WANITA*, keluaran Kumpulan Akhbar Utusan, berjudul *Rumah & Keluarga*.

Bagi mengenang jasa-jasa dan khidmat beliau, Ibu Azizah telah dianugerahi Bintang Berjasa oleh Kerajaan Negeri Johor dalam tahun

1957. Sekolah Tadbir Rumah Tangga yang dimulakan oleh beliau telah ditukar nama menjadi Sekolah Tadbir Rumah Tangga Azizah, Johor Bahru. Pada 1 Julai 1971, sekolah itu telah dijadikan Sekolah Menengah Vokasional Azizah, Johor Bahru. Ibu Azizah telah dikurniai bintang Ahli Manguku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai penghormatan atas segala khidmat beliau terhadap pendidikan gadis-gadis Melayu.

Beliau telah kembali ke rahmatullah pada tahun 1974.

AZIZAN BAHARUDDIN, PROFESOR DR.



Profesor Dr. Azizan telah dilahirkan pada 22 Februari 1955 di Kuala Lumpur. Beliau sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak. Beliau telah mendapat pendidikan di Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan, sehingga tahun 1972 sebelum menerima Biasis-

wa Colombo Plan untuk mengikuti kursus Sarjana Muda Sains dalam bidang biologi di Universiti Tasmania, Australia, dari tahun 1974 hingga 1978. Selepas itu, beliau telah melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dalam bidang falsafah sains di University College London, pada tahun 1979 dan menerima Ijazah Kedoktoran dalam bidang falsafah sains di Universiti Lancaster (pengkhususan sains dan agama) pada tahun 1989.

Prof. Dr. Azizan mempunyai kepakaran dalam bidang falsafah sains dan sering memberi kursus, menyelidik dan menerbitkan penulisan dalam bidang sains dan agama, sains dan masyarakat, etika alam sekitar, pembangunan serta dialog dan pengajian peradaban.

Beliau telah memulakan kerjaya sebagai tutor di Universiti Malaya pada tahun 1978 dan telah dinaikkan pangkat sebagai pensyarah pada tahun 1979. Beliau dilantik Profesor Madya pada tahun 1994 dan menjadi Profesor pada tahun 2001. Prof. Dr. Azizan telah diberi kepercayaan untuk memegang jawatan pentadbir, iaitu

sebagai Timbalan Pengarah di Akademi Pengajian Melayu, Bahagian Sains dari tahun 1994 hingga 1995 dan dilantik Pengarah Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, mulai tahun 2000 sehingga sekarang.

Di samping itu, Prof. Azizan juga menganggotai beberapa badan profesional antarabangsa dan kini merupakan *Regional Representative* bagi World Federation of Future Studies yang beribu pejabat di Houston, Texas, Amerika Syarikat. Beliau telah dilantik ahli UNDP Resource Group of Women Scientists and Technologies for the Promotion of Sustainable Development sejak tahun 1997, ahli NACIWID sejak tahun 1997, Ahli International Association of Bioethics sejak tahun 1996, Ahli Majlis Eksekutif World Future Studies Federation sejak tahun 1995 dan Ahli Portfolio Concerning the Environment, ANGKASA (1994-1996). Beliau juga Ahli Panel Penasihat Malaysian Institute for Development Strategies (MINDS) (1996-1999), Ahli Steering Committee Institute of Philosophy and the Future Humanity (1991-1994), Ahli Jawatankuasa Penyediaan Model bagi program-kursus Pensensitifan Gender HAWA-INTAN (1995-1999), Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Peneroka Malaysia, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (1997-2004), ahli yang dilantik oleh HAWA dalam Working Group Preparing the National Report on CEDAW (1997-2000), Ahli Steering Committee KEMAS-Nury Programme, Section on Social Development di Kementerian Pembangunan Luar Bandar (1998-1999) dan Ahli Panel Penasihat Foundation for Women's Development sejak tahun 1999. Beliau juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Latihan Pergerakan Puteri Islam Malaysia (1996-1999), Ahli Commission for Science and Technology NCWO (1995-1999), Ahli Akademi Sains Islam sejak tahun 1990 dan ahli seumur hidup Old Girls Association Tunku Kurshiah College.

Dalam bidang penyelidikan, beliau pernah mendapat biayaan Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains dan Teknologi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita dan

Keluarga, UNESCO, International Development Research Centre (IDRC) Canada dan Centre for Theology and Natural Sciences, Chicago, Amerika Syarikat. Beliau juga sering diundang menjadi pakar rujuk dan penasihat kepada Pusat Sains Negara, Jabatan Alam Sekitar, YADIM dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Sehingga kini Prof. Dr. Azizan telah menerbitkan lebih daripada 100 artikel dan kira-kira 20 buah buku dan monograf. Sejak tahun 1993, beliau telah dijemput ke rancangan-rancangan televisyen dan radio seperti *Vision of Al-Quran* (TV2), *Selamat Pagi Malaysia* (TV1), *Forum Perdana Hal Ehwal Islam* (TV1), *Pedoman* (TV2), *Face to Face* (TV3), *Malaysia Hari Ini* (TV3) dan *Al-Kulliyah* (TV3)

Selain itu, Prof. Dr. Azizan pernah menjadi pensyarah tamu di UNIMAS, UiTM, UUM dan USM. Sejak tahun 1980 hingga sekarang, beliau telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja dalam bidang-bidang yang merangkumi sains dan agama, alam sekitar, dialog peradaban, belia, wanita, pembangunan serta kajian masa hadapan di pelbagai persidangan antarabangsa seperti di Singapura, Indonesia, India, Brunei, Thailand, Australia, Canada, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Beliau juga pernah mewakili Malaysia ke Peace Summit of World Spiritual Leaders di New York, anjuran PBB pada tahun 2000, menjadi editor *Jurnal Dasar*, *Jurnal Institut Pembangunan Sosial*, *Jurnal Strategi* yang diterbitkan oleh Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Universiti Malaya dan *Jurnal Pusat Dialog Peradabari*.

BHAR, RHINA, DATO'



Yang Berbahagia Dato' Rhina Bhar telah dilahirkan pada 4 November 1949 di Perlis. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Eugene Joseph Amato dan mereka mempunyai seorang anak perempuan, Dr. Justine Bhar Amato.

Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Convent Pulau Tikus dari darjah satu hingga tingkatan lima. Selepas itu, beliau telah menyambung pengajian tingkatan enam di Francis College dan London Tutorial College. Beliau memperoleh Diploma dalam Hubungan Antarabangsa dari University College London pada tahun 1972. Pada tahun 1975, beliau mendapat kelulusan Barrister-at-law daripada Grays Inn, London.

Selain kerjayanya sebagai peguam, beliau pernah dilantik Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang selama enam tahun. Dato' Rhina Bhar turut memberi sumbangan kepada masyarakat dengan melibatkan diri dalam beberapa kegiatan kebajikan. Beliau menjadi Penasihat Undang-undang kepada beberapa organisasi, iaitu Pusat Spastik Pulau Pinang selama lima tahun, Women's Centre for Change serta kuil-kuil India dan Cina. Beliau juga memberikan nasihat undang-undang percuma di Pusat Perkhidmatan Kebun Bunga. Di samping itu, beliau ialah Presiden Persatuan Gerakan

Wanita Malaysia dan pernah dilantik Ahli Lembaga Pengarah PBA Pulau Pinang selama setahun.

Dato' Rhina Bhar juga membabitkan diri dalam kegiatan politik. Beliau ialah Pengerusi Kebangsaan Bahagian Wanita Parti Gerakan Malaysia (GERAKAN) dan Timbalan Presiden Kebangsaan Parti GERAKAN.

Beliau telah dikurniai Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) pada tahun 1984 dan bintang Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) yang membawa gelaran 'Dato' ' pada tahun 2002 oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang.

BHUPALAN, F.R.



Puan F.R. Bhupalan, atau nama sebenarnya Rasammah Naomi Navarednam, merupakan anak bongsu kepada Mr. dan Mrs. P.E. Navarednam dan telah dilahirkan di Ipoh, Perak, pada 1 Mei 1927. Pada bulan Januari 1952, beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Dr. F.R. Bhupalan (anak Malaysia pertama yang menjadi pakar bius) dan mereka telah dikurniakan tiga orang anak, iaitu Puan Subhashini Ann Cooksley, seorang peguam di England, Dr. Nazri Bhupalan, pakar bius dan Dr. Anand Jonathan Bhupalan, bekas pensyarah di Fakulti Perubatan UKM dan kini Konsultan Gastro-Enterologi di Hospital Gleneagles.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Anglo Chinese Girls' School, Ipoh, dan kemudiannya telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya Singapura dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) pada tahun 1955. Semasa mudanya, beliau telah menganggotai Regimen Jhasni Rani, Angkatan Tentera India dan telah berkhidmat di Burma, ketika Perang Dunia Kedua, untuk memperjuangkan kemerdekaan dan membebaskan India daripada penjajahan British.

Kerjaya beliau sebagai guru bermula pada Jun 1955 apabila beliau mengajar di Methodist Girls' School, Pulau Pinang. Selepas itu, beliau telah berkhidmat di Sekolah St. Mark's, Butterworth,

Anglo Chinese Girls' School, Ipoh, Sekolah Tinggi Melaka dan Methodist Boys' School, Kuala Lumpur. Mulai bulan Februari 1965 hingga bulan Mei 1982, beliau telah menjadi Pengetua Sekolah Menengah Perempuan Methodist Klang dan kemudiannya Sekolah Menengah Perempuan Methodist Kuala Lumpur.

Puan F.R. Bhupalan telah bergiat aktif dalam pelbagai persatuan. Beliau ialah Pengasas dan Presiden Kesatuan Guru-guru Wanita, ahli National Joint Council for Teachers dan Ahli Lembaga Kumpulan Simpanan Wang Guru-guru. Dari tahun 1961 hingga 1970, Puan F.R. Bhupalan dilantik Setiausaha Agung Kehormat Kongres Guru-guru Kebangsaan. Beliau juga pernah berkhidmat dalam Jawatankuasa Kabinet bagi Semakan Semula Pendidikan dan beberapa jawatankuasa penasihat bagi Kementerian Pendidikan seperti Jawatankuasa Pendidikan Moral (1978-1981), Jawatankuasa Penasihat Pendidikan Moral (1983) dan Jawatankuasa Penasihat Kebangsaan mengenai Budaya di Sekolah-sekolah (1984). Sejak tahun 1965 hingga 1990, beliau menjadi Naib Presiden Pergerakan Pandu Puteri Selangor. Dari tahun 1966 hingga 1985, beliau ialah Ahli Jawatankuasa Eksekutif Pergerakan Pandu Puteri Malaysia.

Selain itu, beliau juga pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Eksekutif Kebangsaan YWCA Malaya dan Singapura pada tahun 1960. Dari tahun 1963 hingga 1965, beliau menjadi Presiden YWCA Malaya dan Singapura. Sejak tahun 1965 hingga sekarang, beliau telah memegang pelbagai jawatan dalam YWCA, antaranya Timbalan Presiden YWCA Malaya (1976-1982), Pemangku Presiden YWCA Kuala Lumpur (1980-1982), Presiden YWCA Kuala Lumpur (1982-1987) dan Ahli Lembaga Pengurusan YWCA Kuala Lumpur (1987-2003). Pada tahun 1970, beliau telah dilantik salah seorang daripada tiga orang pemimpin wanita ke National Goodwill Council yang kemudiannya bertukar nama kepada National Unity Council, yang telah ditubuhkan selepas peristiwa 13 Mei 1969.

Dari tahun 1958 hingga 1963, beliau menjadi Ahli Majlis Pusat Persekutuan W.I. Malaya dan kemudiannya mewakili negeri Melaka.

Pada tahun 1963, beliau menjadi Pengasas Jawatankuasa Pro-tem NCWO dan dilantik sebagai Setiausaha Agung Kehormat NCWO sehingga tahun 1974. Pada tahun 1976 hingga 1979, beliau dilantik ahli NACIWID. Beliau telah dilantik Naib Presiden NCWO sebanyak dua kali, iaitu dari tahun 1974 hingga 1978 dan dari tahun 1983 hingga 1997 dan kemudiannya, dari tahun 1997 hingga 2000, beliau menjadi Timbalan Presiden NCWO. Pada tahun 1998, beliau telah dilantik Pengerusi Pemerhati Wanita NCWO dan pada tahun 2001, beliau dilantik Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia NCWO.

Pada tahun 1963, beliau telah menerima geran daripada kerajaan Amerika Syarikat untuk lawatan ke sana. Puan F.R. Bhupalan ialah wanita pertama daripada negara Afro-Asia yang dilantik ke Jawatankuasa Eksekutif World Confederation of the Teaching Profession (WCOTP) pada tahun 1964 untuk dua penggal, iaitu bagi sesi 1964-1966 dan sesi 1966-1968. Dalam tahun 1982, beliau telah dilantik Bendahari Kehormat ACWO dan telah menjadi Anggota Majlis ACWO dari tahun 1982 hingga 1988.

Beliau juga banyak menyertai pelbagai persidangan antarabangsa mengenai perguruan dan pergerakan wanita. Pada tahun 1960, beliau menjadi ahli delegasi ke Asian Regional Conference of the WCOTP yang diadakan di Kuala Lumpur. Setahun kemudian, beliau ke Armidale, Australia, untuk mengikuti UNESCO-WFUN (World Federation of United Nations Associations) Seminar on the Teaching About United Nations. Dari tahun 1963 hingga 1969, beliau menjadi anggota delegasi ke persidangan-persidangan WCOTP yang telah diadakan di serata dunia, antaranya di Stockholm, Sweden, Paris, Perancis, Seoul, Korea, Dublin, Ireland, dan Jakarta, Indonesia. Pada tahun 1963, beliau telah menjadi wakil wanita Malaysia ke International Council of Women Conference di Tehran, Iran. Pada tahun 1969, beliau menjadi satu-satunya wakil NCWO ke International Democratic Federation of Women Conference yang berlangsung di Helsinki, Finland, manakala pada tahun 1972, beliau

juga menjadi satu-satunya wakil NCWO ke Afro-Asian Solidarity Movement Second Women Conference yang dijalankan di Ulan Bator, Mongolia. Pada tahun 1985, beliau menganggotai delegasi Malaysia ke UN Decade for Women's Conference yang berlangsung di Nairobi, Kenya, dan dalam tahun 1995, beliau menyertai Society for International Development Workshop di Persidangan Sedunia PBB mengenai Pembangunan Sosial bagi Asia Pasifik.

Selepas bersara, beliau telah menubuhkan Kolej Persendirian Methodist yang pertama dan telah menjadi Pengetua Kolej Methodist Kuala Lumpur yang pertama dari tahun 1982 hingga 1993. Sejak tahun 1994 hingga 2000, beliau menjadi Penasihat Kehormat, Kolej Methodist Kuala Lumpur.

Bagi menghargai jasa-jasanya dalam bidang pendidikan, Puan F.R. Bhupalan telah mendapat Anugerah Tokoh Guru bagi tahun 1986. Bagi jasanya dalam pergerakan wanita, NCWO, pada tahun 2003, telah menganugerahi beliau Pingat Emas Tun Fatimah.

BIBI AISHAH HAMID DON, DATO'



Yang Berbahagia Dato' Bibi Aishah telah dilahirkan di Jalan Hale (sekarang Jalan Raja Abdullah), Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 11 Oktober 1929. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Hashim Ya'acob (meninggal dunia pada tahun 1994)

dan telah dikurniai lima orang anak, iaitu Dr. Razally (meninggal dunia pada tahun 1987), Roshina (meninggal dunia pada tahun 1972), Rohaya (peguam), Rohaizad dan Dr. Roshilla. Beliau merupakan salah seorang wanita terawal yang dilantik senator dalam kerajaan Malaysia.

Pendidikan awal beliau tergendala disebabkan Perang Dunia Kedua. Beliau pernah menuntut di Sekolah Melayu Perempuan Kampung Baru, Kuala Lumpur, dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Convent Taiping. Di samping itu, beliau juga pernah belajar di sebuah sekolah persendirian di Sitiawan, Perak.

Dato' Bibi Aishah amat cenderung dalam kerja-kerja kebajikan dan sosial di samping bergiat cergas dalam politik, terutamanya dalam Pergerakan Kaum Ibu UMNO. Beliau pernah dipilih sebagai wakil UMNO dalam mesyuarat dan perjumpaan NCWO. Beliau sering terpilih menyandang jawatan-jawatan tertentu di dalam pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan sukarela, antaranya Penasihat

kepada Mahkamah Kanak-kanak, Ahli Lembaga Pengurus Sekolah St. Anne, ahli bebas Mahkamah Perusahaan dan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Daerah.

Dalam kegiatan politik, beliau menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah pada tahun 1955. Pada tahun 1964, beliau dilantik Ahli Dewan Negara dan menjadi wanita kedua di dalam Dewan tersebut. Kemudiannya, beliau dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Kulim Utara pada tahun 1969. Beliau juga pernah dipilih sebagai salah seorang daripada Ahli Majlis Jawatankuasa Pusat UMNO Malaysia dalam tahun 1971. Pada tahun 1967, beliau menjadi wakil Malaysia ke PBB.

Dato' Bibi Aishah telah dikurniai bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.). Pada tahun 1997, beliau dianugerahi Darjah Setia Diraja Kedah (D.S.D.K.) oleh DYMM Sultan Kedah yang membawa gelaran 'Dato' '.

CHE ASHIDAH MININ, PUAN SRI DATIN



Yang Berbahagia Puan Sri Datin Ashidah yang merupakan anak jati Kuala Ketil, Kedah, berketurunan Minang, telah dilahirkan pada 15 Disember 1940. Beliau ialah anak ketujuh daripada sepuluh orang adik-beradik. Beliau telah mendirikan

rumah tangga pada 26 Ogos 1971 dengan Tan Sri Dato' (Dr.) Melan Abdullah (Allahyarham), Tokoh Wartawan Negara. Mereka telah dikurniai tiga orang anak, seorang perempuan dan dua orang lelaki.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di beberapa buah sekolah, iaitu Sekolah Melayu Kuala Ketil, Sekolah Melayu Baling dan Sekolah Laki-Laki Sungai Petani, hingga tahun 1956 dan tamat darjah tujuh. Mulai 15 Jun 1956, beliau telah mengajar di Sekolah Melayu Mahang, Kulim, Kedah, hingga akhir tahun 1959. Semasa bertugas di sana, beliau telah melibatkan diri dengan Persatuan Guru-guru Melayu Muda Utara Malaya, dan telah dilantik Ahli Jawatankuasa. Pada masa yang sama, beliau telah mengikuti Latihan Perguruan Mingguan (Teacher Under Other Skill @ TUOS) di Sekolah Melayu Kulim, Kedah. Dari tahun 1959 hingga 1963, beliau telah berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Cina Aik Chee, Merbau Pulas, Kuala Ketil, Kedah.

Walaupun masih muda, Puan Sri Ashidah telah menubuhkan W.I. Cawangan Kuala Ketil pada tahun 1959 dan dilantik Pengerusi sehingga tahun 1969. Beliau melibatkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan berpegang pada pesanan bapanya, "Kalau tak dapat bersekolah tinggi, alam terkembang jadikan guru" kerana bapanya tidak membenarkannya memasuki sekolah berasrama penuh walaupun mendapat tawaran untuk memasuki Sekolah Sultanah Asma di Alor Setar, sebelum beliau menjadi guru.

Menerusi W.I., beliau telah mengikuti kursus rumah tangga di Taman Asuhan RIDA, Kuala Lumpur, dan sekembalinya dari sana, beliau mengadakan kegiatan menjahit, memasak dan kursus rumah tangga dengan menekankan pentingnya makanan seimbang kepada anak-anak untuk para ibu di sekitar Kuala Ketil. Beliau menjadi guru KEMAS dan mengajar ekonomi rumah tangga di kampung-kampung di Daerah Baling IV hingga 1969. Beliau menyertai UMNO dan ikut menubuhkan Pergerakan Kaum Ibu UMNO Kuala Ketil dan telah dipilih sebagai Setiausaha dari tahun 1959 hingga 1969. Beliau juga telah mengajar Kelas Dewasa di Daerah Baling IV dan menjadi Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung di Kuala Ketil ketika berusia 20 tahun.

Penglibatannya dalam bidang kewartawanan berputik selepas dicabar oleh seorang pemberita daerah pada tahun 1965. Keaktifan Puan Sri Ashidah dalam kegiatan kemasyarakatan di kawasanya menyebabkan berita mengenainya disiarkan dalam akhbar *Warta Negara*. Sewaktu mengajar di kampung-kampung pedalaman, beliau banyak menulis tentang kedaifan mesyarakat kampung yang dahagakan pembangunan. Beliau kemudiannya menjadi wartawan sambilan dari tahun 1965 hingga 1969 dan berita yang ditulis olehnya mula tersiar dalam akhbar *Utusan Melayu* pada tahun 1968. Beliau ialah wanita terawal dari negeri Kedah yang menceburi bidang kewartawanan ketika itu. Dalam tahun 1968, beliau telah ditawarkan mengikuti Kursus Pemberita Sambilan anjuran *Utusan Melayu* dan dilantik wartawan pelatih selama tiga bulan mulai Januari 1969 di

Kuala Lumpur. Beliau menjadi pemberita tetap dengan akhbar *Utusan Melayu* sejak bulan April 1969 dan telah dinaikkan pangkat sebagai Penyunting akhbar *Mingguan Malaysia*. Apabila Tan Sri Khir Johari membuka akhbar *Watan* dalam sekitar tahun 1970-an, beliau telah dilantik Penolong Pengarang khususnya berkaitan dengan ruangan wanita. Kerjaya beliau berikutnya ialah Pembantu Khas Majalah *Keluarga* (1980-1982), Pengarang Majalah *Alam Wanita* terbitan Pustaka Antara (1982-1986), Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Karya Kreatif yang menerbitkan majalah *Perempuan*, *Putera Puteri* dan *Pahlawan* (1991-1995) dan Penerbit dan Ketua Pengarang Tinta Emas Enterprise (1995).

Puan Sri Ashidah turut melibatkan diri dalam kegiatan politik, kebajikan dan kemasyarakatan di Kuala Lumpur. Semasa bertugas sebagai wartawan, beliau pernah memegang jawatan Bendahari PERTAMA dan Pengerusi Perhubungan Wartawan Melayu Malaysia selama tiga penggal. Beliau melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan menjadi Ahli Lembaga Penasihat Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Wilayah Persekutuan, Presiden PENIAGAWATI (Persatuan Wanita Bumiputera Dalam Perniagaan dan Profesion) Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Kelab Veteran Utusan Melayu Malaysia (KVUM) merangkap Pengerusi Biro Wanita.

Dalam bidang politik, beliau dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Biro Pembangunan Sosial Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Cheras dan Ketua UMNO Cawangan Taman Cheras. Sebelum itu beliau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Sungai Petani, Ketua Penerangan Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Cheras dan Ketua Penerangan Pergerakan Wanita UMNO Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di samping itu, beliau juga Timbalan Pengerusi Penyelaras Rukun Tetangga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merangkap Pengerusi Biro Publisiti dan Pengerusi Penyelaras Jiran Wanita Rukun Tetangga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hingga sekarang.

Puan Sri Ashidah ialah Pengarah Urusan Syarikat Pembinaan Setia Jaya Sdn. Bhd., Ashidah & Rakan Sdn. Bhd., Melan Sdn. Bhd. dan Angkut Cepat Sdn. Bhd. Beliau juga ialah Pengerusi Eksekutif Sri Melan Sdn. Bhd., JCS Logistics Sdn. Bhd. dan Proteel (M) Sdn. Bhd. dan Pengerusi Kenz Corporation Sdn. Bhd., Proteel Edaran Sdn. Bhd. dan Peace Pictorial Gallery Sdn. Bhd. Di samping itu, beliau dilantik Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Jaya Murni Wanita Bhd. dan Gabungan Kontraktor dan Pemborong Wanita Berhad.

Pada tahun 1995, Puan Sri Ashidah menerima anugerah Tokoh Jiran Wanita daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Anugerah Perpaduan daripada kementerian yang sama atas kesungguhan beliau memupuk perpaduan kaum melalui aktiviti Rukun Tetangga.

CHEE, CLARA L., DR.



Dr. Clara L. Chee telah dilahirkan pada 28 Oktober 1943 di Muar, Johor. Beliau telah berkahwin dengan Encik Woo Ser Chai dan mereka mempunyai tiga orang anak, iaitu Woo Wee Wee, Woo Wee Kang dan Woo Wee Yoong. Beliau mendapat kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains daripada University of Missouri, Amerika Syarikat, pada tahun 1983. Dalam tahun 1980, beliau menerima Diploma CIDESCO, manakala antara tahun 1989 hingga 1990, beliau telah ke University of De Monfort, United Kingdom, untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang sains kosmetik dan teknologi. Pada tahun 1996, beliau mendapat Ijazah Kedoktoran dalam kosmetik sains dan teknologi daripada Pacific Western University, Amerika Syarikat.

Pada peringkat awal penglibatannya dalam bidang kecantikan, Dr. Clara L. Chee menjadi pengkaji selidik pemasaran kosmetik dari tahun 1967 hingga 1975 dan selepas itu, beliau telah mengasaskan Clara International Beauty Group Sdn. Bhd. pada tahun 1976. Beliau pernah memegang jawatan Pengerusi Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), Pengerusi CIDESCO Malaysian Section sejak tahun 1986 hingga sekarang, Pengerusi Pertubuhan Jurusolek Malaysia (MBTA) sejak tahun 1982 hingga sekarang, Ahli Panel Ujian Sijil Kemahiran Malaysia dari tahun 1993 hingga 1995 dan Ahli

Lembaga Pengarah Malaysian Herbal Corporation dari tahun 2001 hingga 2003.

Selain itu, beliau juga Pemeriksa CIDESCO Antarabangsa, pemeriksa GLOBAL Antarabangsa, Pemeriksa Clara International, Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Best Cosmetics Sdn. Bhd., Konsultan Kehormat Fakulti Kecantikan di Beijing Medical University, China, ahli New York Academy of Sciences sejak tahun 1992, ahli British Association of Beauty Therapy & Cosmetology Ltd. sejak tahun 1994.

Dr. Clara L. Chee ialah Ahli Jawatankuasa Pemandu bagi menubuhkan Centre for Evaluation and Research on Herbal and Complementary Medicine yang diusahakan oleh Institut Penyelidikan dan Pengajian Siswazah, Universiti Malaya. Beliau juga Pengerusi jawatankuasa kerja mengenai kosmetik herba di bawah Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) yang bermatlamat untuk mencari ekstrak herba daripada hutan hujan tropika yang boleh dimasukkan dalam produk penjagaan kulit pada masa akan datang. Pada tahun 1991, beliau telah mengelolakan Kongres CIDESCO yang ke-45 dan pameran di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, manakala pada tahun 1997, beliau telah menganjurkan Persidangan Kecantikan Asia Pasifik yang pertama di Sunway Lagoon. Beliau telah menghasilkan beberapa buah buku panduan kecantikan dalam bahasa Cina dan bahasa Inggeris sejak tahun 1993.

Pada tahun 1995, Dr. Clara L. Chee telah mendapat Joanne Drew Total Woman Achievement Award. Pada tahun 2000 pula, beliau dikurniائي CIDESCO *Medaille du Merite* oleh Presiden CIDESCO International dan Anugerah Kecemerlangan Industri oleh Dato' Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Pada tahun 2002 pula, Clara International Beauty Group (CIBG) telah mendapat Asia Pacific International Honesty Enterprise-Keris Award dan juga telah disertakan dalam Malaysia Book of Records

(MBR) sebagai First Beauty Treatment Centre & Therapy Academy to achieve ISO 9001:2000.

Sempena ulang tahunnya yang ke-25 pada tahun 2003, CIBG turut menerima sijil daripada MBR untuk rawatan muka yang paling banyak dalam sehari, iaitu 1000 orang, satu rekod yang dicipta melalui kegiatan amal untuk membantu Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia.

CHIA, YVONNE



Puan Yvonne Chia ialah seorang ahli bank antarabangsa yang mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman. Beliau telah memulakan kerjayanya di Bank of America. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang ekonomi daripada Universiti Malaya.

Beliau juga ialah *Certified Risk Professional* dan Fellow Institut Bank-bank Malaysia.

Dari tahun 1996 sehingga Jun 2002, Puan Yvonne Chia telah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pengarah Eksekutif RHB Bank Berhad, bank ketiga yang terbesar di Malaysia pada ketika itu dan merupakan wanita pertama di Malaysia yang dilantik ke jawatan tersebut. Beliau telah melibatkan diri dalam bidang perbankan dan telah memegang pelbagai jawatan dalam perbankan komersial termasuklah *credit marketing*, teknologi, *risk management* dan pasaran modal. Selain itu, beliau juga dilantik Ahli Lembaga Pengarah MATRADE di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Kini beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong Bank Berhad, anak syarikat Hong Leong Group, sebuah syarikat konglomerat Asia.

Di samping itu, beliau sering dijemput berucap di pelbagai seminar. Antaranya, Forum Ekonomi Dunia, Persidangan Ekonomi

Asia Timur pada tahun 1999 dan Asian Banker Summit serta American Chamber of Commerce Annual Seminar pada tahun 2001

Puan Yvonne Chia merupakan wanita pertama yang memperoleh anugerah Bank of America's Chief Executive Officer Eagle Pin atas kecemerlangan khidmatnya.

CHIAM HENG KENG, PROFESOR DR.



Profesor Dr. Chiam Heng Keng dilahirkan pada 25 Oktober 1940 di Johor Bahru. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia daripada Universiti Malaya pada tahun 1966. Seterusnya beliau memperoleh Diploma Pendidikan daripada Universiti Singapura pada tahun 1968. Dua tahun kemudian, Prof. Dr. Chiam berjaya mendapat Sarjana Pendidikan daripada University of Sydney, Australia, dan memperoleh Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Malaya pada tahun 1976.

Beliau dilantik Profesor di Universiti Malaya semenjak tahun 1990 dan telah dilantik ahli SUHAKAM sejak tahun 2000. Beliau banyak terlibat dalam bidang pendidikan kanak-kanak, khususnya psikologi sosial dalam pendidikan, perkembangan dan pendidikan awal kanak-kanak, psikologi remaja dan keibubapaan. Antara jawatan yang dipegang oleh beliau ialah Ahli Majlis Kebangsaan Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Ahli Majlis Penasihat dan Perundingan Kanak-kanak Negara, Kementerian Pembangunan Negara dan Perpaduan Masyarakat, dan Ahli Lembaga Pengarah LPPKN.

Selain itu, beliau juga ialah Ahli Lembaga Penasihat Pusat Sains Negara, Pengerusi Pasukan Petugas Galeri Kanak-kanak, Ahli Majlis

Kaunseling dari tahun 1993 hingga 1998 (beliau antara yang terlibat menubuhkan Majlis tersebut), Ahli Jawatankuasa Khas Siasatan Mengenai Pengendalian SPM pada tahun 2000, Ahli Jawatankuasa Bebas Siasatan Pengasingan Pelajar Mengikut Kaum di Sekolah pada tahun 2001 dan Ahli Jawatankuasa Penggubalan Kurikulum Pra-sekolah Kebangsaan dari tahun 1999 hingga 2000.

Beliau juga banyak menghasilkan penerbitan dan penulisan dalam bidang kepakarannya. Antara hasil penulisan beliau ialah *Changes in Self-Concept During Adolescence* dalam jurnal *Adolescence* (1987), *Language Development of Preschool Children in Malaysia* dalam buku *Psychological Development: Perspectives Across Lifespan* dan *Quality Time and Family: Concept and Practices* dalam buku *Interaksi Bermakna – Masa Berkualiti Bersama Keluarga* terbitan IKIM. Hasil karya beliau yang diterbitkan oleh Pelanduk Publications ialah *Child Development: Preschool Children* (1991), *Bringing Up Children in Troubled Times* (1994) dan *Excellence in Early Childhood Education* (1999).

Prof. Dr. Chiam Heng Keng pernah dianugerahi Anugerah Sainstis Wanita (Pendidikan) pada tahun 2002 oleh Pusat Sains Negara. Beliau juga pernah menjadi antara lima orang finalis untuk *Woman Manager of the Year* pada tahun 1998.

CHIN, MARINA



Puan Marina Chin, atau nama sebenarnya Chin Leng Sim, terkenal sebagai Ratu Trek Kebangsaan dan Ratu Olahraga kerana kepantasan dan kecekapannya dalam arena sukan olahraga tanah air. Beliau telah dilahirkan pada 19 Oktober 1955 di Butterworth, Seberang Perai, Pulau Pinang, dan merupakan anak sulung daripada tiga orang adik-beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Jagjit Singh, seorang ahli perniagaan.

Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Menengah Convent Sentul. Kemudian, beliau telah melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Sri Kota dan memperoleh sijil perguruan pada tahun 1975. Seterusnya, pada tahun 1981, beliau telah mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Pendidikan Jasmani) daripada Ohio State University, Columbus, Ohio, Amerika Syarikat. Setahun kemudian, beliau mendapat Ijazah Sarjana Sastera (Pentadbiran Sukan) daripada universiti yang sama.

Puan Marina mula berkhidmat sebagai Guru Pendidikan Jasmani dan Setiausaha Sukan di Sekolah Menengah Perempuan Ampang, dari tahun 1976 hingga 1979. Selepas kembali dari Amerika Syarikat, beliau telah dilantik Penolong Pengarah Unit Pendidikan Jasmani dan Sukan, Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Ketika bertugas di sana, beliau telah menulis tentang sejarah Majlis

Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) sempena perayaan Jubli Perak MSSM. Beliau juga telah menyediakan Kertas Kerja Projek Sekolah-sekolah Sukan Negara dan mengkaji semula Ujian Daya Tenaga Asas.

Dari tahun 1991 hingga 1994, beliau bertugas sebagai Guru Pendidikan Jasmani dan Setiausaha Sukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Taman Petaling. Beliau telah membantu MSSM dan Majlis Sukan Negara membentuk Program Tunas Cemerlang Olahraga bagi pembangunan olahraga di kalangan pelajar berumur antara 13 hingga 15 tahun.

Dari tahun 1995 hingga 1996, Puan Marina menjadi Guru Bahasa Inggeris dan Jurulatih Projek Bakat Khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz Shah, Kajang. Beliau telah memilih dan berjaya melatih pelajar-pelajar yang berbakat dalam bidang olahraga dan ramai di antara mereka telah berjaya mewakili negara. Mulai tahun 1997, beliau telah berkhidmat sebagai Guru Pendidikan Jasmani, Setiausaha Sukan serta Guru Disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan Kelana Jaya. Beliau telah berjaya menganjurkan Kejohanan Tenis Peringkat Daerah dan Negeri serta membawa pasukan negeri Selangor ke peringkat kebangsaan. Di samping itu, beliau telah berjaya melatih atlit-atlit sekolah ke peringkat negeri.

Semasa belajar di Sekolah Menengah Convent Sentul, beliau mengasah bakat sebagai pelumba lari wanita dengan menyertai dan mewakili sekolah, daerah dan negeri dalam pelbagai pertandingan seperti Kejohanan MSSM. Beliau mula muncul dalam arena sukan negara dalam tahun 1971 apabila beliau dipilih mewakili Malaysia ke Sukan SEAP Keenam di Kuala Lumpur.

Saat kegemilangan Puan Marina ialah apabila merangkul pingat emas yang pertama dalam sukan SEA 1971 dalam acara 4x400 meter. Sejak itu, beliau terus bertanding dalam pelbagai kejohanan lain, mencipta rekod dalam acara 100 meter, 200 meter dan 400 meter lompat berpagar dan memperbaiki rekod-rekodnya sendiri. Beliau

telah menyertai Sukan SEAP dan Sukan SEA sebanyak lima kali, iaitu pada tahun 1971, 1973, 1975, 1977 dan 1979 dalam acara lari 4x400 meter, lari 200 meter dan lari 400 meter berpagar. Jumlah pingat yang diperoleh sepanjang mewakili negara ke Sukan SEAP dan Sukan SEA ialah enam pingat emas dan tujuh pingat perak.

Selain itu, Puan Marina juga pernah mewakili negara sebanyak tiga kali ke Kejohanan Trek dan Padang Asia pada tahun 1977, 1979 dan 1981. Dalam kejohanan-kejohanan ini, beliau telah merangkul pingat perak dalam acara lari 400 meter berpagar pada tahun 1977, pingat perak dalam acara lari 400 meter berpagar serta pingat gangsa dalam acara lari 4x400 meter pada tahun 1979 dan pingat emas dalam acara lari 4x400 meter pada tahun 1981. Beliau juga telah mewakili negara ke beberapa kejohanan antarabangsa seperti Kejohanan Jemputan Korea pada tahun 1973, Kejohanan Olahraga Terbuka Singapura pada tahun 1975, Kejohanan Olahraga Asia Kedua di Korea Selatan, pada tahun 1975, dan Kejohanan Olahraga Terbuka Filipina pada tahun 1976.

Atas sumbangan dan jasanya mengharumkan nama negara dalam sukan olahraga di peringkat antarabangsa, beliau telah dianugerahi Tokoh Olahragawati Sukan Negara pada tahun 1976. Pada tahun yang sama, beliau telah dikurniai Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh DYMM Sultan Selangor. Beliau juga pernah diangkat Olahragawati Negeri Selangor. Pada tahun 1977, beliau telah mendapat bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

CHONG, ROSEMARIE, DATIN PADUKA



Nama sebenarnya ialah Chow Poh Keng dan beliau telah dilahirkan di Ipoh, Perak, pada 16 Februari 1927. Beliau telah berkahwin dengan Dr. Chong Yew Chong (mendiang) dan mereka mempunyai empat orang anak, iaitu Chong Weng Keen, Chong

Weng Jee, Chong Weng Hoo dan Chong Cyn Cyn. Yang Berbahagia Datin Paduka Rosemarie Chong pernah menuntut di Anglo Chinese Girls School dan Ipoh (Primary) Perak Chinese Girls School. Apabila Perang Dunia meletus, beliau telah berpindah ke Hong Kong dan menetap bersama neneknya di sana. Beliau seterusnya menyambung pengajian di St. Mary's College, Hong Kong, pada peringkat menengah. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang sastera dari Universiti Hong Kong pada tahun 1956. Beliau juga telah mendapat pendidikan di University of London selama enam tahun.

Beliau pernah mengajar bahasa Inggeris di Chong Hwa High School, Setapak, dari tahun 1956 hingga 1960. Selepas mendirikan rumah tangga, beliau telah membantu suaminya membuka klinik di Pudu, Kuala Lumpur. Kemudian, beliau bergiat aktif dalam kerja-kerja sosial di bawah Persatuan Bulan Sabit Merah dan pernah menjadi Pengerusi persatuan tersebut pada tahun 1960. Datin Paduka Rosemarie juga pernah mengajar kanak-kanak spastik di

Hospital Besar Kuala Lumpur dan pada tahun 1962, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Kanak-kanak Spastik.

Datin Paduka Rosemarie mula aktif dalam MCA pada tahun 1972 setelah dipelawa oleh Presiden MCA ketika itu, Tun Tan Siew Sin, untuk membentuk pergerakan wanita dalam parti tersebut. Beliau dilantik Pengerusi Wanita MCA Selangor yang pertama dari tahun 1972 hingga 1986. Beliau telah menarik golongan wanita dari akar umbi untuk menyertai MCA dari peringkat cawangan hinggalah ke peringkat negeri. Pada tahun 1975, Wanita MCA telah menjadi sebuah gerakan di peringkat kebangsaan dan beliau telah dilantik Presiden Wanita MCA peringkat kebangsaan yang pertama sehingga sekitar tahun 1980-an.

Pilihan raya beliau yang pertama ialah pada tahun 1975 ketika bertanding untuk kerusi parlimen Selayang. Datin Paduka Rosemarie telah memenangi pilihan raya tersebut dan beliau telah menjadi ahli parlimen kawasan Selayang dari tahun 1975 hingga 1978. Selepas pilihan raya tahun 1978, beliau telah bertukar dari kawasan Selayang ke kawasan Hulu Langat. Beliau telah dilantik Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan pada tahun 1978 dan merupakan wanita bukan Melayu pertama menjadi ahli Parlimen dan juga yang pertama dilantik Timbalan Menteri apabila diangkat sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Selepas itu, beliau menjadi Timbalan Menteri di Kementerian Pendidikan pada 15 Julai 1984 dan kemudian kembali sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dari 22 Mac 1985 hingga Ogos 1986.

Datin Paduka Rosemarie pernah mengikuti beberapa seminar dan persidangan di luar negeri. Antaranya ialah Persidangan ACWO yang diadakan di Melbourne, Australia, pada tahun 1960, persidangan International Women's Year di Berlin Timur, dan Moscow, pada tahun 1975, Persidangan Wanita ASEAN di Manila, pada tahun 1976 dan juga di Thailand pada tahun yang sama. Pada tahun 1977, beliau telah menyertai rombongan Ahli-Ahli Parlimen Malaysia melawat Jakarta, Indonesia. Beliau juga pernah melawat Amerika

Syarikat pada tahun 1978 di bawah Rancangan Leadership Grant. Beliau telah mewakili Parlimen Malaysia ke Persidangan Development, Population & Resources di Sri Lanka, yang diadakan untuk ahli-ahli Parlimen dari seluruh dunia.

Selepas berundur dari bidang politik, Datin Paduka Rosemarie telah dilantik Presiden Kehormat Seumur Hidup Wanita MCA dan telah membabitkan diri dalam kegiatan kebajikan dan sosial. Beliau pernah menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Persatuan-persatuan Orang Tua Malaysia dan kini ialah Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Rumah Orang-orang Tua Ampang sejak tahun 1975. Beliau juga telah menceburkan diri dalam opera Cina. Bakatnya telah dikesan pada awal tahun 1990-an apabila beliau menjadi Penaung Yin Ngai Musical Association, sebuah persatuan muzik Cina. Beliau juga melibatkan diri dalam Persatuan Penyanyi-penyanyi Opera Kuala Lumpur. Kini beliau berlatih dua kali seminggu dan sering membuat pertunjukan kebajikan atau untuk mengutip derma di Singapura, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Beliau acapkali memegang watak wanita yang tabah dan kuat seperti Maharani Ci Xi daripada Dinasti Qing. Antara persembahan utamanya termasuklah opera Kantonis *Extravaganza* pada tahun 1998.

Beliau telah dianugerahi bintang Setia Mahkota Selangor (S.M.S.) dan bintang Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) yang membawa gelaran 'Datin Paduka' oleh DYMM Sultan Selangor.

CHONG HON NYAN, PUAN SRI



Yang Berbahagia Puan Sri Chong Hon Nyan, atau nama sebenarnya Hong Eu Ngoh, telah dilahirkan di Dinding, Perak, pada bulan Disember 1927. Beliau telah berkahwin dengan Tan Sri Chong Hon Nyan dan mereka mempunyai dua orang anak, iaitu David

Chong Weng Kwai dan Chong Su Lin.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Treacher Girls' School, Taiping, sehingga tahun 1941. Selepas itu, beliau menuntut di Anglo Chinese School, Ipoh, pada tahun 1946. Dengan biasiswa kerajaan, beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya Singapura dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1952. Pada tahun 1955, beliau telah mengikuti latihan kerja sosial profesional di bawah UM Technical Assistance Fellowship di University College of Swansea. Kemudian, beliau telah mengikuti latihan di Hunter College New York, Boston University, Amerika Syarikat, dan Thammasat University, Thailand.

Puan Sri Chong Hon Nyan telah berkhidmat dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat selama 25 tahun sehingga bersara secara pilihan dengan memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah. Beliau ialah ahli NACIWID, Ahli Lembaga Pengarah KARYANEKA dan berkhidmat dalam Jawatankuasa Penasihat sehingga KARYANEKA

tertubuh, Pengasas dan Pengerusi pertama WAO, Pengasas Hospis (Hospice) Malaysia dan Pengasas serta Pengerusi pertama Hospital Mata Tun Hussein Onn. Selain itu, beliau pernah menjadi Ahli Lembaga Keluarga Kebangsaan, Ahli Jawatankuasa Eksekutif BAKTI, Penaung Persatuan Penyusuan Ibu Kebangsaan dan Naib Presiden NCWO.

Kini beliau ialah Pemegang Amanah bagi WAO yang telah menerajui kewujudan Akta Keganasan Rumah Tangga. Di samping itu, beliau memegang jawatan Pemegang Amanah Selangor Society for the Prevention of Cruelty to Animals, Pengasas dan Pengerusi Wesley Home, sebuah rumah yang berkhidmat untuk menjaga orang-orang tua, dan Penaung Kebangsaan Pergerakan Girls Life Brigade.

Beliau telah menerima bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1976. Pada tahun 1992, beliau dianugerahi Pingat Emas Tun Fatimah oleh NCWO.

DAIRIAM, SHANTHI



Puan Shanthi, atau nama penuhnya Mary Shanthi Dairiam, telah dilahirkan pada 17 September 1939. Beliau telah mendapat Ijazah Sarjana Muda (Sastera Inggeris) daripada Universiti Madras, India, pada tahun 1960 dan Ijazah Sarjana dalam bidang yang sama daripada universiti yang sama dua tahun kemudian. Pada tahun 1991, beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Pembangunan dan Gender daripada Universiti Sussex, United Kingdom.

Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah Sastera Inggeris di Lady Doak College, Madurai, Universiti Madras, India, antara tahun 1962 hingga 1967. Sekembalinya dari India, beliau menjadi suri rumah sepenuh masa dari tahun 1967 hingga 1972. Mulai tahun 1973 hingga 1974, beliau mengajar di Sekolah Tinggi Chung Hwa dan dari tahun 1975 hingga 1981, beliau mengajar di MRSM.

Puan Shanthi melibatkan diri dalam Persekutuan Persatuan-persatuan Perancang Keluarga Malaysia pada tahun 1981 dengan dilantik Pegawai Pendidikan. Dari tahun 1982 hingga 1985, beliau ialah Ketua Bahagian Program dan Teknikal Persekutuan tersebut manakala dari tahun 1985 hingga 1987, beliau menjadi Ketua Bahagian Maklumat, Pendidikan dan Komunikasi Persekutuan. Antara tahun 1988 hingga 1990, beliau ialah *Programme Associate* untuk Asia Pacific Forum on Women, Law and Development (APFLWLD) di

Kuala Lumpur, yang bertanggungjawab membangunkan dan mengkoordinasi program-program baharu untuk wanita di rantau Asia Pasifik. Dari bulan Mac hingga Julai 1992, beliau ditugaskan sebagai Pegawai Projek Program Wanita dan Pembangunan, Sekretariat Komanwel di London, United Kingdom. Sejak tahun 1993, beliau ialah Pengasas dan Pengarah International Women's Rights Action Watch (IWRAW) bagi Asia Pasifik. Beliau berpengalaman melatih pelatih-pelatih Kemboja, Iraq, Laos, Mongolia dan Thailand mengenai tanggungjawab negara di bawah Konvensyen CEDAW (Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women).

Selain itu, beliau telah bertindak sebagai konsultan sejak tahun 1990. Antaranya, Konsultan kepada ILO, Konsultan kepada Kerajaan Malaysia bagi membangunkan Pelan Bertindak bagi Dasar Wanita Negara (1993-1994), Konsultan kepada UNICEF di Dhaka, Bangladesh, dan Konsultan kepada UNIFEM di rantau Asia Barat (1994). Di samping itu, beliau pernah menjadi Pensyarah Pelawat di Fakulti Undang-undang, Universiti Hong Kong, pada tahun 2002.

Di peringkat kebangsaan, beliau pernah menjadi Naib Presiden WAO bagi sesi 1999/2000, Ahli Jawatankuasa NCWO sejak tahun 1986 hingga sekarang dan Penasihat kepada beberapa projek HAWA dan Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga sejak tahun 1997 hingga sekarang. Di peringkat antarabangsa, beliau pernah dilantik Ahli Panel Hak Asasi Wanita oleh PBB pada tahun 1998, Konsultan di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia pada tahun 1999 dan Konsultan Peribadi bagi Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia Timor Timur dari tahun 2000 hingga 2001.

Puan Shanthi turut menghasilkan pelbagai penulisan dan kertas kerja dalam bidang wanita yang dibentangkan di dalam mahupun luar negara. Antaranya, *Portrayal and Representation of Women in the Media in Malaysia: Country Situation Background Paper* di South-East Asian Workshop Sensitising the Media to Women and Development Issues di Kuala Lumpur, pada tahun 1992, *Overview of Selected*

Strategies Related to Some Forms of Violence Against Women di UN Expert Group Meeting on Measures to Eradicate Violence Against Women di PBB, pada tahun 1993, *Discrimination Against Women and Its Implication for Women's Capacity for the Self-Determination in the Areas of Reproductive and Sexual Health* di Meeting on Application of Human Rights to Reproductive and Sexual Health anjuran UNFPA dan Pejabat Suruhanjaya Tinggi Hak Asasi Manusia di Geneva, pada tahun 2001 dan *Discussion Paper on Effective Legal Strategies* di Seminar Promoting Gender Equality to Combat Trafficking in Women and Children di Bangkok, Thailand, pada tahun 2002.

DASIMAH DASIR, (ALLAHYARHAM)



Puan Dasimah telah dilahirkan di Butterworth, Pulau Pinang, pada 21 Ogos 1918. Beliau ialah balu kepada Shaikh Abdul Rahman Shaikh Mohamed dan mereka mempunyai empat orang cahaya mata, iaitu Husaian, Amir Mohammad, Suriati dan Shamohorane. Beliau telah menuntut di Sekolah Melayu Chawrasta hingga tamat darjah tiga dan meneruskan pelajaran di Sekolah Inggeris (pada sebelah malam) hingga lulus darjah empat.

Beliau telah melibatkan diri dalam bidang politik dengan menyertai UMNO. Pada tahun 1950, beliau dilantik Pegawai Penerangan Luar UMNO Malaya dan telah menjadi Senator atau Ahli Dewan Negara dari tahun 1969 hingga 1980. Puan Dasimah pernah dilantik Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO, Wakil Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang, Ahli Jawatankuasa Penyelarasan UMNO Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Pulau Pinang. Beliau juga pernah menjadi Naib Ketua UMNO Bahagian Jelutong, Pulau Pinang, dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Jelutong. Sejak tahun 1950 hingga 1980, beliau ialah wakil Bahagian ke Persidangan Agung Wanita UMNO. Beliau juga telah dilantik Pengerusi Tetap Persidangan Wanita UMNO di Perhimpunan Tahunan UMNO.

Selain kegiatan politik, beliau juga terlibat dalam kerja-kerja kebajikan, sosial dan kemasyarakatan. Antaranya, beliau ialah Ahli Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Ahli Jawatankuasa Sekolah Buta, Ahli Jawatankuasa Jemaah Penasihat Kanak-kanak, Ahli Jawatankuasa Jemaah Pelawat Penjara, Ahli Jawatankuasa Persatuan Anak-anak Yatim, Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Masyarakat Pulau Pinang dan Ahli Jawatankuasa W.I. Pulau Pinang. Dalam kegiatan agama, beliau dilantik Penasihat Pakatan Suri Pulau Pinang, Ahli Jawatankuasa Lembaga Kebajikan Perempuan Islam (LKPI) dan Ahli Jawatankuasa Musabaqah peringkat negeri Pulau Pinang.

Bagi menghargai jasa-jasanya, beliau telah dikurniakan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) dan Jaksa Pendamai (J.P.) pada tahun 1958 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Dalam tahun 1976, beliau dianugerahi Pingat Kelakuan Terpuji (P.K.T.).

Puan Dasimah telah meninggal dunia pada musim haji di Mekah dalam tahun 1980.

DAVID, NICOL ANN



Nicol Ann David telah dilahirkan pada 26 Ogos 1983 di Pulau Pinang, dan telah menuntut di Convent Green Lane, Pulau Pinang. Beliau merupakan pemain skuasy wanita negara yang berjaya di peringkat antarabangsa.

Beliau mula meraih kejayaan apabila menjadi juara Kejuhanan Skuasy Kebangsaan (Junior-bawah 12 tahun) pada tahun 1993. Pada tahun 1994, beliau telah menjuarai Kejuhanan Skuasy Kebangsaan (Junior-bawah 12 tahun), Kejuhanan Skuasy Terbuka Hong Kong (Junior-bawah 13 tahun) dan Kejuhanan Skuasy Terbuka Scottish (Junior-bawah 12 tahun). Beliau menjuarai kejuhanan-kejuhanan yang sama pada tahun berikutnya dalam pertandingan bagi Junior- bawah 14 tahun.

Pada tahun 1996, beliau menjadi juara bagi Kejuhanan Skuasy Terbuka Scottish (Junior-bawah 14 tahun), Kejuhanan Skuasy Terbuka British (Junior- bawah 14 tahun), Kejuhanan Skuasy Kebangsaan (bawah 16 tahun) dan Kejuhanan Skuasy Terbuka Australia (Junior-bawah 13 dan 15 tahun). Pada tahun berikutnya, beliau merangkul kemenangan dalam lima kejuhanan skuasy. Antaranya, Kejuhanan Skuasy Terbuka Asia (Junior-bawah 16 tahun), Kejuhanan Skuasy Terbuka Australia (Junior-17 tahun) dan Kejuhanan Skuasy Terbuka Hong Kong (Junior-bawah 19 tahun).

Nicol Ann telah menyertai tujuh kejohanan dalam tahun 1998. Beliau memenangi tempat pertama dalam Kejohanan Skuasy Terbuka British (Junior- bawah 16 tahun), Kejohanan Skuasy Terbuka Kebangsaan (Junior-bawah 16 dan 19 tahun), Kejohanan Skuasy Asia di Kuala Lumpur, dan memperoleh pingat emas dalam Sukan Asia. Beliau telah bertanding dalam sepuluh kejohanan pada tahun 1999. Antara yang dimenangnya ialah Kejohanan Skuasy Terbuka Jerman (Junior-bawah 19 tahun), Kejohanan Skuasy Terbuka Malaysia (Junior-bawah 19 tahun) dan Kejohanan Skuasy Terbuka Wanita Dunia (Junior). Beliau turut memenangi pingat emas dalam Sukan SEA di Brunei, pada tahun tersebut.

Beliau telah mengambil bahagian dalam lapan kejohanan skuasy pada tahun 2000. Kejohanan yang dijuarainya ialah Kejohanan Skuasy Terbuka Finland, Kejohanan Skuasy Terbuka Asia di Hong Kong, dan Kejohanan Skuasy Terbuka Kuala Lumpur. Beliau juga merangkul pingat emas dalam Sukan Malaysia (SUKMA) di Pulau Pinang. Seterusnya, pada tahun 2001, beliau telah menyertai 13 kejohanan skuasy di peringkat antarabangsa. Beliau menjadi juara dalam Kejohanan Skuasy Asia Kesepuluh (Junior), Kejohanan Skuasy Wanita (Junior) dan meraih pingat emas dalam Sukan SEA ke-21 di Kuala Lumpur. Beliau berjaya sampai ke peringkat separuh akhir dalam Kejohanan Skuasy Heliopolis dan Kejohanan Skuasy Macau. Pada tahun 2002, beliau menjadi juara dalam Kejohanan Skuasy Terbuka Kuala Lumpur dan merangkul pingat perak dalam Sukan Komanwel dalam acara beregu campuran dan Sukan Asia di Busan.

Beliau telah mendapat anugerah Olahragawati Kebangsaan pada tahun 2002. Pada tahun 2002, Nicol Ann telah dilantik Duta Muhibbah Kebangsaan Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) Malaysia yang pertama. Beliau terpilih berikutan pencapaiannya yang cemerlang dalam bidang sukan dan akademik. Nicol Ann sekali lagi terpilih sebagai Olahragawati Kebangsaan bagi tahun 2003.

Bagi menghargai sumbangannya yang begitu besar dalam sukan skuasy tanah air, Nicol Ann telah menerima bintang Ahli Manguku Negara (A.M.N.) dan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) pada tahun 2000 daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

DAYANG MAHANI TUN PENGIRAN
HAJI AHMAD RAFFAE,
DATUK



Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani dilahirkan pada 13 Julai 1951 di Lumadan Estate, Beufort, Sabah. Beliau merupakan anak kepada Yang Dipertua Negeri Sabah yang kedua, Tuan Yang Terutama Pengiran Ahmad Raffae (Allahyarham). Beliau telah

berkahwin dengan Encik Onn Ariffin pada tahun 1975 dan mereka dikurniai dua orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan. Beliau mendapat pendidikan di Maktab Sabah dan Harvegal College, Toronto dan U.F.T. Kanada.

Disebabkan jawatan ayahnya dalam kerajaan, keluarganya sering berpindah-randah. Keadaan ini menyebabkan Datuk Dayang Mahani terpaksa ditumpangkan dengan beberapa anggota keluarga yang lain. Setelah kedudukan ayahnya tetap di Kota Kinabalu, maka barulah kesemua adik-beradiknya kembali bersama keluarga termasuk beliau sendiri.

Datuk Dayang Mahani telah melibatkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan dan politik. Beliau pernah menyandang jawatan Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah Kota Kinabalu dari tahun 1970 hingga 1985, Naib Presiden Intan Jaycees dari tahun 1976 hingga 1983, Naib Presiden PEWASA dari tahun 1976 hingga 1982

dan Pengerusi Majlis Perhubungan Masyarakat. Sekarang beliau ialah Penaung Persatuan Perancang Keluarga Sabah.

Dalam bidang politik, pada tahun 1985, beliau menyandang jawatan Ketua Wanita United Sabah National Organisation (USNO) Negeri Sabah dan pada tahun 1991, beliau ialah Timbalan Ketua UMNO Bahagian Sipitang. Di peringkat negeri pula, Datuk Dayang Mahani menjadi Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dari tahun 1994 hingga 1995, Pembantu Menteri Pembangunan dan Industri Sabah dari tahun 1995 hingga 1996, Menteri Perhubungan dan Kerja Raya Sabah dari tahun 1996 hingga 1997, Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah dari tahun 1997 hingga 2000 dan Ahli Dewan Undangan Negeri Lumadan dari tahun 1985 hingga 1999. Kini beliau ialah Ketua Wanita UMNO Negeri Sabah, Pengerusi Barisan Nasional Wanita Sabah, Ahli Jawatankuasa Penaja UMNO Bahagian Sipitang dan Ketua Cawangan UMNO Kampung Lumadan, Sipitang. Kini beliau ialah Ahli Dewan Negara dan Timbalan Pengerusi II Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

DEVAKI KRISHNAN, TAN SRI (DR.)



Yang Berbahagia Tan Sri (Dr.) Devaki telah dilahirkan pada 11 Mac 1929 di Port Dickson, Negeri Sembilan, dan merupakan anak kedua daripada enam orang adik-beradik. Beliau telah bersekolah di St. Mary's Girls School, Kuala Lumpur. Pada tahun 1949, beliau telah berkahwin dengan Encik P. Krishnan (telah meninggal dunia pada 20 Oktober 1998), seorang peniaga dan mereka mempunyai empat orang anak, dua orang daripadanya Datin Dr. Jayanthi Krishnan, Timbalan Pengarah Kesihatan DBKL dan Dr. Ramani Krishnan, Konsultan pakar telinga dan tekak di Hospital Kuala Lumpur.

Pada tahun 1948, beliau memulakan kerjayanya sebagai guru, walaupun tidak mempunyai sebarang latihan perguruan, di Sekolah Kisyen Dyal, iaitu sekolah persendirian untuk budak-budak lelaki yang terletak di Brickfields, Kuala Lumpur. Selepas berkahwin, beliau aktif dalam Persatuan India Selangor dan Women International Club di mana beliau telah menghabiskan masa mencari sumber kewangan bagi membantu mangsa-mangsa bencana. Penglibatan beliau dalam kerja-kerja kemasyarakatan berteraskan matlamatnya yang ingin agar orang-orang miskin menyedari hak-hak politik mereka serta mencari jalan penyelesaian kepada masalah mereka. Selepas 17 tahun men-

gajar di Sekolah Kisyen Dyal, beliau telah berpindah ke Loh Institute di Batu Road, pada tahun 1967 dan mengajar di sana sehingga tahun 1975.

Pada tahun 1951, Tan Sri Devaki telah menjadi wanita pertama di Malaysia dilantik ke Majlis Perbandaran Kuala Lumpur. Ketika pilihan raya di peringkat Majlis Perbandaran diadakan pada tahun 1952, Tan Sri Devaki merupakan salah seorang daripada calon wanita yang bertanding, iaitu di bawah Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) dan telah memenangi kerusi kawasan Bangsar. Beliau berjaya mempertahankan kerusi tersebut dalam pilihan raya yang sama pada tahun 1953. Dalam tahun yang sama, beliau telah menyertai Civil Defence Corps, di mana beliau telah mengikuti latihan mencegah kebakaran dan kebajikan dan kemudiannya telah dilantik jurulatih. Latihan intensif yang dilaluinya amat berguna apabila berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969, apabila seramai 250 orang telah diletakkan di bawah jagaannya.

Beliau telah diminta bertanding bagi kawasan Sentul dalam pilihan raya peringkat negeri dan parlimen pada tahun 1959 di bawah Parti MIC. Sekali lagi, beliau menjadi wanita pertama yang bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri dalam pilihan raya. Sayangnya beliau telah kalah dalam pilihan raya tersebut. Selepas itu, beliau telah dilantik Timbalan Pengerusi MIC Negeri Selangor yang dalam masa yang sama beliau juga merupakan Pengerusi Wanita MIC Negeri Selangor. Pada tahun 1975, beliau menjadi Setiausaha Kebangsaan Wanita MIC dan, pada tahun 1984, beliau telah dilantik Timbalan Presiden Wanita MIC sehingga beliau meletakkan jawatan pada tahun 1994.

Tan Sri Devaki telah menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Kebajikan India, Persatuan Perancang Keluarga Selangor, Pure Life Society dan telah menjadi Pengerusi Persatuan St. John Ambulans. Beliau juga telah berkhidmat dalam Jawatankuasa Kebajikan Sosial Kuala Lumpur lebih daripada 15 tahun serta merupakan Ahli Lembaga Pengarah Rumah Kanak-kanak Tunku Budriah, Rumah

Kanak-kanak Selangor, Rumah Kanak-kanak Lelaki Sentul dan Rumah Kanak-kanak Lelaki Serendah. Selain itu, beliau juga ialah Penasihat Mahkamah Juvana Petaling Jaya, Shah Alam, Ampang dan Kuala Lumpur dan berada dalam Tribunal Perkahwinan Orang-orang Bukan Islam. Beliau juga menjadi Ahli Jawatankuasa Inter-Religious Consultative Council for Buddhists, Christians, Hindus & Sikhs. Dalam pertubuhan wanita, beliau telah dilantik salah seorang Ahli Jawatankuasa NCWO dan menjadi Ahli Jawatankuasa dan kemudiannya dilantik sebagai Pemegang Amanah PPSEAWA.

Penglibatan beliau selama 48 tahun dalam MIC telah mendapat pengiktirafan apabila beliau dilantik Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat dan Pengerusi Wanita MIC Negeri Selangor. Beliau juga telah dilantik menjadi Pengerusi pertama Biro Perkahwinan MIC yang ditubuhkan pada tahun 1984. Beliau juga Pengerusi MIC cawangan Bandar Syed Putra.

Tan Sri Devaki juga tidak ketinggalan menyertai pelbagai persidangan dan seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya, seminar ACWW, Co-operative College Seminar for Women, United Nations Seminar on Family & Child Welfare, PPSEAWA Triennial Conference, Seminar NCWO mengenai Dekad Wanita dan persidangan-persidangan Hindu Sedunia di serata dunia.

Sumbangan yang telah dicurahkan telah mendapat pelbagai pengiktirafan daripada pelbagai pihak. Kerajaan Malaysia telah mengurniakan beliau Meritorious Service Medal pada tahun 1964 yang telah disampaikan menerusi parti MIC atas usaha beliau ke arah mencapai kemerdekaan. Pada tahun 1961, beliau telah dikurniakan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Beliau telah mendapat anugerah Tokoh Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah-Avon pada tahun 1984. Beliau juga telah mendapat anugerah Serving Sister St. John daripada Ratu England, Queen Elizabeth II pada tahun 1974, anugerah *Mahalar Kula Jothi* daripada World Hindu Women Council pada tahun 1988, anugerah *Thondarmani* daripada Malaysian Hindu Sangam pada

tahun 1993, anugerah *Samooga Sevai Mamani* daripada Sangeethalayam pada tahun 1995 dan anugerah *Arul Nithi* daripada World Community Service Centre pada tahun 1986.

Pada tahun 1990, beliau telah dianugerahi bintang Johan Mangu Negara (J.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan, pada tahun 1993, mendapat Pingat Emas Tun Fatimah daripada NCWO. Pada tahun 1994, beliau telah dianugerahi Ijazah Doktor Kehormat dalam bidang Sains Politik oleh Pacific Western University, Los Angeles, Amerika Syarikat. Datuk Seri S. Samy Vellu juga telah mengurniai beliau Anugerah Emas pada tahun 1996 atas sumbangan baktinya kepada MIC. Pada tahun 1995, beliau telah menjadi wanita India pertama yang dianugerahi bintang Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran 'Tan Sri' oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Beliau telah dianugerahi Woman of the Year bagi tahun 1998 dan 1999 oleh American Biographical Institute dan pada tahun 1999, beliau dilantik Timbalan Gabenor institut tersebut untuk sepanjang hayat.

DEVARAJ, ELIZABETH SAROJINI, DATIN



Yang Berbahagia Datin Elizabeth telah dilahirkan pada 22 April 1929 di Pulau Pinang. Beliau telah berkahwin dengan Datuk Dr. T. Devaraj dan mereka mempunyai empat orang anak, iaitu Dr. Jeyakumar, Sheila Jayakumar, Rajendran dan Dr. Prema.

Pada tahun 1948, beliau telah lulus Senior Cambridge. Seterusnya, beliau mengikuti latihan perguruan selama tiga tahun hingga tahun 1952. Beliau memperoleh Sijil Pendidikan daripada Universiti Singapura pada tahun 1956. Kerjaya beliau sebagai pendidik bermula pada tahun 1953 hingga 1984. Pada tahun 1957 hingga 1958, beliau menjadi pensyarah di Maktab Perguruan.

Datin Elizabeth terlibat aktif dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan. Dari tahun 1964 hingga 1980, beliau menjadi guru sukarela di Gereja Methodist Tamil. Semenjak tahun 1965, beliau bergiat dalam YWCA Pulau Pinang; daripada sebagai seorang ahli, kini beliau menjadi Presiden YWCA Pulau Pinang. Selama enam tahun, dari 1986 hingga 1992, beliau merupakan Presiden YWCA peringkat kebangsaan.

Dari tahun 1985 hingga 1999, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa, Kaunselor dan juga Naib Presiden Pusat Krisis Wanita. Beliau juga turut terlibat dalam Lembaga Kebajikan Wanita (Women's Welfare

Council) semenjak tahun 1988 dan menjawat jawatan Naib Presiden dari tahun 1991 hingga sekarang. Beliau juga mempengerusikan Jawatankuasa Rumah Perlindungan Sosial dari tahun 1995 hingga kini.

Selain itu, Datin Elizabeth pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Perlindungan Kanak-kanak Pulau Pinang, dari sejak tahun 1992 dan Naib Presiden Persatuan tersebut dari tahun 1999 hingga 2000. Beliau juga sukarelawan dan jurulatih bagi program Hospice at Home peringkat negeri Pulau Pinang. Beliau juga Presiden NCWO Pulau Pinang sejak tahun 1992 hingga sekarang dan Naib Presiden NCWO Kebangsaan Rantau Utara sejak tahun 1998 hingga sekarang.

Beliau pernah dilantik Penasihat Mahkamah Juvana pada tahun 1974, ahli Panel Siasatan, Lembaga Tatatertib Peguam dari tahun 1996 hingga 2000, dan Ahli Lembaga Penasihat Pendidikan Pulau Pinang sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja Khas bagi Sekolah-Sekolah Tamil dari tahun 1999 hingga 2002. Beliau juga terlibat dalam Persatuan Perancang Keluarga Sukarela bagi Kedah dan Pulau Pinang dari tahun 1964 hingga 1982 dan Ahli Jawatankuasa Pekerja Penjara Gereja Kristian dari tahun 1984 hingga 1988.

Datin Elizabeth telah dikurniai Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh negeri Pulau Pinang pada tahun 1987. Pada tahun 1988, Beliau telah dianugerahi Pingat Emas Tun Fatimah oleh NCWO.

EMILIA KAMARUDIN, MEJAR (TUDM)



Mejar Emilia telah dilahirkan pada 27 Ogos 1962 di Selangor Darul Ehsan. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Abdul Aziz Ali. Mereka mempunyai lima orang anak, iaitu Afiq Farhan, Amar Fikri, Nur Ain Shahirah, Nur Aiman Shuhada dan

Muhammad Harith Fahmi.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Convent Bukit Nanas sehingga lulus Tingkatan Lima pada tahun 1979. Selepas itu, beliau telah mengambil A Level di Llandrillo Technical Collge, United Kingdom, dan lulus pada tahun 1982. Beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Sivil pada tahun 1985 daripada Loughborough University, United Kingdom. Pada tahun 1998, beliau mendapat Diploma dalam Pengajian Strategi dan Pertahanan daripada Universiti Malaya.

Mejar Emilia merupakan wanita pertama menjadi juruterbang pesawat pejuang. Beliau menjadi juruterbang pesawat *Skyhawk* di Pengkalan TUDM Kelantan, dari tahun 1989 hingga 1992. Kemudian, antara tahun 1992 hingga 1995, beliau menjadi jurulatih di Pusat Latihan Terbang Satu di Pengkalan TUDM Alor Setar, dan merupakan wanita pertama dalam Angkatan Tentera Malaysia menjadi jurulatih penerbangan.

Dari tahun 1995 hingga 1998, beliau ialah Ketua Operasi Pusat Simulator Pejuang di Pengkalan TUDM Butterworth, Pulau Pinang, dan dari tahun 1999 hingga 2001, beliau ialah Pegawai Memerintah di Pusat Simulator Pejuang. Mulai tahun 2001, beliau bertugas sebagai Ketua Sayap KAKU di Institut Latihan Instruktur Terbang di Pengkalan TUDM Alor Setar, Kedah.

Pada tahun 1999, Mejar Emilia telah menerima Anugerah Maulidur Rasul manakala pada tahun 2001, beliau dikurniai bintang Ahli Mahkota Selangor (A.M.S.) oleh DYMM Sultan Selangor.

ENDON MAHMOOD, DATIN PADUKA SERI



Yang Amat Berbahagia Datin Paduka Seri Endon dilahirkan pada 24 Disember 1940 di Jalan Klang Lama, Selangor (kini Kuala Lumpur). Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang

kini merupakan Perdana Menteri Malaysia yang kelima. Mereka dikurniائي dua orang anak, iaitu Nori dan Kamaluddin.

Datin Paduka Seri Endon mendapat pendidikan awal di Sekolah Methodist Kampar (yang kemudiannya bertukar nama menjadi Anglo-Chinese School) dan Sekolah Menengah St. Mary, Kuala Lumpur. Beliau mempunyai kelulusan OSCC (Overseas Senior Cambridge Certificate). Beliau telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia dan jawatan terakhir yang dipegang sebelum bersara secara pilihan ialah Setiausaha kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Kini, sebagai isteri Perdana Menteri Malaysia, beliau lebih banyak menumpukan perhatian kepada kegiatan sukarela dan kemasyarakatan. Beliau memegang jawatan sebagai Yang Dipertua BAKTI, Pengerusi Yayasan Budi Penyayang Malaysia dan Penaung PUSPANITA Kebangsaan. Selain itu, beliau menjadi penaung kepada beberapa pertubuhan lain, iaitu Persatuan Pandu Puteri Malaysia,

PERTIWI, PUSPANITA Kementerian Dalam Negeri, PUSPANITA Kementerian Kewangan, Persatuan Penulis Wanita Malaysia dan Persatuan Penyayang Pesakit Kanser.

Beliau juga telah menghasilkan dua buah karya, iaitu *The Nyonya Kebaya* pada tahun 2002 terbitan The Writers' Publishing House, Kuala Lumpur, dan *The Nyonya Kebaya – A Century of Straits Chinese Costume* pada tahun 2004 terbitan Periplus. Datin Paduka Seri Endon telah menggerakkan semula minat dan perkembangan perusahaan batik di Malaysia dan menganjurkan Pertandingan Piala Seri Endon. Beliau juga telah mengadakan pameran kebaya Nyonya di Balai Seni Lukis Negara sempena Persidangan NAM pada tahun 2003.

Beliau telah dikurniai bintang Seri Paduka Mahkota Selangor Kelas Pertama (S.P.M.S.) oleh DYMM Sultan Selangor yang membawa gelaran 'Datin Paduka Seri' dan Darjah Kebesaran Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (S.S.A.P.) oleh DYMM Sultan Pahang yang membawa gelaran 'Dato' Sri'. Pada tahun 2004, beliau dianugerahkan darjah kebesaran Seri Paduka Mahkota Kelantan (S.P.M.K.) daripada DYMM Sultan Kelantan yang membawa gelaran 'Dato'.

ENJAH MOHD ARIFF, IBU (ALLAHYARHAM)



Puan Enjah Mohd Arif, atau lebih dikenali sebagai Ibu Enjah, dilahirkan pada tahun 1903 di Kampung Melaka, Kuala Lumpur (sekarang Jalan Melaka berhampiran Masjid Jame'). Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Ismail Nikmat (Allahyar-

ham) dan mereka dikurniai 12 orang anak, tiga daripadanya telah meninggal dunia sewaktu usia mereka masih muda.

Pada tahun 1980, YADIM telah melancarkan Anugerah Ibu Mithali. Anugerah ini ditujukan khas kepada para ibu sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan wanita sebagai ibu. Ibu Enjah merupakan penerima Anugerah Ibu Mithali yang pertama.

Beliau telah menjadi ibu tunggal kerana kematian suami pada 3 Februari 1945. Dalam keadaan yang sangat daif disebabkan suaminya meninggal dunia dengan mengejut dan tidak meninggalkan harta benda, sedangkan anak-anaknya masih kecil, Ibu Enjah telah membanting tulang empat keratnya dan, dengan dibantu oleh anak-anaknya, telah berjaya memelihara serta menyekolahkan mereka sehingga berjaya. Anak-anak beliau tamat persekolahan dan menjadi manusia yang berjaya dalam bidang akademik, matang, bertanggungjawab dan hidup dalam suasana kasih sayang dan saling menghormati, terutamanya terhadap ibu mereka. Pada usia yang

lanjut, keluarga Ibu Enjah amat besar, terdiri daripada anak, cucu dan cicit yang mempunyai hubungan yang erat dan mesra antara satu sama lain.

Di samping itu, sepeninggalan suaminya dan setelah anak sulungnya, Tan Sri Dato' Dr. Abdul Majid Ismail, anak Melayu pertama menjawat jawatan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia, lulus universiti dan mampu menampung perbelanjaan ibu serta adik-adiknya dan setelah anak-anaknya membesar dan berdikari, Ibu Enjah telah menumpukan perhatiannya ke arah berbakti kepada masyarakat dan politik. Oleh sebab teringat akan hidup susah sebagai ibu tunggal yang miskin, beliau sentiasa membantu jiran tetangga dan sesiapa sahaja yang dalam kesusahan, terutamanya janda yang mempunyai anak. Tetapi sumbangannya lebih daripada itu. Kerja-kerja kebajikannya banyak dan luas, meliputi penubuhan tadika, kelas dewasa, PIBG sekolah, jawatankuasa kampung serta masjid dan surau.

Kemuncak kegiatan kebajikan beliau ialah semasa beliau menubuhkan syarikat kerjasama untuk jiran-jiran yang menghadapi kesulitan kewangan. Pada mulanya kegiatan syarikat kerjasama ini sederhana sahaja tetapi beliau telah membinanya sehingga menjadi sebuah koperasi yang berjaya dan mempunyai bangunan sendiri yang dibina atas tanah kepunyaan beliau sendiri. Tanah tersebut telah diderma oleh beliau kepada syarikat kerjasama tersebut. Sebagai mengenang jasa beliau, bangunan dua unit tiga tingkat itu diberi nama 'Wisma Ibu Enjah'. Beliau dikatakan pelopor penubuhan Rumah Pendidikan Am (RUPAS), tadika UMNO dan Syarikat Serbaguna Kaum Ibu Setapak Berhad yang sekarang ini dikenali dengan nama KOSIBU, iaitu Koperasi Serbaguna Kaum Ibu Selangor dan Wilayah Persekutuan Berhad. Pada ketika umurnya mencapai separuh abad, Ibu Enjah telah membabitkan diri dalam politik dan bergerak cergas bersama tiga orang Perdana Menteri, iaitu dari Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak hingga ke Tun Hussein Onn. Ibu Enjah yang tidak mendapat pelajaran formal

ini telah bergerak cergas sehingga dilantik menjadi pemimpin UMNO di peringkat cawangan dan bahagian dan juga di peringkat negeri Selangor. Beliau telah menubuhkan Kaum Ibu UMNO Setapak dan kemudian Kaum Ibu UMNO Gombak apabila berpindah ke Gombak. Beliau telah memegang jawatan Ketua Wanita UMNO Setapak selama 25 tahun dan Ketua Wanita UMNO Selangor selama 18 tahun. Bahkan, beliau pernah dilantik menjadi exco Wanita UMNO Pusat selama sepenggal. Ramai pemimpin Wanita UMNO Selangor kini adalah di bawah pimpinan dan bimbingan beliau sehingga berjaya.

Sebagai menghargai jasa-jasa beliau, Ibu Enjah telah dikurniai pingat Jaksa Pendamai (J.P.) dan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh DYMM Sultan Selangor dan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) serta bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Ibu Enjah telah meninggal dunia pada 11 Ogos 1996 bersamaan 26 Rabiul Awwal, 1417 Hijrah, ditangisi oleh seramai 9 orang anak, 53 orang cucu dan 71 orang cicit.

ERMA FATIMA RAHMAD



Puan Erma Fatima, atau nama sebenarnya Fatimah Rahmad, telah dilahirkan pada 14 Mac 1968 di Kuala Lumpur. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Badaruddin Azmi dan mereka mempunyai empat orang anak, iaitu Ahmad Albab, Ahmad Arri, Ahmad Aifin dan Citra. Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur, sehingga tingkatan lima dan menyambung pengajian di peringkat A-Level di Regent School of Economics. Beliau juga memperoleh Diploma dalam bidang kesenian daripada Institut Kesenian Jakarta, Indonesia.

Beliau telah melibatkan diri dalam bidang lakonan pada tahun 1980-an. Selain lakonan, beliau juga giat dalam penulisan skrip, pengarahannya serta penerbitan drama dan filem. Sehingga kini, beliau telah menghasilkan lebih daripada 50 buah drama seperti *Hartini*, *Daerah Shafika* dan *Haryati* dan telah mengarahkan tiga buah filem, iaitu *Jimi Asmara*, *Perempuan Melayu Terakhir* dan *Embun*.

Lakonannya telah mendapat pengiktirafan apabila Puan Erma Fatima berjaya merangkul beberapa anugerah. Beliau telah mendapat Anugerah Pelakon Pembantu Wanita Terbaik pada tahun 1987 dan 1988 serta Anugerah Pelakon Wanita Terbaik dalam Pesta Filem Malaysia pada tahun 1989 dan 1990. Selama empat tahun berturut-

turut, beliau mendapat Anugerah Pelakon Wanita Popular anjuran akhbar Berita Harian. Beliau memperoleh Anugerah Pengarah Telenovela Terbaik pada tahun 1997, 1998 dan 1999. Pada tahun 2000, beliau menerima Anugerah Pengarah Terbaik di Pyongyang International Film Festival di Korea Utara.

Selain itu, beliau pernah menjadi Setiausaha Persatuan Sutradara Malaysia selama dua tahun dan Exco Puteri UMNO Malaysia selama enam bulan. Pada tahun 2002, beliau ialah Setiausaha Persatuan Karyawan Malaysia dan Pengasas serta Pengerusi Yayasan Seni Karya Prihatin Malaysia. Yayasan Seni Karyawan Malaysia ialah sebuah badan bukan kerajaan yang telah ditubuhkan oleh beberapa orang karyawan untuk membantu anak-anak yatim di Lembah Klang. Projek terkini beliau ialah rancangan radio *Ekspresi* terbitan stesen radio THR.fm yang menumpukan perhatian kepada masalah sosial yang melanda generasi muda sekarang.

Pada bulan Jun 2004, Puan Erma Fatima telah mendapat bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

FARIDA HABIB SHAH, PROFESOR DR.



Profesor Dr. Farida dilahirkan di Melaka, pada 29 Jun 1948. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains (Genetik) daripada Universiti Malaya pada tahun 1972. Tiga tahun selepas itu, beliau memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang Immunogenetik daripada universiti yang sama. Pada tahun 1983, beliau berjaya mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Biologi Molekular daripada University of New South Wales, Australia.

Beliau mula berkhidmat sebagai tutor di UKM sejak tahun 1972. Selepas memperoleh Ijazah Sarjana, beliau dinaikkan pangkat sebagai pensyarah pada tahun 1975. Beliau diangkat sebagai Profesor Madya pada tahun 1991 dan menjadi Profesor penuh pada tahun 1996. Antara tahun 1992 hingga 1994, Prof. Dr. Farida memegang jawatan Ketua Jabatan Genetik, UKM. Kini beliau ialah Pengarah Bahagian Bioteknologi Melaka di Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Beliau merupakan pakar biologi molekul yang pertama dan Profesor Molekul Biologi yang pertama di Malaysia. Sejak memperoleh Ijazah Kedoktoran pada tahun 1983, beliau telah memulakan penyelidikan biologi molekul. Dalam masa yang sama, beliau juga telah mula mewujudkan makmal biologi molekul tumbuhan di Jabatan Genetik, UKM. Prof. Dr. Farida merupakan perintis dan

penyumbang utama dalam bidang penyelidikan biologi molekul kelapa sawit, komoditi utama negara. Beliau telah merintis dan menubuhkan makmal pertama di Malaysia yang menumpukan perhatian kepada penyelidikan biologi molekul kelapa sawit pada tahun 1985. Penyelidikan beliau telah menyumbang ke arah memahami biologi molekul asas dan pengekspresan gen serta fungsi proses-proses sel utama dalam pembentukan minyak dalam kelapa sawit.

Selain itu, Prof. Dr. Farida turut terlibat dalam mengkaji aspek genetik perubatan. Ini termasuklah mengesan mutasi dalam pesakit yang dijangkiti Duchenne Muscular Distrophy (DMD) dan pesakit yang dijangkiti thalassemia. Beliau turut sama dalam menubuhkan makmal thalassemia di Institut Penyelidikan Perubatan dan mewujudkan kaedah *prenatal diagnostic* untuk penyakit thalassemia di Jabatan Patologi di Fakulti Perubatan, UKM. Sejak tahun 1993, beliau telah menumpukan kajiannya ke atas biologi molekul kelapa sawit.

Prof. Dr. Farida ialah Pengasas dan Presiden Persatuan Biologi Molekul Malaysia pada tahun 1988 dan Ahli Pengasas Persatuan Genetik Malaysia dan memegang jawatan Bendahari dari tahun 1992 hingga 1994. Beliau menjadi Ahli Majlis Eksekutif Persatuan Biokimia Malaysia dari tahun 1985 hingga 1990. Beliau juga ahli International Plant Molecular Biology Society, ahli Asian-Pacific Organisation of Cell Biology, Ahli Majlis Penasihat Antarabangsa Congress Asian Pacific Organisation for Cell Biology sejak tahun 1995 serta Ahli Majlis Eksekutif Third World Organisation of Women in Science dari tahun 1999 hingga 2004. Di samping itu, beliau juga Editor Bersama *Asian Pacific Journal of Molecular Biology* dan Editor Bersama *Sains Malaysiana* sejak tahun 2001.

Beliau turut melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan terutamanya dalam memajukan sains dan teknologi dalam masyarakat. Prof. Dr. Farida ialah Pengerusi Suruhanjaya Sains dan Teknologi di bawah NCWO, Koordinator projek Networking Women: Empowerment Through IT di bawah Majlis Teknologi dan Maklumat Kebang-

saan, Pengerusi Jawatankuasa Induk Kementerian Pembangunan Wanita, Jawatankuasa Penasihat Universiti dan Pengerusi International Forum on Women and IT. Selain itu, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja Forum Konsumer di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Ahli Jawatankuasa Kerja Projek-projek E-komuniti di bawah Kementerian Tenaga dan Multimedia dan Penasihat Negara bagi APEC Gender Mainstreaming Project pada tahun 2000.

Prof. Dr. Farida telah menghasilkan banyak buku serta makalah di dalam jurnal. Antara buku-buku yang ditulisnya ialah *Peng-ekspressan Gen* terbitan DBP (1989), *Asas Teknologi DNA Rekombinan* terbitan DBP (1996), *Siti Hasmah: Citra Wanita Dua Zaman* bersama Datuk Dr. Nik Safiah, Datin Azizah Mokhzani, Dr. Rokiah Talib dan Normah Dali terbitan Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (1998), *How to be 'A' Student* (1998) dan *Women in the New ICT Era: Challenges and Opportunities* (editor bersama) terbitan NCWO (2001).

Antara makalah beliau dalam jurnal-jurnal yang telah diterbitkan ialah *An Anomalous tRNA Ser from Bovine Mammary Glands* (1988) dalam *Genome* 30 (1) 31, *Peranan Teknologi DNA Rekombinan dalam Bioteknologi Tumbuhan* (1990) dalam *Kolokium Fakulti Sains Hayat* terbitan UKM, *Detection of Differentially Expression Genes in the Development of Palm Oil Mesocarp* (1994) bersama Abdullah SNA dan Cheah SC dalam *Asia Pacific Journal of Molecular Biology and Biotechnology*, *Temporal Expression and Regulation of two Clones Encoding two Isoforms of Stearoyl ACP-desaturated* (2000) bersama Rashid, O, Cha, TS dalam *Plant Science* 152:27-33, *Kernel-specific cDNA clone encoding three different isoforms of seed storage protein glutelin from oil palm *Elaeis guineensis** (2001) bersama Cha, TS dalam *Plant Science* 160: 913-923 dan *A Mesocarp Specific DNA Clone from Palm Oil Encode for Sesquiterpenes Synthase* (2000) bersama Cha, TS dalam *Plant Science* 154,153-160.

Sejak tahun 2002, beliau telah dilantik ahli Fellow Sains dalam Third World Academy of Science (TWAS) yang beribu pejabat di Trieste, Italy.

FARIDAH HAJI MAT SAMAN



Puan Faridah telah dilahirkan pada 29 Oktober 1948 di Kelantan. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pasir Mas dan Sekolah Pondok Mundok, Thailand. Sejak kecil lagi, beliau telah mendapat asuhan mengaji Al-Quran daripada ibu-

nya Hajah Che Yam Che Had yang merupakan seorang yang mahir dan terkenal pada masa itu kerana suara dan lagunya dalam membacakan ayat-ayat suci Al-Quran. Selain itu, beliau juga turut belajar dengan qari-qari yang terkenal di Kelantan pada ketika itu.

Beliau telah pertama kali memasuki Pertandingan Musabaqah Membaca Al-Quran di peringkat negeri Kelantan pada tahun 1964 dan seterusnya bertanding di peringkat kebangsaan dan telah menjadi johan semasa berusia 16 tahun. Beliau telah mewakili Malaysia ke Pertandingan Musabaqah Membaca Al-Quran di peringkat antarabangsa pada tahun yang sama dan menjadi johan. Kebetulan pada tahun itu, penyertaan qariah diperkenalkan buat kali pertama.

Seterusnya, beliau menyertai dan memenangi Pertandingan Musabaqah Membaca Al-Quran sehingga tahun 1992 sebanyak lapan kali, iaitu pada tahun 1964, 1965, 1972, 1976, 1977, 1989, 1990 dan 1992 serta menjadi johan di peringkat negeri dan di peringkat kebangsaan.

Kini, beliau mengajar dan memberi bimbingan Al-Quran di tempat kediamannya, di surau dan masjid-masjid. Beliau juga telah menubuhkan sebuah syarikat pelancongan, Tola Travel & Tours Sdn. Bhd., pada tahun 1993 yang berkembang maju hingga sekarang.

FARIDAH MERICAN



Puan Faridah Merican atau nama penuhnya, Faridah Merican Basha Merican, telah dilahirkan pada 25 Oktober 1939 di Pulau Pinang. Beliau ialah anak bongsu daripada tujuh orang adik-beradik. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Perempuan St.

George, Pulau Pinang, dan kemudian melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan, sehingga tahun 1957. Selepas itu, beliau menuntut di Day Training Centre, Pulau Pinang, dari tahun 1958 hingga 1959 dan Maktab Perguruan Khas, Cheras, pada tahun 1962. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Joe Hasham dan mereka mempunyai seorang anak lelaki, Feroz.

Beliau memulakan kerjaya sebagai guru sekolah rendah dari tahun 1960 hingga 1964. Antara tahun 1963 hingga 1964, beliau ialah guru pakar pendidikan jasmani. Sejak tahun 1969, beliau bekerja di Ogilvy & Mather Advertising bermula dengan tugas di bahagian *Props & Casting*, Pembantu Penerbit di Jabatan Audio Visual sehingga menjadi salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah. Dari tahun 1960 hingga 1999, beliau bekerja secara sambilan sebagai juruhebah di Radio Malaysia dan Radio 4. Lebih kurang dalam tempoh yang sama, beliau juga menjadi pembaca berita dan hos rancangan untuk RTM.

Selain latihan perguruan, beliau juga mengikuti *Creative Training* di bawah Ogilvy & Mather di Melbourne, Australia, pada tahun 1975 dan menyertai Lawatan Sambil Belajar ke pejabat-pejabat Ogilvy & Mather di New York, San Francisco, Toronto dan London. Beliau juga pernah menyertai *Advanced Directors' Workshop* di London anjuran British Council pada tahun 1993.

Puan Faridah merupakan wanita pertama di Malaysia yang terlibat dalam seni teater. Beliau mula melibatkan diri dalam bidang lakonan teater sejak tahun 1950-an apabila melakonkan watak *Kate* dalam pementasan William Shakespeare yang berjudul *Taming the Shrew*. Beliau telah menubuhkan The Actors' Studio bersama suaminya pada tahun 1989 yang bertindak sebagai syarikat yang menerbitkan teater dan membantu menggalakkan perkembangan seni pentas di ibu negara. Kini The Actors' Studio mengendalikan The Actors' Studio Theatre pada tahun 1995, The Actors' Studio, The Actors' Studio Academy pada tahun 1998 dan The Actors' Studio Bookshoppe cum Deli pada tahun 1999, The Actors' Studio Box pada tahun 1999 dan The Actors' Studio Bangsar pada tahun 2001. Beliau juga pensyarah di Fakulti Seni Persembahan di Akademi Seni Kebangsaan sejak tahun 2000 hingga sekarang.

Di samping itu, beliau ialah Ahli Majlis Akademi Seni Kebangsaan dari tahun 1997 hingga 1999, Ahli Lembaga Pengarah Balai Seni Lukis Negara dari tahun 1997 hingga 2000, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Worldwide Fund for Nature (WWF) sejak tahun 1997 hingga sekarang, ahli Akademi Industri Muzik dari tahun 1998 hingga 2000 dan Setiausaha Agung Persatuan Karyawan dari tahun 2000 hingga 2002. Sekarang Puan Faridah ialah Penerbit Eksekutif The Actors' Studio serta turut mengarah dan berlakon dalam teater-teater yang diterbitkan oleh The Actors' Studio.

Beliau telah dianugerahi bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1973. Dalam tahun 1996, beliau menerima Vocational Award daripada Kelab Rotary Kuala Lumpur. Pada tahun 2004, Puan Faridah telah

menerima bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) dairpada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

FATIMAH BEE MOHD HASHIM, KOMANDER (TLDM)



Komander Fatimah Bee telah dilahirkan pada 9 Disember 1952 di Taiping, Perak. Beliau merupakan wanita pertama yang memegang jawatan Komander, satu jawatan tertinggi yang pernah dipegang oleh wanita dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sirusa Kem, Port Dickson, Negeri Sembilan, dan Sekolah Kebangsaan Sungai Besi Kem, Sungai Besi. Kemudian beliau bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kampung Pandan, Kuala Lumpur, Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Mentakab dan Sekolah Menengah King Edward VII, Perak, sehingga tamat tingkatan lima. Beliau mempunyai Diploma Kejuruteraan Elektronik daripada ITM pada tahun 1976. Pada tahun 1984, beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan daripada University Salford, United Kingdom.

Beliau menyertai TLDM pada 2 Januari 1985 dengan memegang pangkat Leftenan. Kerjaya beliau bermula di dalam tenteng Pegawai Jurutera di Stesen Komunikasi TLDM Lumut selama dua tahun. Kemudian beliau menjadi Pegawai Jurulatih di KD Pelandok, Lumut, selama empat tahun setengah dan selepas itu menjadi Pegawai Jurutera di Stesen Komunikasi TLDM Sitiawan selama dua tahun. Seterusnya beliau berkhidmat sebagai Jurutera Perhubungan Projek

Sistem Pengawasan Laut (SWASLA), Bahagian Keselamatan Negara di Jabatan Perdana Menteri selama dua tahun dan kemudian ditukarkan ke RMN Ship Silencing Centre di Lumut dan bertugas sebagai Pegawai *Degaussing* Kapal. Beliau telah dipindahkan ke Markas Bantuan TLDM Lumut dan diperjawatkan sebagai KPS Teknikal bagi tempoh empat tahun. Seterusnya, beliau diperjawatkan sebagai Pegawai Staf 2 Kejuruteraan Elektronik dan Senjata (Komunikasi) di Markas Tentera Laut sekira tiga tahun. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Leftenan Komander pada 2 Januari 1991 dan pada bulan November 2002, beliau dilantik Komander (TLDM) dan merupakan wanita pertama dilantik ke pangkat tersebut. Beliau menjadi Pegawai Staf 2 Kejuruteraan Elektrik dan Senjata (Komunikasi) di Markas Tentera Laut selama tiga tahun dan kemudian ditugaskan sebagai Pegawai Staf 1 IT Cawangan Siber di Kompleks Markas Angkatan Tentera Malaysia di Kementerian Pertahanan Malaysia sejak tahun 2003 hingga sekarang.

Selain itu, Komander Fatimah Bee pernah dilantik Pegawai Pilihan raya bagi Pengkalan TLDM Lumut pada tahun 1999. Beliau juga pernah memegang tugas tambahan yang diperlukan oleh perkhidmatan seperti Pegawai Yang Dipertua Mahkamah Tentera dan Pegawai Pengiring kepada isteri dif-dif kehormat yang mengadakan lawatan ke TLDM.

Beliau pernah mengikuti pelbagai kursus, antaranya, Kursus *Advance Degaussing* di United Kingdom, Kursus Mikropemproses 68000, Kursus Pengurusan Pusat Bertauliah dan Kursus *Personal Enhancement Management* di Kolej Tentera Laut Diraja dan Kursus *Awareness-Integrated Logistics Support* di Genting Highland, Pahang.

Pada tahun 2000, beliau menerima pingat Kesatria Angkatan Tentera (K.A.T.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

FATIMAH HAJI ABDUL MAJID, DATIN PADUKA



Yang Berbahagia Datin Paduka Fatimah dilahirkan pada 19 Julai 1919 di Muar, Johor, dan merupakan anak ketiga daripada 12 orang adik-beradik. Pada tahun 1939, beliau telah berumah tangga dengan Dato' Sheikh Abu Bakar Yahya (Allahyarham), seorang

Ahli Majlis Bandaran, Majistret dan juga Penolong Setiausaha Sulit kepada DYMM Sultan Johor. Mereka mempunyai dua orang anak perempuan, iaitu Puan Siti Zainab, bekas Ahli Dewan Rakyat dan bekas Timbalan Menteri Perusahaan Utama, dan Datin Siti Saleha yang merupakan Hakim Mahkamah Perusahaan.

Datin Paduka Fatimah pernah menerima didikan awal di Sekolah Kebangsaan Muar, Johor, daripada tahun 1929 hingga 1934 dan lulus darjah enam (Melayu). Sebelum menjadi Ahli Dewan Rakyat, beliau pernah menjadi guru di sekolah-sekolah aliran Melayu.

Penglibatan beliau dalam bidang politik bermula sejak tahun 1946 dengan menjadi ahli UMNO di Johor Bahru dan pernah memegang jawatan Setiausaha Pergerakan Wanita UMNO pada tahun yang sama. Di peringkat UMNO cawangan, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa pada tahun 1948. Dua tahun kemudian, beliau diangkat Ketua Pergerakan Wanita UMNO cawangan Bandar Johor Bahru dan memegang jawatan tersebut dari tahun 1962 hingga

sekarang. Di peringkat UMNO Bahagian pula, Datin Paduka Fatimah telah menjadi Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Johor Bahru pada tahun 1950. Dalam tempoh yang sama, beliau juga Naib Ketua UMNO Bahagian Johor Bahru.

Di peringkat negeri, beliau menjadi Pengerusi Perhubungan Wanita UMNO Negeri Johor dari tahun 1960 hingga 1983 dan dalam masa yang sama, beliau ialah Naib Ketua Perhubungan UMNO Negeri Johor. Di peringkat pusat, Datin Paduka Fatimah merupakan Ahli Jawatankuasa Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dari tahun 1959 hingga 1973. Beliau menjadi Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia selama enam tahun dari tahun 1973 hingga 1979. Beliau dilantik Timbalan Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita UMNO Malaysia pada tahun 1979 hingga 1983. Selain itu, beliau juga pernah dilantik menjadi Ahli Majlis Bandaran Johor Bahru dari tahun 1957 hingga 1959.

Kecenderungan Datin Paduka Fatimah dalam politik ternyata apabila beliau telah dipilih Ahli Dewan Undangan Negeri Johor bagi kawasan Pelintong (1959-1964). Kemudian beliau dipilih menjadi Ahli Dewan Rakyat kawasan Johor Bahru (1964-1969) dan Ahli Dewan Rakyat kawasan Batu Pahat (1969-1974). Semenjak tahun 1974 hingga 1978, beliau telah dipilih menjadi Ahli Dewan Rakyat kawasan Semerah. Beliau pernah menjadi wakil Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj membacakan ucapan perasmian penubuhan Parti Negara Sarawak pada tahun 1962. Beliau juga telah menubuhkan pasukan tentera Wataniah Wanita pertama di Johor, dan juga di Malaysia pada tahun 1964.

Di samping bergiat cergas dalam UMNO, beliau turut mengambil bahagian yang aktif dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela yang bercorak kebajikan bagi faedah wanita serta kanak-kanak. Pada tahun 1949 hingga 1951, beliau menjadi Pengerusi Pertubuhan Wanita Desa Antarabangsa daerah Muar. Semenjak tahun 1955 hingga 1977, beliau Pengerusi W.I. Daerah Johor Bahru. Beliau juga Ahli Jawatankuasa Sekolah Kanak-kanak Spastik Johor dari tahun

1957 hingga 1962. Selama lima tahun, dari tahun 1959 hingga 1964, beliau Penasihat Mahkamah Juvana daerah Johor Bahru. Dari tahun 1972 hingga 1978, beliau menjadi Ahli Lembaga Penasihat Tabung Haji, menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Pengguna-pengguna Malaysia pada tahun 1966 hingga 1974, Ahli Lembaga Pengelola Kolej Tunku Kurshiah mulai tahun 1963 dan Pengerusi Lembaga Pengelola Kolej Tunku Kurshiah mulai tahun 1964 hingga 1976. Beliau juga menjadi ahli Pertolongan Cemas mulai tahun 1955 hingga 1962 dan telah memegang jawatan Nursing Officer. Beliau juga menjadi Ahli Jawatankuasa W.I. Negeri Johor mulai tahun 1958 hingga sekarang, Pengerusi Perayaan Hari Wanita seluruh Negeri Johor mulai tahun 1962 dan Pengerusi Sekolah Taman Kanak-kanak semenjak tahun 1958 hingga 2002. Beliau juga Ahli Jawatankuasa Kolej Puteri Tengku Ampuan Mariam sejak tahun 1960 hingga 1955. Di samping itu, beliau menjadi Pengerusi Front Bertindak Suri Rumah Tangga semenjak tahun 1973. Dalam tahun 1952, beliau selaku Ketua Kaum Ibu UMNO Bahagian Muar telah berjaya membeli sebidang tanah dan membina rumah UMNO Muar (rumah ini sekarang telah diganti dengan bangunan baharu).

Dalam tahun 1968, selaku Pengerusi, beliau telah berusaha mendapatkan sekeping tanah daripada kerajaan Negeri Johor dan telah mendirikan sebuah sekolah Taman Kanak-kanak di Jalan Gertak Merah, Johor Bahru, yang berkembang maju hingga sekarang.

Beliau pernah dilantik Pengerusi Sambutan Kebudayaan bersempena sambutan Hari Keputeraan Sultan Johor untuk tahun 1961, tahun 1962 dan tahun 1963. Selain itu, beliau merupakan Pelawat Tetap bagi hospital-hospital dan rumah-rumah kebajikan seperti Hospital Permai Johor Bahru (1965-1970), Hospital Besar Johor Bahru (1972), Rumah Sakit Otak, Rumah Sakit Kusta, Rumah Kebajikan Kanak-kanak dan juga Rumah Banduan Johor Bahru (1968).

Selain itu, beliau pernah menjadi Pengerusi PERKIM Wanita cawangan Negeri Johor pada tahun 1978, Ahli Lembaga Lada Hitam

Negeri Johor dari tahun 1978 hingga 1981 dan Ahli Lembaga Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia dari tahun 1978 hingga 1983. Beliau juga bergiat aktif dalam W.I. Malaysia. Dari tahun 1979 hingga 1980, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa W.I. Malaysia. Kemudian, beliau dilantik Naib Pengerusi pada tahun 1982 hingga 1983. Bermula pada tahun 1983 hingga 1999, beliau menjadi Timbalan Pengerusi W.I. Malaysia.

Kerajaan Johor telah menghargai segala kegiatan dan jasa beliau dalam politik tanah air, terutama sekali di negeri Johor. Beliau telah dianugerahi Pingat Sultan Ibrahim (P.I.S.) pada tahun 1960 dan seterusnya pingat Jaksu Pendamai (J.P.). Pada tahun 1962, beliau dikurniai bintang Johan Mahkota Negara (J.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Beliau juga telah dikurniai bintang Dato' Setia Sultan Ismail Johor (D.S.I.J.) oleh DYMM Sultan Johor yang membawa gelaran 'Datin Paduka'.

**FATIMAH HAMID DON,
PUAN SRI DATO' PROFESOR EMERITUS DR.**



Yang Berbahagia Puan Sri Dato' Profesor Emeritus Dr. Fatimah telah dilahirkan di Batu Gajah, Perak pada 10 Julai 1933 dan merupakan anak ketiga daripada sepuluh orang adik-beradik. Beliau telah berumah tangga dengan Tan Sri Dato' Ishak Haji Pateh

Akhir (Allahyarham), bekas Ketua Pengarah Bahagian Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan bekas Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Suaminya telah kembali ke rahmatullah pada 18 Mei 1990. Mereka mempunyai dua orang anak perempuan, Faridah dan Fawziah, dan kini mempunyai dua orang cucu perempuan.

Puan Sri Prof. Fatimah menerima didikan sekolah rendah di Sekolah Melayu Ipoh, pada tahun 1942 dan Sekolah Melayu Kubang Semang, Bukit Mertajam, pada tahun 1945. Beliau lulus Senior Cambridge pada tahun 1950 dari Anglo Chinese Girls' School, Ipoh, dan telah melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya, Singapura, hingga lulus Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) pada tahun 1956. Beliau memperoleh Diploma dalam bidang Linguistik dan Fonetik daripada School of Oriental and African Studies, London, pada tahun 1958. Pada tahun 1964, beliau mendapat Diploma Pendidikan daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau telah melanjutkan pelajaran

dalam bidang pendidikan hingga mendapat Ijazah Sarjana (Geografi) daripada University of Southern California, Los Angeles pada tahun 1969, dan Ijazah Kedoktoran (Kurikulum dan Pengajaran) daripada universiti yang sama pada tahun 1971.

Pada peringkat awal kerjayanya, beliau menjadi guru sementara di beberapa buah sekolah rendah dan sekolah menengah dari tahun 1952 hingga 1954. Kemudian, beliau bertugas sebagai Pegawai di Kementerian Pelajaran pada tahun 1956, menjadi guru di Day Training Centre pada tahun 1958, dan antara tahun 1959-1964, beliau menjadi pensyarah di Maktab Perguruan Bahasa. Selepas itu, beliau berkhidmat di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya sebagai pensyarah, kemudian sebagai Profesor Madya dalam tahun 1972 dan sebagai Profesor merangkap Dekan dalam tahun 1974. Beliau merupakan wanita Melayu pertama dilantik menjadi Profesor. Di samping tugas-tugas di Universiti Malaya, beliau juga menjadi pemeriksa luar bagi USM. Semasa berkhidmat di Universiti Malaya, beliau pernah dilantik Profesor Kerusi Tun Abdul Razak di Ohio University, Amerika Syarikat (1983-1985).

Sebagai pakar dalam bidang pendidikan, terutamanya dalam bidang kurikulum, Puan Sri Prof. Fatimah sentiasa dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa dalam pelbagai organisasi dan pertubuhan. Antaranya, Pakar Kurikulum dan Penasihat bagi Jawatankuasa Pusat Kurikulum di Kementerian Pelajaran, Ahli Task Force B bagi Kurikulum dalam Jawatankuasa Kabinet yang meninjau pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan, ahli dan Penasihat bagi Rancangan Latihan Guru-guru Panduan Kementerian Pelajaran, Ketua Pasukan bagi *Mid-Term Review of Teacher's Education*, Rancangan Malaysia Kedua, Ahli Jawatankuasa Kurikulum Teknik dan Vokasional Bahagian Kajian dan Perancangan Pelajaran, Penasihat Projek Pelajaran Penduduk bagi Pusat Perkembangan Kurikulum, Ahli Jawatankuasa Membuat Laporan dan Membentuk Kurikulum Geografi Baharu bagi Sekolah-sekolah di Malaysia dan Penyelaras serta Pengerusi Inovasi Pendidikan di Malaysia. Beliau juga ialah Pengerusi Lembaga

Pengurus Pengarah Sekolah Sri Petaling, Ahli Jawatankuasa Penasihat mengenai Pendidikan Islam untuk Pelajar-pelajar Islam di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Malaysia, Penolong Setiausaha Persatuan Siswazah Universiti Malaya (1958-1976), Ahli Jawatankuasa Geografi Kebangsaan Malaysia, Penyunting *Geography Buletin* keluaran Persatuan Ilmu Alam Kebangsaan Malaysia dan Ahli UNESCO Technical Working Group on Innovations in Teachers' Education.

Beliau juga menganggotai banyak pertubuhan antarabangsa seperti World Council for Curriculum and Instruction (WCC), American Education Research Association (AERA), Association for Supervision and Curriculum Development (ASCD), National Council for Geographic Association (NCGE), Pi Lambda Theta, National Society for the Study of Education (NSSE), Malaysian Association for Education (MAE) dan juga Malaysian American Society.

Puan Sri Prof. Fatimah juga pernah dilantik Presiden Malaysian Education for the Science of Creative Intelligence, ahli tetap bagi Dean's Council, Graduate School of Education, University of Southern California semenjak tahun 1973, ahli Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya dan Ahli Jemaah MARA semenjak tahun 1976.

Beliau bertugas di Universiti Malaya sehingga tahun 1991 dan bekerja sebagai perunding bebas dan penceramah undangan dalam bidang penggubalan kurikulum, pembangunan wanita, pendidikan dan perguruan. Beliau ialah Pengasas Pusat Prasekolah EDUCARE dan Malaysia Child Resource Institute. Pada tahun 1992 hingga 1995, beliau menjadi Pengarah Open Learning Centre di Kuala Lumpur, dan sejak tahun 1996, beliau ialah Pengerusi Institut Loyal ITA di Ipoh, Perak, dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Akademik bagi institusi berkenaan. Beliau juga telah mengasaskan dan menjadi Pengerusi Gender Focus Consult.

Dalam pertubuhan sukarela, antara tahun 1962 hingga 1968, beliau mengasaskan dan menjadi Pengerusi Kesatuan Guru-guru Perempuan Cawangan Kuala Lumpur dan turut aktif dalam memperjuangkan isu gaji sama pada masa itu. Beliau ialah antara ahli pengasas NCWO pada tahun 1962. Dari tahun 1971 hingga 1975, beliau menjadi Naib Presiden NCWO dan menjadi ahli NACIWID sejak tahun 1976. Selain itu, beliau pernah memegang jawatan Presiden Soroptimist International Club of Kuala Lumpur pada tahun 1991-1992 dan Presiden Soroptimist International Region of Malaysia pada tahun 1993-1994. Antara tahun 1994 hingga 1997, beliau telah dilantik Wakil Tetap Malaysia ke Persidangan-persidangan Suruhanjaya PBB mengenai status wanita di New York, Amerika Syarikat. Pada tahun 1998, beliau dilantik Naib Presiden bagi Zon Tengah NCWO dan Ahli Majlis Warga Tua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hingga tahun 2000. Tahun berikutnya, beliau menjadi Naib Presiden PPSEAWA dan bermula pada tahun 2001 hingga 2003, beliau ialah Naib Presiden Serantau pertubuhan tersebut di peringkat antarabangsa. Di peringkat kebangsaan, beliau dilantik Timbalan Pengerusi NACIWID dari tahun 2000 hingga 2004.

Puan Sri Prof. Fatimah pernah mewakili negara dalam pelbagai persidangan mengenai wanita dan pendidikan. Antaranya, Persidangan Commonwealth Secretariat mengenai Commonwealth Programmes for Applied Studies in Education di London, pada tahun 1976 dan Persidangan Wanita Sedunia PBB yang keempat di Beijing, pada tahun 1995. Di samping itu, beliau juga giat menulis dan menerbitkan banyak artikel dan lebih 250 kertas kerja untuk majalah dan sebaran am. Antara hasil karya penulisan beliau ialah makalah-makalah dalam Jurnal Pendidikan, Wanita, *Commonwealth Education Liason Committee Newsletter* serta kertas kerja di persidangan anjuran UNESCO, ASAIHL, CUEPECS, RELC, RIHED, REHID dan lain-lain. Beliau juga terlibat dalam menghasilkan draf Dasar Wanita Negara, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dan laporan-laporan berkaitan dengan persidangan wanita sedunia PBB

dan persidangan badan bukan kerajaan serantau. Beliau juga turut menyumbang kepakaran dan pengalaman bagi menyediakan laporan negara untuk Convention on the Rights of the Child (CRC) dan Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW).

Sebagai mengenang jasa-jasanya yang begitu banyak dalam bidang pendidikan dan pembangunan wanita, pada tahun 1971, beliau telah menerima Hadiah Cemerlang Pi Lambda Theta daripada Alpha Delta University of California, Amerika Syarikat, dan pada tahun 1976, Hadiah Cemerlang Citizen of the Age of Enlightenment daripada the World Government of the Age of Enlightenment Maharishi European Research University (MERU). Beliau telah dianugerahi Pingat Emas Tun Fatimah oleh NCWO pada 25 Ogos 1988. Beliau juga telah dikurniai Darjah Setia Diraja Kedah (D.S.D.K.) oleh DYMM Sultan Kedah pada 22 Januari 1989 yang membawa gelaran 'Dato' '. Pada tahun 1993, beliau memperoleh bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Beliau juga telah mendapat Honorary Fellowship of the International Understanding Honor Society daripada Ohio University, Amerika Syarikat. Pada 25 Ogos 2001, beliau telah dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh UPSI. Pada Ogos 2004, beliau dianugerahi gelaran Profesor Emeritus oleh University Malaya.

FATIMAH HAJI HASHIM, TUN TAN SRI (DR.)



Yang Amat Berbahagia Tun Tan Sri (Dr.) Fatimah telah dilahirkan pada 25 Disember 1924 di Parit Kurma, Muar, Johor. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tan Sri Abdul Kadir Yusof (Allahyarham) dan mereka mempunyai enam orang anak. Beliau merupakan wanita pertama dilantik Menteri Kabinet, iaitu Menteri Kebajikan Am Malaysia. Jawatan itu telah dipegang dari 20 Mei 1969 hingga akhir Februari 1973.

Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Lelaki Parit Kurma, Muar, kerana pada masa itu belum ada sekolah untuk murid perempuan di kampung tersebut. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran ke Sekolah Melayu Perempuan Mersing dan telah belajar bahasa Inggeris di sekolah malam dengan guru Sekolah Convent Johor Bahru. Tun Fatimah mula menunjukkan minat terhadap kerja-kerja kebajikan sejak di bangku sekolah lagi. Semasa bersekolah, beliau seorang murid yang aktif dan pernah menjadi Ketua Darjah dan Ketua Kumpulan Murid Perempuan, Ketua Kumpulan (murid perempuan) kegiatan berkebun sayur, Ketua Murid Sekolah Melayu Perempuan Mersing dan ketua rombongan pasukan senaman ke pertandingan senaman sekolah-sekolah negeri Johor di Sekolah Air Molek.

Tun Fatimah telah memulakan kerjaya politiknya dengan menyertai UMNO pada tahun 1947, ketika berusia 21 tahun. Beliau menganggotai Pergerakan Kaum Ibu UMNO cawangan Kampung Nong Chik, Johor Bahru, dan bertugas sebagai Bendahari. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Kaum Ibu cawangan Johor Bahru. Pada tahun 1956, setelah mengikut suaminya ke Perak, Tun Fatimah telah dipilih menjadi Ketua Pergerakan Kaum Ibu Negeri Perak dan dalam masa yang sama, memegang jawatan Ketua Bahagian Ipoh. Dalam tahun itu juga, beliau telah dilantik Ketua Pergerakan Kaum Ibu Malaya, menggantikan tempat Puan Khadijah Sidek. Semasa memimpin Pergerakan Kaum Ibu UMNO, beliau berjaya membawa wanita-wanita muda melibatkan diri dalam bidang politik dan sekaligus menyertai UMNO.

Pada tahun 1959, beliau sekali lagi berpindah mengikut suaminya yang bertugas dalam perkhidmatan kerajaan, kali ini ke Kedah. Di sana, pada tahun yang sama, beliau telah dipilih menjadi calon pilihan raya bagi kawasan Jitra-Padang Terap. Kemenangan pada tahun 1959 diulangi sebanyak dua kali lagi menjadikan beliau ahli Parlimen bagi kawasan tersebut tiga kali berturut-turut. Pada 20 Mei 1969, beliau telah dilantik Menteri Kebajikan Am, wanita pertama menjawat jawatan menteri. Beliau memegang jawatan tersebut selama empat tahun sehingga bersara pada bulan Februari 1973.

Selain bidang politik, Tun Fatimah juga aktif dalam pergerakan sosial terutamanya dalam pertubuhan wanita. Pada tahun 1962, sebagai Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO dan bersama-sama beberapa orang pemimpin wanita lain, beliau telah memulakan perayaan Hari Wanita pada 25 Ogos. Perayaan tersebut disambut sehingga hari ini. Setahun selepas pelancaran Hari Wanita, diputuskan supaya sebuah badan gabungan pertubuhan-pertubuhan wanita ditubuhkan, antara lain, menjadi urus setia perayaan Hari Wanita di samping menangani persoalan-persoalan wanita semasa. Badan tersebut diberi nama Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita atau National Council of Women's Organisations (NCWO).

Tun Fatimah telah dipilih sebagai Timbalan Yang Dipertua bagi penggal pertama (1962-65). Beliau kemudiannya dilantik Yang Dipertua dan menerajui NCWO selama 24 tahun sehingga bersara daripada jawatan pada tahun 1989.

Beliau juga telah menjadi Ahli Jawatankuasa Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat, Ahli Majlis Universiti Malaya, Ahli Jawatankuasa Hospital Assunta, Ahli Jawatankuasa Sekolah Latihan Wanita Ipoh, Ahli Jawatankuasa Perikatan Peringkat Malaya dan Ahli Jawatankuasa Majlis Perpaduan Kebangsaan Malaysia. Beliau juga pernah dilantik Naib Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah.

Sebagai Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO, dengan sendirinya beliau menjadi Naib Yang Dipertua UMNO Malaysia dan menduduki kerusi di Jawatankuasa Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia, Ahli Jawatankuasa Kewangan UMNO dan Ahli Jawatankuasa Politik.

Selaku pemimpin wanita Melayu pertama menjadi Menteri, Tun Fatimah seringkali diundang memberi ucapan dan ceramah dalam seminar-seminar, forum dan persidangan-persidangan yang dianjurkan oleh pelbagai pertubuhan, baik di dalam mahupun di luar negara. Antara mesyuarat dan persidangan yang pernah dihadapinya ialah Perjumpaan Wanita Antarabangsa dalam tahun 1965 di Tehran. Pada tahun 1963, beliau telah membuat lawatan sambil belajar selama dua bulan ke Amerika Syarikat dan sebagai Menteri Kebajikan Am, beliau telah membuat lawatan ke negara-negara jiran, misalnya ke Indonesia. Sebagai Presiden NCWO juga, beliau telah mengikuti beberapa persidangan wanita antarabangsa.

Pada 31 Ogos 1958, beliau telah dianugerahi bintang Panglima Mangku Negara (P.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang membawa gelaran 'Tan Sri'. Universiti-universiti tempatan juga telah memberi penghormatan kepada beliau seperti Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang oleh Universiti Malaya pada tahun 1975 dan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan oleh UTM pada tahun 2000. Sebelum itu, pada tahun 1995, UTM telah melantik

beliau sebagai Pro-Canselor. Pada tahun 2003, beliau telah dikurniai darjah kebesaran Seri Setia Mahkota (S.S.M.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang membawa gelaran 'Tun'.

FAUZIAH AHMAD DAUD



Puan Fauziah, atau lebih dikenali dengan nama 'Ogy' telah dilahirkan pada 11 Oktober 1962 di Hospital Kandang Kerbau, Singapura. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Balestier Hill East School, Singapura dan kemudian di Gurney Road School

dan Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Beliau merupakan seorang artis serba boleh yang terlibat dalam lakonan, pengarahannya, nyanyian, penerbitan dan pengacaraan majlis. Kini beliau ialah Pengarah Urusan Syarikat Artistic Preview Sdn. Bhd. dan Syarikat Wangsa Widuri Sdn. Bhd.

Beliau telah berkecimpung dalam bidang seni sejak 30 tahun yang lalu. Filem pertama yang dibintanginya ialah filem *Hati Batu* arahan M. Amin terbitan Cathay Kris dan diikuti filem *Pemintaan Terakhir* arahan Dato' Jamil Sulong terbitan Shaw Brothers. Antara filem lain yang dibintanginya ialah *Azura*, *Ali Setan*, *Suara Kekasih*, *Bintang Malam* dan *Puteri*. Selain itu, Puan Ogy turut terlibat dalam bidang teater dan pernah berlakon dalam beberapa pementasan, antaranya *Mencari Juita*, *Malam Haram* dan *Dejavu*.

Pembabitan beliau dalam bidang seni suara bermula sejak usianya 17 tahun di Kelab Malam Club 392, Orchard Road, Singapura. Sehingga kini, Puan Ogy telah menghasilkan enam buah album. Sejak tahun 1988, beliau telah menjadi pengacara rancangan bermula

dengan *Senada Seirama* dan kemudian rancangan masakan, diikuti dengan rancangan *Melodi* selama lapan tahun di samping mengendalikan program dan majlis-majlis rasmi mahupun tidak rasmi.

Puan Ogy telah mula menerbitkan drama untuk TV3 sejak tahun 1987. Antara drama terbitannya yang diterbitkan di bawah Ogy's Production ialah *Novel oleh Atiqah, Surau Kamelia, Cahaya Fitri* dan *Cucu Cicit Tok Kedu*. Beliau juga telah menerbitkan beberapa rancangan yang telah ditayangkan di rangkaian ASTRO, iaitu *Raudhah, Islam Cara Hidupku, Mencari Al-Zahrah* dan *Salleh Kifayah*. Beliau telah mendapat bimbingan daripada Dato' Jins Shamsudin dalam bidang pengarahannya. Antara drama dan rancangan hasil pengarahannya beliau ialah *Suci Sang Primadona, Bendang Sulong, Salleh Kifayah* dan *Raudhah*.

Sebagai pengiktirafan atas bakatnya, pada tahun 1982, beliau telah mendapat Anugerah Bintang Harapan di Festival Filem Malaysia Pertama dan dua tahun selepas itu, beliau menerima Anugerah Most Promising Young Actress dalam Festival Filem Asia Pasifik. Beliau telah menggondol Anugerah Pelakon Wanita Terbaik selama dua tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 1986 dan 1987 dalam Festival Filem Malaysia keenam dan ketujuh. Pada tahun 1987 juga, beliau telah memenangi Anugerah Bintang Popular bagi kategori Pelakon Wanita Popular dan pada tahun berikutnya beliau telah terpilih sebagai Penghibur Popular di Majlis Anugerah Bintang Popular.

Puan Ogy telah dianugerahi Anugerah Penghibur Popular dalam Anugerah Media Hiburan pada tahun 1998 dan 2001. Beliau mendapat Anugerah Lifetime Achievement daripada Media Hiburan dan Anugerah Artis Serba Boleh pada tahun 2004. Beliau telah dikurniakan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

FAUZIAH HAJI MOHD RAMLY, DATIN



Yang Berbahagia Datin Fauziah telah dilahirkan pada 4 Mei 1947 di Kuala Kangsar, Perak. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Dato' Mohamed Fadzil Mohd. Yunus dan mereka mempunyai tiga orang anak, iaitu Ahmad Faiz, Ahmad Fahmi dan

Ahmad Fikri. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Sejarah dan Pengajian Melayu daripada Universiti Malaya pada tahun 1971.

Beliau mula berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 1971 hingga 1973. Kemudian, beliau bertugas di Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, memegang jawatan Penolong Setiausaha. Dari tahun 1974 hingga 1980, beliau menjadi Pegawai Projek Kependudukan di LPPKN. Selepas itu, beliau menjadi Setiausaha Bahagian Pentadbiran dan Kewangan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dari tahun 1983 hingga 1987, beliau memegang jawatan yang sama di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan selepas itu, ditukarkan ke Kementerian Penerangan bertugas sebagai Setiausaha Bahagian Perancangan dan Penyelidikan. Selepas tiga tahun, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Pentadbiran dan Kewangan SIRIM dan berkhidmat selama tiga tahun sehingga tahun 1993. Sejak

tahun 1993, beliau menjadi Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Dari bulan Julai 2000 hingga Julai 2003, beliau ialah Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri. Pada tarikh yang sama juga, beliau dilantik Ahli Lembaga Amanah Raya Berhad. Mulai 1 Mei 2001 hingga 30 April 2004, beliau dilantik Ahli Majlis Penasihat Wanita Negara. Kini beliau dilantik menjadi Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Selain itu, Datin Fauziah turut aktif dalam kegiatan dan pertumbuhan sukarela. Beliau telah dilantik Ahli Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Pergerakan Puteri Islam Malaysia, Ahli Jawatankuasa Majlis Pentadbir Kebangsaan Pergerakan Puteri Islam Malaysia, Exco Persatuan Perkhidmatan Tadbiran dan Diplomatik, Penasihat PUSPANITA Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri dan Penasihat Persatuan Suri FELDA. Beliau juga Naib Yang Dipertua NCWO dan Naib Yang Dipertua Persatuan Siswazah Wanita Malaysia. Pada tahun 1999, Datin Fauziah telah dilantik sebagai *Chef-de-Mission* Malaysia oleh Majlis Paralimpik Malaysia ke Far Eastern and South Pacific Games for the Handicapped (FESPIC) yang berlangsung di Bangkok. Pada tahun berikutnya, beliau sekali lagi dilantik *Chef-de-Mission* Malaysia oleh Majlis Paralimpik Malaysia ke Sukan Paralimpik yang diadakan di Sydney, Australia. Beliau pernah dilantik Ahli Jawatankuasa Pengelola ASEAN Paralimpik Games Kuala Lumpur yang pertama bagi tahun 2001 oleh Majlis Paralimpik Malaysia dan telah memegang portfolio Pengerusi Jawatankuasa Sambutan dan Protokol dan Ahli Jawatankuasa Perasmian dan Pembukaan. Datin Fauziah juga menjadi Ahli Jawatankuasa Mesyuarat dan Penubuhan ASEAN Para Sports Federation (APSF).

Di samping itu, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Pemandu bagi Program Childrencare anjuran Great Eastern Life, Penyelaras program Mentor-Mentee Remaja Bestari dan Anugerah Siswi Cemerlang bagi Persatuan Siswazah Malaysia dan Penasihat Persatuan Sukan

Orang-orang Cacat Malaysia. Beliau juga sering menjadi fasilitator dan Komandan Kem Remaja, Kanak-kanak dan Wanita sejak 20 tahun lalu secara sukarela untuk badan-badan bukan kerajaan seperti MKKM, PUSPANITA, Persatuan Suri FELDA dan Rumah Kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat di seluruh negara. Beliau juga telah mengendalikan kursus-kursus pengurusan masa, pengurusan stres dan kursus-kursus kepimpinan untuk wanita.

Bagi menghargai jasa-jasanya, beliau telah dikurniai Pingat Emas dalam Pengurniaan Pingat Khidmat Cemerlang oleh LPPKN pada tahun 1981. Dalam tahun 1985, beliau menerima bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Pada tahun 2002, beliau telah mendapat bintang Johan Mangku Negara (J.M.N.).

GOH KWEE TENG (MENDIANG)



Nama sebenar beliau ialah Nyan Ah Thye, dilahirkan pada 23 Julai 1901 di Kuala Lumpur. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Goh Kwee Teng, seorang pegawai eksekutif dengan Syarikat Asia Insurans, dan memperoleh lima orang anak. Beliau

mendapat pendidikan di Sekolah Perempuan Methodist, Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur.

Beliau amat aktif dalam kegiatan sukarela dan pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Palang Merah, Baby Creche Sungai Besi, Rumah Kanak-kanak Sungai Besi dan Ahli Jawatankuasa Arkib dan Pustaka Tunku Abdul Rahman Putra. Beliau juga ialah Pelawat Kehormat Hospital Besar Kuala Lumpur dan Perkampungan Pesakit-pesakit Kusta Sungai Buloh di samping menduduki beberapa Jemaah Pentadbir Sekolah-sekolah. Puan Goh Kwee Teng juga dilantik salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa tertinggi dalam beberapa pertubuhan seperti Bendahari dan ahli Pengasas PPSEAWA, Bendahari W.I. serta ahli Pengasas dan Bendahari NCWO selama 10 tahun sehingga tahun 1979, Bendahari bagi Assembly of Gods Church dan Ikebana Kuala Lumpur Chapter. Beliau menjadi Pengasas Persatuan Pengguna-pengguna Selangor,

Presiden YWCA selama lima tahun dan juga Naib Presiden W.I. selama 15 tahun.

Puan Goh Kwee Teng juga turut diundang menyertai banyak persidangan antarabangsa seperti di Eropah, Australia, Timur Asia, India dan negara-negara sekitar Asia Tenggara. Antara persidangan tersebut ialah persidangan ACWW yang telah diadakan di Calcutta dan Manila dan juga persidangan PPSEAWA di Canberra, Australia.

Semasa berlakunya peristiwa 13 Mei, beliau telah membuat kerja-kerja amal melalui Persatuan Palang Merah Malaysia. Bagi menghargai jasa-jasa beliau, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah menganugerahi beliau bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.). Beliau juga telah dianugerahi Pingat Emas Tun Fatimah pada 27 Oktober 1974 oleh NCWO sebagai menghargai segala jasa dan sumbangan beliau dari segi kebajikan dan kemasyarakatan, terutama bagi kepentingan wanita dan kanak-kanak malang.

GOH nee DUMPANGOL, URSULA



Puan Ursula telah dilahirkan di Sabah, pada 2 Jun 1937. Beliau telah berumah tangga dengan Encik John Goh (mendiang). Perkongsian hidup mereka telah menghasilkan tiga orang cahaya mata, iaitu Maureen, Margaret dan Audrey. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Convent St George, Penampang, Sabah. Beliau seorang aktivis wanita dan terlibat dengan pelbagai kegiatan kemasyarakatan di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa.

Di peringkat negeri, beliau bergiat aktif dan menjadi ahli seumur hidup Institut Wanita Sarawak Miri/Bintulu (Sarawak Federation of Women's Institutes) dan pernah menyandang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Bahagian bagi kawasan Miri/Bintulu dan beliau kini ialah Penasihatnya. Beliau juga ialah Penasihat kepada Majistret Mahkamah Juvana Miri, ahli Tribunal Perkahwinan Miri, Penasihat Persatuan Pengguna Miri dan Ahli Majlis Hal Ehwal Pengguna Miri. Beliau juga ialah Pengerusi Lembaga Pelawat Taman Seri Puteri, rumah perlindungan wanita dan remaja perempuan di Miri. Selain itu, beliau juga Ahli Majlis Persatuan Perancang Keluarga Sarawak dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Keluarga Sarawak, cawangan Miri.

Penglibatan beliau di arena antarabangsa meliputi jawatan Timbalan Presiden ACWW bermula dari tahun 1998 hingga 2004. Pertubuhan ini merupakan sebuah organisasi wanita antarabangsa yang

berpusat di London. Dalam masa yang sama, beliau menguruskan Jawatankuasa Pertanian ACWW. Dari tahun 1998 hingga 2001, beliau menjadi Koordinator ACWW bagi rantau Afrika Tengah dan Timur Barat. Beliau sering kali terlibat dalam penganjuran program-program kepimpinan wanita dan pembangunan sama ada di dalam atau di luar negara. Mulai tahun 2004, beliau ialah Presiden ACWW dan merupakan wanita Malaysia pertama memegang jawatan tersebut.

Kerajaan Sarawak telah mengurniai Puan Ursula Goh pingat Bentara Bintang Sarawak (B.B.S.) pada tahun 1973, Ahli Bintang Sarawak (A.B.S.) pada tahun 1983 dan pingat Pegawai Bintang Sarawak (P.B.S.) pada tahun 2000. Pada tahun 1982, Persekutuan Institut Wanita Sarawak telah menganugerahkan Pingat Emas bagi *Outstanding Voluntary Contribution* kepada beliau. Beliau telah mendapat Anugerah Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah - Avon dalam bidang kemasyarakatan dalam tahun 1993.

HABSAH HASSAN



Puan Habsah dilahirkan pada 28 Ogos 1949 di Johor. Beliau telah berkahwin dengan Encik Mohamed Jusoh.

Beliau terlibat dengan bidang perfileman, penyiaran dan penulisan skrip semenjak tahun 1967. Beliau berkhidmat dengan RTM sehingga tahun 1984

dan telah menjawat pelbagai jawatan, antaranya, pembantu penerbitan, penerbit drama (1974-1980), penerbit am (1980-1982) dan editor skrip (1983-1984). Selepas itu, beliau telah menjadi Pengarah Eksekutif Amir Communications Sdn. Bhd. yang telah menghasilkan filem *Ali Setan*. Pada bulan Februari 1986, beliau menjadi pengurus syarikatnya sendiri, iaitu Serangkai Filem Sdn. Bhd. yang terlibat dalam penerbitan filem dan video. Pada tahun 1989, beliau telah menjadi penerbit dan penulis skrip filem *Hati Bukan Kristal*.

Walaupun tiada pendidikan asas perfileman dan penyiaran, Puan Habsah telah mengikuti kursus-kursus dalam bidang tersebut seperti Seminar Kebudayaan ASEAN di Jakarta, Indonesia, pada bulan Julai 1979 dan seminar Filem dan Produksi Televisyen anjuran FINAS dan *Corporate Management Development Programme* oleh American Salesmaster Malaysia Sdn. Bhd.

Beliau juga aktif dalam persatuan-persatuan perfileman. Beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Pengeluar Filem, Ahli Jawatan-

kuasa Persatuan Wartawan Malaysia dan Pengerusi MACP (Music Authors' Copyright Berhad).

Semenjak tahun 1967 lagi, Puan Habsah telah memenangi pelbagai anugerah. Beliau menggendol Anugerah Produksi Drama Terbaik daripada RTM sebanyak tiga kali, iaitu pada tahun 1976-1977, 1978-1979 dan 1982-1983. Pada tahun 1987, beliau memenangi Anugerah Penulis Lirik Lagu Terbaik dalam Pertandingan Muzik Muzik anjuran TV3. Beliau dinobatkan Penulis Lagu Terbaik dalam Festival Lagu Malaysia pada tahun 1990. Pada tahun berikutnya, beliau telah dianugerahi Skrip Terbaik bagi filem *Hati Bukan Kristal* dalam Festival Filem Malaysia.

Pada tahun 1995, Puan Habsah telah memenangi Anugerah Lirik Terbaik dalam Pertandingan Juara Lagu anjuran TV3. Dalam tahun yang sama juga, beliau dikurniai Anugerah Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah-Avon dalam bidang kebudayaan. Pada tahun 1996, beliau sekali lagi mendapat Anugerah Lirik Terbaik bagi lagu *Cinta Beralih Arah*. MACP telah menganugerahi beliau gelaran Penulis Lirik Terbaik untuk tahun 1997.

Pada tahun 2000, PAPITA telah menganugerahkan Anugerah Seniman Sepanjang Zaman Kategori Penulisan Lirik kepada Puan Habsah. Dalam tahun tersebut juga, beliau telah menerbitkan filem *Soal Hati* dan pada tahun 2002, filem *Soalnya Siapa*.

Beliau telah mendapat Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) daripada Yang Dipertua Negeri Melaka pada tahun 1990. Dalam tahun yang sama, beliau telah dikurniai bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

HALIJAH IBRAHIM, PROFESOR DR.



Profesor Dr. Halijah telah dilahirkan pada 17 Mac 1952 di Kota Bharu, Kelantan. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Kamalul Azam Abdul Rashid, seorang jurutera, dan mereka mempunyai tiga orang anak. Beliau ialah profesor di Institut

Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya.

Beliau mendapat pendidikan awal di Kelantan dan Kuala Lumpur, kemudian di Sekolah Menengah Zainab, Kota Bharu, sehingga lulus Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1969, dan meneruskan pelajaran di tingkatan enam di Kolej Tunku Kurshiah, Seremban, antara tahun 1970-1971. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya (1972-1975) dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains. Antara tahun 1975 hingga 1979, beliau menuntut di University of Newcastle-upon-Tyne, England, sehingga memperoleh Ijazah Kedoktoran.

Prof. Dr. Halijah mula berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Botani, Fakulti Sains, Universiti Malaya, pada tahun 1979 dan dinaikkan pangkat ke Profesor Madya pada tahun 1989, seorang daripada dua orang wanita Melayu yang awal dilantik Profesor Madya di fakulti tersebut yang merupakan fakulti sains yang tertua di Malaysia. Pada tahun 2000, beliau menjadi wanita Melayu pertama dinaikkan

pangkat ke jawatan Profesor di fakulti itu dan seterusnya menjadi wanita Melayu pertama dilantik Timbalan Dekan Pembangunan di fakulti tersebut.

Beliau turut menyumbang khidmat dalam pelbagai aktiviti akademik sebagai penyunting, perunding, penilai, penasihat serta menjadi penyelia dan pemeriksa kepada calon-calon Ijazah Sarjana Sains dan Ijazah Kedoktoran. Beliau juga menganggotai pelbagai jawatankuasa penting, antaranya, Ahli Senat Universiti Malaya, Ahli Jawatankuasa Kenaikan Pangkat, Ahli Panel Penilai Lembaga Akreditasi Negara dan Ahli Jawatankuasa Penasihat Teknikal Taman Botani Kebangsaan. Sebagai seorang saintis yang berpengalaman, beliau sering dipilih untuk mewakili Universiti Malaya dalam pelbagai jawatankuasa di peringkat kebangsaan seperti Diversitas-Malaysia, Jawatankuasa National Clearing House Mechanism (CHM) dan Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan Kepelbagaian Biologi. Selain anugerah khidmat cemerlang oleh Universiti Malaya beliau juga dianugerahi beberapa *fellowship* dan geran dari luar negara. Pada tahun 2000 beliau diberi pengiktirafan sebagai salah seorang Saintis Wanita Negara oleh Pusat Sains Negara dan salah seorang Tokoh Wanita di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 2003.

Beliau merupakan seorang ahli botani yang menjalankan kajian yang mendalam mengenai sistematik, biodiversiti dan bioteknologi famili *Zingiberaceae* di Malaysia. *Zingiberaceae* ialah nama saintifik bagi famili tumbuhan jenis-jenis seperti halia, kunyit dan kantan. Kerana kegigihannya, beliau telah mendapat pengiktirafan sebagai pakar dalam kajian famili *Zingiberaceae*. Sepanjang 24 tahun perkhidmatan beliau dengan Jabatan Botani dan kemudiannya di Institut Sains Biologi, beliau sentiasa melibatkan diri dalam penyelidikan di dalam dan di luar universiti termasuk ekspedisi-ekspedisi saintifik di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Antaranya, ekspedisi saintifik ke Taman Negara Endau (2002), ekspedisi ke Sayap-Kinabalu, Sabah (1992) dan ekspedisi ke Gunung Danum, Sabah (1989).

Sehingga kini, Prof. Dr. Halijah telah terlibat dalam lebih daripada 21 projek penyelidikan dan telah berjaya menghasilkan banyak penemuan baharu dalam sains termasuk kegunaan spesies *Zingiberaceae* dari segi perubatan. Beliau bersama-sama penyelidik luar negara telah menghuraikan dan menamakan tiga spesies baharu dari famili *Zingiberaceae*, iaitu *Globba nawawii*, *Etlingera rubromarginata* dan *Etlingera corneri*, dan tidak kurang daripada sepuluh spesies baharu yang masih dalam persediaan. Beliau dan pasukan penyelidik bersamanya juga telah berjaya memperoleh protokol embriogenesis somatik untuk dua spesies dan tiga varian *Zingiberaceae* yang belum pernah dilaporkan di dunia. Dalam kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan, Prof. Dr. Halijah mempunyai hubungan kerjasama yang kukuh dengan penyelidik-penyelidik lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Beliau telah menghasilkan sebuah buku berjudul *Gingers of Peninsular Malaysia and Singapore* (1999) yang menjadi bahan rujukan penting bagi saintis-saintis di Asia, Amerika, Australia dan Eropah. Beliau juga telah menulis puluhan artikel saintifik dalam jurnal-jurnal, ensiklopedia, buku, prosiding dan lain-lain. Antara penerbit bertaraf antarabangsa yang telah menerbitkan tulisan-tulisan beliau ialah Academic Press, London, Kluwer Academic Publishers, London; Backhuys Publishers, Netherlands; The New Phytologist; Botanical Journal of Linnean Society; Nordic Journal of Botany dan Journal of Essential Oil Research.

Prof. Dr. Halijah telah mengambil bahagian dalam lebih daripada 126 persidangan, bengkel dan seminar serta membentangkan lebih daripada 75 kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya, sebagai pembentang kertas kerja utama di *Zingiberaceae* Workshop di Thailand (1991), pembentang kertas kerja jemputan di 7th International Heliconia Conference di Cairns, Australia, (1992); The Second Symposium on the Family *Zingiberaceae* di Guangzhou, China (1995) dan 3rd Symposium on the Family *Zingiberaceae* di Khon Kaen, Thailand, (2002). Antara kertas

kerja jemputan yang dibentangkan di peringkat kebangsaan ialah *Diversity of Aquatic Plants in Landscaping* di National Horticulture Conference, Putrajaya (2000) dan *Gingers in Traditional Medicine* di Conference on Complementary Healthcare, Kuala Lumpur (2001).

Beliau juga turut memberi khidmat nasihat kepada agensi-agensi swasta dan kerajaan dan mempunyai hubungan yang erat dengan penyelidik di universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan tempatan seperti FRIM dan MARDI, serta institusi-institusi penyelidikan luar negara seperti di Thailand, China, Denmark, Hawaii dan United Kingdom. Kepakaran dan pengalamannya yang luas dalam kajian famili *Zingiberaceae* telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila beliau dilantik Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Heliconia Antarabangsa, wanita pertama dari Asia Tenggara, pada tahun 1994. Persatuan ini mempunyai ahli-ahli dari seluruh dunia.

Persatuan Siswazah Malaysia telah menubuhkan sebuah kursi *endowment* di Universiti Malaya yang diberi nama Kursi Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, mengambil sempena nama penaung persatuan, dan sebagai penghargaan kepada seorang tokoh wanita Malaysia. Kursi ini juga diwujudkan bagi menghormati sumbangan dan kejayaan wanita Malaysia dalam bidang penyelidikan dan pendidikan terutamanya dalam bidang-bidang sains dan teknologi. Prof. Dr. Halijah Ibrahim ialah penyandang pertama Kursi ini.

HALIMAH MOHAMED SADIQUE, DATUK



Yang Berhormat Datuk Halimah dilahirkan pada 2 Februari 1962 di Kluang, Johor. Beliau telah berkahwin dengan Dato' Suffian Othman, seorang ahli perniagaan, dan mereka telah dikurniai tiga orang anak, iaitu Faiz Dhiaulhaq, Shamin Aizat dan Farah Yasmin. Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Tinggi Kluang, Johor, dan memperoleh Sijil Perguruan daripada Maktab Perguruan Kuantan, Pahang. Kini beliau ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Johor kawasan Pasir Raja merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor.

Beliau telah memulakan kerjaya sebagai seorang guru dan kemudian dilantik Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor memegang portfolio Jawatankuasa Perpaduan dan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor dari tahun 1995 hingga 1999. Dalam tempoh yang sama, beliau juga memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Orang Kurang Upaya dan Pengerusi PEMADAM Negeri Johor. Beliau ialah Pengerusi Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita Negeri Johor dari tahun 1995 hingga 2002, ahli NACIWID dari tahun 1997 hingga 2000 dan Pengerusi Biro Hal Ehwal Wanita PEMADAM Kebangsaan dari tahun 1999 hingga 2000.

Dalam bidang politik pula, dari tahun 1997 hingga 1999, beliau menjadi Setiausaha Badan Perhubungan Pergerakan Wanita UMNO Negeri Johor. Kini beliau ialah Ketua Wanita UMNO Bahagian Tenggara sejak tahun 1999 dan Ketua Badan Perhubungan Wanita UMNO Negeri Johor mulai tahun 2000.

Datuk Halimah telah dilantik Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Hal Ehwal Wanita dan Kesihatan Negeri Johor dari tahun 2000 hingga 2004. Beliau juga Naib Presiden APFAM (Asia Pacific Forum on Families) Malaysia, Pengerusi Majlis Pembangunan dan Keluarga Negeri Johor dan Pengerusi Jawatankuasa Gaya Hidup Sihat Negeri Johor.

Atas segala sumbangannya, beliau telah dikurniai darjah kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N.) yang membawa gelaran 'Datuk' oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 2003.

HALIMAH OTHMAN, DATIN



Yang Berbahagia Datin Halimah telah dilahirkan di Muar, Johor, pada 9 Oktober 1928. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Dato' Zulkifli Dato' Haji Kamaruddin (Allahyarham). Mereka mempunyai tiga orang

anak, iaitu Kamarul Idris, Siti Noraizah dan Shariya Haniz.

Beliau telah menerima pendidikan di Sekolah Convent dan memperoleh kelulusan Senior Cambridge. Selepas itu, beliau melanjutkan pelajaran ke Emily MacPherson College of Domestic Economy, Melbourne, Australia, antara tahun 1948 hingga 1950 dan memperoleh Diploma Institutional Management. Seterusnya, dari tahun 1951 hingga 1954, beliau telah menyambung pengajian di Universiti Melbourne, dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains pada tahun 1955. Beliau menerima Diploma dalam bidang pemakanan pada tahun 1957, hasil dari kursus lanjutan antara tahun 1955 hingga 1956.

Dari segi kerjaya, Datin Halimah pernah menjawat jawatan Pegawai Penyelidik di Jabatan Biokimia dan Makanan di Pusat Penyelidikan Perubatan Kuala Lumpur, antara tahun 1957 hingga 1959. Beliau juga pernah bertugas sebagai Pegawai Perancang Pem-

bangunan Keluarga dan Bandar di Jabatan Kemajuan Masyarakat di Jabatan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar dan telah dilantik Timbalan Ketua Pengarah di jabatan tersebut.

Beliau merupakan seorang tokoh wanita yang cergas dalam usaha membimbing dan melatih wanita-wanita desa agar dapat memenuhi matlamat pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat luar bandar. Beliau sentiasa berusaha untuk memajukan potensi kaum wanita supaya dapat memainkan peranan sepenuhnya dalam pembangunan negara. Ini jelas terbukti dengan penglibatan Datin Halimah dalam beberapa pertubuhan. Antaranya, Persatuan Ekonomi Rumah Tangga dan menjadi Pengerusinya dari tahun 1972 hingga 1973 dan Pengerusi Persatuan Pembangunan Keluarga pada tahun 1974. Selain itu, beliau pernah dilantik ahli NACIWID (1976-1980), Ahli Majlis Perunding Belia Negara (1979-1981), Ahli Lembaga Penasihat Gerakan Belia 4B Malaysia (1979-1980) dan Ahli Lembaga Penasihat Kurikulum, UPM.

Datin Halimah telah mengambil bahagian dalam beberapa persidangan di dalam dan luar negara. Antaranya, mewakili kerajaan Malaysia ke Persidangan People's Aspiration in National Development pada tahun 1973, mewakili Malaysia ke Commonwealth Seminar di New Delhi, India, pada tahun 1974, menjadi penceramah dalam ASEAN Youth Seminar di Kathmandu, Nepal, pada tahun 1974, menjadi penceramah dalam First Eastern Hemisphere Seminar on Early Children Education dan mewakili Malaysia ke Seminar mengenai *Curriculum Development* pada tahun 1978.

Atas usaha beliau dalam membimbing dan membentuk kaum wanita demi pembangunan negara, Datin Halimah telah dianugerahi bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1975.

HALIMAHTON ABDUL MAJID, DATO' (ALLAHYARHAM)



Yang Berbahagia Dato' Halimahton, juga dikenali dengan nama Halimahton Muhammad, telah dilahirkan pada tahun 1920 di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Beliau berasal dari keturunan Raja-raja Tapanuli, Sumatera. Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Melayu dan Sekolah Inggeris di Kuala Lumpur, serta melanjutkan pelajaran dalam bidang sains rumah tangga di Cambridge. Beliau telah mendirikan rumah tangga dalam usia yang masih muda dengan Datuk Muhammad Baba, Pegawai Daerah Rembau, Negeri Sembilan ketika itu.

Dato' Halimahton mula terlibat dalam politik setelah membaca seruan Dato' Onn Ja'afar yang tersiar dalam akhbar Melayu dan Inggeris yang meminta orang Melayu bangun bersatu menentang Malayan Union. Sebagai isteri pegawai daerah, beliau telah mengumpulkan tenaga wanita dan mengadakan satu tunjuk perasaan membantah pembentukan Malayan Union semasa lawatan L.D. Gamans dan Rees William ke Rembau pada April 1946 bagi menilai pandangan orang Melayu terhadap Malayan Union di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pada tahun 1948, beliau menggerakkan tenaga wanita dan lelaki untuk menubuhkan UMNO Bahagian Rembau dan beliau dilantik

ketua yang pertama. Pada akhir tahun tersebut, beliau dilantik Ketua Kaum Ibu UMNO Negeri Sembilan. Beliau pernah dilantik Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan dan Pengerusi Majlis Kebajikan Daerah Rembau. Dalam tahun 1949, beliau mengikut suaminya berpindah ke Kuala Lumpur. Di sana, beliau terus aktif sehingga diangkat Ketua Persatuan Kaum Ibu Selangor, satu-satunya pertumbuhan kaum wanita di Selangor, pada masa itu.

Pembabitan Dato' Halimahton terhenti seketika apabila beliau mengikuti suaminya yang melanjutkan pelajaran ke England. Walaupun begitu, beliau tetap aktif dan berjaya menubuhkan cawangan Kaum Ibu UMNO Kuala Lipis pada tahun 1950. Tahun berikutnya, beliau sekali lagi mengikuti suaminya ke London yang bertugas di sana. Setahun kemudian, beliau menubuhkan UMNO cawangan Kuala Kubu Baru dan menjadi Ketua Kaum Ibu.

Pengaruh suaminya sebagai pegawai daerah dan keaktifan Dato' Halimahton dalam UMNO menyebabkan beliau dipilih sebagai ahli parlimen wanita yang pertama bertanding untuk kawasan parlimen Ulu Selangor dalam pilihan raya Persekutuan pada tahun 1955. Beliau telah memenangi kerusi tersebut dan menjadi Ahli Parlimen sehingga tahun 1959. Semasa menjadi ahli parlimen, beliau pernah menghadiri kursus yang ditaja oleh Perkhidmatan Maklumat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu selama dua bulan.

Dato' Halimahton menarik diri daripada bidang politik atas sebab kesihatan. Namun beliau tetap giat memberi sokongan kepada UMNO. Beliau merupakan penulis lirik lagu wanita UMNO dan menjadi salah seorang panel lagu *Negaraku*. Beliau juga pernah memegang jawatan Ahli Lembaga Penapisan Filem Malaysia selama beberapa tahun.

Pada awal tahun 1960-an, suami beliau, Datuk Muhammad (Allahyarham), telah dilantik oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman sebagai Duta Besar Malaya ke Pakistan dan Australia dan seperti biasa beliau telah mengikuti suaminya serta memberi sum-

bangun sebagai isteri Duta Besar. Sebelum meninggal dunia, Dato' Halimahton telah menubuhkan sebuah tabung khairat bagi membiayai yuran persekolahan murid-murid sekolah yang kurang berkemampuan. Biasiswa tersebut sekarang dikendalikan oleh Amanah Raya Berhad.

Beliau telah dianugerahi gelaran 'Dato' ' oleh DYMM Sultan Selangor pada tahun 1973. Beliau meninggal dunia pada tahun 1980-an.

HAMIDAH MOHD NOR, USTAZAH



Ustazah Hamidah, atau lebih dikenali sebagai Ibu Hamidah, telah dilahirkan di Banir, Perak, pada 18 Ogos 1926. Beliau telah berumah tangga dengan Tuan Haji Abdul Rahman, seorang ahli perniagaan. Pendidikan awal beliau bermula di Madrasah Ittihadiyah di

Banir, Perak, hingga tamat darjah 5 dalam tahun 1937 dan kemudian telah melanjutkan pelajaran di Sekolah Diniyah Putri, Padang Panjang, Sumatera, pada tahun 1938 dan telah lulus Empat Sanawi. Beliau mengikuti kursus Perguruan Kuliah Muallimat (Maktab Perguruan Tinggi Islam) Padang Panjang, dari tahun 1946 hingga 1948 dan telah memperoleh Diploma Perguruan. Antara tahun 1953 hingga 1960, Ibu Hamidah telah mengikuti kursus-kursus bahasa Ingeris, trengkas dan muzik.

Beliau mula mengajar di Sekolah Agama Rakyat di Chikus, Teluk Intan, Perak, selama empat tahun. Kemudian beliau mengajar agama di Kampung Tua, Gunung Semanggol, Bagan Serai, Perak, selama setahun dan telah berhijrah ke Kuala Lumpur pada tahun 1953. Antara tahun 1953 hingga 1963, beliau telah menjadi Guru Kanan di Taman Pendidikan Islam (TAPIS) yang merupakan sekolah agama persendirian yang pertama didirikan di Kuala Lumpur, khusus untuk pelajar perempuan. Sekolah ini telah diasaskan oleh Ibu Halimah

Nor pada tahun 1951. Kemudiannya beliau telah dilantik Guru Besar TAPIS dan menjadi Kaunselor sehingga tahun 1974. Sejak tahun 1975, beliau telah bertugas sebagai Penguasa Asrama Toh Puan Norashikin, Yayasan Selangor, hingga tahun 1982. Asrama ini mengumpulkan pelajar-pelajar bijak dari seluruh negeri Selangor yang kurang bernasib baik. Dalam masa yang sama, ketika di TAPIS, beliau telah membuka dan mengajar kelas agama yang pertama di Angkasapuri dari tahun 1966 hingga 1974. Ibu Hamidah telah menjadi pengajar pertama kuliah dan kelas agama untuk para jururawat dengan modul akhlaq dan fardhu ain selama lima tahun dari tahun 1969 hingga 1974.

Ibu Hamidah telah membabitkan diri dalam Lembaga Kebajikan Perempuan Islam (LKPI) sejak tahun 1966 dan menjadi ahli seumur hidup. Beliau menjadi penasihat agama LKPI dari tahun 1975 hingga 1977 dan Pensyarah Kehormat YADIM. Selain itu, beliau juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Wanita Jamiah Da'wah Islamiah (Persatuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan) bagi sesi 1974/75 sehingga sekarang. Beliau sering dijemput memberikan ceramah agama dan kuliah di pejabat-pejabat kerajaan seperti RISDA, Pejabat Pertanian, Bank Negara dan sebagainya, masjid-masjid dan sekolah-sekolah di sekitar Lembah Klang. Beliau juga mengajar di Masjid Negara sejak tahun 1966 hingga sekarang. Ceramah dan kuliah yang disampaikan berkisarkan tafsir, hadith dan fardhu ain. Sejak tahun 1982 hingga sekarang, beliau menjadi pendakwah bebas.

Beliau ialah Pengasas IKHWANI, iaitu Ikatan Kebajikan Wanita Islam Lembah Keramat pada tahun 1987 dan pertubuhan ini bergerak aktif hingga sekarang, melibatkan wanita-wanita Islam di sekitar Lembah Keramat. Kini beliau ialah Penasihat IKHWANI.

Antara persidangan yang pernah dihadirinya ialah Muktamar Pertubuhan Perempuan Islam Malaysia yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1975, 1977 dan 1981. Beliau juga pernah menjadi wakil Muktamar Ulama Malaysia di Klang, Selangor.

Selain aktif menyampaikan ceramah di televisyen, beliau juga ada menghasilkan artikel-artikel mengenai Islam dan Wanita, antaranya, *Islam dan Wanita* pada tahun 1972, *Wanita Islam Mendapat Hak Yang Sama* pada tahun 1977 dan *Menyambut Ramadhan* juga pada tahun 1977.

Beliau telah dikurniai bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1974.

HASNAH MUHAMAD ALI



Puan Hasnah dilahirkan pada 20 Januari 1936 di Kulim, Kedah. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Ramli Ariffin, seorang guru. Hasil perkongsian hidup mereka ialah tiga orang anak, Prof. Madya Dr. Rashila, Dr. Rohaya dan Hazlita.

Beliau telah bersekolah sehingga tamat darjah enam di Sekolah Melayu Kulim dari tahun 1942 hingga 1946. Kemudian beliau telah meneruskan pelajaran di Malay Girls' College (kini Kolej Tunku Kurshiah) di Kuala Lumpur, sehingga lulus Senior Cambridge dalam tahun 1952. Sebelum memasuki universiti, beliau telah belajar di Victoria Institution, Kuala Lumpur, dari tahun 1953 hingga 1954. Antara tahun 1954 hingga 1959, beliau telah menuntut di Universiti Malaya Singapura dan lulus Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang zoologi. Beliau ialah wanita Melayu pertama yang lulus dengan ijazah tersebut. Seterusnya, beliau memperoleh Diploma Pendidikan dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur, dalam tahun 1965.

Dari segi kerjaya, Puan Hasnah mempunyai banyak pengalaman bekerja di merata-rata tempat dalam bidang pendidikan. Antaranya ialah sebagai Pegawai Kemajuan di MARA, Terengganu (1959-1960) dan guru kanan Sains di Sekolah Menengah Sultanah Asma, Alor Setar, Kedah (1961). Jawatan yang sama juga dipegang semasa beliau

di Westlands Secondary School, Pulau Pinang, dari tahun 1962 hingga 1964. Pada tahun 1965, beliau mengajar di Penang Free School. Antara tahun 1966 hingga 1969, beliau menjadi Guru Kanan Sains merangkap Penolong Kanan Kolej Tunku Kurshiah, Seremban. Di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah, beliau memegang jawatan yang sama antara tahun 1970 hingga 1972 dan dalam tahun 1973 hingga 1974, beliau berkhidmat di Sekolah Munshi Abdullah, Pulau Pinang.

Pada tahun 1975, Puan Hasnah telah dinaikkan pangkat menjadi Penolong Kanan di sekolah yang sama. Dalam tahun berikutnya pula, beliau menjadi Pengetua Sekolah Menengah Perempuan Sri Mutiara, Pulau Pinang. Kemudian beliau menjadi Pengetua Kolej Tunku Kurshiah, Seremban, dari tahun 1977 hingga 1982. Sebelum bersara pada tahun 1986, beliau berkhidmat sekali lagi sebagai Pengetua di Sekolah Menengah Perempuan Sri Mutiara, Pulau Pinang.

Puan Hasnah pernah menjadi Ketua Pemeriksa Kajihayat Tulen bagi Sijil Pelajaran Malaysia untuk tahun 1967 hingga 1970. Beliau juga ialah salah seorang Ahli Lembaga Temu Duga Guru-guru Pelatih. Sebagai guru sains, beliau juga membantu penyediaan sukatan pelajaran dari tahun 1968 hingga 1971. Selain itu, beliau membantu dalam penerbitan buku-buku Kajihayat Moden untuk tingkatan empat dan tingkatan lima.

Dalam aktiviti pertubuhan sukarela, beliau menjadi ahli Persatuan Pencinta Alam Malaysia sejak tahun 1953. Beliau juga salah seorang Pengasas Persatuan Guru-guru Sains Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1974. Beliau juga ahli PERKIM Pulau Pinang sejak tahun 1976 dan menjadi Ahli Jawatankuasa Wisma Yatim Perempuan Pulau Pinang dari tahun 1986 hingga 1995.

Dalam persidangan antarabangsa, Puan Hasnah pernah menjadi wakil ke Persidangan Pemenang Derma Juliette Low (Pandu Puteri) yang diadakan pada Ogos 1953 di Our Chalet, Switzerland. Selain itu,

beliau juga pernah mengikuti kursus pemeriksaan biologi bagi SPM di United Kingdom, pada November 1967.

Puan Hasnah telah menghasilkan beberapa penulisan. Beliau ialah penulis bersama *Our Story* oleh ahli-ahli sesi Juliette Low dalam Persidangan Pandu Puteri Antarabangsa di Our Chalet, Switzerland pada tahun 1953. Beliau juga penulis bersama buku **Warisan Puteri Melayu dari MGC ke TKC (1947-1979)** yang diterbitkan pada tahun 2000.

Puan Hasnah telah dikurniai Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1980. Beliau dianugerahi Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1982.

HAZIZAH HAJI TUMIN, PUAN SRI DATIN



Yang Berbahagia Puan Sri Datin Hazizah dilahirkan pada 11 Februari 1953 di Kampung Jimah Port Dickson, Negeri Sembilan. Beliau telah berkahwin dengan Tan Sri Dato' Seri Utama Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad, bekas Menteri Besar Negeri Sembilan dan kini Menteri Wilayah Persekutuan. Mereka memperoleh empat orang anak, iaitu Mohd Najib, Megawati, Lelawati dan Juhaidah.

Beliau telah mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban, pada tahun 1975. Seterusnya beliau menjadi guru di Sekolah Rendah Sultan Abu Bakar, Mentakab, pada tahun 1977, Sekolah Kebangsaan Temiang, Seremban, dari bulan Januari 1978 hingga Mei 1978 dan Sekolah Rendah Port Dickson dari bulan Mei 1978 hingga April 1982.

Puan Sri Hazizah banyak melibatkan diri dalam kegiatan sukarela dan pergerakan wanita, sama ada di peringkat negeri mahupun di peringkat kebangsaan. Beliau merupakan bekas Yang Dipertua Persatuan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat dan Pegawai-pegawai Kanan Negeri Sembilan (PEKERTI), Yang Dipertua Pergerakan Puteri Islam Malaysia, Perhubungan Negeri Sembilan, dan Pengerusi NCWO Cawangan Negeri Sembilan. Selain itu, beliau juga Naib

Pengerusi NCWO Kebangsaan Zon Selatan, Naib Pengerusi Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan dan Ahli Jawatankuasa Permasalahan Sosial Negeri Sembilan.

Dalam bidang politik pula, beliau telah menyertai UMNO dan telah dilantik Ahli Jawatankuasa Wanita Bahagian Telok Kemang dari tahun 1980 hingga 2000 dan Ketua Wanita Cawangan Kampung Baru.

Bagi mengenang jasanya dalam pergerakan wanita di Negeri Sembilan, beliau telah dianugerahi Anugerah Srikandi Negeri Sembilan oleh NCWO Cawangan Negeri Sembilan pada tahun 2002.

HELILIAH MOHD YUSOF, YANG ARIF DATUK



Yang Arif Datuk Heliliah telah dilahirkan di Perak, pada tahun 1945. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Dato' Mohd Annuar Jusoh dan mereka telah dikurniai dua orang anak, iaitu Ayinalin dan Muhammad Ayinan.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Raja Perempuan Ipoh dari darjah satu hingga tingkatan satu. Kemudian beliau meneruskan pelajaran di Sekolah Convent of the Holy Infant Jesus, Ipoh, dari tingkatan dua hingga tingkatan lima dan selepas itu melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam di Sekolah Anderson, Ipoh. Setelah tamat persekolahan, beliau telah menyambung pengajian ke Universiti Malaya Singapura dalam bidang undang-undang dan berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Undang-undang pada tahun 1970.

Datuk Heliliah telah menyertai Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman pada 20 April 1970. Beliau mula bertugas sebagai Majistret di Mahkamah Kajang sehingga bulan Ogos 1970 dan kemudian dilantik Peguam Persekutuan dan berkhidmat di Pejabat Peguam Negara. Mulai bulan Jun 1971, beliau telah dihantar ke Kementerian Pengangkutan sebagai Peguam Persekutuan sehingga Ogos 1975 sebelum dikembalikan ke Pejabat Peguam Negara dan

telah dinaikkan pangkat sebagai Peguam Kanan Persekutuan. Dari bulan Januari 1976 hingga Disember 1979, beliau ditugaskan di Kementerian Perdagangan dan Industri dan kemudian dari Januari 1980 hingga 1985, di Bahagian Undang-undang Antarabangsa, Pejabat Peguam Negara. Bermula dari bulan Mei 1985 hingga Mei 1988, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Ketua di Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara dan telah dilantik Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa pada bulan Jun 1988. Dari bulan Oktober 1991 hingga bulan Disember 1993, beliau telah ditugaskan di Bahagian Penggubalan Undang-undang Parlimen di Jabatan Peguam Negara. Mulai bulan Januari 1994, beliau dilantik Peguam Cara Negara, wanita pertama yang dilantik ke jawatan tersebut.

Semasa berkhidmat di Kementerian Pengangkutan, Datuk Heliliah bertanggungjawab menasihati Kementerian mengenai urusan Undang-undang Perkapalan, Penerbangan, Telekomunikasi, Perkhidmatan Pos dan Pengangkutan Jalan Raya. Beliau terlibat dalam pasukan perbincangan mengenai perjanjian perkhidmatan udara, skim pengasingan trafik di Selat Melaka, dan persempadanan Malaysia/Thailand, Malaysia/Indonesia serta Malaysia/Singapura.

Ketika di Kementerian Perdagangan dan Industri, beliau terlibat dalam perundangan mengenai pelaburan, sewa beli, kawalan harga dan undang-undang hak cipta. Datuk Heliliah juga merupakan ahli dalam pasukan perbincangan Malaysia berkaitan perjanjian jaminan pelaburan dan perjanjian pinjaman Bank Dunia serta ahli delegasi Malaysia ke Mesyuarat-mesyuarat ASEAN mengenai urusan perdagangan. Pada tahun 1978, beliau mengetuai delegasi Malaysia ke Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pengangkutan Barang Melalui Laut di Hamburg, Jerman.

Sewaktu bertugas di Jabatan Peguam Negara, beliau telah mengikuti beberapa delegasi Malaysia ke persidangan-persidangan di peringkat antarabangsa. Antaranya, United Nations Conference on the Law of the Sea, United Nations Conference on the Establishment of the Preparatory Commission to the Sea Bed Area, Mesyuarat-

mesyuarat Sessions of the Asian-African Consultative Committee (AALCC) di Jakarta, Kathmandu, Arusha, Nairobi dan Singapura, dan Commonwealth Senior Law Officers Meetings sebelum Mesyuarat-mesyuarat Menteri Undang-undang Komanwel.

Sebagai Peguam Cara Negara, Datuk Heliliah, sekiranya perlu, akan mewakili Peguam Negara ke Lembaga Pengampunan, Panel Penasihat Antarabangsa bagi Koridor Raya Multimedia dan Majlis Pelaksana serta Jawatankuasa Pemandu mengenai Globalisasi. Beliau pernah mewakili negara ke Mahkamah Pengadilan Antarabangsa dalam prosedur kehakiman mengenai Advisory Opinion on the Threat of the Use of Nuclear Weapons (1997) dan Advisory Opinion on the Immunity of a UN Special Rapporteur (1999). Beliau juga telah mewakili Malaysia dalam satu kes timbang tara membabitkan seorang rakyat warganegara Belgium yang dikendalikan oleh International Centre for the Settlement of Investment Dispute pada tahun 2000. Beliau juga terlibat dalam pasukan penyediaan kes tuntutan Pulau Sipadan/Ligitan di Mahkamah Pengadilan Antarabangsa.

Selain itu, beliau telah dipilih Naib Presiden Persatuan Kakitangan Kehakiman dan Perundangan dari tahun 1986 hingga 1988 dan Presiden pertubuhan yang sama dari tahun 1988 hingga 1990. Beliau juga pernah menjadi Presiden HAYAT (Persatuan Anggota Wanita dan Suri Jabatan Peguam Negara) dari tahun 1995 hingga 2000 dan Pengerusi Commonwealth Public Sector Lawyers' Association dari tahun 1997 hingga 1999. Di samping itu, beliau juga Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Lebuh Raya Malaysia, Ex-officio Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan pernah dilantik Ahli Majlis Universiti Malaya dari tahun 1987 hingga 1989.

Atas sumbangannya yang begitu banyak, beliau telah dianugerahi bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada tahun 1981, bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) pada tahun 1990 dan bintang Panglima Jasa Negara (P.J.N.) pada tahun 1999 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang membawa gelaran 'Datuk'. Pada tahun 1996,

beliau telah dikurniai bintang Dato' Paduka Mahkota Kelantan (D.P.M.K.) oleh DYMM Sultan Kelantan yang membawa gelaran 'Dato' '. Pada tahun 1994, beliau telah menerima Darjah Dato' Paduka Cura Simanja Kini (D.P.C.M.) daripada DYMM Sultan Perak yang juga membawa gelaran 'Dato' '.

HENDON HAJI DIN, DATO'



Yang Berbahagia Dato' Hendon dilahirkan pada 10 November 1923 di Parit Buntar, Perak. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tuan Haji Zahari Hassan, Pengarah Telekom Bahagian Operasi, pada tahun 1955 (meninggal dunia pada tahun

1986 ketika berusia 73 tahun). Hasil perkongsian hidup ini, mereka telah dikurniai lima orang cahaya mata, iaitu empat orang lelaki dan seorang perempuan. Beliau juga menjadi ibu kepada lapan orang anak Tuan Haji Zahari, hasil perkahwinan pertama bersama isterinya yang pertama yang telah kembali ke rahmatullah ketika anak-anak Tuan Haji Zahari masih kecil. Kesemua anak mereka telah melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi, sama ada di dalam atau di luar negara dan kini berjaya dalam kerjaya masing-masing.

Sebelum ke Maktab Perguruan, Dato' Hendon telah menjadi guru pelatih di sebuah sekolah di Batu Gajah, Perak, pada tahun 1939. Beliau bercita-cita untuk menjadi Penyelia Sekolah. Profesion perguruan telah dipilih sebagai batu loncatan untuk merealisasikan cita-citanya. Beliau telah menuntut di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka dari tahun 1940 hingga 1946. Perang Dunia Kedua menyebabkan pengajian beliau tergendala. Namun begitu, beliau telah mengambil kesempatan untuk mempelajari bahasa Jepun dan

Pelajaran Pendidikan Fizikal di Shihan Gakko (Sekolah Shihan) selama tiga bulan di Ipoh, bersama-sama 39 orang peserta lain. Setelah tamat pengajian di Sekolah Shihan, beliau mengajar mata pelajaran yang sama di sekolah itu kepada guru-guru yang dipilih dari sekitar negeri Perak. Kursus ini memakan masa tiga bulan bagi setiap kumpulan.

Setelah tamat Perang Dunia Kedua, Dato' Hendon telah menyambung pengajian di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka hingga tahun 1946. Seterusnya beliau ditugaskan sebagai Pengetua di Cator Avenue School, Ipoh. Pada tahun 1949, beliau dilantik Penyelia Sekolah-sekolah Perempuan Melayu Negeri Sembilan oleh Ibu Pejabat Pendidikan Tanah Melayu. Pada tahun 1950, beliau telah dipilih untuk mengikuti Kursus Latihan Perguruan di Wall Hall Teachers College, Watford, London. Apabila kembali ke tanah air, beliau telah menubuhkan Pusat Pengurusan Rumah Tangga bagi Sekolah-sekolah Perempuan Melayu di Negeri Sembilan. Selain itu, beliau juga diberi tugas oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan untuk mentadbir asrama murid-murid perempuan di Seremban. Ini merupakan asrama pertama bagi murid-murid perempuan di Negeri Sembilan.

Sepanjang perkhidmatan beliau dalam bidang pendidikan, Dato' Hendon pernah menjadi tenaga pengajar di Sekolah Iskandar, Alor Setar, selama 14 bulan dan kemudiannya Sekolah Jalan Shaw, Kuala Lumpur. Pada tahun 1966, beliau dilantik Guru Besar Sekolah Datuk Abu Bakar II, Kuala Lumpur, selama 12 tahun sehinggalah bersara pada tahun 1978.

Di samping itu, beliau aktif dalam kerja-kerja amal dengan melibatkan diri dalam Pergerakan Pandu Puteri dan St. John Ambulans serta organisasi-organisasi pertubuhan wanita yang memberi penekanan kepada pendidikan kanak-kanak dan wanita muda. Beliau memegang jawatan Ketua Pesuruhjaya Pergerakan Pandu Puteri Malaysia pada tahun 1973 dan seterusnya selama sepuluh tahun. Banyak perubahan yang telah dilakukannya bagi menyesuaikan

prinsip bimbingan dalam kebudayaan Malaysia. Beliau juga telah mencadangkan agar Pandu Puteri Malaysia mempunyai pakaian seragam cara Malaysia. Beliau juga Ahli Jawatankuasa Pandu Puteri Asia Pasifik bagi tempoh empat tahun. Pengalaman Dato' Hendon yang luas dalam Pergerakan Pandu Puteri telah membolehkannya dilantik menjadi ahli Olave Baden Powell Society yang beribu pejabat di London, di bawah naungan HRH Puteri Benedikte, Denmark.

Dato' Hendon sering mewakili Pergerakan Pandu Puteri Malaysia ke beberapa persidangan antarabangsa seperti Persidangan Pandu Puteri Asia Pasifik di Poona, India, pada tahun 1965, Persidangan Pandu Puteri Komanwel di London, pada tahun 1966, Persidangan Pandu Puteri Sedunia di Kanada, pada tahun 1973, Persidangan Pandu Puteri Asia Pasifik di Filipina, pada tahun 1975 dan Persidangan Pandu Puteri Sedunia di Tehran, Iran, pada tahun yang sama.

Selain memegang jawatan dalam Pergerakan Pandu Puteri, Dato' Hendon juga telah dilantik Ahli Majlis Universiti Malaya bagi tempoh empat tahun mulai tahun 1976 dan menjadi Ahli Panel bagi Mahkamah Juvana di Seremban, bagi tempoh lima tahun. Beliau juga menjadi Ahli Lembaga Disiplin Persatuan Hoki Wanita dari tahun 1989 hingga sekarang. Beliau juga ialah Ahli Jawatankuasa Kerja NCWO pada tahun 1975. Beliau turut mewakili NCWO ke Persidangan Pertubuhan-pertubuhan Wanita yang berlangsung di Baghdad, Iraq, pada tahun 1982 dan membentangkan kertas kerja yang bertajuk *Wanita Malaysia*.

Selepas kematian suaminya pada tahun 1986, atas permintaan anak-anaknya, Dato' Hendon telah mengambil alih tugas Allahyarham sebagai Pengerusi Kumpulan Syarikat Zet Enterprise Sdn. Bhd. dan beliau masih menjawat jawatan tersebut sehingga hari ini.

Bagi menghargai jasa-jasa yang telah dicurahkan, pada tahun 1952, beliau telah dianugerahi Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh Kerajaan Negeri Sembilan atas sumbangannya kepada negeri tersebut dalam bidang pendidikan. Pada tahun 1971, beliau mendapat Surat

Kepujian Pergerakan Pandu Puteri Sedunia atas khidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Asia Pasifik selama empat tahun. Beliau juga menerima Pingat Layang-layang, iaitu penghormatan tertinggi daripada Majlis Kebangsaan Pergerakan Pandu Puteri atas sumbangan beliau terhadap Pergerakan Pandu Puteri Negara pada tahun 1978. Lembaga Pendidikan Persekutuan telah memberikan beliau Surat Kepujian atas jasa-jasanya dalam bidang pendidikan.

Di samping itu, beliau telah dianugerahi Tokoh Guru Kebangsaan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada tahun 1992, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah mengurniakan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) kepada beliau. Pada tahun berikutnya, NCWO menganugerahkan Anugerah Pingat Emas Tun Fatimah. Pada tahun 1995, beliau telah dikurniai bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan pada tahun 1996, beliau menerima Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.) daripada DYMM Sultan Perak yang membawa gelaran 'Dato'. Dalam tahun 1996 juga, beliau telah mendapat Anugerah Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah-Avon.

Pada tahun 2000, beliau telah memperoleh Anugerah Srikandi Pandu Puteri Malaysia atas sumbangan beliau dalam bidang bimbingan dan pendidikan. Tahun berikutnya, beliau telah dianugerahi Women of Outstanding Achievement Award oleh World Association of Girl Guides Girls Scout (WAGGGS).

JABU, EMPIANG, PUAN SRI DATO' SRI



Yang Berhormat Puan Sri Dato' Sri Empiang, atau nama sebenarnya Empiang Anak Antak, telah dilahirkan pada 20 Februari 1944 di Bahagian Betong, Sarawak. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Alfred Jabu Anak

Numpang. Mereka mempunyai empat orang anak, iaitu Gerald Rentap Jabu, Jennifer Bermas Jabu, Umang Nangku Jabu dan Barbara Dubah Jabu. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan & Geografi) daripada Universiti Victoria, New Zealand, pada tahun 1967 dan seterusnya memperoleh Diploma Pendidikan daripada Epsom Teacher's College, Auckland, New Zealand.

Beliau mula mengajar pada tahun 1969 di Sekolah Menengah Bintulu, Sarawak. Selepas itu, beliau telah mengajar di beberapa tempat lain, iaitu Kolej Tuanku Haji Bujang, Miri, Sarawak, Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sekolah Menengah Methodist, Sibul dan Sekolah Menengah St. Mary, Kuching. Mulai tahun 1987, beliau menjadi Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sarawak, dan Pernas Kuching Hilton Hotel dan Hilton Batang Ai. Sejak tahun 2002, beliau menjadi Ahli Lembaga Pengarah Curtin University Miri (Malaysia).

Selain sibuk dengan kerjaya, beliau turut melibatkan diri dalam kegiatan politik dan kemasyarakatan. Sejak tahun 1984, beliau ialah

Timbalan Yang Dipertua Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumi-putera Bersatu (PBB), Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital Umum Sarawak dan Presiden Sarakup Indu Dayak Sarawak (Pertubuhan Wanita Dayak Sarawak). Beliau juga menjawat jawatan Penolong Setiausaha Agung PBB dan Ketua Wanita PBB Bahagian Layar. Pada tahun 1986, beliau menjadi Pengerusi Lembaga Pengurusan Sekolah St. Mary, Kuching, Sarawak, dan Naib Presiden (Kehormat) Sarawak Atelier Society manakala pada tahun 1991 hingga 2001, beliau menjadi Pengerusi Persatuan Kesihatan Jiwa Sarawak. Beliau juga Naib Presiden SABATI sejak tahun 1994, Ahli Lembaga Amanah Yayasan Kebudayaan Dayak sejak tahun 1994, Ahli Lembaga Amanah Yayasan Jantung Sarawak sejak tahun 1995 dan Penaung Persatuan Perancang Keluarga Sarawak sejak tahun 1999. Pada tahun 2004, beliau telah dilantik Ahli Dewan Negara.

Dato' Sri Empiang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam budaya masyarakat Iban serta tradisi lisan mereka. Di samping itu, beliau mempunyai pengetahuan tentang makna corak dan simbol tenunan tekstil Iban (pua kumbu) serta anyaman yang dihasilkan daripada bemban dan buluh.

Bagi menghargai jasa dan sumbangan yang telah diberikan, Dato' Sri Empiang dianugerahi bintang Panglima Negara Bintang Sarawak (P.N.B.S.) oleh Yang Dipertua Negeri Sarawak yang membawa gelaran 'Dato' Sri'. Pada tahun 1993, beliau memperoleh Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan pada tahun 2003, beliau menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (Perak) sempena sambutan Jubli Delima – Sarawak Merdeka Dalam Malaysia.

JAMILAH ARIFFIN, DATIN PADUKA PROFESOR DR.



Yang Amat Berbahagia Datin Paduka Profesor Dr. Jamilah telah dilahirkan di Kuala Kangsar, Perak, pada 23 Disember 1947. Beliau ialah isteri kepada Menteri Besar Johor sekarang, Dato' Abdul Ghani Othman dan mereka mempunyai dua orang anak, iaitu

Juwita Edora dan Jamil Hilmi.

Pada tahun 1970, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Sains Sosial (Sosiologi dan Ekonomi) daripada La Trobe University, Melbourne, Australia. Beliau mendapat anugerah Pelajar Terbaik dalam Sains Sosial daripada University of Queensland, Brisbane, Australia, dua tahun kemudian. Pada tahun 1975, beliau telah mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang Sosiologi daripada University of Queensland, Brisbane, Australia, dan pada tahun 1985, beliau mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Sosiologi Pembangunan daripada universiti yang sama.

Datin Paduka Prof. Dr. Jamilah mula berkhidmat di UPM sebagai pensyarah (1974-1975) dan selepas itu, beliau menjadi pensyarah di UKM (1975-1982). Mulai tahun 1983 hingga 1985, beliau ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya dan telah dilantik Profesor Madya dalam tahun 1985. Beliau telah dinaikkan ke pangkat Profesor di Universiti Malaya

dalam tahun 1994. Sejak tahun 1995, beliau bertugas sebagai *Senior Research Fellow* di Institut Sultan Iskandar, UTM, Skudai, Johor.

Kepakaran beliau dalam bidang sosiologi telah membolehkannya dilantik sebagai *Visiting Research Fellow* di Centre for Cross-Cultural Research on Women di Oxford University, London, pada tahun 1989. Sejak tahun 1994 hingga sekarang, beliau menjadi ahli Scientific Board dalam Swiss Academy of Development di Switzerland. Dari tahun 1988 hingga 1990, beliau merupakan warganegara Malaysia pertama dilantik ahli Commonwealth Expert Group mengenai *Women and Structural Adjustment* di Sekretariat Komanwel, London.

Beliau juga telah dilantik Konsultan mengenai *Quality of Life and Social Issues in Kuala Lumpur* untuk ISI/ DBKL Kuala Lumpur Structure Plan Project pada tahun 1997. Mulai tahun 1998, beliau menjadi Penasihat Program Pengajian Ijazah Pengurusan Pembangunan di UUM dan Penasihat Program Pengajian Pengurusan Fakulti di UTM. Dari tahun 2002 hingga 2003, beliau dijemput sebagai Profesor Pelawat oleh La Trobe University, Australia, serta sebagai Fellow Penyelidik Kanan Kehormat oleh Monash University, Australia.

Selain itu, Datin Paduka Prof. Dr. Jamilah pernah dilantik ahli NACIWID dari tahun 1984 hingga 2000. Beliau telah mengetuai delegasi Malaysia ke Senior Officials Meeting for Women Ministers' Conference yang berlangsung di Sekretariat Komanwel, London, dalam tahun 1992. Dari tahun 1993 hingga 1995, Datin Paduka Prof. Dr. Jamilah telah bertugas sebagai Konsultan kepada Unit Perancang Ekonomi dan Hal Ehwal Wanita dalam kajian seluruh Malaysia mengenai *Women's Role in Development*. Ketika Persidangan Wanita Sedunia diadakan di Beijing, beliau telah dilantik Ketua Konsultan bagi delegasi Malaysia ke sana. Sejak tahun 1996 hingga 2000, beliau berkhidmat sebagai Ahli Panel Penasihat Editorial Antarabangsa untuk *Australian Journal of Social Issues* yang berpusat di Perth, Australia. Bermula pada tahun 1998, beliau dilantik sebagai Ahli

Jawatankuasa Institute for Rural and Advancement (INFRA) oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Di samping itu, dari tahun 1985 hingga 1986, beliau menjadi Presiden University Malaya Women's Association (UWA). Beliau telah terpilih sebagai Presiden pertama Gender Studies Association of Southeast Asia (cawangan Malaysia) dari tahun 1993 hingga 1995 dan sejak tahun 1995, beliau menjadi Presiden Badan Amal Isteri Wakil-wakil Rakyat Negeri Johor (JUITA). DYMM Sultan Johor telah melantik beliau Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Iskandar, Johor, sejak tahun 1997. Beliau juga Penasihat Sekolah Kanak-kanak Terencat Akal di Johor Bahru, Penaung PUSPANITA Johor dan telah dilantik oleh DYMM Sultanah Johor sebagai Penasihat Khas kepada DYMM Sultanah dalam MAWAR. Datin Paduka Prof. Dr. Jamilah telah mengasaskan dan menjadi Presiden APFAM Malaysia yang pertama pada tahun 1999 dan menjadi Presiden APFAM International dari tahun 2002.

Datin Paduka Prof. Dr. Jamilah telah memperkenalkan sebelas projek amal yang juga dikenali sebagai PROJEK JUITAKU SAYANG I hingga XI. Antara projek-projek ini yang sudah terkenal ialah JUITAKU SAYANG I – Projek Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di mana Pusat Harian Kanak-kanak Istimewa (PHKI) didirikan di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri Johor sebanyak 40 buah (setakat ini, sejumlah 42 buah PHKI telah pun dibina dan pembinaan beberapa buah PHKI lagi dalam peringkat perancangan), JUITAKU SAYANG VII – Perkhidmatan Sokongan dan Pusat Komputer di semua rumah anak yatim di seluruh Negeri Johor dan JUITAKU SAYANG X – Perkhidmatan Sokongan Kebajikan kepada Orang Tua di Johor. Beliau juga telah menyediakan, untuk HAWA, Rancangan Penyelidikan Lima Tahun untuk Wanita (1990-1995) dan telah membantu persiapan Bab *Women and Development* bagi Rancangan Malaysia Keenam. Beliau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Editorial *Journal of Family Studies*, LPPKN, dari tahun 1987 hingga 1991, Penasihat Penyelidikan bagi IKWAM dari tahun 1987 hingga

1991 dan Konsultan kepada Kajian EPU/HAWA mengenai *Economic Transformation and Malaysian Women's Social Position and Status* dari tahun 1993 hingga 1999.

Banyak penulisan telah dihasilkan oleh beliau terutamanya dalam bidang wanita dan pembangunan, antaranya, *Women Studies in Malaysia – An Overview and Reference Bibliography*, National Population and Family Development Board Publication (1991) dan *Women and Development in Malaysia* terbitan Pelanduk Publications (1992). Beliau juga ialah penyelaras dan editor kepada beberapa buah buku yang diterbitkan pada tahun 1994 seperti *Reviewing Malaysian Women's Status – Country Report in Preparation for the Fourth UN World Conference on Women*, Population Studies Unit, *From Kampung to Urban Factories – Findings from the HAWA Study*, University Malaya Press, dan *Poverty Amidst Plenty – Research Findings and the Gender Dimension in Malaysia* terbitan Pelanduk Publications.

Datin Paduka Prof. Dr. Jamilah pernah terlibat dalam penganjuran beberapa persidangan dan seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Migration and Development of Gender in the ASEAN Region International Conference anjuran Population Studies Unit pada tahun 1992, Persidangan Antarabangsa ISI-SAD mengenai *Social Challenges of Rapid Economic Transformation* di Johor Bahru, pada tahun 1997 dan Persidangan Kebangsaan APFAM Malaysia mengenai *Family in the K-Economy Age: Challenges to Parenthood* di Kuala Lumpur, pada tahun 2001.

Beliau pernah membentangkan kertas-kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa. Antara kertas-kertas kerja yang dibentangkannya di persidangan peringkat kebangsaan ialah *The Involvement of the Civil Society in Handling Urban Poverty and Social Problems* anjuran Social Welfare Council di Kuala Lumpur, dalam tahun 1998, *Sejarah Pembangunan Malaysia dan Perubahan Peranan Wanita – Dari Sudut Ekonomi dan Pendidikan* di Seminar Kebangsaan Pemartabatan Wanita di Malaysia,

anjuran IKIM dalam tahun 1999 dan *Women & Poverty - A Closer Look at This Issue and Poor Female-headed Households in Urbanising Malaysia* pada Persidangan Kebangsaan mengenai *Urban Poverty* di Kuala Lumpur, dalam tahun 2002. Antara kertas-kertas kerja yang telah dibentangkannya di persidangan-persidangan antarabangsa ialah *Families of Transitional Societies - Issues and Challenges* di Asia Pacific Forum on Family - ICSW Conference di Hong Kong, pada tahun 1996, *Investing in Family Development to Eradicate Poverty: The Southeast Asian Experience: An Assessment of Government Development Plans and Policies in the ASEAN Region* di 27th Asia and Pacific Regional Conference of the International Council on Social Welfare ICSW di Jakarta, pada tahun 1997 dan *Expanding Women's Role in the New Knowledge Economy: Challenges and Opportunities* di ASEAN Convention for Women Leaders - Empowering Women - Leadership in Action di Singapura, dalam tahun 2001.

Dalam tahun 1995, beliau telah dianugerahi darjah kebesaran Setia Mahkota Johor (S.M.J.) oleh DYMM Sultan Johor, dan pada 23 September 2003, dianugerahi darjah kebesaran Dato' Paduka Mahkota Johor (D.P.M.J.) yang membawa gelaran 'Datin Paduka'.

JANAKY ATHI NAHAPPAN, PUAN SRI DATIN



Yang Berbahagia Puan Sri Datin Janaky atau nama sebenarnya, Janaky Devar, telah dilahirkan di Kuala Lumpur, dan berasal daripada keluarga yang besar, iaitu seramai 12 orang adik-beradik. Beliau telah berkahwin dengan Tan Sri Datuk Athi Nahappan (mendiang), dulunya seorang pemberita, pada tahun 1949 dan mereka mempunyai tiga orang anak. Pembabitan Puan Sri Janaky dalam kegiatan sukarela bermula sejak kecil lagi apabila beliau menjadi seorang *brownie* pada usia lapan tahun dan ahli Pandu Puteri ketika berumur 13 tahun.

Selepas tamat Perang Dunia Kedua, Puan Sri Datin Janaky telah belajar di Sekolah St. Mary, Kuala Lumpur. Dalam masa yang sama, beliau turut melibatkan diri dalam Indian Congress Medical Mission dan British Medical Mission yang telah membawanya ke serata estet serta kampung-kampung untuk memberi rawatan kepada yang memerlukannya. Beliau juga turut membantu dalam Jawatankuasa Biro Guaman, menjadi ahli Indian Relief Committee yang dilantik oleh Jawaharal Nehru serta menjadi jururawat sukarela dengan Young Men Indian Association di Sentul. Pada tahun 1946, beliau bersama-sama beberapa orang tokoh India telah menubuhkan Malaysian Indian Congress (MIC). Dari tahun 1946 hingga 1949,

beliau membantu Encik John ATV, Presiden pertama MIC, dengan kerja-kerja penubuhan MIC yang ketika itu beribu pejabat di Kuil Mariamman, High Street, Kuala Lumpur.

Dari tahun 1947 hingga 1954, beliau membabitkan diri dalam Pergerakan Pandu Puteri dan menjadi Kapten Kompeni 12 dan 32 Kuala Lumpur Girl Guide di Sekolah Bukit Bintang. Pada masa itu, Pergerakan Pandu Puteri telah menjalankan pelbagai projek kegiatan kebajikan di mana Puan Sri Datin Janaky turut terlibat. Antara tahun 1948 hingga 1952, beliau bertugas sebagai guru di Mahatma Gandhi High School di Jalan Yap Kwan Seng. Dari tahun 1952 hingga 1954, beliau menjadi Setiausaha Sulit kepada Inspektor Jeneral Home Guard di Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur.

Pada tahun 1954, Puan Sri Datin Janaky telah mengikuti suaminya yang menyambung pelajaran dalam bidang undang-undang di England. Semasa di London, beliau telah bekerja sebagai seorang steno di pejabat Pesuruhjaya Tinggi India. Setibanya di England, beliau telah menghadiri Kem Pandu Puteri di Bedfordshire yang turut dihadiri oleh seramai 20,000 orang ahli Pandu Puteri. Pada tahun 1955, beliau mengikuti satu kursus latihan untuk Guiders di Scotland. Antara tahun 1955 hingga 1958, beliau menjadi ahli Tamil Sangam London.

Sekembalinya mereka berdua ke Malaysia pada tahun 1958, suaminya telah membuka sebuah firma guaman. Dalam tahun 1959, Puan Sri Datin Janaky telah dilantik Pesuruhjaya Pandu Puteri Negeri Selangor. Sebagai Pesuruhjaya, beliau telah merancang dan menjalankan berbagai-bagai kegiatan serta memegang pelbagai jawatankuasa. Ini termasuklah Pengerusi Jawatankuasa Bangunan dan beliau adalah orang yang bertanggungjawab ke atas pembinaan Ibu Pejabat Pandu Puteri Selangor. Selain itu, beliau juga terbabit dalam penubuhan Rumah Kebajikan Tengku Budriah pada tahun 1963. Sejak tahun 1976, Puan Sri Datin Janaky ialah Ahli Jawatankuasa Kerja Pergerakan Pandu Puteri Malaysia.

Beliau terkenal dengan usahanya menganjurkan perarakan dan sebagainya dalam acara-acara penting seperti Hari Kebangsaan. Beliau telah menggembleng tenaga Pandu Puteri Malaysia serta pertubuhan-pertubuhan wanita lain untuk mengambil bahagian dalam perarakan yang diadakan. Pada tahun 1965, beliau telah menganjurkan satu perarakan perpaduan yang melibatkan seramai 1200 orang Pandu Puteri di Stadium Merdeka bagi memperingati hari jadi YTM Tunku Abdul Rahman yang ke-66. Pada sambutan Hari Kebangsaan pada tahun 1975 sempena Tahun Wanita Antarabangsa, beliau telah menganjurkan satu program raksasa bergelar Women on the March yang memperlihatkan gabungan tenaga semua pertubuhan wanita di Malaysia dalam satu perarakan raksasa yang disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Abdul Razak.

Dalam bidang politik pula, selain terlibat dalam penubuhan MIC, pada tahun 1975 beliau menjadi Pengerusi MIC cawangan Batu, Kuala Lumpur, dan hingga tahun 1976, beliau ialah Ketua Wanita MIC Negeri Selangor. Pada tahun 1977, beliau menduduki Jawatankuasa Kerja Pusat MIC. Pada bulan Jun 1983, beliau telah dilantik Senator Dewan Negara.

Selain Pandu Puteri, Puan Sri Datin Janaky juga menjadi Ahli Jawatankuasa Lembaga Karyaneka, ahli NACIWID, ahli NCWO dan Ahli Majlis Lembaga Amanah Gita Ashram. Beliau telah dilantik Ahli Suruhanjaya Diraja mengenai Perkahwinan dan Perceraian Bagi Orang-orang Bukan Islam.

Beliau juga sering menghadiri seminar atau program di peringkat kebangsaan berkaitan pembangunan masyarakat termasuk soal-soal perancang keluarga dan penyalahgunaan dadah. Kerja-kerjanya dalam Pandu Puteri telah membawa beliau ke merata dunia bagi mengikuti kem atau program Pandu Puteri. Antaranya, World Girl Guide Conference di Thailand, Kanada, England, Sri Lanka dan Paris.

Bagi menghargai jasa-jasanya, Puan Sri Datin Janaky telah menerima Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) daripada DYMM Sultan Selangor pada tahun 1961 dan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1964. Beliau juga telah dianugerahi Bee Medal pada tahun 1973 atas perkhidmatannya dalam Pandu Puteri dan Swift Medal, iaitu satu penganugerahan tertinggi dalam kerja-kerja sukarela Pandu Puteri.

JOSIAH, IVY NALAMMAH



Cik Ivy N. Josiah mendapat kelulusan Sarjana Muda Bahasa Inggeris dari Universiti Malaya pada tahun 1979. Seterusnya beliau memperoleh Diploma Pendidikan (TESL) dari universiti yang sama pada tahun 1980. Beliau telah mengikuti Program Latihan *Strategic Perspectives in Non-Profit Management* di Sekolah Siswazah Pentadbiran Perniagaan Universiti Harvard, Amerika Syarikat, pada tahun 1997.

Kerjaya beliau bermula sebagai guru dan pensyarah bahasa Inggeris di beberapa kolej dan institusi pengajian tinggi dari tahun 1981 hingga 1993. Beliau telah menjadi Pengarah Kebangsaan bagi American Field Services (AFS) Malaysia dari tahun 1994 hingga 1995. Pada tahun 1995, beliau dilantik Pengarah Eksekutif WAO di Malaysia, dan memegang jawatan itu hingga sekarang. Ditubuhkan pada tahun 1982, WAO (Women's Aid Organization) merupakan pertubuhan wanita yang pertama di Malaysia yang menyediakan perlindungan bagi wanita mangsa keganasan serta anak-anak mereka. WAO telah memainkan peranan penting dalam kerja-kerja advokasi, pendidikan awam dan reformasi undang-undang berkaitan keganasan rumah tangga.

Sebagai ahli WAO dan presidennya dari tahun 1990 hingga 1993, Cik Ivy telah membangunkan dan melaksanakan khidmat per-

lindungan WAO, menyelaraskan program-program pendidikan untuk masyarakat dan kerja-kerja advokasi dalam isu keganasan terhadap wanita. Beliau telah mengembangkan perkhidmatan perlindungan tersebut untuk turut memberi perlindungan kepada pembantu-pembantu rumah yang telah dianiaya oleh majikan mereka dan tinggal dalam keadaan seperti hamba. WAO telah melaksanakan usaha untuk memperbaiki suasana pekerjaan dan mengubal contoh kontrak bagi pembantu rumah bangsa asing yang kebanyakannya dari Indonesia. Selaku wakil WAO, Cik Ivy pernah terlibat dalam pembentukan Dasar Wanita Negara, Dasar AIDS Kebangsaan dan Agenda Wanita Untuk Perubahan.

Beliau telah merangka program-program bagi membantu ibu-ibu tunggal agar mampu berdikari dari segi kewangan dengan mengadakan program biasiswa bagi anak-anak mereka. Beliau juga merupakan antara mereka di dalam WAO yang terlibat dalam pembentukan Pusat Jagaan Kanak-kanak WAO yang menjadi perkhidmatan sokongan kepada ibu-ibu tunggal yang telah meninggalkan Pusat Perlindungan WAO.

Dari tahun 1985 hingga 1994 Cik Ivy telah menjadi ahli Kumpulan Tindakan Bersama Menentang Keganasan Terhadap Wanita dan juga Ahli Jawatankuasa Akta Keganasan Rumah Tangga dari tahun 1992 hingga 1994. Beliau juga turut terbabit secara aktif dalam merangka dan melobi pelaksanaan Akta Keganasan Rumah Tangga di Malaysia. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang undang-undang berkaitan dengan perlindungan hak-hak wanita dalam kekeluargaan dan undang-undang keganasan rumah tangga.

Beliau telah memulakan dan mengkoordinasi projek pemantauan WAO ke atas Pelaksanaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Beliau juga menyelaraskan program WAO – Pemantauan Terhadap Kewajipan Kerajaan Malaysia Memenuhi Kesamaan Wanita di bawah CEDAW.

Antara tahun 1990 hingga 1992, beliau menjadi ahli Kumpulan Penyelidik WAO yang menyelaraskan Kajian Penyelidikan Kebangsaan ke atas wanita yang didera. Sebuah penerbitan bertajuk **Wanita Terdera di Malaysia, Yang Berlaku pada Ketika Ini, Masalah dan Pandangan Masyarakat** merupakan yang pertama diterbitkan di Malaysia dan menjadi batu asas maklumat tentang sejauh mana masalah wanita didera, pandangan masyarakat dan pengalaman yang dilalui oleh agensi-agensi awam.

Dari tahun 1993 hingga 1994, Cik Ivy terlibat dalam Pengurusan Antara Agensi bagi Masalah Wanita Teraniaya. Kumpulan Pengurusan ini bekerjasama dengan Jabatan Kemalangan dan Kecemasan Hospital Kuala Lumpur. Beliau turut terbabit dalam kerja-kerja pemantauan protokol di Jabatan tersebut.

Di peringkat serantau dan antarabangsa, sejak tahun 1998 hingga sekarang, beliau ialah Pengerusi bagi *Task Force* Forum Wanita, Undang-undang dan Pembangunan Asia Pasifik (APFWLD) tentang Keganasan Terhadap Wanita dan juga Ahli Jawatankuasa Kajian Pelbagai Negara Tentang Kesihatan Wanita dan Keganasan Rumah Tangga di bawah Program Bagi Global Bukti Untuk Dasar Kesihatan WHO. Dari tahun 2000 hingga sekarang, beliau ialah Pengarah International Women's Rights Action Watch Asia Pacific (IWRAP) dan jurulatih tentang Gender, Hak-hak Asasi Wanita dan CEDAW dengan IWRAP Asia Pasifik. Dari tahun 2000 hingga 2001, beliau ialah Ahli Jawatankuasa Forum APWLD. Pada 4 Februari 2004, beliau dilantik menganggotai Suruhanjaya Khas Penambahbaikan Perjalanan Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

KALSOM ABDULLAH



Puan Kalsom telah dilahirkan pada 24 Jun 1939 di Kampung Jarak Atas, Seberang Perai, Pulau Pinang, dan merupakan anak kedua daripada tiga orang adik-beradik. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Melayu sehingga darjah enam dan Sekolah Agama

selama lima tahun. Semasa gadisnya, beliau aktif menyertai musababah membaca Al-Quran sejak berusia 12 tahun. Beliau juga pandai berzanji dan bernasyid. Kini, di samping menjalankan beberapa buah perniagaan, beliau turut menjadi guru Al-Quran di kampungnya, Kampung Kubur Gajah, Sungai Buluh, Selangor. Beliau telah mendapat anugerah Ibu Mithali yang kelapan pada 23 September 2002.

Beliau telah mendirikan rumah tangga ketika berumur 15 tahun dengan Tuan Haji Ismail Chik, bekas Pegawai Pendidikan Agama KEMAS, dan mereka telah dikurniai 15 orang anak, tujuh lelaki dan lapan perempuan, dan kesemuanya berjaya dalam bidang masing-masing. Hampir kesemuanya telah ke menara gading, dan empat orang daripada mereka berkelulusan tahfiz. Anak-anaknya ialah Hurriyyah, pegawai eksekutif di *New Straits Times*; Ahmad Lutfi, ahli perniagaan; Mohd Razip, Penolong Pengarah di Kementerian Pendidikan Malaysia; Saidi, pengurus syarikat kontraktor binaan; Fairuz, pengurus kanan di Syarikat Golden Hope; Dato' Pirdaus, bekas Imam Masjid Negara; Ashraf, pensyarah di Jabatan Al-Quran

dan Sunnah, UKM; Nor Hayati, ahli perniagaan; Rahila, ahli perniagaan; Sidroh Asur, guru; Wardah Asur, pegawai eksekutif penerbitan; Kifayah Hanim, guru; Bushra, ahli perniagaan; Khairul Shifa', baru tamat pengajian tahfiz dan Jihadi, juga baru tamat pengajian tahfiz.

Dalam mendidik anak-anaknya, beliau serta suaminya tidak pernah memukul anak-anak meskipun penat menguruskan mereka. Beliau lebih menitikberatkan kecekalan dan kesabaran dalam mendidik anak-anaknya. Puan Kalsom dan Tuan Haji Ismail lemah lembut dalam mendidik anak-anak tetapi cukup tegas dalam hal berkaitan agama. Amalan solat waktu berjemaah dan membaca Al-Quran menjadi dua perkara wajib yang sering ditekankan kepada anak-anak sejak kecil lagi. Apa yang sering dilakukan dan wajar ditonjolkan ialah setiap tindakan di hadapan anak-anak perlu dilaksanakan dengan penuh santun, hormat dan berbudi bahasa.

KAMARIAH ALANG MAT NASID



Puan Kamariah telah dilahirkan pada tahun 1928 di Padang Rengas, Perak. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan dua pupunya, Haji Arshad Alang Abdul Hakim, pada tahun 1950 dan mereka dikurniائي 13 orang anak. Kini mereka mempunyai 51 orang cucu dan lapan orang cicit. Beliau telah mendapat Anugerah Ibu Mithali ketujuh pada 26 November 1999.

Beliau bersekolah hanya sehingga darjah lima di Sekolah Melayu Padang Rengas dan pernah belajar di bawah asuhan Tan Sri Datin Paduka Seri (Dr.) Aishah Ghani, iaitu bekas Ketua Wanita UMNO Malaysia dan Menteri Kebajikan Masyarakat Malaysia. Pada awal tahun 1940-an, beliau turut berpidato di Padang Rengas dalam gerakan menuntut kemerdekaan, khususnya dalam Angkatan Wanita Sedar (AWAS).

Setelah mendirikan rumah tangga, beliau menumpukan sepenuh usaha ke arah membina keluarga. Dengan bilangan anak yang ramai, beliau telah melakukan pelbagai kerja termasuklah menanam padi, menganyam tikar, mengecat tudung saji dan membuat tilam kekabu. Beliau juga turut menternak kerbau, kambing, ayam dan itik sebagai sumber pendapatan untuk menampung perbelanjaan persekolahan dan pengajian anak-anaknya. Beliau menanam sayur di sekitar

rumahnya sehingga pernah mendapat anugerah Johan Pertandingan Buku Hijau Kawasan pada pertengahan tahun 1970-an.

Puan Kamariah sendiri yang mengajar anak-anaknya mengaji Al-Quran selepas solat Maghrib dan memastikan anak-anaknya mengulang kaji pelajaran dan membuat kerja sekolah. Bagi melatih anak-anaknya yang masih kecil berdikari dan bertanggungjawab, setiap orang diberikan seekor kambing untuk dipelihara sehingga besar dan boleh dijual. Penat lelah beliau membuahkan hasil apabila lapan orang daripada tiga belas orang anaknya berjaya ke peringkat universiti, termasuklah seorang yang bergelar doktor falsafah dalam bidang matematik, dua orang di peringkat maktab perguruan dan tiga orang lagi terus bekerja selepas tamat persekolahan.

Sehingga kini, semangat beliau masih kuat dan beliau adalah merupakan pendorong utama kepada anak-anaknya untuk lebih maju dan menceburi bidang perniagaan. Setelah anak-anaknya berjaya, kerap kali wang yang diberikan oleh anak-anak disumbangkan pula ke arah kebajikan. Beliau telah beberapa kali menawarkan diri secara sukarela untuk mengutip derma bagi mendirikan masjid, surau serta rumah anak-anak yatim.

Pada September 2002, Puan Kamariah telah diundang sebagai salah seorang personaliti untuk buku *The Roses of Perak*.

KAMILIA DATO' IBRAHIM, DATO'



Yang Berbahagia Dato' Kamalia ialah anak jati Negeri Perak Darul Ridzwan, dilahirkan pada 20 April 1952 di Ulu Piol, Manong, Perak. Beliau telah berkahwin dengan Encik Mannan Abdul Rahim dan mereka telah dikurniai 12 orang anak, iaitu Amirul Iskandar, Nazirah, Amirul Hakim, Amirul Johan, Amirul Khairi, Amirul Mohd Mahfuz, Nadirah Hanim, Amirul Mohd Salehuddin, Nadra Fatma, Amirul Abdul Rahim, Amirul Mohd Ibrahim dan Najat Halibah.

Pendidikan awal beliau bermula di Government English Girls' School, Kuala Kangsar. Seterusnya, beliau menyambung pelajaran di Kolej Tunku Kurshiah, Seremban. Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) dan Ijazah Sarjana (LLM) dalam bidang yang sama daripada Universiti Malaya. Selepas itu, beliau telah mengikuti pengajian Diploma in Syariah Legal Practice (DSLPL) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kini beliau rakan kongsi utama di firma Kamalia Ibrahim & Co. dan juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah KUB Malaysia Berhad.

Kerjaya beliau dalam bidang perundangan bermula sebagai pegawai undang-undang di pejabat Peguam Negara dari tahun 1976 hingga 1977. Selepas itu, beliau menjadi pensyarah undang-undang di UTM, mengajar mata pelajaran Undang-undang Pengurusan dan

Perancangan Hartanah. Selepas berhenti mengajar pada tahun 1984, beliau telah membuka firma guamannya sendiri, Kamilia Ibrahim & Co. dan menjadi rakan kongsi utama. Beliau memfokuskan khidmat guamannya dalam bidang hartanah, korporat, dan perihal litigasi sama ada sivil atau syariah. Dato' Kamilia pernah menerbitkan buku rujukan tentang **Hak-hak Wanita Islam dalam Undang-undang Keluarga** dan pernah menubuhkan Pusat Khidmat Nasihat Undang-undang dan menganjurkan banyak kursus mengenai kesedaran undang-undang di seluruh negara seperti Seminar Kebangsaan Alam Sekitar dan Undang-undang, AIDS dan Undang-undang, PBB dan Reformasi, Undang-undang Hudud dan lain-lain lagi.

Beliau juga terbabit dalam bidang korporat. Selain menjadi Ahli Lembaga Pengarah KUB, beliau juga, dari tahun 1989 hingga 2003, menjadi Ahli Lembaga Pengarah Pusat Rawatan Islam Kuala Lumpur di mana beliau bertanggungjawab mengenai bahagian undang-undang dan pentadbiran kakitangan serta terlibat dalam perancangan projek, latihan dan pewujudan hospital Islam. Dari tahun 1990 hingga 1997, beliau ialah Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Usaha Bersatu.

Penglibatan beliau dalam politik bermula sejak di bangku sekolah lagi apabila kedua-dua ibu bapa beliau terlibat dengan UMNO. Pada tahun 1987 sehingga tahun 1996, beliau telah memegang pelbagai jawatan, antaranya, Exco Wanita UMNO Malaysia, Pengerusi Biro Undang-undang Wanita UMNO, Pengerusi Biro Undang-undang Wanita Barisan Nasional, Ahli Majlis Tertinggi Biro Agama, Konsumer dan Pendidikan, Timbalan Ketua Wanita UMNO cawangan Kuala Kangsar, Ketua Penerangan Wanita UMNO Negeri Perak dan Ketua Wanita UMNO cawangan Manong. Dari tahun 1995 hingga 2001, beliau telah dilantik Senator Dewan Negara. Sejak tahun 1999 hingga sekarang, beliau ialah Ahli Exco Wanita UMNO Malaysia, Pengerusi Biro Undang-undang dan Syariah Wanita UMNO Malaysia, Pengerusi Biro Aduan Wanita UMNO Malaysia,

Ketua Wanita UMNO Kuala Kangsar dan Ketua Penerangan Wanita UMNO Negeri Perak.

Semasa menjadi Senator, beliau telah dilantik Naib Presiden Kelab Parlimen Malaysia dari tahun 1995 hingga 2000. Mulai tahun 1997 hingga 2000, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa CPA dan Pengerusi Commonwealth Women Parlimentarian cawangan Malaysia. Pada tahun 1999, beliau telah dilantik Ahli Jawatankuasa World Islamic Women Parliament dan wakil Malaysia sebagai anggota pemerhati Commonwealth ketika pilihan raya Presiden dan Senator yang pertama di Nigeria, selepas pemerintahan tentera.

Di samping itu, beliau juga aktif dalam kegiatan sosial dan kebajikan. Sejak tahun 1988, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Bahagian Wanita YADIM. Pada tahun 1989, beliau dilantik Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Dermajaya, ahli Kor Wanita Kota Wilayah Persekutuan dan Ahli Lembaga Pengarah Darsaadah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Pusat Rawatan Islam Wilayah Persekutuan). Dalam tahun 2000, beliau menjadi Ahli Majlis Kebangsaan Agama Islam Malaysia, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YADIM, dan Pengerusi Majlis Perunding Wanita Malaysia. Sumbangan yang telah diberikan dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan adalah seperti syarahan awam dan pembentangan kertas-kertas kerja berkaitan isu dan masalah yang melibatkan wanita, kanak-kanak dan keluarga dari perspektif Islam. Beliau pernah menganjurkan seminar kesedaran undang-undang Islam dan sivil untuk wanita, menubuhkan Klinik Perundangan untuk membantu wanita Muslim menangani masalah perundangan, hak dan tanggungjawab, menubuhkan SAHABAT dan kumpulan kaunseling Islam, menubuhkan Tadika Islam YADIM, mewujudkan E-Kaunseling YADIM, merangka Sekretariat Wanita OIC, dan menjalankan Program Remaja Bersahsiah di YADIM. Pada 4 Februari 2004, beliau dilantik menganggotai Suruhanjaya Khas Penambahbaikan Perjalanan Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

Dato' Kamalia pernah mengikuti pelbagai persidangan di peringkat antarabangsa seperti mewakili Malaysia dalam isu wanita dan peperangan ke Islamic Women Meeting di Baghdad, pada tahun 1989, membentangkan kertas kerja bertajuk *Increased Participation of Women in Politics* di Persidangan ACWO di Jakarta, pada tahun 1993, menyertai Simposium Pertama OIC mengenai Peranan Wanita Dalam Masyarakat Islam di Tehran, pada tahun 1995, menyertai Persidangan AFPPD mengenai Kependudukan dan Pembangunan di Nigata, Jepun, pada tahun 1999, dan menyertai International Islamic Conference di Kuala Lumpur, pada tahun 2002.

Bagi menghargai jasa-jasa yang telah disumbangkan, beliau telah dianugerahi bintang Ahli Mangku Perak (A.M.P.) dan darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.) oleh DYMM Sultan Perak yang membawa gelaran 'Dato' '. Beliau juga telah dikurniai bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

KAMSIAH ABDUL MAJID, TAN SRI DATIN



Yang Berbahagia Tan Sri Datin Kamsiah berasal dari keturunan Raja-raja Tapanuli, Sumatera, dan telah dilahirkan pada 25 Jun 1921 di Kuala Lumpur. Beliau telah bersekolah di Sekolah Melayu Kampung Baru, Kuala Lumpur, dan di Methodist Girls' School, Kuala Lumpur, hingga memperoleh sijil Senior Cambridge. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Prof. Datuk Dr. Ibrahim, bekas Dekan Fakulti Pergigian, Universiti Malaya (meninggal dunia pada tahun 1991). Mereka mempunyai seorang anak perempuan dan empat orang cucu. Beliau ialah adik kepada Dato' Halimahton, wanita pertama yang bertanding dan menang pilihan raya Persekutuan yang pertama pada tahun 1955.

Semasa berada di Teluk Intan, Perak, dari tahun 1947 hingga 1953, beliau telah melibatkan diri dalam pelbagai persatuan dan organisasi. Beliau mula berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Women's Service League, kemudian sebagai Setiausaha Kehormat Social Welfare Committee, Setiausaha bagi Adult Education Association, Naib Yang Dipertua Anson Ladies Club, Penasihat Mahkamah Juvana dan telah dipilih mewakili wanita daerah Hilir Perak untuk berjumpa dengan H.R.H. Duchess of Kent di Kuala Lumpur, semasa

beliau membuat lawatan rasmi ke Malaya. Dalam tahun 1953 hingga 1954, beliau telah mengikuti suaminya yang melanjutkan pelajaran di Universiti St. Andrews, Scotland.

Sekembalinya ke tanah air pada tahun 1955, Tan Sri Kamsiah bergiat dengan pelbagai kegiatan sukarela di peringkat negeri Perak. Antaranya, Pengerusi W.I. (1955-1967), Pengarah Bulan Sabit Merah (1959-1967), Pelawat Hospital Bahagia (1958-1967), Pengerusi Lembaga Penasihat Sekolah Raja Perempuan Ipoh (1960-1970), Yang Dipertua Inner Wheel Club (1958-1959), Yang Dipertua Persatuan Bola Sepak Wanita Perak (1960-1967) dan Pengasas serta Naib Presiden Perak Mental Patient Welfare Organisation.

Di peringkat kebangsaan, beliau menjadi Pengasas dan Yang Dipertua pertama NCWO, Yang Dipertua W.I. Semenanjung dan Pengerusi Pengasas NACIWID. Beliau juga ialah Ahli Majlis Pusat Bulan Sabit Merah, Ahli Jawatankuasa KARYANEKA, Ahli Jawatankuasa Majlis Penasihat Pengguna, Ahli Jawatankuasa Freedom From Hunger, Ahli Jawatankuasa National Council Cancer Society dan ahli seumur hidup WIM.

Di peringkat antarabangsa, Tan Sri Kamsiah telah dilantik Naib Yang Dipertua ACWW dan merupakan wanita pertama Malaysia yang dilantik ke jawatan tersebut dari tahun 1965 hingga 1971. Beliau menjadi Timbalan Yang Dipertua Pertubuhan tersebut dari tahun 1971 hingga 1977, dan dari tahun 1977 hingga 1985, beliau dilantik Ahli Majlis Pertubuhan tersebut. Beliau juga pernah dilantik Ahli Suruhanjaya PBB berkenaan status wanita. Kini beliau Pengerusi W.I. Kebangsaan.

Beliau pernah beberapa kali mengikuti Regional Conference W.I. dan World Conference W.I. sebanyak sebelas kali dan kedua-dua persidangan ini telah diadakan di merata-rata tempat di seluruh dunia, antaranya, India, Australia, Ireland, Amerika Syarikat, Kenya, Jerman, Afrika Selatan dan Kanada. Beliau telah mengikuti beberapa persidangan antarabangsa lain seperti First World Food Congress di

Amerika Syarikat, pada tahun 1963, Persidangan UNICEF di Bangkok pada tahun 1972, Persidangan UNESCO di Singapura, pada tahun 1973 dan ACWW Workshop di Bangkok.

Tan Sri Kamsiah telah mendapat Biasiswa Leadership Grant daripada kerajaan Amerika Syarikat pada tahun 1960 untuk lawatan sambil belajar di seluruh Amerika Syarikat bagi melihat projek persatuan-persatuan sukarela, khususnya Persatuan Palang Merah. Melalui Kerajaan Malaysia, UNESCO telah memberi biasiswa kepada beliau untuk melawat Rusia selama sebulan pada tahun 1977 untuk melihat beberapa pusat latihan vokasional di sana. Selain itu, beliau telah mengetuai perbincangan dengan Pegawai United Nations Development Programme (UNDP) untuk mengadakan lebih banyak projek untuk wanita, khasnya wanita luar bandar, supaya mereka dapat berdikari pada masa akan datang.

Pada tahun 1959, beliau telah dikurniai Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh DYMM Sultan Perak. Setahun kemudian, beliau dianugerahi Key to the City of Miami oleh Datuk Bandar Miami, Florida, Amerika Syarikat. Dalam tahun yang sama, beliau mendapat bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Dalam tahun 1966, beliau mendapat bintang Paduka Mahkota Perak (P.M.P.) daripada DYMM Sultan Perak. Pada tahun 1981, beliau dianugerahi Pingat Emas Tun Fatimah oleh NCWO. Pada tahun 1991, beliau mendapat Anugerah Tokoh Persatuan Peguam Muslim Malaysia dan pada tahun 1996, beliau dianugerahi darjah Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran 'Tan Sri' oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Kelab Rotary Pudu telah mengurniai beliau Vocational Service Award pada tahun 2001. Beliau menerima anugerah Malaysian of the Year Award 2002 daripada Rotary International District 3300.

KASMINI KASSIM, PROFESOR DR.



Profesor Dr. Kasmini berasal dari Johor Bahru dan telah dilahirkan pada 9 Jun 1948. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Ismail Mohamed dan mereka dikurniai dua orang anak, iaitu Farzad dan Farzana. Kini beliau bertugas sebagai pakar perunding Psikiatri Kanak-kanak dan Keluarga di Hospital Pakar Damasara.

Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Menengah Perempuan Sultan Ibrahim dari tahun 1961 hingga 1965. Kemudian beliau menyambung pengajian tingkatan enam di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru, dari tahun 1966 hingga 1967. Selepas itu, beliau telah melanjutkan pelajaran ke Rajshashi Medical College di Timur Pakistan, dari tahun 1968 hingga 1970 dan seterusnya ke Fatima Jinnah Medical College di Lahore, Pakistan, dari tahun 1971 hingga 1975. Pada tahun 1975, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perubatan (MBBS) dari Punjab University, Pakistan. Beberapa tahun kemudian, dalam bulan Disember 1982, beliau telah mendapat Diploma in Psychological Medicine (DPM) dari Dublin, Ireland. Pada bulan April 1983, beliau telah lulus peperiksaan keahlian Royal College of Psychiatrists (MRCPsych) dari London. Bermula pada 1 Julai 1983, beliau telah dilantik ahli Royal College of Psychiatrists

(MRCPsych), London, dan merupakan anak Melayu pertama yang diterima menjadi ahli sehingga sekarang.

Setelah mendapat MBBS pada tahun 1975, Prof. Dr. Kasmini mula berkhidmat sebagai doktor pelatih di Hospital Besar Johor Bahru, dari tahun 1976 hingga 1977. Apabila tamat, beliau telah dilantik Pegawai Perubatan di Hospital Besar Kuala Lumpur, dari tahun 1977 hingga 1978. Bermula dari bulan Oktober 1979 hingga Disember 1980, beliau telah menjadi Pembantu Klinikal di St. Bartholomew's Hospital, London, di bawah Prof. T. Silverstone dan Dr. J. Bonn serta penyeliaan Prof. Linford Rees dalam bidang *General Psychiatry dan Mental Handicap*. Pada bulan Januari 1981 hingga Disember 1982, beliau bertugas di Maudsley Hospital dan Institute of Psychiatry, London, juga sebagai Pembantu Klinikal.

Selepas memperoleh Diploma dan keahlian MRCPsych., beliau berkhidmat sebagai Pensyarah dan Pakar Perunding dalam bidang Psikiatri di Jabatan Psikiatri, Fakulti Perubatan UKM dari Disember 1982 hingga Disember 1984. Bermula pada bulan Januari 1985, beliau menjadi Pensyarah dan Pakar Perunding Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja di jabatan yang sama. Beliau telah dilantik Ketua Jabatan Psikiatri di Fakulti Perubatan UKM pada Mac 1985 dan telah dinaikkan pangkat sebagai Profesor Madya di jabatan yang sama pada bulan Julai 1988. Beliau menjadi Profesor di Jabatan Psikiatri Fakulti Perubatan UKM pada 1 April 1994. Mulai 1 April 2001, beliau ialah Profesor Psikiatri (Gred Khas B) dan Pakar Perunding Kanan Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM. Beliau telah bersara wajib pada 9 Jun 2003.

Kepakaran Prof. Dr. Kasmini dalam bidang psikiatri, terutamanya psikiatri kanak-kanak dan remaja, telah membolehkannya dilantik menjadi Pakar Perunding di beberapa institusi dan organisasi. Antaranya Pakar Perunding Psikiatri Kanak-kanak, Remaja dan Dewasa di Institut Paediatrics Hospital Kuala Lumpur sejak tahun 1985; Pakar Perunding di Institut Kebangsaan Perkembangan (Pembangunan) Kanak-kanak, Kementerian Perpaduan Negara dan

Pembangunan Masyarakat sejak tahun 1992; Pakar Perunding kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Biro Kawalan Kebangsaan Farmaseutikal, Kementerian Kesihatan Malaysia dari tahun 1992 hingga 2000; Pakar Perunding kepada Program Intervensi Awal untuk Kanak-kanak bawah umur satu tahun hingga lima tahun, Kementerian Kesihatan Malaysia dari tahun 1997 hingga 2001 dan Pakar Perunding majalah *MAMA* dan *Today's Parents* sejak tahun 1999 hingga sekarang.

Selain itu, beliau ialah Ahli Jawatankuasa Kumpulan SCAN (Pencegahan dan Pengabaian Kanak-kanak) Hospital Besar Kuala Lumpur sejak tahun 1985, Pakar Perunding dan Penasihat Majlis Kanak-kanak Malaysia sejak tahun 1986 serta Pakar Perunding PULAPOL (Pusat Latihan Polis) dalam latihan kaunseling kepada pegawai polis yang terlibat dengan perkosaan dan penganiayaan sejak tahun 1988. Beliau telah berjaya mencipta dan merangka format serta sistem baharu untuk menapis dan mengesan kanak-kanak bermasalah dan perkembangan kanak-kanak istimewa untuk kegunaan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Penciptaan ini ialah hasil projek empat tahun, dari tahun 1989 hingga 1993, untuk memperkemas penapisan dan pendaftaran kanak-kanak istimewa.

Beliau telah menganggotai pelbagai pertubuhan, sama ada di dalam atau di luar negara, dan telah memegang jawatan penting. Beliau ialah Naib Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia dari tahun 1992 hingga 1994, Sidang Editor *Malaysian Journal of Psychiatry* dari Mac 1993 hingga 1996, Ahli Exco Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia dari tahun 1997 hingga 1999, Ahli Lembaga Pengarah IKIM sejak tahun 2000 hingga sekarang dan Presiden Persatuan Perlindungan dan Penyelamat Kanak-kanak Wilayah Persekutuan dan Selangor sejak November 2001 hingga sekarang. Selain itu, beliau telah menjadi ahli Academy of Medicine (AM) Malaysia pada 11 Ogos 1993, dilantik sebagai Fellow Royal College of Psychiatrists (FRCPsych), United Kingdom pada 14 Februari 1994 dan sehingga

kini masih merupakan satu-satunya anak Melayu yang diberi kelulusan profesional tertinggi ini. Beliau menjadi ahli New York Academy of Sciences, Amerika Syarikat, sejak Januari 1995 dan dilantik Fellow Academy of Medicine Malaysia (FAMM) mulai 28 Jun 1997.

Prof. Dr. Kasmini banyak menghasilkan penulisan sama ada dalam bentuk buku, laporan penyelidikan, bab dalam buku, monograf, penulisan dalam media massa mahupun jurnal. Antara buku-buku yang telah diterbitkan ialah *Memahami Jiwa Kanak-kanak* (1990), *Psikiatri Kanak-kanak* (1992), *Penderaan Emosi Kanak-kanak: Trauma Terselindung* (1998), *Clinical Practice Guidelines For Mental Disorders in Primary Care* bersama N. Raman dan A.A. Abdullah (1998) dan *Delikuensi Juvana – Sebuah Laporan Kajian* yang ditulis dalam dwibahasa, penerbitan bahasa Inggeris pada tahun 2001 dan bahasa Melayu pada tahun 2002. Beliau telah menulis dalam lebih daripada 70 buah jurnal sejak tahun 1985. Antara yang terkini ialah *Religiosity of Muslim Adolescents in Nine Malaysian Secondary Schools* bersama Hanafiah M.S. dan Idris M.N. yang diterbitkan dalam *Malaysian Journal of Psychiatry* pada tahun 2000, *A Study on Health and Behavioural Problems of Adolescents – A School Based Intervention Programme* bersama Hanafiah M.S., Khadijah S. dan Idris M.N. yang diterbitkan dalam *Buletin Kesihatan Masyarakat UKM* pada tahun 2000 dan *Depression in Children and Mother's Mental Health* bersama Susan T.M.K. yang diterbitkan dalam *Australian and New Zealand Journal of Psychiatry* pada tahun 2002.

Sejak tahun 1984, Prof. Dr. Kasmini telah menyertai dan membentangkan lebih daripada 120 kertas kerja berkaitan psikiatri kanak-kanak, remaja dan dewasa dalam pelbagai persidangan dan seminar sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Antara kertas kerja yang dibentangkan di peringkat kebangsaan ialah *Kesihatan Mental Kanak-kanak & Remaja – Pembentukan Gaya Hidup Sihat Sepanjang Hayat* di IKIM, pada Mei 2001, *Managing the Traumatized Child* di *Asia Pacific Conference on Family Well-*

being anjuran APFAM di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur, pada November 1999 dan *Behavioural Problems in Malaysian Children* di *Malaysia Scientific Meeting* anjuran Kementerian Kesihatan dan Academy of Medicine di Shangri-La Hotel, pada November 1998. Antara kertas kerja yang dibentangkan di peringkat antarabangsa ialah *Management of Anxiety* di *Asia Pacific Conference on Psychotherapy* di Denpasar, Bali, Indonesia, pada Oktober 1996, *Post Traumatic Stress Disorders Symptoms in Bosnian Child Victims of War Evacuated to Malaysia – Trauma & Memory* di International Research Conference di New England Centre, University of Hampshire, Durham, New Hampshire, Amerika Syarikat, pada Julai 1996 dan *Psychological Aspects of 78 Cases of Child Abuse seen by SCAN, General Hospital, Kuala Lumpur* di 8th International Congress of Child Abuse and Neglect di Hamburg, Germany, pada September 1990.

Prof. Dr. Kasmini merupakan pelopor dalam penggunaan rakaman pita video dalam pengurusan kes-kes penderaan seksual kanak-kanak untuk dijadikan bahan bukti di mahkamah dan sedang digunakan oleh pihak polis sehingga sekarang.

Beliau telah mendapat anugerah Tokoh Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah – Avon bagi kategori Perubatan dan Sains pada 11 Oktober 1994. Beliau juga menerima Anugerah Perkhidmatan 20 tahun dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Fakulti Perubatan UKM pada tahun 1999.

KEE PHAIK CHEEN, DATO'



Yang Berbahagia Dato' Kee Phaik Cheen dilahirkan pada 11 September 1947 di Pulau Pinang. Beliau telah berkahwin pada tahun 1974 dengan Dr. Choong Sim Poey dan mereka mempunyai dua orang anak, iaitu Choong Chi-Ren dan Choong Chi-Ying.

Beliau mendapat pendidikan awal di Methodist Girls' School. Seterusnya, beliau menyambung pelajaran di Methodist Boys' School sehingga ke tingkatan enam atas. Beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya pada tahun 1967 dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sejarah. Beliau meneruskan pengajian ke peringkat Diploma Pendidikan pada tahun 1971.

Selepas tamat pengajian, beliau memulakan kerjayanya sebagai guru di Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad, Telok Datok, Selangor. Beliau dilantik Penyelea Sekolah Menengah St. Marks, Bagan Ajam, Pulau Pinang, dari tahun 1974 hingga 1978. Antara tahun 1980 dan 1986, selepas meletakkan jawatan sebagai guru, beliau telah menjadi Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Penglibatan Dato' Kee Phaik Cheen dalam politik bermula apabila beliau menyertai Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) pada tahun 1975. Beliau menjadi Pengerusi Wanita GERAKAN Pulau Pinang semenjak tahun 1982 hingga 2003. Beliau telah dilantik

Ketua Wanita Parti GERAKAN pada tahun 1985. Pada tahun 1986, beliau telah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Batu Uban sehingga tahun 2004. Beliau memegang portfolio Pelancongan, Belia & Sukan, Kebajikan, dan Pembangunan Wanita pada tahun 1990 hingga 2004. Semasa memegang portfolio ini, beliau telah mempengerusikan pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Induk Pelancongan Negeri, Majlis Kebudayaan Negeri dan Pesta Flora Antarabangsa Pulau Pinang.

Selain terlibat dalam kegiatan politik, beliau juga aktif dalam pertubuhan sukarela. Beliau ialah Pengasas dan Pengerusi NCWO Pulau Pinang dari tahun 1988 hingga 1993. Beliau juga mengasaskan PPSEAWA di Pulau Pinang, dan merupakan Pengerusi Orkestra Simfoni dan Korus. Beliau turut giat membentangkan kertas-kertas kerja berkaitan dengan peranan wanita dalam pembangunan dan pelancongan. Selain itu, beliau juga ahli Penang Heritage Trust dan ahli seumur hidup Women's Centre for Change (dahulunya Woman's Crisis Centre).

Pada tahun 1989, Dato' Kee Phaik Cheen telah dikurniai Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang dan Darjah Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N.) juga oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada tahun 1996, yang membawa gelaran 'Dato'.

KHADIJAH HASHIM



Puan Khadijah telah dilahirkan di Batu Pahat, Johor. Selepas menamatkan pendidikannya di Johor, beliau telah berkhidmat sebagai guru agama sekolah buat sementara waktu sebelum menceburkan diri dalam bidang penulisan dan kewartawanan.

Beliau mula bertugas di akhbar *Utusan Melayu* dari tahun 1974 hingga 1976 dan selepas itu, menyertai Kumpulan *New Straits Times* dari 1976 hingga 1986. Kini, beliau penulis sepenuh masa dan menumpukan perhatian kepada syarikat penerbitannya sendiri, 'K' Publishing and Distributors Sdn. Bhd.

Beliau merupakan salah seorang penulis wanita yang aktif dan telah menghasilkan pelbagai bentuk sastera kreatif. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 60 buah skrip drama radio sebelum melangkah ke bidang penulisan cerpen dan novel. Sehingga sekarang, beliau telah menghasilkan 19 buah novel dan banyak cerita kanak-kanak serta fiksi remaja. Lima daripada novelnya telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris dan satu telah diterjemahkan ke bahasa Jepun.

Nama Khadijah Hashim mula dikenali melalui novelnya yang pertama, *Badai Semalam*, yang diterbitkan pada tahun 1968 oleh Pustaka Nasional, Singapura. Novel ini kemudiannya telah dipilih menjadi buku teks sekolah di Malaysia dan Singapura. Novel-novel

beliau yang lain ialah *Jalan ke Kubur* (1969), *Pelangi Pagi* (1971), *Merpati Putih Terbang Lagi* (1972), *Belum Masanya* (1976), *Di Tengah Kabus* (1980), *Bila dan Di Mana* (1981), *Dekat Disayang Jauh Dikenang* (1984), *Laila Azwa Gadisku* (1986), *Cinta Kedua* (1989), *Mira Edora* (1989), *Alun Hidup* (1990), *Di Ruangmu Aku Di Sini* (1992), *Senator Adila* (1993), *Melawan Arus* (1993), *Ke Mana Kasih Hendak Ku bawa* (1993), *Langkah Pertama* (1995), *Fasa Kedua* (1995), *Mencari Azizah* (1998), *Trilogi Khadijah Hashim Jilid I* (1999) dan *Trilogi Khadijah Hashim Jilid II* (1999). Karya beliau yang telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris ialah *Merpati Putih Terbang Lagi @ The White Dove Flies Again* terjemahan Harry Aveling, *Badai Semalam @ Storms of Yesterday* terjemahan Mahani Abdul Hamid dan *Alun Hidup @ The Wave of Life* terjemahan Christine Campbell.

Selain itu, Puan Khadijah juga telah menghasilkan cerpen-cerpen seperti *Segeluk Air* (1974), *Mawar Merah di Jambangan* (1979), *Aku Anak Menteri* (1980), *Batas Menanti* (1982), *Angin Senja* (1985), *Bujang Kota* (1985), *Alun Mengguling Perlahan* (1986), *Hadiah Ratu Cantik* (1989) dan banyak lagi. Di samping itu, beliau turut menerbitkan antologi cerpen remaja. Antaranya ialah *Mawar Merah di Jambangan* (1979), *Angin Dari Sawah* (1980), *Rahsia Gadis Bisu* dan lain-lain lagi. Kebanyakan novel dan cerpen Khadijah lebih menitikberatkan persoalan keluarga, kedamaian hidup desa dan kebencian terhadap kekalutan hidup kota.

Beliau juga menulis buku kanak-kanak. Setakat ini, 13 buah buku kanak-kanak telah dihasilkan, antaranya *Anak Monyet Mati Ibu* (1983), *Anak Kucing* (1983), *Mamat Bilal Surau* (1983), *Aku Anak Kota* (1985), *Siri Kembara Sang Kancil* – lima siri, dan *Siri Si Awang* – lima siri. Beliau turut menerbitkan dua buah buku pantun, iaitu *808 Pantun Baru* (1997) dan *1001 Pantun Baru* (1999) serta dua buah buku umum berjudul *Panduan Menulis Skrip Drama Radio* (1986) dan *Catatan Ilmu* (1989). Puan Khadijah juga merupakan seorang pelukis yang berbakat dan pernah mengadakan pameran

lukisannya di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dari 8 hingga 18 Januari 1998.

Karya-karyanya sering memenangi pelbagai anugerah. Pada tahun 1971, beliau telah memenangi Hadiah Karya Sastera untuk tiga buah cerpennya. Cerpen-cerpen tersebut ialah *Kasih Entah Di Mana*, *Sekapur Sirih Segeluk Air* dan *Budi Yang Tak Terbeli*. Dalam tahun 1974 dan 1975, beliau telah merangkul Hadiah Karya Sastera sekali lagi melalui cerpen *Bila Ayah Mogok*, *Mawar Merah di Jambangan* dan *Tuah Orang*. Beberapa karya beliau telah diadaptasikan ke televisyen, iaitu cerpen *Mawar Merah di Jambangan*, cerpen *Segeluk Air*, novel *Badai Semalam*, novel *Dekat Disayang Jauh Dikenang* dan novel *Laila Azwa Gadisku*.

Puan Khadijah telah terpilih sebagai penulis Malaysia ke International Writing Programme di Universiti Iowa, pada tahun 1994. Novelnya yang bertajuk *Exiled* telah dicalonkan bagi Anugerah Kesusasteraan Dublin IMPAC International pada tahun 1997. Novel beliau *Langkah Pertama* telah memenangi Mobil-Mabopa Award bagi Kesusasteraan Kanak-kanak dalam tahun 1995. Pada tahun 1999, beliau telah dianugerahi SEA Write Award di Bangkok, Thailand. Buku puisi beliau yang bertajuk *Anakku Sayang* telah dicalonkan untuk International Board on Books for Young People @ IBBY di Basel, Switzerland dalam tahun 2002.

KHADIJAH ROHANI MOHD YUNUS, PROFESOR DR.



Profesor Dr. Khadijah Rohani ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik) di Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan mempunyai pengkhususan dalam bidang psikologi pendidikan (psikologi bacaan dan pendidikan khas).

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Sultan Ibrahim, Pasir Mas, Kelantan, dari tahun 1963 hingga 1967 dan seterusnya menyambung pengajian ke tingkatan enam di Kolej Sultan Ismail, Kota Bharu, antara tahun 1968 hingga 1969. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang sosiologi dan antropologi dari Universiti Malaya pada tahun 1973, dan kemudiannya mengikuti Diploma Pendidikan di universiti yang sama pada tahun 1974. Setelah berkhidmat sebagai pendidik selama lima tahun, pada tahun 1978, beliau telah melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di Florida International University, Miami, Florida, Amerika Syarikat, dalam bidang *Educational Psychology-Diagnostic Teaching in Special Education*. Beliau kemudiannya menyambung pendidikan ke peringkat Ijazah Kedoktoran di University of Miami, Coral Gables, Florida, dan berjaya mendapat Ijazah Kedoktoran Pendidikan dalam bidang yang sama pada tahun 1982.

Prof. Dr. Khadijah Rohani telah memulakan kerjayanya sebagai seorang pendidik di Sekolah Menengah Tengku Ampuan Rahimah, Klang, dari awal tahun 1974 sehingga akhir tahun 1975. Pada tahun 1976, beliau ditukarkan ke Sekolah Menengah Lelaki Bukit Bintang, Petaling Jaya, hingga tahun 1978. Dalam tahun yang sama, beliau telah dianugerahi biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera JPA-UM untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan kedoktoran di Amerika Syarikat. Sebaik sahaja beliau kembali ke tanah air pada bulan Mei 1982, beliau terus berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Psikologi Pendidikan di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya sehingga Jun 2001. Pada tahun 1995, beliau telah dilantik Timbalan Dekan Fakulti Pendidikan sebelum beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Dekan pada awal tahun 2000. Pada bulan Jun 2001, Prof. Dr. Khadijah Rohani telah diminta untuk mengambil alih tugas sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik) di UPSI sehingga hari ini. Beliau merupakan wanita kedua di negara ini yang dilantik ke jawatan tersebut.

Prof. Dr. Khadijah Rohani telah banyak menulis dan menghasilkan lebih daripada 100 kertas kerja yang telah dibentangkan dalam seminar dan persidangan di dalam dan luar negara. Beliau juga telah menjalankan lebih daripada 30 penyelidikan dan menerbitkan tidak kurang daripada 50 artikel, bab buku, prosiding seminar/persidangan, laporan penyelidikan dan juga buku-buku bacaan ringan dan buku pengayaan di sekolah rendah. Bidang kepakarannya ialah psikologi bacaan khususnya di peringkat awal kanak-kanak dan bidang pendidikan khas, yang merangkumi kedua-dua aspek pendidikan kanak-kanak pintar cerdas dan juga kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran.

Selama 30 tahun menjadi pendidik, beliau telah menyumbangkan kepakaran membantu Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya dalam menggiat dan memperkasakan bidang pendidikan khas semenjak tahun 1983 lagi, iaitu di peringkat awal pengkonsepian dan penubuhan program Masalah Pembelajaran di sekolah-sekolah

rendah, dan kemudiannya di sekolah menengah sehinggalah hari ini. Beliau juga salah seorang yang bergerak cergas memperkenalkan konsep pendidikan dan latihan untuk kanak-kanak pintar cerdas dan berbakat melalui Projek BAKA Fakulti Pendidikan Universiti Malaya yang mula bergerak cergas dalam tahun 1984 sehinggalah diterima sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan hari ini. Prof. Dr. Khadijah Rohani juga banyak memberi sumbangan dalam pembentukan kurikulum dan latihan perguruan Program Pendidikan Sekolah Rendah dan Pendidikan Awal Kanak-kanak khususnya dalam bidang Psikologi Bacaan.

Secara amnya, beliau banyak memberi sumbangan kepada peningkatan dan pemantapan latihan keguruan di Kementerian Pendidikan di Bahagian Sekolah, Bahagian Pendidikan Guru, Bahagian Pendidikan Khas, Pusat Perkembangan Kurikulum, Bahagian Buku Teks dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan. Beliau juga turut menyumbang dalam bentuk kajian, bengkel dan ceramah dalam bidang psikologi kanak-kanak, psikologi bacaan, pendidikan kekeluargaan dan keibubapaan melalui agensi-agensi kerajaan seperti LPPKN, KEMAS, maktab-maktab perguruan dan sekolah-sekolah.

Selain itu, Prof. Dr. Khadijah Rohani telah menganggotai beberapa pertubuhan sukarela. Beliau ialah Setiausaha Agung yang pertama bagi Persatuan Pembacaan Malaysia dari tahun 1990 hingga 1992, Penasihat Lembaga Penasihat Kebangsaan Pendidikan Khas Malaysia, Penasihat Society of Children with Specific Learning Disabilities bagi Institut Pediatrik Hospital Besar Kuala Lumpur antara 1992 hingga 1994 dan Penasihat dan Kaunselor Yayasan Norul Yaqeen di bawah Kementerian Pendidikan sejak tahun 1997. Beliau juga ialah Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Menggubal Kurikulum Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu untuk Diploma Perguruan Khas di Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 1996 hingga sekarang, Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Peringkat Awal Mengkaji Program Pelajar Pintar Cerdas di Bahagian Sekolah, Prasekolah, Rendah dan Menengah, Kementerian

Pendidikan Malaysia dari tahun 1995 hingga 1996, Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Penyelarasan Perancangan Intervensi Awal Pendidikan Kanak-kanak Bermasalah Pendengaran di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1997 serta penasihat dan Ahli Jawatankuasa Penubuhan Pusat Sumber di Jabatan Pendidikan Khas di bawah Kementerian Pendidikan sejak tahun 1998. Di samping itu, beliau ialah Ahli Lembaga Kaunselor Malaysia, Ahli Lembaga Pelawat Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Ahli Lembaga Penasihat Pusat Perkembangan Kurikulum, Ahli Lembaga Peperiksaan Malaysia, Ahli Lembaga Badan Penasihat Guru Malaysia dan Ahli Lembaga Akademik Universiti Terbuka Malaysia.

Beliau telah menghasilkan sebuah buku bertajuk *Reading Profile of Malaysians* bersama John Smurthwaite, Rahimah Haji Ahmad dan Norrizan Ghazali yang diterbitkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1996. Beliau turut menyumbangkan bab atau bahagian dalam buku-buku. Antaranya *Mengguna Formula Kebolehbacaan Untuk Menilai Bahan Bacaan dan Strategi Menubuhkan Kemahiran Awal Dalam Diri Kanak-kanak* dalam *Perspektif-perspektif dalam Pengajaran Bahasa Melayu* yang disunting oleh Koh Boh Boon terbitan DBP pada tahun 1989. Antara artikel-artikelnya yang telah diterbitkan dalam jurnal ialah *Developmental Profile of Five and Six Years Old Malaysian Preschool Children* bersama Dr. Zalizan Mohd Jelas yang diterbitkan dalam *Jurnal Pendidikan (Antarabangsa)* pada tahun 1993 dan *Satu Tinjauan 'Prevalence' Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran pada Tahap I Sekolah Rendah Mengikut Persepsi Guru* bersama Dr. Zalizan Mohd Jelas yang diterbitkan dalam *Jurnal Pendidikan (Antarabangsa)* pada tahun 1994.

Selain itu, Prof. Dr. Khadijah Rohani menjalankan kerja-kerja penyelidikan dalam bidang pendidikan. Antaranya, penyelidikan mengenai komunikasi orang cacat pendengaran (1989-1990) bersama Prof. Madya Chua Tee Tee dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, penyelidikan mengenai *Development of the New Personal Child Health Record* (1991-1992) di bawah UNICEF bersama

pegawai-pegawai perubatan Kementerian Kesihatan serta pakar pediatrik dari Institut Pediatrik dan UNICEF, Kajian Penilai KBSM: Penilaian Pelaksanaan KBSM dalam Latihan Perguruan Perkhidmatan di Universiti dan Maktab (1993-1995) bersama Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan serta wakil-wakil universiti tempatan dengan pembiayaan Bank Dunia dan kajian perkembangan kanak: pola keibubapaan (1993-1996) bersama LPPKN dengan pembiayaan Bank Dunia.

Antara anugerah kecemerlangan yang diterima oleh Prof. Dr. Khadijah Rohani ialah Sijil Khidmat Cemerlang Universiti Malaya bagi dua tahun berturut-turut, iaitu 1995 dan 1996, darjah kebesaran Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada tahun 1997 dan darjah kebesaran Johan Mangku Negara (J.M.N.) pada tahun 2002 daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

KHAIRIAH MOHD TALHA



Puan Khairiah telah dilahirkan pada 30 Mei 1956 di Klang, Selangor. Beliau telah berkahwin dengan Encik Moslim Othman dan mereka telah dikurniakan tiga orang cahaya mata, iaitu Mufizah, Mohd Izhar dan Mohd Amir. Beliau memperoleh kelulusan Ijazah Sarjana

Muda Perancangan Bandar dan Wilayah daripada Universiti Melbourne, Australia, pada tahun 1980.

Sebagai jururancang bandar, beliau bertanggungjawab menyediakan berbagai-bagai pelan pembangunan untuk pemaju perumahan dan juga kerajaan. Beliau juga terlibat dalam penyediaan pelan pembangunan bagi Putrajaya dan Cyberjaya, yang mendapat pujian daripada pelbagai pihak.

Beliau pernah memegang jawatan Pengarah Urusan ML Design Sdn. Bhd. sejak lima tahun lepas, Pengarah Urusan KW Associate Planners Sdn. Bhd. sejak dua tahun lepas dan Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia bagi sesi 1999-2003. Sebagai Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia, beliau bertanggungjawab memastikan bahawa profesion perancangan bandar dan desa sentiasa menepati keperluan perancangan fizikal untuk pembangunan dan kemajuan negara.

Selain itu, beliau juga aktif di peringkat antarabangsa dan dilantik Ahli Majlis Pertubuhan Perancangan dan Perumahan ASEAN, Ahli Majlis Persatuan Perancangan Komanwel dan Setiausaha Agung bagi

Organisasi Perancangan dan Perumahan Kawasan-kawasan Ketimuran Dunia (EAROPH). Beliau merupakan wanita pertama memegang jawatan Setiausaha Agung bagi organisasi tersebut. Di samping itu, beliau juga Ahli Jawatankuasa Alumni University of Melbourne, cawangan Malaysia.

Puan Khairiah sering dijemput membentangkan kertas-kertas kerja sama ada di dalam mahupun luar negara. Antara kertas-kertas kerja yang dibentangkan di peringkat kebangsaan ialah *Housing and Safety for the Urban Poor* di National Seminar on Urban Poverty anjuran ASLI di Kuala Lumpur, pada bulan Oktober 2002, *Elements in Planning and Sustaining a Healthy City* di Healthy Cities Conference anjuran Kementerian Kesihatan di Melaka, pada bulan Oktober 2002, *Issues on Land Development* di National Seminar: Knowledge Solution for Property Development pada bulan Ogos 2000 di Holiday Villa Subang Jaya, *Towards the Planning and Development of a Safe Environment: Current Practice* di National Seminar on Planning and Housing anjuran UTM di Johor, pada bulan Februari 2000 dan *Provisions of the Town and Country Planning Act for the Management of Rivers and Drainage in Urban Areas* di National Seminar on Management on Rivers and Drainage in Urban Areas pada bulan Januari 1989 di Pulau Pinang.

Di peringkat antarabangsa pula, beliau telah dijemput membentangkan beberapa kertas kerja, antaranya, *Planning for Growth in Metropolitan Areas in the Commonwealth – Case Example: Malaysia*, di Commonwealth Association of Planners Conference di Manchester, England, pada Jun 2002 dan *Urban Planning in Malaysia – Urban Planning and Regional Development – Issues on Urban Settlement System and Land Use Planning in Malaysia* di 17th World Planning Congress di Onyang City, Korea, pada Oktober 2000.

Puan Khairiah telah dikurniai Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada tahun 1992.

KHALIJAH MOHD. SALLEH, PROFESOR DR.



Profesor Dr. Khalijah telah dilahirkan pada 1 Februari 1947. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Prof. Dr. Nik Abdul Aziz Nik Sulaiman, seorang pakar dalam bidang farmakologi. Mereka mempunyai lima orang anak, iaitu Nik Lailatul Nur, Nik

Ainul Baqiah, Nik Hanif Muzammil, Nik Ahmad Farouqi dan Nik Khairul Izzat.

Beliau mendapat pendidikan rendah di Sekolah Perempuan Melayu Kampung Baru dan Junior Methodist Girls' School, Kuala Lumpur. Beliau telah melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di Malay Girls' College atau Kolej Tunku Kurshiah pada tahun 1959 dan lulus Senior Cambridge pada tahun 1963 dan telah menyambung pengajian di Sekolah Convent Bukit Nanas hingga lulus HSC pada tahun 1965. Beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains pada tahun 1970. Selepas itu, beliau mengambil Ijazah Sarjana dalam bidang fizik di University of Kent, Canterbury, England, dan lulus pada tahun 1972. Pada tahun 1979, Prof. Dr. Khalijah telah memperoleh Ijazah Kedoktoran dalam bidang fizik keadaan pepejal daripada University of California, Davis, Amerika Syarikat.

Prof. Dr. Khalijah mula berkhidmat di UKM pada tahun 1970 sebagai tutor. Pada tahun 1975, beliau dinaikkan pangkat sebagai pensyarah dan pada tahun 1980, beliau menjadi Profesor Madya. Pada tahun 1996, beliau dilantik Profesor di universiti yang sama. Bidang pengkhususan Prof. Dr. Khalijah ialah pendidikan fizik, budaya sains dan hubungannya dengan agama, dan pembangunan masyarakat.

Di samping tanggungjawab akademik, beliau turut memegang jawatan dalam beberapa organisasi lain. Sejak tahun 1986, beliau ialah Pengerusi Kumpulan Sejarah dan Falsafah Sains di Fakulti Sains Fizikal dan Teknologi (ketika itu Fakulti Sains Fizik dan Gunaan). Beliau juga Pengerusi Jawatankuasa Penilai Kurikulum Fizik, Jabatan Fizik UKM (1986-1988), Pengerusi Asian Physics Education Network (ASPEN) Malaysia (1990-1997), ASPEN Contact Person untuk Malaysia (1990-1997), Setiausaha Eksekutif ASPEN (1995-1997), Penasihat ASPEN Malaysia sejak tahun 1997, Timbalan Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia sejak tahun 2000, Ahli Lembaga Pengarah YPEIM Sendirian Berhad Management Academy sejak tahun 2000, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YADIM sejak tahun 2001 dan Ahli Lembaga Institut Penyelidikan dan Pembangunan Melayu mulai Septamber 2003. Selain itu, Prof. Dr. Khalijah ialah ahli Institut Fizik Malaysia dan ahli seumur hidup Akademi Sains Islam Malaysia. Beliau merupakan penceramah *Membina Anak Cemerlang Dalam Sains dan Teknologi Acuan Islam* dalam Program Seminar Keibubapaan anjuran Yayasan Al-Bukhary untuk tempoh Februari-Jun 2004.

Beliau telah menghasilkan banyak karya ilmiah serta kertas-kertas kerja dalam bidang fizik dan sains Islam yang dibentangkan sama ada di dalam mahupun luar negara. Antara penulisannya yang diterbitkan atau dibentangkan dalam negara ialah *Pendidikan Fizik: Isu dan Cabaran di Era Digital* di Seminar Fizik Kebangsaan di Universiti Malaysia Sabah, pada tahun 2000, *Tilt in the Gender Balance and Challenges that Lie Ahead in Science and Engineering*

Education di Persidangan Antarabangsa Pendidikan Sains dan Matematik di Subang Jaya, pada tahun 2001, *Membina Masyarakat Saintifik: Pemikiran dan Renungan* yang diterbitkan oleh Institut Kajian Dasar pada tahun 1995, *Ke Arah Reformasi dalam Pendidikan Sains di Institusi Pendidikan Tinggi* (penyunting bersama Mohd Yusof Haji Othman) yang diterbitkan oleh DBP (1992), *Paradigma Sains Moden dan Pembangunan Sumber Manusia* yang diterbitkan oleh UKM (1996) dan *Science for Social Development – Issues and Challenges* yang diterbitkan oleh Akademi Sains Malaysia (2004).

Antara kertas-kertas kerja yang diterbitkan atau dibentangkan di peringkat antarabangsa ialah *Sustaining Non-Option Physics Teachers to Teach Physics: A Malaysian Experience* bersama Subahan M. Meerah, Lilia Halim dan Ruhizan Mohd. Yasin dalam ICET International Yearbook of Teacher Education, National-Louis University, Wheeling, Illinois, Amerika Syarikat, *Science, Mathematics and Technical Education: Malaysian Experience* bersama Ramlee Mustapha, Ruhizan Mohd Yasin, Lilia Halim dan Khalid Abdullah dalam prosiding Persidangan Ketujuh Jabatan Pendidikan dan Matematik, Universiti Brunei Darussalam, pada tahun 2002, *Concept Mapping in Science Education* di Physics Education Seminar di University of Wits, Johannesburg, pada tahun 2002, *Science Graduates as Entrepreneurs: Why Not* di University of South Africa, Pretoria, Afrika Selatan, pada tahun 2002 dan *Quran and Nature, the two Books of Allah* di Karachi, Pakistan dan di Institut Teknologi Bandung, pada tahun 2003.

Selain itu, Prof. Dr. Khalijah juga terlibat dalam projek konsultansi. Antaranya, kajian mengenai pemahaman pelajar tentang konsep fizik (1987-1989), kajian mengenai pembangunan kurikulum fizik bagi masyarakat industri di bawah UNESCO (1993-1997), kajian mengenai kesedaran awam terhadap sains dan teknologi di bawah UKM Pakarunding Sdn. Bhd. dan Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MOSTE) (2002-2003) dan kajian tentang

orientasi keusahawanan di kalangan pelajar menengah sains (2000-2003) di bawah projek Arus Perdana UKM.

Prof. Dr. Khalijah telah menerima Anugerah Khas Kualiti daripada UKM pada tahun 1988 dan Anugerah Perkhidmatan 30 Tahun pada tahun 2000 juga daripada UKM. Beliau telah dilantik Penyelidik Pelawat oleh Centre for Science Mathematics and Technology Education di University of South Africa, Pretoria, pada bulan Oktober 2002, Fellow Akademi Sains Malaysia pada April 2003 dan Fellow Southeast Asian Scholars and Public Intellectuals, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa UKM, pada Oktober 2003 untuk mendalami isu *Science for Social Development: Bridging the Gap between the Research Community and the Public*.

KHATIJAH AHMAD, DATUK



Yang Berbahagia Datuk Khatijah telah dilahirkan pada 1 Disember 1939 di Kedah. Beliau telah mendirikan rumah tangga dan mempunyai seorang anak. Beliau mendapat pendidikan di London School of Economics and Political Sciences, University of London, dalam

bidang ekonomi kewangan.

Selepas tamat belajar pada tahun 1965, Datuk Khatijah telah menyertai Bank Negara sebagai Pembantu Pakar Ekonomi. Kemudian beliau berkhidmat sebagai Pembantu Penyelidik di FAMA dan dari tahun 1971 hingga 1973, beliau telah dihantar ke Lembaga Padi Beras Negara (LPN) sebagai Pengarah Pentadbiran dan Kewangan.

Pada tahun 1973, Datuk Khatijah telah mengasaskan dan menjadi Pengerusi Eksekutif Syarikat Kumpulan KAF, sebuah kumpulan syarikat yang menjalankan khidmat kewangan dalam bidang kewangan dan pasaran modal termasuk ekuiti dan pasaran bon.

Dalam tahun 1977, beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Brandt, sebuah suruhanjaya antarabangsa yang bertanggungjawab mengkaji hubungan ekonomi antara negara maju dengan negara membangun dan telah berada dalam suruhanjaya tersebut hingga tahun 1980. Antara tahun 1981 hingga 1983, Datuk Khatijah menjadi Ahli Jawatankuasa PBB bagi Perancangan Pem-

bangunan. Selama 15 tahun beliau ialah Ahli Majlis ITM (kini UiTM) dan antara 1990 hingga 1995, beliau dilantik Profesor Adjung Universiti Utara Malaysia. Selain itu, beliau ialah Ahli Majlis Perniagaan Malaysia, Ahli MAPEN I pada tahun 1990 dan ahli MAPEN II. Beliau juga Ahli Lembaga Pengarah dalam anak syarikat Khazanah Malaysia.

Kini beliau ialah Pengerusi Malaysian Institute of Bond Dealers dan menjadi salah seorang Ahli Lembaga Pemegang Amanah Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia. Datuk Khatijah dilantik Ahli Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad, KAF-Seagroatt & Campbell Berhad dan KAF Discounts Berhad.

Bagi mengiktiraf sumbangannya dalam bidang perniagaan, ekonomi dan kewangan, beliau dikurniai Anugerah Wanita Cemerlang-Keusahawanan oleh Majlis Perniagaan Melayu Malaysia pada tahun 1993 dan anugerah Leading Women Entrepreneurs of the World di Paris, Perancis, pada tahun 1995. Dua tahun kemudian, beliau memperoleh bintang Panglima Jasa Negara (P.J.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang membawa gelaran 'Datuk'. Majalah *Fortune*, sebuah majalah perniagaan Amerika Syarikat, telah menamakan beliau antara 50 orang wanita yang berkuasa di luar Amerika Syarikat.

KHATIYAH SIDEK (ALLAHYARHAM)



Puan Khatijah Sidek, yang lebih gemar dipanggil 'Ibu' dan juga dikenali sebagai 'Ardjasni', dilahirkan pada 15 Disember 1918 di Pariaman, Sumatera Barat, Indonesia. Beliau balu kepada Doktor Hamzah Haji Taib (Allahyarham), Naib Yang Dipertua Lembaga Kesatuan Melayu Johor. Mereka mempunyai lima orang anak, tiga perempuan dan dua lelaki, antaranya Khadiria Taswim Malahayati dan Mohamad Nor Kamal.

Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Belanda, *Holland Inlandische School* (H.I.S.) di Pariaman, Sumatera Barat, selama tujuh tahun sebelum meneruskan pelajaran di Sekolah Menengah Belanda. Antara 1931 hingga 1933, beliau menuntut di Middle School, Padang, tetapi telah dibuang sekolah kerana didapati menyertai Persatuan Politik Pelajar-pelajar yang diketuai oleh Bapak Shahrir (Allahyarham) semasa beliau menuntut di Belanda. Mulai Ogos 1933 hingga 1936, beliau mengikuti pengajian perguruan di Padang Panjang, Sumatera Barat. Apabila Jepun mula berkuasa, beliau mempelajari bahasa Jepun selama enam bulan.

Sementara menunggu keputusan peperiksaan sekolah perguruan, Ibu Khatijah pernah bertugas sebagai guru Sekolah Muhammadiyah, Pariaman (sekolah persendirian Belanda) dari tahun 1936

hingga 1937. Beliau juga pernah mengajar di Sekolah Pangkalan Susu dekat Medan, kemudiannya di Langkat. Ibu Khatijah telah dilantik guru besar di sekolah kerajaan Matang, Glumpang Dua, Aceh, pada pertengahan 1940. Semasa pemerintahan Jepun, pada tahun 1943, beliau pernah mengajar di Nippon Indonesia School. Pada masa yang sama, beliau terus berjuang untuk kemerdekaan dan menubuhkan pelbagai parti politik. Ibu Khatijah terkenal sebagai tokoh wanita yang aktif dalam pergerakan politik di Indonesia dan merupakan antara mereka yang memperjuangkan kemerdekaan Indonesia daripada belenggu penjajah.

Beliau menjadi pengasas dan presiden beberapa pertubuhan seperti Semangat Bunda di Binjai, Medan (1938), dan Bahagian Wanita Pemuda Republik Indonesia (1943). Beliau juga pernah menjadi Pegawai Penerangan Pertubuhan Wanita dan ahli dalam Politik Nasional. Pada 11 November 1944, Ibu Khatijah telah mengasaskan Pertubuhan Parti Kesateria, iaitu sebuah pertubuhan sukarela wanita.

Selepas Indonesia memperoleh kemerdekaan pada tahun 1946, Ibu Khatijah telah melawat Riau dan Singapura. Pada tahun yang sama, beliau datang ke Tanah Melayu bersama beberapa orang rakan atas jemputan kenalan-kenalan seperti Haji Abdullah dan Dahari Ali. Beliau, yang terkenal sebagai seorang pemedato, telah memberi syarahan-syarahan yang bersemangat dan membangkitkan kesedaran dan semangat kebangsaan. Pada tahun 1946 hingga 1947, beliau sering berulang-alik antara Sumatera, Singapura dan Tanah Melayu. Beliau telah menubuhkan Pertubuhan Kebajikan Himpunan Wanita Indonesia (HIMWIM) di Singapura dengan tujuan untuk menubuhkan cawangan sekolah Taman Pendidikan Parti Kesateria di mana anak-anak diajar menjadi pendidik dan pemimpin. Pihak British mengawasi Ibu Khatijah semasa berada di Singapura. Dalam bulan Oktober 1948, beliau telah ditahan selama dua tahun oleh pihak berkuasa British kerana kegiatan politik yang dianggap prokomunis. Ibu Khatijah telah melahirkan anak sulungnya semasa

dalam tahanan di penjara perempuan Outram Road, Singapura. Beliau telah dibebaskan pada 30 Januari 1950 tetapi dibuang daerah selama 10 tahun ke Johor Bahru.

Dari tahun 1953 hingga 1956, Ibu Khatijah terlibat aktif dalam UMNO. Beliau telah dipilih mewakili Pergerakan Kaum Ibu UMNO cawangan Johor Bahru ke Persidangan Kongres Awal Tahun di Melaka pada bulan April 1953. Sewaktu di sana, beliau telah dicalonkan sebagai Wakil Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaya yang tunggal dalam Jawatankuasa Tertinggi UMNO. Beliau telah dilantik Setiausaha Hal Ehwal Kaum Ibu pada sesi 1953/54 dan pernah memegang jawatan Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaya pada tahun 1953 setelah Allahyarham Ibu Zain meletakkan jawatan. Kemudian, beliau telah menjadi Ketua Kaum Ibu UMNO yang ketiga dari tahun 1954 hingga 1956. Beliau juga pernah menjadi Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Pada bulan Oktober 1956, beliau telah dipecat daripada menjadi ahli Pergerakan Kaum Ibu UMNO berpunca daripada krisis yang berlaku dalam parti tersebut.

Ibu Khatijah akhirnya memasuki PAS pada akhir tahun 1958 atas pelawaan Yang Dipertua PAS ketika itu, Allahyarham Dr. Burhanuddin Al-Helmi, dan beliau telah dilantik salah seorang Ahli Jawatankuasa Kerja Tertinggi PAS. Sewaktu di dalam PAS, beliau pernah menjadi Ahli Dewan Rakyat kawasan Dungun dari tahun 1959 hingga 1964 dan menjadi salah seorang daripada tiga orang wanita pertama yang dipilih sebagai Ahli Parlimen. Beliau juga pernah dilantik sebagai Ketua Dewan Muslimat PAS. Walau bagaimanapun, beliau telah keluar dari PAS pada tahun 1969 dan telah bertanding sebagai calon bebas menentang Allahyarham Dato' Asri dalam pilihan raya 1969 di kawasan Kota Bharu Hilir, tetapi beliau tewas.

Kekalahan beliau dalam pilihan raya tersebut telah mendorongnya memasuki UMNO semula pada tahun 1971. Beliau telah dipilih sebagai Naib Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO Cawangan Majidi Baru. Beliau juga pernah menjadi Penolong Yang Dipertua Wanita

FELDA. Selepas memasuki PERKIM pada tahun 1972, beliau telah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Tertinggi PERKIM.

Sumbangan Ibu Khatijah terhadap UMNO adalah untuk memperkukuh barisan Kaum Ibu UMNO. Beliau menjelajah seluruh pelosok negeri untuk memberi penerangan mengenai perjuangan UMNO untuk kemerdekaan dan bagi mengadakan pilihan raya.

Ibu Khatijah telah meninggal dunia pada tahun 1982 kerana sakit buah pinggang dan paru-paru.

KONTIK KAMARIAH AHMAD, TAN SRI DATIN SRI CEMPAKA



Yang Berbahagia Tan Sri Datin Sri Cempaka Kontik Kamariah telah dilahirkan di Kampung Seputih, Kuala Lumpur, pada 5 Ogos 1911 dan merupakan balu kepada Encik Bahadun Haji Hassan (Allahyarham), bekas Duta Besar Malaysia ke Korea Selatan (meninggal dunia pada 28 Julai 1980). Mereka mempunyai dua orang anak, iaitu Raihan dan Kamarulzaman, dan kini mempunyai lima orang cucu dan lima orang cicit. Beliau anak kepada Allahyarham Ahmad Panglima Garang Ishak, bekas Penghulu Kuala Lumpur.

Antara tahun 1919 hingga 1923, beliau telah menuntut sehingga tamat darjah lima di Sekolah Melayu Seputeh, Kuala Lumpur, dan kemudiannya meneruskan pelajaran ke peringkat menengah di Methodist Girls' School, Kuala Lumpur, dari tahun 1923 hingga 1928 sehingga lulus Senior Cambridge. Beliau merupakan wanita Melayu pertama di Semenanjung Malaysia, yang lulus peperiksaan Senior Cambridge. Dari tahun 1929 hingga 1932, beliau telah mengikuti kursus perguruan di English Normal Teachers' Training Centre dan beliau merupakan wanita Melayu pertama mengikuti kursus tersebut di Victoria Institution, pada tahun 1932.

Beliau pernah bertugas sebagai guru pelatih bahasa Inggeris di Sekolah Perempuan Methodist, Kuala Lumpur, dari tahun 1929 hingga 1931. Dalam tahun 1932, beliau menjadi Inspektor Sekolah Melayu Perempuan Kampung Baru, Kuala Lumpur, dan dilantik Penyelia bagi Sekolah-sekolah Melayu Negeri Selangor yang pertama dari tahun 1932 hingga 1945 dan dari tahun 1948 hingga 1956. Beliau menjadi guru di Sekolah Inggeris Kampung Baharu, Alor Setar, Kedah, dari tahun 1945 hingga 1948. Sebagai isteri kepada Duta, beliau sentiasa menemani suaminya ke luar negara, iaitu antara tahun 1957 hingga 1968.

Selain ketokohnya dalam pendidikan, Tan Sri Kontik Kamariah turut melibatkan diri dalam kegiatan politik. Beliau turut berjuang menentang penjajah dan oleh sebab beliau bersemangat membebaskan negara daripada penjajah, beliau terpaksa bersara lebih awal, iaitu ketika berusia 45 tahun.

Tan Sri Kontik Kamariah aktif dalam pelbagai pertubuhan koperasi dan UMNO. Pada tahun 1932, beliau telah terlibat dengan Selangor Government Servants Co-op Thrift and Loan Society, Kuala Lumpur, dan menjadi Ahli Jawatankuasa badan tersebut sehingga tahun 1940. Antara tahun 1945 hingga 1948, beliau menjadi ahli persatuan tersebut di samping beberapa buah pertubuhan lain seperti Midland Co-op Union, Co-op Union of Malaya, Co-op Insurance of Malaya, dan beliau juga telah dilantik Ahli Lembaga Maktab Kerjasama. Dari tahun 1955 hingga 1957, beliau telah menjadi Pengerusi Selangor Co-op Thrift and Loan Society dan Presiden bagi Co-operative Union of Malaya. Beliau ialah wanita pertama yang memegang jawatan tersebut.

Beliau telah dilantik Pengerusi Koperasi Perumahan Pegawai-pegawai Melayu Selangor daripada tahun 1954 hingga 1964 dan dari tahun 1975 hingga awal tahun 1980-an. Pada tahun 1954, beliau telah menubuhkan Koperasi Bangunan Rumah-rumah Pegawai-pegawai Melayu Selangor dan menjadi Yang Dipertua Syarikat Bangunan Rumah tersebut sehingga tahun 1964. Syarikat ini telah berjaya

membeli sebidang tanah dan dalam rancangan pertama telah mendirikan 21 buah rumah dan kawasan perumahan ini diberi nama Taman Kamariah. Beliau telah dilantik Yang Dipertua pertubuhan tersebut sekali lagi pada tahun 1975.

Selain pertubuhan-pertubuhan yang bercorak koperasi, beliau juga pernah menjadi Pelawat Hospital Besar dan Penjara Pudu, Kuala Lumpur, dari tahun 1937 dan dari tahun 1939 menjadi Kapten bagi pasukan Pandu Puteri Sekolah Kampung Baru, Kuala Lumpur. Pada tahun 1977, beliau dilantik salah seorang dari Ahli Jawatankuasa Lembaga Rayuan Penapis Filem Negara dan dari tahun 1979, beliau Ahli Jawatankuasa Majlis Daerah Gombak.

Melalui UMNO, Tan Sri Kontik Kamariah turut bergerak cergas dalam aktiviti-aktiviti politik tanah air. Beliau menjadi Ahli Jawatankuasa bagi tahun 1955/1956 bahagian Kaum Ibu Kampung Baru, Kuala Lumpur, Setiausaha bagi tahun 1956/1957 dan 1969/1974 bahagian UMNO Setapak dan Ahli Jawatankuasa UMNO Selangor pada tahun 1956/1957. Bagi cawangan UMNO Gombak Setia, beliau dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa untuk tahun-tahun 1969-1977. Beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Bahagian Selayang semenjak tahun 1975 hingga 1979. Dari tahun 1974 hingga 1976, beliau menjadi Naib Pengerusi dan kemudiannya Pengerusi dalam tahun 1977.

Tan Sri Kontik Kamariah pernah mewakili pergerakan koperasi dalam persidangan Co-op Alliance Congress peringkat antarabangsa di Stockholm, Sweden, dalam tahun 1957. Selepas suami beliau meninggal dunia, beliau telah mengusahakan sebuah syarikat pelancongan. Beliau juga pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Pusat Serenti Rawang dan Naib Presiden Persatuan Pesara-pesara Malaysia.

Pada tahun 1953, beliau telah dianugerahi British Empire Medal (B.E.M.) oleh Kerajaan Inggeris atas usaha gigih beliau membangunkan pergerakan koperasi. Kerajaan Negeri Selangor telah menganugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) kepadanya dalam tahun 1964 dan Jaksa Pendamai (J.P.) dalam tahun 1969. Pada 8 Mac 1979,

beliau menjadi wanita pertama dilantik oleh DYMM Sultan Selangor menjadi Orang Kaya Maha Bijaya Gombak yang lebih dikenali dengan gelaran Orang Besar Daerah Gombak iaitu 'Datin Sri Cempaka'. Pada tahun 1990, beliau telah mendapat Anugerah Wanita Cemerlang Avon-Tan Sri Fatimah. Sebagai mengenang jasanya, beliau dianugerahi Pingat Kenangan Bakti Guru Melayu Selangor oleh Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Selangor, dan Tokoh Warga Tua Wanita oleh Kerajaan Malaysia pada 1992. Beliau telah dikurniai bintang Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang membawa gelaran 'Tan Sri'. Selepas itu, beliau telah dianugerahi Darjah Kebesaran Dato' Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (D.S.S.A.) yang membawa gelaran 'Datin Paduka'.

LAILA TAIB,
DATUK AMAR PUAN SRI (DR.)



Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Laila telah dilahirkan di Poland, pada 1 Mac 1941 dari keluarga bangsa Poland yang memang beragama Islam semenjak beberapa generasi. Keluarganya telah berpindah dan menetap di Australia Selatan. Beliau ialah isteri kepada

Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Haji Abdul Taib Mahmud. Mereka telah mendirikan rumah tangga dalam tahun 1960 dan dikurniai empat orang cahaya mata, iaitu Jamilah Hamidah, Mahmud Abu Bekir, Datuk Seri Sulaiman Abdul Rahman dan Hanifah Hajar. Beliau pernah menuntut di Adelaide Girls' High School, South Australia, dalam tahun 1956 hingga tamat matrikulasi. Beliau kemudiannya mengambil jurusan perubatan di University of Adelaide pada tahun 1959.

Semasa tinggal di Australia Selatan, beliau pernah menjadi Pemangku Setiausaha The Islamic Society of South Australia dari tahun 1953 hingga 1957. Beliau juga menjadi guru agama di Masjid Adelaide hingga tahun 1960. Beliau pernah memegang jawatan Pegawai Awam di Jabatan Kerja Raya Australia Selatan dalam tahun 1959-1960. Selepas berpindah ke Sarawak, beliau menjadi Pengetua Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR), Jalan Haji Taha, Kuching,

dari bulan Jun 1962 hingga Oktober 1963 dan mengajar mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris.

Datuk Amar Laila menjadi Naib Presiden W.I. Sarawak daripada tahun 1964 hingga 1968 dan menjadi Ahli Jawatankuasa hingga tahun 1968. Dalam masa yang sama, beliau ialah Pengerusi W.I. Sarawak cawangan Kuching. Beliau telah menubuhkan Green Road Institute di mana beliau menjadi Presiden selama beberapa tahun.

Apabila berpindah ke Kuala Lumpur dalam tahun 1968, beliau meneruskan kegiatan yang sama dalam W.I. Malaysia. Antara tahun 1970 hingga 1972, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Lembaga Kebajikan Perempuan Islam. Pada tahun 1970, Datuk Amar Laila telah melibatkan diri dalam Kelab Penceramah Kuala Lumpur dan menjadi Presidennya yang pertama sehingga tahun 1972. Dalam tahun 1972-1974, beliau telah menjadi Naib Presidennya dan dalam tahun 1976-1977, sekali lagi beliau menjadi Presiden Kelab tersebut. Dalam pertubuhan UMNO, beliau telah menjadi Ahli Jawatankuasa Agama Bahagian Wanita dalam tahun 1971-1972.

Dari tahun 1975, Datuk Amar Laila menjadi Pengerusi Jawatankuasa Wanita PERKIM. Pada bulan Mac 1978, semasa memegang jawatan ini, beliau telah menganjurkan seminar pertamanya, Memahami Islam, di Universiti Malaya. Bermula pada tahun 1980, beliau ialah Pengerusi bahagian wanita PERKIM Sarawak dan sejak tahun 1982, beliau menjadi Naib Presiden PERKIM Kebangsaan. Hingga akhir tahun 1980-an, beliau telah menubuhkan dan merasmikan Jawatankuasa Wanita PERKIM Negeri di lapan buah negeri di Semenanjung Malaysia dan beberapa cawangan di peringkat daerah.

Beliau telah menubuhkan dan menjadi Presiden SABATI pada tahun 1982. Setahun selepas itu, beliau dilantik pula sebagai Pengerusi RISEAP (Regional Islamic Dakwah Council of Southeast Asia and the Pacific) bahagian pergerakan wanita dan Penaung kepada Persatuan Bulan Sabit Merah, Kuching, Sarawak. Beliau juga telah dilantik Penaung Persatuan Hoki Wanita Sarawak sejak tahun 1985.

Pada tahun 1986, beliau menjadi Penaung Jawatankuasa Penyumbang Organ Mata dan Penaung The Atelier Society Sarawak (The Arts and Crafts of Sarawak).

Pada tahun 1993, beliau telah dilantik penaung beberapa organisasi, iaitu Penaung Pertubuhan Anak-anak Yatim Sarawak yang turut terlibat dalam gerakan membantu orang-orang Bosnia, Penaung Persatuan Sekolah Menengah Tunku Abdul Rahman dan Penaung Yayasan Buah Pinggang Sibu. Setahun kemudian, beliau dilantik sebagai Penaung Kuching Lions Nursing Home. Beliau juga telah menjadi Pengasas dan Presiden Yayasan Jantung Sarawak semenjak tahun 1995 hingga sekarang. Sejak tahun 1997, beliau menjadi Pemegang Amanah Yayasan Kemanusiaan Malaysia dan menjadi ahli The Olive Baden Powell Society sejak 17 Mei 1998. Pada tahun 1999, beliau dilantik Penaung PERKATA (Sarawak Association for the Welfare of Intellectually Disabled Children) dan Penaung Kolej Chermai Jaya, Kuching, Sarawak.

Beliau turut terlibat dalam Persatuan Siswazah Wanita Sarawak sebagai Penaung. Beliau juga ialah Penaung Seumur Hidup Persatuan Ibu Tunggal Sarawak dan Pengerusi The Sarawak Book of Records sejak tahun 2001. Pada tahun 2002, beliau dilantik Penaung Chia Hia Khor Moral Uplifting Society Kidney Charity Dialysis Centre.

Datuk Amar Laila pernah menyertai beberapa persidangan di dalam dan di luar negara. Antaranya ialah Persidangan Serantau ACWW di Kuching, dalam tahun 1964 dan di Manila, Filipina dalam tahun 1967. Pada tahun 1977, beliau menghadiri First ASEAN Conference of Regional and Peace di Singapura, dan mengikuti seminar mengenai dadah yang dianjurkan oleh Biro Narkotik di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, dalam tahun 1978.

Dalam bidang penulisan pula, Datuk Amar Laila boleh dianggap seorang penulis, pengarang, penerbit dan juga pengedar risalah *Australian Minaret* di Australia Selatan, dalam tahun 1956. Untuk beberapa tahun, *Australian Minaret* menjadi jurnal suku tahun bagi

Majlis Persekutuan Islam Australia dan telah dilangani oleh orang-orang Islam di merata Australia dan negara-negara jiran.

Bagi mengenang jasa-jasanya dalam kerja-kerja kebajikan dan kemanusiaan, beliau telah dianugerahi darjah Kebesaran Datuk Amar Bintang Kenyalang (D.A.) yang membawa gelaran 'Datuk Amar' oleh Yang Dipertua Negeri Sarawak pada tahun 1988. Pada tahun 1995, beliau dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam Sains Politik oleh Pacific Western University, Los Angeles, Amerika Syarikat. Pada tahun 1998, beliau memperoleh The Paul Harris Fellow daripada Kelab Rotary Kuching Tengah. Beliau telah mendapat keahlian kehormat seumur hidup daripada Women Institute of Management (WIM) pada tahun 2002.

LAKSHMI NAVARATNAM (MENDIANG)



Puan Lakshmi, atau nama sebenarnya Mahalakshmi Navaratnam, dilahirkan pada 22 Julai 1919 di Kuala Kangsar, Perak. Beliau telah berkahwin dengan Encik P. Navaratnam (mendiang), bekas pengetua Kolej Teknik Kuala Lumpur (kini UTM) dan mereka mempunyai seorang anak lelaki, iaitu Prof. Dr. V. Navaratnam. Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur, sehingga lulus Senior Cambridge. Beliau telah melanjutkan pelajaran ke peringkat matrikulasi tetapi terhenti disebabkan berlakunya Perang Dunia Kedua.

Sewaktu mengikuti suaminya menyambung pengajian tinggi di London, pada tahun 1948, Puan Lakshmi telah melanjutkan pelajaran di London School of Economics dalam bidang sosiologi dan kerja sosial. Dalam masa yang sama, beliau telah bertugas di Commonwealth Headquarters of the Girl Guides Association di London.

Beliau telah menyertai Pergerakan Pandu Puteri sebagai *Ranger* dan kemudian sebagai *Brownie Leader* pada awal tahun 1940-an. Beliau telah menyambung kembali penglibatannya dalam Pergerakan Pandu Puteri pada akhir Perang Dunia Kedua sebagai Pembantu Peribadi kepada Ketua Pesuruhjaya. Sekembalinya dari London, Puan Lakshmi telah dilantik Presiden Pergerakan Pandu Puteri cawangan Negeri Selangor pada tahun 1951 hingga 1955. Seterusnya

beliau telah diamanahkan untuk mengendalikan bahagian keahlian Jawatankuasa Kewangan dan Eksekutif Kebangsaan dan selepas itu, beliau dilantik Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pergerakan Pandu Puteri bagi Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Selepas kemerdekaan, pada tahun 1958, Puan Lakshmi menjadi rakyat Malaysia yang pertama dilantik Ketua Pesuruhjaya Pergerakan Pandu Puteri Malaysia dan memegang jawatan ini sehingga tahun 1973.

Pada tahun 1969, beliau dilantik Ahli Jawatankuasa World Association of Girl Guides and Girl Scouts (WAGGGS) dan dalam masa yang sama dipilih sebagai *Liaison Member* Pergerakan Pandu Puteri Sedunia bagi rantau Asia Pasifik. Pada tahun 1975, beliau dipilih sebagai Naib Pengerusi WAGGGS dan merupakan wanita pertama di Malaysia yang berjaya sampai ke tahap itu dalam sebuah organisasi antarabangsa.

Selain penglibatan Puan Lakshmi dalam Pergerakan Pandu Puteri, beliau juga pernah dilantik Ahli Jawatankuasa Eksekutif Kebangsaan W.I. pada tahun 1953. Beliau juga seorang ahli yang aktif dalam Malaysian Family Planning Association. Di samping itu, beliau juga Penasihat Mahkamah Juvana Negeri Selangor dan pelawat berstatus istimewa dalam Lembaga Pelawat penjara-penjara dan hospital-hospital sekitar tahun 1951 hingga 1975.

Puan Lakshmi tidak mengabaikan masyarakat India dan beliau telah membantu menubuhkan Pergerakan *Brownie* di sekolah-sekolah Tamil sekitar tahun 1950-an. Beliau telah dilantik Ahli Jawatankuasa Eksekutif Kebangsaan bagi Malaysian Ceylonese Congress (MCC) pada tahun 1975 dan dipilih sebagai Pengerusi Bahagian Wanita MCC setahun selepas itu.

Bagi menghargai sumbangannya kepada masyarakat, Puan Lakshmi telah dikurniai pingat Silver Swift pada tahun 1965 yang merupakan pingat tertinggi dalam Pergerakan Pandu Puteri Malaysia. Setahun kemudian, beliau dikurniai bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Pada tahun 1974, beliau telah menerima pingat Silver Elephant daripada Bharat Scout and Guide Association of India dan pada tahun 1985, beliau dianugerahi Pingat Emas Tun Fatimah oleh NCWO. Pada tahun 2000, beliau telah mendapat Pingat SRIKANDI bagi mengenang jasanya sebagai Pesuruhjaya Pergerakan Pandu Puteri pertama di Malaysia.

Puan Lakshmi telah meninggal dunia pada 1 April 2001.

LEE LEE LAN



Puan Lee Lee Lan dilahirkan di Kuala Lumpur, pada tahun 1944. Beliau telah berkahwin dengan Encik Lee Kim Tak dan mereka mempunyai dua orang anak, iaitu Lee Hong Kee dan Lee Pek Kuen.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Perempuan Methodist Kuala Lumpur, dari tahun 1950 hingga 1959. Antara tahun 1959 hingga 1962, beliau menyambung pengajian di Sekolah Perempuan Methodist Melaka dan kemudian di Sekolah Sultan Abu Bakar, Kuantan, hingga tahun 1966 dan lulus HSC. Beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Sejarah dan Ekonomi.

Oleh sebab minat yang mendalam dalam bidang seni tarian dan kebudayaan, Puan Lee Lee Lan telah mendalami bidang ini di Royal Academy of Dancing, London, dan memperoleh Advanced Teachers' Certificate pada tahun 1974. Beliau telah mengikuti latihan tarian ballet klasik di bawah Soonee Goh dan Ethel Foxcroft. Beliau juga mendapat bimbingan tarian moden dan tarian tap di bawah beberapa orang guru di Pusat Tarian dan Studio Pineapple di London, dan tarian kontemporari di Studio Martha Graham di New York. Beliau juga terlatih dalam tarian Melayu tradisional. Di samping itu,

beliau ialah Fellow dan pemeriksa untuk Imperial Society of Teachers of Dancing (ISTD).

Puan Lee Lee Lan amat cenderung kepada tarian klasik dan moden. Justeru pada tahun 1967, beliau telah mengasaskan Federal Academy of Dancing di Malaysia. Beliau juga telah mengasaskan dan menjadi Pengarah Federal Ballet Group yang menjelajah Malaysia pada tahun 1970-an. Federal Ballet Group merupakan kumpulan penari ballet yang mula-mula mengadakan pertunjukan ballet klasik secara berkumpulan. Beliau juga Pengasas dan Pengetua Federal Academy of Ballet pada tahun 1968 yang kini merupakan sekolah ballet terbesar di Malaysia. Beliau turut menubuhkan Kuala Lumpur Dance Theatre pada tahun 1984 dan merupakan Pengasas serta Presiden Pertubuhan Tarian Malaysia dari tahun 1984 hingga 1988.

Sumbangan beliau dalam bidang seni tari bermula pada awal tahun 1960-an apabila beliau bersama-sama beberapa orang pelajar Universiti Malaya berjaya menghasilkan beberapa corak tarian dalam pertunjukan budaya dan muzik seperti *Show Boat*, *Flower Drum Song* dan *West Side Story*. Selain itu, beliau menjadi penari dan koreografer di Televisyen Malaysia. Beliau juga menjadi ahli pertubuhan Royal Academy of Dancing semenjak tahun 1966. Beliau pernah mewakili Malaysia dalam persidangan luar negara yang berunsurkan seni tari seperti *Dances of Malaysia* di Seoul International Conference, pada tahun 1985, *Interculturalism in Dance* di Jade '93 Conference, Jepun, pada tahun 1993 dan *Ballet in Malaysia* di Seminar Tari Malaysia pada tahun 1994.

Di samping itu, Puan Lee Lee Lan menjadi Konsultan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Beliau berusaha mereka bentuk tarian baharu yang berunsurkan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dalam rancangan *Dayana* pada tahun 1968. Beliau pernah menjadi penganjur beberapa kursus tarian yang diadakan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selain menjadi hakim bagi pertandingan tarian anjuran Kementerian tersebut. Beliau juga telah dilantik sebagai Pemeriksa Luar Akademi

Seni Kebangsaan Malaysia dan Pemeriksa Antarabangsa untuk ISTD London. Beliau menyandang jawatan Setiausaha/Bendahari Persatuan Tarian Asia. Kini beliau menjadi Naib Presiden World Dance Alliance/Asia Pasifik dan Ahli Jawatankuasa Malaysia International Council of Folklore Festivals and Folk Arts Organisations – Malaysia (CIOFF).

Beliau pernah memenangi beberapa anugerah. Antaranya, Saitama Choreographic Award (1986), Anugerah Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah-Avon (1992) dan Anugerah Antarabangsa ISTD pada tahun yang sama. Karya-karya beliau yang telah dipersembahkan ialah *Soraya – the Three Act Ballet, Four Seasons*, dan *Enigma*. Di samping itu, Kuala Lumpur Dance Theatre telah berjaya menjelajah ke seluruh dunia bagi mempersembahkan tarian di pelbagai festival tarian antarabangsa, antaranya, Festival Tarian Antarabangsa di Quebec, Kanada, pada tahun 1998, Miao-Li Festival di Taipei pada tahun 2000 dan yang terkini di World Dance Association Festival di Dusseldorf, Jerman.

LEE, RUBY, DATUK DATIN PADUKA



Yang Berbahagia Datuk Datin Paduka Ruby Lee dilahirkan pada 21 Januari 1927 di Pulau Pinang. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Perempuan Methodist, Kuala Lumpur, seterusnya di Sekolah Perempuan John Cannon Cathedral di Bombay, India, ketika Jepun menduduki Tanah Melayu. Beliau telah berkahwin dengan Dato' Douglas K.K. Lee, bekas Timbalan Pengerusi Eksekutif D & C Mitsui Merchant Bankers. Mereka mempunyai tiga orang anak, iaitu Michael Lee Fook Wah, Omar Iskandar @ Kenneth Lee Fook Mun dan Janet Lee Fook Kuen. Kini mereka dikurniai empat orang cucu.

Beliau mula berkecimpung dalam kegiatan sukarela apabila berkhidmat dengan Persatuan Bulan Sabit Merah (ketika itu Persatuan Palang Merah) dalam tahun 1950-an sebagai Pengerusi Jawatankuasa Dana. Pada tahun 1960, beliau telah dilantik Pengarah Persatuan Palang Merah Cawangan Negeri Selangor dan pada tahun 1965, telah diminta menubuhkan semula persatuan tersebut di peringkat kebangsaan. Pada masa itu, beliau dilantik Setiausaha Agung yang pertama serta berkhidmat sepenuh masa sebagai Pegawai Eksekutif, jawatan yang dipegangnya selama 31 tahun. Sepanjang penglibatannya, beliau telah memainkan peranan penting dalam Peristiwa 13

Mei 1969 dan Banjir Besar pada tahun 1967 dan tahun 1971. Di samping itu, beliau telah merintis perkhidmatan kecemasan 24 jam di sekitar Lembah Klang sejak tahun 1969 dan Ruangan Pemulihan Bergerak sejak tahun 1970.

Datuk Ruby Lee juga memainkan peranan penting dalam menghadapi kemasukan lebih dari 75,000 orang pendatang Vietnam melalui bot yang telah mendarat di beberapa tempat di Pantai Timur. Penglibatan beliau dalam episod pendatang Vietnam semenjak tahun 1975 sungguh menyerlah di mana beliau bertanggungjawab untuk menyelaraskan semua aspek organisasi seperti mengatur sukarelawan, makanan, pakaian, khemah-khemah dan perkhidmatan kesihatan, dan lain-lain. Beliau juga perlu menguruskan dan merancang pembinaan tempat-tempat kediaman dan tandas untuk orang sakit, gudang-gudang, dan tangki-tangki air di berbagai-bagai tempat di dalam sepuluh buah khemah. Dalam proses ini, pulau-pulau yang tidak subur dan kawasan telah diubah menjadi komuniti yang sesuai didiami. Perkhidmatan surih-surihan dan mel telah pun dimulakan untuk membantu pendatang-pendatang Vietnam mencari saudara-mara mereka dan penaung-penaung untuk mereka. Untuk membolehkan mereka dapat ditempatkan semula di negara ketiga, kursus bahasa dan vokasional telahpun disediakan untuk membantu dan melatih mereka.

Dalam proses menguruskan dan menyelaraskan tindakan bantuan Persatuan Bulan Sabit Merah ini, beliau bertanggungjawab untuk bekerja rapat dengan kerajaan, agensi-agensinya antarabangsa dan kedutaan asing. Oleh itu, beliau boleh dikatakan telah mencapai tahap hubungan antarabangsa dalam bidang orang pelarian. Tugas ini berakhir setelah 21 tahun dengan lebih daripada 250,000 orang pendatang Vietnam telah dapat ditempatkan semula di negara ketiga atau dipulangkan ke tanah air.

Pembabitan Datuk Ruby Lee dalam Persatuan Bulan Sabit Merah di peringkat antarabangsa dapat dilihat apabila beliau telah dilantik memegang beberapa jawatan penting. Beliau menjadi ahli

Kumpulan Kerja Advisory System of the League pada tahun 1978, ahli Kumpulan Kerja Consultation on the Fundamental Principles of the Red Cross & Red Crescent pada tahun 1987, ahli Kumpulan Kerja Federation Resource Development Committee dari tahun 1991 hingga 1993 dan ahli Kumpulan Kerja Study Group on the Future of the Movement dari tahun 1992 hingga 1993. Datuk Ruby Lee juga sering mengikuti persidangan-persidangan Persatuan Palang Merah di peringkat antarabangsa dari tahun 1969 hingga 1992.

Selain bergiat aktif dalam Persatuan Bulan Sabit Merah, beliau juga turut memegang jawatan dalam beberapa persatuan lain. Antaranya, Ahli Pengasas dan Setiausaha Kehormat pertama Jawatankuasa Membantu Kanak-kanak Ortopedik Lady Templer, Ahli Lembaga Pengelola Methodist Girls' School, Ahli Majlis Perpaduan dan Muhibah Kebangsaan, Ahli Majlis Rumah Kanak-kanak Selangor dan ahli NACIWID.

Beliau pernah memainkan peranan penting dalam National Association of Women's Institute Malaysia (NAWIM) selama 13 tahun dan menjadi wanita Asia pertama memegang jawatan Pengerusi. Di samping itu, beliau ialah perintis serta pengasas beberapa pertubuhan sukarela lain seperti Majlis Kebangsaan Perkhidmatan-perkhidmatan Kebajikan, NCWO, Majlis Belia Malaysia, Majlis Kebajikan Sosial Malaysia, Jawatankuasa Penjagaan Kanak-kanak Ortopedik Hospital Lady Templer, Persatuan Pengguna-pengguna Selangor, Persatuan Amerika Malaysia (Malaysian American Society) dan juga pengasas Pusat Latihan Orang-orang Buta Gurney.

Datuk Ruby Lee pernah mewakili Malaysia dan pertubuhan-pertubuhan yang dianggotainya ke pelbagai persidangan dan seminar, sama ada di dalam mahupun di luar negara seperti mewakili Persatuan Belia Sedunia ke Persidangan PBB mengenai *Increased Participation of Women in Public Life* di Bangkok, pada tahun 1957, mengetuai delegasi Malaysia ke Persidangan Wanita Sedunia ACWO di Edinburgh, pada Ogos 1959 dan di Melbourne, Australia, pada tahun 1962. Pada tahun 1961, beliau telah mengikuti lawatan sambil belajar

ke Amerika Syarikat selama dua bulan untuk meninjau kegiatan wanita-wanita luar bandar serta Liga Pengundi-pengundi Wanita di sana. Beliau juga pernah mewakili Persatuan Palang Merah Malaysia ke Persidangan Palang Merah Antarabangsa di Istanbul, Turki, pada tahun 1969.

Sekarang beliau ialah Presiden Community Support Network Selangor, Naib Presiden Society for the Severely Mentally Handicapped Selangor dan Wilayah Persekutuan, Bendahari Kehormat Yayasan Sultan Abdul Aziz Shah dan Ahli Lembaga Pemegang Yayasan Penyakit Alzheimer.

Kerana jasa-jasanya, beliau telah menerima beberapa anugerah. Antaranya, Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) pada tahun 1961, bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) pada tahun 1968 dan bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada tahun 1981. Dalam tahun 1985, DYMM Sultan Selangor telah menganugerahi beliau Dato' Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (D.S.S.A.) yang membawa gelaran 'Datin Paduka' dan beliau juga telah mendapat Pingat Emas Tun Fatimah daripada NCWO pada tahun yang sama. Pada tahun 1992, beliau memperoleh bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.). Beliau telah menerima anugerah MMA Health Care Service Award dan bintang Panglima Jasa Negara (P.J.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang membawa gelaran 'Datuk' pada tahun 1998. Pada tahun 1999, Datuk Ruby Lee telah mendapat Malaysia Tatler Charity Queen Award sempena ulang tahun Malaysia Tatler yang kesepuluh. Pada tahun 2001, beliau dianugerahi gelaran Pemimpin yang Berwibawa dan Terulung oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Kemampuan Datuk Ruby Lee serta dedikasinya dalam Persatuan Bulan Sabit Merah telah membolehkan beliau mendapat Anugerah Pingat *Nansen* pada bulan November 1977 daripada Suruhanjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian di Geneva, Switzerland. Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia telah menjadi pertubuhan pertama daripada 136 Persatuan Bulan Sabit Merah lain di dunia

yang menerima anugerah tersebut. Pada tahun 1982, beliau menerima Anugerah Tun Razak atas khidmat cemerlangnya kepada kemanusiaan. Pada tahun 1991, Persatuan Bulan Sabit Merah telah dianugerahi Prime Minister's Quality Award untuk sektor sosial di mana beliau ialah seorang yang telah memberi banyak sumbangan dalam bidang sosial dan kemasyarakatan.

LEONG, ADELINE, DATUK



Yang Berbahagia Datuk Adeline merupakan seorang siswazah dari Australian National University, Canberra, dan mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Pengajian Asia) serta Diploma Perpustakaan daripada Royal Melbourne Institute of Technology. Beliau telah berkahwin dengan Datuk Casey Leong, seorang konsultan pendidikan dan mereka mempunyai dua orang cahaya mata, iaitu Jasmine dan Andre.

Sejak tahun 1973 hingga 1998, beliau ialah Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah. Bermula pada tahun 1989 hingga sekarang, beliau berada dalam Lembaga Pengarah Sabah Institute of Development Studies. Pada tahun 1998 hingga 2000, beliau menjadi Presiden Majlis Perbandaran Kota Kinabalu dan sejak tahun 2000, beliau ialah Presiden Majlis Perbandaran Sandakan. Selain itu, beliau telah menjadi Pengerusi Majlis Penasihat Wanita Sabah dari tahun 1988 hingga 1991. Beliau juga telah dilantik, selama dua tahun dari tahun 1997 hingga 1999, Timbalan Presiden Persatuan Kakitangan Kerajaan Sabah.

Penglibatan beliau di dalam Jaycees Antarabangsa, satu organisasi pembangunan kepimpinan belia di seluruh dunia bermula pada tahun 1974. Beliau dilantik Presiden Intan Jaycees (Junior Chamber)

pada tahun 1978. Pada tahun 1983, beliau menjadi wanita pertama memegang jawatan Presiden Jaycees Malaysia. Pada tahun 1986, beliau dilantik Naib Presiden (bagi Indian Sub-Continent) Jaycees International dan pada tahun 1987, beliau menjadi Naib Presiden Eksekutif (bagi Afrika) Jaycees International. Dari tahun 1990 hingga 1992, beliau diangkat menjadi Ahli Lembaga Senat Jaycees International Asia Pasifik dan dari tahun 1991 hingga 1993, beliau menjadi Pengerusi Jaycees Malaysia Senate Association.

Dalam Pertubuhan Toastmaster International, pada tahun 1995, beliau menjadi Presiden Toastmasters Club Kota Kinabalu. Setahun kemudian, beliau menjadi Gabenor Kawasan Kota Kinabalu dan pada tahun 1997, beliau menjadi Gabenor Bahagian Sabah. Pada tahun 1998, beliau ialah Leftenan Gabenor bagi Pemasaran, Daerah ke-51 Pan Sea dan pada tahun 1999, beliau menjadi Gabenor Daerah (Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand dan Hong Kong).

Bagi menghargai sumbangan yang telah dicurahkan, beliau telah dikurniakan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1989. Pada tahun 1993, beliau mendapat bintang Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (P.G.D.K.) yang membawa gelaran 'Datuk' daripada kerajaan Negeri Sabah. Pada tahun 1995, beliau telah menerima Anugerah Spirit of Hakka Women daripada Persatuan Hakka Malaysia dan Anugerah Outstanding Woman of Sabah daripada Kerajaan Negeri Sabah. Datuk Adeline juga telah memperoleh gelaran 'Dayang' daripada The Kedatuan Foundation of Western Mindanao, Filipina.

LEUNG THONG PING



Puan Leung Thong Ping telah dilahirkan pada 18 Ogos 1945 di Klang, Selangor Darul Ehsan. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Sim Leng Hiang, bekas Pengurus Kawasan Malaysia Anglo-French Trading Sdn. Bhd. Mereka mempunyai dua orang anak, seorang lelaki, iaitu Sim Mongkut dan seorang perempuan, iaitu Sim Mingshan.

Beliau pernah menuntut di Sekolah Perempuan Bukit Bintang dari tahun 1952 sehingga lulus Cambridge School Certificate pada tahun 1962. Beliau telah memperoleh HSC daripada Victoria Institution pada tahun 1964. Seterusnya, beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dari tahun 1966 hingga 1969 dan mendapat Ijazah Sarjana Muda (Bahasa Inggeris) pada tahun 1969. Puan Leung Thong Ping pernah menerima Fellowship in Journalism daripada East West Center, Hawaii.

Mulai tahun 1970 hingga 1972, beliau telah bertugas sebagai penulis rencana di akhbar *Sunday Mail*. Selepas itu, beliau menjadi editor ruangan wanita di akhbar *New Straits Times* sehingga tahun 1980. Beliau merupakan wanita pertama di Malaysia dan Singapura yang memberi dimensi baharu kepada ruangan wanita di dalam akhbar pada ketika itu. Selepas sebelas tahun berkhidmat dalam

bidang kewartawanan, beliau sekeluarga telah berhijrah ke Australia disebabkan masalah kesihatan anaknya. Di sana, beliau telah menjadi sub-editor bagi *The Australian Women's Weekly*. Walau bagaimanapun, beliau sekeluarga telah kembali ke Malaysia pada tahun 1987.

Sejak tahun 1981, beliau ialah Pengarah dan Pereka Mayfair Fashions yang kemudian diubah namanya kepada Mayfair Designs. Kedainya yang pertama terletak di Plaza Bukit Bintang dan beliau mempunyai sebuah lagi kedai yang terletak di KLCC. Beliau dikenali atas usahanya mempopularkan elemen tradisional pakaian Asia terutamanya pakaian tradisional Melayu, Cina dan India agar diterima sebagai pakaian sehari-hari.

Rekaan fesyen Puan Leung Thong Ping begitu unik kerana menggabungkan elemen budaya Melayu, Cina dan India dalam pakaian yang dihasilkannya menjadikannya unik dan menarik.

LILY ABDUL MAJEED, DATUK



Yang Berbahagia Datuk Lily dilahirkan di Kuala Lumpur, pada 14 Mac 1921. Beliau telah berumah tangga dengan Datuk Seri Haji Mohd Salleh Ahmad (Allahyarham), bekas Timbalan Ketua Nazir Sekolah-Sekolah Malaysia dan mempunyai seorang anak, iaitu

Ahmad Nizam dan empat orang cucu.

Alam pendidikan Datuk Lily bermula di Sekolah Kampung Baru, Kuala Lumpur, antara tahun 1927 hingga 1931. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur, hingga lulus Senior Cambridge pada tahun 1938. Semasa Perang Dunia Kedua, pelajaran beliau di *normal class (English)* terbantut tetapi dapat disambung semula selepas tamat perang. Seterusnya beliau mengikuti Kursus Perguruan di Teachers' Training College, United Kingdom, dari tahun 1951 hingga 1953. Pada tahun 1954, beliau mendapat Diploma dalam bidang Perkembangan Kanak-kanak, dari Institute of Education, London University, England.

Tugas beliau sebagai guru bermula di Sekolah Convent dalam tahun 1940 hingga 1941 dan apabila meletusnya Perang Dunia Kedua, beliau terus berkhidmat di Jabatan Pelajaran Selangor. Antara tahun 1946 hingga 1948, beliau bekerja di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka dan pada tahun 1948 hingga 1951, beliau

menjadi Penyelia Sekolah-sekolah Melayu, Selangor. Pada tahun 1954 hingga 1957, beliau bertugas sebagai Penyelia Sekolah-sekolah Inggeris Negeri Sembilan. Pada tahun 1958, beliau dilantik Nazir Sekolah-sekolah Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1961 pula, beliau dilantik Timbalan Pengarah Latihan Perguruan di Kementerian Pelajaran dan jawatan ini dipegang sehingga beliau bersara pada tahun 1972. Datuk Lily ialah wanita pertama dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong menjadi Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia pada tahun 1972 hingga 1984. Beliau juga wanita pertama yang dilantik menjadi Ahli Majlis Universiti Malaya, iaitu dari tahun 1972 hingga 1976. Beliau juga menjadi Ahli Majlis UKM dari tahun 1977 hingga 1979 dan dari tahun 1980, beliau menjadi Ahli Jemaah universiti yang sama.

Datuk Lily banyak membuat sumbangan dalam pergerakan pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk kebajikan masyarakat. Antara tahun 1931 hingga 1957, beliau memegang pelbagai jawatan dalam Pergerakan Pandu Puteri. Daripada menjadi seorang pandu puteri, beliau telah dilantik Kapten Pandu Puteri, Penolong Pesuruhjaya, Commissioner Malay Guiding dan akhirnya menjadi Timbalan Ketua Pesuruhjaya Malaya dan tahun 1955 hingga 1957. Selain Pergerakan Pandu Puteri, beliau juga giat dalam beberapa pertubuhan lain, iaitu sebagai Ahli Jawatankuasa dan wakil Kementerian Pelajaran dalam Majlis W.I. dari tahun 1962 hingga 1972. Penglibatan beliau dengan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIM) bermula pada tahun 1965 sebagai Ahli Jawatankuasa. Semenjak tahun 1969 sehingga sekarang, beliau ialah Setiausaha Agung Kehormat LKPIM. Datuk Lily juga pernah menjadi Naib Pengerusi NACIWID pada tahun 1976.

Datuk Lily telah menghadiri pelbagai persidangan, mesyuarat dan seminar mengenai pelajaran selaku wakil Kementerian Pelajaran, sama ada di dalam mahupun di luar negara, termasuklah di New Delhi, Bangkok, Tokyo, Manila, Amerika Syarikat, Moscow, Tehran dan lain-lain. Beliau pernah mengikuti kursus khas untuk nazir-nazir

sekolah di England dalam tahun 1957 hingga 1958. Beliau telah diundang menghadiri seminar kerja-kerja sosial dan kebajikan di Amerika Syarikat, England, Netherland, Iraq, dan Indonesia.

Beliau telah memberi sumbangan yang besar terhadap Pergerakan Pandu Puteri di Malaysia dan telah diberi penghormatan oleh Pergerakan Pandu Puteri Sedunia melalui anugerah Merit Tertinggi pada tahun 1948. Beliau ialah penggerak utama dalam penganjuran Muktamar Pertubuhan Perempuan-perempuan Islam yang telah diadakan pada tahun 1975, 1977, 1981 dan 2001 dan telah menjadi Setiausaha Muktamar setiap kali Muktamar tersebut diadakan. Beliau telah mengajukan idea kepada LKPIM, pada tahun 1979, mengenai penubuhan Pergerakan Puteri Islam Malaysia (PPIM) yang bertujuan melahirkan golongan muda yang taat kepada Allah, berilmu, berakhlak mulia dan berbakti kepada masyarakat di samping membentuk satu kumpulan yang mempunyai jati diri tersendiri, progresif dan diterima oleh masyarakat sebagai golongan pelapis pemimpin negara.

Kerja-kerja beliau dalam bidang pendidikan dan kebajikan masyarakat telah dihargai oleh kerajaan dan beliau telah dikurniai bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) pada tahun 1970. Pada tahun 1980, beliau telah dianugerahi bintang Johan Mangku Negara (J.M.N.) oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Pada tahun 1987, beliau telah dikurniai Darjah Panglima Setia Diraja (P.S.D.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Yang membawa gelaran 'Datuk'.

LIM, P.G., DATO'



Nama penuhnya ialah Lim Phaik Gan. Beliau telah dilahirkan di London, England, pada 29 Jun 1918 dan merupakan anak sulung daripada lapan orang adik-beradik. Ayahnya, Lim Cheng Ean, ialah seorang peguam yang mendapat pendidikan di Cambridge, manakala ibunya seorang pelajar perubatan sebelum berkahwin. Beliau telah menuntut di Sekolah Convent, Pulau Pinang, di sekitar tahun 1920-an hingga 1930-an dan kemudian melanjutkan pelajaran ke Girton College, Cambridge, hingga lulus M.A.; beliau seterusnya mendapat Ijazah Barrister-at-Law dari Lincoln's Inn, England. Yang Berbahagia Dato' P.G. Lim juga ialah Fellow di Chartered Institute of Arbitrators, London. Beliau mempunyai dua orang anak.

Dari tahun 1949 hingga 1971, beliau bertugas sebagai peguam cara dan peguam bela dan mempunyai firma guamannya sendiri. Kes pertama yang dikendalikannya membabitkan seorang gerila yang ditangkap ketika zaman darurat di Malaya, Lee Meng. Dato' P.G. Lim telah diminta oleh peguam tertuduh untuk membawa kes tersebut ke Privy Council, mahkamah rayuan tertinggi bagi negara-negara Komanwel.

Beliau sering mengendalikan kes-kes bagi pekerja buruh dan wanita. Beliau pernah menjadi Penasihat Undang-undang Kesatuan Pekerja-pekerja Keretapi Malaya, Kesatuan Pekerja Estet Kebangsaan (NUPW), Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan dan Kesatuan Kastam. Dalam tahun 1964, beliau telah mengendalikan kes mediasi yang pertama antara Kesatuan Pekerja-pekerja Keretapi Malaya dan Persatuan Penanam-penanam Industri Malaysia (Malayan Planters Industrial Employers Association @ MPEIA).

Dato' P.G. Lim telah menyertai politik dengan memasuki Parti Buruh. Beliau pernah bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Selangor kawasan Sentul mewakili Parti Buruh pada tahun 1964. Walau bagaimanapun, dalam pilihan raya tersebut, beliau tewas. Selepas peristiwa 13 Mei 1969, beliau telah dilantik Ahli Majlis Perundangan Negara dan merupakan salah seorang daripada dua orang wanita yang berada dalam Majlis tersebut.

Dato' P.G. Lim telah dilantik sebagai duta oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Abdul Razak, dan merupakan wanita pertama yang dilantik sebagai Duta Malaysia. Beliau menjadi Timbalan Wakil Tetap Malaysia ke PBB dari tahun 1971 hingga 1973 dan dari tahun 1973 hingga 1977, beliau menjadi Duta Kerajaan Malaysia ke Yugoslavia dan Austria. Di samping itu, beliau juga ialah wakil tetap ke United Nations Industrial Development Organisation (UNIDO) dan wakil tetap negara ke International Atomic Energy Agency (IAEA). Beliau juga dilantik sebagai Duta Malaysia ke Belgium dan negara-negara EEC dalam tahun 1977. Selepas sepuluh tahun berkhidmat di luar negara, beliau kembali ke Malaysia pada tahun 1980. Dua tahun kemudian, beliau dilantik Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration @ KLRCA), jawatan yang dipegangnya selama 18 tahun sehingga bulan Februari 2000. Kini beliau ialah Penasihat di firma guaman Raslanloong.

Antara penglibatan beliau dalam bidang sosial, beliau pernah menjadi Timbalan/Pemangku Pengerusi Lembaga Amanah Balai

Seni Lukis Negara sehingga tahun 1971, Ahli Lembaga akhbar *The Star*, Setiausaha Majlis Perundangan Malaysia, ahli dan wakil Cambridge Women's Fencing Club, Ahli Majlis Perundangan Negara dan Ahli Suruhanjaya Diraja mengenai Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian (bagi orang bukan Islam). Beliau juga pernah menjadi Presiden WAO pada tahun 1986, Ahli Lembaga Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) dan Ahli Suruhanjaya Penyiasat yang dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada bulan Disember 1991 bagi menyiasat dan membuat laporan tentang pengurusan 24 buah jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan negeri dan anak-anak syarikat atau syarikat-syarikat yang bersekutu. Beliau juga pernah dilantik Ahli dalam MAPEN I dari tahun 1989 hingga 1991.

Semasa menjadi Setiausaha Majlis Perundangan Malaysia, beliau telah mewakili Malaysia ke Persidangan Undang-undang Komanwel yang diadakan di Sydney, Australia, pada tahun 1965 dan Sri Lanka pada tahun 1966. Beliau juga turut diundang ke Seminar International Commission of Jurists di Papua New Guinea, pada tahun 1965. Selain itu, beliau juga sering dijemput ke persidangan anjuran PBB di New York, Amerika Syarikat.

Beliau telah dianugerahi Red Bag pada tahun 1964 oleh Rt. Hon. Sir Dingle Foot, Q.C., bekas Peguam Cara England, atas jasa-jasanya membantu Sir Dingle menghasilkan Railwaymen's Union of Malaya dalam usaha mendapatkan pengiktirafan sebagai pegawai kerajaan. Beliau juga pernah mendapat Pingat Emas Tun Fatimah daripada NCWO. Beliau telah dikurniai Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N.) oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Hamdan Sheikh Tahir, pada bulan Julai 1997 yang membawa gelaran 'Dato'.

LOH LUDHER, LEE LEE, DR.



Dr. Lee Lee Loh Ludher telah dilahirkan pada 1 September 1954 di Pulau Pinang. Beliau telah berkahwin dengan Dr. Inderjit Singh Ludher dan mereka mempunyai empat orang anak, iaitu Anyssa, Elyssa, Roshani dan Sukhinderjit.

Beliau telah melanjutkan pelajaran ke USM dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sains Sosial. Seterusnya, beliau menyambung pengajian di Henley Management College, Brunel University di United Kingdom, dan lulus dengan ijazah M.B.A. Beliau berjaya mendapat Ijazah Kedoktoran daripada Universiti Malaya dalam bidang Kajian Pembangunan Wanita & Pekerjaan. Beliau pernah berkhidmat sebagai pegawai tadbir dan diplomatik dan menjadi penyelaras program kanan di INTAN. Kini beliau ialah konsultan di Ludher Consultancy Sdn. Bhd.

Kepakaran beliau dalam lapangan pembangunan masyarakat, khususnya dalam pengajian gender, perkembangan wanita, wanita dan pekerjaan serta latihan dan pembangunan sumber manusia telah menjuruskan beliau untuk melibatkan diri dalam pelbagai pertubuhan sukarela sama ada di dalam mahu pun di luar negara. Beliau merupakan salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Sosio-Ekonomi Malaysia (SEDS) dan Ahli

Lembaga Penasihat Antarabangsa Pertubuhan Kajian, Pembangunan dan Pendidikan Cambodia (CORDE), Ahli Lembaga Kurator Badi Foundation, China, dan Ahli Lembaga Penasihat Institut Lanjutan Ketamadunan, Taiwan. Selain itu, beliau aktif dalam aktiviti agama Bahai dan telah dilantik Ahli Continental Board of Counsellors of the Bahai's di Asia. Beliau giat membangunkan masyarakat di negara-negara seperti Cambodia, Laos, Taiwan, China, India dan Bangladesh.

Di samping itu, beliau juga telah menghasilkan beberapa karya. Antaranya, *Traditional Methods of Contraceptives of the Malays – An Exploratory Study* terbitan SEAPRAP (1984), *Malaysian Labour Market: A Woman's Place* terbitan ILO Publication (1996), *Equal Wings – A Manual for Training Men & Woman For Advancement of Women* (1999) dan yang bakal diterbitkan, tesis Ph.D. beliau, *Chinese Women in Industrial Subcontracting in the Garment Industry in Malaysia: Neither Valued nor Costed*.

MADHURI MAJUMDER, DATO' DR.



Yang Berbahagia Dato' Dr. Madhuri telah dilahirkan pada 8 Mac 1933 di Seremban, Negeri Sembilan. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Convent, Seremban, Negeri Sembilan, dan pernah mengikuti latihan ketenteraan di bawah Indian

National Army (INA) dan dilantik korporal. Ketika berusia 16 tahun, beliau telah dihantar ke Hong Kong untuk mengambil pengajian perubatan dan selepas setahun, dihantar ke Calcutta, India, untuk menyambung pengajian perubatan di sana. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perubatan (MBBS) daripada Universiti Calcutta, India, pada tahun 1959, dan seterusnya telah melanjutkan pelajaran dalam bidang dermatologi pada tahun 1966 dan mendapat Diploma dalam bidang tersebut pada tahun 1967. Dato' Dr. Madhuri merupakan satu-satunya wanita yang terlibat dalam bidang dermatologi di Malaysia dari tahun 1968 hingga 1977.

Dato' Dr. Madhuri mula bertugas di Hospital Besar Melaka sebelum melanjutkan pelajaran dalam bidang dermatologi. Selepas itu, beliau telah dihantar bertugas di Hospital Besar Ipoh. Selepas 22 tahun berkhidmat dengan kerajaan, beliau menamatkan perkhidmatan dan menyertai Ipoh Specialist Centre. Beliau telah membuka sebuah klinik, iaitu Majumder Skin Clinic di Ipoh, Perak.

Beliau pernah menjadi Pengerusi Persatuan Perubatan Malaysia cawangan Perak dari tahun 1981 hingga 1982, Presiden Dermatological Society of Malaysia dari tahun 1982 hingga 1984, Presiden Perak Society for the Promotion of Mental Health sejak tahun 1985 dan Fellow Akademi Perubatan Malaysia pada tahun 1998. Beliau ialah ahli dan Pengasas Akademi Perubatan Malaysia, ahli dan Pengasas College of Physicians and Surgeons and General Practitioner dan ahli Malaysia Society of Parasitology.

Selain itu, beliau juga Pengasas Ipoh Fine Arts Society, *Appeal Patron* untuk Salvation Army, Naib Presiden Ipoh Society for Prevention of Cruelty to Animal sejak tahun 1985, Presiden Perak Orchid Society dan Presiden Malaysia Bougainvillea Society. Di samping itu, beliau menjadi ahli bersekutu Singapore Dermatological Society, ahli bersekutu Indian Association of Dermatologists, Venereologists and Leprologists, ahli seumur hidup Persatuan Siswazah India Malaysia dan ahli seumur hidup International Society for Krishna Conciousness.

Beliau menghasilkan beberapa penulisan yang dimuatkan dalam *Australian Medical Journal* dan sering dijemput membentangkan kertas kerja di persidangan-persidangan dermatologi di peringkat kebangsaan dan rantau ASEAN. Beliau pernah membentangkan satu kertas kerja di Paediatric Dermatology Conference di Tokyo, Jepun, pada tahun 1983.

Atas sumbangan dan khidmat yang dicurahkan, Dato' Dr. Madhuri dikurniai Darjah Ahli Mahkota Perak (A.M.P.) pada tahun 1977, Darjah Paduka Mahkota Perak (P.M.P.) pada tahun 1987 dan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.) yang membawa gelaran 'Dato' ' oleh DYMM Sultan Perak. Beliau dianugerahi bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1992.

MAIMON ABDULLAH (ALLAHYARHAM)



Puan Maimon telah dilahirkan pada 4 Disember 1928 di Parit Jawa, Muar, Johor. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tuan Haji Atan Toleh ketika berumur 15 tahun dan mereka telah mendapat sepuluh orang anak, lima lelaki dan lima perempuan.

Mereka ialah Azizah, Ghazi, Dr. Noraidah, Dr. Ghazali, Dr. Zahri, Zahar, Hasni, Dr. Sa'adiyah, Dr. Saadah dan Dr. Rafidah. Walaupun tidak bersekolah dan hanya boleh membaca dan menulis jawi hasil didikan abangnya, beliau telah membesarkan anak-anaknya hingga berjaya. Beliau menerima Anugerah Ibu Mithali keenam pada tahun 1994.

Beliau tidak bersekolah dan belajar membaca rumi selepas berkahwin apabila diajar oleh suami. Beliau khatam Al-Quran sewaktu berumur sepuluh tahun dan mempelajari banyak doa yang dijadikan amalan hariannya. Di samping itu, beliau juga mengikuti kelas-kelas agama yang diadakan di masjid dan surau sejak kecil lagi.

Puan Maimon berkhidmat sebagai suri rumah sepenuh masa dan telah membesarkan anak-anak sehingga mereka berjaya menjejakkan kaki ke menara gading. Anak-anaknya kini berkhidmat sebagai pengetua sekolah, akauntan, arkitek, doktor perubatan, jurutertera awam dan pegawai pergigian. Kehidupan mereka sekeluarga

yang susah tidak pernah menghalang mereka menyekolahkan anak-anak. Pada suatu ketika, beliau terpaksa berpisah sementara dengan suaminya yang mencari kerja di Singapura dan telah mengambil upah sebagai buruh memotong kayu api di Naval Base, Singapura. Sementara itu, Puan Maimon telah belajar menjahit baju kurung Johor dan seterusnya mengambil upah menjahit untuk menambah pendapatan. Beliau seorang yang kuat berdoa dan tegas dalam mendidik anak-anak. Meskipun susah, beliau dan suaminya, kerana minat membaca, akan tetap membeli akhbar setiap hari. Semasa menyambut Hari Raya Aidil Fitri, beliau akan menyediakan sepasang baju baharu untuk setiap orang anak walaupun beliau jarang membeli baju baharu untuk dirinya sendiri.

Selepas menerima Anugerah Ibu Mithali, beliau sering dijemput memberi ceramah keibubapaan di beberapa kawasan FELDA di negeri Johor anjuran Jabatan Agama Islam Johor. Beliau juga dipelawa oleh Yayasan Pendidikan Johor dan Jabatan Pendidikan Johor untuk memberi ceramah keibubapaan di beberapa daerah di negeri Johor. Kali terakhir beliau memberi ceramah ialah pada 20 November 1997 di FELDA Bukit Ester, Kota Tinggi, Johor.

Beliau telah meninggal dunia pada 14 Disember 1997.

MAIMUNAH YUSOF



Nama penuhnya ialah Maimunah Mohamad Yusof, dilahirkan pada 16 November 1948 di Negeri Sembilan. Beliau telah mendapat pendidikan sehingga tingkatan lima di Sekolah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur, dan pernah mendapat latihan kewartawan-

an di Institut Akhbar.

Pembabitan Puan Maimunah dalam bidang kewartawanan bermula apabila dilantik Pemberita *Utusan Malaysia* pada tahun 1968 dan selepas itu, menjadi Penyunting (ruangan wanita) akhbar *Mingguan Malaysia* dan Penyunting (ruangan wanita) akhbar *Utusan Malaysia*. Pada tahun 1980, beliau telah dilantik Penolong Pengarang akhbar *Mingguan Malaysia* dan merupakan Pengarang wanita pertama yang mencatat sejarah di Kumpulan Utusan Melayu apabila dilantik ke jawatan tersebut. Pada tahun 1983, beliau menjadi Penolong Pengarang majalah *WANITA* dan pada tahun berikutnya, beliau telah diangkat sebagai Pengarang majalah tersebut serta merupakan wanita pertama memegang jawatan sebagai Pengarang majalah. Pada tahun 1986, beliau dilantik Pengarang Halaman Wanita Kumpulan Utusan bagi akhbar *Utusan Malaysia*, *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman* dan *Mingguan Malaysia*. Beliau ialah wanita pertama menjadi Pengarang akhbar *Mingguan Malaysia* pada tahun 1997 dan pada tahun 2000, beliau juga ialah wanita pertama menjadi

Ketua Bahagian Majalah kumpulan Utusan. Pada bulan 2003, Puan Maimunah dilantik Ketua Pengarang Majalah dan Ketua Pegawai Operasi Utusan Karya, sebuah anak syarikat terbaharu di bawah Kumpulan Utusan Malaysia.

Sepanjang berkhidmat dengan Kumpulan Utusan Melayu, Puan Maimunah telah menjalankan usaha untuk menyedarkan kaum wanita tentang hak dan tanggungjawab mereka melalui ruangan khas beliau, *Di Celah-celah Kehidupan*. Pada awal 1970-an, pendedahan yang dilakukannya tentang penderitaan nasib kaum wanita yang diceritakan telah menarik perhatian seorang Kadi di Negeri Selangor, Tuan Haji Arshad Masjuri, Kadi Kampung Datuk Keramat. Tuan Haji Arshad telah mengambil inisiatif melantik wanita menjadi Pegawai Penasihat di Pejabat Kadi Kampung Datuk Keramat ketika itu. Langkah beliau ini kemudiannya menjadi ikutan di seluruh negeri Selangor dan Malaysia.

Pada tahun 1992, beliau telah berusaha untuk menukarkan penggunaan perkataan 'janda' kepada 'ibu tunggal' bertujuan untuk memberi perangsang kepada kaum wanita agar berani menghadapi cabaran hidup walaupun sesudah bercerai atau menjadi balu. Perubahan ini telah diterima pakai sehingga kini. Beliau juga telah mengusahakan penubuhan sebuah kelab yang dinamakan Kelab Ibu Tunggal (KIT) dan beliau menjadi Penasihat kelab tersebut. Dengan kelab ini, beliau terlibat dalam menganjurkan pelbagai ceramah dan seminar bagi memperkasa semangat kaum wanita supaya tidak malu menjadi janda dan mereka seharusnya berbangga berjaya membesarkan anak-anak seorang diri.

Dalam bidang fesyen pula, sebagai Pengarang majalah terkemuka, Puan Maimunah telah mempopularkan penggunaan nama khas bagi Kebaya Kurung, iaitu 'kebarung' dan nama ini diguna pakai sehingga kini. Beliau juga bergiat aktif dalam PERTAMA dan pernah menyandang jawatan Ketua II.

Selain itu, beliau ialah Ahli Jawatankuasa DEWANITA (Dewan Perniagaan Melayu Wanita Negeri Sembilan), Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Rasah, Negeri Sembilan, Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga kawasan Parlimen Rasah dan Ahli Jawatankuasa Belia 4B Rasah. Beliau pernah menghasilkan dua buah buku yang menghimpunkan artikel-artikelnya yang berjudul Warna-warna Hidup dan Di Celah-celah Kehidupan.

MANGALAM, MOTHER



Mother Mangalam atau nama sebenarnya Mangalam a/p S. Iyaswamy Iyer, telah dilahirkan di Singapura, pada 17 Mei 1926 dan beliau merupakan anak sulung daripada tujuh orang adik-beradik. Pendidikan awalnya bermula dari Darjah Dua sehingga Junior

Cambridge di Raffles Girls' School, Singapura, dari tahun 1933 hingga 1941. Pada tahun 1947, beliau telah memperoleh Sijil Persekolahan dari Canossian Convent Cambridge School. Dari tahun 1948 hingga 1949, beliau mengikuti latihan perguruan Sekolah Tamil dan seterusnya berkhidmat di beberapa buah sekolah jenis kebangsaan Tamil dengan mengajar bahasa Inggeris dari tahun 1949 hingga 1951. Mulai tahun 1953 hingga 1955, Mother Mangalam mengikuti latihan perguruan biasa bagi sekolah-sekolah Inggeris.

Sejak kecil lagi, beliau bercita-cita menjadi pekerja sukarela dan berkhidmat untuk kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Beliau bercadang untuk mengambil bidang perubatan tetapi gagal dan beliau telah menukar haluan kepada mengajar di kalangan mereka yang susah dan melarat. Keazaman beliau yang utuh telah membolehkan beliau mencetuskan idea kepada Swami Satyananda (pengasas Pure Life Society) bagi menyediakan rumah anak yatim selepas Perang Dunia Kedua. Pada masa itu, beliau baru berusia 19 tahun dan beliau melibatkan diri dalam pengurusan rumah anak-

anak yatim tersebut dan kanak-kanak kurang bernasib baik sejak tahun 1952 hingga sekarang.

Semasa berkhidmat sebagai guru, Mother Mangalam telah membantu Swami Satyananda, Pengasas dan Presiden Pure Life Society ketika itu, dalam meletakkan batu asas bagi persatuan tersebut pada tahun 1949. Bermula dari tahun 1949 hingga 1951, beliau telah terbabit dalam Program Pemulihan yang dilaksanakan selepas penjajahan Jepun. Beliau telah bersara secara pilihan daripada bertugas sebagai Ketua Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Dharma Kebangsaan dalam tahun 1977 untuk menumpukan perhatian kepada Pure Life Society dan kerja-kerja kebajikan.

Apabila Swami Satyananda meninggal dunia pada tahun 1961, cadangan telah dibuat bagi jawatan Presiden Pure Life Society seumur hidup diambil alih oleh Mother Mangalam. Sepanjang beliau menjadi Presiden, beberapa projek telah dilaksanakan, antaranya pembinaan bangunan empat tingkat sebagai Sekolah Menengah Inggeris Persendirian bagi pelajar-pelajar yang tidak dapat bersekolah, di Brickfields, Kuala Lumpur, pada tahun 1965, membeli dua ekar tanah bagi kegiatan rekreasi pada tahun 1968, membina Dewan Rekreasi (HENWILKAN) bagi budak-budak lelaki berumur 12 tahun ke atas pada tahun 1973, mengubah suai bangunan percetakan menjadi sebuah klinik dan wad pengasingan bagi kanak-kanak yang tidak sihat beserta bilik jururawat pada tahun 1985, dan membina sebuah bangunan empat tingkat untuk dijadikan rumah anak-anak yatim pada tahun 1987.

Selain penglibatan Mother Mangalam dalam Pure Life Society, beliau juga Naib Presiden Persatuan Antara Agama Malaysia dari tahun 1957 hingga 1977, ahli seumur hidup Persatuan Kanak-kanak Kurang Upaya Negeri Selangor, ahli seumur hidup Persatuan Kesihatan Mental dan ahli seumur hidup WIM. Beliau juga pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Pendidikan Moral bagi Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia dari tahun 1977 hingga 1983, ahli yang dilantik dalam NACIWID oleh

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dari tahun 1993 hingga 1996, Ahli (yang dilantik) Lembaga Penasihat bagi Program Pertukaran Pembangunan Belia (AIESEC) pada tahun 1998 dan Ahli Lembaga Penasihat Hindu Sangam Malaysia dalam tahun 1998.

Mother Mangalam telah menghasilkan beberapa buah penulisan seperti *History of Kuala Lumpur* dalam bahasa Tamil bagi sekolah-sekolah di Malaysia dan buku himpunan puisi bertajuk *Dew Drops in the Lily Pad*. Beliau juga pernah menjadi Editor *Dharma Quarterly* dari tahun 1962 hingga 1993 dan menjadi Penasihat buletin yang sama pada tahun 2002. Beliau juga telah membentangkan sebanyak 35 buah kertas kerja menyentuh hal-hal keagamaan dan isu-isu sosial di pelbagai perhimpunan, persidangan, forum dan seminar yang dianjurkan oleh pelbagai persatuan, kelab dan institusi.

Sehingga hari ini, beliau telah menerima sebanyak 14 anugerah sebagai penghargaan ke atas jasa-jasa beliau. Penghargaan pertama yang diterimanya ialah Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) daripada DYMM Sultan Selangor pada tahun 1955. Beliau telah menerima Pingat Emas Tun Fatimah daripada NCWO pada tahun 1977. Empat tahun kemudian, beliau telah mendapat penghargaan 'Guru dalam Kenangan' bagi perkhidmatannya dalam bidang pendidikan sempena sambutan Hari Guru. Pada tahun 1984, beliau mendapat Anugerah Pekerja Sukarela bagi tahun tersebut untuk Wilayah Persekutuan/Selangor daripada Kelab Rotary, Damansara. Beliau juga telah mendapat Anugerah Wanita Cemerlang Avon-Tan Sri Fatimah yang dianjurkan bersama oleh AVON dan NCWO pada tahun 1989. Usaha dan keprihatinan beliau terhadap keseimbangan jasmani dan rohani kanak-kanak, terutamanya anak-anak yatim, kanak-kanak terbiar dan terdera telah membolehkan beliau mendapat Culture Care Sacred Souls Award daripada *Culture Care Project*, New York, pada tahun 1994. Pada tahun yang sama, Mother Mangalam telah memperoleh Meritorious Award daripada World Federation of Tamils (cawangan Malaysia). Pada tahun 1996, MIC telah

mengurniakan Pingat Emas MIC kepada beliau bagi kerja-kerja terhadap anak-anak yatim dan kanak-kanak yang tidak bernasib baik di Malaysia. Pada tahun 2001, beliau telah dianugerahi Selendang Emas dalam Tamilar Thirunaal atau Pesta Tamil di Ipoh, Perak, atas usahanya yang tidak mengenal penat lelah kepada masyarakat, dan beliau telah diberikan gelaran 'Ibu Tahun 2001' oleh Kuil Sri Thendayuthapani, Perancang Keluarga, Johor Bahru. Pada tahun 2002, beliau telah mendapat sehelai selendang, sebuah pingat emas dan cenderamata sebagai tanda penghargaan atas usaha-usaha beliau dalam bidang kebajikan daripada Persatuan Bharathidasan Malaysia serta bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) daripada Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong.

MARINA MAHATHIR, DATIN PADUKA



Yang Berbahagia Datin Paduka Marina merupakan anak sulung kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang keempat, dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali. Beliau dilahirkan pada 9 Jun 1957 di Alor Setar, Kedah. Beliau

telah berkahwin dengan Encik Tara Sosrowardoyo dan mereka mempunyai tiga orang anak, iaitu Ineza Melanie, Haga Tara dan Shaista Mayada.

Datin Paduka Marina mempunyai kelulusan dalam perhubungan antarabangsa dari University of Sussex, Brighton, pada tahun 1979. Beliau mula bertugas sebagai penulis dan wartawan bagi majalah *Her World* dari tahun 1980 hingga 1984. Sejak tahun 1990, beliau menulis untuk ruangan *Musings* dalam akhbar *The Star*. Sebuah buku yang menghimpunkan tulisannya dalam ruangan ini telah diterbitkan pada tahun 1997 berjudul *In Liberal Doses*.

Beliau ialah pengasas dan pengarah Mosaique Communications Sdn. Bhd. yang menerbitkan buku-buku *coffee table* mengenai Malaysia dan beberapa negara ASEAN lain serta mengadakan pameran fotografi. Contohnya, *Eyes in ASEAN* dan *Vision: A Multicultural Exploration of Malaysia and Australia*.

Pada tahun 1993, beliau dilantik Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan AIDS Malaysia, manakala pada tahun 1994, beliau menjadi Presiden Majlis AIDS Malaysia yang merupakan sebuah organisasi yang memayungi 37 badan bukan kerajaan yang terlibat dengan isu-isu HIV/AIDS di Malaysia. Pada tahun 1996, beliau telah berucap mewakili Asia dan Pasifik di Perhimpunan Agung Hari AIDS Sedunia PBB. Pada tahun 1999, beliau mempengerusikan Kongres AIDS Antarabangsa di Asia dan Pasifik yang kelima dan pada tahun 2001, beliau telah mewakili badan bukan kerajaan Malaysia ke Sesi Khas Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu mengenai HIV/AIDS.

Dari tahun 1997 hingga 2000, beliau menjadi wakil badan bukan kerajaan Asia/Pasifik bagi Programme Coordinating Board of the Joint UN Programme on AIDS (UNAIDS). Beliau juga menyertai beberapa kumpulan pakar PBB mengenai hal ehwal berkaitan AIDS. Selain itu, beliau ialah Naib Presiden AIDS Society of Asia and the Pacific (ASAP) dan ahli WAO. Sejak tahun 2000, beliau menjadi Penerbit Eksekutif rancangan televisyen *3R: Respek, Relaks dan Respon* untuk wanita muda. Beliau dilantik Ahli Lembaga ARROW pada tahun 2002. Beliau juga Ahli Majlis Penasihat Wanita Negara yang dahulunya dikenali sebagai NACIWID.

Sumbangannya telah mendapat pengiktirafan apabila beliau dikurniai Anugerah Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah-Avon bagi bidang kebajikan pada tahun 1995. Beliau dikurniai bintang Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) oleh DYMM Sultan Selangor yang membawa gelaran 'Datin Paduka'. Dalam tahun yang sama beliau telah menerima Ijazah Sarjana Kehormat (Sastera) daripada USM. Dalam tahun 2002, beliau telah memperoleh biasiswa Fullbright bagi menjalankan sebuah projek bertajuk *Communication and Social Issues: How We Can Empower Young Malaysian Women* di University of Southern California, Amerika Syarikat.

MARINA YUSOFF



Puan Marina telah dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan, pada 7 Disember 1941. Beliau telah berkahwin dan mempunyai lima orang anak, iaitu Ida Nerina, Nasruddin, Razak Al-Malique, Selina dan Kazman.

Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Merbau dan Sekolah Zainab, Kota Bharu, dari tahun 1949 hingga 1958. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran di Victoria Institution, Kuala Lumpur, sehingga mendapat HSC pada tahun 1960. Pada tahun 1962, beliau telah melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di Middle Temple, Inns of Court, London, dan lulus sebagai Barrister-at-Law pada tahun 1964. Antara tahun 1973 hingga 1994, beliau telah menghadiri beberapa kursus pentadbiran dan perniagaan. Pada tahun 1994, beliau mendapat Diploma in Islamic Studies daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Puan Marina pernah mengajar di Sekolah Menengah Sultan Ibrahim, Pasir Mas, pada tahun 1961. Mulai tahun 1965, beliau berkhidmat dengan kerajaan dan bertugas sebagai Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Majistret di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur. Beliau merupakan wanita Melayu pertama memegang jawatan tersebut ketika itu. Kemudian beliau menjadi peguam cara di Jabatan Pemegang Amanah Raya Kuala Lumpur, Presiden Mahkamah Sesyen di Butterworth, Pulau

Pinang, serta Penasihat Undang-undang dan Pengurus Personel Bank Bumiputra Malaysia Berhad.

Pada tahun 1973, beliau telah menubuhkan firma guamannya sendiri, Marina Yusoff & Co., dan merupakan wanita Melayu pertama membuka firma guaman sendiri di Malaysia. Beliau mula berkecimpung dalam bidang hartanah dan juga telah menjalankan projek perumahan di bawah syarikatnya, Marina Sdn. Bhd. yang telah ditubuhkan pada tahun 1980. Syarikatnya telah berjaya melaksanakan beberapa projek perumahan dan rumah kedai di Kelantan, Pahang dan Perak. Pada tahun 1982, beliau telah menubuhkan Syarikat Pekeliling Triangle Sdn. Bhd. dan pada tahun 1995, beliau telah memulakan rancangan membina sebuah bangunan setinggi 40 tingkat yang diberi nama 'Marinara' di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Di samping itu, beliau pernah dilantik Ahli Lembaga pengarah bagi beberapa buah syarikat, iaitu KUB, Talasco Insurance dan Idris Hydraulic.

Semasa berkhidmat dengan Bank Bumiputra, Puan Marina telah dipelawa menyertai UMNO oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak. Di situlah bermulanya penglibatannya dalam politik dan beliau telah dilantik exco dalam Kaum Ibu. Pada tahun 1972, beliau telah dipilih sebagai Naib Ketua Kaum Ibu UMNO dan dilantik Ahli Majlis Tertinggi UMNO. Pada tahun 1973, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Petaling Jaya Selatan. Beliau dilantik Ahli Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1981, 1984 dan 1987. Selepas pengharaman UMNO, beliau telah keluar dari UMNO dan menyertai Parti Semangat 46 dan dilantik Naib Presiden sehingga tahun 1990. Pada tahun 1992, beliau telah menyertai UMNO Baru. Selepas peristiwa pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim, beliau telah menyertai Parti Keadilan Nasional. Walau bagaimanapun, beliau mengundurkan diri dari bidang politik pada akhir tahun 1999.

Selain itu, Puan Marina telah menjadi Ahli Jawatankuasa Bar Council dari tahun 1973 hingga 1974, ahli Persatuan Kanak-kanak Cacat dan Penasihat Persatuan Belia Bandaraya. Di samping itu,

beliau ialah Pemegang Amanah Yayasan Aminudin Baki. Pada tahun 1984, beliau dilantik Ahli Majlis Universiti Malaya selama dua penggal dan Pengerusi Hospital Universiti. Semasa menjadi Pengerusi Hospital Universiti, beliau berjaya menubuhkan Pusat Pemindahan Sum Sum Tulang melalui sumbangan orang ramai. Beliau pernah menerajui Yayasan Salam sebagai penaja dan menjadi Timbalan Pengerusi selama tiga tahun. Beliau juga melakukan beberapa kerja kebajikan melalui Yayasan Selina, terutamanya dalam aspek menggalakkan pembacaan dan pemahaman Al-Quran serta pelaksanaannya.

Beliau pernah diundang ke beberapa persidangan di dalam dan luar negara. Antaranya Quaker International Seminar of South East Asia di Bangkok, dari 25 November hingga 1 Disember 1973, Trade Union Seminar di Pulau Pinang, dari 11 Disember hingga 16 Disember 1973 dan Seminar Women in Development di Mexico City, pada Jun 1975.

Puan Marina pernah menyumbang beberapa artikel dalam majalah-majalah dan akhbar-akhbar. Antaranya, *Women Workers in A Man's World*, *Peranan Wanita Dalam Memperkukuhkan Kedudukan Parti*, *Women's Role in the Malaysian Society and their Contributions Towards the National Progress* dan *Marriage and Divorce*. Beliau telah menghasilkan dua buah buku, iaitu *Time for Change* (sebuah buku politik) dan *Search for Peace, Truth and Reality* (sebuah buku tentang pengamalan agama di Malaysia).

MAVIS MASRI AZMAN, DATIN



Yang Berbahagia Datin Mavis telah dilahirkan pada 24 Januari 1953 di Pulau Pinang. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Dato' Azman Shah Dato' Seri Harun dan telah dikurniakan empat cahaya mata: Mastura Maria, Hamzah Alang, Nina Karina

dan Ashaari Imran.

Beliau telah mengikuti pengajian dalam bidang pengurusan hotel di Holiday Inn University, Memphis, Amerika Syarikat, pada tahun 1976. Pada tahun 1982, beliau mengikuti Kursus Musim Panas dalam bidang pembangunan dan reka bentuk hotel di Cornell University, Amerika Syarikat.

Dari tahun 1986 hingga 1991, beliau bertanggungjawab sebagai Pengarah Pemasaran Kumpulan, Central Holdings Management Services, yang menguruskan hotel-hotel Holiday Inn Kuala Lumpur, Shah Alam dan Holiday Villa Cherating. Semenjak tahun 1993 hingga sekarang, beliau ialah Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Holiday Villa Malaysia International. Beliau juga ialah Ahli Lembaga Pengarah Advance Synergy Berhad, sebuah syarikat terkenal yang disenaraikan di Bursa Saham Malaysia.

Kepakaran Datin Mavis dalam bidang pemasaran dan operasi serta reka bentuk hotel dan pusat peranginan membolehkan beliau

menganjurkan, dengan jayanya, promosi-promosi makanan dan kebudayaan Malaysia ke luar negara melalui penubuhan Restoran Malaysia, Lagenda Malaysian & Chinese Restaurant di semua rangkaian hotel Holiday Villa Malaysia International. Di samping itu, Datin Mavis berjaya mencipta satu program kualiti yang unik dan praktikal untuk rangkaian Holiday Villa Malaysia International bernama M.A.N.J.A. Amalan program kualiti tersebut telah berjaya meningkatkan mutu perkhidmatan rangkaian hotel tersebut. Sejak tahun 1998, beliau telah bertanggungjawab dalam penerbitan majalah korporat Holiday Villa Malaysia International bertajuk *MANJA* untuk pelanggan-pelanggan Holiday Villa dan *MANJA TALK* untuk kakitangannya.

Di bawah kepimpinan cemerlang beliau, Datin Mavis telah menggondol beberapa anugerah, antaranya anugerah Pegawai Pemasaran Terbaik Tahunan untuk Holiday Inn Hotels Asia Pacific pada tahun 1985, Anugerah Kecemerlangan Industri 1997 anjuran Kementerian Perusahaan dan Perdagangan Malaysia dan Anugerah Khas bagi pengurusan kualiti hasil keberkesanan program kualiti *MANJA*.

Selain anugerah pengurusan kualiti, Datin Mavis juga mengambil berat tentang keindahan alam sekitar. Beliau telah memperkenalkan pelbagai program yang meningkatkan lagi keindahan lanskap di hotel-hotel peranginan Holiday Villa di Malaysia mahupun antarabangsa. Usaha gigih beliau telah membuahkan hasil apabila sering berjaya mendapat anugerah prestij dan sijil-sijil kecemerlangan daripada pihak penganjur dalam pertandingan lanskap di peringkat negeri.

Selain itu, beliau turut terlibat dalam kegiatan amal. Beliau telah menganjurkan program derma bagi rangkaian Holiday Villa bagi Pelarian Bosnia, Pelarian Afghan, Yayasan Kebajikan Anak-anak Yatim Malaysia (YATIM) dan program-program amal yang lain.

MAZLAN OTHMAN, PROFESOR DATUK DR.



Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Mazlan telah dilahirkan pada 11 Disember 1951 di Seremban, Negeri Sembilan. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Prof. Dr. Ibrahim Komoo dan mereka mempunyai dua orang anak, iaitu Adi

Johan Salehuddin dan Elida Izani.

Pendidikan awal beliau bermula di Kolej Tunku Kurshiah sehingga tamat pada tahun 1963. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran ke University of Otago, New Zealand, dalam bidang astrofizik. Beliau mula berkhidmat di UKM sebagai tutor pada tahun 1975. Beliau dinaikkan pangkat sebagai pensyarah selepas mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang astrofizik daripada University of Otago pada tahun 1981, dan merupakan wanita pertama yang membuat pengkhususan dalam bidang astrofizik.

Prof. Datuk Dr. Mazlan telah dihantar ke Jabatan Perdana Menteri bagi mengetuai Bahagian Planetarium pada tahun 1990. Bahagian ini, pada tahun 1993, menjadi Bahagian Kajian Sains Angkasa yang bertanggungjawab mengembangkan isu-isu strategi angkasa negara. Beliau bertugas sebagai Ketua Pengarah di Bahagian Kajian Sains Angkasa, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dari tahun 1992 hingga Oktober 1999. Beliau telah dilantik Profesor

Astrofizik oleh UKM pada tahun 1994. Kemudian beliau menjadi Pengarah Hal Ehwal Angkasa Lepas PBB di Vienna, Austria dari Oktober 1999 hingga Jun 2002 dan merupakan wanita kedua di dunia yang dilantik ke jawatan tersebut. Mulai 1 Julai 2002, beliau dilantik Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Selain itu, Prof. Datuk Dr. Mazlan menjadi ahli beberapa persatuan akademik dan profesional. Beliau ialah Fellow Akademi Sains Malaysia, Fellow Institut Fizik Malaysia, Fellow Persatuan Sainifik Malaysia, Fellow Royal Astronomical Society London dan Fellow Akademi Astronautik Antarabangsa. Beliau juga ahli Persatuan Astronomi Antarabangsa. Beliau sekarang memegang jawatan Setiausaha Agung Akademi Sains Malaysia.

Sebagai pensyarah astrofizik di UKM, Prof. Datuk Dr. Mazlan menumpukan perhatian kepada aspek membentuk subjek-subjek pengajian dan latihan bagi pelajar-pelajar ijazah sarjana muda dan pelajar ijazah. Kegiatan-kegiatan yang dirangka untuk menimbulkan kesedaran umum tentang astronomi dan angkasa telah dijalankan oleh beliau dan hasilnya sains angkasa telah dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah kebangsaan pada tahun 1990.

Semasa Prof. Datuk Dr. Mazlan berkhidmat sebagai Ketua Pengarah di Bahagian Kajian Sains Angkasa di Jabatan Perdana Menteri, beliau menerajui Program Mikrosatelit Negara. Mikrosatelit ini telah siap dibina pada Oktober 1997 dan telah dilancarkan pada tahun 2000 dan diberi nama Tiung-SAT 1. Beliau juga ialah tulang belakang penubuhan Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd (ATSB), syarikat milik kerajaan yang mendepani pembangunan teknologi angkasa di negara ini selepas pelancaran Tiung-SAT 1 dan kini sedang membina satelit RazakSAT yang akan dilancarkan pada tahun 2005.

Sehingga pelantikan beliau ke PBB pada tahun 1999, beliau sering memberi syarahan dan memantau pelajar-pelajar ijazah di UKM. Beliau juga mengetuai projek penyelidikan kebangsaan untuk

mengesan pusat gerakan graviti di UTM. Beliau sering dijemput membentangkan kertas kerja di serata dunia berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan astrofizik, teknologi satelit dan kertas dasar berkenaan angkasa.

Beliau juga ahli Scientific Organising Committee (SOC) of International School in Astrophysics on Quantum Fluctuations and Cosmological Structures, Morocco (1994-1995), ahli Sidang Editor *International Space Forum* sejak tahun 1995, ahli SOC Colloquium Future Trends in Teaching Astronomy, London, (1995-1996), ahli SOC IAU Joint Discussion on Enhancing Research and Education in Developing Countries, Tokyo, (1996-1997), ahli IAU Commission 38 on Exchange of Astronomers (1997-1999) dan ahli Sidang Editor *Space Policy* sejak tahun 1998.

Prof. Datuk Dr. Mazlan telah menghasilkan banyak penulisan yang telah diterbitkan dan kertas kerja yang dibentangkan sama ada di dalam atau luar negara. Antara kertas-kertas kerja tersebut ialah *Malaysia: Its future in space* di Symposium on International Cooperation in Space: Role of the Public and Private Sectors di Singapura, pada 13 hingga 15 September 1995, *Least Median of Squares: An Effective Tool for Air Pollution Problems* (bersama Aiman Soleiman dan Mokhtar Abdullah) di 8th Conference on Environmental Metrics di Innsbruck, pada 4 hingga 8 Ogos 1997, *TiungSat-1: Malaysia's Microsatellite Programme* di 48th International Astronautical Congress di Turin, Itali, pada 6 hingga 10 Oktober 1997, *Near Equatorial Orbit (NeqO) Satellite Constellation for Remote Sensing and Digital Communication* (bersama Ahmad Sabirin Arshad) di Conference on Small Satellite Systems and Services di La Baulle, Perancis, pada 19 hingga 23 Jun 2000 dan *A High Resolution Imaging System for Small Satellites* (bersama Abd Rasheed, A.A., Arshad, A.S., dan Ee-Eul Kim) di Second Symposium on Microsatellite Applications for Asia and the Pacific di Beijing, China, pada 7 hingga 9 Mei 2000.

Antara makalah-makalah yang telah diterbitkan dalam jurnal ialah *Malaysia's Advanced Materials Aboard SUNSAT* (bersama R.

Abd. Shukor, Ahmad Zaharim Abd Aziz dan Mohamad Deraman) dalam *SEMESTA*, Julai-Disember 1999, p.12-13, *Malaysia in Space – A Raison d'etre* dalam *Jurnal Fizik Malaysia* (1998), Vol.19, No.3, p.18-25 dan *Penentuan Pekali Transformasi B dan V di Kawasan Bandaraya* dalam *Sains Malaysiana* (1996), 25, p.17-25.

Penulisan-penulisannya yang telah diterbitkan ialah *Teaching Aids in Physics Education* (bersama Andrew Sowell, Khalijah Salleh dan Sharifah Barlian Aidid) terbitan UNESCO (1984), *Astronomi Sezaman* terbitan Fajar Bakti (1987), *Tropical Urban Ecosystems Studies Vol. 5* (bersama Abdul Samad Hadi dan Khatijah Hussin) terbitan UNESCO (1988) dan *The Power of Water – A Malaysian Odyssey* (bersama Ibrahim Komoo) terbitan BAKSA (1997).

Prof. Datuk Dr. Mazlan telah menerima beberapa anugerah sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun di peringkat antarabangsa. Antara tahun 1986 hingga 1987, beliau dilantik Fellow oleh Japan Society for the Promotion of Science. Dari tahun 1988 hingga 1993, beliau menjadi Associate Fellow di International Centre for Theoretical Physics di Trieste, Itali. Beliau dianugerahi pingat Khidmat Cemerlang oleh Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1994. Beliau mendapat Anugerah Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah-Avon dalam bidang pendidikan pada tahun 1996. Universiti Otago telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Kedoktoran Sains pada tahun 1997. Dalam tahun yang sama, beliau telah dikurniائي bintang Panglima Jasa Negara (P.J.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang membawa gelaran 'Datuk'. Pada tahun berikutnya, beliau mendapat Anugerah Tokoh Emas semasa sambutan Jubli Emas Persatuan Murid-murid Tua Maktab Perempuan Melayu/ Kolej Tunku Kurshiah. Pada Julai 2003 beliau dianugerahi Tokoh Saintis Khas oleh Centre for Intellectual Promotion and Technological Advancement (CIPTA).

MAZNAH ABDUL HAMID, DATUK



Yang Berbahagia Datuk Maznah telah dilahirkan pada 18 April 1955 di Ayer Hitam, Jerlun, Kedah. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tuan Haji Shaheen Mirza Habib dan mereka dikurniai lima orang anak, iaitu Nur Sharmila, Shahril Reza, Nurul

Shameem, Mohamad Shafiq Azim dan Mazreen Shanim.

Datuk Maznah ialah Pengerusi Eksekutif Kumpulan Securiforce. Beliau telah membawa Securiforce yang tidak dikenali langsung 20 tahun dahulu menjadi sebuah syarikat kawalan keselamatan bumi-putera yang terbesar di Malaysia dan berjaya menyaingi lebih 200 buah syarikat lain seumpamanya. Beliau kini mengepalai lebih daripada 35 buah cawangan, lebih daripada 4000 orang anggota dan dikelilingi dengan ratusan senjata api dan puluhan van kalis peluru. Hasil daripada kegigihan dan kepintaran beliau menerajui syarikatnya, kini Securiforce mempunyai beberapa buah anak syarikat yang sedang berkembang maju. Beliau juga ialah Pengerusi Eksekutif Danau Lumayan, sebuah syarikat hartanah yang sedang berkembang maju. Yang menarik mengenai kisah kejayaan Datuk Maznah ialah kesemua anak syarikatnya ditubuhkan dan berkembang maju tanpa bantuan bank. Prinsip kejayaan beliau ialah 'modal perniagaan yang sebenarnya ialah dirinya sendiri'.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Ayer Hitam, Jerlun, Kedah, dan kemudian mendalami bidang Linguistik di Pusat Bahasa Moden, CML. Beliau kemudiannya memperoleh Diploma Administration Business Executive (ABE) dan mengambil kursus-kursus pengajian jangka panjang yang berterusan seperti Personal and Personnel Management, Money & You, Creating Wealth – Money Mastery, Money-Making System, Course in Optimum & Optimum Health di San Diego, California, Amerika Syarikat, dan Excellerated Instructors' Training & Corporate Education di Hawaii, Amerika Syarikat. Kini beliau menjadi Penasihat dan juga Jurulatih di Business School, Hawaii dan di seminar-seminar dan di pusat-pusat pengajian tinggi. Beliau yang memegang prinsip *self-taught*, *self-starter* dan *selfbuilder* berpendapat bahawa 'ilmu itu ialah kuasa' dan merupakan proses sepanjang hayat. Kini beliau masih lagi meneruskan pelajarannya melalui interaktif, program jarak jauh serta kursus-kursus lain.

Selain menerajui Securiforce, Datuk Maznah juga memegang beberapa jawatan di dalam badan korporat, antaranya beliau telah dilantik Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dari tahun 1992 hingga 2002, Ahli Lembaga Pengarah Golden Hope Plantations Berhad sejak tahun 1995, Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji dari Februari 1997 hingga Februari 2001, Pengerusi Tabung Haji Travel Industries Sdn. Bhd. dari Disember 1997 hingga Disember 1998, Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultanah Bahiyah Negeri Kedah sejak tahun 1997 dan Presiden Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera Wilayah Utara (USAHAWATI) dari Julai 1999 hingga sekarang.

Di samping itu, beliau pernah menjadi Ahli Majlis Universiti Malaya dari tahun 1990 hingga 1996, Fellow Adjung, Sekolah Pembangunan Sosial, UUM sejak tahun 1997, Ahli Lembaga Pengarah UUM sejak bulan Mac 1998 dan Ahli Jawatankuasa Audit UUM sejak bulan Julai 1998. Beliau juga dilantik Ahli Majlis Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Ahli Majlis

Pelan Tindakan Pembangunan Ummah, Jabatan Perdana Menteri. Di peringkat antarabangsa, Datuk Maznah pernah dilantik Naib Presiden Les Femmes Chefs d'Enterprise Mondiales (FCEM) @ Per-satuan Usahawan Wanita Sedunia, dan Ahli Lembaga Pengarah serta Instruktur Pelawat Excellerated Bussiness School, Hawaii, Amerika Syarikat.

Dalam bidang politik, Datuk Maznah ialah Ketua Wanita UMNO Cawangan Ayer Hitam dari tahun 1998 hingga 2001 dan Ketua Wanita Bahagian Jerlun sejak tahun 1998. Di peringkat negeri, beliau dilantik Bendahari Pergerakan Wanita UMNO Negeri Kedah sejak tahun 1996, Pengerusi Biro Pembangunan Ekonomi dan Usahawan Pergerakan Wanita UMNO Negeri Kedah dan Pengerusi Biro Pembangunan Tenaga Wanita Pergerakan Wanita UMNO Negeri Kedah. Di peringkat kebangsaan, beliau menjadi Exco Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dan Pengerusi Biro Pembangunan Tenaga Wanita sejak tahun 2002. Beliau telah dianugerahi gelaran Usahawan Cemerlang pada tahun 1990 dan sejak itu beliau telah dijemput mengelolakan rancangan Nona di TV3 selama satu tahun.

Beliau sering dijemput memberi ceramah melalui siaran radio dan televisyen seperti rancangan mingguan Radio Kuala Lumpur, rancangan mingguan Radio Satu dan Radio Kedah, rancangan *Selamat Pagi Malaysia* dan *Malaysia Hari Ini* diikuti dengan klinik keusahawanan di seluruh Malaysia. Beliau dilantik Residen Speaker untuk RTM dan Sistem Televisyen Malaysia (TV3). Disebabkan minatnya yang tinggi dalam bidang pembangunan insan, beliau telah menubuhkan Maznah Motivational Centre (MMC) yang mengelo-lakan seminar-seminar keusahawanan dan pembangunan insan. Selain itu, beliau telah menghasilkan dua buah buku bertajuk *Motivasi Memburu Kejayaan* pada tahun 1994 dan *Motivasi Memburu Kejayaan 3K (Kejayaan, Kebahagiaan, Kekayaan)* pada tahun 2002.

Atas sumbangannya, Datuk Maznah telah menerima Anugerah Graduan Cemerlang dan Daya Kepimpinan Diri dari Personal Development Leadership Centre, Anugerah Usahawan Cemerlang

dari Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPMM), Anugerah Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah Hashim-Avon, Anugerah Wanita Kehormat dari Universiti Putra Malaysia dan Anugerah Entrepreneur Appreciation daripada Personal Development Leadership Centre.

Datuk Maznah juga telah dikurniai pingat Ahli Mahkota Kedah (A.M.K.) pada tahun 1991 dan bintang Dato' Setia Diraja Kedah (D.S.D.K.) pada tahun 2001 oleh DYMM Sultan Kedah yang membawa gelaran 'Dato' '. Beliau memperoleh bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada tahun 1993 dan bintang Panglima Jasa Negara (P.J.N.) pada tahun 1996 yang membawa gelaran 'Datuk' daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

MAZNAH ABDUL JALIL, DATO'



Yang Berbahagia Dato' Maznah berasal dari Melaka dan dilahirkan pada 11 Mei 1953. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tuan Sheikh Abd. Aziz Sheikh Abod, seorang jurutera di Petronas. Mereka mempunyai dua orang anak, iaitu Sheikh Mohd

Hafeez dan Siti Sarah.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Assunta, Petaling Jaya, dan seterusnya menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Lelaki Bukit Bintang, Petaling Jaya, dan lulus dengan cemerlang dalam SPM. Pada tahun 1977, beliau ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke Northern Illinois University, Amerika Syarikat, dan telah berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dan seterusnya menyambung pengajian ke peringkat Sarjana dalam bidang Perniagaan (Kewangan) di Central Michigan University, Amerika Syarikat, pada tahun 1979.

Sebelum menyertai Syarikat Kumpulan DRB-HICOM, beliau pernah bekerja di sebuah bank tempatan dari tahun 1979 hingga 1992. Dato' Maznah telah menyertai Master-Carriage (Malaysia) Sdn. Bhd. pada tahun 1992 sebagai Pengarah Hal Ehwal Korporat. Pada tahun 1997, beliau telah dilantik Naib Presiden HICOM

Holdings Berhad dan Pengarah Eksekutif, DRB HICOM Berhad pada tahun 1998.

Kini beliau memegang jawatan Pengerusi UniAsia Life Assurance Berhad, Pengarah Edaran Otomobil Nasional Berhad, Pengarah EON Bank Berhad, Pengarah Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad, Pengarah Malaysian International Merchant Bankers Berhad, Pengarah Gadek Capital Berhad, Pengarah UniAsia General Insurance Berhad, Pengarah UniAsia Capital Berhad dan beberapa syarikat persendirian di bawah Kumpulan DRB-HICOM. Di samping itu, beliau juga Ahli Lembaga Pengarah UiTM.

Selain itu, beliau juga aktif dalam aktiviti-aktiviti kebajikan. Dato' Maznah ialah salah seorang Pemegang Amanah Majlis AIDS Malaysia serta Bendahari dan ahli Persatuan PENIAGAWATI.

Beliau telah dianugerahi Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) oleh DYMM Sultan Pahang yang membawa gelaran 'Dato' ' pada bulan Oktober 1997 sebagai pengiktirafan atas jasa-jasa beliau.

MAZNAH MAZLAN, DATO'



Yang Berhormat Dato' Maznah telah dilahirkan pada 10 November 1950 di Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Ahmad Razif Abdul Rahman dan mereka mempunyai tiga orang anak lelaki, iaitu

Ahmad Radzwill, Ahmad Rafiil dan Ahmad Rusydan. Pada tahun 1974, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang sosiologi dan antropologi daripada Universiti Malaya.

Sebelum menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang, beliau pernah berkhidmat di Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) selama 18 tahun, dari tahun 1974 hingga 1993. Semasa bertugas di DARA, beliau pernah dipinjamkan ke sebuah anak syarikat DARA, iaitu Ornamental Minerals Sdn. Bhd. sebagai Pengarah Urusan. Pada tahun 1985 hingga 1990, beliau telah dipinjamkan ke Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sebagai Setiausaha Bahagian Pembangunan Sosial dan Institusi. Selepas itu, dari tahun 1993 hingga 1995, beliau menjadi Pengarah Sumber Manusia Automotive Manufactures Sdn. Bhd.

Sejak tahun 1995, beliau ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Muadzam Shah. Sejak tahun 2000 beliau menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Pahang dan memegang portfolio Pengerusi

Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Pahang dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Multimedia Negeri Pahang.

Pembabitan Dato' Maznah dalam bidang politik bermula pada tahun 1974 dengan menjadi ahli UMNO cawangan Tanjung Api, Kuantan, sehingga menjadi ketua cawangan pada tahun 1975 hingga 1985. Selepas itu, beliau terlibat dengan cawangan UMNO Muadzam Shah hingga tahun 1993. Dari tahun 1995 hingga 1998, beliau ialah Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Rompin. Dalam masa yang sama, beliau juga menjadi Ketua Perhubungan Wanita UMNO Negeri Pahang. Sejak tahun 1998, beliau dilantik Exco Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dan memegang jawatan Pengerusi Biro Pendidikan.

Beliau memegang pelbagai jawatan di peringkat negeri Pahang. Dari tahun 1995 hingga 1999, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Pembangunan Masyarakat, Kesihatan dan Sumber Manusia Negeri Pahang. Pada tahun 1998 hingga sekarang, beliau ialah Pengerusi Jawatankuasa HAWA negeri Pahang. Beliau telah memegang jawatan Timbalan Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Negeri Pahang selama dua tahun, dari tahun 2000 hingga 2002. Sejak tahun 2000 hingga kini, beliau ialah Ahli Lembaga Pengarah LKPP Padi Bhd. Rompin, Ahli Jawatankuasa Pembangunan Daerah Rompin, Pengerusi Lembaga Pembangunan Tioman, Pengerusi Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga peringkat kebangsaan.

Dalam bidang sosial dan kemasyarakatan beliau ialah wakil Commonwealth Women Parliamentarian Association Standby Representative for South East Asia pada tahun 1997 dan Naib Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia dari tahun 1994 hingga 2000. Kini beliau ialah Naib Pengerusi II Gerakan 4B Pahang, Pengerusi Perkumpulan Perempuan Wilayah Pahang Tenggara dan Ahli Jawatankuasa di peringkat negeri. Dalam bidang kebajikan, beliau ialah Pengasas dan Penaung tiga Pusat Kanak-kanak Istimewa (Pusat Dalam Komuniti)

di Muadzam Shah, Keratong 8 dan Bandar Tun Abdul Razak. Beliau juga telah mengasaskan dan menjadi Penaung Rumah Anak-anak Yatim dan Daif di Muadzam Shah. Beliau tidak ketinggalan terlibat dalam bidang sukan, dan memegang jawatan Naib Pengerusi Persatuan Bola Jaring Negeri Pahang dan Penaung Persatuan Silat Negeri Pahang.

Dato' Maznah telah dikurniai Pingat Khidmat Terpuji (P.K.T.) dan bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.). Pada tahun 2001, beliau telah dianugerahi Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) oleh DYMM Sultan Pahang yang membawa gelaran 'Dato' '.

MOHAIYANI SHAMSUDDIN DATUK



Yang Berbahagia Datuk Mohaiyani merupakan pengasas Mohaiyani Securities Sdn. Bhd. dan telah menerajunya sebagai Pengarah Urusan semenjak tahun 1985. Selain itu, beliau kini ialah Timbalan Pengerusi BSKL, Ahli Jawatankuasa Persatuan Syarikat-syarikat Broker Saham Malaysia (ASCM), Ahli Majlis Penasihat Wanita Negara yang dahulunya dikenali sebagai NACIWID, Ahli Jawatankuasa Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) dan Bendahari Kehormat NCWO.

Datuk Mohaiyani dilahirkan pada 1 Ogos 1948 di Sungai Bakap, Pulau Pinang. Beliau telah berumah tangga dengan Encik Abdul Ghani Ahmad dan mereka mempunyai seorang anak, Amran Zaki. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sungai Bakap dan kemudiannya memasuki kelas *Special Malay* di Sekolah Convent Bukit Mertajam sehingga ke tingkatan lima sebelum melanjutkan pengajian menengah ke tingkatan enam di Methodist Boys School, Pulau Pinang. Beliau juga aktif dalam pelbagai persatuan dan pertubuhan sekolah seperti Pandu Puteri, perbahasan dan menjadi Pengawas sekolah.

Setelah menamatkan pengajian menengah di Pulau Pinang, Datuk Mohaiyani telah melanjutkan pengajian tinggi di Knox

College, Galesbury, Illinois, Amerika Syarikat, pada tahun 1968 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) pada tahun 1971. Beliau kemudiannya menyambung pengajian ke Cornell University, Ithaca, New York, dan mendapat Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) pada tahun 1973. Sekembalinya dari Amerika Syarikat pada tahun 1975, beliau telah bekerja sebagai pegawai di UDA dan MARA sebelum meneruskan kerjaya beliau di Amanah Chase Merchant Bank, sehingga ke jawatan pengurus kanan bank. Ini merupakan jawatan tertinggi yang pernah disandang oleh seorang wanita ketika itu.

Kepakaran beliau dalam bidang ekonomi dan kewangan yang begitu cemerlang telah digunakan untuk memulakan perniagaan pembrokeran saham di Petaling Jaya. Beliau menubuhkan Mohaiyani Securities Sdn. Bhd. dalam tahun 1985 dan menjadi Pengarah Urusannya sehingga sekarang.

Selain itu, Datuk Mohaiyani juga antara individu yang telah dipilih khusus untuk menyertai beberapa jawatankuasa penting yang menentukan dasar-dasar asas wawasan negara. Antara jawatankuasa penting yang pernah disandang ialah Ahli MTEN, Ahli Jawatankuasa Strategik Pasaran Modal, Ahli MAPEN II, Ahli Majlis Jawatankuasa Kewangan Peringkat Tertinggi Mengenai Pengurusan Korporat (*Corporate Governance*), dan Ahli Majlis Penasihat Pasaran Modal (CMAC). Beliau juga pernah menjadi Presiden Peniagaawati, Pengerusi Persekutuan Pertubuhan Wanita Dalam Perniagaan Malaysia (FEM) dan Pengerusi ASCM.

Sumbangan beliau kepada negara telah diiktiraf pada 3 Jun 2000 apabila dianugerahi bintang Panglima Jasa Negara (P.J.N.) yang membawa gelaran 'Datuk' oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

NAIMAH HASBI SULAIMAN, PUAN SRI DATIN AMAR



Yang Berbahagia Puan Sri Datin Amar Naimah telah dilahirkan pada 9 September 1936 di Kuching, Sarawak. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tan Sri Datuk Amar Dr. Sulaiman Haji Daud bekas Menteri Pendidikan dan Menteri Pertanian Malaysia. Mereka memperoleh empat orang cahaya mata dan kini mempunyai lapan orang cucu.

Beliau telah berjaya mendapat Cambridge Higher School Certificate semasa bersekolah di Sekolah St. Mary, Kuching, Sarawak, pada tahun 1957. Beliau telah menyambung pengajian di Universiti Ottawa, Kanada, dari tahun 1959 hingga 1964.

Kerjaya beliau sebagai guru bermula dengan mengajar di Sekolah St. Teresa, Kuching, pada tahun 1958. Seterusnya beliau telah menjadi Guru Besar di Limbang Community Secondary School, Limbang, antara tahun 1965-1966. Pada tahun berikutnya, beliau telah mengajar di Miri Secondary School, Miri, sehingga tahun 1968. Beliau kemudian berpindah dan mengajar di Kuching, di St. Teresa's Secondary School, dari tahun 1972 hingga 1973.

Beliau banyak terlibat dengan pelbagai aktiviti sosial dan sukarela sama ada di peringkat negeri Sarawak mahupun di peringkat kebangsaan. Beliau menjadi ahli BAKTI sejak ditubuhkan pada 1977 dan

pernah menyandang jawatan Setiausaha Kehormat di samping memegang beberapa portfolio penting lain di dalam BAKTI. Beliau kini menjadi ahli bersekutu semenjak suaminya, Tan Sri Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud, bersara daripada tugasnya sebagai Menteri Pertanian pada tahun 1999.

Puan Sri Naimah juga menjadi ahli Kelab Penceramah Kuala Lumpur sejak ditubuhkan pada tahun 1975. Beliau telah diberi penghargaan oleh kelab tersebut dengan diisytiharkan Ahli Kehormat Seumur Hidup pada tahun 1986 atas sumbangan beliau kepada Kelab, termasuk menjadi Presiden beberapa kali. Selain itu, beliau juga terlibat dalam PERKIM dan menjadi Ahli Jawatankuasa PERKIM Kebangsaan serta bergiat dalam YADIM. Selain itu, beliau menjadi Ahli Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia bagi Penggal Kedua.

Beliau juga turut terlibat dalam kegiatan wanita. Beliau pernah dilantik ahli NACIWID pada tahun 1986, dan menjadi Penaung PUSPANITA bagi Kementerian Pendidikan, Kementerian Tanah dan Pembangunan Wilayah, Kementerian Kebudayaan serta Kementerian Pertanian. Beliau pernah dilantik Ahli Majlis Tertinggi Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) sehingga tahun 2002, dan merupakan Ahli Panel Penasihat WIM.

Kini beliau dilantik wakil Wanita PERKIM dalam NCWO, di samping menjadi Ahli Lembaga Amanah Yayasan AIDS Malaysia dan Pesuruhjaya Ibu Pejabat Pandu Puteri. Antara anugerah yang diterimanya termasuklah bintang Johan Bintang Sarawak (J.B.S.) pada tahun 1988, Anugerah Agoh-Lebah daripada Pandu Puteri, dan pingat Jasamu Dikenang daripada Wanita PERKIM Kebangsaan.

NAPSHIAH OMAR, DATO'



Yang Berbahagia Dato' Napsiah telah dilahirkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, pada 21 April 1943. Pada tahun 1968, beliau telah berkahwin dengan Encik Abdul Aziz Yahya (Allahyarham) dan mereka telah dikurniakan empat orang anak, iaitu Shahira, Shahrina, Muhammed Rizal dan Noor Fizah.

Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Kebangsaan Kuala Pilah dan seterusnya di Sekolah Rendah Tunku Kurshiah. Selepas itu, beliau telah memasuki Sekolah Menengah Tunku Muhammad, Kuala Pilah, sehingga memperoleh Overseas School Certificate pada tahun 1959. Pada tahun 1961, beliau telah menuntut di Telopea Park High School, Australia, dan seterusnya memasuki Australian National University di Canberra, Australia, sehingga mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains pada tahun 1966. Beliau telah melanjutkan pelajarannya ke peringkat sarjana di Cornell University, Ithaca, New York, Amerika Syarikat, dan mendapat Ijazah Sarjana Sains pada tahun 1972.

Kerjaya Dato' Napsiah bermula pada tahun 1967, sekembalinya dari Australia, sebagai Pegawai Tadbir FELDA di Kuala Lumpur, sehingga tahun 1969. Pada tahun 1967 juga, beliau telah mengasaskan Program Kemajuan Wanita FELDA. Kemudian beliau melanjutkan

pelajarannya di Cornell University, dari tahun 1969-1972. Sekembalinya dari Amerika Syarikat, beliau telah menjadi pensyarah di UPM dari tahun 1972-1981. Dalam masa ini, beliau telah berkhidmat sebagai Pegawai Penyelaras Teknologi Rumah Tangga & Teknologi Makanan dari tahun 1972-1973, dilantik sebagai Pengetua Kolej Keempat UPM dari tahun 1974-1981, dan dilantik Profesor Madya dan Ketua Pengajian Kemanusiaan di UPM pada tahun 1981.

Beliau mula membabitkan diri dalam politik sejak tahun 1972 lagi sebagai ahli UMNO. Selepas meninggalkan bidang akademik, buat pertama kalinya dalam Pilihan Raya Umum 1982, beliau telah masuk bertanding sebagai calon Barisan Nasional di kawasan Parlimen Kuala Pilah dan menang. Selanjutnya beliau bertanding di dalam Pilihan Raya Umum pada tahun-tahun 1986, 1990, 1995 dan 1999. Pada tahun 1995 beliau bertanding sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Pilah. Pada pilihan raya 1999, beliau dipilih kembali sebagai Ahli Parlimen Kuala Pilah sehingga tahun 2004.

Kerjayanya di dalam kabinet bermula dengan jawatannya sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dari tahun 1985 sehingga 1987. Seterusnya dari tahun 1987 sehingga 1990, beliau menjadi Menteri Perusahaan Awam Malaysia. Ini diikuti dengan pelantikan beliau sebagai Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dari tahun 1990 sehingga 1995. Selepas menang Pilihan Raya Umum 1995, sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, beliau dilantik Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan, memegang portfolio Kerja Raya dan Perhubungan sehingga tahun 1999. Beliau ialah ahli Kelab Penyokong Kerajaan di Parlimen Malaysia sehingga tahun 2004.

Beliau telah memegang jawatan Naib Ketua Wanita UMNO Malaysia selama 12 tahun. Dalam masa ini, beliau juga memegang jawatan Ketua Wanita UMNO Bahagian Kuala Pilah dari tahun 1987 hingga 1999 dan Ketua Wanita UMNO dalam Badan Perhubungan UMNO Negeri, dari tahun 1987 sehingga kini.

Beliau sememangnya berminat dan mengambil berat dalam isu-isu berkaitan dengan hal ehwal keluarga dan wanita, kependudukan dan perancangan keluarga, program-program mengeluarkan masyarakat daripada kemiskinan, dan isu-isu berkenaan HIV & AIDS. Justeru beliau sentiasa berkecimpung di dalam program-program yang berkaitan, melalui khidmatnya sebagai Pengerusi dan Pengasas Women's Institute of Management (WIM), dari tahun 1993 sehingga kini.

Di peringkat antarabangsa, beliau berpeluang untuk berkhidmat sebagai Bendahari Asian Forum of Parliamentarians for Population and Development (AFPPD) dan menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Parlimen Komanwel cawangan Malaysia.

Beliau telah dikurniai bintang kebesaran Darjah Dato' Setia Negeri Sembilan (D.S.N.S.) yang membawa gelaran 'Dato' ' oleh DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1987.

NG LAY SWEE, TAN SRI DATUK DR.



Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr. Ng Lay Swee merupakan Presiden dan Ketua Eksekutif Universiti Tunku Abdul Rahman. Beliau telah berkahwin dengan Profesor Dr. Lim Tiong Koon, seorang pensyarah di Universiti Malaya dan mereka mempunyai dua

orang anak.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains daripada Nanyang University, Singapura, dan seterusnya melanjutkan pelajaran di McGill University, Kanada, dan mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang kimia. Beliau telah dianugerahi Canadian National Research Council Post-Doctoral Fellowship Award. Pada tahun 1989, beliau menerima Centennial Presidential Award daripada Campbell University, Amerika Syarikat, diikuti anugerah Ijazah Kehormat Kedoktoran Sains daripada universiti yang sama.

Tan Sri Datuk Dr. Ng Lay Swee telah menjalankan penyelidikan berprofil tinggi di McGill University, Kanada, pada tahun 1964 dan di Florida State University, Amerika Syarikat, antara tahun 1968 hingga 1969. Dari tahun 1969 hingga 1971, beliau telah menjadi Post-Doctoral Research Associate kepada pemenang Hadiah Nobel, mendiang Prof. R.G.W. Norrish daripada Cambridge University, United

Kingdom. Antara tahun 1979 hingga 2002, beliau menjadi anggota fakulti Campbell University, North Carolina, Amerika Syarikat.

Kerjaya beliau dalam bidang pendidikan di Malaysia bermula pada tahun 1972 apabila dilantik Pensyarah Kanan di Sekolah Sastera dan Sains, Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) dan kemudian dinaikkan pangkat menjadi Ketua Sekolah tersebut pada tahun 1976. Pada tahun 1991, beliau dilantik Naib Pengetua KTAR dan pada tahun 1996, beliau menjadi Pengetua KTAR.

Di bawah kepimpinan beliau, KTAR telah menubuhkan empat buah cawangan lain, iaitu di Perak, Johor, Pahang dan Sabah. Jumlah pelajar pada tahun 1995 seramai 7,200 orang telah melonjak kepada 30,000 orang pada tahun 2002.

Pada tahun 2002, beliau telah dilantik Presiden Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), dengan pengambilan pelajar buat kali pertamanya pada bulan Jun 2002.

Sumbangan khidmat komuniti beliau termasuklah penglibatan dalam Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI) dan Sekolah Perempuan Kuen Cheng.

Bagi menghargai jasa beliau dalam bidang pendidikan, beliau telah dikurniakan bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1992. Pada tahun 1998, beliau menerima bintang Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M.) daripada Yang Dipertua Negeri Melaka yang membawa gelaran 'Datuk'. Pada tahun 2003, beliau telah dianugerahi bintang Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran 'Tan Sri' oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

NG YEN YEN, DATO' DR.



Yang Berhormat Dato' Dr. Ng Yen Yen telah dilahirkan pada 4 Oktober 1946 di Kelantan. Beliau telah berkahwin dengan Dr. Chin Chee Sue dan mereka mempunyai tiga orang anak lelaki, iaitu Terrence, Julian dan Justin. Sejak 1999 hingga 2003, beliau memem-

egang jawatan Timbalan Menteri di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. Kini beliau ialah Timbalan Menteri Kewangan II Malaysia. Beliau mempunyai kelulusan perubatan daripada Universiti Malaya dan telah mengambil Diploma dalam bidang perubatan reproduktif di John Hopkins University, Amerika Syarikat.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Mentakab, Pahang, dari tahun 1974 hingga 1976. Kemudian beliau bertugas di Klinik Chin & Partner dari tahun 1977 hingga 1995. Selain itu, beliau ialah Ahli Majlis Daerah Temerloh, Pahang, dari tahun 1981 hingga 1991. Mulai tahun 1995 hingga 2000, beliau menjadi Konsultan Perubatan di Natural Harmony Medical Centre.

Dato' Ng Yen Yen terlibat aktif dalam kegiatan politik semenjak akhir tahun 1980-an. Beliau telah menjadi Pengerusi Wanita MCA negeri Pahang sejak tahun 1989 hingga sekarang. Beliau telah dilantik Senator pada tahun 1993 hingga 1996. Dari tahun 1996 hingga 1999,

beliau telah diangkat menjadi Setiausaha Agung Wanita MCA dan Timbalan Setiausaha Agung MCA. Pada tahun 1999, beliau telah menjadi Pengerusi Wanita MCA Kebangsaan dan Ahli Parlimen Raub. Beliau juga telah diamanahkan jawatan Pengerusi Jawatan-kuasa Sumber Manusia dalam MAPEN II pada tahun 1999.

Di samping itu, beliau juga giat dalam aktiviti sosial seperti menjadi ahli biro PEMADAM, Ahli Majlis Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (NIOSH) dari tahun 1994 hingga 2000, Timbalan Presiden NCWO sejak tahun 1995 hingga sekarang dan Governer Institut Sumber Kanak-kanak Malaysia sejak tahun 1996 hingga sekarang. Pada tahun 2001, beliau menjadi Presiden Pertubuhan Wanita Cina Sedunia dan Presiden Yayasan Wanita Cemerlang. Sejak tahun 2002, beliau ialah Penaung Malaysian Folk Dance Association, Penaung Pertubuhan Wanita Cina Sedunia dan Penaung Yayasan Wanita Cemerlang.

Dato' Dr. Ng Yen Yen sering dijemput menyertai pelbagai persidangan di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa sama ada sebagai peserta atau pun sebagai ahli panel atau pembentang kertas kerja. Antara kertas kerja yang dibentangkannya ialah *Meeting the Leadership Challenge of Malaysian Women in the 21st Century* di International Women's Conference on Development and Business Entrepreneurship pada bulan Disember 1994, *Status and Empowerment of Women in Asia – Challenges and Prospects* di Asian Forum of Parliamentarian on Population and Development di Manila, pada tahun 1996. Beliau juga pernah mengikuti latihan dalam *Conflict Prevention and Resolution Skills* di Simposium Serantau Asia/Eropah mengenai gender, politik, keamanan dan pencegahan konflik pada tahun 1998 di Brighton, United Kingdom.

Beliau juga acapkali dipelawa menjadi ahli panel dalam rancangan televisyen seperti *Global, Minda* dan *Face to Face*. Beliau sering menyampaikan ucapan utama dalam pelbagai seminar dan forum yang menyentuh kepakaran beliau, iaitu dalam bidang keke-luargaan, kanak-kanak dan pendidikan.

Beliau telah dikurniai Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) pada tahun 1985, Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) yang membawa gelaran 'Dato' ' pada tahun 1996 dan Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (D.S.A.P.) yang juga membawa gelaran 'Dato' ' oleh DYMM Sultan Pahang. Pada bulan Jun 2003, beliau menerima bintang Dato' Paduka Mahkota Perlis (D.P.M.P.) yang membawa gelaran 'Dato' ' daripada DYMM Pemangku Raja Perlis.

Selain itu, beliau juga telah dianugerahi gelaran The Most Prominent Woman Figure of the Year 2003 oleh Lestari Award Indonesia.

NIK SAFIAH KARIM, PROFESOR EMERITUS DATUK DR.



Yang Berbahagia Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah telah dilahirkan pada 17 Disember 1939 di Kota Bharu, Kelantan. Beliau telah berkahwin dengan Tuan Haji Mohd Zain Haji Omar dan mempunyai empat orang cahaya mata.

Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Ingeris Perempuan (sekarang Sekolah Rendah Zainab), Kota Bharu, dari tahun 1948 hingga 1952. Antara tahun 1953 hingga 1957, beliau menuntut di Maktab Perempuan Melayu, Kuala Lumpur (sekarang sekolah itu telah berpindah ke Seremban dan mempunyai nama baharu, iaitu Kolej Tunku Kurshiah). Setelah lulus Cambridge School Certificate, beliau melanjutkan pelajaran di St. Francis Institution, Melaka, sehingga lulus HSC pada tahun 1959. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1963 dan Ijazah Sarjana Sastera pada tahun 1965 daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Dari tahun 1972 hingga 1975, beliau telah menyambung pengajian di Universiti Ohio, Amerika Syarikat, hingga mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang ilmu linguistik.

Prof. Datuk Dr. Nik Safiah pernah bertugas sebagai Tutor di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, dari tahun 1963 hingga 1965 dan kemudian dilantik Pensyarah di Jabatan yang sama. Pada

tahun 1976, beliau dilantik ke jawatan Profesor Madya dan seterusnya sebagai Profesor memegang Kursi Pengajian Melayu juga di Universiti Malaya.

Dalam pentadbiran, beliau telah dipilih ke beberapa jawatan, antaranya Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial sebanyak dua kali, 1982-1984 dan 1992-1994 dan merupakan wanita pertama dilantik ke jawatan tersebut; Ketua Jabatan Pengajian Melayu dari tahun 1984 hingga 1986 dan dari tahun 1988 hingga 1989, dan Pengarah Akademi Pengajian Melayu dari tahun 1990 hingga 1992. Pada tahun 1989 hingga 1990, beliau telah dipinjamkan ke DBP sebagai Timbalan Ketua Pengarah bagi menangani hal-hal bahasa dan sastera Melayu. Beliau telah bersara wajib dari Universiti Malaya pada bulan Disember 1994 tetapi telah disambung secara kontrak sehingga Disember 1999. Jawatan terakhir yang dipegang oleh beliau ialah sebagai Profesor Adjung.

Walaupun sibuk, beliau tidak ketinggalan membabitkan diri dalam beberapa pertubuhan sosial dan wanita. Beliau ialah salah seorang Pengasas PERTIWI dan kini menjadi Ketua I PERTIWI. Beliau pernah mewakili PERTIWI dalam NCWO dan telah menduduki Jawatankuasa Kecil Tindakan serta menjadi Pengerusi Biro Agama. Antara tahun 1965 hingga 1970, beliau dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengurus Kolej Tunku Kurshiah, Seremban. Badan-badan yang turut dianggotainya ialah ahli Yayasan Pelajaran MARA, Lembaga (sekarang Perbadanan) Kemajuan Kraftangan Malaysia, Lembaga Pengurus Sekolah Seri Puteri, Ahli Majlis Perunding Belia Negara, Ahli Lembaga Amanah Yayasan Karyawan, Ahli Majlis Penasihat Perpustakaan Negara dan Ahli Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia.

Beliau juga cergas dalam badan-badan profesional. Dalam Persatuan Malaysia bagi Pengajian Asia, beliau pernah memegang jawatan Setiausaha dari 1967 hingga 1970, Bendahari dari tahun 1971 hingga 1972 dan Ahli Majlis pada tahun 1976. Beliau menjadi salah seorang Pengasas Persatuan Linguistik Malaysia dan telah memegang

jawatan Presiden selama 18 tahun. Demikian juga, beliau adalah antara yang mengasaskan Persatuan Siswazah Wanita Malaysia dan pernah menjadi Setiausaha dan Naib Yang Dipertua. Antara pertubuhan-pertubuhan profesional lain yang dianggotai oleh beliau ialah Persatuan Pengajian Melayu Malaysia dan Royal Asiatic Society cawangan Malaysia. Pada tahun 1979, beliau telah dilantik ahli NACIWID yang kini bertukar nama menjadi Majlis Penasihat Wanita Negara. Beliau menjadi Ahli Majlis ini secara berterusan dan pada tahun 1997 hingga 2004 telah dilantik Pengerusi.

Prof. Datuk Dr. Nik Safiah terkenal dalam bidang bahasa. Beliau telah menghasilkan belasan buah buku dan ratusan makalah tentang bahasa. Antara buku beliau yang terkenal ialah *Tatabahasa Dewan* (ditulis bersama tiga orang lain), *Bahasa Malaysia Syntax*, *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu* dan *Malay Grammar for Academics and Professionals*. Beliau menjadi pakar rujuk dalam bahasa bukan sahaja di dalam negara malahan di luar negara. Di dalam negara beliau dijemput memberi ceramah dan menjadi pakar rujuk oleh Kementerian Pendidikan dan DBP. Beliau telah diundang menulis buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 oleh Kementerian Pelajaran Negara Brunei Darussalam. Di Singapura, beliau dilantik menjadi perunding bagi penghasilan buku-buku teks oleh Kementerian Pelajaran republik itu. Beliau telah berkhidmat dalam Lembaga Pengelola DBP selama 14 tahun. Beliau juga telah dilantik Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM) yang mewakili Malaysia ke Pertemuan MABBIM.

Sepanjang kerjayanya, beliau telah menghadiri pelbagai pertandingan bahasa di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Antaranya 8th European Colloquium on Malay and Indonesian Studies di Universiti Gotenburg, Sweden, Jun 1991, Seminar Nasional Bahasa dan Sastra Indonesia di Medan, Indonesia, Oktober 1991, Kongres Cendekiawan Melayu III di Selangor, Disember 1992, Third Biennial Meeting of the Borneo Research Council di Pontianak, Indonesia, Julai 1994, Seminar Warisan

Persuratan Johor di Johor Bahru, Ogos 1996, Seminar Pengajaran Tatabahasa di Brunei Darussalam, Mac 1997 dan Seminar Internasional Bahasa dan Budaya di Dunia Melayu (Asia Tenggara) di Lombok, Indonesia, Julai 1997.

Dalam bidang wanita, Prof. Datuk Dr. Nik Safiah telah banyak menyumbang sama ada dari segi penulisan ataupun penyertaan dalam persidangan-persidangan. Beliau telah menghasilkan beberapa buah buku tentang pengajian wanita. Antaranya *Wanita Malaysia - Kumpulan Esei dan Ceramah* (1982), *Dekad Wanita, 1975-1985: Satu Huraian Ringkas* (1985) dan *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran* (1989).

Akhir-akhir ini, beliau menumpukan perhatian (bersama-sama Dr. Rokiah Talib) terhadap penulisan biografi. Antaranya tentang Tun Dr. Siti Hasmah, Tun Fatimah Hashim, Ibu Enjah (Ibu Mithali yang pertama) dan Hajah Wan Mas (Ibu Mithali kedua). Beliau juga telah beberapa kali menyertai delegasi Malaysia ke persidangan antarabangsa, antaranya Persidangan Wanita Sedunia di Nairobi (1985), di Beijing (1995) dan di New York (2000), di samping menghadiri persidangan dan seminar mengenai wanita, antaranya, memberi taklimat mengenai gender dan pembangunan di kursus-kursus kepimpinan dan pengurusan tinggi INTAN (2002), Seminar Internasional Mengenai Gender dalam Perspektif Islam dan Budaya di Makasar, Indonesia, Jun 2001, Seminar Wanita dalam Pembangunan Negara di Melaka, Jun 1997, C.I.O.F.F. International Conference on Culture and Development di Johor Bahru, Ogos 1994, dan Muzakarah Majlis Ulama Indonesia Mengenai Partisipasi Wanita dalam Pembinaan Kerjasama Umara-Ulama di Aceh, Indonesia, Januari 1993.

Walaupun telah lama bersara beliau masih menulis, mengajar sambilan di Universiti Malaya dan mengendalikan ruangan tetap di *Berita Harian* bernama *Yang Indah Itu Bahasa*. Beliau telah dilantik Ahli MAPEN II serta menjadi ketua atau panel hakim beberapa pertandingan seperti Pidato Piala Diraja, Forum Remaja dan Debat

antara sekolah-sekolah asrama penuh. Beliau kerap dijemput menyampaikan ceramah sama ada mengenai bahasa atau hal ehwal wanita.

Atas jasa-jasa dan sumbangannya, beliau telah dianugerahi pingat dan bintang serta pelbagai penghormatan. Beliau telah dikurniai bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada tahun 1989, bintang Johan Mangku Negara (J.M.N.) pada tahun 1995 dan bintang Panglima Jasa Negara (P.J.N.) pada tahun 1997 yang membawa gelaran 'Datuk' oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Beliau telah menerima Anugerah Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah-Avon bagi kecemerlangan dalam bidang pendidikan pada tahun 1995, Anugerah Wanita Cemerlang Universiti Malaya pada tahun 1997, Anugerah Wanita Cemerlang sempena Perayaan 50 tahun Maktab Perempuan Melayu/Kolej Tunku Kurshiah pada tahun 1997, Tokoh Ilmuwan Bahasa pada tahun 2001, Pingat Emas Tun Fatimah pada tahun 2001, Tokoh Wanita Kelantan pada tahun 2001, Ijazah Kehormat Doktor Persuratan daripada UKM pada tahun 2002, anugerah gelaran Profesor Emeritus oleh Universiti Malaya pada tahun 2002 dan anugerah Tokoh Pejuang Bahasa oleh Persatuan Linguistik Malaysia pada tahun 2004.

NONI SAID, DATUK



Yang Berbahagia Datuk Noni telah dilahirkan pada 27 November 1950 di Sandakan, Sabah, dan merupakan anak kedua daripada sembilan orang adik-beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga pada tahun 1975 dengan Encik Jamaluddin Adis yang bertugas sebagai Timbalan Pengurus Besar di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sabah. Mereka telah dikurniai lima orang anak, iaitu Mohd Effendi, Mohd Feizal, Vivienti, Roxana dan Emyr Meldon.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Berhala Darat, Sandakan, dan kemudiannya meneruskan pelajaran ke Sung Siew Secondary School dari tahun 1964 hingga 1967 dan telah lulus SPM dan Peperiksaan Cambridge. Sebelum ke Maktab Sabah di Kota Kinabalu, bagi menduduki tingkatan enam, beliau telah belajar selama tujuh bulan di Maktab Perguruan Gaya, Sabah. Selepas tingkatan enam, iaitu pada tahun 1971, beliau telah memasuki Universiti Malaya dan merupakan wanita Sabah pertama yang diterima belajar di universiti tersebut. Pada tahun 1975, beliau telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) daripada universiti tersebut. Pada tahun 1983, beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada New Hampshire College, Amerika Syarikat dan pada tahun 1997, beliau telah men-

dapat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Undang-undang daripada Oxford Brookes University, Oxford, United Kingdom.

Datuk Noni mula berkhidmat di Jabatan Ketua Menteri Sabah di Kota Kinabalu, pada tahun 1975. Dari tahun 1976 hingga 1977, beliau menjadi Pegawai Perhubungan Penuntut Sabah di Kuala Lumpur. Kemudian beliau telah ditukarkan ke Kementerian Perkhidmatan Masyarakat dan Perpaduan Negara sebagai Pegawai Pentadbir sehingga tahun 1979. Pada tahun 1979, beliau dinaikkan pangkat menjadi Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Kewangan Sabah. Pada tahun 1985, beliau sekali lagi dinaikkan pangkat sebagai Setiausaha Rendah di Kementerian yang sama sehingga tahun 1994. Di sepanjang perkhidmatan beliau dengan Kementerian Kewangan beliau juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah beberapa badan berkanun dan syarikat milik kerajaan. Dari tahun 1997 hingga 1998, beliau menjadi Timbalan Pengarah Biro Pembangunan Sumber Manusia, Kota Kinabalu. Setahun selepas itu, beliau bertugas sebagai Pengarah Jabatan Muzium Sabah. Sejak Januari 1999 hingga sekarang, beliau ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Sabah. Selain itu, beliau ialah Ahli Majlis Penasihat Sukan Negara, Ahli Lembaga Pengarah Kebudayaan Sabah, Ahli Lembaga Pengarah Sukan Negeri Sabah dan pernah menjadi Timbalan Pengerusi Pengelola SUKMA ke-9 di Sabah pada tahun 2002 dan dianggap sebagai satu penganjuran SUKMA yang terbaik pernah dianjurkan.

Di samping sibuk dengan tugas sehari-hari, beliau turut terbabit dalam pelbagai kegiatan sosial. Beliau telah melibatkan diri dengan PUSPANITA Sabah sejak tahun 1986 dan telah menjadi Bendahari PUSPANITA dan Pengerusi jawatankuasa-jawatankuasa lain. Beliau juga ialah wakil negeri Sabah ke NACIWID. Pada tahun 1989, beliau telah dilantik Pengerusi Majlis Penasihat Wanita Sabah dan telah memegang jawatan tersebut selama tiga penggal berturut-turut. Pada tahun 2003 Datuk Noni juga dilantik sebagai Timbalan Pengerusi, Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Sabah.

Bagi menghargai jasa-jasanya, beliau telah dianugerahi bintang Ahli Darjah Kinabalu (A.D.K.) pada tahun 1988 dan darjah Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (P.G.D.K.) pada tahun 2000 yang membawa gelaran 'Datuk'.

NOOR FARIDA ARIFFIN, DATO'



Yang Berbahagia Dato' Noor Farida telah dilahirkan di Kuala Kangsar, Perak, pada 3 September 1946. Beliau ialah siswazah undang-undang Barrister-at-law daripada Gray's Inn, United Kingdom. Kini beliau berkhidmat sebagai Duta

Besar Malaysia ke The Netherlands dan merupakan salah seorang peguam yang telah dilantik untuk membentangkan tuntutan Malaysia ke atas Pulau Ligitan dan Sipadan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (International Court of Justice @ ICJ) di The Hague. Beliau telah juga dilantik Agen Bersama Kerajaan Malaysia untuk kes Pulau Batu Puteh yang telah difailkan di ICJ pada 24 Julai 2003.

Beliau mula berkhidmat dalam Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman sebagai Pegawai Undang-undang di Jabatan Peguam Negara Malaysia dari tahun 1971 hingga 1972. Kemudian beliau telah menjadi Majistret di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur selama dua tahun dan selepas itu ditukarkan ke Kementerian Pertahanan sebagai Penasihat Undang-undang. Dari tahun 1974 hingga 1976, beliau ialah Penolong Pendaftar Kanan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan dari tahun 1976 hingga 1977, beliau memegang jawatan yang sama di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang. Seterusnya pada bulan Mei 1977, beliau kembali berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai

Hakim-Peguambela dan pada bulan Ogos 1979, beliau menjadi Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Sejak bulan Disember 1980, beliau telah dilantik Pengarah Biro Bantuan Guaman Malaysia sehingga tahun 1984. Dalam tahun 1984, beliau menjadi Penolong Penggubal Undang-undang Kanan di Bahagian Penggubalan Undang-undang di Jabatan Peguam Negara Malaysia. Dari bulan Oktober 1984 hingga Januari 1988, beliau telah berkhidmat sebagai Peguam Kanan Persekutuan di Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Lima tahun selepas itu, Dato' Noor Farida telah dipinjamkan ke Sekretariat Komanwel di London, England, dan telah bertugas sebagai Pengarah Kumpulan Program Pembangunan dan Wanita, Sumber Manusia dan Pembangunan. Dari bulan Februari 1993 hingga November 1994, beliau dilantik Ketua Bahagian Perundangan di Kementerian Luar Negeri. Semasa bertugas di Kementerian Luar Negeri, beliau telah mewakili Malaysia ke Jawatankuasa Undang-undang Keenam di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York dan telah mewakili Malaysia ke Konsultansi Tidak Rasmi bersama Setiausaha Agung PBB mengenai Bahagian XI United Nations Convention on the Law of the Sea pada tahun 1993 dan 1994. Kemudian, mulai November 1994 hingga Februari 1996, beliau menjadi Timbalan Ketua Bahagian Penasihat di Jabatan Peguam Negara dan pada tahun 1996, beliau berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Sesyen Klang, Selangor.

Sejak bulan September 1996 hingga Ogos 2000, beliau telah dilantik Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Wilayah dan Maritim dan telah mengetuai delegasi Malaysia ke pelbagai mesyuarat di peringkat antarabangsa. Antaranya, Meeting of States Parties of the UN Convention on the Law of the Sea di Ibu Pejabat PBB di New York, Amerika Syarikat, Meeting of Seabed Authority di Kingston, Jamaica, mesyuarat tiga pihak mengenai Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand antara Malaysia, Thailand dan Vietnam dan beberapa persidangan antarabangsa lain.

Baru-baru ini beliau telah dilantik Pengerusi Persidangan Kelapan Negara-negara Ahli Konvensyen Senjata Kimia yang berlangsung di The Hague dari 20 sehingga 24 Oktober 2003. Kini 157 buah negara termasuk Malaysia telah menjadi ahli Organisasi Mencegah Senjata-senjata Kimia (OPCW) yang beribu pejabat di The Hague. Oleh sebab kerajaan Malaysia kini ialah Pengerusi Negara-negara Berkecuali (NAM), Dato' Noor Farida juga telah dilantik Pengerusi Negara-negara NAM di The Hague.

Beliau telah dikurniai bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) oleh Kerajaan Persekutuan dan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.) oleh DYMM Sultan Perak yang membawa gelaran 'Dato' '.

NOOR LAILY DATO' ABU BAKAR, DATO' DR.



Yang Berbahagia Dato' Dr. Noor Laily, yang lebih dikenali sebagai 'Dr. Noor', telah dilahirkan di Kuala Lipis, Pahang. Beliau mempunyai tiga orang anak, iaitu Azlila Hanita, Azura Haniza dan Azril Hisham.

Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Abu Bakar, Mentakab, Pahang, pada tahun 1948 dan kemudian melanjutkan pelajaran hingga lulus Senior Cambridge dalam tahun 1956 di Maktab Perempuan Melayu, Kuala Lumpur. Beliau lulus HSC daripada Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah. Seterusnya beliau ke Universiti Malaya Singapura mengambil jurusan perubatan dan memperoleh Ijazah Perubatan dan Pembedahan (MBBS) pada tahun 1966. Dua tahun kemudian, beliau mendapat Sijil Perancangan Penduduk daripada University of Michigan, Amerika Syarikat. Pada tahun 1971, beliau telah berjaya memperoleh Master of Science in Medical Demography daripada School of Tropical Medicine and Hygiene, University of London.

Beliau juga telah mendapat beberapa sijil, iaitu Certificate in Auditory Integration Training dan Certificate in Nutrition and Environmental Health daripada Australian College of Environmental Health, Sijil Diplome American Board of Chelation Therapy, sijil dalam pendidikan anak-anak cemerlang daripada Institute for the

Achievement of Human Potential, Philadelphia, Amerika Syarikat, Sijil dalam Functional Medicine daripada American Institute of Medical Post-Graduate Education dan Certificate in Population Planning and Economic Development daripada the World Bank Institute.

Pada tahun 1966, Dato' Dr. Noor Laily telah memulakan kerjaya sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Besar Kuala Lumpur, dan kemudian dilantik Ketua Bahagian Latihan di LPPKN dalam tahun 1970. Beliau pernah menjadi Pegawai Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak di Kuantan, Pahang, dari tahun 1971 hingga 1974 sebelum bertukar ke Kementerian Kesihatan pada tahun 1974 dan menjawat jawatan Penolong Pengarah Kesihatan. Sejak bulan Julai 1976, beliau bertugas sebagai Ketua Pengarah LPPKN sehingga tahun 1985. Selain itu, beliau pernah menjadi pensyarah sambilan di Universiti Malaya dari tahun 1968 hingga 1976 dan di UKM dari tahun 1974 hingga 1976.

Di samping sibuk dengan tugasnya, beliau turut menyumbang dalam pelbagai pertubuhan, persatuan dan yayasan yang cenderung dalam perkara sosial dan kebajikan. Beliau pernah dilantik Pengerusi W.I. cawangan Kuantan, Ahli Jawatankuasa Penasihat Penyelidikan Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP), ahli Persatuan Pakar Perbidanan dan Sakit Puan, ahli Kesatuan Kesihatan Awam, ahli Persatuan Perubatan Malaysia dan ahli NACIWID. Selain itu, beliau juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah UPM, Ahli Jemaah Universiti Malaya, Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Pahang, Ahli Majlis Tertinggi Wanita UMNO (dilantik), Presiden Persatuan Murid Tua Maktab Perempuan Melayu atau Kolej Tunku Kurshiah, Setiausaha Eksekutif Malaysian Parliamentary on Population and Development, Setiausaha Kehormat PUSPANITA, Setiausaha Kehormat pertama Majlis Kanser Nasional, Pengasas dan Presiden Persatuan Siswazah Malaysia serta Ketua Eksekutif KARYANEKA.

Dato' Dr. Noor Laily tidak ketinggalan menyumbang di peringkat antarabangsa. Beliau pernah dilantik Ahli Jawatankuasa

World Association of Muslim Scholars, Exco International Committee on Management of Population Programmes (ICOMP), Ahli Jawatankuasa International Committee on Applied Research in Population (ICARP) Asia dan Pengerusi ASEAN Population Programme. Beliau juga pernah memegang jawatan Presiden International Federation of Family Health, Honorary Associate Professor (Kependudukan dan Pembangunan) di East West Centre, University of Honolulu, dan Konsultan World Bank (*maternal & child health*) di Nepal dan Filipina. Beliau pernah dilantik Pensyarah Kehormat oleh East West Centre, Amerika Syarikat.

Beliau pernah mewakili Malaysia dalam beberapa jawatankuasa yang dibentuk untuk projek-projek yang ada kaitan dengan kependudukan, perancang keluarga dan kesihatan keluarga. Antaranya, sebagai Ahli Jawatankuasa World Health Organisation on Infant Mortality, Ahli Jawatankuasa Penasihat Dasar Kependudukan Malaysia dan ahli Population Commission of the United Nations. Selain itu, beliau juga mewakili Malaysia dalam beberapa mesyuarat di peringkat antarabangsa seperti Mesyuarat Menteri-menteri Sosial ASEAN di Jakarta, United Nations Commission on the Status of Women dan Mesyuarat Suruhanjaya tersebut ke-28 di Vienna, Austria, pada tahun 1980 serta wakil Malaysia ke Persidangan Wanita Sedunia di Copenhagen, Denmark, pada tahun 1980. Beliau juga telah menyediakan unjuran-unjuran dan kertas kerja polisi 70 juta orang penduduk.

Selepas meletakkan jawatan daripada perkhidmatan kerajaan, beliau telah menubuhkan dan menjadi Pengerusi Institut Pembangunan Keluarga dan Kanak-kanak NURY. Kini, beliau ialah pengerusi beberapa syarikat, iaitu Taman Keluarga NURY Sdn. Bhd., Noor Laily Holdings Sdn. Bhd., Syarikat Pulau Keladi Sdn. Bhd., NURYMED Consultant Sdn. Bhd. dan Sigmalink Sdn. Bhd. Beliau juga bekas Ketua Eksekutif Institut Tengku Ampuan Afzan, Ahli Lembaga Pengarah Institut Besut-NURY, Ahli Jawatankuasa Pemandu Program Khas KEMAS-NURY dan Editor Majalah *Anak*. Di

samping itu, beliau juga menjadi ahli persatuan-persatuan akademik, iaitu ahli akademi Brain Child Development Institute for the Achievement of Human Potential, Philadelphia, Amerika Syarikat, ahli Australian College of Nutritional and Environmental Health, ahli American College for the Advancement of Science, ahli New York Academy of Sciences, ahli Diplomat for American Board of Chelation Therapy dan ahli Brain-Child Academy Institutes for the Achievement of Human Potential. Beliau juga ialah Ahli Dewan Perniagaan Melayu Wilayah Persekutuan dan bekas Presiden Jawatankuasa Protem Pengamal Perubatan Komplementari di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau juga terlibat dalam Albert Einstein International Academy Foundation, Universal Intelligence Databank in America dan International Register of Biographics.

Walaupun aktif dalam pelbagai organisasi dan pertubuhan, Dato' Dr. Noor Laily turut menghasilkan penulisan yang banyak menyentuh bidang perubatan, kesihatan wanita, perancang keluarga dan kependudukan. Karya-karyanya telah diterbitkan dalam majalah dan jurnal di dalam dan luar negara. Beliau telah menulis dua buah buku berjudul *Anak Cemerlang dan Kecerdasan Emosi*. Kini beliau menjalankan klinik yang menggunakan konsep pendekatan alternatif dan komplementari serta program anak cemerlang dan kanak-kanak istimewa di Bukit Antarabangsa, Ampang.

Atas sumbangan dan jasa-jasanya yang begitu banyak, beliau telah dikurniai bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1979, bintang Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (D.S.A.P.) pada tahun 1979 dan Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) oleh DYMM Sultan Pahang pada tahun 1995, kedua-keduanya membawa gelaran 'Dato'.

NORAIHAN DATO' AMAR HAJI SALLEHUDDIN, DATO' (DR.), (ALLAHYARHAM)



Yang Berbahagia Dato' Noraihan, atau lebih dikenali sebagai Nooraihan Ali, telah dilahirkan pada tahun 1930 di Pahang. Beliau telah berumah tangga dengan Dato' Haji Ali Abdullah (Allahyarham), bekas Setiausaha Agung ASEAN yang pertama, dan mereka

mempunyai tiga orang cahaya mata, iaitu Zuhairah, Ahmad Fauzi dan Ismael Fariz.

Beliau pernah menerima didikan di sekolah Melayu dan lulus Senior Cambridge pada tahun 1949 dari Sekolah Inggeris Clifford, Kuala Lipis, Pahang. Beliau telah mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka, pada tahun 1950 dan di Wardford College, United Kingdom. Beliau telah mendapat Diploma Pendidikan pada tahun 1953 dari Kirby College, Liverpool, England.

Dato' Noraihan telah dilantik Penyelia Sekolah-sekolah Perempuan Melayu Pahang yang pertama. Kemudian beliau telah mengajar di Sekolah King George V, Seremban. Beliau berhenti dari perkhidmatan kerajaan pada tahun 1958 kerana mengikuti suaminya bertugas di Kedutaan Malaysia di Australia, India, Indonesia, Filipina, Mesir, Arab Saudi, Bangladesh dan Jerman Barat (sebagai Duta

Besar) dan sebagai Setiausaha Agung ASEAN di Sekretariat ASEAN di Jakarta, Indonesia.

Pada tahun 1967, Dato' Noraihan telah menubuhkan Taman Pendidikan Raihan yang merupakan antara tadika terawal di Malaysia. Tadika tersebut masih beroperasi sehingga sekarang dan menekankan kemahiran membaca pada peringkat awal umur kanak-kanak untuk melahirkan kepintaran. Seterusnya pada tahun 1973, beliau telah menubuhkan Yayasan Pendidikan Raihan di Petaling Jaya, iaitu yaysan amal untuk mengembangkan kegiatan pendidikan kanak-kanak prasekolah. Yayasan ini ditubuhkan atas sokongan dan bantuan kewangan daripada Raja Negeri Arab Saudi ketika itu, Al-Malik Faisal. Beliau juga telah menubuhkan taman pendidikan di Negeri Sembilan, Selangor dan Johor. Beliau terkenal sebagai pelopor pendidikan kanak-kanak prasekolah dan berusaha membangkitkan semangat dan minat ibu bapa mengajar kanak-kanak membaca. Di samping itu, beliau telah membuat kajian mengenai tingkah laku dan perangai kanak-kanak dan cuba memperbaiki kelemahan-kelemahan sikap dan peribadi kanak-kanak. Beliau pernah memberi ceramah dan menulis dalam akhbar dan majalah di Malaysia, Medan, Manila, Kaherah, Jeddah, Dhaka, dan di mana-mana sahaja beliau berada beliau menulis berkaitan pendidikan prasekolah. Beliau telah memperkenalkan kaedah 'Terus Membaca' untuk diajar kepada kanak-kanak agar mereka boleh cepat membaca. Ketiga-tiga orang anaknya telah belajar membaca dengan menggunakan kaedah ini dan boleh membaca pada usia yang sangat muda. Bahkan anaknya, Ismael Fariz, mula membaca pada umur dua tahun.

Pada tahun 1970, beliau telah memberi kursus-kursus latihan prasekolah di seluruh Malaysia anjuran Wanita UMNO dan kepada guru PERKIM dan TAKIS (Taman Kanak-kanak Islam) Jabatan Agama Islam Selangor dalam tahun 1978. Beliau turut membantu dalam penulisan buku Revolusi Mental bersama tokoh-tokoh lain seperti Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dan telah bekerjasama mengadakan Pameran Buku Kanak-

kanak anjuran DBP dan Yayasan Pendidikan Raihan dalam tahun 1976. Pada tahun 1987, beliau telah membuat kajian untuk memperkenalkan kaedah 'Terus Membaca' kepada kanak-kanak dalam lingkungan enam bulan hingga satu tahun. Usaha beliau yang dianggap sebagai pejuang dapat dilihat dalam beberapa buah buku dan makalah dalam akhbar-akhbar yang pernah ditulis oleh beliau. Puisinya yang berjudul *Bersenam, Kawanku Si Bayang* dan *Sepuluh Anak Ayam* telah dipetik daripada bukunya *Bacalah Lagi Mak* oleh DBP untuk digunakan dalam siri Program Bacaan Awal Tahap 1 pada tahun 1992.

Antara buku bacaan kanak-kanak yang ditulisnya ialah *Puisi Kanak-kanak, Tiga Janji, Hidup Bersama, Pak Pandir dan Lebai Malang, Bacalah Lagi Mak* dan *Tuti Dalam Labu*. Bukunya yang terkenal, bertajuk *Terus membaca, Kaedah Cepat Membaca*, ialah buku bacaan Yayasan Pendidikan Raihan yang telah mendapat sambutan hangat di Filipina, Bangladesh dan Malaysia. Kaedah 'Terus Membaca' ini telah disusun secara ilmiah, dikaji dan diulang kaji dengan mendalam semenjak tahun 1960. Kaedah ini kemudiannya telah dibukukan dan diterbitkan dalam bahasa Tagalog dan diiktiraf oleh Pusat Bacaan Kolej Pendidikan, Universiti Filipina, dalam tahun 1966. Kemudian buku tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Tausug berjudul *Magbassa Kita (Panagnaan)* Cetakan I (1967), II (1971), IV (1974) dan V (1977) dan diterbitkan dalam bahasa Samal, bertajuk *Amassa Kita* serta diiktiraf oleh The Bureau of Public School, Filipina, manakala buku *Matiyu Tanu* dalam bahasa Magindananao telah diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran dan Kebudayaan Filipina. Dalam tahun 1970, kaedah ini juga telah diterbitkan dalam bahasa Ilocano. Kaedah 'Terus Membaca' yang telah diterbitkan dalam lima bahasa ini telah digunakan untuk mengajar membaca di Filipina. Dalam tahun 1974 kaedah ini telah dicuba dalam bahasa dan tulisan Benggali di Pusat Tentera dan di sebuah sekolah di Dhaka, Bangladesh, dan telah mencapai kejayaan.

Pada tahun 1986, edisi KBSR untuk darjah satu telah diiktirafkan oleh Kementerian Malaysia dan tadika-tadika KEMAS juga telah menggunakan kaedah tersebut secara menyeluruh. Edisi kesembilan kaedah 'Terus Membaca' pula telah diterbitkan pada tahun 2002. Koleksi terbitan kaedah tersebut semenjak tahun 1963 boleh didapati di Arkib Negara Malaysia.

Beliau juga melibatkan diri dalam beberapa persatuan pelajar dan wanita. Pada tahun 1949, beliau telah menjadi Yang Dipertua Wanita GPMS Cawangan Negeri Pahang dan dalam tahun 1954 beliau dilantik Naib Yang Dipertua Kaum Ibu UMNO Cawangan Raub. Beliau juga pernah menyandang jawatan Ketua Kaum Ibu UMNO Petaling Bahagia. Pada tahun 1976, beliau menjadi Naib Yang Dipertua Kelab Isteri Pegawai-pegawai Wisma Putra, Malaysia.

Dato' Noraihan telah dianugerahi Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) yang membawa gelaran 'Dato' oleh DYMM Sultan Pahang pada 24 Oktober 1983 kerana sumbangannya dalam bidang pendidikan di negeri Pahang. Beliau telah dikurniائي Ijazah Kehormat Kedoktoran (Pedagogi) oleh Phillipines Women's University, Manila, pada 27 Mac 1984 atas sumbangan dan dedikasinya dalam mengajar kaedah membaca dan menghapuskan buta huruf di Filipina.

Beliau telah meninggal dunia pada 12 Februari 1988 dalam satu kemalangan jalan raya di Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

NORHUDA AHMAD, LEFTENAN KOLONEL



Leftenan Kolonel Norhuda telah dilahirkan di Johor Bahru, Johor. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Perempuan Sultan Ibrahim, Johor Bahru, dan seterusnya pendidikan menengah di Sekolah Menengah Perempuan Sultan Ibrahim,

Johor Bahru. Sejak di bangku sekolah, beliau aktif dalam bidang sukan dan mewakili sekolah dalam acara olahraga, bola jaring dan hoki. Beliau pernah mewakili daerah Johor Bahru di peringkat Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah dalam acara olahraga dan bola jaring serta pernah mewakili negeri Johor di peringkat MSSM dalam acara olahraga.

Beliau telah menyambung pendidikan ke Tingkatan Enam di Sekolah Menengah St. George, Pulau Pinang, apabila mengikut ibu bapanya berpindah ke sana. Bapanya ialah Pegawai Penjara dan ibunya guru. Semasa di sana, beliau pernah mewakili Sekolah Menengah St. George dalam acara olahraga di peringkat Majlis Sukan Sekolah-sekolah Pulau Pinang.

Dengan kelulusan HSC, beliau telah menyertai Angkatan Tentera Malaysia pada bulan September 1977. Beliau merupakan antara kumpulan pelatih wanita pertama lepasan sekolah yang dilatih terus ke dalam Tentera Darat tanpa mengikuti latihan Askar Wataniah.

Beliau telah mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang komunikasi massa daripada UiTM pada tahun 1997. Semasa belajar, beliau pernah menjalani latihan amali (*internship*) di Cable News Network (CNN) Jakarta, selama empat bulan. Selepas itu, beliau melanjutkan pelajaran dan berjaya memperoleh Ijazah dalam pembangunan sumber manusia daripada UPM pada tahun 2000. Pada tahun 2003, beliau telah menerima Ijazah Sarjana dalam bidang pengajian pertahanan daripada UKM dan Diploma MPAT daripada Maktab Pertahanan Angkatan Tentera.

Lt. Kol. Norhuda telah bertugas dengan Kor Risik Diraja sejak beliau ditauliahkan pada 7 Januari 1978. Sepanjang perkhidmatan beliau dalam Tentera Darat, beliau telah ditugaskan di beberapa pusat latihan dan pasukan. Beliau pernah menjawat jawatan Jurulatih di Sekolah Pegawai Kadet, Port Dickson, Maktab Tentera Diraja, Sungai Besi dan Sekolah Perisikan Angkatan Tentera (yang kini digelar Pusat Latihan Perisikan Sungai Buloh).

Pada tahun 1983, Lt. Kol. Norhuda telah dipilih untuk mewakili Tentera Darat di dalam *instructor exchange programme* dengan Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Darat selama empat bulan. Beliau telah ditempatkan di Pusat Kor Wanita Angkatan Darat (PUSKOWAD) di Jakarta, dan di Sekolah Kor Wanita Angkatan Darat (SEKOWAD) di Bandung.

Antara tugas lain yang pernah dijabatnya ialah sebagai Pegawai Staf 3 di Anggota Tentera Cawangan Khas (ATCK), Bukit Aman, Pegawai Staf 2 Dasar dan Penyelidikan, Cawangan Sumber Manusia Markas Tentera Darat, Pegawai Staf 2 Geraksaraf di Markas 1 Divisyen Kuching, dan Pegawai Staf 1 Risik Markas 2 Divisyen Pulau Pinang. Beliau menjadi Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Tentera Wanita Darat sejak tahun 1997 dan sejak 3 Februari 2004, beliau ialah Komandan Pusat Latihan Perisikan di Kem Sungai Buloh, dan merupakan wanita pertama yang menjawat jawatan Komandan dalam Angkatan Tentera Malaysia. Beliau bertanggung-

jawab membuat analisis perisikan dan menjalin hubungan baik dua hala antara Malaysia dengan negara jiran.

Antara kursus yang pernah dihadiri ialah Foreign Officers Tactical Intelligence Course di Australia, Basic Special Banch Course di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), *All Arms Tactics Course* di PULADA, Kursus Maktab Turus Angkatan Tentera di Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) dan Kursus Maktab Pertahanan Angkatan Tentera di Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT). Beliau juga telah menghadiri Kursus Payung Terjun untuk melayakkan beliau memakai 'sayap' pada pakaian seragamnya. Lt. Kol. Norhuda merupakan pegawai wanita pertama di dalam Angkatan Tentera Malaysia yang menghadiri kursus-kursus *All Arms Tactics*, MTAT dan MPAT.

Lt. Kol. Norhuda telah dikurniai pingat Kesateria Angkatan Tentera (K.A.T.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1991.

NORMA MANSOR, PROFESOR DR.



Profesor Dr. Norma berasal dari Pasir Mas, Kelantan, dan telah dilahirkan pada 8 September 1957. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Shamsuddin Ali Hussin, Presiden sebuah bank, dan mereka mempunyai dua orang anak, iaitu Sheikh Irfan Mansor dan Irina Fatima. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Sultan Ibrahim, Pasir Mas, sebelum meneruskan pengajian di Kolej Sultan Ismail, Kota Bharu, Kelantan. Beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi pada tahun 1980. Pada tahun berikutnya, beliau memperoleh Ijazah Sarjana daripada University of Liverpool, England, dan mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang pentadbiran awam daripada universiti yang sama pada tahun 1985.

Kerjayanya dalam bidang akademik bermula di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya sebagai tenaga pengajar. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Profesor Madya pada tahun 1992 dan dilantik sebagai Profesor mulai tahun 2000 di Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya. Dalam tahun yang sama, beliau telah dilantik Ketua Jabatan di Fakulti Ekonomi sehingga tahun 2001. Ketika mengambil cuti sabatikal, beliau telah menjadi ahli akademik pelawat bagi beberapa institusi seperti Universiti Stanford, Massachusetts

Institute of Technology, East West Center di Amerika Syarikat dan Universiti Waseda, Jepun. Beliau juga pernah mengikuti latihan di INSEAD, Fontainebleau, Paris.

Sejak bulan September 2001 hingga sekarang, Prof. Dr. Norma memegang jawatan Pengarah Eksekutif Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA). Beliau bertugas melatih dan menasihati pengurus dan para pentadbir dari sektor kerajaan dan swasta mengenai perancangan strategik dan pembangunan polisi. Di INPUMA, beliau bertanggungjawab menubuhkan Jabatan Pengajian Malaysia di Universiti Kaherah, Mesir, yang telah dilancarkan pada 25 Jun 2003 yang bertujuan untuk menggalakkan kajian dan latihan berkaitan pengajian Malaysia di negara-negara Teluk.

Di samping INPUMA, beliau dijemput menasihati beberapa organisasi tempatan dan luar negara termasuklah Unit Perancangan Ekonomi, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak, OECD dan Bank Dunia. Selain itu, Prof. Dr. Norma juga terlibat dalam beberapa organisasi sosial. Antaranya, NCWO dengan memegang jawatan Ketua Suruhanjaya Ekonomi dan Pekerjaan, Asia Pacific Women in Politics Asia, Alumni Fulbright dan Women's Watch. Beliau juga adalah antara ahli pengasas Women Managers Association (WOW).

Prof. Dr. Norma kerap dijemput menyampaikan kertas kerja di dalam dan luar negara. Antaranya, persidangan ACWO, International Conference on Comparative Management dan Third Academic Conference on Management Development Institutions in South Asia (AMDISA). Beliau aktif menulis artikel di dalam jurnal akademik dan buku. Antaranya, *The Malaysian Case in Issues and Challenges for National Development* ditulis bersama Tan Sri Ahmad Nordin Haji Zakaria (1990), *Women Managers of Malaysia* ditulis bersama Sieh M.L., Lang C.Y. dan Phang S.N. (1991), *Managing for High Performance* ditulis bersama Muhammad Rais (1998), *Building a Multicultural Team in Understanding the Malaysian Workforce: Guidelines for Managers* (2002) dan *The Malaysian*

Bureaucracy: Four Decades of Development ditulis bersama Tan Sri Dato' Dr. Abdullah Sanusi Ahmad (Allahyarham) (2003).

Prof. Dr. Norma telah dianugerahi EEC ASEAN Fulbright Award dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Universiti Malaya bagi tahun 1996, 1998 dan 2000.

NORRAESAH MOHAMAD, DATO' DR.



Yang Berbahagia Dato' Dr. Norraesah telah dilahirkan pada tahun 1951 di Pulau Pinang, dan merupakan anak bongsu daripada lapan orang adik-beradik. Beliau telah berkahwin dan mempunyai empat orang anak. Beliau telah menuntut di Kolej Tunku Kur-

shiah sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dalam bidang ekonomi dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi pada tahun 1972. Pada tahun 1974, beliau telah mengambil Diploma in Commercial Policy di Geneva, Switzerland. Pada tahun 1982, beliau telah menyambung pengajian ke peringkat sarjana di International Institute of Public Administration, Paris, dan University of Paris I Pantheon-Sorbonne, Perancis, dan mendapat dua ijazah sarjana dalam bidang ekonomi antarabangsa dan ekonomi kewangan serta memperoleh anugerah juri. Beliau mendapat Ijazah Kedoktoran dengan kepujian daripada University of Paris I Pantheon-Sorbonne dalam bidang ekonomi dan kewangan antarabangsa pada tahun 1986.

Beliau memulakan kerjaya dengan menyertai perkhidmatan awam pada tahun 1972 sebagai Penolong Pengarah Bahagian Perdagangan Antarabangsa sehingga tahun 1975 dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Perdagangan Antara-

bangsa di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta mengetuai bahagian *International Trade Policies and Multilateral Negotiations* antara tahun 1975 hingga 1980. Dari tahun 1986 hingga 1988, beliau menjadi Penolong Kanan Setiausaha di Bahagian Kewangan, Jabatan Perbendaharaan dan bertanggungjawab tentang hal ehwal penswastaaan dan pengurusan hutang. Disebabkan kepakarannya dalam bidang perdagangan antarabangsa, beliau telah dilantik Konsultan untuk UNCTAD mengenai hubungan perdagangan antarabangsa Malaysia dengan negara-negara sosialis di Eropah Timur pada tahun 1979 dan menjadi perwakilan Malaysia ke Majlis Perniagaan AFTA-CER.

Selepas berkhidmat dengan kerajaan, beliau bertukar ke Esso (Malaysia) Berhad antara tahun 1988 hingga 1990, dan pernah menjadi Konsultan di Ishak Hamid & Associates dari tahun 1990 hingga 1991. Kemudian beliau menerajui sebuah syarikat Perancis, Credit Lyonnais, sebagai Ketua Eksekutif dan wanita pertama di rantau Asia Pasifik yang menyandang jawatan tersebut, mulai tahun 1991, selama lapan tahun sebelum dilantik Pengerusi Bank Kerjasama Rakyat Malaysia selama dua tahun. Beliau ialah wanita pertama di Malaysia yang memegang jawatan tersebut. Dalam tempoh yang sama hingga tahun 2003, beliau ialah Pengerusi Angkasaraya Development Berhad.

Dato' Dr. Norraesah turut melibatkan diri dalam politik. Beliau ialah Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Pengerusi Biro Ekonomi Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Pengerusi Biro Ekonomi Pergerakan UMNO Bahagian Balik Pulau serta Pemegang Amanah dan Pengarah IKPB (sebuah kumpulan *think tank* di bawah YAB Perdana Menteri).

Beliau juga terbabit dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan. Antaranya ahli Persatuan Malaysia-Indonesia (PERMAI), Ahli Majlis Kebangsaan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Ahli Jawatankuasa Kerja kawasan Asia Pasifik mengenai Wanita dan Pembangunan Persatuan Bulan Sabit Merah dan Pengerusi Tabung

Ehsan Kemboja. Selain itu, beliau juga Ahli MAPEN II dan Pengarah Dermajaya Sdn. Bhd.

Kini Dato' Dr. Norraesah ialah Pengerusi Alcatel Network Systems (M) Sdn. Bhd., Pengerusi Syarikat Cell Farming Ventures Sdn. Bhd., Pengerusi TMS Solutions Sdn. Bhd., Pengerusi Sinagama IT Sdn. Bhd. Beliau juga ialah Ahli Lembaga Pengarah Malaysian Oxygen Berhad, Siah Brothers Corporation Berhad, KESM Industries Berhad, KESM Road Technology (Malaysia) Sdn. Bhd., Kestronics Malaysia Sdn. Bhd., L'oreal (Malaysia) Sdn. Bhd., Bank Pertanian Malaysia dan Kolej Universiti Kejuruteraan Malaysia.

**NURAIZAH ABDUL HAMID,
TAN SRI DATUK (DR.)**



Yang Berbahagia Tan Sri Datuk (Dr.) Nuraizah dilahirkan pada 9 April 1944 di Perak. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Dato' Zainal Abidin Haji Ahmad dan mereka mempunyai tiga orang cahaya mata, iaitu Zainurazrein, Zainurazira dan

Mohd Zairul Azlan.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Government English Girls' School (GEGS) yang sekarang dikenali sebagai Sekolah Menengah Raja Perempuan Kelsom, Kuala Kangsar, Perak. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya pada tahun 1964 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1967. Seterusnya beliau memperoleh Diploma in Public Administration pada tahun 1970. Semasa dalam perkhidmatan awam, beliau telah menyambung pengajian dalam bidang yang sama di peringkat Sarjana di American University, Washington D.C., pada tahun 1973 hingga 1975. Beliau juga telah dihantar untuk menjalani Senior Management Training Programme di Harvard Business School, pada tahun 1997.

Tan Sri Nuraizah memulakan kerjaya sebagai anggota Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) dalam perkhidmatan awam sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Kabinet di Jabatan Perdana

Menteri pada tahun 1967 hingga 1969. Seterusnya antara 1970 hingga 1973, beliau ditempatkan sebagai Penolong Pengarah (Sektor Sosial), Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran (UPPKP) di Jabatan Perdana Menteri. Sekembalinya dari luar negara, beliau telah ditempatkan sebagai Pengarah (Sektor Pertanian) UPPKP pada tahun 1975. Setahun kemudian, beliau telah ditukar sebagai Setiausaha Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar. Selepas tiga tahun memegang jawatan tersebut, beliau telah dipinjamkan sebagai Pegawai Projek di Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP) selama dua tahun, iaitu daripada 1979 hingga 1981.

Selepas tempoh pinjamannya berakhir, Tan Sri Nuraizah telah ditempatkan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai Timbalan Pengarah, Bahagian Perjawatan, dari tahun 1981 hingga 1989, dan sebagai Pengarah, Bahagian Gaji dan Elaun dari tahun 1989 hingga 1992. Beliau kemudiannya ditukar menjadi Timbalan Ketua Setiausaha I, Kementerian Pendidikan. Empat tahun kemudian, iaitu pada tahun 1996, beliau dilantik Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (ditukar nama kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia mulai 1 November 1998). Beliau telah bersara daripada perkhidmatan awam pada 9 April 1999 tetapi dilanjutkan perkhidmatannya selama dua tahun lagi atas lantikan kontrak di jawatan yang sama. Walau bagaimanapun, sebelum tempoh kontrak ini tamat, beliau telah diberi lantikan kontrak yang baharu sebagai Pengerusi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk tempoh tiga tahun mulai 1 November 2000.

Di samping sibuk dengan tugas, beliau turut terlibat dengan aktiviti sosial. Tan Sri Nuraizah merupakan Pengerusi, Lembaga Penasihat Akademik, Profesional Advancement Achievement Centre. Beliau menjadi ahli Yayasan Salam Malaysia dan ahli Persatuan Alumni PTD. Beliau juga dilantik Penaung, Persatuan Bekas Murid-murid Sekolah Menengah GEGS /Sekolah Menengah Raja Perempuan Kelsom.

Beliau menerima anugerah bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1992. Pada tahun 1995, beliau dianugerahi Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.) oleh DYMM Sultan Perak yang membawa gelaran 'Dato' '. Seterusnya beliau dianugerahi bintang Panglima Jasa Negara (P.J.N.) pada tahun 1998 oleh Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong yang membawa gelaran 'Datuk'. Pada tahun 2000, beliau telah menerima anugerah darjah Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran 'Tan Sri', dan merupakan wanita pertama dalam PTD yang menerima anugerah ini. Pada tahun 2003, beliau telah dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) oleh Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Johor.

OOI CHEAN SEE, DATUK



Yang Berbahagia Datuk Ooi Chean See telah dilahirkan pada 18 Mac 1962 di Pulau Pinang. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Residency Road Girls' School dan St. George Girls' School. Beliau telah mula belajar ber-

main piano sejak kecil lagi dan mengikuti kelas bimbingan di bawah Malcolm Frager dan Karl-Heinz Kammerling. Pada tahun 1986, beliau telah memasuki *Folkwang Musikhochschule* di Essen, Jerman. Pada tahun 1987, beliau belajar menjadi konduktor muzik di bawah tunjuk ajar Volker Wangenheim di Cologne, Jerman, dan tamat pengajian dengan kepujian pada tahun 1991. Sejak itu, beliau telah memperoleh pengalaman berharga melalui kerjasama dengan Wolfdeiter Hausschild, Heribert Beissel dan Dennis Russel Davies.

Pada tahun 1991, beliau telah memasuki *Musikhschule Cologne* dan dalam tahun yang sama, beliau berjaya menggondol tempat pertama dalam Pertandingan Konduktor Pertama di Orkestra Klasik Filharmonik, Bonn. Sebelum ini, beliau telah muncul sebagai konduktor jemputan dengan orkestra-orkestra Eropah yang lain termasuklah Orkestra Beethovenhalle Bonn, Orkestra Filharmonik Bremen State dan Orkestra Filharmonik Halle State.

Datuk Ooi Chean See adalah antara beberapa orang wanita dalam bidang muzik klasikal yang memegang kedudukan penting sebagai konduktor orkestra antarabangsa apabila dilantik Konduktor Residen Orkestra Filharmonik Malaysia pada tahun 1997. Orkestra ini telah memberi persembahan sulungnya di Dewan Filharmonik PETRONAS pada 17 Ogos 1998. Kerjaya beliau sebagai konduktor muzik telah membawanya ke serata Eropah, Amerika Selatan dan Asia Tenggara. Beliau telah mengadakan bengkel-bengkel di Malaysia, Jerman, Perancis dan yang paling terkini di Jeunesses Musicales World Orchestra di Manila, diikuti dengan persembahan menjelajah Korea dan Malaysia.

Beliau juga turut terlibat dalam mengadakan persembahan bersama orkestra-orkestra lain seperti Orkestra Filharmonik Bohemia Chamber dan Orkestra Southwest German Chamber, dua persembahan opera, *Fidelio*, karya Beethoven dan *The Magic Flute* karya Mozart, di Salvadore de Bahia, Brazil dan menjadi konduktor jemputan dengan Czech Virtuosi di Easter Festival of Sacred Music di Republik Czech. Datuk Ooi Chean See juga telah menjelajah Slovenia dengan *Chur Colnische Choir* yang telah memenangi Anugerah Koir Sedunia di bawah pimpinan muzikal beliau.

Datuk Ooi Chean See telah dikurniai Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N.) yang membawa gelaran 'Dato' oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada bulan Jun 2000. Bagi mengiktiraf kejayaannya, beliau telah dianugerahi Fellowship Eisenhower pada awal tahun 2002 dan telah melawat Amerika Syarikat dalam program Fellowship bersama personaliti-personaliti lain yang telah dipilih dari seluruh dunia atas kecemerlangan dalam profesion masing-masing dan potensi dalam kepimpinan. Beliau telah dikurniai Darjah Panglima Jasa Negara (P.J.N.) yang membawa gelaran 'Datuk' oleh Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong, pada 7 Jun 2003. Beliau juga telah dianugerahi Federal Cross of Merits oleh Kedutaan German oleh Presiden German Jurgen, A.R. Staks pada tahun 2003.

OON, B.H.
(MENDIANG)



Nama sebenar beliau ialah Lim Beng Hong. Beliau telah dilahirkan di Pulau Pinang, dan mendirikan rumah tangga dengan Dr. G.Y. Oon, berasal dari Indonesia. Mereka dikurniai seorang anak lelaki yang bekerja sebagai peguam. Beliau merupakan wanita pertama Tanah Melayu menjadi peguam.

Puan B.H. Oon mendapat pendidikan di Sekolah Perempuan St. George, Pulau Pinang, hingga lulus Senior Cambridge. Beliau pernah bertugas sebagai guru dari tahun 1920 hingga 1923 dan telah mengikuti latihan perguruan di bawah Rancangan Raffles' Girls Teachers Training Scheme dari tahun 1923 hingga 1926. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran dalam jurusan undang-undang di Inner Temple, University College, London, sehingga memperoleh ijazah sarjana muda undang-undang. Beliau dan abangnya, Lim Khye Seng, telah mencipta sejarah pada tahun 1926 apabila mereka berdua telah diterima ke Bar di London pada hari yang sama, iaitu 16 Jun.

Puan B.H. Oon merupakan wanita pertama Malaya yang diterima masuk ke English Bar dan merupakan wanita kedua dari Asia yang layak diterima sebagai peguam di England. Pada tahun

berikutnya, beliau dan abangnya sekali lagi telah diterima masuk ke Bar Pulau Pinang pada hari yang sama, iaitu 4 Julai. Mereka berdua telah membuka sebuah firma guaman Lim & Lim Peguam Cara dan Peguam Bela dan beliau menjadi rakan kongsi utama.

Pada bulan Julai 1927, beliau berkhidmat sebagai peguam di Mahkamah Daerah Pulau Pinang dalam Sistem Perkhidmatan Undang-undang Negeri-negeri Selat. Selepas berkahwin di England, beliau telah kembali ke Pulau Pinang dan menjadi rakan kongsi abang iparnya, G.H. Goh, di Bukit Mertajam, pada tahun 1933. Pada masa itu, beliau dikatakan hanya layak untuk melakukan kerja-kerja pejabat tetapi selepas berjaya memenangi kesnya yang pertama di Mahkamah Tinggi, barulah beliau diterima sepenuhnya sebagai seorang peguam. Dalam masa yang sama, beliau telah melibatkan diri dalam kegiatan kebajikan di Province Wellesley (kini Seberang Perai), dan telah dilantik Bendahari Kehormat Women's Service League.

Dalam tahun 1935, beliau telah bertukar ke Perkhidmatan Undang-undang Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Semasa darurat di Tanah Melayu, beliau telah memberikan khidmat cemerlang terutamanya kepada penduduk-penduduk di perkampungan baharu. Puan B.H. Oon bersama-sama suaminya telah membantu penduduk di Kampung Baharu Val D'or dengan memberikan perkhidmatan perubatan percuma dan menjaga hal ehwal kebajikan mereka. Beliau sering membuat kerja-kerja kebajikan untuk penduduk di kawasan-kawasan kampung baharu di Pulau Pinang dan Seberang Perai. Beliau juga terkenal sebagai peguam bela semasa zaman perisytiharan darurat.

Dari tahun 1948 hingga 1955, beliau telah dilantik ke Majlis Undangan Persekutuan untuk mewakili bidang profesion, pendidikan dan kebudayaan. Dengan pelantikan ini, beliau menjadi salah seorang daripada dua orang wanita yang dilantik ke majlis tersebut dan wanita pertama dari Pulau Pinang yang berada di Majlis Persekutuan. Pada tahun 1950, beliau telah menerima Leadership Grant yang pertama daripada Kerajaan Amerika Syarikat yang memberi

peluang kepada beliau membuat lawatan ke Amerika Syarikat selama empat bulan. Dari bulan Disember 1954 hingga 1957, beliau juga ialah Ahli Majlis Perbandaran Butterworth.

Beliau merupakan antara Pengasas MCA dan Pengerusi Cawangan MCA Seberang Perai tetapi kemudiannya terlibat dengan penubuhan Province Wellesley Labour Party pada tahun 1952. Parti tersebut telah berkubur apabila beliau menarik diri daripada politik pada tahun 1960.

Puan B.H. Oon telah menubuhkan Persekutuan Peguam Wanita Utara Malaya pada tahun 1964 dan telah dilantik Presiden yang pertama. Beliau juga ialah Pengasas dan Presiden pertama Persatuan Bekas Pelajar Sekolah Perempuan St. George. Pada tahun 1971, beliau menjadi wanita Malaysia yang pertama dilantik Yang Dipertua International Federation of Women Lawyers dan pelantikan beliau telah dibuat di Santiago, Chile; pertubuhan ini beribu pejabat di New York. Beliau telah memegang jawatan ini selama tiga tahun.

Atas sumbangan dan jasa-jasanya, beliau telah dikurniai Officer of the Order of the British Order (O.B.E.) pada tahun 1951. Pada 27 Oktober 1974, beliau telah dianugerahi Pingat Emas Tun Fatimah oleh NCWO.

Beliau telah meninggal dunia pada 3 Februari 1979 di Butterworth, Pulau Pinang.

PHANG, O.C., DATIN PADUKA



Nama sebenarnya ialah Datin Paduka Phang Oi Choo dan dilahirkan pada 5 Disember 1946 di Klang, Selangor. Yang Berbahagia Datin Paduka O.C. Phang telah menuntut di Sekolah Convent Bukit Nanas dan Sekolah Convent Sentul, Kuala Lumpur. Ke-

mudahan beliau menyambung pengajian di Universiti Malaya dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Geografi) dengan Kepujian pada tahun 1970. Semasa berkhidmat dengan kerajaan, pada tahun 1981, beliau telah dihantar mengikuti Program Pembangunan Pengurusan di Cranfield School of Management di United Kingdom pada tahun 1981.

Kerjayanya dalam PTD bermula pada bulan Ogos 1971 sebagai Penolong Setiausaha (Pentadbiran) di Unit Perancangan Am di Jabatan Perdana Menteri. Dari tahun 1975 hingga 1977, beliau menjadi Penolong Pengarah Kanan di Biro Pengaduan Awam di Jabatan Perdana Menteri dan dari tahun 1978 hingga 1980, beliau bertugas sebagai Pegawai Pentadbir Kanan di Bahagian Bangunan di Jabatan Kerja Raya. Beliau telah dihantar ke Bahagian Kewangan, Kementerian Kerja Raya dan berkhidmat sebagai Ketua Penolong Setiausaha dari tahun 1981 hingga 1985. Mulai bulan Mei 1985, beliau menjadi Setiausaha Bahagian Kewangan di Kementerian

Pengangkutan dan kemudiannya sebagai Pengarah Maritim di Kementerian yang sama dari bulan September 1992 hingga Ogos 1997. Sejak itu, beliau dilantik Pengurus Besar/Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pelabuhan Klang dan merupakan wanita pertama di Malaysia yang dilantik memegang jawatan tersebut.

Pada masa ini, penglibatan wanita di peringkat pelabuhan-pelabuhan lain di dunia ialah Port of Fremantle, Australia Barat, Port of Tacoma, di Amerika Syarikat, Port Autonomi de Conakry, Republic of Guinea dan Port of Stockholm, Sweden.

Ketika berkhidmat sebagai Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang, Datin Paduka O.C. Phang telah mengambil beberapa langkah untuk menaikkan imej Pelabuhan Klang di mata masyarakat tempatan dan masyarakat luar. Antaranya, beliau mengadakan 'Hari Terbuka Pelabuhan Klang', mengadakan mesyuarat berkala di antara pihak penting yang terlibat dalam jaringan pengangkutan di Pelabuhan Klang dan membantu Operator Terminal untuk lebih memfokuskan perhatian kepada pelanggan. Di samping itu, beliau turut mengadakan lawatan ke pelabuhan-pelabuhan untuk memasarkan Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Utara kepada pelanggan tempatan dan antarabangsa, membuat rancangan pemasaran dengan menyertai pameran-pameran dan lawatan-lawatan dan mengadakan Malam Penghargaan kepada para pengguna Pelabuhan Klang bagi menghidupkan imej pelabuhan sebagai pelabuhan yang mesra dan berfokus pada pengguna.

Di samping itu, Datin Paduka O.C. Phang telah mengambil langkah-langkah untuk menjadikan suasana pekerjaan lebih kondusif bagi pekerja-pekerja di Pelabuhan Klang dan daripada 60 orang kakitangan yang telah dicalonkan untuk anugerah, dalam empat tahun kebelakangan, 75% telah berjaya menerima anugerah dan diberikan pengiktirafan oleh Kerajaan Negeri Selangor berbanding pada tahun-tahun sebelum tahun 1997. Beliau telah mencadangkan idea mengadakan Hari Keluarga Tahunan bagi kakitangan serta keluarga mereka yang telah dibuat di pelbagai tempat di seluruh

Malaysia. Malahan, beliau telah menjadualkan latihan tahunan untuk kakitangan bagi memperbaiki diri mereka dan memberi pendedahan kepada mereka, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Beliau juga telah melakukan anjakan paradigma melalui 'pendekatan lembut' dan bekerja rapat dengan Operator Terminal agar wujud sinergi yang positif.

Selain itu, Datin Paduka O.C. Phang turut terbabit dalam menjadikan Malaysia tuan rumah beberapa persidangan pelabuhan. Antaranya, Pameran dan Seminar Jawatankuasa Utama ASEAN Ports Association (APA) di Shah Alam pada tahun 1998, Persidangan Persatuan Pelabuhan-pelabuhan dan Pengkalan-pengkalan Sedunia yang dikenali sebagai International Association of Ports and Harbours (IAPH) yang diadakan buat pertama kalinya di Malaysia, iaitu di Palace of the Golden Horses dan The Mines pada tahun 1999, Perjumpaan Sukan APA di Shah Alam, pada tahun 2000, World Dredging Congress (WODCON) yang diadakan di Subang Jaya, pada tahun 2001 di mana Lembaga Pelabuhan Klang telah dipilih menjadi Sekretariat bagi Eastern Asia Dredging Association (EADA), menggantikan Brisbane, Australia, dan Persidangan Operator Terminal (TOC) yang berlangsung buat pertama kalinya di Kuala Lumpur pada tahun 2002.

Beliau juga telah menggalakkan kedatangan kapal-kapal tentera dari luar negara ke Pelabuhan Klang seperti *USS Constellation*, *USS Independence*, *Juan Sebastian De Alcano*, *HMS Liverpool* dan *HMS Greyrover*. Ini secara tidak langsung dapat menggalakkan aktiviti pelancongan di mana kelasi-kelasi kapal dapat melancong dan menikmati prasarana keindahan di dalam negara.

Datin Paduka O.C. Phang telah berjaya menjadikan Pelabuhan Klang pelabuhan pertama di Malaysia yang memperoleh Sijil MS ISO 9002 bagi Zon Komersial Bebas di Pelabuhan Klang. Pada tahun 1999, beliau membawa Pelabuhan Klang memenangi Anugerah Emas IAPH bagi pembangunan penggunaan teknologi maklumat di Zon Komersial Bebas di Pelabuhan Klang. Selain itu, beliau juga

mendapat Anugerah Perkhidmatan Efisien dari National Chamber of Commerce and Industry Malaysia (NCCIM). Buat masa ini projek ini telah dicalonkan antara 20 sistem teknologi untuk bersaing di pertandingan Anugerah E-Asia yang dianjurkan oleh Asia Pacific Consent for Trade Facilitation and Electronic Business (AFACT) yang diadakan di Taiwan dalam bulan Oktober 2003.

Selain memegang jawatan di Lembaga Pelabuhan Klang, beliau pernah menjadi Pengerusi Memorandum Persefahaman Asia Pasifik mengenai Kawalan Pelabuhan Negeri (PSC) dari tahun 1994 hingga 1997, pertama kali seorang wanita memegang jawatannya setakat ini, Pengerusi Jawatankuasa Standard Industri (Pembungkusan dan Pengedaran) di bawah SIRIM di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dari tahun 1998 hingga 2001, Pengerusi Jawatankuasa Keahlian IAPH dari tahun 1999 hingga 2002, Exco IAPH mewakili Malaysia bagi rantau Asia Oceania dari tahun 1999 hingga 2002, Naib Presiden Ketiga IAPH dari tahun 2002 hingga 2003 dan Naib Presiden Kedua IAPH sejak bulan Mei 2003. Dua jawatan akhir ini merupakan yang pertama kali dipegang oleh warganegara Malaysia dan oleh seorang wanita di pertubuhan tersebut. Mulai tahun 1998, beliau ialah Pengerusi APA mewakili pelabuhan-pelabuhan Malaysia.

Walaupun sibuk dengan tugas seharian, Datin Paduka O.C. Phang turut melibatkan diri dalam kegiatan sosial dan masyarakat. Beliau ahli seumur hidup Persatuan Tadbir dan Diplomatik, ahli seumur hidup MCA dan ahli seumur hidup Kuala Lumpur and Selangor Gardening Society. Beliau juga ahli Kuala Lumpur Chinese Opera Club dan Fellow Chartered Institute of Transport (FCIT).

Beliau telah dianugerahi bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada tahun 1985 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Per-tuan Agong dan Darjah Dato' Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (D.S.S.A.) pada tahun 2001 oleh DYMM Sultan Selangor yang membawa gelaran 'Datin Paduka'.

PUTEH MARIAH IBRAHIM RASHID, PUAN SRI DATIN



Yang Berbahagia Puan Sri Datin Puteh Mariah telah dilahirkan pada tahun 1914 di Kuala Kurau, Perak, dan merupakan anak sulung daripada lima orang adik-beradik. Beliau telah berkahwin dengan Tan Sri Dato' Zainal Abidin Abas (Allahyarham) dan mereka telah dikurniai empat orang anak, iaitu Zainon, Zain Azahari, Tan Sri Zain Azraai (Allahyarham) dan Zainee Kamariah. Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Melayu St. Agnes, Teluk Intan, Perak.

Beliau mula menceburi bidang politik dengan menjadi ahli Perikatan Melayu Perak dan telah mewakili pertubuhan tersebut ke Kongres Melayu Pertama di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, pada tahun 1946. Kongres inilah yang telah membawa kepada penubuhan UMNO. Sebagai wakil UMNO, beliau telah dipilih menganggotai Jawatankuasa Kerja Perlembagaan pada tahun 1947 yang terlibat dalam penyediaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Selepas itu, beliau telah dilantik Ahli Majlis Perundangan Persekutuan dan Jawatankuasa Tetap Persekutuan mengenai kewangan dari tahun 1948 hingga 1955.

Beliau juga menjadi Ahli Majlis Perundangan Negeri Perak dalam tahun 1948 dan 1949. Beliau telah dipilih menjadi Ketua

Pergerakan Kaum Ibu UMNO Bahagian Kuala Lumpur selama beberapa tahun. Pada tahun 1948, beliau telah dilantik Pengerusi Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaya yang pertama sehingga tahun 1950. Walau bagaimanapun, selepas Allahyarham Dato' Onn Ja'afar keluar dari UMNO dan menubuhkan Parti Negara, Puan Sri Datin Puteh Mariah turut menyertai parti tersebut. Pada tahun 1955 hingga 1956, beliau telah dilantik Setiausaha Agung Parti Negara sehingga tahun 1956 dan menjadi Pengerusi Tetap dari tahun 1958 hingga 1960.

Selain itu, beliau turut membabitkan diri dalam kegiatan kebajikan dan telah menganggotai beberapa jawatankuasa dalam pelbagai pertubuhan seperti yang berikut: Citizen's Advisory Bureau di Ipoh (1945-1947), Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Pasukan Polis Khas (Special Constable) di Kuala Kubu Baru (1949-1949), Majlis Kebajikan Pusat (1948-1962), Jawatankuasa Kebajikan Negeri Selangor (1950-1953) sebagai ahli dan Pengerusi (1953-1956), Presiden Persatuan Pandu Puteri Malaya (1957-1963) dan merupakan anak tempatan pertama yang memegang jawatan tersebut. Beliau juga ialah Ahli Jawatankuasa Persatuan Pelajaran Dewasa Malaya (Adult Education Association Malaya) dari tahun 1950 hingga 1973, Pengasas Persatuan Orang-orang Buta Malaysia dan juga Ahli Majlis dan Ahli Jawatankuasa Kerjanya dari tahun 1952 hingga 1958 serta Ahli Majlis dan Ahli Jawatankuasa kerja Perkumpulan Malaya pada tahun 1952.

Beliau ialah salah seorang Pengasas MKKM dan telah dilantik Naib Yang Dipertua dari tahun 1962 hingga 1975, salah seorang Pengasas Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Persekutuan Tanah Melayu yang telah ditubuhkan pada tahun 1961 dan pernah diangkat menjadi Naib Yang Dipertua dan telah mewakili LKPIM dalam NACIWID dari tahun 1976 hingga 1980. Beliau juga pernah menjawat jawatan Naib Pengerusi NACIWID dan Ahli Jemaah Universiti Malaya antara tahun 1975 hingga sekitar tahun 1980-an.

RAFIAH SALIM, DATUK



Yang Berbahagia Datuk Rafiah telah dilahirkan pada 13 Mei 1947 di Kuala Krai, Kelantan. Beliau telah berkahwin dengan Encik Selamat Bajuri dan mereka mempunyai empat orang anak, iaitu Suhana Dewi, Suhazi Reza, Suhani Idayu dan Suhaida Adura.

Beliau mempunyai kelulusan undang-undang, iaitu Ijazah Sarjana Muda (L.L.B.) dan Ijazah Sarjana (L.L.M.) daripada Queen's University of Belfast disamping Sijil Amalan Guaman (C.L.P.).

Kerjaya beliau bermula sebagai pensyarah di Fakulti Undang-undang Universiti Malaya antara tahun 1974 hingga 1986. Beliau dilantik Dekan Fakulti Undang-undang universiti yang sama pada tahun 1987 hingga 1988. Seterusnya beliau berkhidmat di Malayan Banking Berhad sebagai Pengurus Besar Sumber Tenaga Manusia dari tahun 1988 hingga 1995. Beliau menjadi Ahli Tribunal Hak Cipta dari tahun 1987 hingga 1997. Antara tahun 1991 hingga 1993, beliau memegang jawatan Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan dan dalam masa yang sama menjadi Presiden Persatuan Bank-bank Komersial Malaysia. Pada tahun 1992, beliau memegang jawatan Timbalan Pengerusi Malaysian Employers' Federation. Dari tahun 1994 hingga 1995, beliau dilantik Profesor Pelawat di UPM. Beliau ditukarkan ke Bank Negara dan menjawat jawatan Penolong

Gabenor antara tahun 1995 hingga Oktober 1997. Bermula pada 15 Januari 1997, beliau bertugas sebagai Penolong Setiausaha Agung PBB sehingga 31 Disember 2002 dan merupakan satu-satunya rakyat Malaysia yang pernah memegang jawatan tersebut. Beliau kembali berkhidmat sebagai Penolong Gabenor Bank Negara pada 16 Januari 2003. Kini beliau dilantik Pengerusi Eksekutif International Centre for Leadership Finance.

Selain itu, Datuk Rafiah juga terbabit dalam pelbagai kegiatan sukarela dan kebajikan. Beliau dilantik Ketua II PERTIWI bermula dari tahun 1984 hingga 1989. Beliau juga dilantik Ahli Jawatankuasa National Governing Council, ASEAN Law Association dari tahun 1987 hingga 1988. Sekitar tahun 1990-an, beliau pernah memegang jawatan Pengerusi University Women's Association.

Beliau menghasilkan beberapa buah penulisan, antaranya, buku *Cases and Materials in Evidence, Malaysia and Singapore* Cetakan Pertama (1989) dan Cetakan Kedua (1994), satu bab bertajuk *Domestic Law – Focusing on the Multi-Racial Community: The Malaysian Experience* dalam buku *Women and the Law* (1983), satu bab yang bertajuk *The Legal Status of Women in a Multi-Racial Malaysian Society* dalam buku *Women in Malaysia* (1984) dan satu bab bertajuk *Kewajipan Fidusiari Pengarah – Satu Dilema Undang-undang* dalam buku *Menghormati Ahmad Ibrahim* (1988). Di samping itu, beliau juga banyak menulis artikel undang-undang, antaranya, *Company Law and Partnership, Survey of Malaysia* (1974), *Evidence, Survey of Malaysian Law* (1986) dan *Due Process Dalam Disiplin Pelajar* (1988).

Semasa beliau terlibat dalam bidang akademik dan perbankan, beliau sering dijemput membentangkan kertas-kertas kerja. Antaranya, *Undang-undang Keluarga dan Kebudayaan Kelantan* di Seminar Kebudayaan Kelantan, di Kota Bharu, Kelantan, pada bulan April 1980, *Family Law for Non-Muslims* di Women and the Law Seminar di Universiti Malaya, pada bulan Julai 1981, *Female Migrant Workers – the Law in Malaysia* di ASEAN Women Seminar, Bangkok, pada

tahun 1983, *Micrographics as Evidence* di Seminar on Micrographics for Information Management di Petaling Jaya, pada tahun 1987 dan *Banking and Finance Institutions Act* di seminar anjuran Association of Banks pada tahun 1989.

Selain itu, beliau juga pernah dijemput sebagai ahli panel dalam pelbagai forum, terutama mengenai kedudukan wanita dalam Undang-Undang Malaysia dan juga topik-topik lain berkaitan dengan undang-undang, sama ada di dalam atau di luar negara. Antaranya, *Hak Wanita Dalam Undang-undang* yang disampaikan kepada pegawai-pegawai wanita di Kementerian Kewangan pada bulan November 1983, *Contractual Rights of the Malaysian Artists* yang disampaikan kepada Persatuan Artis Malaysia di Kuala Lumpur, pada tahun 1988, *Change of Culture* yang disampaikan kepada Human Resource Association of Public Service di New Jersey, Amerika Syarikat, pada tahun 2001, *Managing Gender Streaming* yang disampaikan kepada para duta ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada bulan Julai 2001, dan *Reform in the United Nations*, sebuah ucaptama yang disampaikan dalam International Personnel Management Association di Ottawa, Kanada, pada bulan Oktober 2002.

Pada tahun 2001, Datuk Rafiah telah dianugerahi gelaran 'Tokoh Wanita Kelantan'. Pada tahun 2004, beliau telah dianugerahi bintang Panglima Jasa Negara (P.J.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang membawa gelaran 'Datuk'.

RAFIDAH AZIZ, DATO' SERI (DR.)



Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah telah dilahirkan di Selama, Perak, pada 4 November 1943. Keluarganya telah berpindah ke Selangor pada tahun 1946. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Baru (1948-1950), Sekolah Convent

Bukit Nanas (1951-1953 dan 1956-1958), Sekolah Zainab, Kota Bharu, Kelantan (1953-1956), Sekolah Convent of the Holy Infant Jesus Johor Bahru (1959-1960) dan di Victoria Institution, Kuala Lumpur (1961-1962). Selepas itu, beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dalam bidang ekonomi dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1966 dan Ijazah Sarjana pada tahun 1970. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tan Sri Mohamed Basir Ahmad dan mereka mempunyai tiga orang anak.

Dato' Seri Rafidah mula bertugas sebagai tutor di Universiti Malaya dari tahun 1966 hingga 1970 dan kemudian dilantik Penolong Pensyarah dari tahun 1970 hingga 1973 dan seterusnya Pensyarah dari tahun 1973 hingga 1976. Pada tahun 1975 dan 1976, beliau telah menjadi Pengerusi Bahagian Pembangunan Desa di Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya. Beliau dilantik Senator pada tahun 1974, dan seterusnya menceburi dunia politik sepenuh masa.

Penglibatan beliau dalam bidang sosial dan ekonomi bermula semenjak tahun 1964 apabila beliau membentangkan satu kertas kerja mengenai masalah wanita dalam pekerjaan dan masalah wanita luar bandar dalam beberapa seminar. Antara jawatan-jawatan yang dipegangnya ialah Ahli Majlis MARA (1975-1976), Ahli Lembaga RISDA (1973-1976), Ahli Majlis Pelindung dan Penasihat Pengguna (1973-1976), Ahli Jawatankuasa Pusat ICA (1972-1976), Ahli LPPKN (1973-1976) dan Ahli Majlis Penasihat dan Perunding Belia Kebangsaan. Beliau juga pernah menjadi Ahli Eksekutif Jawatankuasa CPA cawangan Malaysia, Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Malaysia, Pengerusi Lembaga Pengelola Kolej Tunku Kurshiah, Presiden Persatuan Bola Sepak Wanita Selangor dan Wilayah Persekutuan, Ahli Jawatankuasa Persatuan Bola Sepak Wanita Malaysia, Naib Presiden ANGKASA dan Pengerusi Lembaga Amanah Persatuan Perpustakaan Malaysia.

Beliau berhenti dari jawatan pensyarah di Universiti Malaya setelah dilantik Setiausaha Parlimen di Kementerian Perusahaan Awam pada tahun 1976 dan seterusnya menjadi Timbalan Menteri Kewangan pada tahun 1977 hingga 1980. Beliau telah meletakkan jawatan sebagai Senator untuk bertanding dalam pilihan raya Kuala Kangsar pada tahun 1978. Beliau telah memenangi kerusi Parlimen kawasan Selayang dan telah dilantik Ahli Jemaah Menteri pada tahun 1980, memegang jawatan Menteri Perusahaan Awam. Beliau menjadi Ahli Parlimen Kawasan Kuala Kangsar mulai tahun 1982. Sejak tahun 1987, beliau ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta ahli Parlimen Kuala Kangsar hingga sekarang.

Dato' Seri Rafidah membabitkan diri secara langsung dan aktif dalam bidang politik pada tahun 1969. Antara jawatan yang pernah dipegangnya ialah Naib Ketua Wanita cawangan Petaling Jaya Selatan dan Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian Bangsar/Petaling. Dalam Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, beliau pernah menjadi Pengerusi Biro Ekonomi dari tahun 1973 hingga 1984, Pengerusi Biro Pengguna dari tahun 1980 hingga 1987, Exco Pergerakan Wa-

nita UMNO sejak tahun 1972, Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dari tahun 1980 hingga 1984, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Negeri Perak dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dari tahun 1984 hingga 1996 dan dari tahun 1999 hingga kini.

Selain itu, beliau turut melibatkan diri dalam beberapa badan kebajikan. Antaranya menjadi Penasihat GPMS, Penaung Peniaga-wati, Penaung Kelab Kiwanis, Penaung NAWEM (Persatuan Usahawan Kebangsaan Wanita Malaysia), Penaung IABC/Malaysia (International Association of Business Communication), Penasihat Persatuan Siswazah Wanita Malaysia, Penaung USAHANITA (Persatuan Usahawan Bumiputera Malaysia) dan Penaung GKW (Gabungan Kontraktor Wanita). Dato' Seri Rafidah juga ialah Penaung Utama, Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia. Di samping itu beliau juga Penaung dan Penasihat di beberapa institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Dalam UMNO Malaysia pula, beliau telah dilantik Ahli Jawatankuasa Biro Ekonomi UMNO dari tahun 1973 hingga 1978 dan memenangi pertandingan untuk kerusi Majlis Tertinggi UMNO sejak tahun 1975. Beliau ialah Naib Presiden UMNO Malaysia dari tahun 1984 hingga 1996 dan dari 1999 hingga kini, Pengerusi Wanita Barisan Nasional dari tahun 1984 hingga 1996 dan dari 1999 hingga sekarang, Ahli Jawatankuasa Biro Kewangan UMNO, Ahli Jawatankuasa Perlembagaan UMNO, Ahli Jawatankuasa Disiplin UMNO, Ahli Jawatankuasa Biro Politik dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan UMNO.

Dato' Seri Rafidah telah mewakili Malaysia ke beberapa persidangan di luar negara. Antaranya ialah mengetuai delegasi Malaysia di beberapa persidangan tahunan ICA, Seminar UNESCO mengenai pembangunan sosiologi di Bagio, Filipina, (1969), Persidangan Serantau University Women di Auckland, New Zealand, (1972), Mesyuarat Jawatankuasa Wanita dan Jawatankuasa Pusat ICA semenjak tahun 1972 di Vienna, Budapest, Rome, Stockholm dan Paris, Asian

Top Leaders Cooperative Conference di Tokyo, pada tahun 1974, Mesyuarat UNESCO mengenai Pendidikan untuk Pekerja sebagai wakil ICA di Paris, pada tahun 1975 dan Mesyuarat Asian Development Bank di Vienna, pada tahun 1978. Beliau pernah mengetuai delegasi Malaysia ke Persidangan Commonwealth Young Leaders di Sri Lanka, pada tahun 1979 dan Ketua Perwakilan Malaysia ke World Conference of the United Nations' Decade for Women di Copenhagen, Denmark, pada tahun 1980 dan seterusnya di Nairobi, (1985). Sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri beliau sering mengetuai rombongan-rombongan perdagangan dan pelaburan ke serata dunia serta mengiringi lawatan rasmi Perdana Menteri ke negara-negara asing. Beliau juga pernah mewakili Asia Tenggara dalam Jawatankuasa Eksekutif CPA.

Bagi mengenang sumbangan dan jasa-jasanya yang begitu banyak kepada masyarakat dan negara, beliau telah dikurniai bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1974, Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) oleh DYMM Sultan Selangor pada tahun 1978 yang membawa gelaran 'Datin Paduka', Darjah Seri Paduka Mahkota Perak (S.P.M.P.) yang membawa gelaran 'Dato' Seri' pada tahun 1989 dan Darjah Sri Paduka Mahkota Terengganu (S.P.M.T.) pada tahun 1998 yang membawa gelaran 'Dato' ' serta Darjah Kebesaran Panglima Negara Bintang Sarawak (P.N.B.S.) pada tahun 2003 yang membawa gelaran 'Datin Sri'. Beliau juga telah dianugerahi Knight Grand Cross of the Most Exalted Order of the White Elephant oleh Kerajaan Thailand pada tahun 1993. Pada tahun 1992 Dato' Seri Rafidah dianugerahi Pingat Emas Tun Fatimah oleh NCWO.

Beliau juga telah dianugerahi Grand Cross of the Order of Mayo oleh Kerajaan Republik Argentina pada tahun 1993, *Order De Bernardo O' Higgins* — In the Rank of Gran Cruz oleh Kerajaan Republik Chile pada tahun 1994 dan Legion of Honor Award oleh the World Association for Small and Medium Enterprise (WASME)

pada tahun 1997. Beliau juga telah dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh UPM pada bulan Julai 1997.

RAHAH TAN SRI HAJI MOHD NOAH, TUN



Yang Amat Berbahagia Tun Rahah telah dilahirkan di Muar, Johor, pada 11 Jun 1933. Beliau ialah balu kepada Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Haji Abdul Razak Dato' Hussein (Allahyarham). Mereka mempunyai lima orang anak lelaki, iaitu YAB Dato' Sri Najib, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Ahmad Johari, Datuk Mohd. Nizam, Mohd. Nazim dan Dato' Mohd. Nazir.

Beliau telah menerima pendidikan di sekolah-sekolah agama, Melayu, Jepun dan Inggeris kerana mengikuti bapanya yang sering berpindah tempat kerja. Beliau telah melanjutkan pelajaran hingga lulus darjah tujuh di Sekolah Convent of the Holy Infant Jesus, Johor Bahru.

Tun Rahah bergiat aktif dalam Pergerakan Kaum Ibu UMNO dan terlibat dengan Pergerakan Wanita UMNO Petaling Jaya. Beliau juga cenderung dalam kerja-kerja kebajikan, khasnya yang memberi faedah kepada wanita dan kanak-kanak. Beliau ialah Penaung PERTIWI yang pertama dari tahun 1969 hingga 1976. Di samping itu, beliau dilantik Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Restoran Rakyat, Canselor Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) dan Penaung beberapa yayasan

dan pertubuhan sukarela. Mulai tahun 2000, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kaum Ibu Masjid Jamek Kampung Baru.

Beliau telah menerima bintang Seri Setia Mahkota (S.S.M.) yang membawa gelaran 'Tun'. Selain itu, beliau telah dianugerahi darjah kebesaran Seri Panglima Darjah Kinabalu (S.P.D.K.) oleh kerajaan Sabah pada tahun 1977 yang membawa gelaran 'Datuk Seri Panglima'. Dalam tahun yang sama, beliau telah mendapat anugerah Pingat Emas Tun Fatimah daripada NCWO. Pada tahun 2002, Tun Rahah telah dikurniai bintang Panglima Negara Bintang Sarawak (P.N.B.S.) yang membawa gelaran 'Datin Sri' oleh kerajaan Sarawak.

RAHAIAH BAHERAN



Puan Rahaiah berasal dari Kuala Kangsar, Perak, dan telah dilahirkan pada 30 Disember 1942. Beliau telah berkahwin dengan Tuan Haji Yahya Yeop Said dan mereka mempunyai lima orang anak, iaitu Dr Rosyati, Khalidah, Haliza, Norhana dan Mohd Razif. Beliau lulus SPM pada tahun 1969 dan Diploma in Banking daripada Institute of Bankers, London, pada tahun 1989.

Kerjaya beliau bermula sebagai guru sementara di sekolah-sekolah kebangsaan di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Perak dari tahun 1960 hingga 1969. Tiga tahun berikutnya, beliau bertugas sebagai kerani di Sekolah Kebangsaan Sayong, Kuala Kangsar, Perak. Dari tahun 1972 hingga 1981, beliau menjadi kerani di Hong Kong Bank, Ipoh. Pada tahun 1981, beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Pegawai Eksekutif Hong Kong Bank dan menyandang jawatan ini selama sepuluh tahun. Pada tahun 1994, Puan Rahaiah dilantik Ahli Lembaga Pengarah Consolidated Farms Berhad. Dalam kesibukan tugas, beliau menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan mengusahakan stesen minyak Shell di Jalan Hospital, Ipoh, Perak, pada tahun 1989 hingga sekarang. Beliau juga mengusahakan perkilangan, pengeluaran dan pemasaran kasut dengan usaha sama Perbadanan Kemajuan Negeri Perak sejak tahun 1999 hingga sekarang.

Beliau pernah terlibat dalam pelbagai agensi dan badan kerajaan. Dari tahun 1992 hingga 1998, beliau dilantik Ahli Dewan Negara. Beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita Dalam Pembangunan peringkat Negeri Perak dari tahun 1992 hingga 2000. Dari tahun 1992 hingga 1996, beliau dilantik Ahli Majlis Daerah Kuala Kangsar. Beliau juga pernah menjadi Ahli Majlis Hal Ehwal Pengguna daerah Kuala Kangsar dan Ahli Lembaga Pelawat Rumah Kebajikan Kanak-kanak Sultan Abdul Aziz, Kuala Kangsar, dari tahun 1994 hingga 2000.

Sejak tahun 1995, beliau dilantik ahli NACIWID. Dari tahun 1996 sehingga sekarang, beliau ialah salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah Bank Pertanian Malaysia. Dalam tempoh yang sama, beliau juga Pengerusi Jawatankuasa Audit Bank Pertanian Malaysia. Beliau terlibat dalam Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dari tahun 1997 hingga kini.

Di samping itu, beliau turut aktif dalam beberapa pertubuhan dan badan sukarela. Beliau menjadi Setiausaha W.I. daerah Kuala Kangsar, Perak (1967- 1974) dan Bendahari W.I. Negeri Perak (1971-1987). Dari tahun 1978 hingga 1981, beliau ialah Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan bagi National Union of Bank Employees (NUBE) bagi Hong Kong Bank di Ipoh. Antara tahun 1986 hingga 1990, beliau bertindak sebagai Ahli Jawatankuasa Wanita, Malaysian Trade Union Congress (MTUC), Ipoh, Perak, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Pegawai dengan Majikan bagi Hong Kong Bank, Ipoh, Perak, dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Pekerja-pekerja Islam Bank-bank Negeri Perak. Sejak tahun 1992 hingga sekarang, beliau ialah ahli NCWO.

Puan Rahaiah bergerak aktif dalam kegiatan koperasi sejak tahun 1980-an bermula dengan jawatan Pengerusi/Setiausaha Lembaga Pengarah Koperasi Serbaguna Wanita Perak Berhad. Di peringkat kebangsaan, beliau telah dilantik Naib Yang Dipertua ANGKASA semenjak tahun 1994. Pada tahun 1994 juga, beliau telah dilantik Ahli Jawatankuasa Persamaan Gender ICA peringkat dunia dan

Pengerusi Jawatankuasa Wanita ICA Rantau Asia Pasifik pada mesyuarat di New Delhi. Pada tahun 1996, beliau diangkat menjadi Ahli Lembaga ICA peringkat dunia di Geneva, Switzerland. Dari tahun 1998 hingga sekarang, beliau ialah Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Khidmat Wanita (KEKWA), Kuala Kangsar, Perak.

Dalam kegiatan politik, beliau ialah Ketua Wanita UMNO Cawangan Kampung Sayong Tengah, Kuala Kangsar, semenjak tahun 1963. Dari tahun 1987 hingga 2000, beliau menyandang jawatan Ketua Wanita UMNO Bahagian Kuala Kangsar, Perak. Beliau dilantik ahli Biro Ekonomi Wanita UMNO Malaysia dan Biro Pembangunan Usahawan Wanita UMNO Malaysia dari tahun 1988 hingga 1998. Beliau ialah Ketua Penerangan Wanita UMNO Negeri Perak dari tahun 1989 hingga 1996. Pada tahun 1998 hingga 2000, beliau menjadi Ketua UMNO Cawangan Sayong Tengah, Kuala Kangsar, Perak.

Puan Rahaiah juga turut menyumbang dalam bentuk penulisan. Antaranya, beliau membuat kajian dan *country-paper* berkaitan dengan *Integration of Women in Cooperative Development in Malaysia* pada tahun 1990 yang dibentangkan di Colombo, Sri Lanka. Beliau juga sering membentangkan kertas-kertas kerja bagi seminar anjuran ICA, sama ada di peringkat rantau Asia Pasifik mahupun di peringkat dunia, khususnya tentang pembangunan gender dalam koperasi serantau. Beliau juga acap kali dijemput membentangkan kertas kerja bagi seminar-seminar anjuran ANGKASA, terutama dalam bidang pembangunan koperasi untuk wanita dan pembangunan koperasi sekolah. Beliau juga menulis beberapa rencana dalam majalah bulanan ANGKASA yang bernama *PELANCAR* yang diterbitkan secara berkala semenjak tahun 1994.

Kerajaan Negeri Perak telah menganugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) kepada beliau pada tahun 1971. Beliau memperoleh bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 3 Jun 1995. Pada tahun berikutnya, beliau mendapat darjah Ahli Mahkota Perak (A.M.P.) daripada

DYMM Sultan Perak. Pada 19 April 2001, beliau dianugerahi pingat Jaksu Pendamai (J.P.) oleh Kerajaan Negeri Perak.

RAHIMAH STEPHENS, TOH PUAN DATUK



Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Rahimah Stephens telah dilahirkan pada 22 Oktober 1930 di Beaufort, Sabah. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tun Mohd Fuad Stephens (Allahyarham) dan mereka mempunyai empat orang anak, iaitu

Affendi, Fauziah, Asgari dan Faridah. Beliau telah mendapat pendidikan awal di sebuah sekolah yang terletak di Kampung Mawao dalam daerah Membakut, Beaufort, dan kemudian menyambung pelajaran sehingga tingkatan lima (Cambridge) di Sekolah Convent Sr. Francis, Kota Kinabalu, Sabah. Selepas itu beliau telah mengajar di beberapa buah sekolah di Sabah. Selepas mendirikan rumah tangga dan mempunyai anak-anak kecil, beliau bekerja semula di *Sabah Times* di samping melibatkan diri dalam Pergerakan Pandu Puteri, *Brown Owl* dan Persatuan Palang Merah.

Toh Puan Rahimah mula menceburkan diri dalam politik bersama-sama suaminya, Tun Fuad Stephens, dan berjuang dalam Parti UPKO serta dilantik Ketua Bahagian Wanita. Suaminya telah dilantik Ketua Menteri Sabah yang pertama setelah Malaysia dibentuk pada tahun 1963. Pada tahun 1968, beliau telah mengikut suaminya ke Australia yang telah dilantik sebagai Duta Malaysia ke Australia, New Zealand dan Fiji selama lima tahun.

Sekembalinya ke Sabah pada bulan September 1973, Tun Fuad Stephens telah dilantik Yang Dipertua Negeri Sabah selama satu penggal. Pada tahun 1976, mereka berdua telah menubuhkan Parti Berjaya. Toh Puan Rahimah ditugaskan memegang jawatan Ketua Wanita Parti tersebut dan menjadi Menteri Kebajikan Masyarakat Sabah dari tahun 1976 hingga 1985. Selepas kematian suaminya dalam satu nahas kapal terbang, Toh Puan Rahimah telah bertanding dalam pilihan raya dan memenangi tanpa bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri Kiulu dan menjadi Menteri Pembangunan Kebajikan dan Sosial Sabah dari tahun 1976 hingga 1985. Kini, walaupun tidak lagi terbabit dalam politik, beliau sering membuat kerja-kerja amal dan kebajikan di samping meneruskan lawatan-lawatan ke kawasan yang pernah diwakilinya, iaitu kawasan Kiulu.

Beliau telah mendapat Pingat Emas Tun Fatimah daripada NCWO pada tahun 1985 dan Anugerah Tokoh Wanita Negeri Sabah pada tahun 2003. Bagi menghargai jasa beliau, kerajaan negeri Sabah telah mengurniakan bintang Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (P.G.D.K.) yang membawa gelaran 'Datuk' pada tahun 1971 dan bintang Sri Panglima Darjah Kinabalu (S.P.D.K.) yang membawa gelaran 'Datuk Seri Panglima' pada tahun 1982.

RAHMAH HAJI ABU KASSIM, DATO'



Yang Berbahagia Dato' Rahmah dilahirkan pada 19 November 1947 di Pahang. Beliau telah berkahwin dengan Encik Zainal Abidin Latip dan mereka mendapat tiga orang cahaya mata, iaitu Johan, Johanna dan Johari. Beliau memperoleh Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada tahun 1971.

Kerjaya beliau sebagai pegawai kerajaan bermula sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun 1971 hingga 1974. Beliau menyandang jawatan Penolong Pengarah dan seterusnya Ketua Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri selama lapan tahun. Kemudiannya, selama 13 tahun, beliau menjadi Timbalan Pengarah dan Pengarah di Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di jabatan yang sama. Pada tahun 1995, beliau dilantik Setiausaha Bahagian di Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tahun berikutnya hingga tahun 1999, beliau ialah Timbalan Ketua Setiausaha di kementerian yang sama dan kemudiannya menjadi Ketua Setiausaha dari tahun 1999 hingga bulan Ogos 2002. Kini beliau ialah Penasihat Khas kepada MTEN.

Beliau banyak memainkan peranan dalam membantu merancang dasar, strategi dan projek luar bandar dan pembasmian

kemiskinan. Beliau juga membantu dalam menentukan dasar dan strategi pembangunan luar bandar dan pembangunan kampung agar berjalan dengan baik serta menepati matlamat-matlamat yang ditetapkan. Di samping itu, beliau juga turut turun ke padang bagi mengetahui masalah-masalah setempat dan menolong memenuhi keperluan masyarakat desa. Selain itu, beliau juga banyak membentangkan laporan dan kertas-kertas kerja mengenai pembasmian kemiskinan dan pembangunan luar bandar sepanjang tempoh beliau berkhidmat, sama ada di dalam atau di luar negara, di pelbagai program dan forum.

Dato' Rahmah turut bergiat dalam kegiatan sukarela. Beliau ialah ahli PUSPANITA dan ahli Persatuan bekas Pelajar-pelajar STAR (Sekolah Tunku Abdul Rahman). Pada tahun 1995 hingga 1999, beliau memegang jawatan Timbalan Pengerusi PUSPANITA Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan dalam tempoh yang sama, beliau ialah Pengerusi PUSPANITA, cawangan Ibu Pejabat Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Empat tahun berikutnya, beliau menjadi penasihat PUSPANITA di Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga penasihat Majlis Sukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (MAKSPEN).

Pada tahun 1990, beliau dianugerahi bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Pada tahun 2000, beliau memperoleh bintang Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (D.S.A.P.) daripada DYMM Sultan Pahang yang membawa gelaran 'Dato'.

RAHMAH OSMAN, DATIN PADUKA



Yang Berbahagia Datin Paduka Rahmah telah dilahirkan pada 12 Jun 1939 di Selangor. Beliau telah berumah tangga dengan Encik Mustapha Sheikh Ibrahim dan mempunyai dua orang anak perempuan, iaitu Rahatul Hairani dan Saidatul Akmar dan sekarang sudah mempunyai tujuh orang cucu di samping tujuh orang anak angkat dan enam orang cucu angkat.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Perempuan Melayu Bukit Istana, Klang, dan selepas itu, Sekolah Menengah Perempuan Kampung Baru hingga tahun 1954. Beliau meneruskan pelajarannya di Sekolah Menengah Inggeris Bukit Bintang sehingga tingkatan tiga pada tahun 1958 dan kemudian di Institut Perdagangan Kuala Lumpur hingga tahun 1960 sehingga mendapat STPM. Beliau memperoleh Diploma (Pitman) dari Institut Secretarial London dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke School of Higher Learning, London, dan telah mendapat diploma dalam bidang Pentadbiran dan Perhubungan Awam.

Datin Paduka Rahmah pernah mengajar di St. Anthony Boys' School, Jalan Pudu, Kuala Lumpur, selama dua tahun (1958 hingga 1960). Selepas itu beliau bertugas sebagai Setiausaha kepada Pegawai Daerah Klang selama dua tahun dan kemudian ditukarkan ke Pejabat

Menteri Besar Selangor sebagai setiausaha sehingga 1966. Beliau pernah menjadi Setiausaha merangkap Pembantu Pengurusan di Syarikat Guinness Malaysia Berhad selama setahun dan kemudian bertugas sebagai Pegawai Penerangan di Jabatan Penerangan Malaysia selama empat tahun. Sementara itu, beliau meneruskan pelajarannya di London School of Journalism selama setahun dan sekembalinya ke Malaysia, beliau menerbitkan *Akhbar Wanita* yang kemudian diambil alih oleh Syarikat Karang kraf. Selepas itu, beliau memegang jawatan sebagai Penolong Setiausaha Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia (1968) selama enam tahun. Pada masa itu juga beliau telah dilantik Pengarang akhbar keluaran UMNO, iaitu *Suara Merdeka*.

Beliau juga sempat melibatkan diri dalam kegiatan politik dan kebajikan. Beliau diberi kepercayaan oleh MAYC (Pertubuhan Kelab-kelab Belia Malaysia) dari tahun 1972-1974 sebagai Setiausaha Agungnya dan merupakan wanita pertama memegang jawatan tersebut, dan menjadi Exco Majlis Belia Malaysia di mana beliau juga telah dilantik Bendahari Agung Kehormat dari tahun 1976-1978. Dalam badan-badan wanita pula, beliau pernah dilantik ahli NCWO dan dalam masa yang sama, iaitu pada tahun 1976, beliau dilantik ahli NACIWID. Pada tahun 1978, beliau telah dilantik menjadi Pengarah Amanah Saham MARA. Oleh sebab minatnya dalam bidang kewartawanan, dari tahun 1982 hingga 1985, beliau telah dipilih menjadi Presiden PERTAMA.

Dalam politik pula, Datin Paduka Rahmah pernah menjadi Setiausaha dan Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kuala Lumpur dari tahun 1960 hingga 1970. Pada tahun 1974 hingga 1978, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Petaling (ketika itu ada dua Bahagian sahaja di Selangor, iaitu Bahagian Petaling Jaya dan Bukit Bintang) sehinggalah beliau dilantik Penolong Setiausaha Agung Pergerakan Wanita UMNO Malaysia pada tahun 1978, di mana kemudiannya beliau telah dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Pada tahun 1978 sehingga

1984, beliau telah dipilih Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dan pada tahun 1979-1982, beliau dilantik Senator. Dalam pilihan raya 1982, beliau telah diberi peluang untuk bertanding sebagai calon Barisan Nasional di Parlimen Selayang dan mendapat majoriti yang terbesar ketika itu, iaitu sebanyak 50,353 undi.

Beliau pernah menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia pada tahun 1982 hingga 1988. Sebaik sahaja memenangi pilihan raya pada tahun 1982, beliau telah dilantik Timbalan Menteri Penerangan sehingga tahun 1985 dan kemudian Timbalan Menteri Pengangkutan sehingga tahun 1988. Dalam pilihan raya berikutnya, iaitu pada tahun 1990, beliau telah bertanding di kawasan Parlimen Shah Alam, Selangor.

Selepas mengundurkan diri dari bidang politik, beliau telah meneruskan pelajarannya dalam bidang penulisan dan kewartawanan di Institut Kewartawanan Singapura selama dua tahun, mulai dari tahun 1991 dan pada tahun 1993, beliau telah melanjutkan pelajarannya di University of Southern California, Amerika Syarikat, dan telah memperoleh Ijazah Sarjana Kewartawanan. Sekembalinya ke tanah air, beliau membabitkan diri dalam bidang korporat dan telah menjadi Pengarah dan Pengerusi beberapa buah syarikat. Antaranya Pengerusi/Setiausaha Koperasi Dermajaya Wanita Bhd., Pengerusi Kumpulan CITO Holdings Sdn. Bhd., Pengerusi Syarikat Prinsip Raya Publications Bhd., Pengerusi Event Pro. Sdn. Bhd., Lembaga Pengarah KUB IT Sdn. Bhd., KUB Power Sdn. Bhd., KUB Development Bhd., Pengerusi Wanijuta Sdn. Bhd., dan Pengerusi Syarikat Thoyyibah Malaysia Sdn. Bhd.

Semenjak tahun 1980 hingga 2000, beliau telah dipilih Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Shah Alam dan sehingga hari ini menjadi Ketua Wanita dan Ahli Jawatankuasa UMNO Cawangan Seksyen 3, Shah Alam. Sewaktu menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Shah Alam, beliau telah dilantik menjadi Pengerusi Biro Pendidikan. Di peringkat Wanita UMNO Malaysia, beliau telah dilantik Ahli Jawatankuasa Biro Pembangunan Luar Bandar dan

dalam bidang sukan pula, beliau telah dipilih Presiden Persatuan Hoki Wanita Selangor dari tahun 1987 sehingga sekarang. Oleh sebab penglibatannya dalam syarikat Bumiputera, beliau telah dipilih oleh Ahli Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA) sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat mulai tahun 1998 hingga sekarang.

Semasa menjadi Senator pada tahun 1978, beliau telah melibatkan diri dalam kegiatan Persatuan Ahli-ahli Parlimen dan sekarang, dengan tertubuhnya Forum Ahli-ahli Parlimen Asia yang ada kaitan dengan Kependudukan dan Pembangunan (AFPPD), beliau telah dilantik ke jawatan Pengarah Eksekutif Forum Ahli-ahli Parlimen Asia Cawangan Malaysia. Dengan menggunakan organisasi ini, beliau telah berjaya menganjurkan persidangan, seminar dan forum di peringkat antarabangsa dan negeri yang diadakan di Kuala Lumpur, seperti Persidangan Ahli-ahli Parlimen Wanita Asia dan Eropah berhubung dengan *Child Survival – Population Growth*. Seterusnya satu lagi persidangan antarabangsa berhubung dengan *Environment & Sustainable Development* telah diadakan di Kuala Lumpur, pada September 1994. Di peringkat antarabangsa, beliau merupakan wanita pertama di Asia yang telah dilantik Pengerusi Peranan dan Pembangunan Wanita Asia pada tahun 1983-1985.

Sebagai seorang yang pernah aktif dalam pergerakan belia dan wanita, beliau sering menghadiri persidangan peringkat antarabangsa di luar negara. Antaranya, Persidangan Belia Sedunia yang keenam, ketujuh dan kelapan, yang diadakan di Tokyo (1966), di Belgium (1969), dan di England (1973). Pada tahun 1972, beliau telah menyertai persidangan mengenai pengangguran wanita di Tokyo, Jepun. Beliau juga telah menyertai persidangan Young Women of the World di Soviet Union (1973), persidangan Belia Sedunia di Berlin Timur (1974) dan persidangan mengenai pertambahan penduduk di India (1975). Di samping itu, beliau senantiasa diundang untuk mengikuti lawatan belia dan wanita ke luar negara, seperti lawatan Kumpulan Pemimpin Muda Asia anjuran Yayasan Penuntut Hong Kong (1968), ke Amerika Syarikat di bawah Leadership Grant (1969),

lawatan Pemimpin-pemimpin Belia Belanda (1972) dan lawatan Pemimpin Muda Wanita anjuran Belia Serantau Asia ke Thailand.

Bagi menghargai segala jasa dan sumbangannya, Datin Paduka Rahmah telah dianugerahi bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) pada tahun 1973, Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) pada tahun 1973, bintang Johan Setia Mahkota Negara (J.S.M.) pada tahun 1977, Kurniaan Jasa Cemerlang Belia (J.C.) pada tahun 1978, bintang Setia Mahkota Selangor (S.M.S.) pada tahun 1978 dan bintang Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) yang membawa gelaran 'Datin Paduka' oleh DYMM Sultan Selangor pada tahun 1982.

Shingga kini, beliau telah menerima berbagai-bagai sijil penghargaan daripada Menteri dan Yang Dipertua Parlimen India, Jepun, Kanada, Australia dan Netherlands atas jasa-jasanya untuk meningkatkan taraf manusia di dunia ini.

Yang akhir sekali diusahakan oleh beliau menerusi AFPPD pada tahun 2001-2002 ialah satu kajian untuk mengetahui sejauh mana pandangan, pendapat dan usaha Ahli-ahli Yang Berhormat di peringkat Parlimen dan negeri berhubung dengan pembangunan desa, gejala sosial remaja, penderaan terhadap wanita, kemiskinan dan beberapa persoalan lain yang berkaitan.

RAJ ABDUL KARIM, DATUK DR.



Yang Berbahagia Datuk Dr. Raj telah dilahirkan pada 24 Oktober 1944. Beliau telah berkahwin dan mempunyai lima orang anak. Beliau menerima pendidikan di Fatimah Jinnah Medical College, University of Punjab, Lahore, Pakistan, dalam bidang

perubatan dan tamat pengajian pada tahun 1968. Antara tahun 1971 hingga 1972, beliau mengambil Certificate in Family Planning and Instructors Training in IUD di Family Planning Association, Margaret Pyke House, London, dan dalam masa yang sama, beliau memperoleh Diploma dalam bidang Kesihatan Awam di Royal Institute of Public Health and Hygiene, London. Pada tahun 1974, beliau mendapat Post-Graduate Certificate in Advanced Maternal and Child Health and Family Planning daripada Institute of Mother and Child, Warsaw, Poland.

Datuk Dr. Raj memulakan kerjaya sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Besar Kuala Lumpur mulai tahun 1969. Semasa melanjutkan pelajaran di London, beliau telah menjadi Pegawai Perubatan Sessional di London Borough of Hammersmith and Ealing, London. Antara tahun 1972 hingga 1974, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia dan dalam tempoh yang sama sebagai Pegawai Perubatan Sukarela di Persatuan Peran-

cang Keluarga sehingga tahun 1976. Dari tahun 1974 hingga 1989, beliau menjadi Penolong Pengarah Perkhidmatan Kesihatan (Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak) di Kementerian Kesihatan Malaysia dan dalam tempoh itu juga, dari tahun 1978 hingga 1988, beliau bertugas sebagai pensyarah sambilan dalam bidang kesihatan ibu dan kanak-kanak di Fakulti Perubatan UKM. Antara tahun 1989 hingga 1992, beliau dilantik Pengarah Institut Kesihatan Umum dan antara tahun 1990 hingga 1994, beliau dilantik Pensyarah Jemputan (Modul Kesihatan Ibu) bagi kursus sarjana Kesihatan Tropika di Queensland University, Brisbane, Australia. Dari tahun 1992 hingga 1999, beliau dilantik Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Mulai tahun 1999, beliau menjadi Pengarah Serantau International Planned Parenthood Federation (IPPF) bagi Rantau Timur, Asia Tenggara dan Oceania dan sejak bulan April 2000, beliau diangkat sebagai salah seorang daripada pesuruhjaya dalam SUHAKAM. Pada tahun 2001, Datuk Dr. Raj telah dilantik Penasihat kepada Menteri Pembangunan Sosial dan Perpaduan Negara ke Mesyuarat Peringkat Menteri bagi Menyemak Kembali Matlamat Akhir Dekad untuk Kanak-kanak.

Beliau merupakan perintis kepada usaha-usaha dalam bidang kesihatan keluarga di Malaysia. Dalam tempoh 20 tahun, beliau ialah penggerak utama dalam membentuk pelbagai strategi dan program untuk memperbaiki tahap kesihatan wanita, keluarga dan kanak-kanak. Dengan sokongan WHO, UNICEF dan Unit Koordinasi Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri, beliau telah merangka satu sistem bagi Peninjauan Sistem Kebangsaan Nutrisi untuk Kanak-kanak Kebangsaan selama tujuh tahun dari 1982 hingga 1986. Laporan yang dikemukakannya itu telah membawa kepada wujudnya peruntukan kewangan dan program khas bagi mengenal pasti dan memulihkan kanak-kanak yang mengalami kekurangan zat makanan. Datuk Dr. Raj juga merintis pendekatan berkenaan Strategi Risiko dalam penjagaan kesihatan ibu mengandung yang kini dilaksanakan dalam sistem kesihatan untuk mengurangkan kadar kematian ibu bersalin. Beliau juga telah memulakan kajian tentang kesihatan

reproduktif dan seksualiti remaja di peringkat kebangsaan antara tahun 1994 hingga 1996 dan hasil kajian ini telah dibentangkan ke Kabinet dan disusuli dengan penggubalan program.

Selain itu, beliau juga menjadi Presiden Malaysian Association of Maternal and Neonatal Health (MAMANEH) dari tahun 1992 hingga 1998, Penasihat MAMANEH sejak tahun 1996, Naib Presiden Persatuan Menapos Malaysia dari tahun 1998 hingga 1999, Naib Presiden PPSEAWA dari tahun 1995 hingga 1997, Ahli Jawatankuasa International Association of Maternal and Neonatal Health (IAMANEH) sejak tahun 1996, Naib Presiden International Council on Management of Population Programme dari tahun 1997 hingga 1999 serta Penasihatnya antara tahun 1994 hingga 1997 dan Wakil Pakar MKKM sejak 1992 serta Naib Pengerusi sejak tahun 2000.

Datuk Dr. Raj tidak ketinggalan menyumbangkan tenaga di peringkat antarabangsa. Beliau pernah dilantik Penasihat Sementara atau Konsultan kepada WHO, UNFPA dan UNICEF bagi dasar dan mesyuarat teknikal mengenai kesihatan ibu dan kanak-kanak serta kesihatan reproduktif. Beliau menjadi ahli panel jemputan untuk Suruhanjaya mengenai Kualiti Kesihatan dalam Populasi dan Pembangunan pada tahun 1995 dan Panel Penasihat kepada Pengarah Eksekutif UNFPA pada tahun 1997. Beliau juga dijemput sebagai rakan kongsi negara membangun dalam Panel Kesihatan (*Reproductive Health and Maternal Mortality*) untuk *OECD Development Progress Indicators* di Paris, pada tahun 1997, 1998 dan 2000. Selain itu, beliau telah mewakili Malaysia sebagai ahli dalam Suruhanjaya Populasi dan Pembangunan di bawah PBB dan menjadi Pengerusi dari tahun 1998 hingga 1999. Di samping itu, beliau pernah menjadi konsultan di Myanmar, Pakistan, Indonesia, Iran, Iraq dan Korea Utara bagi menjalankan program-program berkaitan kesihatan keluarga dan kesihatan reproduktif.

Beliau dilantik menjadi ahli beberapa pasukan bertindak dan jawatankuasa pemandu dalam WHO sejak tahun 1979, mengambil bahagian dalam Projek Pendekatan Risiko, Kajian Keselamatan

Keibuan, Kumpulan Penasihat Global mengenai EPI, Pencegahan dan Pengawalan Penyakit-penyakit Cirit-Birit Kanak-kanak dan jawatankuasa teknikal mengenai keibuan dan kesihatan kanak-kanak serta kesihatan reporduktif. Beliau merupakan Ahli Panel Penasihat Serantau mengenai kesihatan reproduktif (rantau Pasifik Barat) pada tahun 1996 dan 1997 serta Ahli Jawatankuasa Pemandu WHO mengenai pengenalan kaedah peraturan kesuburan dalam Program Kesihatan Reproduksi.

Beliau turut terlibat dalam pelbagai mesyuarat teknikal atau dasar. Antaranya di WHO Regional Workshop on Reproductive Health for the Western Pacific Region dalam tahun 1995, South-south Initiative-Partners in Population and Development di Dhaka dan Harare, pada tahun 1998, Inter Regional Meeting on Lessons to Learn in Safe Motherhood di Colombo, pada tahun 1997, Sharing of Experience of Low Maternal Mortality Countries di Tunisia, pada tahun 2001, Review of Reproductive Health in the ESCAP Region di Bangkok, pada tahun 2002 untuk persidangan ESCAP mengenai kependudukan dan kesihatan dan ahli panel meja bulat peringkat menteri di Mesyuarat ECOSOC di Geneva, pada tahun 2004. Datuk Dr. Raj pernah mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat persediaan bagi Persidangan Pembangunan dan Populasi Antarabangsa di Kaherah, pada tahun 1994.

Atas sumbangan Datuk Dr. Raj yang begitu banyak kepada masyarakat, beliau telah diberi penghargaan oleh pelbagai pihak. Pada tahun 1990, Kerajaan Amerika Syarikat telah menganugerahkan Hubert Humprey Fellowship Award, manakala pada tahun 1995, beliau menerima Total Woman Award daripada Joanne Drew International. Beliau dikurniai bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1993. Pada tahun 1997, beliau mendapat bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) dan pada tahun 1999, beliau memperoleh bintang Panglima Jasa Negara (P.J.N.) yang membawa gelaran 'Datuk' daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Bagi usaha-usahanya yang

dicurahkan dalam survival dan pembangunan kanak-kanak, beliau telah dianggap sebagai 'Orang Penting' dalam Laporan Keadaan Kanak-kanak-UNICEF pada tahun 2000.

RAJAMANI MAILVAGANAM



Puan Rajamani Mailvaganam, atau lebih kenali sebagai M.Rajamani, telah dilahirkan pada 11 November 1943 di Tapah, Perak. Beliau telah berkahwin dengan Encik Ramalingam, seorang Penguasa Polis, dan mereka mempunyai tiga orang anak, iaitu Prema

Geetha, Gauri dan Vishnu.

Beliau telah mendapat Sijil Perguruan daripada Pusat Latihan Daerah Ipoh, Perak, pada tahun 1965 dan Sijil Perguruan Khas daripada Maktab Perguruan Ilmu Khas Kuala Lumpur pada tahun 1976 dan Sijil Teacher's Training With Higher Specialisation in Methods of Teaching Track and Field di Institute of Physical Culture di Kiev, Russia, pada tahun 1970.

Puan M. Rajamani mula berkecimpung dalam sukan olahraga pada Pertandingan Olahraga Jemputan Malaysia di Ipoh, Perak, pada tahun 1962 yang turut disertai oleh atlit dari Australia, Jepun, Korea dan dari negara-negara Asia lain dan telah memenangi pingat gangsa dalam acara lumba lari 200m. Penglibatan beliau secara serius dalam sukan olahraga bermula pada tahun 1964 setelah mendapat dorongan daripada ayahnya yang memperkenalkan beliau kepada jurulatih R. Suppiah dan William Miller.

Beliau terkenal sebagai jaguh lumba lari wanita peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan pernah menggondol pingat emas

dalam lumba lari 200 meter, 400 meter, 800 meter dan 4x100 meter semasa Sukan Asia Tenggara (SEAP Games) pada tahun 1965. Dalam SEAP Games pada tahun 1967, beliau telah menggondol pingat emas dalam acara lumba lari 400 meter, 800 meter, 4x100 meter dan pingat perak dalam acara lumba lari 200 meter. Dalam Sukan Asia pada tahun 1966, beliau memperoleh pingat emas dalam acara lumba lari 400 meter dan pingat gangsa dalam acara lumba lari 4x100 meter. Beliau juga telah mewakili Malaysia dalam Sukan Olimpik di Tokyo, pada tahun 1964 dan Sukan Negara-negara Komanwel di Kingston, Jamaica, pada tahun 1966. Di Malaysia beliau pemegang rekod dalam acara lumba lari 200 meter, 400 meter dan 800 meter hingga pertengahan 1960-an dan 200 meter, 400 meter dan 800 meter dalam Sukan SEAP hingga tahun 1974 dan acara lumba lari 400 meter dalam Sukan Asia (1966).

Sebagai seorang guru, beliau telah mengajar di beberapa buah sekolah, iaitu Sekolah Menengah Raja Perempuan, Ipoh, Perak, dari tahun 1965 hingga 1966, Sekolah Menengah Perempuan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, dari tahun 1967 hingga 1969, Sekolah Menengah Convent, Jalan Peel, Kuala Lumpur, dari tahun 1970 hingga 1971, Sekolah Menengah Sulaiman, Bentong, Pahang, dari tahun 1972 hingga 1975, Sekolah Menengah Pudu, Kuala Lumpur, Sekolah Perempuan Pudu dari tahun 1975 hingga 1982, Sekolah Convent Pulau Tikus, Pulau Pinang, dari tahun 1982 hingga 1986, Bukit Bintang Girls' School, Kuala Lumpur, dari tahun 1986 hingga 1991 dan Majlis Sukan Negara dari tahun 1991 hingga 1994.

Puan M. Rajamani ialah Ahli Jawatankuasa Kelab Jets pada tahun 1961 dan tahun 1967. Sejak tahun 1970, beliau menjadi jurulatih kebangsaan dalam MAAU. Dari tahun 1986 hingga 1991, beliau menjadi Ahli Panel untuk pemilihan atlit negara. Pada tahun 1991, beliau telah dilantik Ahli Jawatankuasa Dasar dan Sukan Negara dan dalam masa yang sama, beliau juga dilantik Jurulatih Fizikal untuk pasukan badminton Piala Thomas pada tahun 1992

dan 1994. Beliau telah mengambil keputusan untuk bersara dari bidang olahraga pada tahun 1994.

Bagi menghargai jasa-jasa beliau dalam arena sukan tanah air, beliau telah dipilih sebagai Olahragawati Terbaik dua tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 1966 dan 1967. Beliau juga telah dianugerahi Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) dalam tahun 1967 dan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) dalam tahun 1968 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

RAJA NOORA ASHIKIN RAJA ABDULLAH, YM PUAN SRI DATIN SERI DATO'



Yang Mulia Raja Puan Sri Datin Seri Dato' Noora Ashikin telah dilahirkan di Ipoh, Perak, pada 4 Februari 1948. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tan Sri Dato' Seri Ramli Ngah Talib, bekas Menteri Besar Perak dan bekas Setiausaha Parlimen Kementerian-

an Pengangkutan Malaysia. Mereka telah dikurniai empat orang anak, iaitu Rizal Ashram, Ramelle Ashram, Putri Azalea Ashram dan Putri Yasmin Ashram.

Beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Malaya pada tahun 1972. Kerjaya beliau bermula sebagai Subakauntan di Bank Bumiputra Malaysia Bhd. dari tahun 1972 hingga 1974. Selepas itu, beliau menjadi Pegawai Pelaburan di Chartered Merchant Bankers (M) Bhd. dari tahun 1974 hingga 1978 dan, dua tahun kemudian, berkhidmat sebagai Penolong Pengurus Pelaburan di Permata Chartered Merchant Bankers (M) Bhd. Mulai tahun 1980 hingga 1982, beliau menjadi remisier di Yew Securities Sdn. Bhd. dan pada tahun 1983, beliau telah menubuhkan RNA Securities Sdn.Bhd. satu-satunya firma broker saham bumiputera pada ketika itu yang menjalankan kerja-kerja jual beli saham di pasaran saham. Beliau juga merupakan ahli BSKL. Pada tahun 1991, syarikat beliau telah

membuat usahasama dengan Southern Bank Berhad dan menghasilkan SBB Securities. Beliau telah dilantik Pengarah syarikat tersebut mulai tahun 1991 hingga sekarang. Di samping itu, dalam tahun 2003, beliau telah dilantik menjadi Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan BHLB Pacific Trust Management Berhad yang sekarang bertukar nama kepada SBB Mutu Berhad.

Beliau telah menyetujui kerjaya beliau dan memberi tumpuan khusus terhadap aktiviti kebajikan, kemasyarakatan, wanita dan sukan apabila suami beliau dilantik Menteri Besar Perak. Kegiatan kebajikan, kemasyarakatan dan sukan beliau telah bermula sejak bangku sekolah dan universiti lagi.

Dari tahun 1977 hingga 1978, beliau telah menjadi Pengerusi Biro Ekonomi Pergerakan Wanita UMNO kawasan Damansara Utama dan menjadi Ahli Jawatankuasa Perkumpulan Perempuan Damansara Utama dari tahun 1978 hingga 1979. Selain itu, beliau telah mengasaskan BAIDURI Perak, iaitu Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Negeri Perak dan menjadi Pengerusi sejak tahun 1983 hingga Disember 1999. BAIDURI di bawah kepimpinan beliau memberi tumpuan khusus di bidang pendidikan, literasi komputer, kebajikan pelajar-pelajar dan kebajikan orang yang daif dan kurang berkemampuan. Beliau juga ialah Pengasas dan Presiden Kumpulan Selendang Perak dari tahun 1985 hingga 2000 dan juga Pengasas dan Presiden Pergerakan Ibu Bapa Pencegahan Dadah dari tahun 1988 hingga 2000. Dari tahun 1986 hingga 1989, beliau menjadi ahli NACIWID bagi penggal IV dan penggal V dari tahun 1990 hingga 1993. Mulai tahun 1994, beliau telah dilantik Ahli Lembaga Pemegang Amanah WIM. Dari tahun 2000 hingga 2002, beliau menjadi Penolong Setiausaha BAKTI dan dari tahun 2002 hingga sekarang, beliau ialah Pengerusi Jawatankuasa Penerangan dan Seranta BAKTI.

Raja Puan Sri Dato' Noora Ashikin juga Pengerusi Pusat Kemajuan Wanita (Pusat Dadah Swasta) dari tahun 1984 hingga 1989, Penaung Pergerakan Puteri Islam Perak dari tahun 1984 hingga 1985, Penaung W.I. Perak dari tahun 1984 hingga 2000, Penaung

PUSPANITA Perak dari tahun 1986 hingga 2000 dan Badan Budaya Perak pada tahun 1986.

Beliau amat aktif dalam tiga pertubuhan, iaitu BAIDURI Perak, Pergerakan Puteri Islam Perak dan Kebangsaan, dan Persatuan Hoki Wanita Perak dan Malaysia. Beliau telah dilantik Pengerusi Pergerakan Puteri Islam Negeri Perak dari tahun 1986 hingga 2000, Ahli Jawatankuasa Pergerakan Puteri Islam Kebangsaan dari tahun 1988 hingga 1992 dan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kebajikan Pergerakan Puteri Islam Kebangsaan dari tahun 1988 hingga 2000. Dalam Persatuan Hoki Wanita, di peringkat negeri Perak, beliau telah dipilih menjadi Presiden sejak tahun 1984 hingga sekarang, manakala di peringkat kebangsaan pula, beliau telah menerajui pelbagai jawatan. Antaranya, Naib Presiden III Persatuan Hoki Wanita Malaysia dari tahun 1984 hingga 1986, Naib Presiden Kanan dari tahun 1987 hingga 1992 dan Presiden sejak tahun 1992 hingga sekarang. Beliau juga ialah Timbalan Presiden Persekutuan Hoki Malaysia sejak tahun 1999 hingga sekarang.

Selain itu, sebagai ahli NACIWID, beliau terlibat secara langsung dalam menggubal Dasar Wanita Negara dan telah menyertai pelbagai forum, dialog dan simposium di dalam dan luar negara mengenai isu wanita dan pencegahan dadah serta telah membabitkan diri dalam program-program wanita dan kepimpinan di peringkat antarabangsa.

Bagi menghargai jasa-jasa yang telah dicurahkan, beliau telah dianugerahi Darjah Dato' Paduka Cura Simanja Kini (D.P.C.M.) oleh DYMM Sultan Perak pada tahun 1987 yang membawa gelaran 'Dato' '. Dalam tahun yang sama, beliau telah dianugerahi Paul Harris Fellow oleh Rotary International. Beliau pernah dianugerahi Tokoh Wanita Perak, dan pada tahun 2000, beliau dianugerahi Tokoh Kepimpinan Sukan Perak 1999.

RAMACHANDRAN, ELLEN M.
(MENDIANG)



Puan Ellen telah dilahirkan pada 5 September 1914 di Singapura. Beliau telah berumah tangga dengan Encik Ramachandran, seorang guru dan mempunyai lima orang anak; ada di antara mereka yang menjadi doktor dan akauntan.

Beliau mendapat pendidikan awal di French Convent dan merupakan seorang pelajar yang aktif dalam kegiatan seni seperti drama dan muzik serta turut terlibat dalam Persatuan Bahasa. Puan Ellen amat meminati kegiatan sukarela dan telah terpilih sebagai Ahli Jawatankuasa Sekolah-sekolah, Persatuan Kelas-kelas Dewasa, Persatuan St. John Ambulans, Tabung Pemulihan Api Majlis Bandaran Kuala Lumpur dan Ahli Jawatankuasa Lembaga Bahasa. Selain itu, beliau sentiasa bersedia memberikan bantuan moral dan material kepada sesiapa sahaja yang memerlukannya. Jawatan-jawatan lain yang dipegang oleh beliau ialah Ahli Majlis Bandaran Kuala Lumpur, Naib Yang Dipertua Persatuan Wanita Antarabangsa, Presiden Persatuan Anak-anak Yatim Pure Life, Yang Dipertua Persatuan India Selangor dan Penasihat Mahkamah Kanak-kanak. Puan Ellen juga telah dilantik menjadi Naib Yang Dipertua Persatuan Bekas Tahanan, Ahli Jawatankuasa Kebajikan Negeri Selangor, Ahli Jawa-

tankuasa Persatuan Jaksa Pendamai (J.P.) dan Pelawat di Hospital Lady Templer dan Penjara Pusat, Kuala Lumpur.

Segala sumbangan dan jasa beliau dalam aktiviti tersebut telah diberi penghormatan dan penghargaan. Antaranya oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dengan mengurniainya bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.), Member of the Order of the British Empire (M.B.E.) daripada kerajaan British, Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) dan Jaksa Pendamai (J.P.) daripada DYMM Sultan Selangor. Jasa dan sumbangan beliau juga telah diberi pengiktirafan oleh NCWO dengan anugerah Pingat Emas Tun Fatimah pada 27 Oktober 1974.

RAMANI GURUSAMY



Puan Ramani telah dilahirkan pada 19 Oktober 1939 di Singapura. Beliau berumah tangga dengan Dr. John R. Gurusamy, seorang peguam dan mempunyai tiga orang anak, iaitu Eshoda Ann, Ravindren Jeremiah dan John Retnakumar. Beliau pernah mengajar di Sekolah St. Teresa's Convent Brickfields, Sekolah La Salle Jinjang, Sekolah Rendah Assunta dan Sekolah Rendah Bukit Bintang, Petaling Jaya.

Sebagai guru pada awal tahun 60-an, beliau mula aktif dalam Kesatuan Kebangsaan Guru-guru (NUT). Dari situlah penglibatan beliau dalam pergerakan kesatuan sekerja bermula dan kemudiannya sebagai Setiausaha Bahagian Wanita. Dalam tahun 1970 hingga 1975, beliau telah dilantik Naib Presiden Kesatuan Kebangsaan Guru-guru dan beliau juga pernah dilantik Naib Presiden National Union of the Teaching Profession (NUTP), gabungan antara kesatuan guru-guru Melayu yang terbesar dengan NUT.

Puan Ramani merupakan seorang tokoh wanita yang terkemuka dalam Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan pernah menyandang jawatan Setiausaha Bahagian Wanita, Pengerusi Jawatankuasa Bahagian Wanita MTUC dan Naib Presiden bagi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia hingga sekitar tahun 1980-an. Dalam tempoh yang sama beliau menjadi wakil MTUC ke NCWO dan ahli Industrial

Court National Joint Labour Advisory Council (NJLAC). Puan Ramani juga menjadi wakil pekerja dalam delegasi kerajaan ke Persidangan ILO pada tahun 1975.

Selain itu, beliau turut terbabit dalam pergerakan koperasi dan pembabitannya bermula apabila diangkat menjadi Pengerusi Jawatankuasa Wanita Cooperative Union of Malaysia (CUM), Bahagian Wanita ICA dan Exco Bahagian Wanita ICA mewakili rantau Asia dan menghadiri pelbagai mesyuarat di peringkat antarabangsa.

Dari tahun 1973 hingga 1975, beliau ialah Ahli Jawatankuasa Persatuan Perancang Keluarga Bahagian Negeri Selangor. Dalam kegiatan kebajikan dan kemasyarakatan, beliau pernah berkhidmat dalam Persatuan Orang-orang Buta Malaysia, PEMADAM, Setiausaha Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Majlis AIDS Malaysia dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Hari AIDS Sedunia pada tahun 1990.

Dalam pergerakan wanita, beliau telah dilantik Ahli Jawatankuasa Kerja NCWO dari tahun 1972 hingga 1973 dan dari tahun 1974 hingga 1975, beliau menjadi Penolong Setiausaha NCWO. Selepas itu, beliau menjadi Setiausaha dan Pengerusi Jawatankuasa Antarabangsa NCWO. Beliau telah memegang jawatan Setiausaha NCWO lebih dari dua puluh tahun dan kini menjadi salah seorang daripada tiga orang Timbalan Yang Dipertuanya.

Puan Ramani juga ahli NACIWID, Pengerusi Bersama YWCA Vocational Training Opportunity Centre (VTOC), Pengerusi VTOC Jawatankuasa Perekrutan dan Penyelaras Kursus Latihan Perguruan Tadika VTOC. Beliau juga Ahli Jawatankuasa Kecil KEPHAMPUS mengenai Pendidikan Hak-hak Asasi Manusia untuk sekolah-sekolah, Ahli Lembaga ACWO, Ahli Jawatankuasa Rancangan Khas Pembangunan Sosial dan Kemudahan Asas Sektor Perladangan dan Pengerusi CAUCUS Pemimpin-pemimpin Wanita India Malaysia.

Selama 35 tahun beliau telah memfokuskan usaha-usahanya secara profesional mahupun di peringkat kerja-kerja kemasyarakatan untuk memartabatkan kedudukan wanita dalam pembangunan

keluarga, masyarakat dan negara. Puan Gurusamy seringkali diundang menghadiri seminar dan persidangan kesatuan pekerja. Dalam program-program tersebut, beliau dijemput memberikan ucapan mengenai peranan dan tujuan kesatuan sekerja baik di peringkat dalam mahupun luar negara.

Antara persidangan-persidangan dan program-program yang pernah disertainya ialah International Labour Organisation Conference di Geneva, sebagai ahli delegasi kerajaan pada tahun 1975 dan telah dilantik Naib Pengerusi Kumpulan Sekerja bagi membincangkan isu *Equality in Treatment and Opportunity for Women*, Program Latihan Kepimpinan Koperasi selama dua bulan di Sweden, pada tahun 1976, ahli delegasi kerajaan ke Mesyuarat Rantau Persediaan Antara Kerajaan ESCAP untuk Persidangan Sedunia bagi menilai semula pencapaian Dekad Wanita Bangsa-bangsa Bersatu untuk Wanita: Persamaan, Pembangunan dan Keamanan di Tokyo, Jepun, pada tahun 1984, Mesyuarat UN Commission on the Status of Women di New York, dan pada tahun 1993 menjadi ketua delegasi ke Asian & Pacific Symposium on NGOs on Women in Development di Manila. Pada masa yang sama beliau dipilih sebagai *Focal Point* untuk Asia Tenggara dalam mesyuarat Asian Pacific NGO Working Group. NGO Working Group diberi tanggungjawab menyediakan NGO Asia Pacific *Report* untuk Persidangan Beijing. Beliau juga menjadi ahli delegasi Malaysia ke Persidangan Dekad Bangsa-bangsa Bersatu untuk Wanita yang diadakan di Nairobi, Kenya, pada tahun 1985.

Puan Ramani juga ahli delegasi Malaysia ke UN 4th World Conference di Beijing pada tahun 1995, yang diketuai oleh Tun Dr. Siti Hasmah. Dari tahun 1998, beliau terlibat dalam Mentorship Leadership Training Programme yang dijalankan untuk melatih wanita dan gadis menjadi pemimpin dalam usaha meningkatkan penglibatan wanita muda di peringkat pembuatan dasar dari pelbagai komuniti di dalam NGO. Program ini dijalankan di Malaysia dan rantau ASEAN yang melibatkan Ahli-ahli Gabungan ACWO.

RASAMANI KANDIAH



Puan Rasamani telah dilahirkan di Singapura, pada 14 Julai 1945. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Convent of the Holy Infant Jesus, Melaka, dan seterusnya menuntut di Sekolah Menengah Zainab, Kelantan, sehingga tamat tingkatan

lima. Selepas itu, pada usia 18 tahun, beliau telah mengambil jurusan undang-undang di Inner Temple Inns of Court, London, dan telah menduduki peperiksaan Bar-at-Law ketika berusia 20 tahun. Beliau telah diterima ke Bar England dan Wales apabila berumur 21 tahun, dan ke Bar Malaysia pada tahun 1968. Di samping itu, beliau mempunyai kelulusan Diploma Amalan Guaman Syarie (D.S.L.P.) dari ULAM. Sekarang beliau sedang mengikuti pengajian sarjana dalam bidang Perdagangan Antarabangsa di Universiti Staffordshire dan dalam proses menyiapkan tesisnya yang bertajuk *Directors in the New Millennium*.

Beliau mempunyai 28 tahun pengalaman dalam bidang perundangan. Kerjayanya bermula sebagai Junior Legal Assistant di Tetuan Khoo & Sidhu, Peguambela dan Peguamcara di Kuala Lumpur dan selepas itu telah menjadi rakan kongsi firma guaman tersebut. Kini beliau ialah rakan kongsi firma guaman Tetuan Mohd Latip & Associates. Beliau telah mengendalikan pelbagai kes di Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mah-

kamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, khususnya kes-kes sivil, jenayah dan korporat.

Pada awal kerjayanya, beliau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Bar Selangor. Beliau merupakan seorang pengasas Persatuan Peguam Wanita dan telah memegang pelbagai jawatan. Antaranya, Bendahari dari tahun 1970 hingga 1978, Setiausaha dari tahun 1979 hingga 1985, Naib Presiden dari tahun 1986 hingga 1990 dan Presiden dari tahun 1991 hingga sekarang. Selain itu, beliau ialah Pengerusi Suruhanjaya Undang-undang NCWO dan telah dilantik anggota NACIWID. Puan Rasamani juga Ahli Jawatankuasa Education Welfare Research Foundation (EWRF), Pengerusi Jaffnese Cooperative Society, Penasihat MLJ Marriage and Dissolution Handbook, Penasihat Undang-undang Lembaga Pemegang Amanah Women's Growth & Management dan Penasihat Undang-undang Committee Support Network.

Puan Rasamani juga sering diundang membentangkan kertas-kertas kerja, sama ada di dalam ataupun di luar negara. Antara kertas kerja yang dibentangkan di persidangan peringkat antarabangsa ialah *Matrimonial Violence* di Lawasia Conference di Sri Lanka, *Role of Family Courts in Malaysia* di Vancouver, Kanada, pada tahun 1999 dan *Women and Children's Rights: The Protection Offered by Domestic Law* di Commonwealth Conference, Kuala Lumpur. Antara kertas-kertas kerja yang dibentangkan di peringkat kebangsaan ialah *Role of Non-governmental Organisations, Family Marriage & Divorce, Child Labour & Exploitation of Women, Laws Affecting Women* dan lain-lain.

Kini beliau terlibat dalam membuat draf cadangan pindaan Akta Pengagihan dan Akta Penjagaan Kanak-kanak. Beliau juga terlibat dalam merangka draf Akta Gangguan Seksual dan merangka cadangan Sistem Mahkamah Keluarga di Malaysia.

RASHIDAH SHUIB, PROFESOR MADYA DATIN DR.



Yang Berbahagia Prof. Madya Datin Dr. Rashidah telah dilahirkan di Perlis, pada 21 Jun 1953, dan merupakan anak sulung daripada empat orang adik-beradik. Beliau telah berkahwin dengan Dato' Dr. Rusli Hussain, seorang doktor swasta di Kota Bharu, Kelantan, dan mereka mempunyai tiga orang anak. Beliau telah berpindah ke Kota Bharu, Kelantan, dan berkhidmat di Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP) USM sejak tahun 1986.

Persekolahan beliau bermula di Perlis sehingga tingkatan lima di Sekolah Ingeris Derma. Selepas itu, beliau menerima tawaran ke Kolej Tunku Kurshiah, Seremban, pada tahun 1970. Kemudian beliau telah melanjutkan pelajaran ke USM dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa dengan kepujian pada tahun 1976. Pada tahun 1975, Prof. Madya Dr. Rashidah menjadi salah seorang daripada kumpulan pertama seramai enam orang pelajar institusi pengajian tinggi awam yang berjaya memenangi biasiswa Japan Airlines untuk mengikuti sesi pengajian musim panas di Sophia University, Tokyo.

Selepas tamat pengajian di USM, beliau telah berkhidmat selama setahun di UDA, Kuala Lumpur (1976-1977). Antara tahun 1977 hingga 1979, beliau telah menyambung pengajian di University of

Hawaii di bawah biasiswa Fulbright-Hays untuk mengikuti Ijazah Sarjana Pendidikan dalam Teknologi dan Komunikasi Pendidikan. Pada tahun 1983, beliau berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam Pembangunan Sistem Pendidikan di Michigan State University, Amerika Syarikat. Semasa di Michigan, beliau terdedah kepada isu wanita dalam pembangunan di peringkat antarabangsa apabila berjaya menjadi *fellow* program Women in Development (WID) di bawah Ford Foundation.

Beliau pernah memegang jawatan sebagai ahli International Women Advisory Panel (IWAP), International Planned Parenthood Federation (IPPF) (1995-1999), London, dan Pakar Sumber IPPF bagi Gender and Quality of Care di London.

Prof. Madya Dr. Rashidah kini menyandang jawatan Ahli Majlis Perunding HAWA negeri Kelantan dan Pengerusi Persatuan Perancangan Keluarga Negeri Kelantan. Di peringkat kebangsaan, beliau ialah Ahli Majlis Persekutuan Persatuan-persatuan Perancangan Keluarga Malaysia (FFPAM) dan sejak tahun 2000, beliau dilantik Naib Pengerusi. Di peringkat antarabangsa, beliau ialah ahli Gender Advisory Panel (GAP), WHO di Geneva, Switzerland, ahli International Research and Reproductive Rights Action Group (IRRRAG) dan Ahli Lembaga Pengarah ARROW.

Beliau telah mengikuti Persidangan Antarabangsa Kependudukan dan Pembangunan di Kaherah, pada tahun 1994 dan Persidangan Wanita Sedunia Keempat di Beijing, pada tahun 1995. Pada bulan Mac 2004, Kerajaan Belanda dan UNFPA telah menjemput beliau menghadiri dialog tentang peranan agama dan budaya dalam mempromosikan hak reproduktif dan kesihatan reproduktif.

Sebelum menyertai PPSP USM, Prof. Madya Dr. Rashidah ialah Timbalan Pengarah Pusat Pendidikan dan Media USM. Kini beliau memegang jawatan Koordinator Unit Pembangunan Kesihatan Wanita di PPSP, USM. Unit ini merupakan yang pertama diwujudkan seumpamanya di Malaysia yang bermatlamat untuk

menjadi pusat kecemerlangan kesihatan wanita dan gender serta, dalam masa yang sama, mengadakan hubungan yang erat dengan masyarakat, terutamanya pertubuhan wanita.

Selain itu, Prof. Madya Dr. Rashidah merupakan salah seorang daripada penulis-penulis hasil penyelidikan Projek IRRRAG yang menulis satu bab dalam buku *Negotiating Reproductive Rights: Women's Perspectives Across Countries and Cultures* (1998).

Beliau telah dianugerahi bintang Ahli Mahkota Setia Kelantan (A.S.K.) pada tahun 1995 dan Bintang Paduka Setia Mahkota Kelantan (P.S.K.) pada tahun 2001 oleh DYMM Sultan Kelantan. Pada tahun 2003, beliau dikurniai Darjah Ahli Mahkota Perlis (A.M.P.) oleh DYMM Pemangku Raja Perlis.

ROBAAYAH ZAMBAHARI, DATO' SERI DR.



Yang Berbahagia Dato' Seri Dr. Robaayah telah dilahirkan pada 2 Disember 1951 di Batu Gajah, Perak, dan menerima pendidikan awal di Sekolah Convent St. Bernadette, Batu Gajah. Beliau merupakan graduan lulusan perubatan daripada Universiti

Malaya pada tahun 1977 dan mula berkhidmat sebagai doktor pada tahun yang sama.

Beliau menjadi Pakar Kardiologi mulai tahun 1982 dan menjadi Pakar Perunding Kardiologi sejak tahun 1984. Kini, beliau menjawat jawatan Pakar Perunding Kanan Kardiologi dan Ketua Jabatan Kardiologi di Institut Jantung Negara. Di samping itu, beliau pernah dilantik Pensyarah Kehormat di Fakulti Perubatan, UKM, Universiti Malaya dan USM.

Beliau telah menjalankan kajian klinikal dalam beberapa bidang kajian kardiologi. Antaranya, Coronary Heart Disease Risk Factors in Patients with Acute Coronary Syndromes in the Asia Pacific Region di bawah Asia-Pacific Collaboraton (ASPAC) Study on Coronary Heart Disease Risk Factor Intervention, A Multicentre Study to Evaluate the Safety and Tolerability of Tirofiban in Patients Undergoing Intracoronary Stent Placement dan Pravastin Acute Coronary Treatment (PACT). Kini, beliau sedang membuat kajian tentang Aggrastat

to Zocor dan Ongoing Telmisartan Alone and in Combination with Ramipiril Global End Point Trial.

Dato' Seri Dr. Robaayah telah menjadi fellow dan menganggotai beberapa badan profesional. Antaranya, Royal College of Physicians of United Kingdom (MRCP) sejak tahun 1982, Fellow of Royal College of Physicians of Glasgow (FRCP) sejak Februari 1994, Fellow Royal College of Physicians London (FRCP) sejak Jun 1994 dan Fellow of American College of Cardiology (FACC) sejak Februari 1995.

Beliau juga pernah menjadi Naib Presiden Persatuan Jantung Kebangsaan (1988-1992), Presiden Persatuan Jantung Kebangsaan (1992-1996), Ahli Majlis Persatuan Jantung Kebangsaan sejak tahun 1996 hingga sekarang, Pengasas dan Ahli Majlis Asia-Pacific Society of Atherosclerosis and Vascular Disease sejak tahun 1994, Ahli Majlis Eksekutif Asia-Pacific Society of Interventional Cardiology sejak tahun 1994, Pengerusi Cardiovascular Interventional Society in Malaysia sejak tahun 2000 dan Penaung Persatuan Bekas Pelajar Sekolah Convent St. Bernadette, Batu Gajah, Perak.

Selain itu, beliau sering dijemput membentangkan kertas kerja sama ada di dalam atau luar negara. Antara kertas kerja yang dibentangkan dalam negara ialah *Is Stenting the Answer to Percutaneous Revascularization* di Pertemuan Tahunan Persatuan Jantung Kebangsaan pada Februari 2000, *Treatment of Coronary Syndrome: Recent Advances* di Hospital Besar Sarawak, pada September 2000, *Management of Acute Coronary Syndrome in Chronic Renal Failure* di Seminar Mengenai Nefrologi ke-17 di Johor Bahru, pada April 2001, *Hypertension – An Update* di *1st Sunway Cardiac and Vascular Conference* di Kuala Lumpur, pada Mei 2001 dan *Cardiac Diseases in Pregnancy I – The Need For Early Recognition* di *1st National Seminar on Medical Disorders in Pregnancy* di Institut Pengurusan Kesihatan pada Ogos 2002. Antara kertas kerja yang dibentangkan di luar negara ialah *Atherosclerosis Risk Factors in Pacific Region* di *2nd Congress of Asia Pacific Society of Atherosclerosis and Vascular Disease* di Chiangmai,

Thailand, pada Februari 2000, *Coronary Revascularization in Diabetic Patients* di 12th Weekend Course in Cardiology anjuran Persatuan Jantung Jakarta pada Oktober 2000, *Treatment Options in Renovascular Disease* untuk Philippines Society of Cardiac Catheterization and Intervention di Cebu, Filipina pada Mei 2001, *Peripheral Intervention: Aorta – Iliac – Femoral* bagi *Complex Catheter Therapeutic* di Kobe, Jepun pada Oktober 2001 dan *The Overall Cardiovascular Interventionalist* di XVIth World Congress of Cardiology di Sydney, Australia, pada Mei 2002. Beliau pernah menghasilkan penulisan berjudul *Asia-Pacific Collaboration on Coronary Heart Disease Risk Factor Interven Study Design and Methods* yang diterbitkan dalam *Heart, Lung and Circulation*, Vol.10 pada Mei 2001.

Bagi mengenang jasanya, beliau telah dianugerahi beberapa darjah kebesaran. Pada tahun 1984, beliau menerima bintang Johan Setia Diraja (J.S.D.) dan dua tahun berikutnya, bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Pada tahun 1986, beliau dikurniai bintang Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) oleh DYMM Sultan Pahang manakala pada tahun 1989, beliau memperoleh Darjah Dato' Paduka Cura Simanja Kini (D.P.C.M.) daripada DYMM Sultan Perak. Kedua-dua bintang ini membawa gelaran 'Dato' '. Beliau dianugerahi Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (D.S.A.P.) yang turut membawa gelaran 'Dato' ' pada tahun 1995 dan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perlis (D.P.M.P.) daripada DYMM Raja Perlis yang membawa gelaran 'Dato' ' pada tahun 1998. Setahun kemudian, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong mengurniakan bintang Panglima Jasa Negara (P.J.N.) yang membawa gelaran 'Datuk'. Pada tahun 2001, beliau menerima Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia Pangkat Pertama Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.) yang membawa gelaran 'Datin Paduka' daripada DYMM Sultan Johor dan pada tahun 2002, beliau mendapat Darjah Dato' Seri Paduka Mahkota Perak (S.P.M.P.) daripada DYMM Sultan Perak yang membawa gelaran 'Dato' Seri'.

ROHANI PA' WAN CHIK



Puan Rohani berasal dari Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Sultanah Asma, Alor Setar, sehingga darjah tiga dan Sekolah Ingeris Methodist Tanjung Malim hingga tingkatan tiga. Selepas itu, beliau meneruskan pelajaran di Sekolah Menengah Ingeris Pudu, Kuala Lumpur.

Beliau ialah Pengarang majalah *Jelita*, iaitu antara majalah untuk wanita yang terkemuka di Malaysia sejak pertengahan tahun 1986. Sebagai Pengarang, beliau bertanggungjawab menentukan arah tuju dan seluruh pengisian majalah agar menepati konsep dan sasaran *Jelita* yang diterbitkan khusus untuk pembaca yang inginkan bahan bacaan bermutu selaras dengan cogankatanya, 'Bergaya Berilmu'. Sejak itu, beliau membuat pelbagai perubahan pada isi kandungan dan imej majalah *Jelita* sehingga dapat menggandakan jumlah edarannya dalam tempoh tiga tahun.

Puan Rohani mendapat latihan asas kewartawanan di Pusat Media Asia Tenggara, Kuala Lumpur, sewaktu memulakan kerjaya dalam bidang ini pada awal 1970-an selepas tamat sekolah menengah. Beliau pernah mengikuti latihan berkaitan laporan kependudukan di Yayasan Media Asia di Manila, pada tahun 1975 selain pelbagai kursus pendek di dalam negara sepanjang masa beliau berkhidmat.

Beliau mula bertugas dengan meja umum akhbar *Berita Harian* pada tahun 1971 yang menghendaki beliau membuat laporan berita segala macam bidang termasuk kebijakan, pendidikan, kesihatan, politik, kegiatan wanita, persidangan Dewan Rakyat, Dewan Negara serta Dewan Undangan Negeri Selangor, mahkamah, jenayah, hiburan mahupun sukan.

Pada tahun 1977, Puan Rohani ditukarkan ke *Unit Wanita Berita Harian* sebagai penyunting yang membantu pengarang mengelolakan ruangan wanita, pendidikan dan pahlawan selain terus menulis rencana dan berita untuk halaman wanita. Sepanjang masa beliau di sini, pengalaman yang paling sukar dilupakan ialah mewawancara Allahyarham Ibu Khatijah Sidek, ahli politik yang penuh kontroversi tetapi cukup kuat daya ingatannya untuk siri *Budi dan Jasa*, halaman Dunia Raya Wanita, *Berita Harian* pada tahun 1978. Tugasan ini amat mencabar kerana Ibu Khatijah pernah dicap sebagai penderhaka dan terlantar lumpuh separuh badan yang tidak membolehkannya berbual lebih daripada dua jam pada setiap sesi. Maka terpaksa Puan Rohani berulang-alik ke rumah beliau di Selayang Baru tidak kurang enam kali untuk menghasilkan rencana bersiri yang disiarkan lima minggu berturut-turut. Pada pertengahan tahun 1985, Puan Rohani telah berkhidmat sebagai Pemangku Pengarang Majalah *Jelita* dan memegang jawatan tersebut secara tetap pada pertengahan tahun 1986 sehingga Jun 2004. Kini beliau adalah Editor Perunding Majalah *Jelita*.

Dengan pengalaman dalam pelbagai cabang kewartawanan, Puan Rohani turut dijemput berkongsi pengalaman dengan penuntut di beberapa institusi pengajian tinggi tempatan dan persatuan penulis, termasuklah UUM, UiTM, Universiti Limkokwing, Persatuan Penulis Perlis dan Terengganu. Beliau telah dijemput membentangkan kertas kerja bertajuk *Penerbitan Majalah Wanita: Persaingan dan Cabaran* di Simposium Dunia Permajalahan Melayu anjuran DBP pada bulan Ogos 2003.

Puan Rohani cergas dalam PERTAMA dan pernah dilantik Setia-usaha Kehormat dari tahun 1983 dan menjadi Ketua I dari tahun 1993 hingga sekarang. PERTAMA ialah persatuan yang diasaskan oleh Puan Azah Aziz yang bermatlamat, antara lainnya, menyatukan wartawan wanita daripada pelbagai media cetak dan elektronik dengan tujuan meningkatkan taraf kewartawanan wanita, khususnya, dan masyarakat umumnya melalui bidang tugas-tugas ahlinya.

ROKAYAH RAJAK



Puan Rokayah atau dikenali juga dengan 'Hajah Ayot' telah dilahirkan pada 30 September 1926 di Kuching, Sarawak. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tuan Haji Abang Junit (Allahyarham), bekas pegawai kastam dan mereka telah dikurniai 16 orang anak, lapan lelaki dan lapan perempuan. Beliau telah mendapat pendidikan sehingga darjah lima di Sekolah Permaisuri, Kuching, dan kemudian menjadi guru pelatih di sekolah yang sama pada usia 13 tahun selama tiga tahun dengan gaji RM3 sebulan. Pendidikan beliau terhenti ketika meletusnya Perang Dunia Kedua. Beliau telah dipilih Ibu Mithali kelima pada 25 Februari 1991.

Disebabkan penjajahan Jepun, suaminya pada masa itu tidak mempunyai pekerjaan tetap. Oleh itu, mereka sekeluarga terpaksa berpindah ke Kota Samarahan dan bergantung hidup pada hasil tangkapan ikan atau udang atau menjual kelapa, dan pada ketika itu anak sulung mereka berumur dua tahun. Bagaimanapun, selepas tamatnya perang, mereka kembali ke kampung halaman dan nasib mereka berubah apabila suaminya mendapat pekerjaan sebagai pegawai kastam dengan gaji RM35 sebulan. Menyedari betapa pentingnya pendidikan, Puan Rokayah sentiasa menggalakkan dan memberi semangat kepada anak-anaknya supaya menuntut ilmu sehingga menjadi orang yang berjaya. 13 orang daripada 16 orang anaknya berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading dan yang

lainnya lulusan Jururawat Perbidanan dan sekurang-kurangnya tamat tingkatan lima.

Anak-anaknya ialah Dr. Mohd Abas, doktor yang mempunyai klinik sendiri; Hajah Aminah, bekas kerani dan kini telah pencen, Zaidi, peniaga, Abdul Karim, pegawai pertanian, Hajah Juita, seorang jururawat dan kini mempunyai taska dan tadika, Dr. Haji Ahmad, doktor gigi, Hadzari, pegawai eksekutif di LNG (anak syarikat PETRONAS), Dr. Zubidah, doktor pakar pergigian, Dr. Fatimah, Profesor Madya dalam bidang Entomologi di UNIMAS, Hamsiah, remisier di K&N Kenanga, Kuching, Hajah Mordhiah, Nazir, Kushairi, pakar geologi dan mempunyai perniagaan sendiri, Haji Khaider, arkitek, Hajah Madinah, akauntan, Hajah Zaranah, *draughtswoman* di sebuah firma arkitek dan Haji Adlan, peguam.

Keistimewaan keluarga Puan Rokayah ialah mereka sentiasa bersedia menghulurkan tangan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan. Sewaktu menetap di Limbang, Sarawak, beliau aktif dalam W.I. dari tahun 1963 hingga 1965 dan terbabit dalam kegiatan kelas memasak dan menjahit.

ROKIAH ABDUL TALIB, DR.



Dr. Rokiah telah dilahirkan di Ipoh, Perak, pada 3 Oktober 1943. Beliau telah berkahwin dengan Dr. Mohd Tajudin Jali dan mereka telah memperoleh empat orang cahaya mata, iaitu Lily Rozita, Farid Emran, Nadia Hanim dan Fadzly Ikwan. Beliau men-

dapat Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran dalam bidang sosiologi daripada Universiti Malaya.

Kerjaya beliau bermula sebagai pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. Beliau menjadi Ketua Jabatan dari tahun 1982 hingga 1984 dan dari tahun 1988 hingga 1990. Seterusnya beliau berkhidmat sebagai Penyelaras Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial di universiti yang sama antara tahun 1994 sehingga tahun 1998. Beliau telah mengajar pelbagai subjek berkaitan sosiologi, pembangunan tanah serta wanita dan pembangunan, antaranya, masyarakat Malaysia, pengenalan kepada Pengajian Gender, sosiologi pembangunan di negara-negara dunia ketiga dan konsumerisme, budaya dan masyarakat. Beliau juga pernah menjadi pensyarah luar kampus di UiTM bagi subjek Alam Sekitar dan Konsumerisme.

Semasa berkhidmat di Universiti Malaya, beliau pernah dilantik Ahli Lembaga Pengajian Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Ahli Jawa-

tankuasa Ijazah Lanjutan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Badan Redaksi *Manusia & Masyarakat*, *Jurnal Jabatan Antropologi dan Sosiologi*, Penyelaras Bersama bagi Program Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Ahli Jawatankuasa Penubuhan Rancangan Pengajian Pembangunan IPT dan Penyelaras Hubungan Akademik dengan University of Edinburgh, United Kingdom, dalam Pengajian Gender dan Pembangunan di bawah Program CICHE.

Penglibatan beliau di luar kampus ialah sebagai Ahli Lembaga Pengajian Fakulti Ekologi dan Pertanian, UPM (1990), Ahli Jawatankuasa SAMA, bekas Ahli Jawatankuasa Persatuan Sosial Sains Malaysia dan ahli Persatuan Siswazah Wanita Malaysia. Beliau juga turut aktif dalam pertubuhan sukarela dan pernah dilantik Ahli Jawatankuasa Bertindak NCWO sejak tahun 1982, Ahli Lembaga Penasihat Perlindungan Pengguna Negara sejak tahun 1984, Timbalan Presiden Persatuan Pengguna Selangor dari tahun 1984, Ahli Jawatankuasa Penasihat Khas Penjaja dan Peniaga Kecil sejak tahun 1985 dan Ahli Jawatankuasa Biro Pengguna Wanita UMNO sejak bulan Februari 1989.

Banyak kajian yang telah dilakukan oleh Dr. Rokiah seperti kajian Peranan Wanita Berkahwin Luar Bandar dalam Pembangunan Sosial dan ekonomi di Malaysia (1980-1983), Kajian Sosio-ekonomi bagi Negeri Johor, Institut Pengajian Lanjutan, Universiti Malaya (1983-1986), Pergerakan Pengguna di Malaysia (1984-1985), Wanita dan Pembangunan (1992) dan Masalah Sosial di Kalangan Peneroka FELDA di Negeri Johor (1999).

Beliau juga telah dijemput menjadi penasihat dan konsultan bagi beberapa badan dan organisasi seperti *Masterplan* Kajian Pelancongan di rantau Rompin/Endau/Mersing bagi Perbadanan Kemajuan Pelancongan (1979), Peranan Wanita dalam Pembangunan Pemegang Kecil Getah bagi RISDA (1981/1982), Isu-isu Gender dalam Pembangunan Luar Bandar bagi Bahagian Hal Ehwal Wanita, Jabatan Perdana Menteri dan Bank Pembangunan Asia (1990), Pendidikan Konsumer bagi Sekolah Menengah bagi Kementerian

Pendidikan (1994), Penasihat dan Pelatih bagi Perspektif Gender dalam Pelan Pembangunan, Hal Ehwal Wanita, Kementerian Perpaduan Negara Pembangunan Masyarakat (1995), dan Kesan Krisis Ekonomi Asia ke atas Pekerja-pekerja Wanita Malaysia bagi ILO (1998-1999).

Dr. Rokiah banyak menghasilkan penulisan sama ada dalam bentuk buku, bab mahupun jurnal. Antara buku-buku yang telah diterbitkan *Wanita Seiring Jalan: Pandangan Tun Abdul Razak Terhadap Wanita Malaysia* bersama Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim (1981), *Women in Malaysia* bersama Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim dan Hing Ai Yun (1984), *Politik dan Dasar Ekonomi di Kelantan – Satu Kajian Sosio-ekonomi* (1994), *Gender, Budaya & Masyarakat* bersama Shanthi Thambiah (1998), *Siti Hasmah Citra Wanita Dua Zaman* bersama tiga orang penulis dan Ibu Enjah Ibu Mithali (2001), *Tan Sri Fatimah: Potret Seorang Pemimpin* (2003) dan *Ibu Mithali Kedua, Hajah Wan Mas* (2003) yang kesemuanya ditulis bersama Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim. Antara bab-bab dalam pelbagai buku yang telah dihasilkannya ialah *The Status of Consumer Education in Malaysia* dalam buku *Consumer Education: Myth or Miracle* (1984), *Socio-cultural Aspects of Population Growth* dalam *Country Monograph Series No. 13, Population Malaysia* (1986), *FELDA Dalam Perkembangan Negara ; Satu Tinjauan Tentang Peranan dan Kesannya* dalam buku *Pembangunan di Malaysia: Perancangan, Pencapaian dan Prestasi* (1987), *Environmental Education and Consumerism: An Islamic Perspective* dalam *Environment and Development: Ethical and Educational Considerations* (1995) dan *Malaysia: Power Shifts & The Matrix of Consumption* dalam buku *Consumption in Asia* (2000). Makalah dalam jurnal yang telah ditulis oleh beliau termasuklah *Komuniti Bandaran: Kampung Raja Uda* dalam *Jurnal Manusia & Masyarakat* (1973), *Consumerism and National Unity: Some Facts and Fantasies* dalam *Jurnal Nation* (1981), *The Politics of Land Development in Malaysia* dalam *Jurnal Manusia & Masyarakat* (1983), *Community Development and Community Participation: A*

Case Study in Malaysia dalam *Jurnal Manusia & Masyarakat* (1985), *Safety in Transport in Malaysia: Comparative Risk Assessment of Private Versus Public Transport* dalam *Journal of the Chartered Institute of Transport in Malaysia* (1991) dan *Urbanization: Social Problems and Health* dalam *Southeast Asian Journal of Tropical Medicine and Public Health* (Vol. 23).

Sumbangannya dalam bidang akademik, sosiologi dan pembangunan wanita telah diberi pelbagai pengiktirafan apabila beliau dianugerahi *Fellowship* daripada Ford Foundation (1981-1982), Visiting Fellow, East West Centre, Hawaii, Amerika Syarikat, (1993) dan Distinguished Visitors Programme dalam Pengajian Gender (1993). Beliau juga terlibat dalam International Visitors Programme, Amerika Syarikat, (1989) dan International Exchange Programme for Women di Japan (1991).

ROSHIDAH ISHAK, KOLONEL DR.



Kolonel Dr. Roshidah dilahirkan pada 1 Mei 1957 di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Ahmad Zulkifli Mohd Zain dan mereka mempunyai lima orang anak, iaitu Farah Wahida, Ahmad Hafiz, Ahmad

Firdaus, Ahmad Husaini dan Farah Liyana.

Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Covent Bukit Mertajam sehingga tahun 1974 dan selepas itu menyambung pengajian di Kolej Tunku Kurshiah antara tahun 1975 hingga 1976. Beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Surgeri Dental daripada Universiti Malaya pada tahun 1981. Pada tahun 1991, beliau mendapat Ijazah Sarjana Periodontologi daripada Universiti Bristol, United Kingdom. Kepakaran beliau adalah dalam bidang gusi.

Kol. Dr. Roshidah kini merupakan antara wanita yang memegang jawatan tertinggi dalam Angkatan Tentera Malaysia. Sekarang beliau bertugas sebagai Pengerusi Hal Ehwal Wanita Tentera Darat sejak tahun 1996. Selain itu, beliau pernah memegang jawatan Pengerusi Bola Jaring Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 1989 dan 1996 dan beliau juga ialah ahli MERCY Malaysia.

Di samping itu, Kol. Dr. Roshidah menjadi wakil dalam mesyuarat Pengerusi Kor Tentera Darat, pernah mewakili Angkatan Tentera

Malaysia dalam rancangan HAWA, terlibat dalam perbincangan tentang wawasan perkhidmatan pergigian peringkat kebangsaan, menjadi pemeriksa luar untuk peperiksaan akhir bidang periodontik Universiti Malaya dan menjadi pensyarah sambilan di Fakulti Pergigian Universiti Malaya. Beliau juga terbabit dalam poster *presentation* untuk World Federation Dental International pada tahun 2001 dan dalam sistem pemberian mata untuk Kursus *Continuing Education* pada Januari 2004. Beliau juga melibatkan diri dengan aktiviti tentera bersama rakyat di beberapa tempat di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1994, beliau menulis dalam *Jurnal Kor Kesihatan*.

Kol. Dr. Roshidah telah dianugerahi Pingat Perkhidmatan Am (P.P.A.) pada tahun 1986 dan bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada tahun 1992 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

ROSNANI JAMIL, DATIN



Yang Berbahagia Datin Rosnani, atau nama sebenarnya Rosnani Ludin, terkenal di kalangan karyawan dengan panggilan 'Mak Nani'. Beliau dilahirkan pada 20 Januari 1936 di Padang, Sumatera Barat, Indonesia. Beliau telah mendirikan rumah tangga de-

ngan Datuk Jamil Sulong dan telah dikurniai empat orang cahaya mata: Arjunaidi, Anwardi, Asnadi dan Murniaty.

Pendidikan awal Datin Rosnani bermula di Sekolah Dasar, Sumatera. Seterusnya beliau telah mengambil kursus bahasa Inggeris di Singapura. Pada tahun 1973 hingga 1975, beliau telah mengambil Diploma di London School of Film and Television Technique, dan dalam masa yang sama juga mengambil kursus Diploma Persolekan di Christine Drew Beauty School di London.

Kerjaya Datin Rosnani sebagai artis bermula ketika usianya 19 tahun dengan penglibatannya di Studio Malay Film Productions (Singapura) dan Production Jalan Ampas, Singapura, pada tahun 1952. Beliau bermula dengan menjadi pelakon dalam filem *Sedarah* arahan S. Ramanathan keluaran Studio Malay Film Productions (Singapura). Seterusnya beliau menjadi artis di Cathay Keris Film Productions Singapura dan menjadi artis bebas dalam beberapa syarikat filem di Malaysia dan Singapura. Datin Rosnani juga pernah

menjadi pemimpin alih suara di RTM. Beliau telah melibatkan diri bukan sahaja dalam bidang lakonan malah turut menjadi pengarah filem di syarikatnya sendiri, iaitu RJ Filem Sendirian Berhad. Beliau pernah berlakon dan mengarah untuk siaran televisyen di Malaysia dan Singapura.

Hampir 30 buah filem telah dibintangi olehnya, antaranya, *Miskin*, *Anakku Sazali*, *Seri Mersing*, *Jasmin*, *Sumpahannya Mahsuri* dan *Amok*. Selain berlakon dan mengarah banyak drama, pada penghujung tahun 1980-an, beliau juga telah mengarah beberapa buah filem keluaran syarikatnya sendiri, RJ Productions, iaitu *Mawar Merah*, *Antara Dua Hati*, *Amelia* dan *Memori*. Pada tahun 2004, syarikatnya telah menerbitkan filem *Bicara Hati*.

Dunia seni telah memberi pengiktirafan kepada Datin Rosnani apabila beliau pernah memenangi beberapa anugerah seperti Pelakon Wanita Terbaik, Penulis Skrip Terbaik, Anugerah Artis Veteran, Anugerah Taipei dan anugerah-anugerah lain untuk filem arahnya.

Selain berlakon dan mengarah, beliau turut terlibat aktif dalam persatuan-persatuan karyawan, antaranya, menjadi Ahli Lembaga FINAS, menyandang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM) dan juga ahli Ikatan Persuratan Melayu Melaka (IPM). Kini Mak Nani menyandang jawatan Pengerusi Persatuan Penulis Skrip Malaysia (SWAM) dan juga Timbalan Presiden Gabungan Karyawan Filem Malaysia (GAFIM)

Beliau telah dianugerahkan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh DYMM Yang Di-Pertuan Agong.

RUGAYAH MAJID, DATIN AMAR



Yang Berbahagia Datin Amar Rugayah dilahirkan pada 12 Februari 1939 di Johor Bahru. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datuk Abang Haji Yusuf Puteh, bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, pada tahun 1963. Mereka mempunyai tiga orang

anak, iaitu Kartini, Rubiah dan Abang Rahmat Shobra.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Perempuan Kampung Bahru, Johor Bahru, dari tahun 1945 hingga 1949 sehingga tamat darjah empat. Kemudian beliau telah memasuki Maktab Perempuan Melayu (kini Kolej Tunku Kurshiah) dari tahun 1950 hingga 1956 dan lulus sijil peperiksaan Cambridge. Dari tahun 1957 hingga 1958, beliau telah menuntut di English College Johor Bahru, hingga lulus STPM. Seterusnya beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang ekonomi.

Datin Amar Rugayah amat cergas dalam aktiviti-aktiviti kebajikan dan sosial terutamanya di negeri Sarawak. Beliau telah menjadi ahli NACIWID, Ahli Majlis Penasihat Persatuan Pandu Puteri Sarawak, Ahli Jawatankuasa Negeri Bantuan dan Penyelarasan Bencana Alam, Ahli Jawatankuasa Negeri bagi Tabung Malapetaka Pulau Kidjang dan Ahli Jawatankuasa Negeri Tabung Pemulihan Tugu

Peringatan Negara. Beliau merupakan ahli seumur hidup Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak, PEMADAM dan ACWW serta ahli Koperasi Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak.

Selain itu, beliau juga pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja Rumah Amal Cheshire Sarawak dari tahun 1971 hingga 1981, Pengerusi Jawatankuasa Pengambilan Penderma Darah untuk Persatuan Bulan Sabit Merah Sarawak pada tahun 1975, Ahli Jawatankuasa Sosial Persatuan Melayu Sarawak dan Ahli Jawatankuasa Sekolah-sekolah Permulaan dan Tadika Lodge, Kuching, dari tahun 1976 hingga 1982. Beliau bertugas sebagai Setiausaha Pentadbir, Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak dari tahun 1963 hingga 1982. Kini, beliau menjadi Penasihat Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak mulai tahun 1983.

Sebagai Setiausaha Pentadbir, beliau sering mewakili wanita Sarawak dalam pelbagai persidangan berkaitan kepentingan wanita. Antaranya Persidangan ACWW Rantau Asia yang diadakan di Manila, pada tahun 1967, Seminar Perubahan Peranan Wanita Dalam Pembangunan anjuran Agensi Pembangunan Antarabangsa di Oslo, Norway, pada tahun 1974 dan Seminar Wanita ASEAN Wanita dan Pekerjaan yang telah diadakan di Kuala Lumpur, pada tahun 1976.

Selain sumbangannya dalam kerja-kerja sosial dan kebajikan, beliau telah mengasaskan penubuhan Biro Wanita Sarawak pada tahun 1988 dan Majlis Wanita Sarawak pada tahun 1990, hasil suatu usul yang telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sarawak menerusi Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak pada tahun 1983.

Bagi mengenang jasa-jasanya, beliau telah dianugerahi Sijil Kehormat Negeri pada tahun 1964 dan Ahli Bintang Sarawak (A.B.S.) pada tahun 1973 oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Beliau juga telah dikurniائي bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1981. Pada tahun 1985, beliau telah menerima Pingat Emas Tun Fatimah dari-

pada NCWO, manakala pada tahun 1997, beliau telah memperoleh Pingat Emas Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak.

RUGAYAH SULONG DATO'



Dato' Rugayah telah dilahirkan pada 24 Januari 1942 di Kampung Banggol Tuan Muda, Manir, Terengganu. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tuan Haji Megat Othman Chik (Allahyarham). Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Melayu Kampung Tengah, Buluh Gading, Kuala Terengganu, hingga darjah enam dan Sekolah Kebangsaan Agama Kampung Tengah, Buluh Gading, Kuala Terengganu, hingga darjah enam. Semenjak tahun 1960, beliau menjadi guru Al-Quran dan mempunyai kepakaran dalam bidang tarannum.

Beliau telah menjadi Ketua Wanita UMNO Kampung Pengkalan Setar, Kuala Terengganu, dari tahun 1961 hingga 1965. Beliau juga telah dilantik Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Anak-anak Yatim Darul Falah, Bukit Payong, Kuala Terengganu, Ahli Jawatankuasa PIBG Sekolah Kebangsaan Bukit Sawa, Marang, Terengganu, dari tahun 1993 hingga 1995 dan Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Wanita Daerah Marang dari tahun 1991 hingga 1993.

Dato' Rugayah pernah menjadi Johan Musabaqah Membaca Al-Quran peringkat kebangsaan sebanyak lapan kali dan Johan Musabaqah Membaca Al-Quran peringkat antarabangsa sebanyak empat kali.

Bagi mengenang jasanya menaikkan nama negara di peringkat antarabangsa, beliau telah dikurniai Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh DYMM Sultan Terengganu pada tahun 1961. Pada tahun 1966, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah mengurniakan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.). Beliau juga telah mendapat bintang Ahli Mahkota Terengganu (A.M.T.) daripada DYMM Sultan Terengganu pada tahun 1979 dan bintang Setia Mahkota Terengganu (S.M.T.) juga daripada DYMM Sultan Terengganu pada tahun 1991. Pada tahun 2002, beliau telah dikurniai bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Beliau dianugerahi bintang Dato' Paduka Mahkota Terengganu (D.P.M.T.) yang membawa gelaran 'Dato' ' oleh DYMM Sultan Terengganu pada bulan Julai 2004.

RUHANI ABDUL RAHMAN



Puan Ruhani telah dilahirkan pada 1 Jun 1948 di Kota Bharu, Kelantan. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Kolej Tunku Kurshiah sehingga tahun 1966. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran ke ITM dan telah memperoleh Diploma dalam bidang Stenografi pada tahun 1968. Beliau juga telah mengikuti kursus dalam bidang Pengurusan daripada Institut Pengurusan Malaysia (MIM).

Beliau telah bekerja dengan United Motor Works dari tahun 1968 hingga 1970. Seterusnya beliau berkhidmat dengan Pernas Trading dari tahun 1971 hingga 1984. Semenjak tahun 1984, beliau ialah Pengarah Urusan Syarikat Nizarman (M) Sdn. Bhd. yang telah menghasilkan beberapa buah filem.

Antara filem-filem yang telah dihasilkannya ialah *Bintang Malam*, *XX Ray*, *XX Ray II*, *Amuk*, *Hanya Kawan*, *Penyu*, *Skop* dan *Gila Bola*. Syarikat beliau juga telah menerbitkan beberapa buah drama seperti *Miss Penang*, *Sebuah Impian*, *Fiona*, *Tarik Tali* dan *Diari Seorang Ayah*. Terkini, Syarikat Nizarman telah mengadakan usahasama dengan Serangkai Filem untuk menerbitkan sebuah filem bertajuk *Qaisy & Laila*.

Bintang Malam merupakan filem keluaran syarikat beliau yang paling banyak memenangi anugerah. Filem tersebut telah memen-

nangi Anugerah Kisah Masyarakat Terbaik dalam Pesta Filem Asia di Taipei. Filem ini juga telah menggondol Anugerah Filem Terbaik dalam Pesta Filem Malaysia. Dalam Pesta Filem Malaysia itu juga, filem tersebut telah merangkul Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik, Anugerah Pengarah Terbaik serta Anugerah Pelakon Pembantu Lelaki dan Wanita Terbaik. Di samping itu, siri komedi terbitan syarikatnya yang berjudul *Kopi.com* telah memenangi Anugerah Siri Komedi dalam Anugerah Panca Delima anjuran RTM.

Selain itu, beliau juga menjadi ahli seumur hidup Persatuan Setiausaha, pernah dilantik Timbalan Presiden PENIAGAWATI dan juga Timbalan Presiden Persatuan Penerbit Filem. Di samping itu, beliau turut melibatkan diri dalam bidang politik. Pada tahun 1993, beliau telah dilantik Ketua Penaja Wanita UMNO Cawangan Sri Hartamas dan Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Penaja Bahagian Segambut. Dari tahun 1994 hingga 1996, beliau ialah Ketua Wanita UMNO Cawangan Sri Hartamas, Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian Segambut dan Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian. Antara tahun 1997 hingga 2000, di samping memegang jawatan yang sedia ada, beliau menjadi Bendahari Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Segambut. Pada tahun 2001, beliau sekali lagi dilantik Ketua Wanita UMNO Cawangan Sri Hartamas dan Ketua Wanita UMNO Bahagian Segambut.

Beliau telah dikurniai Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.) oleh DYMM Sultan Perak pada tahun 2002, dan dilantik salah seorang Tokoh Wanita Kelantan pada tahun yang sama.

SAADIAH SARDON,
TOH PUAN DATO' SERI UTAMA
(ALLAHYARHAM)



Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Saadiah, atau nama sebenarnya Patsy Cheong, telah dilahirkan pada tahun 1924 di Johor, dan merupakan anak sulung daripada tiga orang adik-beradik. Beliau telah berkahwin dengan Tun Sardon Jubir (Allahyarham), bekas Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang dan Menteri Kerja Raya yang pertama Tanah Melayu. Beliau telah memeluk agama Islam dan mereka telah mendirikan rumah tangga pada 4 Mei 1944 di Singapura. Mereka mempunyai lima orang anak, iaitu Rizal, Lokman, Sukarno, Mariam dan Norita serta 16 orang cucu.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Fairfield Girls' School, Singapura, dan Sekolah Bukit Zaharah, Johor, sehingga ke peringkat Senior Cambridge sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua. Semasa Jepun menduduki Tanah Melayu, beliau telah menjadi penterjemah bahasa Jepun dan bertugas sebagai setiausaha di Pejabat Hakim serta bertanggungjawab merekodkan segala perjalanan mahkamah.

Selepas berkahwin, beliau menumpukan perhatian kepada rumah tangga di samping memberi sokongan kepada Tun Sardon dalam kerjayanya. Namun begitu, Toh Puan Saadiah turut melibatkan diri dalam kegiatan sosial dan kebajikan.

Penglibatan beliau yang pertama dalam kerja kebajikan ialah pada tahun 1948 apabila beliau menubuhkan sebuah pusat bagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik di Siglap, Singapura, dan menjadi ahli Pergerakan St. John Ambulans, Raffles Division, Singapura (1950-1951).

Toh Puan Saadiah turut melibatkan diri dalam politik. Beliau pernah menyandang jawatan Ketua Kaum Ibu UMNO Cawangan Johor Bahru (1952-1953) dan Ahli Jawatankuasa Kaum Ibu UMNO (1953-1955). Dalam pergerakan Kaum Ibu UMNO, Toh Puan Saadiah juga terlibat dengan pembinaan Bangunan Ibu Pejabat Kaum Ibu UMNO di Jalan Raja Muda, Kampung Baru, Kuala Lumpur, pada tahun 1960-an.

Antara jawatan yang pernah disandangnya ialah Pengerusi Cheshire Homes of the Far Eastern Regional Council, Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Kebajikan Kanak-kanak Malaysia dan Pengerusi Perkumpulan Perempuan Negeri Selangor. Pada pertengahan tahun 1960-an, beliau telah mengasaskan Rumah Cheshire di Selayang, Selangor, di Johor Bahru, di Sabah dan di Pulau Pinang. Pada tahun 1968, beliau telah menyertai Perhimpunan Kedua Belas World Organisation for Pre-School Education, manakala pada tahun 1969, beliau telah mengikuti Persidangan Cheshire Homes di London, England.

Beliau juga telah menjadi District Superintendent of Nursing dalam pergerakan St. John Ambulans Malaysia selama 11 tahun dan juga terlibat dengan pembinaan Ibu Pejabat St. John's Ambulance Brigade di Jalan Shelley, Kuala Lumpur. Beliau sering mewakili perwakilan St. John Ambulans ke pelbagai persidangan di peringkat antarabangsa. Pada tahun 1963, Toh Puan Saadiah telah dikurniakan anugerah Commander of the Order of St. John oleh Ratu Elizabeth II atas perkhidmatannya selama 24 tahun dalam Briged St. John Ambulans.

Selain itu, beliau ialah Pengasas dan Presiden pertama PPSEAWA Malaysia bagi tahun 1960-1961 dan beliau juga pernah

menjadi ketua rombongan ke persidangan PPSEAWA di Canberra, Australia, pada tahun 1961.

Toh Puan Saadiah telah mengikuti Tun Sardon ke New York, Amerika Syarikat, pada September 1974 apabila Tun Sardon dilantik Wakil Tetap Malaysia ke PBB sehingga 1975.

Tun Sardon dilantik Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang dari tahun 1975 hingga 1981. Toh Puan Saadiah turut terbabit dalam kerja-kerja membangunkan Pulau Pinang. Beliau telah menjadi Penasihat kepada Jawatankuasa Pembinaan Masjid Negeri Pulau Pinang pada awal tahun 1975. Semasa di Pulau Pinang, beliau juga dilantik Pengerusi Bola Tangkis Wanita Pulau Pinang sehingga 1981.

Beliau telah dikurniakan bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1971 dan pada tahun 1972, beliau memperoleh bintang Dato' Paduka Mahkota Kelantan (D.P.M.K.) yang membawa gelaran 'Dato' '. Pada 30 Ogos 1985, beliau telah dianugerahi Anugerah Pingat Emas Tun Fatimah oleh NCWO. Tun Sardon Jubir, sebagai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, telah mengiktiraf sumbangan-sumbangan beliau dalam bidang kebajikan dan telah mengurniakan bintang Darjah Yang Utama Pangkuan Negeri (D.U.P.N.), iaitu darjah kebesaran tertinggi Pulau Pinang yang membawa gelaran 'Dato' Seri Utama' pada tahun 1976. Beliau telah menerima Anugerah Tokoh Sukan Negara pada tahun 1995.

Pada tahun 1986, selepas Tun Sardon meninggal dunia, beliau telah melibatkan diri dalam BAKTI dan juga pergerakan warga tua dan sehingga nafas terakhir, beliau masih memegang jawatan Presiden Persatuan Warga Tua Sukaria, Petaling Jaya.

Toh Puan Saadiah meninggal dunia pada usia 78 tahun pada 23 Mac 2002 di Hospital Pulau Pinang.

SAKINAH JUNID, PUAN SRI DATIN



Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sakinah telah dilahirkan pada 8 Disember 1924 di Kampung Lalang, Padang Rengas, Perak. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tan Sri Dato' Haji Asri Muda, bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar (Allahyarham) pada 15 Ogos 1947 dan mereka mempunyai sembilan orang anak. Beliau telah menuntut di Sumatera Barat, Indonesia, bersama-sama Tan Sri Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh dan memperoleh Diploma Kulliyat Muallimat daripada Maktab Perguruan Tinggi Islam, Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia pada tahun 1945.

Setelah tamat pengajian, beliau pulang ke tanah air berbekalkan semangat nasionalisme bawaaan Indonesia. Puan Sri Sakinah telah menyertai AWAS dan mula melancarkan rapat umum dan kempen untuk menyedarkan rakyat tentang peri pentingnya membebaskan diri daripada belunggu penjajah.

Ketika suaminya membabitkan diri secara aktif dalam politik, mereka terpaksa berpindah ke Bukit Mertajam dan beliau telah berkhidmat sebagai guru di salah sebuah sekolah Arab di Chikus, Hilir Perak. Puan Sri Sakinah pernah dilantik Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat selama beberapa tahun. Beliau turut melibatkan diri

dalam masyarakat terutamanya sewaktu menjadi isteri Menteri Besar Kelantan. Puan Sri Sakinah telah turut memberikan latihan keterampilan kepada wanita luar bandar sekitar tahun 1964 hingga 1973. Beliau juga merupakan wanita pertama yang mendirikan taman kanak-kanak di Kelantan.

SALASIAH DIN, TOH SURI WATI



Yang Dihormati Toh Suri Wati Puan Salasiah telah dilahirkan pada 12 November 1945 di Teluk Intan, Perak. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Khairuddin Haji Ahmad, seorang pemain bola sepak dan pengadil bola sepak kelas satu.

Mereka mempunyai empat orang anak, iaitu Norminshah, Muzaffar Shah, Muazam Shah dan Noreenshah Fatira dan enam orang cucu.

Beliau mendapat didikan awal di Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan, hingga tahun 1962 dan lulus Senior Cambridge. Beliau telah berkhidmat dengan Majlis Daerah Hilir Perak sebagai Pembantu Tadbir selama 36 tahun dari tahun 1964 hingga bersara pada 30 November 2000.

Toh Suri Wati Puan Salasiah ialah wanita pertama menjadi pengadil kelas II yang bertauliah bagi perlawanan bola sepak semenjak tahun 1975 hingga 1986. Beliau telah mengadili lebih 100 pertandingan bola sepak yang dimainkan oleh kaum lelaki. Beliau amat aktif dalam persatuan-persatuan pengadil dan bola sepak. Bermula pada tahun 1976, beliau telah menjadi Setiausaha Kehormat Persatuan Pengadil-pengadil Bola Sepak Hilir Perak. Pada tahun 1977, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Bola Sepak Wanita negeri Perak. Tahun berikutnya, beliau telah dilantik Naib

Yang Dipertua Persatuan tersebut dan dalam masa yang sama, beliau juga Ahli Jawatankuasa Persatuan Bola Sepak Wanita Malaysia.

Pada tahun 1980, beliau telah lulus peperiksaan Pengadil Kelas II dan dilantik Pengurus pasukan bola sepak wanita ke Jakarta. Setahun kemudian, beliau mengikuti Seminar Pengadil Bola Sepak Wanita Asia di Hong Kong. Pada tahun 1982, beliau telah lulus Peperiksaan Pengadil Bola Sepak Wanita Asia di Hong Kong. Dalam tahun 1982, beliau telah lulus Peperiksaan Pengadil Bola Sepak Kelas 1 Negeri (Lelaki) dan telah dipilih menjadi pengadil bola sepak di Kejohanan Bola Sepak Wanita ASEAN di Bangkok. Tahun berikutnya, beliau telah memegang jawatan Ahli Jawatankuasa Persatuan Bola Sepak Wanita Asia. Dari tahun 1983 hingga 1985, Toh Suri Wati Puan Salasiah telah menjadi Pengerusi Lembaga Pengadil Persatuan Bola Sepak Wanita Malaysia. Pada tahun 1985, beliau dipilih menjadi pengadil bola sepak di Kejohanan Bola Sepak Wanita ASEAN Kedua yang diadakan di Kuala Lumpur. Sepuluh tahun kemudian, beliau dilantik Penolong Pengurus pasukan bola sepak wanita kebangsaan ke Kejohanan Bola Sepak Wanita ASEAN di Sabah. Sebagai perintis dalam dunia sukan bola sepak tanah air, Toh Suri Wati Puan Salasiah telah menubuhkan satu pasukan bola sepak wanita bagi Daerah Hilir Perak.

Selain penglibatan dalam bidang bola sepak, beliau juga giat dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Antaranya Ahli Lembaga Pelawat Hospital Daerah Teluk Intan dari tahun 1981 hingga 1997, Ahli Jawatankuasa PEMADAM Hilir Perak dari tahun 1983 hingga 1985, Ahli Jawatankuasa Persatuan Tempatan Pandu Puteri Hilir Perak dari tahun 1990 hingga 1992, dan Ahli Jawatankuasa LKPI cawangan Teluk Intan dari tahun 1992 hingga 2002.

Sebagai mengenang jasa-jasanya, beliau telah dikurniai Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh DYMM Sultan Perak pada tahun 1980. Beliau telah dilantik Orang Besar Tiga Puluh Dua Perak dengan gelaran 'Yang Dihormati Toh Suri Wati' oleh DYMM Sultan Perak pada tahun 1985. Beliau juga telah dianugerai bintang Ahli Mahkota

Perak (A.M.P.) pada tahun 1992. Sebelum beliau bersara pada tahun 1999, beliau telah dianugerahi Sijil Perkhidmatan Cemerlang oleh Majlis Daerah Hilir Perak.

SALEHA MOHD ALI, TAN SRI DATO' PADUKA (DR.)



Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Paduka Saleha telah dilahirkan pada 29 Januari 1923 di Klang, Selangor dan merupakan anak ketiga dari sepuluh orang adik-beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tuan Haji Mohd Zain Ahmad (Allahyarham), bekas Auditor Negara dan mereka mempunyai tiga orang anak lelaki, iaitu Zahidi, Zabidi dan Zahari di samping empat orang anak hasil perkahwinan pertama suaminya, iaitu Zulfa, Zubir, Zainab dan Zulkifli.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Perempuan Methodist Klang dan seterusnya di Sekolah Perempuan Methodist Kuala Lumpur. Pada tahun 1940, Tan Sri Saleha telah lulus peperiksaan Senior Cambridge di Sekolah St. Mary, Kuala Lumpur. Pada usianya 16 tahun, beliau telah memasuki Kelas Biasa Untuk Latihan Perguruan selama tiga tahun dan selepas itu beliau telah mengajar di Sekolah Jalan Pasar. Dari tahun 1945 hingga 1946, beliau menjadi Setiausaha kepada Dato' Onn Ja'afar (Allahyarham). Tan Sri Saleha telah dihantar oleh bapanya ke England dari tahun 1946 hingga 1949 dan menuntut di London School of Economics dan merupakan antara wanita Melayu yang terawal belajar di luar negara. Semasa di sana, beliau menulis untuk akhbar *Straits Times* dalam

ruangan *Letters From England*. Beliau berjaya memperoleh Diploma dalam Sains Sosial dan Ekonomi pada tahun 1949.

Sekembalinya ke Malaysia, beliau telah dilantik Ketua Pegawai Kebajikan Negeri Selangor pada tahun 1949 dan merupakan wanita pertama dilantik ke jawatan tersebut pada masa itu. Pada tahun 1950, beliau menjadi wanita pertama dilantik Ahli Majlis Perundangan Negeri Selangor bagi tempoh tiga tahun. Tan Sri Saleha telah berusaha untuk menubuhkan Mahkamah Juvana dan memelihara kebajikan orang-orang yang memerlukan bantuan seperti kanak-kanak, orang tua dan orang cacat. Dari tahun 1960 hingga 1970, beliau menjadi Ahli Suruhanjaya Kakitangan Awam Malaysia dan merupakan wanita pertama dalam Suruhanjaya tersebut. Selain itu, beliau ialah satu-satunya wanita yang dilantik Ahli Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Malaysia dan beliau berkhidmat selama 23 tahun dan beliau juga dilantik Ahli Majlis Perpaduan di Jabatan Perdana Menteri selama 19 tahun.

Tan Sri Saleha adalah antara mereka yang bertungkus-lumus berusaha ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau telah menentang penubuhan Malayan Union bersama rakan-rakannya yang lain seperti Dato' Onn Ja'afar, Tunku Abdul Rahman dan Tan Sri Zainal Abidin Abas.

Di samping kesibukan dengan tugas-tugas rasmi, Tan Sri Saleha turut terlibat dalam pelbagai organisasi bukan kerajaan dan dilantik sebagai pengarah beberapa buah syarikat tempatan. Beliau telah melibatkan diri dalam W.I. dan pada tahun 1958 hingga 1960, beliau telah dilantik Setiausaha Agung W.I. Selian itu, beliau ialah ahli Pengasas PERKIM dan menjadi Ahli Majlis Kebangsaan PERKIM semenjak penubuhannya sehingga tahun 1995. Beliau juga turut terlibat dalam mengasaskan NCWO, LKPIM, Puteri Islam dan Speakers' Club. Buat masa ini, beliau ialah Penasihat Majlis Kebajikan Kebangsaan, Penaung Persatuan Kanak-kanak Autistik Malaysia, Penasihat Persatuan Orang Pekak dan Orang Bisu, Penaung Sekolah Kanak-kanak Pekak Selangor, Pengerusi Persatuan Kanak-kanak

Spastik dan kurang upaya dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Hati Malaysia. Beliau juga Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Pengajian Tinggi Institut HELP (Higher Education Learning Programme), Penaung Kolej Sunway, Penasihat Asian Strategy and Leadership Institute Malaysia (ASLI) dan Pengerusi Kumpulan Syarikat Genting View Resorts.

Pada tahun 1973, ketika berusia 50 tahun, beliau telah mengikuti kelas undang-undang di Universiti Malaya. Beberapa tahun kemudian, beliau memperoleh Diploma dalam bidang Bangunan dan Pembinaan daripada Brighton College, London.

Pada tahun 1985, beliau dikurniai darjah kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) oleh DYMM Sultan Selangor yang membawa gelaran 'Dato' Paduka'. Pada tahun 1997, Tan Sri Saleha telah dianugerahi Ijazah Doktor Kehormat oleh Universiti Southern Queensland, Australia, atas sumbangan lebih daripada 40 tahun dalam bidang kebajikan dan pendidikan. Sebagai mengenang jasa beliau selaku Pengerusi Association for the Promotion of Higher Studies in Malaysia (APHEM) yang telah membina sebuah sekolah di Genting Highland, sekolah tersebut telah diberi nama Sekolah Menengah Genting Highland Saleha. Pada tahun 2004, beliau telah dianugerahi bintang Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran 'Tan Sri' oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

SALMA ISMAIL, TAN SRI DATO' DR.



Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Salma merupakan doktor wanita Melayu pertama di Malaysia. Beliau telah dilahirkan di Alor Setar, Kedah, pada 19 Disember 1918 dan telah mendirikan rumah tangga dengan Dato' Dr. Abu Bakar Ibrahim (Allahyarham), juga seorang doktor perubatan, pada 3 Mac 1950. Mereka mempunyai empat orang anak, iaitu Datuk Dr. Ridzuan (kini Pengarah Urusan Kumpulan Perubatan Pantai dan Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia), Ezani, Dr. Normi dan Rosina (meninggal dunia dalam tragedi Highland Towers).

Beliau telah menuntut di Kampung Baru Girls' School (nama lama bagi Sekolah Menengah Sultanah Asma), Alor Setar, Kedah, dan telah lulus Junior Cambridge pada bulan Mac 1933. Pada masa itu, beliau satu-satunya pelajar perempuan yang lulus peperiksaan Senior Cambridge pada tahun 1935 di Negeri Kedah. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke King Edward VII College of Medicine di Singapura, pada tahun 1936, tetapi terpaksa kembali ke Kedah pada awal tahun 1940-an disebabkan meletusnya Perang Dunia Kedua. Walaupun begitu, beliau tidak membuang masa dan berkhidmat sebagai doktor pelatih di Hospital Besar Alor Setar, di bawah pengawasan doktor Jepun dan doktor tempatan. Beliau kembali

menyambung pengajian setelah tamat Perang Dunia Kedua sehingga lulus dalam ilmu perubatan pada tahun 1949. Beliau merupakan wanita Melayu pertama di Malaysia yang lulus dalam bidang ini dan mendapat Licentiate of Medicine and Surgery. Beliau juga telah memperoleh Diploma in Gynaecology and Midwifery daripada Dublin, Ireland, pada tahun 1965.

Sebagai doktor perubatan, beliau mula bertugas di Hospital Besar Alor Setar dari tahun 1950 hingga 1960. Kemudian beliau bertukar ke Kuala Lumpur dan berkhidmat di Hospital Tanglin sehingga tahun 1967, apabila beliau bersara dari perkhidmatan kerajaan. Selepas itu, beliau telah membuka beberapa klinik persendirian di Kuala Lumpur.

Walaupun sibuk dengan tugas harian, beliau turut melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan sosial dan kebajikan. Tan Sri Dr. Salma ialah bekas Pesuruhjaya Pandu Puteri Negeri Kedah, ahli Persatuan St. John Ambulance, Kedah, serta pernah berada dalam Majlis Belia Negeri Kedah. Di Kuala Lumpur, beliau menjadi Ahli Lembaga Kolej Tunku Kurshiah, Ahli Majlis Penasihat Pendidikan Tinggi dan ahli *Malaysian American Society*. Beliau juga menjadi Presiden Persatuan Doktor-doktor Swasta Selangor pada tahun 1976 dan beliau juga pernah dilantik Presiden PPSEAWA.

Kerajaan Negeri Kedah telah menganugerahi beliau Bintang Perkhidmatan Cemerlang Negeri Kedah (B.C.K.) pada tahun 1955 sebagai menghargai sumbangan beliau dalam bidang perubatan. Beliau juga telah dianugerahi bintang Dato' Paduka Mahkota Kedah (D.P.M.K.) oleh DYMM Sultan Kedah pada tahun 1995 yang membawa gelaran 'Dato' ' dan darjah Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) pada tahun 1997 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung yang membawa gelaran "Tan Sri".

SALOMA, PUAN SRI (ALLAHYARHAM)



Yang Berbahagia Puan Sri Saloma, atau nama sebenarnya Salmah Ismail, telah dilahirkan pada 23 Januari 1935 di Singapura. Beliau ialah isteri Tan Sri P. Ramlee (Allahyarham), seniman agung tanah air. Mereka telah mendirikan rumah tangga pada tahun

1961. Sebelum itu, beliau telah berkahwin dengan pelakon AR Tompel dan mereka mempunyai seorang anak lelaki, Armali. Penglibatan Puan Sri Saloma dalam bidang seni suara bermula secara kebetulan ketika beliau masih di bangku sekolah. Pada suatu hari, penyanyi Rokiah Hanafi yang telah diminta membuat persembahan di Radio Malaya, tidak dapat datang, maka bapa tiri Puan Sri Saloma telah memintanya mengisi kekosongan tersebut. Sejak itu, bakat beliau terus digilap dan beliau telah menyertai kumpulan keroncong 'Fajar Murni'.

Penglibatan beliau dalam bidang perfileman pula bermula apabila Sharikat Filem Nusantara telah mengadakan uji bakat dan beliau telah berjaya dalam uji bakat tersebut. Seawal usianya 16 tahun, Puan Sri Saloma telah membintangi tiga buah filem. Sebelum berlakon dalam filem pertama di bawah arahan Tan Sri P. Ramlee, beliau telah bekerja dengannya dalam proses *dubbing* suara dalam beberapa buah filem seperti *Semerah Padi*, *Pancha Delima* dan *Pendekar Bujang*

Lapok. Sepanjang kerjayanya sebagai pelakon, beliau telah membintangi lebih kurang lapan buah filem, antaranya, *Seniman Bujang Lapok* (1961), *Labu Labi* (1963), *Sabaruddin Tukang Kasut* (1966) dan *Do Re Mi* (1966).

Belau diminati kerana nyanyiannya yang merdu dan sering berduet dengan Tan Sri P. Ramlee. Mereka telah berduet dalam lebih daripada 30 buah lagu. Antaranya *Tudung Periok* dalam filem *Sumpah Orang Minyak* (1958), *Malam Bulan di Pagar Bintang* dalam filem *Pendekar Bujang Lapok* (1959), *Jangan Tinggalkan Daku* dalam filem *Ibu Mertuaku* (1962), *Aci-aci Buka Pintu* dalam filem *Nasib Si Labu Labi* (1963) dan *Sedangkan Lidah Lagi Tergigit* dalam filem *Tiga Abdul* (1964). Puan Sri Saloma juga telah mendendangkan hampir 50 buah lagu dalam pelbagai filem dan di luar filem seperti *Kasihnya Ibu* dalam filem *Pancha Delima* (1957), *Jikalau Abang Merindu* dalam filem *Saudagar Minyak Urat* (1959), *Bila Larut Malam* dalam filem *Labu Labi* (1962), *Selamat Pengantin Baru* dalam filem *Madu Tiga* (1964) dan *Kembara* dalam filem *Kanchan Tirana* (1969).

Selepas kematian Tan Sri P. Ramlee pada tahun 1973, beliau telah mengambil alih tugas-tugasnya sebagai Naib Presiden bagi Syarikat Perfileman Rumpun Melayu. Beliau juga telah mengarahkan pengeluaran filem pertama bagi syarikat ini.

Sumbangannya dalam dunia hiburan tanah air telah diberi penghormatan melalui pengurniaan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Beliau telah dianugerahi gelaran Biduanita Negara pada tahun 1979 oleh SENIMAN dan PAPITA.

Puan Sri Saloma meninggal dunia pada 25 April 1983.

SHAHRIZAT ABDUL JALIL, DATO' SERI



Yang Berhormat Dato' Seri Shahrizat telah dilahirkan di Pulau Pinang, dan merupakan anak sulung daripada empat orang adik-beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datuk Dr. Mohamad Salleh Ismail, seorang saintis dan juga Presiden serta

Ketua Eksekutif Taman Teknologi Malaysia. Mereka mempunyai tiga orang anak, dua orang lelaki dan seorang perempuan.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Perempuan Jalan Northam dan Madrasah Tarbiah Islamiah, Pulau Pinang. Seterusnya, beliau menyambung pendidikan di Sekolah Perempuan St. George, Pulau Pinang, dan kemudiannya di Kolej Tunku Kurshiah, Seremban. Selepas itu beliau telah mengikuti pengajian undang-undang di Universiti Malaya pada tahun 1973 dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-undang pada tahun 1976.

Setelah tiga tahun berkhidmat sebagai Majistret di Kedah dan di Kuala Lumpur, beliau telah dilantik Penolong Peguamcara Bahagian Perbendaharaan dan pada tahun 1979, beliau telah meletakkan jawatan daripada Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman. Pada tahun 1980, beliau telah diterima masuk serta berdaftar dengan Majlis Peguam Malaysia dan menjadi rakan kongsi selama 16 tahun dengan Soo Thien Ming & Shahrizat. Beliau memulakan firma

guamannya sendiri, iaitu Tetuan Shahrizat & Tan pada tahun 1993 dan firma ini mengendalikan urusan hartanah, korporat, bank, syarikat kewangan dan syarikat perniagaan lain.

Penglibatan beliau dalam bidang korporat bermula pada tahun 1986 apabila dilantik pengarah mewakili Permodalan Nasional Berhad dalam beberapa buah syarikat seperti Island and Peninsular Berhad, Austral Enterprise Berhad, UMW Toyota Sdn. Bhd., TTDI SEA Park Development Sdn. Bhd., Shangri-la Hotel Sdn. Bhd. dan UBN Holdings Sdn. Bhd. Beliau telah menempa sejarah apabila menjadi wanita pertama di Malaysia dilantik Pengerusi dua buah syarikat yang tersenarai di BSKL, iaitu Island and Peninsular Berhad dan Austral Enterprise Berhad.

Pembabitan Dato' Seri Shahrizat dalam arena politik bermula pada tahun 1982 apabila beliau dipilih Ketua Wanita UMNO Cawangan Kepong Baru di Bahagian Kepong. Sejak tahun 1987, beliau telah menjawat beberapa jawatan dalam biro-biro Wanita UMNO seperti Ahli Jawatankuasa Biro Undang-undang, Biro Ekonomi dan Biro Hal Ehwal Wanita UMNO Malaysia. Dalam tahun 1989, beliau telah dilantik Ketua Wanita UMNO Bahagian Kepong, Wilayah Persekutuan, dan dalam tahun 1993, beliau diangkat sebagai Exco Wanita UMNO Malaysia sehingga tahun 1999. Dato' Seri Shahrizat telah menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1996 hingga 1999 dan, pada tahun 2000, beliau telah dipilih Naib Ketua Wanita UMNO Malaysia.

Dalam pilihan raya umum tahun 1995, beliau telah memenangi kerusi parlimen Lembah Pantai dan menjadi Ahli Parlimen wanita pertama di Wilayah Persekutuan. Pada tahun yang sama, beliau telah dilantik Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan. Beliau telah mempertahankan kerusi Parlimen Lembah Pantai dalam pilihan raya pada tahun 1999 dan telah dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas Jabatan Hal Ehwal Wanita dan LPPKN. Pada 30 Januari 2001, Dato' Seri Shahrizat dilantik Menteri sebuah kementerian baharu, iaitu

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Kementerian ini mempunyai dua jabatan, iaitu Jabatan Pembangunan Wanita dan LPPKN. Pada bulan Mac 2004, beliau memenangi kerusi Parlimen Lembah Pantai sekali lagi dalam pilihan raya umum dan dilantik Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sebelum memenangi pilihan raya pada tahun 1995, beliau juga aktif dalam beberapa pertubuhan bukan kerajaan dan pernah memegang jawatan-jawatan penting. Antaranya Timbalan Pengerusi I PENIAGAWATI, Presiden pertama Persatuan Kebangsaan Usahawan Wanita Malaysia, Ahli Jemaah Universiti Malaya dan Ahli Majlis Institut Majlis Asia-Australia (AAI). Beliau juga ialah Penerima Utama ASEAN Women's Fellowship daripada AAI dan kerajaan Australia. Sebagai Ahli Parlimen Malaysia, beliau telah dipilih sebagai Pengerusi CPA cawangan Malaysia pada bulan Disember 1999 selama dua tahun dan juga sebagai Pengerusi CPA Rantau Asia Tenggara.

Pada tahun 1996, beliau telah dianugerahi Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) oleh DYMM Sultan Pahang yang membawa gelaran 'Dato' '. Beliau juga telah dikurniai Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (D.G.P.N.) oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada tahun 2002 yang membawa gelaran 'Dato' Seri'.

SHALIN ZULKIFLI



Shalin telah dilahirkan pada 28 Mac 1978 di United Kingdom. Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Dato' Abu Bakar II, Kuala Lumpur, dari tahun 1985 hingga 1990 dan Sekolah Menengah (P) Bandaraya, Kuala Lumpur, dari tahun 1990 hingga 1995. Kini beliau menuntut di Pusat Sukan, Universiti Malaya. Beliau merupakan pemain boling tenpin negara yang berjaya di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa.

Beliau mula memenangi kejohanan boling seawal tahun 1992 dengan menjuarai Kejohanan Boling sempena Sambutan Kemerdekaan dan Kejohanan Boling Terbuka Selangor. Beliau juga telah menyertai SUKMA dan merangkul empat pingat emas dalam acara perseorangan, acara keseluruhan, berkumpulan dan *masters* serta dua pingat perak bagi acara beregu dan bertiga. Di samping itu, beliau mengambil bahagian dalam Kejohanan Boling Terbuka Malaysia dan menjadi juara Ladies Open Masters dan mencipta rekod sebagai pemain termuda yang memenangi kejohanan tersebut pada usia 14 tahun.

Pada tahun 1993, beliau telah mewakili negara dalam Sukan SEA di Singapura, dan berjaya memenangi dua pingat emas dalam acara bertiga dan berkumpulan dan dua pingat perak dalam acara keseluruhan dan *masters*. Dalam tahun yang sama juga, beliau menyertai

Kejohanan Boling Malaysia dan mendapat dua pingat emas bagi acara beregu dan *masters*, satu pingat perak bagi acara keseluruhan dan meraih tempat keempat bagi acara perseorangan.

Shalin telah mengambil bahagian dalam enam kejohanan boling pada tahun 1994. Dalam Kejohanan Boling Asian FIQ di Guam, beliau telah merangkul pingat emas bagi acara perseorangan dan dua pingat perak bagi acara keseluruhan dan *masters*. Bagi Kejohanan Boling Remaja Sedunia Ketiga di Mexico, beliau telah mendapat pingat gangsa bagi acara perseorangan. Dalam Sukan Asia di Hiroshima, beliau meraih dua pingat emas bagi acara bertiga dan acara keseluruhan serta mendapat tempat keempat bagi acara perseorangan dan berkumpulan. Beliau telah mencipta rekod dalam Kejohanan Boling Kent Malaysia All-Stars apabila menjadi pemain termuda yang menjuarai kejohanan tersebut pada usia 16 tahun. Di peringkat kebangsaan, beliau telah memenangi satu pingat emas dalam acara berkumpulan, satu pingat perak dalam acara keseluruhan dan satu pingat gangsa dalam acara perseorangan di Kejohanan Boling Terbuka Malaysia.

Pada tahun 1995, beliau telah menyertai empat kejohanan boling. Antara yang dimenangnya ialah empat pingat emas bagi acara beregu, acara keseluruhan dan berkumpulan serta satu pingat perak bagi acara perseorangan dalam Kejohanan Boling Kebangsaan. Beliau merangkul dua pingat perak bagi acara bertiga dan berkumpulan di Sukan SEA ke-18 di Chiangmai, Thailand.

Beliau telah mengambil bahagian dalam sepuluh kejohanan boling pada tahun 1996. Antara kejohanan yang paling berjaya disertainya ialah Kejohanan Boling Remaja Asia yang diadakan di Genting Highland, di mana Shalin telah merangkul dua pingat emas, satu pingat perak dan satu pingat gangsa serta telah memecahkan rekod dunia dengan kutipan mata sebanyak 1387. Selain itu, beliau turut mengambil bahagian dalam Kejohanan Boling Asia FIQ di Korea, dan meraih pingat perak dalam acara bertiga, Kejohanan Boling Remaja Dunia Keempat di Hong Kong, dengan meraih pingat

perak, Kejohanan Second Tenpin Team Cup di Calgary, Canada, dengan merangkul pingat perak serta Kejohanan Boling AMF World Cup di Belfast, Ireland, dan mendapat tempat kedua.

Pada tahun 1997, beliau menyertai sepuluh kejohanan. Antaranya, Kejohanan Boling Remaja Antarabangsa Australia Pertama dan telah merangkul dua pingat emas bagi acara berpasukan dan *masters* serta satu pingat gangsa bagi acara perseorangan dengan jatuhnya 1352 pin. Beliau telah mendapat satu pingat perak bagi acara *ladies masters* dalam Kejohanan Boling Terbuka Ireland, mendapat tempat keenam dalam Kejohanan Australian Manhattan Super Classic dan merangkul dua pingat perak bagi acara remaja *masters* dan *ladies open masters* dalam Kejohanan Boling Terbuka Singapura. Pada Sukan SEA ke-19 di Jakarta, beliau telah memperoleh dua pingat emas bagi acara beregu dan bertiga, dua pingat perak bagi acara keseluruhan dan *masters* serta satu pingat gangsa bagi acara berpasukan. Beliau telah memecahkan rekod Sukan SEA dan Sukan Asia serta memecahkan rekod yang diciptanya pada tahun 1995. Di Kejohanan Boling Remaja Asia di Manila, beliau telah meraih satu pingat emas dalam acara keseluruhan, satu pingat perak bagi acara beregu dan satu pingat gangsa bagi acara berpasukan.

Shalin telah mengambil bahagian dalam sepuluh kejohanan pada tahun 1998. Antara kejayaan yang dicapainya ialah pingat emas bagi acara keseluruhan dan pingat perak bagi acara *masters* dalam Kejohanan Boling Terbuka Malaysia, pingat perak bagi acara berpasukan dalam Kejohanan Boling Terbuka Filipina serta dua pingat emas bagi acara perseorangan dan acara keseluruhan, pingat perak bagi acara berpasukan dan pingat gangsa bagi acara beregu dalam Kejohanan Boling Remaja Sedunia. Di samping itu, beliau telah mewakili Malaysia ke Sukan Komanwel ke-16 dan berjaya merangkul pingat perak bagi acara beregu. Beliau telah mendapat tempat ketiga di Kejohanan AMF Sedunia di Kobe, Jepun, dan telah mencipta rekod sebagai pemain boling pertama yang berjaya melayakkan diri dalam ketiga-tiga kategori.

Pada tahun 1999, Shalin telah menyertai lima kejohanan boling. Beliau merangkul pingat emas dalam acara beregu dalam Kejohanan Boling Terbuka Malaysia. Beliau menduduki tempat kesepuluh dalam Kejohanan Boling Manhattan Superclassic, Australia, dan tempat keenam dalam Kejohanan Boling *Super Masters Classics* Selangor. Dalam Kejohanan Boling Remaja Asia FIQ, Shalin telah meraih dua pingat emas bagi acara beregu dan berkumpulan. Ketika beliau mewakili negara ke Sukan SEA kedua puluh, beliau merangkul lima pingat emas dalam acara beregu, bertiga, berpasukan, *masters* dan keseluruhan serta satu pingat perak bagi acara perseorangan.

Sebanyak 13 kejohanan telah disertai oleh Shalin pada tahun 2000. Antara kejayaan yang telah diraih pada tahun itu ialah tempat kedua dalam Kejohanan Boling Terbuka Malaysia, dua pingat perak bagi acara keseluruhan dan berpasukan serta satu pingat gangsa bagi acara beregu dalam Kejohanan Boling Asia FIQ di Qatar, tempat ketiga di Kejohanan Boling AMF Piala Dunia di Portugal, pingat perak bagi acara keseluruhan dalam Kejohanan Boling Remaja Sedunia di Republik Dominica, dan tempat kedua dalam Kejohanan Boling Terbuka Thailand. Shalin telah menamatkan musim kejohanan boling pada tahun tersebut dengan menjadi pemain boling Asia yang menduduki tangga teratas di Asia.

Shalin telah mengambil bahagian dalam 11 kejohanan pada tahun 2001. Beliau telah merangkul empat pingat emas bagi acara perseorangan, bertiga, berpasukan dan keseluruhan dalam Sukan SEA pada tahun tersebut. Beliau juga telah menjadi juara di Kejohanan Boling ABT Thailand Masters Cup dan Kejohanan Boling STORM-PBAP Bowlmart Invitational Classic di Filipina. Selain itu, beliau telah meraih tempat keempat dalam Kejohanan Boling AMF Piala Dunia dan tempat ketiga dalam Kejohanan Boling Terbuka Hong Kong. Beliau telah mencipta sejarah apabila menjadi wanita pertama yang memenangi Kejohanan Boling Tenpin Masters Sedunia di England.

Pada tahun 2002, Shalin telah menyertai 20 kejohanan boling sama ada di dalam mahupun luar negara. Antara yang paling berjaya di peringkat antarabangsa ialah menjadi juara di Kejohanan Boling Terbuka Thailand, Kejohanan Boling Terbuka Filipina dan Kejohanan Boling Terbuka Korea (sebelum Sukan Asia). Beliau telah merangkul pingat emas bagi acara wanita *masters* dan pingat gangsa bagi acara wanita bertiga dalam Sukan Asia di Busan, Korea. Selain itu, beliau telah mendapat tempat kedua dalam Kejohanan Boling Piala Mahatrako (Indonesia), Kejohanan Boling Piala Presiden, Kejohanan Boling Asia dan Kejohanan Boling Terbuka Vietnam.

Atas sumbangan Shalin yang begitu besar dalam dunia sukan boling, beliau telah diberi beberapa anugerah sebagai pengiktirafan atas kejayaannya. Di dalam negara, beliau menerima anugerah Olahragawati Harapan Negeri Selangor pada tahun 1990 dan 1992, Olahragawati Negeri Selangor pada tahun 1993, 1994, 1996 dan 2001 dan Olahragawati Kebangsaan pada tahun 1994, 1996, 1997 dan 2001. Beliau juga telah memperoleh anugerah Pemain Boling Terbaik (Termuda) bagi tahun 1994 dan Pemain Boling Terbaik Asia bagi tahun 2000 dan 2001. Beliau juga telah menerima penghormatan membacakan ikrar para atlit di Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur, dan membawa bendera bagi kontijen Malaysia di Sukan Asia di Busan, Korea. Pada tahun 2004, beliau bersama pasukan pasukan boling kebangsaan wanita telah dikurniai Anugerah Pasukan Wanita Terbaik tahun 2003.

Kejayaan Shalin yang begitu banyak semenjak berumur 14 ahun dalam sukan boling telah diiktiraf oleh Malaysia Book of Records pada tahun 2004. Di samping itu, beliau telah dikurniai Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh DYMM Sultan Selangor dan merupakan penerima yang termuda. Beliau juga dianugerahi bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) dan Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

SHAMSIAH MOHD YASIN, DATIN SERI DATO'



Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dato' Shamsiah dilahirkan di Kuala Lumpur, pada 24 April 1957. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis. Mereka mempunyai enam orang anak, iaitu Nur Shafizah, Nur Mazidah, Nur Zafirah, Ameer Shafiq, Ameer Mohamad Affif dan Ameer Mohamad Fawwaz.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Perempuan Kampung Pandan. Seterusnya beliau menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Convent Jalan Peel dan Sekolah Menengah St. John sehingga tamat tingkatan enam.

Beliau amat aktif dalam pelbagai pertubuhan sukarela di negeri Perlis. Beliau ialah Yang Dipertua Badan Amal Isteri Wakil-wakil Rakyat Perlis, Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Perlis, Pengerusi Persatuan Pandu Puteri Perlis dan Pengerusi PENIAGAWATI Perlis. Beliau juga Pengasas Pertubuhan Ibu Tunggal Negeri Perlis (MELATI) dan kini menjadi Penasihat. Beliau juga ialah Penaung PUSPANITA Perlis. Selain itu, beliau turut terlibat dalam kegiatan sukan dan telah dilantik sebagai Naib Pengerusi Persatuan Hoki Perlis dan Timbalan Pengerusi Persatuan Penembak

Wanita Perlis. Di peringkat kebangsaan, beliau telah dilantik Ahli Majlis Penasihat Wanita Negara.

Pada tahun 2001, beliau telah dikurniai darjah Dato' Paduka Mahkota Perlis (D.P.M.P.) oleh DYMM Raja Perlis yang membawa gelaran 'Dato'.

SHARIFAH AINI, DATUK



Yang Berbahagia Datuk Sharifah Aini, atau nama penuhnya Sharifah Aini Syed Jaafar, telah dilahirkan pada 2 Julai 1953 di Singapura dan dibesarkan di Johor Bahru. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Sultan Ibrahim dan Sekolah Agama Maahad, Johor Bahru. Beliau telah mendirikan rumah tangga dan mempunyai seorang anak lelaki, Alif Omar. Beliau juga telah mengambil seramai lapan orang anak angkat, enam orang lelaki dan dua orang perempuan. Beliau ialah antara penyanyi wanita yang bertahan lama di Malaysia sejak tahun 60-an hingga sekarang.

Sejak di bangku sekolah lagi, beliau telah menunjukkan bakat dalam bidang seni suara. Beliau pernah mewakili sekolahnya ke pertandingan membaca Al-Quran dan pernah menjadi Johan Seni Suara di sekolahnya pada tahun 1968. Pada tahun 1969, beliau menyertai pertandingan nyanyian anjuran Radio dan Televisyen Singapura (RTS) dan berjaya mendapat tempat pertama.

Datuk Sharifah Aini mula merakamkan suara dengan Syarikat EMI pada tahun 1972 ketika berusia 14 tahun. Antara lagunya yang popular ketika itu ialah *Sri Dewi Malam*. Beliau telah menghasilkan 92 buah album dengan syarikat tersebut. Antaranya ialah *Jangan Tinggalkan Daku* (1972), *Sharifah Aini* (1973), *Manis-manis* (1975),

Hapuslah Air Matamu (1976), *Inilah Laguku* (1977) dan *Sharifah Aini-Lela Manja* (bersama Hamzah Dolmat) (1979). Album Inggerisnya yang pertama ialah *Forever and Ever* yang diterbitkan pada tahun 1978 dan merupakan artis tempatan yang pertama menghasilkan album dalam bahasa Inggeris. Antara lagunya yang popular ialah *Kekasih Pujaan*, *Janganlah Aku Disalahkan*, *Pertunangan*, *Kau Tinggi di Awan Biru*, *Tiada Maaf Bagimu*, *Kau Yang Bernama* dan *Sekuntum Mawar Putih untuk Mama*. Keistimewaan beliau ialah beliau memiliki suara yang membolehkannya menyanyikan pelbagai rentak lagu termasuklah pop, *soft-rock*, etnik tradisional, etnik kontemporari, asli, ghazal, keroncong, dangdut dan irama padang pasir.

Selain itu, Datuk Sharifah Aini pernah membintangi drama dan filem, iaitu drama *Sesat* terbitan RTM, drama muzikal *Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, Kuala Lumpur*, filem *Hapuslah Air Matamu* (1975) terbitan Sabah Filem dan filem *Bintang Pujaan* terbitan Syed Kechik Production.

Datuk Sharifah Aini tidak ketinggalan menyumbangkan suara dalam kegiatan amal dan kebajikan untuk mengutip derma bagi golongan yang tidak bernasib baik. Hingga kini, beliau telah membuat persembahan di lebih 2000 buah majlis makan malam amal atau program amal. Di samping penglibatannya dalam bidang seni suara, Datuk Sharifah Aini telah membuka sebuah syarikat cenderamata yang diberi nama Pods and Petals Giftlab Sdn. Bhd.

Beliau merupakan penyanyi tanah air pertama yang diberikan gelaran *Superstar*. Gelaran ini diberikan bagi menghargai kejayaannya dalam bidang seni suara tanah air. Beliau pernah memenangi anugerah Penyanyi Wanita Terbaik pada tahun 1978 dan anugerah Gold Album untuk lagu-lagu seperti *Inilah Laguku*, *Malam*, *Forever and Ever* dan *Rahsia Hati*. Beliau juga telah dianugerahi gelaran Penghibur Wanita Paling Popular oleh PAPITA pada tahun 1979. Pada tahun 2001, beliau menerima Anugerah Sri Wirama di Anugerah Industri Muzik 2000. Pada tahun yang sama, beliau dikurniai

Anugerah Tertinggi Biduanita Negara semasa Hari Keputeraan Sultanah Kedah.

Di samping itu, Datuk Sharifah Aini juga pernah menerima gelaran *The Queen of Songs* daripada Syarikat EMI. Sehingga kini beliau telah menghasilkan sebanyak 71 buah album dan kesemuanya di bawah label syarikat EMI dalam tempoh 36 tahun dan kejayaan ini telah diiktiraf oleh *Malaysia Book of Records* pada tahun 2004. Sehingga kini, beliau telah merakamkan 92 buah album termasuk 11 buah album berbahasa Inggeris menjadikan jumlah lagu yang telah dirakamkannya ialah 800 buah lagu, dan daripada jumlah tersebut, beliau telah menulis sendiri lirik bagi 350 buah lagu. Beliau juga menerima anugerah *Ageless Beauty Award* oleh Imedeen dan Jelita. Kosmetik Avon juga telah mengurniakan Anugerah *The Beauty, The Power, The Glory* sebagai pengiktirafan atas kejayaannya.

Beliau juga menerima *Tribute to Sharifah Aini Celebration Series* daripada *International College of Music* sebagai pengiktirafan atas sumbangannya dalam industri muzik Malaysia. PAPITA telah memberikan Anugerah Pencapaian Seni Terbaik Tiga Dekad kepada Datuk Sharifah Aini dan beliau telah memenangi Anugerah Seri Angkasa bagi kategori penghibur terbaik bagi tahun 1996 dan 1997.

Sebagai mengiktiraf jasanya dalam bidang seni suara tanah air, beliau telah dikurniakan bintang Seri Mahkota Johor (S.M.J.) oleh DYMM Sultan Johor dan bintang Panglima Jasa Negara (P.J.N.) yang membawa gelaran 'Datuk' oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 2003.

**SHARIFAH HAPSAH SYED
HASAN SHAHABUDIN,
PROFESOR DATO' DR.**



Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Sharifah Hapsah telah dilahirkan pada 16 Ogos 1947 di Alor Setar, Kedah. Beliau telah berkahwin dengan Dato' Dr. Mahmud Mohd. Nor. Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Rendah Sultanah Asma, Alor Setar, Kedah,

dari tahun 1955 hingga 1959. Kemudian beliau memasuki Senior Methodist Girls' School di Kuala Lumpur, pada tahun 1960 hingga 1964 dan seterusnya menyambung pengajian di Methodist Boys' School, Kuala Lumpur, selama dua tahun. Beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Fakulti Perubatan Universiti Malaya dari tahun 1967 hingga 1973. Beliau mengambil Ijazah Sarjana di University of New South Wales pada tahun 1982 dan kemudian Ijazah Kedoktoran dari Universiti Malaya pada tahun 1992.

Kerjaya beliau dalam bidang perubatan bermula di Hospital Universiti, Petaling Jaya (kini Pusat Perubatan Universiti Malaya) sebagai doktor pelatih selama dua tahun (1973-1974). Pada tahun berikutnya, beliau berkhidmat sebagai pegawai perubatan di Hospital Kuala Lumpur. Kemudiannya beliau menjadi pensyarah di Jabatan Fisiologi di UKM. Beliau dilantik Ketua Jabatan Fisiologi di universiti yang sama dari tahun 1976 hingga 1979. Pada tahun 1977, beliau

telah menjadi Fellow WHO dan Penolong Profesor di Baylor College of Medicine di Houston, Texas, Amerika Syarikat. Mulai tahun 1981, beliau dilantik Profesor Madya dan Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan di Fakulti Perubatan, UKM. Beliau memperoleh *Honorary Associate* daripada University of New England pada tahun 1986.

Pada tahun 1996 hingga 1998, beliau menjadi Profesor Pendidikan dan Pengarah Perhubungan Antarabangsa di UKM. Beliau diangkat menjadi Pengarah Pusat Pembangunan Akademik UKM dari tahun 1998 hingga 2001. Dalam pada itu, beliau juga telah dilantik sebagai Penasihat Sumber Manusia WHO di Manila, pada tahun 2000. Beliau berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Jaminan Kualiti, Jabatan Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga tahun 2004.

Selain terlibat dalam bidang akademik dan perubatan, beliau juga telah dilantik oleh pihak kerajaan untuk menganggotai beberapa agensi kerajaan. Beliau menjadi Ahli Lembaga Pelawat Kem Tahanan Imigresen dari tahun 1995 hingga 1999. Mulai tahun 1998 hingga 2003, beliau menganggotai Majlis Penasihat Wanita Negara, yang dahulunya dikenali sebagai NACIWID. Pada tahun 1998 juga, beliau telah menjadi Ahli Majlis Teknologi Maklumat Negara sehingga tahun 2004. Beliau juga dilantik Ahli MAPEN dari tahun 2000 hingga 2001.

Beliau aktif dalam kerja-kerja sukarela dan khidmat masyarakat. Beliau telah dipilih sebagai Timbalan Presiden NCWO semenjak 1991 dan dilantik Presiden NCWO sejak tahun 2002 hingga sekarang. Melalui proses perundingan secara menyeluruh dengan wanita-wanita di semua peringkat, beliau telah membantu menggubal Dasar Wanita Negara yang bertujuan mencapai kemajuan dan integrasi wanita sebagai rakan setaraf dalam pembangunan nasional serta menghapuskan diskriminasi. Beliau mewakili NCWO dalam dialog belanjawan tahunan dengan Menteri Kewangan. Dengan kerjasama North-South Institute of Canada pada tahun 1994, beliau membantu menggubal dasar ekuiti gender dalam latihan untuk ahli-ahli APEC.

Beliau menyertai inisiatif ILO pada tahun yang sama untuk menggubal dasar mengenai sektor seks di rantau ASEAN.

Pada tahun 1995, beliau telah menjadi sebahagian daripada perwakilan kerajaan Malaysia ke Persidangan Wanita PBB Keempat di Beijing. Pada tahun berikutnya, beliau menyertai perwakilan negara ke Mesyuarat The Commonwealth Ministers in Charge of Women Affairs di Trinidad and Tobago.

Beliau merupakan ahli Pengasas dan Timbalan Presiden Majlis AIDS Malaysia bagi penggal 1992 hingga 1994 dan Timbalan Pengerusi untuk Persidangan Antarabangsa AIDS 1999 di Asia Pasifik. Beliau telah mengelolakan persidangan mengenai AIDS dan Wanita bagi pihak ACWO pada tahun 1993. Selaku Pengerusi Suruhanjaya Kesihatan NCWO, beliau terlibat dalam program pencegahan dan kawalan AIDS kebangsaan dan bekerjasama dengan kerajaan serta pertubuhan bukan perniagaan dan organisasi korporat dalam usaha menimbulkan kesedaran dan memulakan perkhidmatan sokongan bagi mereka yang mengidap HIV/AIDS dan keluarga mereka. Atas jemputan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), beliau menyertai mesyuarat rundingan di Thailand pada Jun 1992 untuk memupuk kerjasama antara pertubuhan bukan kerajaan dengan organisasi korporat dalam membanteras AIDS. Pada tahun 1993, beliau telah dijemput oleh WHO untuk membangunkan strategi-strategi pencegahan HIV/AIDS untuk wanita. Empat tahun berikutnya, beliau terlibat dalam menganjurkan satu persidangan tentang kesan sistem penjagaan kesihatan ke atas kesihatan wanita dan kanak-kanak di rantau ASEAN.

Beliau telah mengasaskan The Malaysian Association for Education in the Medical and Health Sciences dan telah menjadi Presiden sejak 1984. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa MMA bagi Continuing Medical Education mulai 1990 hingga 1993 dan pernah juga menjadi Ahli Lembaga Penyunting makalah terbitannya dari 1986 hingga 1992. Beliau juga ialah seorang Ahli

Jawatankuasa Penyiasatan Awal (PIC) Majlis Perubatan Malaysia semenjak tahun 1993.

Prof. Dato' Dr. Sharifah Hapsah telah menerbitkan sebuah buku bertajuk *Career in Medicine – Opportunities and Preparation* pada tahun 1989. Selain itu, beliau turut menyumbangkan beberapa bab dalam tiga buah buku lain, iaitu *Women and Development in Malaysia – Implications for Planning and Population Dynamics* terbitan Universiti Malaya (1990), *International Handbook of Medical Education* terbitan Greenwood Publication Group (1993) dan *Collection of Writings* oleh profesor-profesor perubatan di Fakulti Perubatan UKM. Beliau juga telah menerbitkan tiga buah buku kecil mengenai masalah pengendalian pesakit. Pada tahun 1993, beliau telah memperoleh satu geran daripada WHO untuk menerbitkan sebuah buku bertajuk *Assessing Students in Community-based Education* dengan *The Network of Community-oriented Educational Institutions in the Health Sciences*. Beliau telah menghasilkan banyak makalah dan penerbitan berkaitan perubatan dan pendidikan perubatan yang telah diterbitkan di dalam dan di luar negara. Selain itu, beliau juga telah menulis banyak laporan penyelidikan, seminar, bengkel dan perundingan berkenaan pendidikan perubatan.

Beliau telah mendapat bintang Ahli Mahkota Kedah (A.M.K.) pada tahun 1990. Pada tahun 1994, beliau telah dianugerahi pingat Fred Katz Memorial Medal of Excellence oleh Australian and New Zealand Association for Medical Education. Setahun selepas itu, beliau telah dianugerahi Anugerah Khas Cemerlang untuk Pendidikan Jarak Jauh oleh Commonwealth of Learning International Council for Distance. Beliau telah dikurniai bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) pada tahun 1996. Pada tahun 2001, beliau telah menerima bintang Dato' Setia Diraja Kedah (D.S.D.K.) yang membawa gelaran 'Dato' '.

SHARIFAH MORDHIAH TUANKU HAJI FAUZI, DATIN PADUKA



Yang Berhormat Datin Paduka Sharifah Mordhiah telah dilahirkan pada 2 Mac 1948 di Kampung Lintang, Kuching, Sarawak. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datuk Haji Sayed Aman Ghazali Sayed Aman

Junaidi @ Haji Wan Razali Tuanku Junaidi. Mereka telah dikurniakan lima orang anak perempuan, iaitu Sharifah Rehanan, Sharifah Hasidan, Sharifah Rodziah, Sharifah Azizah dan Sharifah Noraini.

Beliau memulakan kerjaya sebagai guru bahasa Melayu dari tahun 1971 hingga 1979. Seterusnya beliau menceburi dunia politik dan merupakan antara wanita yang terlibat dalam politik di Sarawak. Beliau telah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Sebandi dari tahun 1979 hingga 1981. Kemudian beliau dilantik Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Sarawak dari tahun 1981 hingga 1987. Mulai tahun 1987, beliau menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan Menteri Kerajaan Negeri Sarawak, memegang portfolio Menteri Muda Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita Sarawak.

Beliau ialah Ketua Wanita Pergerakan Wanita PBB Sarawak dan Setiausaha Majlis Tertinggi Pergerakan Wanita PBB. Selain itu, beliau turut menyandang pelbagai jawatan dalam badan-badan sukarela seperti Pengerusi Pergerakan Wanita Islam Sarawak (PERKIS),

Pengerusi Majlis Wanita Sarawak, Pengerusi PEMADAM Negeri Sarawak, Pengerusi Koperasi Wanita Sarawak dan Pengerusi Majlis Kebajikan Kanak-kanak Sarawak. Beliau merupakan Naib Yang Dipertua PEMADAM Kebangsaan.

Beliau telah dikurniai darjah Johan Bintang Sarawak (J.B.S.) dan Panglima Gemilang Bintang Kenyalang (P.G.B.K.) pada tahun 1991 yang membawa gelaran 'Datin Paduka'.

**SHARIFAH RODZIAH
SYED ALWIBARAKHBAH, TUN
(ALLAHYARHAM)**



Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah ialah isteri kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Beliau, yang lebih dikenali sebagai 'Pah Tam' di

kalangan keluarganya, telah dilahirkan di Alor Setar dan telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Alor Setar. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan YTM Tunku Abdul Rahman pada tahun 1939. Beliau mempunyai dua orang anak tiri, iaitu Tunku Datin Paduka Khadijah dan Tunku Ahmad Nerang Putra, dan lima orang anak angkat, iaitu Mariam, Sulaiman, Noor Hayati, Mastura dan Faridah.

Sepanjang penglibatan YTM Tunku Abdul Rahman sebagai ahli politik dan seterusnya sebagai Perdana Menteri Malaysia, Tun Sharifah Rodziah telah banyak mengorbankan masa dan tenaga untuk bersama-sama suaminya mencurahkan bakti kepada rakyat dan negara. Beliau pernah memimpin sebuah kumpulan penari diraja yang telah mengadakan persembahan di peringkat antarabangsa.

Sebagai bekas wanita pertama Malaysia, Tun Sharifah Rodziah amat mengambil berat mengenai soal kebajikan kaum wanita dan juga pendidikan kanak-kanak. Beliau telah bergiat aktif dalam

beberapa pertubuhan sosial dan kebajikan dan pernah menganjurkan satu majlis kutipan derma untuk Tabung Bantuan Bencana Negara pada tahun 1971. Pada tahun 1974, beliau menjadi Presiden Seumur Hidup Asian Ladies Football Confederation. Beliau pernah dilantik Yang Dipertua Persatuan Bola Sepak Wanita Malaysia dan pernah terlibat dalam menganjurkan pertandingan bola sepak wanita bagi merebut Piala Tun Sharifah Rodziah pada tahun 1978.

Pada 31 Ogos 1970, beliau telah dianugerahi darjah kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang membawa gelaran 'Tun'. Bagi menghargai jasanya terhadap wanita dan kanak-kanak serta peranan beliau sebagai isteri Perdana Menteri Malaysia, NCWO telah memilih beliau sebagai tokoh wanita Malaysia dan mengurniai Pingat Emas Tun Fatimah pada 27 Oktober 1974. Tun Sharifah Rodziah telah dikurniai anugerah The Order of Ratnaphore Kelas Pertama oleh Raja Thailand, Bhumiphol Adulyadej dan merupakan penerima pertama daripada Malaysia.

Beliau telah kembali ke rahmatullah pada 12 Mac 2000.

SHARIFAH ZURIAH AL JEFFRI



Puan Sharifah Zuriah telah dilahirkan pada tahun 1938 di Kedah, dan terkenal sebagai seorang pelukis dan aktivis wanita. Beliau telah lulus Senior Cambridge daripada Sekolah Convent Father Barres, Sungai Petani, Kedah, pada tahun 1957 dan seterusnya menyambung pelajaran di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah, hingga tamat tingkatan enam pada tahun 1959. Selepas itu, beliau telah menjadi guru sementara di Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Petani dari tahun 1960 hingga 1963.

Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Inner Temple, London, dari tahun 1965 hingga 1967 dan tamat pengajian dengan mengambil mata pelajaran Undang-undang Roman, Undang-undang Perlembagaan, Sejarah Undang-undang dan Undang-undang Jenayah. Dari tahun 1976 hingga 1979, beliau telah mempelajari lukisan menggunakan berus Cina daripada Anthony Sum. Pada tahun 1989, beliau telah mengambil Diploma dalam Perhubungan Awam dari Institute of Public Relations dan pada tahun 1993, beliau telah mendapat biasiswa daripada Fullbright Scholar Programme untuk Pengajian Islam di Amerika Syarikat. Pada bulan Jun 2001, beliau telah mengikuti International Human Rights Training Programme di Montreal, Canada, yang dianjurkan oleh Canadian Human Rights Foundation.

Puan Sharifah Zuriyah telah menjadi Setiausaha Kerja Persatuan Pengguna Negeri Selangor dari tahun 1967 hingga 1971. Kemudian, beliau telah dilantik sebagai Penasihat Hal Ehwal Kebudayaan, Perkhidmatan Penerangan Amerika Syarikat di Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dari tahun 1971 hingga 1993. Mulai tahun 1978 hingga sekarang, beliau menjadi Penasihat Mahkamah Juvana. Selepas itu, dari tahun 1998 hingga 1999, beliau bekerja sebagai Konsultan Perhubungan Awam Balai Seni Lukis Negara, Penyelaras pertubuhan Sisters in Islam dan dilantik Ahli Lembaga Pemegang Amanah Malaysian Nature Society. Dari tahun 1998 hingga 2001, beliau menjadi Ahli Lembaga Pemegang Amanah Balai Seni Lukis Negara. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Community Support Network Selangor dari tahun 2000 hingga 2002 dan mulai tahun 2002, beliau menjadi Timbalan Presiden Community Support Network Selangor.

Beliau ialah Pengasas Sisters in Islam dan menganggotai Malaysian Watercolour Organization, Malaysian Nature Society, Badan Warisan Malaysia, Royal Asiatic Society cawangan Malaysia, PERTAMA dan Institut Perhubungan Awam Malaysia. Beliau juga ialah Ahli Lembaga Friends of Heritage Malaysia (1990-1993), Ahli Dasar Kebangsaan mengenai Wanita dan Agama (1991-1994) dan Ahli Dasar Kebangsaan mengenai Plan Tindakan Wanita mengenai Kebudayaan, Agama dan Kesatuan (1993).

Beliau juga ialah wakil serantau bagi jurnal *Arts & Islamic World* terbitan Southeast Asia for Islamic Arts Foundation sejak tahun 1990 hingga sekarang. Pada tahun 1995, beliau telah dilantik sebagai *Resource Person* di International Art Forum bagi merancang Asia-Pacific Triennial of Contemporary Art 1996 di Balai Seni Lukis Queensland, Australia, *Resource Person* bagi *Design Workshop* anjuran World Gold Council Southeast Asia dan Editor penerbitan *Cultural Heritage of ASEAN*. Beliau juga ialah koordinator dan ahli Sidang Redaksi penerbitan *ASEAN Visual Arts in ASEAN: Continuity and Change* pada tahun 2000.

Penglibatan Puan Sharifah Zuriah dalam bidang seni tidak terhad sebagai pelukis semata-mata. Beliau juga pernah menjadi kurator beberapa pameran seperti Pameran Raja Kita di Muzium Negara (1994), Pameran Lukisan Negara Seni Kontemporari Malaysia di Museo De Art Espanol Enrique Laretta, Buenos Aires, Argentina (1995), Pameran Mengingati Ahmad Khalid Yusof di Balai Seni Lukis Negara dan Majlis Perbandaran Ipoh (1998), Pameran Tribute to Lee Kah Yeow di Majlis Perbandaran Ipoh (2000) dan Pameran Bergerak 'Di Antara Dua Pedalaman Malaysia (Sabah/ Sarawak) dan Australia Selatan (2000-2001)'.

Puan Sharifah Zuriah tidak ketinggalan mengadakan pameran-pameran bagi lukisan yang telah dihasilkan. Pameran solonya yang pertama telah diadakan dalam tahun 1978 di Sum Art Gallery, Kuala Lumpur dan sehingga hari ini, beliau telah mengadakan 11 pameran solo sama ada di dalam ataupun di luar negara, terutamanya mengenai Bosnia. Antara pameran-pameran berkumpulan yang telah disertainya, Pameran Lukisan-lukisan Pelukis Kedah di Alor Setar, Kedah (1981), Pameran Wanita Kreatif di British Council, Kuala Lumpur (1985), NUANSA – Pameran Seni Wanita Malaysia dan Indonesia di Jakarta dan Kuala Lumpur (1991), Pameran Asian Watercolours di Bangkok, Thailand (1995) dan Pameran From Around The World Muslim Women Artists di Center of Asian Studies, St. John University, New York, Amerika Syarikat (2000).

Di samping itu, beliau juga telah dijemput untuk menyampaikan ceramah-ceramah dan membentangkan kertas kerja berkaitan Islam di peringkat antarabangsa seperti dalam tahun 2002, beliau telah menyampaikan ceramah bertajuk *Spirituality and Daily Life in Islam* di Quaker General Meeting di Ditchling, Sussex, England, ceramah bertajuk *Understanding Islam* kepada ahli British Malaysian Society di Travellers Club, London, dan ceramah bertajuk *Perceptions and Misconceptions of Islam in the West* di Newham College, Cambridge University. Beliau juga pernah menyampaikan ceramah *Faith and Identity* kepada orang-orang Melayu di Clarence Masjid, Capetown,

Afrika Selatan, dan ceramah-ceramah berkaitan status wanita dalam Islam di kolej-kolej dan universiti-universiti di Amerika Syarikat, dalam tahun 1993.

Puan Sharifah Zuriah juga telah beberapa kali mewakili Sisters in Islam untuk berkongsi pengalaman tentang kegiatan-kegiatan yang telah dilaksanakan oleh pertubuhan tersebut. Antaranya di Seminar on the Contribution of Women in the Intellectual Tradition of Islam: Past and Present yang diadakan serentak dengan Majlis Pembukaan Pameran Seni From Around the World: Muslim Women Artists di St. John University, New York, Amerika Syarikat, kepada *moral armament group* di Adelaide, Australia, dan di Church Conference of the German Speaking Protestant Pastors in Southeast Asia.

Beliau juga pernah dijemput menyampaikan ceramah mengenai seni dan lukisan di dalam dan di luar negara, antaranya, ceramah bertajuk *Art and Spirituality* dengan merujuk hasil seninya kepada ahli-ahli Malaysian Cultural Group pada tahun 2002, menjadi speaker di dalam forum *Mengingati Ismail Zain* di Majlis Perbandaran Ipoh pada tahun 1998, membentangkan kertas kerja di Bengkel UNESCO mengenai *Plastics Arts for Women in Asia* di Tehran, Iran, dan ceramah mengenai *Contemporary Malaysian Art* di Museo De Arte Enrique Laretta, Buenos Aires, Argentina.

Antara hasil-hasil penulisan beliau yang telah diterbitkan ialah *The Obligation of Peace in Jihad* (29 Oktober 2001, New Straits Times), *Malaysia: Past Practice, Future Prospects* dalam penerbitan ASEAN *Visual Arts in ASEAN: Continuity and Change, Women and Creativity* (1992) dan *Contemporary Islamic Expressions in Architecture* (1990, New Straits Times).

SHUHAIMI BABA



Cik Shuhaimi, atau lebih dikenali sebagai 'Emi' di kalangan rakan-rakannya di universiti dan 'Shumi' oleh rakan industri hiburan tempatan dan luar negara, dilahirkan pada 2 September 1950 di Tampin, Negeri Sembilan. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah King George V, Seremban, hingga tamat tingkatan lima dalam tahun 1967. Kemudian beliau telah melanjutkan pelajaran ke ITM dari tahun 1968 hingga 1969 dan memperolehi kelulusan HSC. Seterusnya, beliau telah memasuki Universiti Malaya dan berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera (Inggeris) pada tahun 1974. Beliau juga telah mengikuti latihan penyiaran profesional dan penerbitan TV dari tahun 1979 hingga 1980, iaitu London Drama & Current Affairs Production-BBC TV, Programming For Family and Children-Munich TV dan TV Magazine Production-Thompson Foundation of London. Melalui biasiswa daripada kerajaan United Kingdom, Cik Shuhaimi telah mengikuti kursus *Post Graduate Diploma* pembikinan filem dari tahun 1980 hingga 1982 dan memperolehi Diploma Pembuatan Filem (setaraf dengan Masters) dari National Film Television School (NFTS), Beaconsfield, United Kingdom. Kini beliau dikenali sebagai salah seorang penerbit, pengarah, penulis filem wanita Melayu yang prolifik dan berjaya di Malaysia. Beliau juga antara salah seorang

konsultan utama dalam penerbitan dan penyiaran dalam media baharu.

Beliau telah memulakan kerjayanya di RTM pada tahun 1975 dan pernah bertugas sebagai Penolong Penerbit serta Penerbit Bahagian Drama. Pada tahun 1983, beliau telah dilantik Pengarah Pembangunan FINAS. Setahun kemudian, beliau telah menjadi Ketua Penerbitan TV3 hingga tahun 1987. Mulai tahun 1993, beliau ialah penerbit, pengarah filem dan Pengarah Urusan Syarikat Pesona Pictures Sdn. Bhd., sebuah syarikat penerbitan miliknya. Beliau ialah tenaga utama tempatan yang dilantik Konsultan Kreatif oleh Measat Broadcast (ASTRO) pada tahun 1996. Beliau dilantik untuk memajukan sistem penyiaran satelit pertama negara dan telah bertanggungjawab membangunkan saluran bahasa Melayu ASTRO. Antara projek utama yang dirangka ialah membantu membina data filem dan kerjaya seniman agung Tan Sri P. Ramlee untuk 'membersih' dan mengalih semua filem Tan Sri P. Ramlee ke sistem digital bagi hak penyiaran Astro dan tontonan rakyat Malaysia. Beliau telah menyelia pengumpulan semua lagu dari filem Tan Sri P. Ramlee untuk dijadikan video klip utama Astro Ria.

Minatnya dalam bidang penerbitan drama bermula ketika masih menuntut di Universiti Malaya. Beliau pernah mengikuti kursus penulisan, lakonan, arahan dan mereka bentuk untuk drama pentas selama dua tahun di bawah arahan dan tunjuk ajar Puan Joy Zinoman dan Encik V. Samaravickrama. Drama arahan beliau yang pertama ialah *Foolishness of God* karya Edward Dorall yang diarahkannya pada tahun 1974. Beliau turut menjadi pelakon, pengarah dan penolong pengarah serta menguruskan produksi serta pereka set beberapa buah drama Inggeris dari tahun 1973 hingga 1975.

Pada akhir tahun 1975, beliau telah menulis drama dalam bahasa Melayu buat pertama kalinya dengan kerjasama Mustapha Nor (Allahyarham) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Drama tersebut berjudul *Tun Kudu*. Dengan kejayaan drama ini, beliau bersama Mustapha Nor telah menubuhkan Bengkel Kelab

Teater Kuala Lumpur untuk membimbing para pelakon muda Melayu yang berminat dalam bidang drama. Ketika bertugas di RTM, beliau telah menerbitkan beberapa rancangan seperti *Majalah Wanita* dan projek rintis siri rancangan kanak-kanak *Burung Hantu*. Pada tahun 1976, beliau telah menulis skrip dan menerbitkan drama beliau sendiri, antaranya, *Percayalah*, *Di Seberang Jalan* dan *Cengkaman*. Sekembalinya dari luar negara pada tahun 1983, beliau telah menerbitkan sebuah dramatari teater klasik berjudul *Puteri Saadong* untuk RTM. Semasa bertugas di FINAS, beliau telah mengasaskan bengkel perfileman pertama Malaysia dan berjaya melahirkan sebuah filem pendek 35mm bertajuk *Maria*. Filem ini telah mendapat sambutan hebat daripada penonton dan media tempatan dan mendapat ulang tayangan yang berlarutan.

Sejak mula melibatkan diri dalam bidang penerbitan dan perfileman, Cik Shuhaimi telah menganggotai pelbagai persatuan dan pertubuhan. Beliau telah menjadi Ahli Jawatankuasa Kelab Drama Universiti Malaya (1973), Setiausaha Kelab Teater Kuala Lumpur (1974-1975), Ahli Jawatankuasa Kelab Teater Kuala Lumpur (1976), Ahli Panel Kotak Teater, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1976) dan ahli PERTAMA (1976). Selain itu, beliau juga pernah dilantik Naib Presiden GAFIM (1997-1999), Ahli Jawatankuasa Persatuan Pengarah Filem (FDAM) (1997-2000) dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Pengeluar Filem (PFM) (1998-2000). Beliau juga merupakan ahli seumur hidup Persatuan Pengarah Filem dan kini turut menganggotai Persatuan Penulis Skrip (SWAM). Sebagai Naib Presiden GAFIM, beliau telah bertanggungjawab menyediakan kertas kerja Perkembangan Industri Filem untuk MTEN bagi memahami masalah yang dihadapi oleh industri, cabaran dan cadangan untuk perkembangan masa depan industri.

Melalui syarikat penerbitannya Pesona Pictures, beliau telah menerbitkan dan mengarahkan beberapa buah filem cereka untuk pawagam, misalnya *Selubung* (1992), *Ringgit Kasorrga* (1994), *Layar Lara* (1995) dan *Mimpi Moon* (1999). Filem *Selubung* telah memen-

nangi Anugerah Filem Terbaik, Pelakon Wanita Terbaik dan Reka Produksi Terbaik dalam Festival Filem Malaysia pada tahun 1993, manakala filem *Ringgit Kasorrga* telah menggondol Anugerah Pelakon Terbaik dalam Festival Filem Malaysia pada tahun 1995. Filem *Layar Lara* telah memenangi sembilan anugerah utama termasuk Pengarah, Penulis dan Penerbitan Terbaik dalam Festival Filem Malaysia pada tahun 1997 dan telah disenaraikan dalam The Malaysia Book of Records sebagai filem yang memenangi anugerah terbanyak. Dalam Festival Filem Malaysia 2001, filem *Mimpi Moon* telah memenangi empat anugerah utama. Pada tahun 2003, beliau telah menghasilkan sebuah lagi filem berjudul *Pontianak Harum Sundal Malam*. Filem ini menempa sejarah sebagai filem pertama genre horor. Filem ini juga turut merintis teknologi terkini *High Definition* dalam industri filem tempatan. Filem *Pontianak Harum Sundal Malam* terbitan Pesona Pictures menemui penonton pada 2004.

Pada tahun 1997, beliau telah menjadi pengarah filem wanita dan pengarah filem tempatan pertama memenangi anugerah Pengarahan di peringkat antarabangsa, iaitu Anugerah Pengarah Filem Terbaik di Brussels Independent International Film Festival, melalui filem arahnya *Layar Lara*. Kejayaan beliau ini telah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia melalui Anugerah Pencapaian Tertinggi FINAS. Kemenangan ini juga telah menerima pengiktirafan majalah *Times Asia* pada bulan Disember 1997 menerusi *Special Nokia Award* apabila dalam rencana khas mengenai beliau majalah tersebut telah menyenaraikannya sebagai antara Sepuluh Tokoh Kreatif Asia.

Selain menerbitkan filem, Cik Shuhaimi turut menghasilkan dokumentari dan drama TV. Karya TV Cik Shuhaimi juga turut memenangi anugerah hadiah terbitan dan tulisan terbaik. Antara hadiah cemerlang yang diterima olehnya ialah Dokumentari Terbaik untuk projek *Warisan Warkah Melayu*. Terbaharu, beliau telah diperkenankan oleh DYMM Sultan Selangor untuk menerbitkan dokumentari *Dirgahayu Sultan Selangor* mengenai Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah serta mengesan keturunan Bugis

DYMM Sultan Selangor. Kini beliau sedang menyediakan dokumentari *Tergantung* mengenai wanita-wanita yang menghadapi kes perceraian.

Pada penghujung tahun 2002, filem-filem Cik Shuhaimi, terutama pemikirannya dalam filem *Layar Lara*, telah mendapat perhatian dalam sesi *Women Filmmakers* di Universiti British Columbia. Sesi ini melibatkan perbincangan pemikiran pembikin-pembikin filem wanita antarabangsa. Ini merupakan kali pertama pengarah filem wanita dari Malaysia diberikan perhatian melalui rencana yang ditulis oleh Gaik Cheng Khoo daripada University Victoria. Pemikiran Cik Shuhaimi telah dirakamkan dalam buku *Women Filmmakers: Refocussing* oleh UBC Press Canada dengan rencana bertajuk *Shuhaimi Baba and the Malaysian New Wave: Negotiating the Recuperation of Malay Custom*. Filem-filem Cik Shuhaimi juga telah ditayangkan dan dibincangkan di beberapa buah festival filem luar negara seperti Commonwealth Film Festival, London; Asia Pacific Film Festival, Jakarta; Pyongyang Film Festival, North Korea; Independent International Film Festival, Brussels, dan New Delhi International Film Festival.

Terkini Cik Shuhaimi dan rakan-rakan sedang giat menyediakan data untuk laman web penulisan skrip dan rencana untuk filem dan program TV dengan harapan akan menjadi Skrip Bank Internet Penulis Profesional Malaysia.

SITI AISHAH HAJI ABDUL RAHMAN



Puan Siti Aishah telah dilahirkan pada 20 Jun 1944 di Kampung Surau Kota, Kota Bharu, Kelantan. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Tumpat dari tahun 1949 hingga 1953 dan seterusnya menyambung pelajaran di Government English School, Tumpat, dari tahun 1954 hingga 1955. Kemudian beliau berpindah sekolah ke Zainab English School, Merbau, Kota Bharu, dari tahun 1955 hingga 1956 dan Sekolah Menengah Zainab, Telipot, Kota Bharu, dari tahun 1957 hingga 1961. Antara tahun 1962 hingga 1963, beliau telah bersekolah di Penang Free School, Pulau Pinang.

Puan Siti Aishah telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Tasmania, Australia, pada tahun 1964 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Bahasa Inggeris) pada tahun 1969. Beliau mengambil kursus Diploma Pendidikan di Universiti Malaya dari tahun 1970 hingga 1971. Beliau telah mendapat Ijazah Sarjana (Pengurusan Pendidikan) daripada Universiti Tasmania, Australia, pada tahun 1997 dan kini mengikuti pengajian Bahasa Arab di Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri, sejak tahun 1999. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tuan Haji Nik Mohd Yusoff Nik Ali, bekas Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan mereka mempunyai lima orang anak.

Kerjaya Puan Siti Aishah sebagai guru bermula pada tahun 1971 apabila dilantik Guru Penolong di Sekolah Menengah Zainab, Kota Bharu, sehingga tahun 1973 dan menjadi Penolong Kanan di sekolah yang sama antara tahun 1974 hingga 1988. Beliau telah bertukar ke Sekolah Menengah Long Ghafar, Kota Bharu, dan dinaikkan pangkat sebagai Pengetua pada tahun 1988. Antara tahun 1992 hingga 1997, beliau bertugas sebagai Pengetua di Sekolah Menengah Tanah Merah I, Tanah Merah. Beliau menjadi Pegawai Pendidikan Daerah Kota Bharu dari tahun 1997 hinggalah bersara pada tahun 1999.

Semasa berkhidmat sebagai guru, beliau pernah dilantik Ahli Panel Penggubal Soalan mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat SPM oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dari tahun 1975 hingga 1998. Beliau juga Ketua Pasukan Pemeriksaan Bahasa Inggeris 122 peringkat SPM dari tahun 1975 hingga 1979, Ketua Pemeriksa Bersama bagi mata pelajaran yang sama dari tahun 1980 hingga 1984 dan Ketua Pemeriksa Kebangsaan Pemeriksaan juga bagi mata pelajaran yang sama dari tahun 1985 hingga 1986.

Sebagai Pengetua di Sekolah Menengah Tanah Merah I, Puan Siti Aishah berjaya melakukan perubahan besar dalam masa empat tahun. Daripada sebuah sekolah yang mundur, Sekolah Menengah Tanah Merah berubah menjadi sebuah sekolah yang cemerlang dari segi kepimpinan, akademik, kegiatan kokurikulum, keceriaan dan hubungan masyarakat. Kejayaan beliau membuahkan hasil apabila sekolah tersebut mendapat Anugerah Sekolah Harapan Negara anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1996 dan Anugerah Kualiti Ketua Pengarah MAMPU anjuran Jabatan Perdana Menteri pada tahun yang sama. Sekolah ini juga menjadi Johan Pertandingan Lanskap peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 1996, Johan Pertandingan Pusat Sumber Sekolah peringkat negeri Kelantan pada tahun 1996 dan Johan Pertandingan Kebersihan dan Budaya Sekolah peringkat negeri Kelantan pada tahun 1994.

Selain itu, ketika menjadi Pegawai Pendidikan Daerah Kota Bharu, beliau berjaya menggerakkan kesemua 129 buah sekolah di bawah pentadbirannya ke arah kecemerlangan. Beliau telah menganjurkan program peningkatan akademik seperti English Language Combat, Skuad Sakti, Projek Pinggan Kaca UPSR, Kilir Minda Bestari SPM dan Pesta Kokurikulum. Dua daripada sekolah tersebut, iaitu Sekolah Naim Lilbanat dan Sekolah Kebangsaan Zainab telah meraih Anugerah Sekolah Harapan Negara pada tahun 1997.

Kejayaan beliau dalam bidang pendidikan membolehkan beliau sering dijemput membentangkan kertas kerja berkaitan pendidikan sama ada di dalam mahupun luar negara. Antaranya, *Malaysian Caring Schools* di Seminar A Short Course on Educative Leadership di Universiti Tasmania, Australia, pada tahun 1995, *Sekolah Wawasan: Program Tilik-Tilik di Sekolah Menengah Tanah Merah I* di Persidangan Nasional Ketiga di Institut Aminuddin Baki, pada tahun 1995, *Penerapan Budaya membaca Dalam Era Bestari* di Seminar Penyelidikan Maktab Perguruan Kota Bharu pada tahun 1997 dan *Adolescent and Schooling Problems* di Seminar on Adolescent Health anjuran Persatuan Perubatan Malaysia cawangan Kelantan pada tahun 1998.

Selepas bersara, beliau dilantik Ahli Lembaga Pengelola Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kota Bharu (1999-2002), guru Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu peringkat O Level di Sekolah Antarabangsa Kelantan (1999 hingga sekarang), Penyelaras KOGUWAM Study Centre (2000 hingga sekarang), Pensyarah Bahasa Inggeris (peringkat Diploma) di Infotech MARA Kota Bharu (2000-2002) serta penceramah motivasi dan pengurusan.

Puan Siti Aishah telah bergiat dengan aktiviti kemasyarakatan sejak tahun 1986 sehingga dilantik Pengerusi PUSPANITA dan Pengerusi W.I. di beberapa kawasan. Antaranya, Pengerusi PUSPANITA dan W.I. Tanah Merah (1986-1988), Pengerusi PUSPANITA dan W.I. Pasir Puteh (1989-1990), Pengerusi PUSPANITA dan W.I. Gua Musang (1991-1993), Pengerusi PUSPANITA dan W.I. Kota Bharu

(1994-1995) dan Pengerusi PUSPANITA Pejabat Pendidikan Daerah Kota Bharu (1997-1999).

Di samping itu, beliau juga ahli pasukan menembak Isteri Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (1994-1996), Naib Yang Dipertua Persatuan Bekas Penuntut Sekolah Zainab (1994-1996), Ahli Jawatankuasa Badan Amal dan Kebajikan Wanita Islam Kelantan (1996-1997) dan Ahli Jawatankuasa Perunding HAWA Kelantan (1997-1999). Semenjak bersara, beliau menjadi Pengerusi Panel Pakar Rujuk WIJADI (1999-2000), Timbalan Pengerusi Perhubungan Pergerakan Puteri Islam Negeri Kelantan (1999 hingga sekarang), Pengerusi Yayasan Pembangunan Wanita Murni Kelantan (2000 hingga sekarang), Timbalan Pengerusi Wanita PERKIM (2000 hingga sekarang), Timbalan Pengerusi Koperasi Guru-guru Melayu Wanita Melayu Kelantan (2000 hingga sekarang), Ahli Jawatankuasa Persatuan Bekas Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Kelantan (2001 hingga sekarang) dan Pengerusi Biro Pendidikan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Kelantan (2002 hingga sekarang).

Bagi menghargai jasa yang telah dicurahkan oleh Puan Siti Aishah, beliau telah dikurniai bintang Ahli Setia Mohkota Kelantan (A.S.K.) oleh DYMM Sultan Kelantan pada tahun 1992 dan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada tahun 1994. Beliau mendapat Anugerah Tokoh Wanita Kelantan sempena Perayaan Hari Wanita peringkat negeri Kelantan pada tahun 1997, Anugerah Tokoh Guru Negeri Kelantan pada tahun 2000 dan Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 2001.

**SITI HASMAH MOHD ALI,
TUN DATO' SERI UTAMA
DATIN PADUKA SERI DR.**



Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri Utama Dr. Siti Hasmah telah dilahirkan di Klang, Selangor, pada 12 Julai 1926. Beliau ialah isteri kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat dan mereka mempunyai tujuh orang anak, iaitu

Marina, Mirzan, Melinda, Mokhzani, Mukhriz, Mazhar dan Maizura.

Pendidikan awal Tun Dr. Siti Hasmah bermula di Sekolah Melayu Kampung Baru, kemudian di Sekolah Perempuan Methodist Kuala Lumpur antara tahun 1932 hingga 1933. Antara tahun 1934 hingga 1941, beliau menuntut di Sekolah St. Mary, Kuala Lumpur, dan kemudian di Pudu English School sehingga lulus School Certificate. Beliau mengikuti kursus perubatan di Universiti Malaya Singapura dari tahun 1947 hingga 1955 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS). Tun Dr. Siti Hasmah merupakan wanita Melayu yang kedua berjaya dalam bidang perubatan selepas Tan Sri Dr. Salma Ismail. Dalam tahun 1966, beliau mengikuti kursus Perancang Keluarga di Population Planning Centre, Ann Arbor, Michigan, Amerika Syarikat.

Tun Dr. Siti Hasmah mula bertugas sebagai doktor pelatih di Hospital Besar Kuala Lumpur dari tahun 1955 hingga 1956. Antara

tahun 1956 hingga 1960, beliau bertugas sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Besar, Alor Setar. Pada tahun 1963, beliau menyandang jawatan Pegawai Perubatan Kedah Utara dan menjadi wanita pertama memegang jawatan ini. Pada tahun 1964, beliau memangku jawatan Penguasa Perubatan Hospital Besar Alor Setar dan ini juga merupakan satu jawatan baharu di Kedah serta kali pertama disandang oleh wanita. Setahun kemudian, beliau bertugas sebagai Pegawai Kesihatan Ibu dan Anak di Pejabat Kesihatan Kedah Utara, Alor Setar, dan juga merupakan wanita pertama menyandang tugas tersebut. Antara tahun 1966 hingga 1967, beliau bertugas semula sebagai Pegawai Kesihatan Kedah Utara dan antara tahun 1968 hingga 1974 sebagai Pegawai Kesihatan Daerah Kubang Pasu dan Langkawi merangkap Pengetua Sekolah Latihan Kesihatan Luar Bandar, Jitra, sehingga bulan Oktober 1974. Dari bulan Februari 1974 hingga Oktober 1974, beliau ialah Pegawai Kesihatan Ibu dan Anak Negeri Kedah, iaitu satu jawatan baharu di Jabatan Pengarah Perubatan dan Kesihatan Negeri. Dari bulan November 1974 hingga Januari 1979, beliau dilantik Pegawai Kesihatan dan Pensyarah Bahagian Kesihatan Ibu dan Anak di Institut Kesihatan Umum, Kuala Lumpur. Pada bulan Januari 1979, setelah tamat kontrak, beliau telah bersara untuk menumpukan perhatian dan masa kepada tugas rasminya sebagai isteri Timbalan Perdana Menteri dan kemudiannya isteri Perdana Menteri.

Sewaktu bertugas di Kedah, Tun Dr. Siti Hasmah telah melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela, antaranya menjadi ahli seumur hidup Persatuan Perancang Keluarga Negeri Kedah (1962), Pengerusi Persatuan tersebut (1962–1971) dan Pengerusi Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Kedah (1961).

Di peringkat kebangsaan pula, beliau turut terlibat dalam pelbagai kegiatan dan aktiviti. Sebagai isteri Timbalan Perdana Menteri dan kemudiannya Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Siti Hasmah menjadi ahli BAKTI, pada mulanya sebagai Naib Presiden pada tahun 1977 dan selepas itu sebagai Presiden pada tahun 1981. Beliau

menjadi ahli seumur hidup Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia dan W.I. Malaysia. Beliau juga telah dilantik Penaung dan Presiden/ Pengerusi beberapa pertubuhan, antaranya KARYANEKA, Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan, Puteri Islam Malaysia, Persatuan Pandu Puteri Malaysia, Persatuan Siswazah Wanita Malaysia dan PPSEAWA Malaysia. Dalam bidang perubatan, beliau menjadi Penaung Yayasan Paediatrik Malaysia, MAMANEH dan National Thalassaemia Association. Pada tahun 1997, beliau dilantik Canselor Universiti Multimedia Malaysia.

Tun Dr. Siti Hasmah juga peminat seni dan sukan dan telah dilantik Penaung, antara lain, Malaysian Youth Orchestra Foundation, Orkestra Filharmonik Petronas Malaysia, Persatuan Badminton Malaysia, Wheelchair Tennis Malaysia dan Persatuan Bola Jaring Wilayah Persekutuan. Di peringkat antarabangsa pula, beliau telah dipilih Presiden pertama bagi Regional Steering Committee on the Economic Advancement of Rural and Island Women in the Asia Pacific Region (RSC-AP).

Beliau telah menerima banyak anugerah, pingat dan bintang dari dalam dan juga luar negara. Di peringkat kebangsaan, beliau telah dianugerahi, antara lain, bintang Setia Mahkota Kedah (S.M.K.) pada tahun 1971, Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) yang membawa gelaran 'Datin Paduka' pada tahun 1983, Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) yang membawa gelaran 'Datin Paduka Seri' pada tahun 1984, Darjah Seri Setia DiRaja Kedah (S.S.D.K.) yang membawa gelaran 'Dato' Seri' pada tahun 1983, Seri Panglima Darjah Kinabalu (S.P.D.K.) yang membawa gelaran 'Datuk Seri Panglima' pada tahun 1994 dan Datuk Amar Bintang Kenyalang (D.A.) yang membawa gelaran 'Datuk Amar' pada tahun 1995. Dalam tahun 2003, Dato' Seri Dr. Siti Hasmah telah dikurniakan Darjah Utama Pangkuan Negeri (D.U.P.N.) oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang yang membawa gelaran 'Dato' Seri Utama' dan darjah

Seri Setia Mahkota (S.S.M.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang membawa gelaran 'Tun'.

Antara anugerah asing dan akademik pula ialah Kazue McLaren Leadership Achievement Award daripada Asia Pacific Academic Consortium for Public Health (1988), Doktor Kehormat Kesihatan Awam daripada The Royal College of Physicians, Ireland (1992), Doktor Kehormat Persuratan daripada Indiana University, USA (1994), Doktor Kehormat Perundangan daripada University of Victoria, British Columbia, Kanada (1994) dan Fellow of the Royal College of Medicine, Edinburgh (1997).

Tun Dr. Siti Hasmah juga mendapat pelbagai anugerah dan penghormatan profesional dan akademik daripada badan-badan di Malaysia, antaranya Doktor Kehormat Sains Perubatan daripada UKM (1991), Ahli Kehormat Akademi Perubatan Malaysia (1992), Doktor Kehormat Pendidikan oleh Universiti Malaya (1995) dan Distinguished Paediatrics and Child Health Merit Award oleh Malaysian Paediatrics Association (1996). Pada tahun 2003, Tun Dr. Siti Hasmah telah menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah daripada USM.

Dalam bidang perkhidmatan sosial pula, antara lain, beliau dianugerahi Pingat Emas Tun Fatimah oleh NCWO pada tahun 1985, Paul Haris Fellow Award oleh Rotary International pada tahun 1993, Anugerah UNIFEM (United Nation Fund for Development and Advancement of Women) di Beijing, pada tahun 1995, Anugerah Bintang Kehormat daripada Persatuan Pandu Puteri Malaysia pada tahun 1995, Anugerah Tokoh Wanita Negeri Johor sempena sambutan Hari Wanita peringkat negeri Johor pada tahun 1998 dan Anugerah Tokoh GPMS pada tahun 2000.

Beliau juga memperoleh Ijazah Kehormat Doktor Perubatan daripada International Medical University (IMU) dan Ijazah Kehormat Doktor Sains daripada UNIMAS. Pada tahun 2004, Tun Dr. Siti Hasmah telah menerima Ijazah Kehormat Doktor Sains Sosial

daripada UIAM dan Anugerah Fellow Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sebagai menghargai jasa-jasanya kepada rakyat dan negara. Sehingga kini, jasa dan bakti beliau masih terus-menerus dihargai melalui beberapa anugerah Ijazah Doktor Kehormat.

SITI NORMA YAAKOB, YANG ARIF DATO'



Yang Arif Dato' Siti Norma ialah wanita Melayu pertama yang memasuki bidang kehakiman dan perundangan serta menjadi wanita pertama dilantik Hakim Mahkamah Tinggi. Beliau dilahirkan pada 6 Jun 1940 di Seremban, Negeri Sembilan. Dato' Siti

Norma telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Meor Ayub Mior Shaffie, seorang Jurutera Perunding Galian. Hasil perkongsian hidup, mereka dikurniai tiga orang anak: Meor Amri, Meor Azmi dan Norshima dan kini mempunyai lima orang cucu.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Rahang, Negeri Sembilan, dari tahun 1945 hingga 1946 dan telah melanjutkan pelajaran hingga ke tingkatan lima di Convent of the Holy Infant Jesus, Seremban, dari tahun 1947 hingga 1957. Seterusnya beliau menuntut di Sekolah King George V, Seremban, di peringkat menengah atas. Pada tahun 1958 hingga 1962, Dato' Siti Norma menyambung pelajarannya di Gray's Inn, London, dan berjaya memperoleh kelulusan Barrister-at Law. Pada tahun 1962, beliau telah menjalani Post-Final Training Course dan lulus dalam peperiksaan Public International Law, kedua-duanya dianjurkan oleh Council of Legal Education, England.

Selepas tamat pengajian, beliau mula berkhidmat di Jabatan Kehakiman sebagai Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur, dari tahun 1963 hingga 1965. Pada 1.1.1966 hingga 13.12.1968, beliau dilantik Yang Dipertua Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur. Selepas itu, beliau menjadi Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Peguam Negara selama lapan bulan dalam tahun 1969. Pada bulan September 1969, beliau menyandang jawatan Timbalan Pemegang Amanah Raya, Malaysia sehingga 31 Oktober 1970. Kemudian, selama tiga tahun, beliau ditugaskan Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Duti Harta Pusaka) di Jabatan Hasil Dalam Negeri. Dari Disember 1973 hingga Mei 1980, beliau dilantik Yang Dipertua Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur, dan selepas itu dinaikkan pangkat menjadi Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dari tahun 1980 hingga 1983. Oleh sebab pengalaman beliau yang luas, beliau dinaikkan pangkat menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Malaya pada April 1983 dan menyandang jawatan tersebut selama 11 tahun. Dalam tempoh sebelas tahun itu, beliau bertugas di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam Bahagian Sivil, dari tahun 1983-1987, Bahagian Perdagangan pada tahun 1988 hingga Februari 1994 dan Bahagian Rayuan dan Kuasa-kuasa Khas pada bulan Mac 1994. Bermula pada 17 September 1994, beliau dinaikkan pangkat sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia hingga 31 Disember 2000. Bermula pada tahun 2001, beliau dilantik Hakim Mahkamah Persekutuan sehingga sekarang.

Di samping kerjayanya dalam bidang perundangan, Dato' Siti Norma tidak ketinggalan melibatkan diri dalam pelbagai persatuan perundangan di pelbagai peringkat. Antara jawatan penting yang disandangnya ialah Yang Dipertua Pertubuhan Peguam Wanita Persekutuan (1976-1977), Yang Dipertua Persatuan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (1979-1981), Setiausaha Persatuan Perundangan ASEAN Malaysia (1982-1989) dan Naib Yang Dipertua Serantau dalam Persatuan Hakim-hakim dan Majistret-majistret Komanwel (1985-1989) dan dilantik semula di Malawi, pada 29 Ogos 2003.

Beliau pernah mewakili Malaysia dalam beberapa persidangan antarabangsa seperti Persidangan ke-29 Commission on the Status of Women di Vienna, pada 24 Februari hingga 5 Mac 1982 anjuran PBB, Mesyuarat Governing Council, Persatuan Perundangan ASEAN di Singapura, dari 27 hingga 29 Mei 1994 dan Persidangan Serantau dan Gender oleh Persatuan Hakim-hakim dan Majistret-majistret Komanwel pada 15 hingga 17 Julai 2001 di Barbados. Beliau juga menjadi Ahli Jawatankuasa dan peserta Bengkel Kehakiman dan Akauntabiliti Kehakiman di Kuala Lumpur, pada 4 hingga 6 April 2002 anjuran Persatuan Peguam-peguam Komanwel. Dalam tahun yang sama beliau telah mewakili Malaysia di Jubilee Conference di London, dalam bulan September, dianjurkan oleh Persatuan Hakim-hakim dan Majistret-majistret Komanwel. Pada bulan April 2003, beliau sekali lagi mewakili Malaysia di Persidangan Undang-undang Komanwel Yang Ke-13 yang dianjurkan oleh Persatuan Peguam-peguam Komanwel di Melbourne, Australia. Dalam bulan Ogos/September tahun yang sama, beliau berada di Malawi, menghadiri Persidangan Yang Ke-13, anjuran Persatuan Hakim-hakim dan Majistret-majistret Komanwel.

Pada tahun 1978, Dato' Siti Norma telah dianugerahi bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) oleh DYMM Yang Di-Pertuan Agong. Beliau telah dikurniائي darjah Dato' Setia Negeri Sembilan (D.S.N.S.) oleh DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1987 yang membawa gelaran 'Dato'. IKWAM telah menganugerahi beliau Fellow Kehormat pada tahun 1988. Dato' Siti Norma juga telah dianugerahi Eisenhower Exchange Fellow pada tahun 1990 oleh Eisenhower Exchange Fellowship Inc. Beliau telah menjadi penerima Anugerah Nur Gemilang 2001-Guaman anjuran bersama Kementerian Pembangunan Wanita & Keluarga dan Persatuan Siswazah Wanita Malaysia pada 10 November 2001.

SITI NURHALIZA TARUDIN



Siti Nurhaliza, atau lebih dikenali dengan panggilan 'Siti', telah dilahirkan di Kampung Awah, Temerloh, Pahang, pada 11 Januari 1979. Beliau telah melibatkan diri dalam bidang muzik sejak tahun 1996 apabila menjadi juara rancangan *Hiburan Minggu*

Ini dan sehingga kini telah menghasilkan 14 buah album solo dan sebuah album duet.

Album-albumnya ialah *Siti Nurhaliza* (1996), *Siti Nurhaliza* (1997), *Cindai* (1997), *Adiwarna* (1998), *Seri Balas* (Duet) (1998), *Pancawarna* (1999), *Sahmura* (2000), *Konsert Live Siti Nurhaliza* (2000), *The Best of Siti Nurhaliza* (2000), *Safa* (2001), *Malaysia Book of Records* (2001), *Konsert Mega Siti Nurhaliza Bukit Jalil* (2001), *Sanggar Mustika* (2002), *Album Konsert Live dari Siti Untukmu Sudir* (2002), *E.M.A.S.* (2003) dan *Prasasti Seni* (2004).

Beliau telah memenangi pelbagai anugerah sejak tahun 1997. Pada tahun 1997, lagu yang dibawanya, berjudul *Jerat Percintaan*, telah memenangi Pertandingan Juara Lagu Muzik-Muzik anjuran TV3 bagi kategori Balada dan Persembahan Terbaik. Pada tahun 1998 pula, lagu ini telah mendapat anugerah Lagu Terbaik dalam Anugerah Industri Muzik. Pada tahun 1998, Siti Nurhaliza telah memenangi pelbagai anugerah, iaitu anugerah Artis Baharu Wanita Terbaik dalam Anugerah Industri Muzik, anugerah Artis Remaja

Paling Popular, anugerah Penyanyi Wanita Paling Popular, anugerah Penghibur TV Paling Popular dan anugerah Artis Paling Popular dalam Anugerah Bintang Popular anjuran Berita Harian. Dalam tahun itu juga, lagunya yang bertajuk *Aku Cinta Padamu* telah menggondol anugerah Persembahan Terbaik dan menjadi juara kategori Balada, manakala lagunya yang berjudul *Cindai* telah memenangi kategori Irama Malaysia dalam pertandingan Juara Lagu Muzik-Muzik anjuran TV3.

Pada tahun 1999, Siti Nurhaliza telah mendapat anugerah Persembahan Vokal Terbaik, anugerah Album Pop Terbaik bagi album *Adiwarna* dan anugerah Album Terbaik dalam Anugerah Industri Muzik. Lagunya yang berjudul *Purnama Merindu* telah memenangi kategori Balada dan lagunya bertajuk *Hati Kama* telah memenangi kategori Irama Malaysia dalam pertandingan Juara Lagu Muzik- Muzik anjuran TV3. Beliau juga dinobatkan sekali lagi sebagai Penyanyi Wanita Paling Popular dan Artis Paling Popular dalam Anugerah Bintang Popular 1999. Di peringkat antarabangsa pula, Siti Nurhaliza telah memperoleh Pingat Emas di Festival Muzik Shanghai, China, dan memenangi kategori Vokal Terbaik/Top 40 Kategori Lagu Antarabangsa dalam Pertandingan Lagu Antarabangsa Pasifik Selatan di Australia.

Pada tahun 2000, beliau telah mendapat anugerah Persembahan Vokal Wanita Terbaik, anugerah Album Pop Etnik Terbaik bagi album *Seri Balas*, anugerah Album Terbaik bagi album *Seri Balas* dan Anugerah Kembara dalam Anugerah Industri Muzik. Beliau sekali lagi mendapat anugerah Penyanyi Wanita Paling Popular dan anugerah Artis Paling Popular dalam Anugerah Bintang Popular 2000. Lagunya *Kau Kekasihku* telah menjadi juara kategori Balada manakala lagunya *Balqis* telah menjadi juara kategori Etnik Kreatif dalam Pertandingan Juara Lagu Muzik-Muzik anjuran TV3. *Balqis* juga telah meraih anugerah Lagu Terbaik dalam pertandingan tersebut. Selain itu, beliau telah dinobatkan Artis Luar Negara Paling Berhasil di Indonesia, dalam Anugerah Muzik Indonesia-AMI Sharp

2000. Beliau juga memperoleh anugerah Penyanyi Wanita Terbaik, anugerah Penyanyi Wanita Popular serta lagunya *Balqis* telah memenangi anugerah Lagu Popular dalam Anugerah Planet Muzik Singapura.

Bagi tahun 2001, Siti Nurhaliza menerima anugerah Persembahan Vokal Wanita Terbaik dan Album Pop Etnik Terbaik bagi album *Sahmura* dalam Anugerah Industri Muzik. Beliau juga mendapat anugerah Penyanyi Wanita Paling Popular serta Artis Paling Popular dalam Anugerah Bintang Popular anjuran Berita Harian. Lagunya berjudul *Engkau Bagai Permata* telah memenangi kategori Pop Rock manakala lagunya *Ya Maulai* telah memenangi kategori Persembahan Terbaik dalam Pertandingan Juara Lagu Muzik-Muzik 2001.

Pada tahun 2002, beliau meraih beberapa anugerah dalam Anugerah Planet Muzik Singapura, iaitu anugerah Artis Wanita Popular dan Artis Wanita Terbaik. Siti Nurhaliza juga menjadi Artis Pilihan Malaysia dalam MTV Asia Awards 2002. Beliau telah memenangi anugerah Persembahan Vokal Wanita Terbaik dalam Anugerah Industri Muzik, dan anugerah Penyanyi Wanita Popular dalam Anugerah Bintang popular. Lagunya *Nirmala* telah menjadi juara kategori Persembahan Terbaik dan juara kategori Irama Malaysia dalam pertandingan Juara lagu Muzik Muzik. Di peringkat antarabangsa pula, beliau telah mendapat hadiah Grand Prix dalam Pertandingan *Voice of Asia* di Almaty, Kazakhstan.

Pada tahun 2003, beliau telah menjadi Artis Pilihan Malaysia dalam *MTV Asia Awards* di Singapura. Dalam Anugerah Planet Muzik, Siti Nurhaliza telah meraih Anugerah Artis Wanita Terbaik dan Artis Wanita Paling Popular serta mendapat Anugerah Khas Planet Muzik. Beliau juga menerima Anugerah Vokal Wanita Terbaik dalam Anugerah Industri Muzik. Siti Nurhaliza telah mendapat anugerah Album Malaysia Terbaik di Anugerah Muzik Indonesia (AMI), Anugerah Lagu Etnik Pilihan bagi lagu *Badarsila* dan anugerah Muzik Video Pilihan bagi lagu *Bukan Cinta Biasa*

dalam Anugerah ERA. Di samping itu, beliau memperoleh Anugerah Jasamu Dikenang MAYC 2003 oleh Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia MAYC dan anugerah The Outstanding Young Malaysian-Cultural Achievement daripada Junior Chamber Kuala Lumpur Mandarin. Namanya telah tercatat dalam Malaysia Book of Records sebagai Artis yang Paling Banyak Mendapat Anugerah.

Pada tahun 2004, Siti Nurhaliza telah memperoleh Anugerah MTV Asia, antaranya Artis Pilihan Malaysia, anugerah yang diterimanya sebanyak tiga kali berturut-turut. Beliau juga telah mendapat Anugerah Artis Wanita Terbaik dalam Anugerah Planet Muzik 2004. Sehingga kini, beliau telah menerima sebanyak 112 anugerah, iaitu satu rekod cemerlang semenjak penglibatannya dalam bidang seni suara pada tahun 1996. Kecemerlangan rekodnya ini telah diiktiraf oleh Malaysia Book of Records pada tahun 2004.

Di samping itu, Siti Nurhaliza turut dilantik Duta Muhibah Persekutuan Bulan Sabit Merah Malaysia selama dua penggal. Beliau juga menjadi jurucakap dan model iklan alat solek *Maybelline* sejak tahun 1999. Beliau juga telah dilantik Puteri Setem Malaysia oleh Pos Malaysia Berhad, Jurucakap dan Duta Program Amal Sepenuh Hati Jusco 2002/2003, jurucakap kamera Minolta serta duta TM Net sehingga tahun 2003.

Kejayaan Siti Nurhaliza di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa telah diiktiraf apabila beliau telah dikurniakan bintang Ahli Ahmad Shah Pahang (A.A.P.) oleh DYMM Sultan Pahang pada tahun 1999, darjah Paduka Mahkota Perak (P.M.P.) oleh DYMM Sultan Perak dan bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 2003.

SITI RAHMAH HAJI KASSIM, DATO'



Yang Berbahagia Dato' Siti Rahmah berasal dari Kampung Batu Hampar, Negeri Sembilan, dan dilahirkan pada 6 September 1926. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Ustaz Mohd Majzub Haji Yunus (Allahyarham), seorang Nazir Sekolah-sekolah Agama Negeri Sembilan. Mereka mempunyai enam orang cahaya mata, lima perempuan dan seorang lelaki.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Perempuan Melayu Sungai Star, Parit Buntar, Perak, dan lulus sehingga darjah tujuh. Seterusnya beliau meneruskan pelajaran di Sekolah Agama (Arab) Madrasah Al-Huda, Pulau Pinang, sehingga lulus Menengah 4 Thanawi. Beliau pernah menjadi penulis sambilan akhbar *Majlis* dan *Utusan Zaman* dari tahun 1939 hingga 1951.

Dato' Siti Rahmah telah melibatkan diri dalam UMNO semenjak sebelum merdeka lagi. Beliau merupakan seorang veteran UMNO yang berjuang sejak tahun 1946. Beliau ialah Ketua UMNO dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO cawangan Terentang dari tahun 1946 hingga sekarang. Beliau telah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan dari tahun 1959 hingga 1969 dan menjadi Ahli Majlis Rembau dari tahun 1979 hingga 2002.

Penglibatan beliau bukan sahaja dalam bidang politik malahan beliau turut aktif dalam kegiatan sosial sama ada di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan. Di peringkat daerah, semenjak tahun 1952, Dato' Siti Rahmah merupakan Pengerusi W.I. Daerah Rembau, Pengerusi Lembaga Kebajikan Perempuan Islam dan Pengerusi Koperasi Kaum Ibu Rembau Utara. Di peringkat negeri pula, sejak tahun 1997 hingga sekarang, beliau merupakan Pengerusi Persatuan Ibu Tunggal Negeri Sembilan, Ahli Jawatankuasa NCWO Negeri Sembilan dan Ahli Jawatankuasa HAWA Negeri Sembilan.

Selain itu, Dato' Siti Rahmah juga membabitkan diri dalam PERKIM. Sejak tahun 1961, beliau ialah Pengerusi PERKIM cawangan daerah Rembau dari tahun 1979 hingga sekarang. Dalam masa yang sama, beliau memegang jawatan Pengerusi Wanita PERKIM Negeri Sembilan. Dari tahun 1997, beliau dilantik Pengerusi PERKIM Negeri Sembilan dan juga Ahli Majlis PERKIM Kebangsaan. Pada tahun 2002, beliau menjadi Timbalan Presiden Ibu Tunggal Malaysia. Beliau juga ialah Pengerusi Lembaga Pelawat Taman Seri Puteri Rembau.

Kerana sumbangannya, Dato' Siti Rahmah telah dikurniai beberapa anugerah sebagai pengiktirafan atas jasa-jasanya. Beliau mendapat anugerah Tokoh Politik Tanah Air pada tahun 1979. Sepuluh tahun kemudian, beliau dianugerahi Tokoh Ibu Mithali oleh Kerajaan Negeri Sembilan. Sedekad selepas itu, beliau dikurniai anugerah Tokoh Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan. Pada tahun 2001, beliau telah dianugerahi Tokoh Maal Hijrah Daerah Rembau dan pada tahun berikutnya, beliau menjadi Tokoh Maal Hijrah Negeri Sembilan.

Dato' Siti Rahmah turut dikurniai beberapa pingat dan bintang bagi mengenang jasa-jasanya. Antaranya, bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1957, Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) daripada DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1964, pingat Jaksa Pendamai (J.P.) juga daripada kerajaan Negeri Sembilan

pada tahun 1979 dan bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada tahun yang sama. Pada tahun 2000, beliau telah dianugerahi bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

SITI SA'DIAH SHEIKH BAKIR, DATIN PADUKA



Yang Berbahagia Datin Paduka Siti Sa'diah telah dilahirkan di Mersing, Johor, pada 2 Jun 1952. Beliau telah berkahwin dengan Tuan Haji Mohamed Mahmood dan mereka mempunyai tiga orang cahaya mata, iaitu Amy Nadzlina, Aszmy Mahmood

Yusof dan Aszam Ahmad Malique.

Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada Universiti Malaya pada tahun 1974. Seterusnya beliau telah melanjutkan pelajaran ke beberapa buah universiti, iaitu University of Bradford, United Kingdom, dan memperoleh Post Graduate Certificate in Project Planning pada tahun 1978 dan sepuluh tahun kemudian, beliau telah memperoleh Post Graduate Certificate in Hospital Management daripada Texas Medical Centre, Amerika Syarikat, dan Henley Management College, United Kingdom, dan mendapat Post-Graduate Diploma in Business Administration pada tahun 2002.

Kerjaya beliau bermula dengan memegang jawatan Pegawai Perancang di Johor Corporation (kini dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Negeri Johor (PKENJ) pada tahun 1974. Pada tahun 1979, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengurus dan beliau menjadi Pengurus PKENJ pada tahun 1982. Pada tahun 1988,

beliau telah diberi kepercayaan dan dilantik Pentadbir Hospital Pakar Johor di Johor Bahru. Mulai tahun 1989, beliau ialah Ketua Eksekutif Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn. Bhd. Beliau juga telah mengasaskan penubuhan Kolej Kejururawatan Puteri (PNC) pada tahun 1991. Pada tahun 1994, beliau telah dilantik Pengarah Urusan KPJ Healthcare Bhd. sehingga sekarang.

Selain kesibukannya dengan tugas harian, beliau aktif dalam pelbagai pertubuhan dan organisasi, antaranya beliau dilantik Setiausaha Persatuan Perbadanan-perbadanan Negeri Semenanjung Malaysia (GEMPAPUTRA) (1985-1987), Setiausaha Majlis Wanita Johor (MAWAR) PKENJ (1987-1991), Bendahari Kelab Penceramah Negeri Johor (1984-1992), Ahli Jawatankuasa Persatuan Hospital-hospital Swasta Malaysia (APHM) (1991-1996) dan seterusnya sebagai Naib Presiden APMH dari tahun 1994 hingga 1996. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Accreditation Committee APMH (1996-1997) dan Pengerusi Pro-team Society for Quality in Health (1997-1998).

Mulai tahun 1998, beliau menjadi Presiden Malaysian Society for Quality in Health (MSQH). Selain itu, beliau juga Ahli Lembaga Pengarah MATRADE sejak tahun 1999 hingga sekarang dan menjadi Ahli Jawatankuasa Panel Perunding Sektor Perubatan di Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) dari tahun 2001 hingga sekarang. Pada tahun 2003, beliau dilantik Ahli Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Beliau kerap dijemput membentangkan kertas kerja di pelbagai persidangan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Antara kertas-kertas kerja yang pernah dibentangkannya adalah seperti yang berikut: *The Health Services in Malaysia: Potential Business Opportunities* di Melbourne, Australia, pada tahun 1993, *Proliferation of Private Hospitals and Healthcare Facilities in Malaysia* di Jakarta, Indonesia, pada tahun 1994, *Meeting the Demand for Health Expertise & Facilities in Malaysia* di Australia, pada tahun 1994, *Towards Attaining and Sustaining Core Management Teams for the Continuity*

of JSEDC's Vision into 21st Century dalam tahun yang sama di Australia, dan Retirement Village National Convention: Aged Care in Asia - The Future Boom juga pada tahun 1995 di Australia, serta Critical Success Factors for Malaysian Society for Quality in Health di International Society for Quality in Health Care (ISQUA) di Dublin, pada tahun 2000

Di peringkat negara, Datin Paduka Siti Saadiah telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Keeping an Organisation Growing from Strength: Corporate Tips and the Leadership Factors (Antara Budaya)* di Shah Alam, pada tahun 1995 dan pada tahun 2002 beliau membentangkan kertas kerja bertajuk *Entrepreneurial Dynamism in Nursing* di Kongres Jururawat Kebangsaan di PWTC, *Malaysian Healthcare Accreditation Program* di National Productivity Centre (NPC) serta kertas kerja bertajuk *Enhancing the Image of Nursing in the Healthcare Industry* di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Bangi. Beliau turut dijemput pada tahun 2003 sebagai Pengerusi di Medico-Legal Conference di Kuala Lumpur, dan membentangkan kertas kerja berjudul *Benchmarking for Private Hospital* di Bengkel NPC, *Preparing for the Effects of Globalisation on Healthcare Service Provision in Malaysia* di Malaysian Healthcare Conference 2003 di Kuala Lumpur.

Atas sumbangan serta keprihatinannya dalam bidang pengurusan hospital pakar, beliau telah dikurniائي Pingat Ibrahim Sultan (P.I.S.) pada tahun 1990. Pada tahun 1994, beliau telah mendapat Anugerah Pengurus Wanita anjuran *Women at Work* terbitan Quest Publication Sdn. Bhd. DYMM Sultan Johor telah menganugerahi beliau bintang Setia Mahkota Johor (S.M.J.) pada tahun 1996. Setahun kemudian, beliau mendapat Anugerah Trofi Khas Sri Nona, Kategori Perubatan anjuran TV3. Pada tahun 1998, beliau dianugerahi bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) oleh Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong. Pada tahun 2000, DYMM Sultan Johor sekali lagi mengurniائي Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia (Pangkat Kedua) kepada beliau yang membawa gelaran 'Datin Paduka'.

SITI ZAHARAH SULAIMAN, DATO' DR.



Yang Berhormat Dato' Dr. Siti Zaharah telah dilahirkan di Lanchang, Mentakab, Pahang, pada 24 April 1949. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Samarudin Rejab dan mereka mempunyai empat orang anak. Beliau mendapat pendidikan

awal di Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar sehingga ke peringkat Senior Cambridge pada tahun 1967. Kemudian beliau menduduki peperiksaan STPM di ITM pada tahun 1969. Selepas itu, beliau telah menuntut di State University of New York di Albany, Amerika Syarikat, dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam psikologi pada tahun 1971. Pada tahun yang sama, beliau telah bertugas sebagai Pembantu Penyelidik di Universiti Hawaii, dan berpeluang menyambungkan pengajian dalam bidang psikologi pendidikan. Beliau mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang tersebut di Universiti Hawaii pada tahun 1972. Pada tahun 1973, beliau menjadi Pembantu Profesor di Universiti Cornell, New York, Amerika Syarikat, dan berjaya memperoleh Ijazah Kedoktoran dalam bidang Pentadbiran Pendidikan dan Pengajian Organisasi daripada Universiti Cornell pada tahun 1975.

Antara tahun 1976 hingga 1978, beliau bertugas sebagai Koordinator Maktab Rendah Sains MARA dan dari tahun 1978 hingga

1979, beliau dilantik Timbalan Pengarah Bahagian Buku Teks di DBP dan seterusnya, dari tahun 1980 hingga 1986, beliau menjadi Pengarah Perancangan di tempat yang sama.

Sekitar tahun 1980-an, beliau telah memegang beberapa jawatan dalam beberapa organisasi. Antaranya, Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Pahang (1982-1986), Penasihat Persatuan Perancang Keluarga Persekutuan (1984), Ahli Jawatankuasa Kraftangan Malaysia (1984-1986), Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Wilayah Persekutuan (1984-1986) dan Pengerusi Tabung Pelajaran dan Kebajikan Yayasan Dermawani (1985-1986).

Mulai tahun 1982, Dato' Dr. Siti Zaharah telah membabitkan diri dalam bidang politik dan memegang jawatan Exco Wanita UMNO hingga tahun 1995. Jawatan-jawatan lain yang disandang ialah Ketua Wanita UMNO Bahagian Mentakab (1985), Pengerusi Biro Hal Ehwal Awam Wanita UMNO (1985), Pengerusi Biro Ekonomi Wanita UMNO (1986), Ketua Pergerakan Wanita UMNO Negeri Pahang (1986-1999) dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dari tahun 1996 hingga 1999. Beliau juga pernah menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO selama beberapa tahun.

Dato' Dr. Siti Zaharah telah dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1986. Dari tahun 1990 hingga 1995, beliau menjadi Timbalan Menteri di Kementerian Perusahaan Utama, manakala dari tahun 1995 hingga 1998 beliau ialah Timbalan Menteri di Kementerian Kesihatan. Pada tahun 1999, beliau dilantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan selepas pilihanraya umum pada bulan November 1999, beliau telah dilantik Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hingga Mac 2004.

Selain itu, beliau ialah Presiden Institut Kemajuan Wanita Malaysia (IKWAM), Pengerusi Malaysian Commonwealth Women Parliamentarian Group (CWPG), Presiden Women Parliamentarians From Muslim Countries, Ahli Jawatankuasa ASEAN Inter-Parlia-

mentary Organization (AIPO) dan Penaung Persatuan Usahawan Wanita Malaysia (USAHANITA).

Semasa menjadi Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, beliau ialah Pengerusi Mesyuarat Perpaduan Negara, Pengerusi Majlis Penasihat dan Konsultatif Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya, Pengerusi Majlis Penasihat dan Konsultatif bagi Orang-orang Tua dan Pengerusi Dialog bersama Badan Bukan Kerajaan.

Beliau juga pernah mewakili dan mengetuai delegasi Malaysia ke beberapa persidangan di peringkat antarabangsa seperti Persidangan International Women's Leadership di Universiti Harvard, Amerika Syarikat, pada tahun 1995, 49th Session of the World Health Organization (WHO) Regional Committee for the Western Pacific di Manila, Filipina, pada tahun 1998, program Tokyo Chamber of Commerce and Industry Bussinesswoman Club - A Commomerative Convention for its 50th Anniversary di Tokyo, Jepun, pada tahun 1999, 55th Session of United Nation Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP) di Bangkok, Thailand, pada tahun 1999 dan Asian Social Policy Ministers Forum di Brisbane, Australia, pada tahun 2000.

Dato' Dr. Siti Zaharah pernah menghasilkan penulisan tentang isu psikologi kanak-kanak dalam ruangan majalah *Wanita* dari tahun 1983 hingga 1984 dan buku teks Bahasa Malaysia bagi pelajar tahun lima dan enam antara tahun 1981 hingga 1982.

Beliau telah dikurniai Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) dan Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (D.S.A.P.) oleh DYMM Sultan Pahang dan kedua-dua darjah kebesaran ini membawa gelaran 'Dato' '. Pada Oktober 2003, beliau mendapat bintang Sri Indera Mahkota Pahang (S.I.M.P.) yang membawa gelaran 'Dato' ' juga daripada DYMM Sultan Pahang. Beliau juga pernah menerima Paul Harris Fellowship daripada Rotary Club Indera Mahkota Pahang.

SITI ZAINON ISMAIL, PROFESOR MADYA DR.



Profesor Madya Dr. Siti Zainon telah dilahirkan pada 18 Disember 1949 di Kampung Bandar Dalam, Batu 4¼, Jalan Gombak, Selangor. Perkahwinan beliau dengan Dr. Has Muhammad Saad telah menghasilkan dua orang cahaya mata, Siti Melorinda Khuzaina

dan Imanurdin Wira. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Seni Halus daripada Akademi Seni Rupa Indonesia (ASRI), Yogyakarta, pada tahun 1974. Seterusnya, beliau mendapat Ijazah Sarjana Sastera daripada UKM pada tahun 1980. Pada tahun 1992, beliau berjaya mendapat Ijazah Kedoktoran daripada Universiti Malaya.

Kerjayanya bermula sebagai Jurulatih Seni di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sekitar tahun 1974 hingga 1976. Dari tahun 1976 hingga 1979, beliau menjadi tutor di UKM dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai pensyarah pada tahun 1980. Beliau dilantik Profesor Madya mulai tahun 1992 hingga sekarang.

Penglibatannya dalam bidang seni bermula sejak di bangku sekolah lagi apabila beliau memenangi Hadiah Seni Lukis Sekolah-sekolah Rendah Selangor, pada tahun 1960 dan beliau telah mengadakan pameran solonya yang pertama pada tahun 1969 di Shah Motel, Petaling Jaya. Semasa di Indonesia, beliau telah melibatkan diri sebagai Ahli Jawatankuasa Kesenian Persatuan Kebangsaan

Pelajar Malaysia–Indonesia (1971-1973). Beliau telah memperoleh Hadiah Sketsa Kartini ASRI (1970-1973) dan Hadiah Utama Pelajar Seni Lukis ASRI (1972-1973). Beliau juga sempat mempamerkan hasil kerjanya beberapa kali di Indonesia, iaitu dalam tahun 1973 di Senisono, Yogyakarta dan ASRI, Yogyakarta, dan dalam tahun 1974 di Taman Ismail Marzuki, Jakarta.

Sekembalinya ke Malaysia, Prof. Madya Dr. Siti Zainon aktif dalam Kumpulan Pelukis Anak Alam sebagai Setiausaha (1976-1982). Bermula dari tahun 1982 hingga 1984, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Pelukis Malaysia dan dari tahun 1982 hingga 1986, beliau dilantik Ahli Majlis Kebudayaan UKM. Beliau tidak ketinggalan mengadakan pameran-pameran lukisannya sama ada secara solo ataupun secara berkumpulan. Beberapa pameran solonya ialah pameran di Wisma Loke, Kuala Lumpur (1980), pameran di UKM (1981) dan Pameran Solo, Bunga-bunga Bulan di Sudut Kreatif, BSLN. Antara pameran-pameran berkumpulan yang disertainya ialah Pameran Lukisan dan Arca Anak Alam (1977/78), pameran *Titian I*, Museum & Gallery, Singapura (1983), Pameran Perdana, Balai Seni Lukis Negara (1988), Pameran Seni Rupa Islam, Festival Istiqlal, Jakarta (1991) dan Pameran Seni Khat, Muzium Melaka (1996).

Di samping pembabitannya dalam bidang seni lukis, beliau turut menghasilkan puisi-puisi sejak tahun 1976. Antaranya, *Nyanyian Malam* (1976), *Puisi Putih Sang Kekasih* (1984), *Daun-daun Puisi Muda* (1986), dan *Kau Nyalakan Lilin* (1990). Selain itu, beliau juga turut menulis cerpen dan novel, antaranya *Seri Padma* (1984), *Attar dari Lembah Mawar* (1988), *Bunga Putik Putih* (1991), *Pulau Renek Ungu* (1995), *Kampung Paya Kami* (1998) dan *Jurai Palma* (2001). Beliau telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia (Puisi) untuk beberapa tahun, iaitu pada tahun 1975, 1976, 1978, 1984/85, 1986/87 dan 1988/89. Beliau telah memegang jawatan Bendahari Persatuan Penulis Selangor antara tahun 1985 hingga 1992. Bermula pada tahun 1993, beliau ialah Ketua II Persatuan tersebut.

Selain itu, Prof. Madya Dr. Siti Zainon juga Ahli Lembaga Balai Seni Lukis Negara (1990-1993), Ahli Jawatankuasa Muzium Etnologi Malaysia (1991-1995), Ahli Jawatankuasa Budaya Muzium Selangor (1992 hingga sekarang), Ahli Jawatankuasa Anjung Puisi Perpustakaan Negara (1993) dan Ahli Kehormat Kamsis Tun Hussein Onn UKM (1994). Beliau juga dilantik Ahli Jawatankuasa Biro Penyelidikan Majlis Kebudayaan Negeri Selangor (1995-2000), Ahli Majlis Sastera Nusantara DBP (1997-1999), Pengerusi Amal Bakti Nusantara Galeri Melora (bermula pada tahun 1997), Sekretariat GAPENA (bermula pada tahun 1999) dan Pengerusi Kelab Taman Seni PENA (1999-2001). Mulai tahun 2002 hingga 2004, beliau telah diamanahkan sebagai Ahli Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Budaya KKKP, Ahli Lembaga Yayasan Kesenian Perak, Konsultan Tekstil dan Busana Muzium Negeri Selangor, Sekretariat SEBUDI Kebudayaan Negeri Selangor dan Timbalan Pengarah Pusat Pengajian Melayu-Acheh.

Sumbangan beliau dapat dilihat dalam bidang pengajaran dan pendidikan seni budaya, sastera dan seni rupa. Beliau juga ialah seorang penyair, pelukis, pengkaji dan pengkritik seni. Beliau telah menghasilkan beberapa buah karya akademik seperti *Getaran Jalur dan Warna* (esei seni budaya) (1985), *Reka Bentuk Kraftangan Melayu Tradisi* (1986), *Percikan Seni* (kumpulan esei sastera dan seni budaya) (1988), *Tekstil Tenunan Melayu* (1994) dan *Busana Melayu Johor* (1997). Prof. Madya Dr. Siti Zainon juga sering membenteng kertas-kertas kerja untuk seminar, forum dan ceramah di serata tanah air anjuran GAPENA, DBP, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Balai Seni Lukis Negara, Yayasan Sabah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Beliau juga pernah mewakili negara dalam seminar-seminar kebudayaan di India, Seoul, Singapura, London, German, Thailand, Indonesia dan sebagainya.

Beliau telah berjaya mendapat anugerah dan pengiktirafan, sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun di peringkat antarabangsa melalui karya-karya yang dihasilkan. Pada tahun 1985, beliau telah

mendapat penghargaan Valmiki Poetry Festival di New Delhi-Bhopal, India, dan dalam tahun 1986, beliau memperoleh Piagam Seoul World Poetry, Korea Selatan, dan Piagam Seminar Sastera Nusantara daripada Universiti Jabal Ghafur, Aceh. Pada tahun 1986 juga, beliau telah mendapat Hadiah Majlis Buku Kebangsaan bagi karyanya *Reka Bentuk Kraftangan Melayu Tradisi*. Pada tahun 1989, beliau mendapat Anugerah Penulis Asia Tenggara (SEA Write Award) daripada Kerajaan Thailand. Setahun kemudian, beliau memperoleh gelaran Tengku Cut Nyak Fakinah daripada Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh. Beliau telah mendapat Anugerah Tan Sri Fatimah-Avon pada tahun 1993 dan pada tahun yang sama, beliau memperoleh Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) daripada kerajaan Negeri Selangor. Pada tahun 1995, Prof. Madya Dr. Siti Zainon telah berjaya mendapat Hadiah Majlis Buku Kebangsaan bagi bukunya yang bertajuk *Tekstil Tenunan Melayu* terbitan DBP dan Istiqlal Honorary Fellow of Poetry daripada Jakarta. Beliau telah memenangi Hadiah Sastera Maybank-DBP sebanyak dua kali dalam sekitar tahun 1990-an, iaitu Hadiah Cerpen 1995/96 dan Hadiah Cerpen 1997/98.

SITI ZALEHA MOHD HASHIM



Nama penuhnya ialah Siti Zaleha Bee Mohd Hashim. Beliau telah dilahirkan pada 6 November 1953 di Taiping, Perak, dan merupakan anak kedua daripada lapan orang adik-beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tuan Haji Mohamed Amin

Haji Mohd Shabbir, seorang ahli perniagaan dan mereka dikurniakan dua orang anak.

Beliau telah belajar di beberapa buah sekolah rendah dan menengah di Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Perak kerana mengikuti datuk dan ayahnya yang berkhidmat sebagai pegawai tentera. Ketika bersekolah rendah, beliau telah menjadi johan Pertandingan Syarahan Negeri Melaka selama tiga tahun berturut-turut. Ketika di sekolah menengah, beliau menjadi peserta terbaik dalam pertandingan-pertandingan bahas dan berbalas pantun. Di samping itu, beliau aktif dalam GPMS cawangan Larut dan Matang, Perak, dalam membantu mengadakan kelas-kelas tambahan untuk para pelajar.

Dari tahun 1973 hingga 1976, Puan Siti Zaleha telah melanjutkan pelajaran ke ITM dalam bidang Sebaran Am (Penyiaran). Semasa di ITM, beliau giat mengadakan persembahan drama pentas dan pernah menjadi sidang editor akhbar pelajar-pelajar ITM. Selepas itu,

beliau telah bekerja di RTM dari tahun 1976 hingga 1978 dan telah berpindah ke DBP mulai tahun 1978 hingga sekarang.

Semasa di DBP, beliau telah berkhidmat sebagai Sidang Editor Majalah *Dewan Budaya* dari tahun 1978 hingga 1981 dan Editor Majalah *Dewan Pelajar* dari tahun 1988 hingga 1995. Beliau telah menyambung pengajian ke peringkat ijazah dalam bidang penerbitan majalah (komunikasi) di University of Leeds, United Kingdom, dari bulan September 1995 hingga September 1996. Sekembalinya dari United Kingdom, beliau ditugaskan sebagai Editor Majalah *Dewan Sastera* dari bulan Januari 1997 hingga November 1997. Seterusnya, beliau bertugas di Bahagian Pengembangan Sastera Kebangsaan dan kini beliau ialah Pegawai Perancang Bahasa di Bahagian Kesusasteraan Tradisional di DBP.

Pembabitannya dalam bidang penulisan bermula sejak tahun 1970-an. Beliau telah menghasilkan puisi, pantun, syair, lirik lagu, cerpen, novel, drama radio dan televisyen, rencana serta terjemahan buku dan puisi. Karyanya banyak tersiar di akhbar *Mingguan Malaysia* dan *Berita Minggu* serta majalah-majalah terbitan DBP seperti *Dewan Pelajar*, *Dewan Siswa*, *Dewan Masyarakat*, *Dewan Budaya* dan *Dewan Sastera*. Beliau telah melahirkan lirik-lirik lagu untuk penyanyi popular tanah air, antaranya Allahyarham Sudirman, Uji Rashid, Sharifah Aini dan DJ Dave. Buku-buku yang telah diterbitkannya ialah *Berteduh di Sebalik Wajahmu*, sebuah kumpulan drama televisyen (1986); *Beraraknya Awan Kelabu*, sebuah novel (1987); *Biarkan Kupu-kupu Itu Terbang*, sebuah novel bersiri yang disiarkan di majalah *Dewan Siswa* pada tahun 1997 dan telah diterbitkan pada tahun 2003; *Camar di Cangkir Bumi*, sebuah kumpulan puisi (1999) dan *Siri Pantun Kanak-kanak* (1999). Selain itu, beliau pernah menjadi penterjemah bersama untuk antologi cerpen Korea selepas Perang Dunia Kedua berjudul *Perjalanan ke Samp'o* yang diselenggarakan oleh Prof. Chung Young-Rhim terbitan DBP pada tahun 1988 dan cerpen *Sepanjang Musim Hujan* karya Yun Heung-gil.

Puan Siti Zaleha sering dilantik ahli panel hakim beberapa sayembara dalam pelbagai genre sastera. Antaranya Sayembara Mengarang Pantun Antarabangsa anjuran Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia, Pertandingan Menulis Puisi Alam Sekitar sempena Minggu Alam Sekitar Malaysia anjuran Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Hadiah Cerpen Kanak-kanak MOBIL-DBP 1998, Sayembara Deklamasi Puisi Minggu Sastera dan Bahasa anjuran IBMM, Pertandingan Deklamasi Puisi; Pertandingan Karya Seni Kreatif Puisi Kebangsaan PNB 1999 (kategori puisi tradisional) dan Panel Pemilihan Skrip Akademi TV3 1997.

Beliau telah memperoleh Pingat Pekerti Perak (P.P.T.) daripada DYMM Sultan Perak pada tahun 2001. Beliau juga pernah memenangi Hadiah Sastera Perdana 2000/2001 genre puisi eceran berjudul *Dongeng Yunani Tersangkut di Bima Sakti* yang tersiar dalam majalah *Dewan Sastera* dan Hadiah Kedua Pertandingan Mengarang Pantun-Keranamu Malaysia anjuran Radio Irama Melayu Asli (RIMA) RTM pada tahun 2002.

SITI ZALIKHAH MOHD NOR, PROFESOR MADYA DATIN DR.



Yang Berbahagia Prof. Madya Datin Dr. Siti Zalikah telah dilahirkan pada 18 Mei 1949 di Pengkalan Hulu, Perak, dan merupakan anak sulung daripada tiga orang adik-beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Dato' Dr. Siddiq Fadhil, bekas penyarah

UKM dan mereka mempunyai tujuh orang cahaya mata, tiga orang lelaki dan empat orang perempuan. Beliau kini pensyarah di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Kuak Luar, Keroh, Perak. Selepas itu, beliau melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Agama Raja Perempuan Taayah, Ipoh, Perak, dan Kolej Islam Malaya. Seterusnya, beliau menyambung pengajian dalam bidang Syariah di Fakulti Pengajian Islam, UKM. Beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Undang-undang daripada Universiti Malaya dan Ijazah Kedoktoran daripada UKM.

Jawatan yang pernah disandangnya ialah Pengerusi Jawatankuasa Pengembangan dan Latihan Amali Jabatan (1992-1994), Ahli Jawatankuasa Penerbitan Jabatan Syariah (1993-1995), Ahli Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik Fakulti sejak tahun 1993, sidang redaksi *ISLAMIIYYAT* (jurnal keluaran Fakulti Pengajian Islam) mulai tahun 1994, Penyelaras Guaman

Syarie mulai tahun 1994 dan Penyelaras Program Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam (1999-2000)

Sebagai ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam undang-undang Islam, khususnya undang-undang keluarga Islam, beliau sering dijemput memberi ceramah di pelbagai bengkel dan seminar terutamanya yang melibatkan wanita dan pegawai mahkamah. Antaranya, Kursus Hakim dan Bengkel Undang-undang Keterangan pada tahun 2000, Kursus Pengurusan Nikah, Cerai dan Rujuk pada tahun 2002 dan Kursus Pemahaman Undang-undang Hal Ehwal Islam Negeri-negeri pada tahun 2002.

Selain itu, Prof. Madya Dr. Siti Zalikah juga dilantik menganggotai beberapa jawatankuasa peringkat negeri dan kebangsaan. Beliau ialah Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Wilayah Persekutuan (2000), Ahli Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Selangor, Ahli Jawatankuasa Teknikal Undang-undang JAKIM (2000), Ahli Jawatankuasa Panel Kajian Syariah JAKIM dan Ahli Jawatankuasa Panel Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syarie Malaysia.

Beliau juga menjalankan penyelidikan tentang pembubaran perkahwinan, khususnya di negeri Perlis. Selain itu, beliau pernah menjalankan penyelidikan di bawah tajuk *Women's Participation in Development with Special Reference to the Role of Islamic Centre* bersama Dr. Balkis Abu Bakar pada tahun 1992. Beliau juga dijemput sebagai perunding untuk kes-kes di mahkamah tinggi Syariah Seremban, Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Prof. Madya Dr. Siti Zalikah telah menghasilkan pelbagai penulisan yang diterbitkan sebagai buku atau dalam jurnal. Antara buku-buku yang telah ditulis oleh beliau ialah *Kedudukan dan Peranan Wanita Dalam Islam* (1982), *Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam di Malaysia* (1989), *Kaunseling Menurut Perspektif Islam* (2001), *Pembuatan dan Penulisan Fatwa di Malaysia dalam Isu Syariah dan Undang-undang Siri 10* (2001) dan *Wanita dan Kepimpinan: Singkapan Sejarah dan Realiti dalam Isu Syariah dan*

Undang-undang Siri 9 (2001). Antara makalah dalam jurnal yang telah dihasilkan oleh beliau ialah *Mu'tah Dalam Islam* dalam *Jurnal Hukum* Jilid III Bhg. II (1983), *Maksud dan Matlamat Bimbingan dan Kaunseling* dalam *Jurnal Pendidikan Islam* Jilid 6, Bil.2 (1994), *Pengawalan AIDS dari Perspektif Syariah dan Undang-undang Sivil* dalam *Jurnal Isu Syariah dan Undang-undang Islam Siri 6*, *Perkembangan Teknologi Reproduksi Manusia dan yang Sehubungan Dengannya Menurut Perspektif Fiqh* dalam jurnal yang sama Siri 3 (1997) dan *Pemilikan Harta Dalam Perkahwinan* dalam jurnal yang sama Siri 4 (1998). Beliau turut menghasilkan beberapa kertas kerja yang telah dibentangkan di pelbagai seminar di peringkat kebangsaan. Antaranya, *Hukum Kekeluargaan Islam Dalam Kebangsaan Masyarakat Majmuk* dalam Seminar Perundangan Islam pada tahun 1981, *Muslim Women and Decision Making as Contributors and Victims* dalam *Muslim Women Regional Seminar* pada tahun 1990, *Wanita dan Kepimpinan dalam Islam* di Kongres Kebangsaan Dinamisme Ulama Menghadapi Abad Baru pada tahun 1997, *Penyediaan dan Penulisan Alasan Penghakiman* di Kursus Hakim Syarie pada tahun 2001 dan *Tahkim Dalam Kes-kes Keluarga: Kaedah dan Permasalahan* di Seminar Kaedah Alternatif Penyelesaian Pertikaian Menurut Islam pada tahun 2001.

Beliau telah menerima Anugerah Cemerlang UKM pada tahun 1995. Dalam tahun 1997, beliau memperoleh Hadiah Bahasa daripada Persatuan Linguistik-Malaysia-Public Bank dan pada tahun 2000, beliau menerima Anugerah Terpuji daripada UKM.

SITI ZURAINA ABDUL MAJID, DATO' PROFESOR



Yang Berbahagia Dato' Profesor Siti Zuraina telah dilahirkan pada 5 Oktober 1944 di Kuala Lumpur. Beliau telah berkahwin dengan Dato' Dr. Vincent Salih Lowe dan mereka mempunyai dua orang anak, Juarez dan Zenaida. Pendidikan awalnya bermula

di Sekolah Melayu Kampung Baru, Kuala Lumpur, dari darjah satu hingga darjah tiga. Kemudian beliau menuntut di Sekolah Convent Bukit Nanas sehingga Tingkatan Enam. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Cina dari Universiti Malaya pada tahun 1967, Ijazah Sarjana dari Cambridge University, United Kingdom, dalam bidang Pengajian Oriental pada tahun 1971 dan Ijazah Kedoktoran daripada Yale University, Amerika Syarikat, dalam bidang antropologi pada tahun 1978.

Beliau merupakan satu-satunya ahli akademik yang terkemuka dalam bidang arkeologi di Malaysia. Dalam tahun 1970-an, beliau telah menumpukan misinya untuk membangunkan bidang arkeologi di Malaysia. Kerjayanya bermula sebagai tutor di Universiti Malaya dari tahun 1967 hingga 1969. Selepas memperoleh Ijazah Sarjana pada tahun 1971, beliau bertugas sebagai pensyarah di Universiti Malaya dan USM sehingga tahun 1984. Dari tahun 1985 hingga 1989, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Profesor Madya di USM dan

mulai tahun 1990 hingga sekarang, beliau ialah Profesor di universiti yang sama.

Beliau telah berpeluang belajar di bawah dua orang ahli arkeologi, Cheng Te-k'un di Cambridge University dan KC Chang di Yale University dan dapat mempelajari pendekatan mereka berdua yang berbeza ke atas arkeologi di China dan Asia Tenggara. Sumbangan beliau dalam ekskavasi dan penggalian bahan sejarah Malaysia termasuklah di Gua Niah, Sarawak, dan Kota Tampan serta Perak Man di Lenggong. Penemuan awalnya, Kota Tampan pada tahun 1987, telah menarik minat ahli-ahli arkeologi dari seluruh dunia. Kajian Dato' Prof. Siti Zuraina di Lembah Lenggong, Perak, selama 15 tahun yang lalu telah memberi kesan mendalam terhadap pemahaman prasejarah Asia Tenggara, dari segi teori, teknologi dan tempoh dan juga taburan manusia awal di rantau ini. Penemuan-penemuan in telah menambah jangka masa prasejarah Malaysia yang sebelum ini 8000 tahun kepada 300,000 tahun. Lembah Lenggong juga telah dikenal pasti sebagai salah satu habitat di Tanah Sunda, (selain Pulau Jawa) semasa pertengahan dan lewat Zaman Pleistosen. Penemuan oleh kumpulan beliau telah mendorong Jabatan Antikuiti Malaysia membina sebuah muzium arkeologi, iaitu Muzium Arkeologi Lembah Lenggong di Kota Tampan, yang membolehkan pelawat melihat sendiri orang-orang awal Malaysia.

Pada tahun 1995, melalui pendekatan serampang dua mata, iaitu kajian dan latihan, beliau telah melatih saintis generasi baharu dalam bidang arkeologi dan telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Pusat Kajian Arkeologi Malaysia di USM. Dato' Prof. Siti Zuraina telah dilantik Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia mulai tahun 1995 sehingga sekarang.

Sehingga kini, beliau telah menerbitkan tujuh buah buku dan telah menghasilkan lebih daripada 50 kertas kerja yang diterbitkan atau dibentangkan di persidangan dan seminar di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa sejak tahun 1977. Antara buku-bukunya ialah *The West Mouth, Niah in the Prehistory of*

Southeast Asia (1982), Ekologi Manusia (1989), Dynamics of Court-ous Behaviour in Malay Society (1991), The Excavation of Gua Gunung Runtuh and the Discovery of the Perak Man in Malaysia (1994), Prasejarah Malaysia: Sudahkah Zaman Gelap Menjadi Cerah? (1996), Archaeological Research and Museums in Malaysia (1998), dan Arkeologi di Malaysia (2003). Antara kertas-kertas kerja pula ialah *Kota Tampan, Tapak Akhir Pleistosen dalam Paleolitik Asia Tenggara: Pentarikhan & Klasifikasi Baru* di Simposium Paleoantropologi Indonesia di Indonesia, pada tahun 1989, *The Lithic Technology of a Recently Discovered Late Pleistocene Workshop in Kota Tampan, Malaysia* di International Symposium on Palaeoanthropology in Commemoration of the 60th Anniversary of the Discovery of the First Skull of Peking Man di Beijing, China, pada tahun 1989, *Perkembangan Arkeologi Malaysia* di Seminar Kebangsaan Menilai Pencapaian Penyelidikan IRPA dalam Rancangan Malaysia Kelima (Sains Sosial) di UUM, Sintok, Kedah, pada tahun 1991, *Current Developments in Malaysian Archeology: A Country Report* di Conference on Current Development in Southeast Asian Archeology and Museum Studies di Manila, Filipina, pada tahun 1997 dan *The Role of Archeology in Southeast Asian Studies* di ASEAN Studies Workshop on Curriculum Development di Yangon, Myanmar, pada tahun 1999.

Dato' Prof. Siti Zuraina juga telah terlibat dengan lebih daripada 50 kerja penggalian dan ekskavasi sejak tahun 1968, sama ada di dalam atau di luar negara. Antaranya ialah ekskavasi tempat-tempat bersejarah di New Haven, Connecticut, Amerika Syarikat, pada tahun 1975, kajian etnobotani di Pengkalan Lobang, Sarawak, pada tahun 1977, Ekskavasi Balanghay di bandar Butuan, Mindanao, Filipina, pada tahun 1986, kajian dan ekskavasi Gua Sagu dan Gua Tenggek, Pahang, pada tahun 1990, kajian arkeologi di Lenggong, Perak, pada tahun 1996, ekskavasi di gua di Pulau Balambangan, Sabah, pada tahun 1997 dan kajian arkeologi di Banting, Selangor, pada tahun 1999.

Kepakaran beliau dalam bidang arkeologi telah membolehkannya dilantik dalam pelbagai organisasi dan pertubuhan di peringkat kebangsaan dan di peringkat antarabangsa. Beliau ialah Naib Pengerusi Persatuan Seramik Asia Tenggara bahagian Kuala Lumpur dari tahun 1972 hingga 1974, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Balai Seni Lukis Negara dari tahun 1972 hingga 1975, Pengerusi Projek Ensiklopedia Prasejarah Malaysia di bawah Kementerian Kebudayaan Malaysia dari tahun 1987 hingga 1989, Pengerusi Jawatankuasa Pengistilahan Bahasa Melayu dalam Arkeologi, Bahasa dan Agensi Sastera DBP sejak tahun 1988 dan Ahli Panel EIA Jabatan Alam Sekitar Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sejak tahun 1998. Di peringkat antarabangsa pula, beliau pernah menjadi Profesor Pelawat di Yale University, Amerika Syarikat, pada tahun 1985, Pengasas Persatuan Ahli Prasejarah Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Prehistorians @ ASEAP) sejak tahun 1988, ahli Permanent Council of the Union Internationale des Sciences Prehistoriques et Protohistories, Itali, sejak tahun 1996, Profesor Pelawat University of Philipines pada tahun 1997 dan Ahli Akademik Pelawat, Harvard University dan Yale University, Amerika Syarikat, pada tahun 1999.

Beliau juga memperoleh Commonwealth Fellowship Cambridge University dari tahun 1969 hingga 1971, Ford Foundation Southeast Asia Training Fellowship Yale University dari tahun 1974 hingga 1978, Fullbright-Hays Postdoctoral Fellowship Yale University pada tahun 1985 dan Fullbright-Hays Visiting Fellowship Harvard University pada tahun 1994. Beliau mendapat beberapa geran untuk membuat kajian arkeologi seperti daripada Yale University Concilium for Southeast Asian Studies Grant untuk Ekskavasi Arkeologi di Niah, Sarawak, dari tahun 1976 hingga 1977, UNESCO Grants for the Study of the Shifting Cultivation di Sarawak dan Sabah dari tahun 1980 hingga 1982, Geran Kajian Jangka Pendek untuk Ekskavasi di Tembeling, Pahang pada tahun 1983, ASEAN Grant for Cross-Cultural Research on Forms of Courtesy, ASEAN Committee on Cultural and Information pada tahun 1986 dan Geran PETRONAS

bagi kajian arkeologi di Lenggong, Perak, dari tahun 1988 hingga 1991.

Sumbangan besar beliau dalam bidang arkeologi telah dihargai apabila beliau dikurniai Pingat Kelakuan Terpuji (P.K.T.) oleh Kerajaan Pulau Pinang dalam tahun 1987. Pada tahun 1990, beliau mendapat Pingat Emas bagi kajiannya daripada Yayasan Kajian Rotary Malaysia dan pada tahun 1993, beliau dianugerahi Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.) oleh DYMM Sultan Perak yang membawa gelaran 'Dato'.

SOO KIM LAN, DR. (MENDIANG)



Dr. Soo Kim Lan merupakan doktor wanita pertama di Tanah Melayu. Beliau telah dilahirkan pada 16 Februari 1894 di Taiping, Perak, dan telah meninggal dunia pada 12 November 1981 di Kuala Lumpur, pada usia 88 tahun. Beliau mempunyai lima orang adik-beradik dan telah dibesarkan oleh neneknya selepas kematian ayahnya.

Beliau telah menerima pendidikan awal di Lady Treacher Girls' School, Taiping, Perak, dan pernah berkhidmat sebagai guru. Dua tahun kemudian, beliau memperoleh biasiswa untuk menyambung pelajaran dalam bidang perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura, dan telah tamat pengajian pada tahun 1923. Selepas itu, beliau telah berkhidmat di Hospital Besar Singapura dan bekerja di bawah Dr. J.S. English sebagai pakar sakit puan selama empat tahun.

Beberapa tahun kemudian, Dr. Soo Kim Lan bersama abangnya, juga seorang doktor, telah membuka sebuah klinik yang diberi nama Coronation Dispensary. Dalam masa yang sama, beliau ialah Penasihat Kehormat Hospital Bersalin China di Jalan Pudu (kini Hospital Tung Shin) dari tahun 1933 hingga akhir tahun 1961. Walaupun sibuk bertugas di hospital tersebut, beliau turut meluangkan masa

untuk mendidik masyarakat tentang perancangan keluarga, vaksinasi daripada penyakit berjangkit dan menimbulkan kesedaran kesihatan. Di samping itu, beliau juga memberi syarahan kepada jururawat tentang perbidanan. Dr. Soo Kim Lan juga merupakan tulang belakang kepada penubuhan Hospital Tibi Lady Templer dan Pusat Pemulihan Tibi Morib.

Beliau juga ahli Gereja Wesley Methodist, British Council, Persatuan Atletik Cina dan beberapa pertubuhan kebajikan lain. Selain itu, Dr. Soo Kim Lan juga penggemar bunga orkid dan pernah menyertai pertunjukan orkid tahunan anjuran Persatuan Hortikultur dan Pertanian Malaysia (MAHA) pada sekitar tahun 1950-an dan 1960-an. Beliau pernah memenangi tempat pertama dalam pertunjukan Orkid Selangor pada tahun 1959 dan 1960.

Atas sumbangannya dalam meningkatkan taraf kesihatan masyarakat, Kerajaan British telah menganugerahi Dr. Soo Kim Lan Officer of the Order of the British Empire (O.B.E.) pada tahun 1949. Dalam tahun 1961, beliau menerima bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Tahun berikutnya, beliau memperoleh Ijazah Kehormat Kedoktoran daripada Universiti Malaya yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pada ketika itu yang juga Canselor Universiti Malaya, Tunku Abdul Rahman, bagi menghargai jasanya sebagai wanita pertama di Malaysia yang berkecimpung dalam bidang perubatan. Pada tahun 1977, beliau dikurniai Pingat Emas Tun Fatimah oleh NCWO.

SUHAILAH TAN SRI MOHD NOAH, TUN



Yang Amat Berbahagia Tun Suhailah telah dilahirkan pada 26 Oktober 1931 di Muar, Johor. Beliau telah mendirikan rumah tangga pada 12 Februari 1947 dengan Tun Hussein Onn (Allahyarham), Perdana Menteri Malaysia yang ketiga, dan mereka mempunyai enam orang anak. Salah seorang daripada anak mereka ialah Yang Berhormat Datuk Hishammuddin yang kini menjadi Menteri Pelajaran Malaysia.

Tun Suhailah mendapat pendidikan sehingga tingkatan tiga. Beliau telah melibatkan diri dalam kegiatan sukarela, iaitu Persatuan Kaum Ibu, Persatuan Orang Buta Malaysia, Pergerakan Pandu Puteri dan Pergerakan Wanita UMNO. Beliau menjadi pengasas dan Yang Dipertua BAKTI yang pertama dari tahun 1977 hingga 1981. Beliau juga pernah menjadi Penaung PERTIWI dan Yang Dipertua Pergerakan Pandu Puteri Malaysia sewaktu menjadi isteri Perdana Menteri dari tahun 1976 hingga 1981.

Beliau telah dikurniai bintang Seri Paduka Mahkota Terengganu-Peringkat Pertama (S.P.M.T.) yang membawa gelaran 'Dato' oleh DYMM Sultan Terengganu pada tahun 1978. Pada tahun 1990, beliau dianugerahi bintang Seri Setia Mahkota (S.S.M.) yang membawa gelaran 'Tun' oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

T. RAMANAYAGAM, (DR.)



Puan T. Ramanayagam atau nama sebenarnya, Ramanayagam a/p Theraviam, dilahirkan pada 4 Mac 1940 di Batu Gajah, Perak. Beliau telah berkahwin dengan Encik R. Ramadas dan telah dikurniai lima orang anak, iaitu

Devadas, Shantha Kumari, Mohan Dass, Kushla Kumari dan Sellam Prema Kumari. Beliau telah mendapat pendidikan di Royal English School, Batu Gajah, sehingga tingkatan lima dan pendidikan Tamil di Sangitha Saba, Ipoh, sehingga darjah tujuh.

Pada tahun 1974, beliau telah memulakan perniagaannya di Stesen Keretapi Ipoh dengan membuka sebuah kedai buku Pustaka Pahlawan Baharu dan sebuah kedai makan. Kegigihan beliau dalam bidang perniagaan telah membuahkan hasil. Kini beliau Pengarah Syarikat Asas Inovasi (Perak) Sdn. Bhd, agen kereta Fiat melalui Syarikat Stuntect Sdn. Bhd. dan Pengarah Urusan Stesen Servis.

Beliau telah melibatkan diri dalam bidang politik dan mengetuai Wanita MIC Cawangan Kawasan Stesen Keretapi dari tahun 1976 hingga 1981 dan dilantik Bendahari Wanita MIC negeri Perak dari tahun 1977 hingga 1979 dan juga Ahli Majlis Wanita MIC Kebangsaan dari tahun 1979 hingga 1994. Pada tahun 1979, beliau telah dilantik Ketua Wanita MIC Negeri Perak selama 12 tahun dan Ahli Majlis Wanita MIC Kebangsaan selama 14 tahun. Di samping itu,

beliau juga Pengerusi MIC Cawangan Bunga Raya Ipoh Barat (1985-2005), Pengerusi Jawatankuasa Estet Wanita MIC Kebangsaan (1991-1993), Naib Pengerusi MIC Bahagian Ipoh Barat (1993-2005), Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan MIC Bahagian Ipoh Barat (1994-1997) dan Ahli Jawatankuasa Bertindak MIC (1996-1997).

Dalam kegiatan sosial dan kemasyarakatan, Puan T. Ramanyagam ialah Ahli Jawatankuasa dan Penasihat Persatuan Wanita Tamil Negeri Perak (1986-1998), Pengasas dan Presiden Malaysia India Magalir Eyaakam-MIMI (1992-2005), ahli seumur hidup, Penasihat serta Ahli Jawatankuasa Perak Hindu Sangam (1992-1994), Pengasas dan Presiden Marriage Bureau Association (1993-2005) dan Ahli Majlis Perbandaran Ipoh (1995-1999). Selain itu, beliau terlibat dalam Lembaga Perancang Keluarga Perak sejak tahun 1996 sebagai ahli seumur hidup, Penasihat Persatuan Artis-artis India Perak sejak 1992, Naib Pengerusi Peniaga-peniaga Kecil dan Penjaja-penjaja India Negeri Perak (1999-2005), Ahli Lembaga Pelawat Hospital Besar Ipoh, Perak (2001-2003) dan Pengerusi Skim Rukun Tetangga Taman Rishah, Ipoh (2001-2005). Beliau juga ahli seumur hidup bagi Persatuan Selambam dan W.I. Negeri Perak, Ahli Jawatankuasa Persatuan Kebudayaan Vallalar Ipoh, Ahli Jawatankuasa Persatuan Seni Halus Ipoh dan sebagai Penasihat bagi Kaliamen Kuil Ipoh, Presiden Persatuan Makanan Herbal dan Perubatan Tradisi India Malaysia pada tahun 2002 dan Ahli Lembaga Ipoh Methodist Tamil School pada tahun 2003.

Puan T. Ramanyagam telah beberapa kali menghadiri persidangan di luar negara. Antaranya, Persidangan Bahasa Tamil Kelima di Madurai, Tamil Nadu, India, pada 31 Disember 1981, membentangkan kertas kerja bertajuk *Malaysian Women in Small Business* di *First International Intellectuals Conference* di Life University, Manila, Filipina, pada bulan Mei 1982, Persidangan India Sedunia ke-6 di Kuala Lumpur, pada tahun 1987, Persidangan Tamil Antarabangsa Ketujuh di Mauritius pada bulan Disember 1989, Persidangan Kongres di Ranjiv Nagor Avilala Thirupathi India sebagai pemerhati

pada tahun 1992, Persidangan Kebudayaan Tamil Kedua di Kamarajar Hall, Madras, India, pada bulan Mac 1993 dan Eight International Conference – Seminar of Tamil Studies Tanjaur, Tamil Nadu, pada 1-5 Januari 1995. Pada tahun 1999 beliau menghadiri 18th Asian Cultural Festival di Fukuoka City, Japan, The International Family Conference di Renaissance Hotel pada 25-28 Oktober 2001, dan Second Conference of World Tamils di Madras, pada 5-7 Mac 1993. Beliau telah menghasilkan dua buah penulisan, iaitu *Cerita-cerita Pendek Bahasa Tamil dan Kauceliavin Kanavu* yang diterbitkan oleh Shantha Publisher, Madras, pada tahun 2002. Beliau juga mengambil bahagian dalam penulisan yang bertajuk *A Critical Valluvattin Penmai* dan artikel dalam *Malaysian Magazine* tentang *Indian Women in MIC* meliputi peranan dan tugas-tugas kerja. Beliau juga menghadiri 3rd World Conference Tamil Murugan di Batu Caves, Kuala Lumpur, pada 2 November 2003.

Bagi mengenang jasa-jasanya, Puan T. Ramanayagam telah dianugerahi Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh DYMM Sultan Perak pada tahun 1981. Dalam tahun yang sama, beliau memperoleh Anugerah Tokoh Wanita Perak daripada NCWO Negeri Perak sempena sambutan Hari Wanita Negeri Perak. Pada tahun 1989, beliau dikurniai bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Beliau mendapat gelaran Star Among Women daripada Kandupudi Shanta Publication, Madras, Tamil Nadu, India Selatan, pada tahun 1991 dan pada tahun berikutnya, beliau menerima Anugerah Best Mother daripada MIC Wanita Ipoh. Pada tahun 1994, beliau mendapat Anugerah Wanita Cemerlang Tan Sri Fatimah-Avon bagi kategori keusahawanan. Pada tahun 1996, beliau mendapat pengiktirafan sebagai penulis oleh Perak Tamil Writers Association manakala pada tahun 1997, beliau menerima bintang Ahli Mahkota Perak (A.M.P.) daripada DYMM Sultan Perak. Pada tahun 1999, beliau telah memperoleh Ijazah Kehormat Kedoktoran Kesusasteraan daripada World Academy of Arts & Culture, California, dan bintang

Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 2001. Beliau menerima bintang Darjah Paduka Mahkota Perak (P.M.P.) daripada DYMM Sultan Perak pada 19 April 2003.

HELEN TAN



Puan Helen Tan, yang juga dikenali sebagai Puan Hong Neo, telah dilahirkan pada 29 Ogos 1918 di Singapura. Beliau ialah balu kepada Encik Q.L. Tan yang telah meninggal dunia sewaktu bertugas sebagai seorang sukarelawan semasa Perang Dunia Kedua.

Mereka mempunyai seorang anak perempuan, Tan Choon Lian, yang bertugas sebagai guru.

Beliau pernah menuntut di Sekolah French Convent, Singapura, hingga tamat peringkat menengah pada tahun 1936 dan kemudian beliau mengikuti kursus mengenai kerja-kerja YWCA di India, selama tiga bulan. Selepas itu, beliau meneruskan pelajaran di Selly Oak College, Birmingham, England, selama setahun. Beliau juga pernah mengikuti kursus enam bulan di sekolah YWCA untuk ahli-ahli profesional di Amerika Syarikat.

Pada tahun 1952, Puan Helen Tan telah menjadi Setiausaha YWCA yang pertama bagi kawasan Asia yang bertempat di Singapura. Kemudiannya, beliau bertukar ke YWCA Kuala Lumpur dengan jawatan yang sama. Antara pertubuhan-pertubuhan yang pernah dianggotai oleh beliau ialah First Company Girls Brigade, Persatuan Kelab Belia Malaya (MAYC), Pengasas dan Setiausaha Kehormat secara sukarela di Taman Didikan Kanak-kanak Tunku Budriah dan Setiausaha Kehormat Malaysian Senior Citizens Society.

Beliau mewakili YWCA Malaysia dalam NCWO. Beliau juga Ahli Jawatankuasa Perjawatan dalam Lembaga Pengelola Sekolah Methodist Lelaki, Ahli Jawatankuasa Kebajikan peringkat daerah dan juga peringkat negeri, Ahli Jawatankuasa beberapa rumah dan yaysan kebajikan seperti Sungai Besi School dan Serdang Old People's Home. Puan Helen Tan juga menjadi Penasihat Mahkamah Kanak-Kanak, Pengerusi Methodist Ulu Klang Community Centre, di samping menjadi wakil dalam Methodist Church of Malaysia. Beliau juga ahli Malaysian Senior Citizen Society dan ahli seumur hidup YWCA.

Melalui pertubuhan-pertubuhan yang disertainya, terutamanya sebagai Setiausaha YWCA Malaysia, beliau seringkali menghadiri persidangan-persidangan dan seminar-seminar yang diadakan di dalam dan di luar negara. Antaranya, Perhimpunan Belia (WAY) di Singapura, Persidangan Wanita-wanita Negara ASEAN yang diadakan di Tokyo, pada tahun 1956 dan Mesyuarat Ahli-ahli Jemaah YWCA Sedunia di Mexico dan Geneva, pada tahun 1959. Selain itu, beliau juga pernah menghadiri Seminar PBB mengenai Status Wanita di Manila, dalam tahun 1966 dan Seminar Perancang Keluarga peringkat kebangsaan di Kuala Lumpur, pada tahun 1969 dan tahun 1975. Pada tahun 1972 dan 1976, beliau telah mengikuti International Quakers' Seminar di Bangkok, dan Pulau Pinang.

Semasa mengikuti seminar-seminar yang diadakan itu, beliau turut membentangkan kertas kerja bertemakan perjuangan wanita, antaranya *Women In Politics* yang dibentangkan dalam International Quakers' Seminar di Bangkok, pada tahun 1972 dan *Status of Women* yang telah dibentangkan di Kongres Sri Lanka dalam tahun 1976. Pada bulan Ogos 1980, beliau telah bersara dari jawatan Setiausaha Kebangsaan YWCA Malaysia.

Sebagai menghargai jasa-jasa beliau dalam aktiviti-aktiviti sosial dan kebajikan, beliau telah dianugerahi bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1972.

NELLIE S.L. TAN-WONG,
DATO' DR.



Nama penuh beliau ialah Nellie Tan Swee Lian. Yang Berbahagia Dato' Dr. Nellie Tan telah dilahirkan di Labu, Negeri Sembilan, dan kini menetap di Seremban dengan suaminya Dato' Dr. Ir. Wong Chiang Choy dan anak-anak mereka, Josephine, John dan Paul.

Pendidikan awalnya bermula di Anglo Chinese School, Seremban, dan kemudian menyambung pengajian di Methodist Ladies College dan Perth Technical College (kini Curtin University), Perth, Australia Barat. Beliau berjaya memperoleh diploma dalam bidang Perakaunan daripada Kolej tersebut. Kemudian, beliau mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Perakaunan (Amerika Syarikat), Ijazah Kedoktoran dalam bidang Pentadbiran Perniagaan (Amerika Syarikat) dan Ijazah Kedoktoran (Kanada). Kini beliau telah mendapat pengiktirafan profesional, iaitu Fellow Certified Practising Accountants (FCPA), Australia, Fellow Association of International Accountants (FAIA), U.K., Fellow, Council of Company Secretaries (FCCS), Malaysia, dan Chartered Accountant, Malaysia. Beliau juga dianugerahi Distinguished Senior Fellow, Institute of Business Executives, Malaysia.

Dato' Dr. Nellie Tan merupakan wanita Malaysia yang pertama membuka firma perakaunannya sendiri (tanpa rakan kongsi)

semenjak tahun 1967. Beliau juga menjadi Pengarah Urusan bagi beberapa buah syarikat sendirian berhad.

Beliau telah memegang jawatan kepimpinan dalam beberapa buah pertubuhan atau badan sukarela di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Beliau telah menerima banyak jempunan sebagai Pengucap Utama atau untuk membenteng kertas kerja di persidangan antarabangsa, termasuk daripada Asian Development Bank, Global Summit of Women, Washington, Women's World Banking, New York, John F. Kennedy School of Government, Harvard University, Boston, World YWCA Geneva, Kerajaan Kanada, Kerajaan Australia Barat, dan Kerajaan Fiji.

Dato' Dr. Nellie Tan telah memegang beberapa jawatan penting di Malaysia, antaranya Naib Pengerusi Kebangsaan, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Pengerusi PBSM Negeri Sembilan, Pengerusi *Malaysian Institute of Accountants*, Cawangan Negeri Sembilan dan Melaka, Pengerusi Majlis Kesihatan Seremban dan pemimpin wanita dari Negeri Sembilan yang pertama dilantik ke NACIWID. Beliau ialah bekas Presiden Kebangsaan YWCA Malaysia, dan Bendahari MCA Negeri Sembilan (1971-1978). Kini beliau paling aktif sebagai Pengasas serta Timbalan Pengerusi, Women's Institute of Management (WIM) dan sebagai Presiden wanita pertama bagi Royal Sungei Ujong Club, Seremban.

Pada peringkat antarabangsa, beliau ialah warganegara Malaysia yang pertama kali dilantik sebagai Pengerusi Kewangan, World YWCA, Geneva, (1983-1987) dan Ahli Pemegang Amanah, Women's World Banking, New York (1984-1990), Ahli Majlis Penasihat The Global Fund for Women, California, USA (1989-1993), Bendahari ACWO (1982) dan Bendahari, Women's Hockey World Cup (1983).

Dato' Dr. Nellie Tan telah dianugerahi beberapa anugerah Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Outstanding Young Person of Negeri Sembilan 1976 oleh Seremban Jaycees International dan Tokoh Kebajikan Negeri Sembilan 1993 oleh Majlis Kebajikan

Negeri, Negeri Sembilan. Beliau juga telah dikurniai bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada 1988 dan pingat Jaksa Pendamai (J.P.) pada 1991 oleh Kerajaan Negeri Sembilan dan Darjah Dato' Setia Negeri Sembilan (D.S.N.S.) yang membawa gelaran 'Dato' ' pada tahun 1993,

Penerbitan atau penulisan Dato' Dr. Nellie termasuk *Finance for You and Me* (1983), *Project Proposal* (1984), *Simple Accounting for Voluntary Organisation* (1987), *Adat Perpatih* (penulis bersama) (1992) dan *Finance Handbook for the Entrepreneur, Professional and Social Worker* (1998). Beliau juga pengarang lirik untuk *Lagu WIM*, *Lagu mengenai Tun Dr. Siti Hasmah* (untuk WIM) dan *Lagu Royal Sungei Ujong Club*.

TENGGU BUDRIAH IBNI ALMARHUM TENGGU ISMAIL, YMM RAJA PEREMPUAN BESAR PERLIS



Yang Maha Mulia Raja Perempuan Besar Perlis Tengku Budriah dilahirkan pada 28 Mac 1924 di Kuala Krai, Kelantan. Baginda telah mendirikan rumah tangga pada 7 April 1941 dengan DYMM Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalul-

lail, bakal Raja Perlis ketika itu. Mereka dikurniai sepuluh orang cahaya mata, lima orang putera dan lima orang puteri. Kini Baginda mempunyai 35 orang cucu dan 24 orang cicit. Pendidikan Baginda bermula ketika berumur tujuh tahun di Sekolah Melayu dan seterusnya di Sekolah Ingeris Kuala Krai. Selepas itu, Baginda meneruskan pengajian menengah di Anglo Chinese Girl School, Ipoh, Perak.

YMM Tengku Budriah menaiki takhta kerajaan Perlis bersama-sama DYMM Tuanku Syed Putra pada 4 Disember 1945. Baginda ditabalkan sebagai DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis pada 12 Mac 1949 ketika Tuanku Syed Putra ditabalkan sebagai Raja Perlis yang kelima. Pada 21 September 1960, DYMM Tuanku Raja Perlis ditabalkan sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Ketiga manakala YMM Tengku Budriah ditabalkan sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Baginda sekeluarga merupakan perintis kepada projek pengambilan anak angkat anjuran Perkumpulan Perempuan Perlis. Mulai tahun 1978, Baginda serta kerabat diraja dan orang kenamaan Negeri Perlis yang lain mengambil anak angkat daripada keluarga yang kurang bernasib baik. Baginda telah menubuhkan Taman Asuhan Darulfarah Tengku Hajah Budriah Perlis untuk mengasuh kanak-kanak yang berumur satu hingga lima tahun. Mulai 1 Januari 2003, baginda telah berkenan untuk mengubah nama Taman Asuhan tersebut kepada Yayasan Amal Tengku Hajah Budriah Perlis dengan tujuan membantu masyarakat Negeri Perlis dalam pelbagai aspek termasuklah pembelajaran dan kewangan. Selain itu, Baginda pernah terlibat dalam politik dan menyandang jawatan Ketua Kaum Ibu UMNO.

Baginda telah melibatkan diri dalam pelbagai persatuan dan pertubuhan. Antaranya, Penaung Perkumpulan Perempuan Perlis, Penaung Persatuan Perancang Keluarga Negeri Perlis, Penaung Persatuan Hoki Wanita Malaysia, Penaung Wanita PERKIM Negeri Perlis dan Penaung Kelab Penceramah Kuala Lumpur. Baginda juga Timbalan Yang Dipertua LKPIM dan Yang Dipertua Taman Asuhan Darulfarah Tengku Hajah Budriah Perlis. Kini baginda ialah Penaung Persatuan Pandu Puteri Negeri Perlis. Baginda telah dipersembahkan Anugerah Kepanduan oleh Persatuan Pandu Puteri Malaysia atas penglibatan tiga generasi keluarga dalam Persatuan Pandu Puteri. Baginda dilantik Yang Dipertua LKPIM selepas kemangkatan YMM Tunku Kurshiah. Baginda juga telah menubuhkan sebuah pusat rawatan hemodialisis yang diberi nama 'Pusat Dialisis Tuanku Syed Putra'.

Sumbangan Baginda tidak terbatas kepada rakyat negeri Perlis malahan meliputi rakyat di seluruh negara. Oleh itu, atas sumbangan yang tidak ternilai ini, Baginda diberi penghormatan mengisi ruang nama di beberapa buah institusi pendidikan. Contohnya, Sekolah Rendah Tengku Budriah, Sekolah Kanak-kanak Cacat Tengku Budriah, Taman Didikan Kanak-kanak Tengku Hajah Budriah di

Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur, dan Rumah Kebajikan Tengku Budriah, Cheras, Kuala Lumpur.

Baginda telah menerima beberapa anugerah dari dalam mahupun luar negara. Antara anugerah dalam negara yang diperoleh ialah bintang kebesaran Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.) yang membawa gelaran 'Tun', anugerah bintang darjah tertinggi kepada wanita, pada tahun 1958 Darjah Kerabat Baginda Syed Putra (D.K.) daripada DYMM Raja Perlis, iaitu anugerah bintang kebesaran negeri Perlis yang tertinggi, pada tahun 1966, dan anugerah Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Kelantan (S.P.M.K.) daripada DYMM Sultan Kelantan pada tahun 1988 yang memberi gelaran 'Dato' '. Anugerah-anugerah yang diterima dari luar negara ialah The Most Illustrious Order of Chula Chom Kelo daripada Thailand dan The Great Cross of Agricultural Merit daripada Cambodia pada tahun 1962, First Class of the Order of Precious Crown daripada Jepun pada tahun 1964, Nahdar Star (1st Class) daripada Pakistan dan United Arab Republic Order of Makal (Perfection) pada tahun 1965.

Baginda telah mengambil maklum bahawa ramai pesakit buah pinggang yang menghadapi masalah untuk mendapat rawatan ini adalah kerana mesin-mesin hemodialisis yang disediakan oleh pihak kerajaan terhad. Atas keprihatinan Baginda, Baginda telah berkenan satu pusat hemodialisis diwujudkan. Pusat ini sedang dibina atas tapak tanah kepunyaan Baginda di Jejawi, Perlis, dan dijangka beroperasi pada awal tahun 2004. Dengan adanya mesin ini Baginda berharap boleh memberi sumbangan kepada pesakit-pesakit buah pinggang di Perlis dan juga di negeri-negeri lain di utara Semenanjung.

TENGGU NOOR ASIAH TENGGU AHMAD, YBM DATO'



Yang Berhormat Mulia Tengku Dato' Noor Asiah atau lebih terkenal dengan panggilan 'Tengku Noor' telah dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan pada 11 November 1930. Beliau telah berkahwin dengan Encik Mohamad Zain Mohamad, seorang ahli perniagaan

dan mereka mempunyai sembilan orang anak.

Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Merbau dari tahun 1935 hingga 1938. Selepas itu, beliau menuntut di Malay Girls English School antara tahun 1939 hingga 1940. Beliau tidak dapat meneruskan pelajaran selepas itu kerana Tanah Melayu telah diserang Jepun.

Tengku Dato' Noor Asiah mula melibatkan diri dalam W.I. Negeri Kelantan pada tahun 1950-an. Beliau menjadi Bendahari antara tahun 1962 hingga 1971 dan seterusnya dilantik Pengerusi mulai tahun 1971 hingga sekarang. Di samping itu, beliau juga Ahli Jawatankuasa W.I. Malaysia mulai tahun 1974 dan sejak tahun 1987, beliau ialah Timbalan II Yang Dipertua W.I. Malaysia.

Selain itu, beliau juga pernah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Belia, Persatuan Suaramuda dan Pandu Puteri. Beliau ialah wanita pertama yang memegang jawatan Pengerusi Puteri Kelab Suara Muda dari tahun 1955 hingga 1965.

Pembabitan Tengku Dato' Noor Asiah dalam politik bermula apabila beliau menyertai Parti Negara pada tahun 1956. Kemudian-nya beliau telah menyertai UMNO dan pernah dilantik menjadi Ketua Wanita UMNO Cawangan Merbau dari tahun 1963 hingga 1974, Pengerusi Wanita UMNO Kelantan sejak tahun 1969 hingga 1986 dan Ahli Jawatankuasa Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1968. Kegigihan dan ketokohan beliau dalam politik terbukti apabila beliau berjaya terpilih sebagai Ahli Parlimen kawasan Tumpat dalam pilihan raya umum tahun 1974 dan tahun 1978. Dari tahun 1975 hingga 1986, beliau diangkat menjadi Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tumpat. Dari tahun 1982 hingga 1986, beliau telah memenangi kerusi pilihanraya di peringkat Dewan Undangan Negeri Kelantan. Beliau merupakan wanita pertama di negeri Kelantan yang menyandang jawatan Ketua Wanita UMNO Negeri Kelantan, wanita pertama di negeri Kelantan yang menjadi wakil rakyat dan menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri di negeri Kelantan.

Tengku Dato' Noor Asiah telah menyertai Parti Semangat 46 selepas berlaku perpecahan dalam UMNO. Beliau menjadi Exco Wanita dari tahun 1986 hingga 1993. Dari tahun 1993 hingga 1996, beliau dilantik Ketua Wanita Parti Semangat 46 Malaysia.

Kini, beliau ialah Pengerusi Perkumpulan Perempuan Kelantan, Timbalan Pengerusi Perkumpulan Perempuan Malaysia, Pengerusi Pusat Serenti Wanita Kemumin, Pengerusi Hal Ehwal Wanita PEMADAM Negeri Kelantan dan Ahli Jawatankuasa Wanita PEMADAM Kebangsaan. Di samping itu, beliau juga ialah Timbalan Pengerusi Pertubuhan Kerabat Diraja Kelantan dan Ahli Jawatankuasa Pemulihan Negeri Kelantan.

Sebagai mengenang dan menghargai jasa-jasa beliau dalam kerja-kerja sukarela dan kegiatan kebajikan, beliau telah dianugerahi Pingat Bakti (P.B.) oleh Kerajaan Kelantan dalam tahun 1965. Seterusnya, beliau telah dikurniائي bintang Seri Mahkota Kelantan (S.M.K.) oleh DYMM Sultan Kelantan pada tahun 1970 dan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong

pada tahun 1972. Pada tahun 1981, beliau menerima bintang Kesateria Mangku Negara (K.M.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Empat tahun kemudian, beliau dianugerahi bintang Dato' Paduka Jiwa Mahkota Kelantan (D.J.M.K.) oleh DYMM Sultan Kelantan yang membawa gelaran 'Dato' '. Selain itu, Tengku Dato' Noor Asiah telah dianugerahi gelaran Tokoh Wanita Negeri Kelantan pada tahun 1985.

TENGGU NOOR ZAKIAH TENGGU ISMAIL, YM DATO' PADUKA



Yang Mulia Tengku Dato' Paduka Noor Zakiah dilahirkan pada 25 September 1927 di Kuala Krai, Kelantan. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datuk Mejar Adnan Denney (Allahyarham) dan mereka mempunyai seorang anak lelaki, iaitu Ismail

Harith Merican. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Anglo Chinese School di Ipoh, Perak. Pada tahun 1972, beliau telah menjalani latihan selama enam bulan di Strauss & Turnbull, sebuah syarikat broker saham di London.

Beliau merupakan wanita bumiputera pertama yang menganggotai Bursa Saham Malaysia dan Singapura (kini Bursa Saham Kuala Lumpur) pada tahun 1964. Pembabitannya dalam industri sekuriti bermula apabila beliau menjadi rakan kongsi Hallam & Co. pada tahun 1964. Selepas enam tahun, beliau meletakkan jawatan untuk mengasaskan K & N Kenanga Sdn. Bhd., sebuah firma broker saham, iaitu pada tahun 1973 dan menjadi Pengarah Eksekutifnya sehingga sekarang. Tengku Dato' Paduka Noor Zakiah merupakan wanita bumiputera Pertama yang menceburi bidang ini. Selain itu, beliau juga ialah Pengasas Persatuan Broker Saham Malaysia dan telah menjadi Presiden dari tahun 1985 hingga 1994. Pada tahun 1994, beliau dilantik Pengerusi Persatuan Broker Saham Malaysia.

Selain itu, beliau ialah Ahli Kehormat Seumur Hidup Rumah Cheshire Selangor, ahli PENIAGAWATI dan bekas Presiden Majlis Wanita Antarabangsa.

Beliau telah dikurniai Darjah Dato' Setia Tuanku Syed Putra Jamalullail (D.S.P.J.) oleh DYMM Raja Perlis yang membawa gelaran 'Dato' Paduka'.

TOM ABDUL RAZAK (ALLAHYARHAM)



Puan Tom, atau lebih dikenali sebagai 'Mak Tom', telah dilahirkan di Sabak Bernam, Selangor, pada 11 Januari 1904 dalam keluarga yang terkenal di negeri Selangor. Bapanya, Dato' Setia Abdul Razak Haji Abdul Ghani, ialah majistret Melayu pertama di negeri

Selangor yang kemudiannya menjadi Ahli Majlis Negeri sebelum dilantik Setiausaha Sulit kepada DYMM Sultan Selangor semasa zaman British. Abangnya, Dr. Abdul Latif, ialah doktor Melayu pertama di tanah air.

Mak Tom ialah seorang perintis pada zamannya. Beliau merupakan wanita Melayu pertama yang memasuki sekolah Inggeris. Oleh sebab tiada sekolah perempuan, Mak Tom memasuki sekolah lelaki, iaitu Klang Malay Boys School, sebelum berumur enam tahun dan merupakan murid perempuan tunggal dalam sekolah yang mempunyai 350 orang pelajar lelaki. Kerana minat, azam dan tekadnya untuk mendapat pelajaran, Mak Tom akhirnya berjaya mendapat Junior Cambridge Certificate pada tahun 1926 dan menjadi wanita Melayu pertama lulus Junior Cambridge ketika itu. Mak Tom memilih kerjayanya dalam bidang pendidikan dan setelah menghadiri Kelas Guru-guru selama dua tahun, beliau menjadi guru di negeri

Selangor. Mak Tom telah mengajar di Sekolah Melayu Kampung Baru, Kuala Lumpur, dari tahun 1923 hingga 1925.

Setelah mendirikan rumah tangga dengan Encik Mohamed Zain Ariffin, bekas Setiausaha Sulit DYMM Sultan Kedah, Mak Tom berpindah ke negeri Kedah dan mula berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Kedah sebagai guru pada tahun 1928. Sebagai perintis dalam bidang pendidikan, Mak Tom telah membuka jalan kepada anak-anak gadis untuk memasuki sekolah. Beliau telah dilantik Guru Besar Sekolah Ingeris Perempuan Kampung Baru di Alor Star, dan berjaya mendapatkan kanak-kanak daripada kalangan istana, pegawai kerajaan dan orang atasan sebagai murid sekolah ini. Dengan cara ini, beliau dapat meyakinkan orang ramai untuk menghantar anak gadis mereka ke sekolah. Salah seorang murid yang berjaya ke peringkat pelajaran tinggi ialah Tan Sri Dato' Dr. Salma Ismail, wanita Melayu pertama menjadi doktor, kelulusan King Edward VII College of Medicine di Singapura.

Dalam tahun 1948, Mak Tom dilantik Pembantu Penyelia Sekolah bagi Sekolah-sekolah Perempuan Negeri Kedah. Untuk menjalankan tugasnya, Mak Tom menjelajah seluruh negeri Kedah dengan menaiki kereta dan basikal tanpa pengiring dan tidak berasa takut walaupun pada masa itu zaman darurat. Pelantikan Mak Tom, yang dikenali sebagai 'Ibu' di kalangan guru-guru di negeri Kedah, sebagai penyelia pada zaman British merupakan suatu kejayaan baginya kerana beliau satu-satunya anak watan yang mencapai jawatan tinggi di kalangan guru-guru sekolah di negeri Kedah yang kebanyakannya terdiri daripada guru-guru berbangsa Ingeris. Pada tahun 1949, Mak Tom dilantik Pembantu Penyelia bagi Sekolah-sekolah Perempuan Negeri Kedah dan Sekolah-sekolah Lelaki yang mempunyai guru wanita. Sekali lagi ini satu kejayaan bagi Mak Tom yang menyandang jawatan ini hingga persaraannya pada tahun 1958.

Mak Tom sangat dihormati dan disegani sebagai seorang pendidik. Beliau banyak berjasa dalam memperbaiki taraf hidup dan pelajaran wanita. Pada tahun 1950, Mak Tom dijemput menyertai Panel

Pelajaran Melayu yang berpengaruh sebagai Ahli Jawatankuasa Melayu dipengerusikan oleh Profesor Leonard Barnes. Beliau juga menjadi ahli panel yang mengeluarkan Laporan Razak mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Mak Tom turut melibatkan diri dalam kegiatan sukarela dan telah dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Pengelola Kolej Tunku Kurshiah selama tiga tahun, dari tahun 1960-1963. Beliau juga dijemput oleh DBP menyertai Jawatankuasa Istilah yang terlibat menterjemah istilah perundangan, ekonomi dan sebagainya dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.

Mak Tom juga aktif dalam kegiatan sosial dan kerja-kerja amal. Pada tahun 1952 beliau menjadi salah seorang daripada Pengasas dan Ahli Jawatankuasa Latihan bagi Perkumpulan Perempuan Malaya yang lebih dikenali dengan nama W.I. Pertubuhan ini memainkan peranan aktif memupuk kesedaran dan melatih wanita luar bandar mengutamakan pelajaran, kesihatan dan pemakanan bagi keluarga mereka. Mak Tom juga menjelajah seluruh negara untuk bertemu dengan wanita di luar bandar dan mengendalikan latihan, kursus dan seminar memperbaiki taraf hidup wanita. Mak Tom terus berkhidmat dengan W.I. sehingga tahun 1965, apabila beliau bersara sebagai Ketua Pengelola W.I. Malaya.

Bagi menghargai sumbangan cemerlangnya dalam pendidikan, khususnya sumbangan terhadap pendidikan wanita di negeri Kedah, Kerajaan Negeri Kedah telah menganugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) sempena pertabalan DYMM Sultan Kedah pada tahun 1943. Dalam tahun 1953, Mak Tom dikurniai Pingat Perkhidmatan Lama (P.P.L.) oleh DYMM Sultan Kedah. Kerajaan British turut mengiktiraf sumbangan-sumbangannya yang cemerlang melalui penganugerahan bintang Member of the Order of the British Empire (M.B.E.) pada tahun 1954. Kerajaan Selangor pula telah mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) dalam tahun 1975. Pada tahun 1977 Mak Tom telah dikurniai Pingat Emas Tun Fatimah

oleh NCWO sebagai menghargai jasa dan sumbangan beliau dalam bidang pendidikan, terutama kepada kaum wanita.

Mak Tom kembali ke rahmatullah pada 19 Ogos 1992 ketika berusia 88 tahun. Beliau meninggalkan empat orang anak, lapan orang cucu dan tujuh belas orang cicit.

TOO, LILIAN



Puan Lilian Too merupakan seorang pakar dalam bidang *feng shui* dan kepakarannya diiktiraf di dalam dan luar negara. Selepas menamatkan pengajian Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Harvard Business School di Amerika Syarikat, beliau telah memulakan kerjaya dalam dunia korporat dan menjadi wanita pertama di Malaysia yang mengepalai sebuah syarikat yang disenaraikan di BSKL (kini Bursa Malaysia). Puan Lilian Too juga merupakan wanita pertama di Asia yang dilantik Pengerusi Eksekutif sebuah bank. Beliau dikenali dengan kejayaannya dalam dunia korporat di Malaysia dan Hong Kong.

Selepas beberapa tahun berkecimpung dalam dunia perbankan, beliau telah bekerjasama dengan Dickson Poon selaku Timbalan Pengerusi Eksekutif Syarikat Kumpulan dan membantu membina Syarikat Dickson Concepts. Kemudian, dengan First Pacific Group Prudential Asia sebagai rakan kongsi, beliau telah mengambil alih gedung membeli-belah dan menjadi Pengerusi Syarikat. Beliau telah mengundurkan diri daripada dunia korporat pada usia 45 tahun dan menjadi suri rumah sepenuh masa.

Kini, Puan Lilian Too merupakan seorang yang amat dikenali dalam bidang *feng shui*. Beliau telah menulis banyak buku mengenai *feng shui* dan penulisanannya telah diterjemah ke 27 bahasa. Beliau juga

pengasas WOFS.com, sebuah syarikat *feng shui* yang mempunyai rangkaian *franchise* hampir di seluruh dunia, dan Lilian Too Certified Institute, sebuah institusi yang menjalankan program bersijil untuk *feng shui*.

TRA ZEHNDER, DATO' SRI



Yang Berbahagia Dato' Sri Tra Zehnder, atau nama sebenarnya Philomena Tra anak Jemat, berketurunan Iban, telah dilahirkan pada 25 Oktober 1926 di Miri, Sarawak. Beliau telah berkahwin dengan Encik Leslie Ptolemy Zehnder (meninggal dunia pada tahun 1978) dan mereka mempunyai seramai tujuh orang anak dan 17 orang cucu. Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah St. Mary, Kuching, antara tahun 1936 hingga 1941 dan lulus Darjah Lima.

Beliau merupakan ahli Pengasas Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) pada bulan Mei 1957 dan telah dilantik Setiausaha Kehormat dari tahun 1957 hingga 1960. Beliau telah menjawat beberapa jawatan lain dalam SIDS, iaitu Ahli Eksekutif (1961-1963) dan (1994-1998), Presiden (1964-1966), Bendahari (1981-1994) dan Penasihat Ahli Eksekutif (sejak Julai 1998).

Dato' Sri Tra Zehnder telah menjadi Ahli Jawatankuasa Penasihat Pendidikan negeri Sarawak antara tahun 1959 hingga 1962. Beliau juga pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak dari tahun 1960 hingga 1963 dan merupakan wanita pertama dilantik Ahli Majlis Negeri Sarawak bagi tempoh yang sama.

Selain itu, beliau turut melibatkan diri dalam SDNU dan pernah menjadi wakil SDNU ke mesyuarat dengan Suruhanjaya Cobbold pada bulan Februari 1962 dan ke mesyuarat dengan Lord Lansdown dari Jawatankuasa Antara Kerajaan pada bulan Ogos 1962. Pada bulan September tahun yang sama, Dato' Sri Tra Zehnder telah mewakili SDNU untuk berjumpa dengan wakil PBB, Encik Narrisman. Beliau telah dilantik Naib Presiden SDNU dari tahun 1981 hingga 1990.

Beliau ialah Ahli Majlis Kebajikan Negeri Sarawak (1961-1967), Ahli Majlis Pendidikan Lanjutan Negeri Sarawak (1960-1981), Ahli Jawatankuasa Tabung Getah (1980-1987), Ahli Lembaga Pelawat Hospital Besar Sarawak (1981-1983) dan Ahli Lembaga Penasihat Pe-salah Remaja (1981-1986). Dari segi politik, beliau pernah menyandang jawatan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Parti Kebangsaan Sarawak (1967-1983), Pengerusi Wanita Parti Kebangsaan Sarawak (1969-1983) dan Pengerusi Wanita Parti Bangsa Dayak Sarawak (1983-1988)

Pada tahun 1983, Dato' Sri Tra Zehnder telah dilantik Ahli Tribunal Perkahwinan Kuching. Beliau dilantik Temenggong Bahagian Kuching antara tahun 1988 hingga 1996 dan merupakan wanita pertama dilantik ke jawatan tersebut. Beliau juga pernah menjadi Penasihat Mahkamah Juvana Sarawak dari tahun 1987 hingga 1997. Beliau juga dilantik Ahli Majlis Wanita Sarawak (1989-1992), Ahli Majlis Pembangunan Sosial Negeri Sarawak (1989-1998) dan dipilih Presiden ATAS (1991). Dari bulan Mac 1996 hingga bulan Mac 2002, beliau ialah Ketua Majlis Adat Istiadat Sarawak dan juga merupakan wanita pertama dilantik ke jawatan tersebut.

Atas sumbangan Dato' Sri Tra Zehnder yang begitu besar kepada negeri Sarawak, beliau telah dikurniai beberapa pingat dan darjah kebesaran. Beliau menerima bintang S.K.N. daripada Yang Dipertua Negeri Sarawak pada tahun 1964, Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.) daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1967 dan bintang Bentara Bintang Sarawak (B.B.S.) daripada Yang

Dipertua Negeri Sarawak pada tahun 1976. Beliau dianugerahi darjah kebesaran Panglima Negara Bintang Sarawak (P.N.B.S.) yang membawa gelaran 'Dato' Sri' pada tahun 1981 dan bintang P.B.J. pada tahun 1988 daripada Yang Dipertua Negeri Sarawak. Beliau mendapat Anugerah Wanita Cemerlang AVON-Tan Sri Fatimah pada tahun 1992. Dalam tahun 2003, beliau menerima Pingat Peringatan Delima (Emas) sempena ulang tahun kemerdekaan Sarawak yang ke-40.

TUANKU BAHYIAH IBNI ALMARHUM
TUANKU ABDUL RAHMAN, DYMM
(ALMARHUMAH)



DYMM Tuanku Bahiyah telah di-puterakan pada 24 Ogos 1930 di Sri Menanti, Negeri Sembilan. Baginda puteri sulung DYMM Yang Di-Pertuan Besar dan DYMM Tuanku Ampuan Negeri Sembilan ketika itu (kemudiannya dilantik menjadi

DYMM Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang pertama). Baginda telah berkahwin dengan DYMM Sultan Kedah pada bulan Mac 1956 dan telah dilantik menjadi Sultanah Kedah pada 20 Februari 1959. Baginda mempunyai tiga orang puteri, iaitu YTM Tunku Soraya, YTM Tunku Sarina (Almarhumah) dan YTM Tunku Intan Safinaz.

Baginda telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sri Menanti dan Sekolah Convent Seremban. Kemudian Baginda telah melanjutkan pelajaran dalam bidang Sains Kemasyarakatan di Universiti Nottingham, England, dari tahun 1951 hingga 1954. Pada 21 September 1970, Baginda telah menjadi DYMM Raja Permaisuri Agong apabila DYMM Sultan Kedah menjadi Yang Di-Pertuan Agong Malaysia yang kelima.

DYMM Tuanku Bahiyah amat cenderung dalam aktiviti-aktiviti sosial dan kebajikan terutamanya kanak-kanak dan orang tua.

Baginda telah dilantik Yang Dipertua Ikatan Perkhidmatan Perempuan Kedah dan W.I. Negeri Kedah. Baginda juga telah dilantik Canselor Universiti Malaya pada tahun 1972 hingga 1986, dan merupakan wanita pertama dilantik ke jawatan tersebut.

DYMM Tuanku Bahiyah menjadi Penaung beberapa pertubuhan seperti Persatuan Bola Jaring Negeri Kedah, Persatuan Orkid Negeri Kedah, Persatuan Derma Darah Negeri Kedah, Persatuan Perancang Keluarga Negeri Kedah, Persatuan Kebajikan Kanak-kanak Kedah, Persatuan Orang-orang Cacat Negeri Kedah, Persatuan Pengidap Thalasemia Negeri Kedah, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Darul Aman dan Yayasan Sultanah Bahiyah.

Baginda juga turut menjadi Penaung kepada Persatuan Siswazah Universiti Utara Malaysia, Persatuan Siswazah Universiti Nottingham dan Persatuan Bekas Pelajar Sekolah Menengah Sultanah Bahiyah. Baginda pernah menjadi Penaung Kehormat untuk Persatuan Pandu Puteri Malaysia semasa menjadi Permaisuri Agong dari tahun 1970 hingga 1975.

Baginda telah dianugerahi Darjah Kerabat Yang Amat Mulia Kedah (D.K.) pada 29 Februari 1964, Darjah Kelas Pertama Khazannah Suci oleh Seri Maharaja Jepun pada 19 Februari 1970, Bintang Maha Putra Kelas Satu oleh Presiden Soeharto pada 16 Mac 1970, Darjah Utama Seri Mahkota Negara pada bulan Februari 1971 (D.M.N.), Darjah Kerabat Halimi Yang Amat Mulia (D.U.H.) pada bulan Januari 1976, Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan dari Universiti Malaya pada tahun 1979, Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.U.J.) pada bulan Februari 1989 dan Darjah Kerabat Negeri Sembilan (D.K.N.S.) pada tahun 1996.

Baginda mangkat pada bulan Ogos 2003.

TUNKU AZIZAH TUNKU PETRA, YM PUAN SRI



Yang Mulia Tunku Puan Sri Azizah telah dilahirkan di Ampang Tinggi, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, pada 20 April 1916. Beliau telah berumah tangga dengan Tunku Tan Sri Mohamed Tunku Besar Burhanuddin (Allahyarham), bekas Ketua Setiausaha Negara, dan memperoleh tiga orang anak, iaitu Tunku Azah, Tunku Atikah dan Tunku Mu'tamir.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Ampang Tinggi, Kuala Pilah, daripada tahun 1924 hingga 1927 dan tamat darjah tiga. Seterusnya beliau menyambung pengajian di Sekolah Inggeris Tunku Muhammad, Kuala Pilah, sehingga tamat darjah tujuh pada tahun 1934.

Semasa muda, Tunku Puan Sri Azizah aktif dalam Pergerakan Pandu Puteri sehingga pernah dilantik Pengerusi Jawatankuasa Pusat dan Jawatankuasa Antarabangsa. Antara tahun 1946 hingga 1948, beliau menjadi sukarelawan di Pejabat Kebajikan Am, Seremban. Tunku Puan Sri Azizah juga ialah Timbalan Yang Dipertua W.I. Malaysia Barat, pertubuhan yang dianggotainya semenjak tahun 1952. Selain itu, beliau juga pernah menjawat beberapa jawatan lain seperti Ahli Jawatankuasa, Naib Pengerusi dan Pengerusi. Apabila

tertubuhnya NCWO, W.I. turut menjadi ahli gabungan dan beliau dilantik menjadi Naib Yang Dipertua dari tahun 1970 hingga 1972.

Sumbangan beliau yang lain dapat dilihat dalam penglibatan beliau sebagai ahli Persatuan Palang Merah Malaysia semenjak tahun 1962. Apabila dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa, beliau ditugaskan mengelola Klinik Ubat Kampung Pandan yang dibuka sekali seminggu untuk merawat penduduk, terutamanya kanak-kanak yang tinggal di situ. Tunku Puan Sri Azizah juga menyertai YWCA sehingga dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa dan Bendahari Kehormat. Antara tahun 1973 hingga 1976, beliau menjadi Pengerusi Jawatankuasa Persekutuan Persatuan-persatuan Perancang Keluarga Malaysia dan menduduki jawatankuasa kutipan derma. Bermula pada tahun 1979, beliau menyandang jawatan Naib Yang Dipertua Persatuan itu.

Selain itu, Tunku Puan Sri Azizah juga aktif dalam bidang politik. Beliau menjadi Yang Dipertua Kaum Ibu Persatuan Melayu Negeri Sembilan dari tahun 1946 hingga 1951. (Kaum Ibu Persatuan Melayu Negeri Sembilan kemudiannya ditukar kepada UMNO cawangan Negeri Sembilan). Antara tahun 1949 hingga 1951, beliau telah dilantik Ahli Mesyuarat Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan.

Antara persidangan luar negara yang pernah disertainya ialah Persidangan ACWW Tenggara Asia di Calcutta, pada Disember 1970 dan Persidangan Tiga Tahun ACWW di Kenya, pada tahun 1977 mewakili W.I.

Tunku Puan Sri Azizah telah dianugerahi bintang Ahli Manguku Negara (A.M.N.) pada tahun 1971 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

**TUNKU KURSHIAH IBNI ALMARHUM
TUNKU BESAR BURHANUDDIN,
YMM TUNKU PUAN BESAR
(ALMARHUMAH)**



Yang Maha Mulia Tunku Puan Besar Tunku Kurshiah telah diputerakan di Sri Menanti, Negeri Sembilan, pada 16 Mei 1911 dan merupakan kekanda kepada Tuanku Najihah, Tunku Ampuan Negeri Sembilan sekarang. Baginda telah berkahwin dengan

DYMM Tuanku Abdul Rahman (Almarhum) dan mempunyai dua orang puteri, iaitu DYMM Almarhumah Tuanku Bahiyah (Sultanah Negeri Kedah) dan YAM Tunku Shahariah.

Baginda telah menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Sri Menanti. Apabila DYMM Tuanku Muhammad Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan mangkat pada bulan Ogos 1933, YAM Tuanku Abdul Rahman telah ditabalkan menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada 25 April 1934, dan dengan demikian, Tunku Kurshiah menjadi Tunku Ampuan Negeri Sembilan.

Hampir 24 tahun Baginda telah mendampingi diri dengan rakyat jelata di Negeri Sembilan, dan mengambil berat tentang masalah dan kesusahan mereka. Baginda sentiasa memberi perhatian berat kepada kemajuan wanita-wanita. Baginda ialah Pengasas dan Penaung W.I. Negeri Sembilan. Pada tahun 1954, Baginda telah

dilantik Presiden Pergerakan Pandu Puteri Negeri Sembilan dan Penaung Diraja kepada Persatuan Wanita Negeri Sembilan.

Dari semasa ke semasa, Baginda telah melawat negara-negara Eropah, Amerika Syarikat, dan lain-lain dan berasaskan pengalaman ini, Baginda sering memberi nasihat dan pandangan untuk memajukan anak bangsa di samping memperbaiki taraf pendidikan mereka. Apabila Ibu Zain melancarkan Tabung Pelajaran Tinggi Anak-anak Melayu dalam tahun 1947 di Johor Bahru, Baginda serta-merta menyambut seruan tersebut dan telah menyumbangkan derma besar kepada tabung tersebut. Tabung ini telah menjadi teras kepada penubuhan Kolej Puteri Tengku Ampuan Mariam, Johor, yang masih maju dan berkembang hingga sekarang. Baginda juga sentiasa melibatkan diri dalam kerja-kerja amal serta mengikuti kemajuan negara, khasnya projek-projek pembangunan.

Setelah Tanah Melayu merdeka, DYMM Tuanku Abdul Rahman telah diangkat menjadi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang pertama dan Tunku Kurshiah sekali gus menjadi Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang pertama pada 27 Ogos 1957 sehingga kemangkatan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 1 April 1960.

YMM Tunku Puan Besar Kurshiah telah menubuhkan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIIM) pada bulan April 1961 yang didaftarkan pada 17 Oktober 1961 dan menjadi Yang Dipertua pertubuhan tersebut sehingga Baginda mangkat. Baginda telah dianugerahi Pingat Emas Tun Fatimah pada 27 Oktober 1974 oleh NCWO sebagai penghargaan atas segala jasa dan sumbangan Baginda untuk meninggikan lagi taraf kaum wanita dan kanak-kanak dari segi kebajikan dan pendidikan. Sebagai menghargai khidmat Baginda kepada nusa dan bangsa, kerajaan telah menamakan sebuah sekolah perempuan berasrama penuh dengan nama Kolej Tunku Kurshiah. Di samping itu, Universiti Malaya turut menghargai jasa Baginda dengan menamakan Kolej Kediaman Ketiga dengan nama Kolej Kediaman Tunku Kurshiah.

Semasa hayatnya, Baginda telah dikurniai beberapa darjah kebesaran, iaitu Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Kerabat Negeri Sembilan (D.K.N.S.), Darjah Kerabat Yang Amat Mulia (D.K.) Kedah dan Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.) yang membawa gelaran 'Tun'. Baginda telah mangkat pada 2 Februari 1999 di Hospital Kuala Lumpur dan telah disemadikan di Makam Diraja Seri Menanti, Negeri Sembilan.

TUNKU MUKMINAH TUNKU MOHAMAD JIWA, YM DATO'



Yang Mulia Dato' Tunku Mukminah telah dilahirkan pada 26 Januari 1933 di Alor Setar, Kedah. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tuan Syed Hussein (Allahyarham) dan mereka telah memperoleh tiga orang anak, iaitu Syed Omar Nadzri, Syed

Abdul Razak dan Sharifah Sofianny dan kini mempunyai sembilan orang cucu.

Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Melayu Seberang, Perak, dan kemudian di Sekolah St. Nicholas Convent, Alor Setar, Kedah. Nasibnya tidak begitu baik kerana Perang Dunia Kedua meletus ketika itu menyebabkan pendidikannya terbantut. Apabila tamat Perang Dunia Kedua, ayahanda beliau telah merancang supaya beliau menyambung persekolahannya tetapi oleh sebab beliau telah melangkau had umur, pendidikannya berhenti setakat itu dan beliau telah mendirikan rumah tangga pada 1 Mac 1956.

Walaupun sudah berkahwin, Dato' Tunku Mukminah sering mengikuti ibu saudaranya YTM Tunku Baharom, (Bonda Om) yang terlibat dengan Women Service League, melawat hospital dan rumah kebajikan serta membantu orang sakit dan orang-orang miskin. Ini

telah mendorongnya melibatkan diri dalam kerja-kerja sosial dan kebajikan.

Selepas merdeka, YTM Almarhum Tunku Abdul Rahman telah mencadangkan Dato' Tunku Mukminah untuk bekerja dengan W.I. Pada tahun 1958, W.I. telah memilihnya untuk mengikuti latihan di United Kingdom, bagi tempoh sembilan bulan. Dalam tempoh itu, beliau telah melawat beberapa daerah dan mengajar masakan Melayu. Pada 27 Jun 1958, beliau telah muncul di Royal Albert Hall untuk memberi ceramah tentang pergerakan W.I. di Malaya dan telah ditemu ramah oleh BBC. Apabila tamat latihan, beliau kembali ke Malaya dan telah diberikan tanggungjawab sebagai pengelola pergerakan W.I. bagi negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, sehingga tahun 1963.

Dalam tahun yang sama, Dato' Tunku Mukminah telah mengikuti suaminya berpindah ke Kuala Lumpur dan telah diberi amanah untuk mengelola pergerakan W.I. di Negeri Sembilan dan Melaka. Beliau telah mengajar kaum wanita memasak, menjahit dan bekerjasama dengan Jabatan Perancang Keluarga untuk memberi ceramah kepada kaum wanita di kawasan pedalaman. Beliau juga membantu Jabatan Penerangan dalam melatih wanita luar bandar mengenai pendidikan sivik.

Setelah mengundurkan diri daripada W.I., beliau mula mem-babitkan diri dalam Pergerakan Pandu Puteri dan menjadi ahli tidak beruniform. Selain memegang jawatan Ahli Majlis Eksekutif Pertu-buhan tersebut, beliau juga berada dalam pelbagai jawatankuasa. Antara kegiatan utama ialah menganjurkan aktiviti mengutip derma dan acara *high-tea* yang telah banyak membantu menambah tabung Pergerakan Pandu Puteri. Beliau juga telah menghadiri pelbagai mesyuarat Pandu Puteri sama ada di dalam mahupun di luar negara dan telah mewakili Pandu Puteri Malaysia sebanyak tiga kali, iaitu pada tahun 1982, ke Persidangan Asia Pasifik di Poona, India pada bulan Oktober 2000, ke Persidangan Kesebelas Rantau Asia Pasifik di Napier, New Zealand dan pada bulan Jun 2002 ke Persidangan

Sedunia FOFSAG Malaysia ke-23 di Mondiale, Vancouver, Kanada. Beliau juga ialah Pengerusi Trefoil Guild Pandu Puteri Malaysia.

Beliau telah menjadi ahli PERKIM sejak tahun 1993 dan telah memegang beberapa jawatan. Antaranya, sebagai Ahli Majlis, Ahli Jawatankuasa Kewangan dan Pengerusi Bahagian Wanita PERKIM Petaling Jaya sejak bulan April 2002.

Selain itu, beliau turut melibatkan diri dalam Persatuan Sahabat Perubatan Pusat Perubatan Universiti Malaya (SAHABAT) sejak tahun 1999 dan telah dilantik mengetuai kumpulan lawatan setiap hari Selasa. Baru-baru ini beliau telah dilantik menjadi Ketua Biro Kebajikan dan Masyarakat, Persatuan Kerabat Diraja Kedah 2003-2005.

Dato' Tunku Mukminah telah dikurniai Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada tahun 1966. Beliau telah dianugerahi Darjah Dato' Setia Diraja Kedah (D.S.D.K.) oleh DYMM Sultan Kedah yang membawa gelaran 'Dato' ' pada tahun 2003.

UMASUNDARI SAMBANTHAN, TOH PUAN



Yang Amat Berbahagia Toh Puan Umasundari, atau nama sebenarnya, Umasundari A/P OM Subramaniam, telah dilahirkan pada 14 September 1929 di Bruas, Perak. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tun V.T. Sambanthan (mendiang), bekas Menteri Kesihatan dan kemudian Kerja Raya, Telekom dan Pos serta Menteri Perpaduan Malaysia. Mereka mempunyai seorang anak perempuan, Devakunjari, yang kini bekerja sebagai peguam.

Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Convent Kajang dan kemudian berpindah ke sekolah di Tangkak, sehingga darjah empat pada tahun 1937. Berikutnya, beliau bersekolah di Anglo Chinese School Sungai Siput sehingga tahun 1941. Namun begitu, persekolahannya terhenti semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, antara tahun 1942 hingga 1945. Selepas itu, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang kimia di University of Madras dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kimia pada tahun 1951. Antara tahun 1952 hingga 1954, beliau mendapat biasiswa daripada kerajaan India untuk menyambung pelajaran di peringkat Sarjana di Presidency College, Madras. Beliau bertugas sebagai guru sains di Sekolah Alexander See, Singapura, pada tahun 1956.

Toh Puan Uma Sambanthan telah melibatkan diri dalam kegiatan kebajikan dan sukarela sejak tahun 1956. Beliau ialah ahli seumur hidup W.I. Di samping itu, beliau ialah Pengasas kelas seni kanak-kanak antarabangsa dan Pengasas NCWO pada tahun 1963. Dari tahun 1967 hingga 1969, beliau menjadi Presiden W.I. Kebangsaan. Sejak tahun 1980 hingga 1996, beliau ialah Pengarah dan Pengerusi Lembaga Pengarah National Land & Finance Cooperative Society. Kini beliau ialah Setiausaha Agung Kehormat Persatuan Sri Ramakrishna Sarada.

Selain itu, Toh Puan Uma Sambanthan pernah terlibat dengan Persidangan Serantau Asia ACWW pada tahun 1961. Beliau juga pernah menghadiri Persidangan ACWW di Manila, pada tahun 1966 dan persidangan ACWW Triennial World Conference di East Lansing, Michigan, Amerika Syarikat, pada tahun 1968. Antara tahun 1984 hingga 1993, beliau menghadiri perhimpunan-perhimpunan agung ICA yang menghubungkan 72 buah pergerakan koperasi di seluruh dunia.

WAN ASIAH WAN AHMAD, TO' PUAN



Yang Berbahagia To' Puan Wan Asiah telah dilahirkan pada 22 April 1938 di Terengganu. Beliau telah berkahwin dengan Dato' Wan Abdul Kadir Ismail (Allahyarham), bekas Timbalan Menteri Penerangan, pada 31 Mac 1961. Mereka mempunyai enam orang cahaya

mata, iaitu Wan Mohd Najib (meninggal dunia), Wan Najibah, Wan Najmah, Wan Ahmad Najmi, Wan Mohd Nasir dan Wan Mohd Nasim.

Beliau telah menuntut di Sekolah Rendah Tengku Ampuan Mariam, Kuala Terengganu, sebelum melanjutkan pelajaran ke Sekolah Arab Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, pada tahun 1951. Pada tahun 1957, beliau telah tamat Sanawi Rabi' di Sekolah Arab Sultan Zainal Abidin dan dua tahun kemudian, beliau mengikuti kursus Bahasa Arab di Sekolah Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. Antara tahun 1960 hingga 1961, beliau telah bertugas sebagai guru di sekolah yang sama. Pada tahun 1995, beliau mendapat Diploma Kaunseling daripada UKM.

Penglibatan politik To' Puan Wan Asiah bermula seawal tahun 1962 apabila beliau dilantik Setiausaha Wanita UMNO Bahagian Kuala Terengganu. Dari tahun 1963 hingga 1972, beliau menjadi Ketua Wanita UMNO Negeri Terengganu dan Ahli Jawatankuasa

Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu, manakala dari tahun 1974 hingga 1996, beliau ialah Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO Negeri Terengganu dan dilantik sekali lagi Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu. Sejak tahun 1976 hingga sekarang, beliau dipilih sebagai Ketua Pergerakan Wanita UMNO Kuala Terengganu dan Naib Ketua UMNO Bahagian Kuala Terengganu. Beliau telah menjadi Exco Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dari tahun 1978 hingga 2000, dan dari tahun 1980 hingga 2000, beliau ialah Pengerusi Biro Kebajikan dan Pembangunan Sosial Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Mulai tahun 2000, beliau dipilih sekali lagi sebagai Exco Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Ahli Jawatankuasa Biro Undang-undang Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Negeri Terengganu dan Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu.

To' Puan Wan Asiah telah dilantik ke beberapa jawatan penting. Beliau menjadi Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji (1979-1996), Ahli Jawatankuasa Kebajikan Jemaah Haji (1979 hingga sekarang), Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Pengangkutan dan Perusahaan Tabung Haji (1983 hingga sekarang), Ahli Lembaga Pengarah Ladang-ladang Tabung Haji (1990-1996) dan Ahli Lembaga Pengarah Ladang-ladang Tabung Haji (Sabah & Sarawak) (1996-2000) . Selain itu, beliau dilantik Ahli Lembaga Pemegang Amanah YADIM dari tahun 1982 hingga 1998 dan Ahli Jawatankuasa Majlis Perunding Wanita Islam YADIM mulai tahun 2001 hingga sekarang.

Beliau juga terbabit dalam penganjuran beberapa program besar. Antaranya, Ahli Jawatankuasa Pertandingan Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa (1979 hingga sekarang), Ahli Jawatankuasa Sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan (1990 hingga sekarang), Ahli Jawatankuasa Sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan dan Ahli Jawatankuasa Festival Nasyid Kebangsaan (1993 hingga sekarang). Di samping itu, beliau ialah Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (1985 hingga sekarang), Ahli Lembaga Pengarah Pusat Rawatan Islam Wilayah Persekutuan

(PUSRAWI) (1986-2001), Ahli Jawatankuasa Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (1987 hingga sekarang) dan Ahli Jawatankuasa Institut Kemahiran Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (1995 hingga sekarang). To' Puan Wan Asiah merupakan Pengasas dan Pengerusi Penaja Pusat Perlindungan Wanita Islam Wilayah Persekutuan pada tahun 1986 dan dilantik Pengerusi Pusat Perlindungan tersebut dari tahun 1987 hingga 2000.

Sejak tahun 1990 hingga kini, beliau dipilih Ahli Jawatankuasa Kor Wanita Kota (KWK) dan Pengerusi Biro Agama KWK. Dari tahun 1990 hingga 2001, beliau dilantik Timbalan Pengerusi HAWA Negeri Terengganu dan Pengerusi HAWA Parlimen Kuala Terengganu. Pada tahun 1991, beliau menjadi Ahli Majlis Kebajikan Wilayah Persekutuan dan sejak tahun 1997, beliau ialah Ahli Jawatankuasa Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Wilayah Persekutuan.

Dalam pergerakan wanita di peringkat kebangsaan, To' Puan Wan Asiah dilantik ahli NACIWID dari tahun 1997 hingga 2004, dan Timbalan Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita Negeri Terengganu di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga . Mulai tahun 1997, beliau telah dilantik Ahli Dewan Negara oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan telah disambung pada tahun 2000 hingga 2003.

WAN AZIZAH WAN ISMAIL, DATIN SERI DR.



Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah telah dilahirkan pada 3 Disember 1952 di Hospital Kandang Kerbau, Singapura. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Mereka telah dikurniai enam orang anak, iaitu Nurul Izzah, Nurul Nuha, Mohammad Ihsan, Nurul Ilham, Nurul Iman dan Nurul Hana.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Convent St. Nicholas, Alor Star, Kedah, dari tahun 1957 hingga 1969. Kemudian beliau telah menduduki tingkatan enam di Kolej Tunku Kurshiah, Seremban, antara tahun 1970 hingga 1971. Selepas itu, beliau telah melanjutkan pelajaran ke Royal College of Surgeon and Physician di Ireland dari tahun 1972 hingga 1978 sehingga berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perubatan (MBBS). Ketika di sana, pada tahun 1974, beliau telah dianugerahi McNaughten Jones Gold Medal of Obstetrics and Gynaecology dan David Bault Memorial Medal oleh Royal College of Surgeon and Physician, Ireland.

Sekembalinya ke tanah air, Datin Seri Dr. Wan Azizah telah menjadi doktor pelatih di Hospital Besar Kuala Lumpur sebelum menyambung pengajian dalam bidang Ophthalmologi di Ireland pada tahun 1984. Beliau seterusnya berkhidmat sebagai pensyarah

dalam bidang tersebut di Universiti Malaya sehingga tahun 1994. Semasa menjadi isteri Timbalan Perdana Menteri Malaysia, beliau telah menjadi penaung beberapa pertubuhan seperti Majlis Kanser Malaysia (MAKNA), Bank Kornea di Hospital Tun Hussein Onn, Pergerakan Puteri Islam Malaysia dan Yayasan Kemanusiaan Malaysia, dan sehingga kini masih memegang jawatan dalam Persatuan Perubatan Islam Malaysia.

Mulai September 1998, beliau menjadi Ahli Majlis Gerakan Rakyat (GERAK), sebuah organisasi yang dianggotai oleh parti-parti politik dan badan-badan bukan kerajaan yang membantah tindakan tidak berperikemanusiaan ke atas Dato' Seri Anwar selepas dipecat dari jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Datin Seri Dr. Wan Azizah pernah dilantik Pengerusi ADIL, Pergerakan Keadilan Sosial, sejak bulan April 1999, beliau ialah Presiden Parti Keadilan Malaysia dan merupakan wanita pertama di Malaysia yang dilantik ke jawatan ini. Dari bulan November 1999, beliau ialah ahli Parlimen Permatang Pauh, Pulau Pinang. Kini beliau ialah Presiden Parti Keadilan Rakyat Malaysia, selepas penggabungan Parti Keadilan Nasional dengan Parti Rakyat Malaysia.

WAN MARIAM HAJI WAN AHMAD



Puan Wan Mariam telah dilahirkan pada tahun 1922 di Kampung Raja, Besut, Terengganu, dan merupakan anak bongsu daripada enam orang adik-beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Nik Yahya Hassan (Allahyarham), seorang kerani dan mereka telah dikurniai enam orang anak, iaitu lima orang lelaki dan seorang perempuan. Suaminya telah meninggal dunia ketika Puan Wan Mariam berumur 28 tahun dan anaknya yang sulung ketika itu baru berusia 15 tahun dan yang paling bongsu berusia lapan bulan. Beliau telah dianugerahi Anugerah Ibu Mithali yang ketiga pada 15 November 1985.

Beliau tidak pernah mendapat pendidikan formal. Pendidikan beliau diperoleh secara tidak formal melalui adik-beradiknya dan juga suaminya. Didikan agama yang dilaluinya adalah daripada bapanya dan pengalaman mengikuti kelas-kelas pengajian di masjid dan surau. Sungguhpun begitu, Puan Wan Mariam sudah boleh membaca dan menulis pada usia sepuluh tahun.

Ketiadaan tempat bergantung selepas kematian suaminya merupakan cabaran getir buat beliau. Untuk menyara kehidupan mereka sekeluarga, Puan Wan Mariam membuat kuih-muih untuk dihantar ke kedai dan juga menjahit baju. Dengan semangat dan

kegigihan beliau, kesemua anak-anaknya telah berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

Walaupun sibuk menguruskan keluarga, Puan Wan Mariam tidak ketinggalan berjuang menentang penjajahan. Sejak tahun 1949, beliau telah menyertai Perkumpulan Perempuan Melayu (kini Perkumpulan Perempuan) dan pernah menjadi Pengerusi peringkat daerah Besut. Dalam tahun 1957, beliau dilantik menjadi Penasihat Mahkamah Juvana. Beliau juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pelawat Pusat Insaf Diri Besut dan Pelawat Rumah Sakit daerah Besut. Selain itu, beliau juga telah dilantik Ahli Majlis Bandaran Daerah Besut dan Ahli Jawatankuasa PEMADAM Daerah Besut. Beliau pernah dipilih Ketua Wanita UMNO Daerah Besut dari tahun 1964 hingga 1984. Selain itu, beliau juga pernah diangkat sebagai Setiausaha Pergerakan Wanita UMNO cawangan Kampung Raja dan Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian daerah Besut.

Puan Wan Mariam telah dianugerahi Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh kerajaan Terengganu pada tahun 1970. Beliau juga telah mendapat Anugerah Warga Tua pada tahun 1995 bagi peringkat negeri Terengganu

WAN MAS WAN IBRAHIM



Puan Wan Mas dilahirkan pada 21 Julai 1918 di Kubang Pasu, Kota Bharu, Kelantan. Beliau telah berkahwin dengan Haji Nik Omar Nik Idris (Allahyarham) dan mereka mempunyai lapan orang anak. Beliau ialah penerima anugerah Ibu Mithali yang kedua. Anugerah ini diberikan oleh YADIM atas kejayaan beliau menjadi isteri dan ibu yang berjaya mendidik lapan orang anak, kesemuanya mencatat kejayaan dalam kerjaya dan rumah tangga masing-masing.

Puan Wan Mas menempa sejarah kerana, bersama-sama sepupunya, merupakan dua orang kanak-kanak perempuan yang, pada tahun 1928, masuk belajar di sekolah. Di Kelantan, pada masa itu, hanya murid lelaki yang belajar di sekolah. Selepas beliau dan sepupunya masuk belajar di Sekolah Melayu Abdul Hadi, barulah kanak-kanak perempuan lain dihantar ke sekolah dan mendapat pendidikan formal. Walaupun diejek, beliau berjaya menamatkan persekolahannya sehingga darjah enam dan menerima pendidikan agama daripada madrasah di kampungnya.

Puan Wan Mas telah memberi sumbangan kepada masyarakat melalui bidang pendidikan. Selepas tamat sekolah dan berkahwin, beliau telah ditawarkan menjadi guru. Setelah menjadi guru biasa

selama kira-kira 15 tahun, beliau telah dilantik Guru Besar sehingga bersara pada tahun 1973, iaitu selepas 17 tahun menjadi Guru Besar.

Sebagai seorang pendidik, beliau menumpukan segala usaha dalam memberikan pendidikan kepada murid-muridnya. Di samping memberi perhatian kepada aspek pelajaran, beliau juga menentukan bahawa pendidikan murid-muridnya bersifat lengkap dan sempurna, iaitu melalui kegiatan sukan dan aktiviti kokurikulum. Sewaktu beliau menjadi Guru Besar di Sekolah Perempuan Ketereh, murid-muridnya menjadi johan negeri dalam sukan bola keranjang. Mereka juga telah mengambil bahagian dalam senaman dan India Club, satu kegiatan yang digemari oleh murid-murid sekolah pada masa itu.

Selain itu, Puan Wan Mas turut menekankan kegiatan kerja tangan di kalangan murid-murid perempuannya, seperti masak-memasak dan jahit-menjahit. Beliau begitu berminat dalam bidang ini sehingga usahanya telah dilanjutkan kepada bekas murid-muridnya, iaitu selepas mereka meninggalkan bangku sekolah. Demikian juga, beliau tidak jemu-jemu memberikan khidmat kepada masyarakat kampung melalui ceramah dan menyusun kegiatan bagi manfaat mereka.

Di samping menyumbang dalam konteks tugasnya sebagai guru, Puan Wan Mas juga terlibat dalam kerja-kerja sukarela. Di mana-mana beliau bertugas, beliau turut bergiat dalam badan-badan sukarela tempatan seperti W.I. dan Pandu Puteri. Sewaktu UMNO mula diperkenalkan di seluruh negara, beliau ikut serta dalam sesi-sesi ceramah yang bertujuan untuk menyampaikan penjelasan kepada orang ramai dan menarik minat mereka supaya berjinak-jinak dengan dunia politik. Malahan, semasa kerajaan melancarkan kempen membasmi buta huruf, beliau bersama-sama guru lain menawarkan diri untuk mengendalikan kelas-kelas dewasa. Selain itu, beliau pernah dilantik Ahli Majlis Tempatan Pangkal Kalong, Ketereh, dan pernah menjadi Penasihat Mahkamah Juvana.

Satu kejayaan besar Puan Wan Mas bersama-sama suaminya adalah dalam bidang pendidikan lapan orang anak mereka. Kesemuanya berjaya dalam hidup masing-masing di samping menjadi insan yang mulia dan bertaqwa. Walaupun pada masa muda pasangan suami isteri ini sibuk dengan tugas mereka yang memerlukan mereka berpindah-randah mengikut sekolah yang ditetapkan untuk mereka bertugas, namun mereka berdua telah mendidik kelapan-lapan orang anak mereka sehingga berjaya melangkah kaki ke institusi pengajian tinggi dan memegang jawatan penting.

Satu lagi sumbangannya kepada masyarakat kampung tempat tinggalnya, iaitu Kampung Banggol, ialah menderma sebahagian daripada tanah kepunyaannya sebagai tapak masjid. Beliau dan suaminya turut berusaha mencari derma bagi pembinaan masjid tersebut dan sebuah rumah tumpangan di belakang masjid tersebut bagi kegunaan musafir.

WAZIR JAHAN BEGUM ABDUL KARIM, DR.



Dr. Wazir Jahan dilahirkan pada 1 Februari 1948. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Mohd Razha Rashid. Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang sains sosial daripada Universiti Singapura (kini National University of Singapore) pada tahun 1970. Pada tahun 1973, beliau memperoleh Ijazah Sarjana Falsafah (Antropologi Sosial) daripada London School of Economics and Political Science dan Ijazah Kedoktoran Antropologi Sosial daripada universiti yang sama pada tahun 1977.

Beliau memulakan kerjaya sebagai tutor di Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya, pada tahun 1970. Dari tahun 1973 hingga 1975, beliau menjadi pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi di universiti yang sama. Sekembalinya dari luar negara, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di Pusat Sains Kemasyarakatan, USM. Sejak tahun 1984, beliau dinaikkan pangkat ke Profesor Madya dan pada tahun 1993, beliau dilantik Profesor dalam bidang antropologi di universiti yang sama. Mulai tahun 2000, beliau menjadi Pengarah KANITA (Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita), USM sehingga bersara pada 2004.

Semasa berkhidmat di USM, Dr. Wazir Jahan telah memegang beberapa jawatan penting. Beliau pernah menjadi Pengerusi Pusat Sains Kemasyarakatan (1978-1979 & 1989-1990), Ahli Senat sejak tahun 1985 hingga 2004, Presiden Persatuan Wanita Universiti (1988-1990), Pengerusi Jawatankuasa Unit Pengajian Wanita dan Sumber Manusia (1991-1995), Ketua Editor *Jurnal Pendidikan Tinggi* (1992-1996) dan Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan dan Penyelidikan (1998). Di samping itu, beliau telah menjadi Editor Buletin SAMA bagi Southeast Asian Association of Gender Studies (SAMA) (1991), Ahli Jawatankuasa IRPA (Sains Sosial dan Ekonomi) Kebangsaan (1998) dan Ahli Lembaga Penasihat UPM (1998).

Dalam kegiatan sukarela dan kemasyarakatan, beliau telah dilantik Ketua Pengarah Akademi Sains Sosial Malaysia (AKASS), Ahli Lembaga Pemegang Amanah AKASS, Pengarah Intersocietal and Scientific (INAS) dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita HAWA, Pulau Pinang, pada tahun 1998. Dalam tahun 2003, beliau menjadi Presiden PPSEAWA cawangan Pulau Pinang. Selain itu, beliau pernah menjadi Ahli Panel Pakar kepada Sekretariat Wanita di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (1991-1993), Presiden Pengasas Southeast Asian Association of Gender Studies (SAMA) (1991-1993), Ahli Panel Pakar Suruhanjaya Sains Sosial UNESCO di Unit Penyelidikan Sosioekonomi di bawah Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1991 dan sejak tahun 1996 hingga 2004, Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan dan Sumber bagi kerajaan negeri Pulau Pinang. Sejak tahun 1993 hingga sekarang, beliau menjadi Konvenor Heritage Network for Indigenous People (MAWAR).

Prof. Dr. Wazir Jahan telah mendapat beberapa *fellowship* dan *professorship*. Antaranya, Ford Foundation Se-Asian Fellowship (1974-1975), Commonwealth Fellowship (1975-1977), Fullbright Fellowship (1984) dan British Academy Fellowship di London School of Economics and Political Sciences (1990). Beliau juga telah dilantik Profesor Pelawat ke beberapa buah universiti, termasuklah Institute

of Anthropology, University of Oslo (1991), London School of Economics and Political Sciences (1994), Institute for the Study of Languages and Cultures of Asia and Africa, Tokyo University of Foreign Studies (1995), University of Amsterdam (1996), University of Kent (2001) dan University of Hawaii (2003).

Beliau telah menghasilkan banyak penulisan dalam bidang sains sosial dan antropologi. Antara buku yang telah ditulis oleh Prof. Dr. Wazir Jahan ialah *Ma' Betisek Concepts of Living Things* terbitan Athlone Press pada tahun 1981, *Women and Culture: Between Malay Adat and Islam* terbitan Westview Press pada tahun 1992, *Male and Female in Developing Southeast Asia* (editor dan penulis bersama) terbitan Berg pada tahun 1995, *Sexuality and Domination* (koleksi esei-esei) pada tahun 2002 dan *Cultural Minorities of Peninsular Malaysia* yang diterbitkan oleh Akademi Sains Sosial pada tahun 2002. Antara makalah-makalahnya yang telah diterbitkan ialah *Malay Midwives and Witches* dalam *Social Sciences and Medicine* (1984), *Women in Industry: Electronic Women* dalam jurnal *Inside Asia* (1985), *The Status of Malay Women in Malaysia: From Culture to Islam and Industrialization* dalam *International Journal of Sociology of the Family* (1987), *Gender Studies in Southeast Asia* dalam *Southeast Asian Journal of Social Science* (1993) dan *Conspicuous Consumption and Classes of God* dalam *Journal of Asian and African Studies* (1996).

Beliau juga sering dijemput membentangkan kertas kerja di dalam mahupun di luar negara. Antaranya, *Human Resource Development and Traditional Wisdom* di Ways and Means to Incorporate Women's Concerns in Human Resources Developmental Strategies Seminar di Bangalore, India, pada tahun 1991, membentangkan laporan mengenai pendidikan sosial wanita dan hak asasi manusia di Suruhanjaya UNESCO, Korea, dan Keimyung University, Taegu, Korea pada tahun 1995, *Gender Studies in Malaysia* di Women Studies in Malayo-Polynesia di University of Victoria, Wellington, New Zealand, pada tahun 1998, *Social Development and Civil Society – A Gender Culture and Development and NGO's Alternative Approach*

and Culture and Gender di Conference United Nations University/ International Courses di UNU Centre, Tokyo, Jepun, pada tahun 2002 dan *Media and Embedded Journalism at War* di University of Hawaii, pada tahun 2003. Antara kertas kerja yang dibentangkan di dalam negara ialah *Post-Modernism: Why another View* di Islam in ASEAN's Institutions of Higher Learning: Islam and the Social Sciences Seminar di UKM, pada tahun 1990, *The WID Programme in Education and the Academe: The USM Experience* di Women in Development: Intiatives in Southeast Asia Conference di Pulau Pinang, pada tahun 1993, *Environment, Gender and Culture* di Kongres Wanita dan Sains dan Teknologi anjuran Institut Kajian Dasar pada tahun 1994, *Life-Long Education and Women* di Seminar Kepimpinan Wanita Ke Arah Alaf Baharu anjuran Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan cawangan Pulau Pinang pada tahun 1998 dan *Life-long Learning for Gender Equality* di ASEM Initiative on Lifelong Learning Conference di Institut Asia-Eropah, Universiti Malaya.

YEOH, JUNE



Nama sebenarnya ialah June Teh Siew Hoon. Beliau berasal dari Sitiawan, Perak, dan telah dilahirkan pada 1 Jun 1944. Suaminya bernama Prof. Ernest Yeoh Poh Yan. Pendidikan awal Puan June Yeoh bermula di Sekolah Perempuan Methodist Ipoh dari tahun 1950 hingga 1959, dan dari tahun 1960 hingga 1961 beliau bersekolah di Sekolah Menengah Perempuan Methodist Kuala Lumpur. Dari tahun 1962 hingga 1963, beliau menuntut di Sekolah Lelaki Methodist Kuala Lumpur sehingga lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dan berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera.

Beliau mula bekerja sebagai wakil Pergamon Press, Kuala Lumpur, dari tahun 1967 hingga 1969 dan kemudian bertugas sebagai Pegawai Perhubungan Awam General Electric Company, Kuala Lumpur, dari tahun 1968 hingga 1972. Beliau menjadi Pegawai Pembangunan Pemasaran dan selepas itu, Pengurus Bahagian Peralatan Dapur Komersial di George Kent Bhd. dari tahun 1972 hingga 1974, perunding di Yazmin Management Sdn. Bhd., Pemangku Pengarah Kebangsaan Antara Budaya Malaysia pada tahun 1982 dan Pengurus Serantau Aspatra Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, dari tahun 1983 hingga 1986.

Beliau bergiat aktif dalam YWCA sama ada di peringkat negeri mahu pun di peringkat kebangsaan. Dari tahun 1984 hingga 1985, beliau telah menjadi Ahli Jawatankuasa YWCA Pulau Pinang dan dari tahun 1985 hingga 1987, beliau ialah Bendahari YWCA Pulau Pinang. Beliau telah dilantik Presiden YWCA Pulau Pinang dari tahun 1987 hingga 1991 dan selepas itu sebagai Naib Presiden hingga tahun 1992. Di peringkat kebangsaan pula, beliau dilantik Naib Presiden YWCA Malaysia dari tahun 1990 hingga 1996. Dalam masa yang sama, beliau menjadi Presiden YWCA Kuala Lumpur dari tahun 1993 hingga 1997. Sejak tahun 1998, beliau ialah Presiden YWCA Malaysia hingga sekarang. Di samping itu, beliau juga ialah Exco NCWO dan menjadi Naib Pengerusi Suruhanjaya Kemiskinan.

Beliau juga pernah dijemput membentangkan kertas kerja di pelbagai persidangan di peringkat antarabangsa. Antaranya kertas kerja mengenai kemiskinan, mewakili NCWO di Persidangan Pasca-Beijing pada tahun 1986; kertas kerja mengenai alam sekitar di YWCA World Council pada tahun 1987 di Phoenix, Arizona, Amerika Syarikat; *Structural Adjustment Programmes* di YWCA World Council pada tahun 1995 di Korea; kertas kerja mengenai HIV/AIDS dan *Trafficking in Women* di YWCA World Council pada tahun 1999 di Kaherah, Mesir.

Puan June Yeoh telah dikurniai Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) oleh Kerajaan Pulau Pinang.

ZABEDAH HAJI SHAHI



Puan Zabedah telah dilahirkan pada 29 April 1918 di Ipoh, Perak dan dibesarkan di Kajang, Selangor. Beliau ialah anak keempat daripada lima orang adik-beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Tuan Haji Hashim Mohd Yusof (Allahyar-

ham), seorang kerani Lembaga Elektrik Negara. Mereka telah dikurniai 13 orang cahaya mata, enam orang perempuan dan tujuh orang lelaki. Mereka ialah Abdul Aziz, *stockbroker* di Syarikat K & N Kenanga, Azizah, suri rumah, Tan Sri Azman, Pengerusi Kumpulan Arab Malaysian Bank, Dato' Azlan, Pengarah di Kumpulan Arab Malaysian Bank, Azian, Setiausaha Syarikat AMDB Berhad, Azmah, suri rumah dan peniaga, Azizam, kerani akaun, Azmi, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AMDB Berhad, Azhar, Pengarah Syarikat, Azli (meninggal dunia), Azam (meninggal dunia), Dr. Azibah dan Dr. Azidah. Anaknya, Tan Sri Azman, merupakan antara anak Melayu yang berjaya dalam bidang perbankan di Malaysia. Puan Zabedah telah mendapat anugerah Ibu Mithali keempat pada 20 Oktober 1988.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu di Kajang ketika berusia sembilan tahun dan dalam masa yang sama, beliau membantu keluarga menjual kuih di merata kampung sebelum pergi ke sekolah. Selepas itu, pada usia 15 tahun, beliau telah mendapat

tawaran sebagai guru pelatih di Kajang dan mengajar selama dua tahun dengan gaji sebanyak RM 15.00 sebulan. Pada tahun 1935, beliau menjadi pelajar terbaik negeri Selangor dan terpilih masuk ke Teachers' Training College, Durian Daun, Melaka, (kini Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka). Beliau menjadi antara penuntut pertama yang seramai 24 orang dari seluruh Tanah Melayu.

Setelah tamat belajar pada tahun 1937, Puan Zabedah berkhidmat sebagai guru di Sekolah Melayu Beranang, Selangor. Setahun kemudian, beliau ditukarkan ke Sekolah Perempuan Melayu Setapak hingga tahun 1951. Empat belas tahun selepas itu, beliau dihantar ke Sekolah Perempuan Kampung Baru, Kuala Lumpur, (sekolah perempuan terbesar pada masa itu) sebagai Guru Besar hinggalah beliau bersara pada tahun 1975.

Beliau telah dipilih menjadi Ibu Mithali keempat atas ketabahnya mengendalikannya sebuah rumah tangga yang besar dan dalam masa yang sama terpaksa mengasuh anak murid di sekolah. Berkat kesabarannya, kesemua anaknya telah berjaya dalam hidup masing-masing.

Walaupun sibuk dengan tugas seharian dan urusan rumah tangga, Puan Zabedah tidak ketinggalan membabitkan diri dalam kegiatan sukarela. Beliau pernah memegang jawatan Ahli Lembaga Sekolah Kebangsaan Kampung Baru, Ahli Jawatankuasa Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Selangor, Setiausaha Madrasah Aliah Kampung Baru (Kaum Ibu) dan Bendahari Madrasah Aliah (Kaum Ibu).

ZAHARAH NAWAWI



Puan Zaharah telah dilahirkan di Kampung Parit Jawa, Batu Pahat, Johor, pada 5 Mei 1940. Beliau seorang penulis novel, cerpen dan puisi yang prolific di Malaysia. Pada zaman awalnya beliau menulis menggunakan beberapa nama pena beliau seperti 'Iman

Murni', 'I.M.', 'Zahni Batu Pahat', 'Zahni Malaya', dan 'Sutera Dewangga'.

Beliau mendapat pendidikan formal sehingga darjah enam pada tahun 1952. Kemudian beliau belajar sendiri sehingga memperoleh Sijil Rendah Pelajaran (SRP) pada tahun 1961 dan SPM. Beliau mula berkecimpung dalam dunia penulisan sejak tahun 1950-an apabila karya-karyanya tersiar dalam *Utusan Kanak-Kanak* dan majalah *Tunas*. Pada tahun 1966, beliau telah ke Jepun untuk mempelajari seni fotografi.

Puan Zaharah pernah berkhidmat sebagai wartawan di akhbar *Utusan Malaysia* dari tahun 1968 hingga 1970. Beliau dilantik menjadi Ketua Redaksi majalah *MASTIKA* terbitan Syarikat Utusan dari tahun 1975 hingga 1976. Pada tahun 1976, beliau menyertai *New Straits Times Press* sebagai Pengarang Penerbitan Am (Bahasa Malaysia) yang bertanggungjawab sebagai Editor majalah *Jelita*, *Penghibur*, *Jaguh*, *Sajian Jelita* dan buku-buku dalam bahasa Melayu. Beliau menjadi Editor majalah *TIMANG* terbitan LPPKN dari tahun 1987

hingga 1995. Kini beliau ialah Presiden Kelab Penulis Zaharah Nawawi (KEPEZI) sejak tahun 1997. Kelab ini telah berusaha melahirkan penulis muda daripada pelbagai latar belakang yang telah berjaya menceburkan diri dalam bidang sastera melalui beberapa kemenangan dalam anugerah-anugerah utama yang diadakan di negara ini.

Novel sulungnya ialah *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga* yang diterbitkan pada tahun 1972. Novel-novel peringkat dewasa yang telah dihasilkannya ialah *Jalur Sinar di Celah Daun* (1981), *Persisir Hitam* (1985), *Menuju ke Puncak* (1987), *Selamat Datang Adzie Farahah* (1988), *Panglima Saleh Selempang Merah* (1988), *Anugerah* (1995), *Haruman Kencana dan Hujan Sudah Teduh* (dalam proses penerbitan). Novelnya *Jalur Sinar di Celah Daun* dan *Anugerah* sedang menjalani proses penterjemahan oleh dua orang sarjana daripada Australian National University. Novel *Anugerah* juga telah diadaptasikan menjadi karya pentas oleh Rosminah Tahir dan telah dipentaskan sebanyak tiga kali. Antologi Cerpen yang dikendalikannya ialah *Dari Siulan Burung* (1977), dan *Bunga Gunung* (1982), sementara kumpulan cerpen perseorangan beliau ialah: *Percikan Bara* (1982), *Nasib* (1986), *Di Hujung Penantian* (1988), *Suara Ombak* (1994) dan *Wangian Bukit Peranginan* (2001).

Selain itu, Puan Zaharah turut menghasilkan novel kanak-kanak, iaitu *Ebe dan Eme* (1988), *Wira dan Tuah [3 siri]* (1994) dan kumpulan cerpen *Komputer Baru Untuk Mama* (1988) yang diulang cetak pada tahun 2002. Beliau juga telah menghasilkan sebuah buku biografi bertajuk *Azah Aziz Kartika di Langit Seni* (2001).

Buat masa sekarang, Puan Zaharah giat menghasilkan karya-karya baharu. Antaranya yang berada dalam proses penerbitan ialah *Merentas Laluan* sebuah projek *Karyawan Tamu*, novel *Hujan Sudah Teduh dan Paksi*, iaitu biografi Zaharah Nawawi (6-12 tahun), novel *Haruman Kencana*, Kumpulan puisi *Warna dan Wajah* dan sebuah novel bertajuk *Cinta, Penyerahan dan Tragedi*

yang ditulis bersama Hamidah Kamaruddin telah diterbitkan pada tahun 2003.

Sumbangan beliau dalam pelbagai genre kesusasteraan turut dijadikan tesis dan bahan penyelidikan pelajar dan pensyarah dalam dan luar negara. Malahan beliau adalah antara penulis wanita yang membina laman web sendiri bagi memudahkan pengkaji membuat rujukan karyanya menerusi alamat web <http://geocities.com.zaharah.nawawi>.

Puan Zaharah pernah menerima Dermacipta Dewan pada tahun 1986 untuk membuat penyelidikan novelnya **Panglima Salleh Selempang Merah**. Pada tahun 2000, beliau mendapat geran penulis DBP untuk novel **Haruman Kencana** yang berlatarbelakangkan Paris. Beliau telah mendapat pelbagai pengiktirafan hasil karya-karyanya. Antaranya, SEA Write Award pada bulan September 1996 di Bangkok, Thailand, dan Hadiah Karyawan Sastera Johor Darul Takzim pada tahun 1999.

ZAHARAH SHAARI, DATO'



Yang Berbahagia Dato' Zaharah dilahirkan pada 2 Julai 1949 di Taiping, Perak. Beliau mempunyai empat orang anak, iaitu Aiza Zeyati, Elza Zelmi, Mohd Hadri Nizar, Ili Nadira dan Mohd Azif Hirzi. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera daripada Universiti Malaya pada tahun 1971 dan Ijazah Sarjana Transport Planning and Management dari Polytechnic of Central London pada tahun 1977.

Kerjayanya bermula apabila dilantik sebagai penolong Setiausaha (Kewangan, Perancangan, Pembangunan dan Hal-hal Antarabangsa – Bahagian Penerbangan Awam) di Kementerian Pengangkutan pada tahun 1971. Seterusnya, beliau menjadi Penolong Setiausaha (Pembangunan Penerbangan Awam, Pengangkutan Udara dan Hal Ehwal Antarabangsa) di kementerian yang sama pada tahun 1972. Beliau menjadi Pengarah Pengangkutan Udara di Jabatan Penerbangan Awam dari tahun 1974 hingga 1975, Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Udara) dari tahun 1976 hingga 1982, Setiausaha Bahagian (Udara) dari tahun 1983 hingga 1989, Timbalan Pengarah Belanjawan, Perbendaharaan Malaysia dari tahun 1989 hingga 1995, Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Penerbangan Awam dari tahun 1995 hingga bulan Ogos 1996 dan Pengarah Bahagian Belanjawan,

Kementerian Kewangan dari bulan Ogos 1996 hingga Jun 1999. Kini Dato' Zaharah ialah Ketua Setiausaha di Kementerian Pengangkutan.

Selain itu, beliau juga ialah salah seorang Pengarah Malaysia Airlines System (MAS), Malaysia Airport Berhad (MAB) dan Penerbangan Malaysia Berhad. Beliau juga Pengerusi Lembaga Pelabuhan Bintulu, Ipoh Kargo Terminal dan Perbadanan Aset Keretapi serta Timbalan Pengerusi Lembaga Pelabuhan Johor.

Beliau telah dikurniai bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada tahun 1983 dan bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) pada tahun 1997 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Pada tahun 1998, beliau telah dianugerahi bintang Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.) oleh DYMM Sultan Perak yang membawa gelaran 'Dato' '.

ZAHRAH A. KADIR, DR.



Dr. Zahrah berasal dari Pontian, Johor, dan telah dilahirkan pada 25 Mei 1955. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (B.Sc.) dalam bidang kimia dari Universiti Malaya dan Doktor Falsafah (Ph.D.) dalam bidang yang sama dari University of Durham, United Kingdom. Beliau telah berkahwin dengan Dr. Bajuri Kadmin dan mereka dikurniai enam orang cahaya mata, empat orang perempuan dan dua orang lelaki.

Sekembalinya dari luar negara, beliau telah bekerja di Pusat Penyelidikan Atom (PUSPATI) yang kini dikenali sebagai Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT) selama 10 tahun dan jawatan beliau yang terakhir ialah Ketua Kumpulan Kesan Sinaran ke atas Polimer, Unit Tenaga Nuklear.

Dr. Zahrah dan suaminya telah mengusahakan Syarikat B & Z Plastic Industry Sdn. Bhd. pada akhir tahun 1993 dengan beliau menjadi Pengarah Urusannya. Beliau telah mengorak langkah dan menceburi bidang industri herba sebagai strategi diversifikasi syarikat pada tahun 1998 dengan menubuhkan Merlang Herbal Industries Sdn. Bhd.

Di samping kesibukan menguruskan perniagaan, Dr. Zahrah turut menganggotai beberapa pertubuhan. Di peringkat antara-

bangsa, beliau dilantik Ahli Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC), manakala di peringkat kebangsaan, beliau ialah Timbalan Presiden Persatuan Usahawan dan Vendor Telekom Malaysia (PRUVENT), Bendahari Persatuan Usahawan Tenaga Malaysia (PUTM), Ahli Jawatankuasa DEWANITA Malaysia, ahli Jawatankuasa Dewan Perniagaan Melayu Negeri Selangor (DPMS) dan Ahli Jawatankuasa Pengilang Plastik Malaysia (MPMA).

Beliau mula bergiat dalam aktiviti kemasyarakatan dengan memegang jawatan sebagai Ketua Pergerakan Wanita UMNO Cawangan Pekan Kuala Selangor dan Pengerusi W.I. Cawangan Pekan Kuala Selangor. Beliau juga ialah Ahli Jawatankuasa Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Kuala Selangor dan Ahli Jawatankuasa Pergerakan UMNO Bahagian Kuala Selangor.

Hasil dari usaha gigih, Dr. Zahrah telah dikitiraf dan dianugerahi dengan beberapa anugerah seperti Anugerah Kecemerlangan Produk anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada tahun 1995, Anugerah Usahawan Cemerlang oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (1996), Anugerah Tokoh Usahawan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (1998), Anugerah 50 Enterprise oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (1997, 1999 dan 2002), Anugerah Usahawan Cemerlang oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (1998), Anugerah Kecemerlangan Industri Negeri Selangor 1999 oleh SSIC Bhd., Anugerah Utama Inovasi ICT Piala Dato' Menteri Besar Selangor anjuran Pusat ICT Negeri Selangor (2002), Anugerah Produktiviti NPC 2002 anjuran Perbadanan Produktiviti Negara (2002) serta Anugerah Usahawan Cemerlang 2003 oleh Bank Pembangunan & Infrastruktur.

ZAHRAH ZA'BA (ALLAHYARHAM)



Puan Zahrah Za'ba atau nama sebenarnya Zahrah Zainal Abidin telah dilahirkan pada 26 Julai 1920 di Kuala Kangsar, Perak. Beliau telah berkahwin dengan Tuan Haji Adnan Mohd Isa dan telah dikurniakan enam orang anak.

Beliau telah menuntut di Sekolah Melayu Kampung Baru, Kuala Lumpur, dari tahun 1926 hingga 1929 dan lulus darjah lima. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran hingga lulus School Certificate di Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur, pada tahun 1938. Beliau juga pernah mengikuti kelas normal di Sekolah King Edward VII, Taiping, dan lulus sebagai pendidik dalam tahun 1940. Antara tahun 1940 hingga 1941, beliau memasuki Maktab Perguruan Melaka dan selepas itu menjadi Penyelia Sekolah-sekolah Melayu Perak Utara. Di samping itu, beliau pernah mengikuti kursus penyiaran di BBC London, pada tahun 1955, dan kemudian mengambil kursus Siaran Perdagangan di New Zealand Broadcasting, Wellington, pada tahun 1961.

Puan Zahrah telah bertugas sebagai juruhebah di Radio Malaya Singapura dari tahun 1946 hingga 1958 dan kemudian dilantik Pengelola Siaran Melayu Radio Singapura dari tahun 1959 hingga 1973. Beliau merupakan wanita pertama yang memegang jawatan tersebut. Selain tugas-tugas ini, beliau juga pernah menjadi Penter-

jemah Buku di Pejabat Pelajaran yang dikelolakan oleh bapanya, Pendeta Za'ba. Pada 2 Januari 1974, beliau bersara dan berhijrah ke Kuala Lumpur.

Beliau sangat cenderung dalam bidang penulisan dan giat menghasilkan karya untuk radio dan akhbar serta pernah mengelolakan rancangan *Keluarga Si Comel* di Radio Malaya dari tahun 1956 hingga 1961. Antara hasil penulisan lain yang disalurkan melalui radio ialah skrip cerita *Munira* untuk Radio Malaysia pada tahun 1975 dan skrip cerita siri *No. 5 Persiaran Satu* juga untuk Radio Malaysia. Beliau turut menghasilkan skrip drama televisyen *Mesra Murni* serta berlakon dalam beberapa buah drama. Puan Zahrah juga pernah menjadi anggota sidang pengarang majalah *IBU* dan menerbitkan majalah *Cahaya Lembaga* terbitan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Tanah Melayu (LKPI).

Puan Zahrah pernah memegang jawatan Timbalan Yang Dipertua Persatuan Wartawan Melayu Singapura. Pada tahun 1975, beliau menjadi ahli bersekutu PERTAMA. Beliau juga Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Penerangan LKPI Persekutuan Tanah Melayu sejak tahun 1976. Beliau telah dianugerahi Pingat Pentadbiran Awam Singapura bagi menghargai jasa dan sumbangannya dalam bidang penulisan skrip drama Radio Televisyen Singapura.

Puan Zahrah telah meninggal dunia di Kuala Lumpur pada 22 Februari 1988.

ZAIDAH MOHD NOOR



Puan Zaidah telah dilahirkan di Singapura pada 3 Jun 1957. Beliau mempunyai tiga orang anak, Zaireen, Afzainizam dan Zaireena. Beliau mempunyai kelulusan Sains Kesetiausahaan dari ITM pada tahun 1976. Puan Zaidah terkenal dengan kepakarannya dalam bidang masakan terutamanya kek dan biskut.

Beliau sering mengikuti kursus-kursus pendek masakan seperti Kursus Cake Icing Anne Barber pada tahun 1985, Kursus Membuat Roti *Intermediate and Advance* anjuran Federal Flour Mills dari tahun 1984 hingga 1985 serta kursus kek dan biskut di Indonesia dan Singapura. Sehingga tahun 2002, beliau telah menerbitkan lima buah buku masakan, iaitu *Kek, Biskut dan Puding* pada tahun 1984; *Selera Minyak Sawit* pada tahun 1989; *Koleksi Seni Rasa 1,2,3* pada tahun 1998, 1999 dan 2000; *Kedah Flavours* pada tahun 1998 dan *Breakfast and Brunches* pada tahun 2002.

Selain itu, beliau sering menjadi hos beberapa rancangan masakan. Rancangan-rancangan terbitan TV3 yang pernah disertainya ialah *Kuali, Selera Malaysia, Saji Bistari, Selera, Menu Sihat Faiza Herba Ponnii* dan *Selera F & N*. Rancangan-rancangan lain yang pernah disertainya juga ialah *Kesuma, Variarasi, Sudut Selera, Sarapan Malaysia* yang kesemuanya diterbitkan oleh TV1 dan *Tumis* terbitan Astro. Di samping itu, beliau sering diundang untuk

mengadakan demonstrasi masakan di seluruh Malaysia, Brunei, Singapura dan negara-negara lain. Beliau pernah pergi ke Melbourne, Australia, pada tahun 2002 mengikuti program MATRADE untuk mempromosi makanan Malaysia di International Food Fair 2002. Puan Zaidah juga telah dijemput mengadakan demonstrasi masakan Malaysia sempena Persidangan NAM untuk delegasi-delegasi luar negara dalam tahun 2003. Beliau juga pernah diundang menjadi hakim pertandingan-pertandingan memasak di seluruh negara.

Puan Zaidah turut membabitkan diri dalam kegiatan sosial dan kebajikan. Beliau menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO cawangan Jalan Sulaiman dari tahun 1992 hingga 1994 dan Ahli Jawatankuasa Biro Kebajikan Wanita PERKIM Ulu Klang dari tahun 1999 hingga 2000. Beliau pernah melibatkan diri dalam Projek Ibu Tunggal bersama Syarikat Eurofine bagi mengutip derma serta sumbangan yang disalurkan kepada beberapa Persatuan Ibu Tunggal di seluruh Malaysia.

ZAINAH ANUAR



Puan Zainah telah dilahirkan pada 6 April 1954 dan berasal dari Johor. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Perempuan Sultan Ibrahim dari tahun 1961 hingga 1971. Selepas itu, beliau melanjutkan pelajaran ke ITM dan berjaya memperoleh

Diploma Komunikasi Massa (Kewartawanan) pada tahun 1975. Kemudian beliau mengambil Ijazah Sarjana Sains Kewartawanan di Boston University, Boston, Massachusetts, Amerika Syarikat, dari tahun 1975 hingga 1977. Pada tahun 1984 hingga 1986, beliau telah mengikuti kursus Ijazah Sarjana Sastera (Undang-undang dan Diplomasi) di Fletcher School of Law and Diplomacy, Tufts University, Medford, Massachusetts, Amerika Syarikat.

Bermula dari tahun 1978, beliau bertugas sebagai pengarang di akhbar *New Straits Times*, Kuala Lumpur. Pada tahun 1981 hingga 1984, beliau menjadi penulis politik dan diplomasi di akhbar yang sama. Sejak tahun 1987, beliau berpindah ke Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa dan bekerja sebagai Penganalisis Kanan dan pada bulan Ogos 1991, beliau menjadi Ketua Pegawai Program di Bahagian Hal Ehwal Politik Sekretariat Komanwel di London, England. Beliau telah kembali ke Malaysia pada akhir tahun 1994 dan berkhidmat semula di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa

selama setahun. Selepas itu, beliau menjadi penulis bebas dari tahun 1995 hingga 1999.

Pertubuhan Sisters in Islam telah diasaskan oleh Puan Zainah bersama beberapa orang rakannya seramai lapan orang pada tahun 1988 yang ditubuhkan untuk membuat kajian dan mendedahkan kedudukan wanita yang sebenar dalam Islam kepada masyarakat. Beliau telah menjadi Penyelaras Sisters in Islam sepenuh masa bermula pada bulan Julai 1998 dan, setahun kemudian, beliau menjadi Pengarah Eksekutif badan tersebut. Pertubuhan ini telah menyerahkan beberapa memorandum kepada pihak kerajaan mengenai Akta Keganasan Rumah Tangga, Akta Undang-undang keluarga Islam dan Undang-undang Hudud. Sisters in Islam ialah perintis pertubuhan wanita Islam yang berjuang berasaskan agama.

Selain itu, beliau telah dilantik Ahli SUHAKAM sejak April 2000, Ahli Jawatankuasa Induk APFWLD, Pengarah ARROW dari tahun 1997 hingga 2001 dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif WAO dari tahun 1989 hingga 1991 dan tahun 1996 hingga 1999.

Puan Zainah telah menghasilkan beberapa penulisan, iaitu *Government and Governance in Multi-Racial Malaysia* dalam buku *The Changing Shape of Government in the Asia-Pacific Region* yang diterbitkan pada tahun 1988; *Islamic Revivalism in Malaysia: Dakwah Among Students* yang dikeluarkan pada tahun 1987, *Islam, Reproductive Health and Women's Rights* yang diterbitkan pada tahun 2000; *What Islam? Whose Islam? Sisters in Islam and The Struggle for Women's Rights* dalam buku *The Politics of Multi-culturalism: Pluralism and Citizenship in Malaysia, Singapore and Indonesia* yang diterbitkan pada tahun 2001, *Islam and Family Planning* yang diterbitkan pada tahun 2001 dan *Law-making in the Name of Islam – Implications to Democratic Governance in Islam in South-east Asia in the 21st Century* yang dikeluarkan pada tahun 2003.

ZAINUN MUNSHI SULAIMAN,
@ IBU ZAIN, TAN SRI
(ALLAHYARHAM)



Ibu Zain atau nama sebenarnya Zainun Munshi Sulaiman telah dilahirkan pada 22 Januari 1903 di Kampung Nyalas, Melaka. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Allahyarham Encik Amin Ahmad pada tahun 1934 (meninggal dunia pada 7

Ogos 1945) dan mereka telah dikurniai tiga orang cahaya mata, iaitu Khalidah Adibah (lebih dikenali sebagai Adibah Amin), Khalilah Fadzilah dan Sulaiman Shakib. Beliau ialah antara wanita yang berjuang bersama-sama lelaki untuk mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu.

Ibu Zain ialah wanita Melayu pertama yang berjaya menamatkan pendidikan Inggeris di Methodist Girls' School di Tengkeru, Melaka, dari tahun 1909 hingga 1912 dan seterusnya ke Tengkeru School, Melaka, dari tahun 1913 hingga 1915 dan lulus Junior Cambridge. Beliau telah menubuhkan sekolahnya sendiri di Pasoh Jaya Waras, Negeri Sembilan, sebelum berkhidmat sebagai guru cubaan di Sekolah Perempuan Bandar Maharani, Muar, Johor, dan kemudian menjadi guru besar di sekolah yang sama dari tahun 1921 hingga 1924. Tidak lama kemudian, Ibu Zain dilantik Guru Pelawat Sekolah-sekolah Perempuan Daerah Batu Pahat dan Muar sebelum

dipertanggungjawabkan sebagai Penyelia Sekolah-sekolah Perempuan Melayu Johor. Pada tahun 1929, beliau telah menubuhkan sekolah agama pertama untuk murid perempuan. Minatnya yang mendalam terhadap bidang pendidikan telah membawa kepada terwujudnya Persatuan Guru-guru Sekolah Melayu dan Sekolah Agama Negeri Johor dan beliau telah menjadi Presidennya yang pertama.

Selama berkhidmat sebagai Penyelia sekolah, beliau telah berjaya meniupkan semangat kebangsaan melalui ucapannya kepada guru, pelajar dan masyarakat umum. Ucapan-ucapan tersebut telah dimuatkan dalam beberapa majalah khusus untuk guru-guru seperti *Bulan Melayu* dan *Guru* yang beliau sendiri bertindak sebagai pengasas dan pengarang.

Ibu Zain banyak menerima didikan agama daripada bapanya, Allahyarham Munshi Sulaiman, dan beliau telah memanfaatkan ilmunya dengan menubuhkan Sekolah-sekolah Agama Petang serta menjadi Penyelia sekolah-sekolah tersebut. Di samping itu, beliau juga menubuhkan Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu pada tahun 1930 dan menjadi Yang Dipertua selama 19 tahun.

Penglibatannya dalam bidang politik bermula pada tahun 1945 dan beliau telah menyertai UMNO pada tahun 1948. Dalam usaha meningkatkan pembelaan nasib kaum wanita, beliau telah menubuhkan Ibu Sepakat. Oleh sebab inilah, apabila Dato' Onn Ja'far (Allahyarham) menubuhkan Pergerakan Melayu Semenanjung di Batu Pahat, bantuan Ibu Zain amat diperlukan untuk mengumpulkan tenaga kaum ibu agar dapat menyertai perjuangannya. Beliau telah dilantik Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor bermula pada 1 Februari 1948 dan dalam tahun yang sama telah dilantik Ahli Dewan Undangan Negeri Johor. Pada tahun 1949, disebabkan kegigihannya memperjuangkan kemerdekaan, pihak British telah menamatkan perkhidmatannya sebagai guru tanpa notis. Pada tahun 1950, beliau telah dipilih sebagai wakil ke Perhimpunan Agung UMNO di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak, dan seterusnya terpilih sebagai

Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaya yang kedua menggantikan Puan Sri Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashid.

Antara tahun-tahun 1955 hingga 1963, Ibu Zain telah terpilih sebagai Naib Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO Bahagian Selatan. Ibu Zain dan Tun Fatimah Hashim telah menjadi dua orang wanita pertama berkhidmat sebagai Ahli Parlimen ketika itu. Beliau memegang jawatan sebagai Ahli Parlimen Kawasan Pontian Selatan dari tahun 1959 hingga 1964. Selepas itu, beliau tidak bertanding dalam pilihan raya dan lebih menumpukan perhatian kepada tugas beliau sebagai Pengetua Kolej Tengku Ampuan Mariam dari tahun 1963 hingga 1989. Bangunan kolej tersebut telah didermakan oleh Tengku Ampuan Mariam, Permaisuri Sultan Mahmud Pahang. Selain itu, beliau turut terlibat dalam Jawatankuasa Lembaga Tetap Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu dari tahun 1956 sehingga tertubuhnya Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1958.

Ibu Zain dikenali sebagai salah seorang yang gigih memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau telah meniupkan semangat cintakan negara terutamanya di kalangan wanita. Pada tahun 1964, beliau telah mencadangkan di Parlimen agar satu pasukan tentera wanita ditubuhkan. Pada tahun yang sama, beliau telah mengorak langkah mengetuai seramai 150 orang wanita dan menubuhkan Barisan Tentera Sukarelawati di Johor, dengan kerjasama Pergerakan Wanita UMNO negeri Johor di bawah pimpinan Datin Paduka Fatimah Abdul Majid. Dalam bidang pendidikan pula, beliau telah berusaha mendidik anak-anak perempuan Islam-Melayu berasaskan cogan kata beliau, "Agama dididik, moden dibela. Dunia dikelek, akhirat dijunjung". Beliau juga tidak ketinggalan menyumbang dalam bidang bahasa, budaya dan Pergerakan Pandu Puteri.

Untuk mengenang jasa-jasanya, beliau telah dianugerahi Pingat Sultan Ibrahim (P.I.S.) pada 17 September 1947. Beliau mendapat Anugerah Pingat Emas Tun Fatimah daripada NCWO pada bulan Oktober 1974. Tahun berikutnya, beliau dikurniائي Tokoh Guru semasa Majlis Perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan. Dalam

tahun yang sama, beliau telah dikurniai Sarjana Sastera Kehormat oleh UKM atas sumbangannya dalam bidang pendidikan. Pada 6 Jun 1979, beliau dianugerahi darjah Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran 'Tan Sri' oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Sumbangannya yang begitu besar dalam bidang pendidikan juga telah membolehkannya menerima anugerah 'Suluh Budiman' pada tahun 1980.

Ibu Zain meninggal dunia pada 2 April 1989 kerana mengidap barah dalam perut.

ZAITON OTHMAN



Puan Zaiton telah dilahirkan pada 3 Mei 1959 di Kampung Paya Keladi, Kepala Batas, Seberang Perai, Pulau Pinang. Beliau telah melibatkan diri dalam sukan olahraga sejak di bangku sekolah lagi dan dikenali sebagai ratu padang dan trek sehingga mendapat gelaran 'Wanita Bionik Malaysia'. Kini, walaupun sudah bersara daripada bidang heptathlon, beliau masih menyumbang ke arah memajukan sukan negara dan berkhidmat sebagai Pegawai Kemajuan Sukan (Psikologi Sukan) di Majlis Sukan Negara.

Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Perempuan St. George, Pulau Pinang, di mana beliau telah mendapat anugerah daripada pihak sekolah atas kecemerlangannya dalam acara trek dan padang pada tahun 1975. Kemudian beliau telah melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Ilmu Khas dan berjaya memperoleh anugerah Pelajar Terbaik Keseluruhan pada tahun 1981. Seterusnya beliau telah menyambung pengajian di UPM dan berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani) pada tahun 1987 dan pada masa yang sama telah menjadi pelajar terbaik keseluruhan bagi tahun 1987 dan dianugerahi Pingat Emas Canselor. Pada tahun 1989, beliau telah mendapat biasiswa untuk menjalani program Ijazah Sarjana Sastera (Aplikasi Psikologi Sukan) di San

Diego State University, Amerika Syarikat, dan telah kembali ke Malaysia pada tahun 1992.

Beliau telah bekerja sebagai kerani di Lembaga Letrik Negara (kini Tenaga Nasional Berhad) dari bulan Januari 1978 hingga April 1979 sebelum memasuki maktab perguruan. Selepas tamat latihan perguruan, beliau telah berkhidmat selama tiga tahun dengan Kementerian Pendidikan. Sejurus tamat pengajian di universiti, beliau telah menjadi guru di Union High School dari bulan April 1987 hingga Ogos 1989. Beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Sukan di Majlis Sukan Malaysia pada bulan September 1989. Semasa di Amerika Syarikat, ketika mengikuti program Ijazah Sarjana Sastera, beliau telah menjadi penolong guru ijazah di San Diego State University, California.

Pembabitan beliau dalam acara sukan padang dan trek bermula sejak tahun 1973 apabila beliau mewakili sekolah ke peringkat negeri selama lima tahun berturut-turut. Dari tahun 1974 hingga 1976, beliau telah mewakili sekolah-sekolah Pulau Pinang ke sukan sekolah-sekolah di peringkat kebangsaan dan dari tahun 1974 hingga 1989, beliau mewakili negeri Pulau Pinang ke kejohanan di peringkat kebangsaan. Beliau telah mewakili Malaysia ke kejohanan di peringkat antarabangsa mulai tahun 1974 hingga 1989. Selain acara padang dan trek, beliau juga pernah mewakili sekolah, negeri dan universiti dalam acara hoki pada tahun 1975 dan dari 1984 hingga 1987. Acara sukan lain yang turut disertainya ialah bola jaring (mewakili sekolah dan negeri ke peringkat negeri dan antara universiti), softball, bola keranjang dan bola tampar (ke pertandingan antara kolej di peringkat universiti).

Kejayaan beliau dalam sukan dapat dilihat apabila beliau dan rakan-rakannya telah mencipta rekod kebangsaan dalam acara lari 4x400 meter berganti-ganti di Sukan Asia di Bangkok, pada tahun 1978. Dalam tahun 1979, beliau telah mewakili Malaysia ke Sukan SEA kesepuluh di Jakarta, dan memenangi pingat emas serta mencipta rekod baharu dalam acara lari 4x400 meter berganti-ganti

dan memenangi pingat perak dalam acara merejam lembing. Pada tahun yang sama, beliau telah merangkul pingat perak dan mencipta rekod kebangsaan dalam acara lari 4x400 meter berganti-ganti di Kejohanan Padang dan Trek Asia di Tokyo, dan telah mewakili Malaysia dalam acara lari 200 meter dan 4x400 meter berganti di Spartakiade, Moscow. Pada tahun 1980, beliau telah mewakili Malaysia di Piala Suharto dan Malaysia menjadi juara dalam Kejohanan Piala ASEAN yang diadakan di Jakarta, manakala pada tahun 1981, beliau telah memenangi tiga pingat emas dalam acara heptathlon, iaitu lari 4x100 meter berganti-ganti, lari 4x400 meter berganti-ganti dan pingat perak dalam acara merejam lembing dan pingat gangsa dalam acara lompat jauh di Sukan SEA kesebelas di Manila. Ini merupakan pencapaian terbaik beliau di mana pada masa yang sama pasukan lari berganti-ganti 4x400 meter Malaysia telah memecahkan rekod Asia.

Pada tahun 1982, Puan Zaiton telah mewakili Malaysia ke Sukan Asia di New Delhi, dalam acara heptathlon dan lari 4x400 meter berganti-ganti. Dalam Kejohanan Sukan SEA kedua belas di Singapura, pada tahun 1983, beliau telah merangkul pingat emas dalam acara heptathlon, pingat perak dalam acara lari 4x100 meter berganti-ganti dan pingat gangsa dalam acara lari 4x400 meter berganti-ganti. Pada tahun 1984, beliau menyertai acara lari berpagar 100 meter dan acara lompat jauh di Kejohanan Piala Suharto (Piala ASEAN) manakala pada tahun 1985, beliau telah mewakili universiti-universiti Malaysia ke Sukan Pelajar-pelajar Dunia (Universiade) di Kobe, Jepun, dalam acara heptathlon. Dua tahun kemudian, beliau sekali lagi mewakili universiti-universiti Malaysia ke Sukan Universiti Dunia (Universiade) di Zagreb, Yugoslavia. Kali terakhir beliau mewakili Malaysia ialah pada Sukan SEA ke-15 di Kuala Lumpur, dan telah memenangi pingat emas dalam acara heptathlon. Walau bagaimanapun, setelah bersara, beliau telah dipanggil semula untuk mewakili Malaysia pada tahun 1996 di Kejohanan Terbuka Atlet Veteran Asia di Seoul, Korea, dan telah mencipta rekod Asia dalam acara lari 4x100 meter, merangkul pingat emas dalam acara merejam

lembing dan pingat perak dalam acara lompat jauh. Tahun berikutnya, beliau telah mewakili Malaysia ke Kejohanan Atlit Veteran di Taiwan, dan memenangi pingat emas dalam acara merejam lembing, lari 4x100 meter berganti-ganti dan 4x400 meter berganti-ganti.

Selain penglibatannya dalam acara padang, beliau pernah dijemput membentang beberapa kertas kerja berkaitan dengan sukan. Antaranya, *Women in Sports* di ASEAN University Sports Forum yang diadakan di Kuala Lumpur, sempena Sukan Universiti-universiti ASEAN pada tahun 1984, *The Athlete, the Coach and the Association: their relationship* di Persidangan Sukan Brunei Darussalam pada tahun 1985, *The Role of Sports Psychology in Achieving Vision 2020* dalam seminar sukan anjuran PPJSM di Kuantan, Pahang, pada tahun 1992, *Ongoing Motivation for Young Athletes* di Seminar SUKMA yang diadakan di Ipoh, pada tahun 1994 dan *Enhancing Performance of Malaysian Table Tennis Players Through the Use of Imagery in the Flotation Tank* di Konferens Sains Sukan, Sukan Ping Pong Sedunia (ITTF) di Kuala Lumpur, pada tahun 2000.

Bagi menghargai dan mengiktiraf kejayaan serta sumbangan beliau dalam bidang sukan, kerajaan Pulau Pinang telah mealantiknya sebagai Olahragawati Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1981, 1982, 1983 dan 1989. Pada tahun 1981, beliau telah dikurniai bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Pingat Jaksa Mahkota (P.J.M.) oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 1982, beliau telah mendapat anugerah Olahragawati Kebangsaan. Pihak UPM turut mengiktiraf sumbangan beliau dan telah memberi anugerah atas kejayaan dan kecemerlangannya dalam bidang sukan dan kegiatan kokurikulum. Semasa tahun graduasinya, iaitu pada tahun 1987, selain memperoleh anugerah daripada pihak universiti, beliau juga mendapat anugerah Pingat Emas Teoh Teck Lee daripada Persatuan Pendidikan Jasmani Malaysia bagi Pelajar Terbaik Akademik Pendidikan Jasmani pada tahun 1987. Persekutuan Atlit Amatir Antarabangsa telah menganugerahkan Certificate of Merit kepada

beliau pada tahun 1988 atas sumbangannya dalam pembangunan acara padang dan trek.

ZAITOON DATO' OTHMAN, DATIN PADUKA



Yang Berbahagia Datin Paduka Zaitoon telah dilahirkan pada 22 Disember 1939 di Selangor. Beliau telah berkahwin dengan Encik Abu Mansor Mohd. Basir dan mereka mempunyai empat orang anak, tiga lelaki dan seorang perempuan. Pendi-

dikan awalnya bermula di Sekolah Melayu Seremban, Negeri Sembilan. Kemudian, beliau belajar di Sekolah Convent Seremban dan Sekolah Convent Bukit Nanas. Selepas itu, beliau telah mengikut ibu bapa beliau yang berkhidmat di United Kingdom, dan telah menuntut di Modern Secondary School, Leigh-On-Sea dan Westcliff High School, Westcliff-On-Sea, Essex dan Notting Hill and Ealing High School, London. Beliau kembali ke tanah air selepas itu dan menyambung pelajarannya di Sekolah Convent Bukit Nanas dan seterusnya di St. John Institution, Kuala Lumpur.

Beliau telah lulus Peperiksaan Undang-undang yang dianjurkan oleh Council of the Legal Education London dan menerima Ijazah Utter Barrister of Lincoln's Inn, London, pada tahun 1965. Pada tahun yang sama, beliau telah mendapat sijil daripada Council of Legal Education London for the Post Final Practical Training Course. Datin Paduka Zaitoon telah didaftarkan Peguamcara dan Peguambela Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1966. Pada tahun 1985,

beliau telah mengikuti kursus khas di St. Mary's College, University of London, dengan mengambil mata pelajaran Undang-undang kontrak, Undang-undang Penjualan Barangan, Undang-undang Perbankan dan *Syndicated Loan*.

Pada bulan Mac 1966, beliau telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman dan telah memegang beberapa jawatan seperti Timbalan Pendakwa Raya (wanita pertama di Malaysia yang memegang jawatan tersebut), Majistret, Presiden Mahkamah Sesyen, Peguam Cara Jabatan di Pejabat Pemegang Amanah Awam Amanah Raya, Penolong Pendaftar Kanan, Pemangku Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya, Peguam Persekutuan (Bahagian Sivil) dan Timbalan Pengarah Biro Bantuan Guaman. Semasa berkhidmat dengan kerajaan, beliau berpeluang menulis dan membentangkan kertas kerja kepada pegawai-pegawai polis dan pegawai-pegawai kerajaan di INTAN. Di samping itu, beliau telah menjadi pensyarah sambilan di ITM dan mengajar mata pelajaran Undang-undang Perbankan dan Undang-undang Kontrak.

Sejak melibatkan diri dalam bidang undang-undang, beliau memperoleh pelbagai pengalaman dalam bidang Undang-undang Perbankan, Undang-undang Perdagangan dan Syarikat, Undang-undang Tanah, Undang-undang Pentadbiran Harta Pesaka, Undang-undang Insurans dan Undang-undang Keluarga. Dari tahun 1973, beliau telah menjadi rakan kongsi sebuah firma guaman di Kuala Lumpur. Kemudian beliau telah membuka firma guamannya sendiri atas nama Zaitoon Othman & Associates pada tahun 1977.

Selain sibuk dengan dunia perundangan, beliau juga memabitkan diri dalam pelbagai kegiatan lain. Beliau pernah menjadi Setiausaha Persatuan Melayu United Kingdom, London; Setiausaha Jawatankuasa Peguam-peguam Selangor dan Wilayah Persekutuan selama empat tahun; Naib Presiden Persatuan Peguam Wanita; Pengerusi Jawatankuasa Kecil Persidangan Lawasia Kesepuluh; Naib Presiden Kor Wanita Kota; Ahli Majlis Persatuan Pengguna Wilayah Persekutuan dan Pengerusi Jawatankuasa Undang-undang dan Etika

Majlis Pengguna Wilayah Persekutuan dan Ahli Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara.

Kini Datin Paduka Zaitoon ialah Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia, Ahli Lembaga Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan, Ahli Majlis Pusat Kajian Strategik Malaysia dan Ahli Panel Penasihat Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Beliau juga dilantik Ahli Majlis Pertubuhan Pendidikan Anak-anak Yatim Selangor, Pengerusi Panel Kumpulan Sokongan Guaman, Panel Sokongan Program Ibu Tunggal Waja di bawah Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Ahli Kumpulan Jawatankuasa Teknikal – Wanita dan Undang-undang di bawah kementerian yang sama serta Ahli Lembaga Penasihat Pusat Khidmat Wanita Lembaga Kebajikan Wanita Islam Malaysia. Beliau juga ialah Ahli dan Naib Presiden Majlis Ekonomi Melayu Malaysia.

Beliau dianugerahi Darjah Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) oleh DYMM Sultan Selangor pada tahun 2003 yang membawa gelaran 'Datin Paduka'.

ZAKIAH HASHIM, DATUK



Yang Berbahagia Datuk Zakiah telah dilahirkan di Perak, pada 4 November 1947 dan merupakan anak kedua daripada lapan orang adik-beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datuk Abdul Razak Haji Ramli dan mereka mempunyai tiga orang

anak lelaki.

Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Slim River, Perak, dari tahun 1955 hingga 1960. Seterusnya beliau menuntut di Sekolah Menengah Convent Teluk Anson, Perak, dari tahun 1961 hingga 1965. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Malaya dan merupakan antara wanita awal yang dilantik Ketua Setiausaha kementerian dan kini menjawat jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan.

Datuk Zakiah mula bertugas sebagai Pegawai Pentadbir PDLN pada tahun 1971. Kemudian, beliau memasuki PTD pada tahun 1972 dan bertugas sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Kesihatan dari tahun 1972 hingga 1975. Selepas itu, beliau dinaikkan pangkat sebagai Ketua Penolong Setiausaha (Penerbitan dan Penapisan Filem) di Kementerian Dalam Negeri dari tahun 1975 hingga 1982. Mulai tahun 1982, beliau dilantik Pendaftar Pertubuhan di kementerian yang sama hingga tahun 1996. Dari tahun 1996 hingga 2000,

beliau ialah Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Pembangunan Usahawan dan sejak tahun 2000, beliau menjadi Ketua Setiausaha di Kementerian tersebut.

Selain itu, beliau ialah Ahli Lembaga Pengarah UDA Holdings Sdn. Bhd., Perbadanan Pembangunan Negeri Johor, Perbadanan Nasional Berhad dan Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad. Di samping itu, beliau ialah Penasihat PUSPANITA Kebangsaan, Penasihat IT PUSPANITA Kebangsaan, Penasihat PUSPANITA cawangan Kementerian Pembangunan Usahawan, dan Penasihat PUSPANITA Persatuan Isteri-isteri dan Kakitangan Wanita Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (ISKANITA). Beliau juga Pengerusi Anugerah Kualiti Perdana, Pengerusi Anugerah Tokoh Kraf Negara dan Pengerusi Anugerah Usahawan Kebangsaan.

Bagi menghargai jasa dan bakti yang telah dicurahkan, Datuk Zakiah telah dikurniai bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.), bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) dan bintang Johan Mangku Negara (J.M.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Beliau juga pernah menerima bintang Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M.) daripada Yang Dipertua Negeri Melaka yang membawa gelaran 'Datuk'.

ZAKIAH HANUM HAJI ABDUL HAMID, DATUK



Yang Berbahagia Datuk Zakiah Hanum telah dilahirkan di Alor Setar, Kedah, pada 15 September 1937 dan merupakan anak kelima daripada sembilan orang adik-beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Dato' Haji Mohd Nor Haji Ismail,

bekas Pengurus Besar PKNS, pada tahun 1964 dan mereka mempunyai tiga orang anak, iaitu Mukhlis, Farha dan Haiz.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Inggeris Kampung Baru (kini Sekolah Menengah Sultanah Asma), Alor Setar, Kedah, dan Methodist Boys' School, Pulau Pinang. Beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya Singapura dan kemudian Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau termasuk dalam kumpulan pelajar pertama yang terpilih untuk memasuki Universiti Malaya apabila baru dibuka di Kuala Lumpur. Pada tahun 1957 beliau telah berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam Pengajian Melayu.

Datuk Zakiah Hanum mula bertugas sebagai Pegawai Arkib dalam tahun 1961 di Pejabat Rekod Awam (kini Arkib Negara) dan merupakan kumpulan pertama tenaga ikhtisas yang membangunkan institusi tersebut. Ketika menjadi Pembantu Penyimpan Arkib, beliau telah mendapat latihan ikhtisas di Arkib Negara, New Delhi, dan

memperoleh Diploma in Archives Keeping. Beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Timbalan Pengarah Arkib Negara sekembalinya dari India pada tahun 1970. Beliau telah dilantik menjadi Ketua Pengarah Arkib Negara mulai tahun 1977 hingga 1994 dan merupakan seorang profesional yang pertama dan wanita Malaysia pertama mengetuai sebuah jabatan kerajaan pada masa itu. Antara projek monumen cemerlang beliau yang dibina oleh Arkib Negara ialah Memorial Tunku Abdul Rahman, Memorial Tun Abdul Razak dan Memorial P.Ramlee.

Datuk Zakiah Hanum bertanggungjawab mewujudkan program *This Day in History* yang telah disiarkan dalam radio dan televisyen dalam bahasa Ingeris, bahasa Melayu, Cina, dan Tamil pada tahun 1980. Program ini diikuti dengan rancangan *Sekali Peristiwa* dan kemudian *Jasamu Dikenang* pada tahun 1987. Bukunya, *Sembang Mak Alang*, telah diadaptasikan ke dalam bentuk drama bersiri yang diterbitkan untuk RTM pada tahun 1987.

Sebagai seorang yang mendampingi rapat dengan bahan-bahan sejarah, beliau memberi sumbangan tenaga kepada badan-badan seperti Persatuan Sejarah Malaysia dengan menduduki Jawatankuasa Kerja, Persatuan Diraja bagi Asia (cawangan Malaysia) atau Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Di samping itu, beliau juga menduduki Majlis Universiti Malaya dan Majlis Universiti Kebangsaan Malaysia. Di peringkat antarabangsa, beliau menduduki pelbagai jawatankuasa badan-badan seperti Majlis Arkib Antarabangsa dan Southeast Asian Regional Branch of the International Council of Archives (SARBICA). Beliau pernah menjadi Bendahari dan Pengerusi SARBICA sebanyak dua kali, iaitu dari tahun 1980 hingga 1984 dan 1990 hingga 1992. Beliau juga menjadi penyunting kehormat *Jurnal Sejarah Lisan Antarabangsa* yang diterbitkan di Amerika Syarikat dan antara tahun 1988 hingga 1993, beliau ialah Pengerusi Association of Commonwealth Archivists and Records Managers (ACARM) dan merupakan warga Asia yang pertama memegang jawatan tersebut.

Datuk Zakiah Hanum telah banyak menghasilkan penulisan dalam perkara berkaitan arkib dan bahan-bahan sejarah yang berada di Arkib Negara. Beliau juga membentangkan kertas-kertas kerja mengenai hal-hal arkib di persidangan-persidangan tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, beliau telah menerbitkan sebanyak 18 buah buku dan 30 buah drama. Antara buku-bukunya ialah *Sembang Mak Alang* (himpunan artikel beliau yang disiarkan dalam akhbar *Berita Minggu* sekitar tahun 1983-1984 di dalam ruangan *Sembang Mak Alang*) (1985), *Cerita Mak Alang* (1988), *Senda Sindir Sengat* (lukisan karikatur Melayu silam) (1989), *Kuih-muih Utara* (1992), *Family Delights of the North* (1993), *Suk Sik Anak Teruna* (1995), *Beringin Songsang* (1995), *Senandika Tok Wa* (1996), *Tulis dengan Tulus* (himpunan makalah-makalah yang ditulis untuk akhbar *Era Baru*) (1997), *Masa Berganti Masa* (himpunan artikel beliau yang diterbitkan dalam majalah *Massa*, *Keluarga* dan lain-lain) (1997), *Tercabarnya Maruah Bangsa* (himpunan tulisan wartawan-wartawan Melayu dalam akhbar *Majlis* dari tahun 1945-1948) (1997), *Maka Merdekalah Negara Kita* (diterbitkan sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia ke-40) (1997), *Sekolahku Indah Bermutu* (diterbitkan sempena ulang tahun ke-75 Sekolah Perempuan Kampung Baru @ Sekolah Menengah Sultanah Asma) (1998) dan *Kamus Bahasa Kedah* (1999).

Dalam bidang kerja-kerja sukarela pula, beliau merupakan salah seorang Pengasas PERTIWI dan beliau telah memegang jawatan Ketua Satu Persatuan tersebut mulai daripada tahun 1972 hingga akhir tahun 1990-an. Di samping PERTIWI, beliau juga menyumbangkan tenaga kepada badan-badan sukarela yang lain khususnya yang terlibat dalam hal-hal wanita dan kanak-kanak. Beliau telah dilantik Pengerusi NACIWID selama dua penggal, iaitu dari tahun 1991 hingga 1993 dan dari tahun 1993 hingga 1996. Beliau juga Penaung Persatuan Kartunis-kartunis (PEKETUM), Ahli Jawatankuasa untuk album *Lagu Anti Dadah* serta Ahli Jawatankuasa Perancang bagi Persidangan CHOGM dan G15 pada tahun 1990.

Setelah meninggalkan perkhidmatan awam, beliau membuka sebuah kedai buku bernama RE@D. Melalui kedai buku ini, beliau berharap dapat mempromosikan satu apresiasi awam terhadap seni halus, seni pertukangan dan muzik tradisional. Beliau juga berharap agar usahanya menanamkan semangat cinta akan membaca di kalangan masyarakat berjaya melalui kedainya ini. Beliau juga Pengerusi Eksekutif Adhicipta Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang terbabit dalam aktiviti berunsur seni, muzik, penulisan dan penerbitan. Pada tahun 1995, beliau terlibat dalam menubuhkan Galeri Perdana, sebuah rumah galeri yang mengandungi memorabilia yang telah diterima oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Atas khidmat baktinya dalam kerja-kerja sukarela dan dalam bidang arkib, beliau telah dianugerahi bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) dalam tahun 1976 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan bintang Setia Mahkota Selangor (S.M.S.) pada tahun 1981 oleh DYMM Sultan Selangor. Atas usaha gigihnya membawa bidang arkib ke tahap profesional menggunakan kaedah berteknologi tinggi di Asia Tenggara, maka pada tahun 1989 beliau telah dianugerahi *Magsaysay Award* oleh Kerajaan Filipina dan merupakan wanita Malaysia pertama yang menerima anugerah ini. Dalam tahun yang sama juga, beliau dikurnia bintang Dato' Setia Diraja Kedah (D.S.D.K.) oleh DYMM Sultan Kedah yang membawa gelaran 'Dato' '. Pada tahun 1990, beliau menerima bintang Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) daripada DYMM Sultan Selangor yang membawa gelaran 'Datin Paduka'. Pada tahun 1994, beliau menerima Pingat Emas Tun Fatimah daripada NCWO manakala pada tahun 1997, beliau dikurniai bintang Panglima Jasa Negara (P.J.N.) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang membawa gelaran 'Datuk'.

ZAKIAH LAIDIN, DATO'



Yang Berbahagia Dato' Zakiah berasal dari Batu Gajah, Perak, dan telah dilahirkan pada 1 Mei 1938 serta merupakan anak kelima daripada sepuluh orang adik-beradik. Beliau mendapat pendidikan di beberapa buah sekolah rendah di Kuala Kangsar, Teluk Intan

dan Melaka. Seterusnya beliau menuntut di Sekolah Menengah Convent Melaka dan Sekolah Menengah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Beliau telah berkahwin dengan Datuk Yahya Yeop Ishak dan mereka dikurniai dua orang anak lelaki.

Beliau telah memulakan latihan polis pada 1 Ogos 1957 dan jawatan pertama yang dipegangnya ialah Pegawai Penyiasat Kes Jenayah di Georgetown, Pulau Pinang. Pada tahun 1960, beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Penolong Penguasa Polis dan bertugas sebagai Pegawai Penyelia Polis Wanita yang bertanggungjawab mengenai pengambilan, disiplin, penempatan, latihan, kebajikan dan masalah polis wanita.

Pada tahun 1975, beliau dilantik mengetuai cawangan Perhubungan Awam Polis Diraja Malaysia. Pada tahun 1981, beliau menyandang pangkat Penolong Pesuruhjaya Polis manakala pada tahun 1986, beliau dinaikkan pangkat sebagai Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis dan bertugas sebagai Penolong Pengarah Perjawatan/Perkhid-

matan Polis Diraja Malaysia Bukit Aman. Dato' Zakiah bersara pada 1 Mei 1993 selepas berkhidmat selama 36 tahun, dengan memegang jawatan Timbalan Pengarah Pengurusan (Perkhidmatan/Perjawatan) berpangkat Timbalan Pesuruhjaya Polis dan merupakan wanita pertama memegang jawatan tertinggi dalam polis.

Beliau telah memainkan peranan utama dalam memperjuangkan persamaan gaji bagi polis wanita. Perjuangannya berjaya apabila gaji semua peringkat polis wanita diselaraskan dengan gaji polis lelaki mulai 1 Februari 1974.

Dato' Zakiah pernah mengikuti beberapa kursus. Antaranya kursus selama empat bulan di London Metropolitan Police dan Scotland Yard dan kursus di FBI National Academy, Virginia, Amerika Syarikat, selama tiga bulan. Beliau ialah salah seorang pegawai polis wanita Asia pertama yang dipilih menyertai kursus tersebut. Selain itu, beliau telah juga aktif dalam PERKEP (Persatuan Keluarga Polis) selaku Setiausaha Agung Pusat sejak tahun 1984. Beliau pernah menjadi editor majalah polis *Pengaman* dan *Berita Bukit Aman*.

Atas sumbangan dan khidmatnya, Dato' Zakiah dikurniai bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada tahun 1979 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Beliau juga telah dianugerahi Pingat Tun Fatimah oleh NCWO pada tahun 1988 semasa perayaan Hari Wanita sempena Jubli Perak NCWO. Beliau dikurniai Darjah Dato' Pahlawan Taming Sari (D.P.T.S.) yang membawa gelaran 'Dato' Pahlawan' oleh DYMM Sultan Perak pada tahun 1992 dan bintang Johan Setia Mahkota (J.S.M.) pada tahun 1992 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

ZALEHA ISMAIL, TAN SRI DATIN PADUKA SERI



Yang Berbahagia Tan Sri Datin Paduka Seri Zaleha telah dilahirkan pada 18 Mei 1936 di Batu Laut, Kuala Langat, Selangor. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Sungai Pelek, Sepang, dari tahun 1942 hingga 1945, seterusnya di Sekolah Melayu Bagan Lalang, Sepang Kecil, dalam tahun 1945 hingga 1947 dan kemudian melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Perempuan Methodist, Kuala Lumpur, dari tahun 1947 hingga 1955. Beliau menyambung pengajian di Sekolah Menengah St. John, Kuala Lumpur, dari tahun 1956 hingga 1957 dan seterusnya ke Universiti Malaya, Singapura, dari tahun 1957 hingga 1960 dan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada tahun 1961. Beliau berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi dan Pengajian Melayu) dengan Kepujian pada tahun 1961.

Beliau berpengalaman bekerja di RTM, antaranya, sebagai juruhebah sambilan selama sepuluh tahun dari tahun 1951 hingga 1961, Pembantu Rancangan Radio Malaya dari tahun 1961 hingga 1962, dan Penolong Pengelola Perkhidmatan Ingeris Radio Malaya dari tahun 1965 hingga 1968. Bermula pada tahun 1965, beliau bertugas sebagai pensyarah dan tutor sambilan di Universiti Malaya. Beliau kemudiannya berpindah ke DBP dan menjadi Pegawai

Ensiklopedia. Selepas itu, beliau bertugas sebagai Timbalan Ketua Bahagian Buku Pelajaran pada tahun 1971 hingga 1974.

Semenjak bulan November 1974 hingga pilihan raya umum tahun 1978, beliau menjadi Setiausaha Politik kepada Menteri Kebajikan Am Malaysia, Tan Sri Aishah Ghani, dan merupakan wanita pertama yang menyandang jawatan tersebut. Beliau telah bertanding dan telah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Selangor Kawasan Permatang dalam pilihan raya umum tahun 1978 dan dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun yang sama.

Kerjaya politiknya diteruskan apabila memenangi kerusi Parlimen kawasan Tanjung Karang pada tahun 1982 hingga 1986. Dari tahun 1986 hingga 1987, beliau dilantik menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah. Selepas itu, beliau bertanding di kerusi Parlimen Selayang pada tahun 1986 dan dilantik Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia dari tahun 1987 hingga 1995. Beliau berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Selayang hingga tahun 1995. Dari tahun 1995 hingga 1999, beliau ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Pada pilihan raya umum tahun 1999, beliau memenangi kerusi Parlimen kawasan Gombak. Beliau telah bersara daripada politik pada tahun 2004.

Dalam pada itu, Tan Sri Zaleha juga aktif dalam UMNO dari peringkat cawangan sehingga ke peringkat pusat. Di peringkat bawah, beliau mula menjadi ahli UMNO cawangan Gombak Setia pada tahun 1968 dan seterusnya dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa dari tahun 1970 hingga 1974. Pada masa yang sama, beliau telah diangkat menjadi Naib Ketua Wanita UMNO kawasan tersebut. Beliau juga menjadi Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian Setapak dari tahun 1970 hingga 1972. Selepas itu, beliau menjadi Naib Ketua Wanita UMNO Bahagian Setapak sehingga tahun 1974. Dari tahun 1974 hingga 1979, beliau dilantik Ketua Wanita UMNO Bahagian Setapak dan Ketua Wanita UMNO Cawangan Keramat

Luar. Antara tahun 1980 hingga 1986, beliau menjadi Ketua Wanita UMNO Bahagian Kuala Selangor. Dari tahun 1986 hingga 1994, beliau memegang jawatan Ketua Wanita UMNO Bahagian Selayang. Sejak tahun 1994 hingga 2000, beliau ialah Ketua UMNO Bahagian Gombak.

Di peringkat negeri pula, pada tahun 1976-1977, beliau dilantik Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Wanita UMNO Negeri Selangor. Kemudian beliau menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Wanita UMNO Wilayah Persekutuan dari tahun 1977 hingga 1978. Selepas itu, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Wanita UMNO Negeri Selangor dari tahun 1978 hingga 1980. Bermula dari tahun 1980 hingga 1982, Tan Sri Zaleha ialah Pengerusi Wanita UMNO Selangor dan dilantik sekali lagi dari tahun 1987 hingga 1996. Beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan Wanita UMNO Negeri Selangor dari tahun 1983 hingga 1987. Antara tahun 1984 hingga 1986, beliau dilantik Ahli Jawatankuasa Biro Pelajaran UMNO Negeri Selangor dan dari tahun 1987 hingga 2000, beliau memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan UNMO Negeri Selangor.

Penglibatan Tan Sri Zaleha di peringkat UMNO Pusat bermula dengan pelantikannya sebagai Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Malaysia dari tahun 1974 hingga 1982. Beliau dilantik sekali lagi memegang jawatan tersebut pada tahun 1986 hingga 1996. Beliau menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia antara tahun 1978 hingga 1984 dan dari tahun 1990 hingga 2000. Jawatan-jawatan lain yang dipegang di peringkat pusat ialah Ahli Jawatankuasa Biro Pelajaran UMNO Malaysia (1974-1982), Ahli Jawatankuasa Biro Ekonomi UMNO Malaysia (1980-1984) dan Ahli Jawatankuasa Biro Buruh UMNO Malaysia (1982-1984). Beliau menjadi Pengerusi Biro Perhubungan Awam Wanita UMNO Malaysia antara tahun 1986 hingga 1988. Selepas itu, beliau dilantik Ketua Penerangan Wanita UMNO Malaysia dari tahun 1988 hingga 1989.

Di samping itu, beliau aktif dalam kegiatan kebajikan dan suka-rela. Beliau telah dilantik Pengerusi Lembaga Kewangan Sekolah Seri Puteri, Kuala Lumpur sejak tahun 1968, Bendahari Koperasi Dermajaya Wanita Berhad sejak tahun 1975, Pengerusi Syarikat Kerjasama DBP, Ketua II PERTIWI sehingga tahun 1977, Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Usaha Bersatu Berhad, Ahli Jawatankuasa PEMADAM Wilayah Persekutuan dan Ahli Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM Selangor sejak tahun 1978. Beliau juga ialah Ahli Lembaga Amanah Yayasan Tunku Abdul Rahman (1978-1990), Ahli Lembaga Yayasan Kebajikan Negara (1981-1987), Ahli Lembaga Pemegang Amanah YADIM (1981-1994), Ahli Lembaga Pengarah Bank Pertanian Malaysia (1983-1986) dan Presiden Persatuan Sofbol Malaysia (1988-1998). Antara tahun 1995 hingga 1999, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara, Naib Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan Pengerusi Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan.

Pembabitannya dalam pergerakan wanita bertitik tolak daripada pelantikannya sebagai Naib Yang Dipertua NCWO pada tahun 1976 hingga 1989 dan mulai pada tahun 1989, beliau ialah Pengerusi NCWO sehingga tahun 2002. Pada tahun 1976, beliau menjadi Pengerusi NACIWID sehingga tahun 1980. Di peringkat antarabangsa, beliau telah diamanahkan sebagai Setiausaha Agung ACWO (1982-1984) dan kemudian, beliau telah diberi kepercayaan sebagai Presiden ACWO dari tahun 1986 hingga 1988. Beliau telah menjadi Naib Presiden ACWO sebanyak dua kali, iaitu antara tahun 1990 hingga 1992 dan antara tahun 1996 hingga 1998. Beliau sekali lagi diangkat sebagai Setiausaha Agung ACWO pada tahun 1994 hingga 1996 dan sebagai Presiden ACWO dari tahun 1998 hingga 2000.

Selain penglibatannya dalam pelbagai organisasi dan badan kerajaan dan bukan kerajaan, beliau juga pernah menghadiri beberapa persidangan sama ada di dalam atau di luar negara. Antaranya, mewakili Malaysia ke Asian-American Women Broadcaster Conference di Honolulu, pada tahun 1968 dan mengikuti UNESCO Sub-regional

Seminar on Strategies in Curriculum Evaluation for Curriculum Officers in the Asian Region di Universiti Malaya, pada tahun 1974. Pada tahun 1975, beliau telah menyertai Kongres Wanita Sedunia di Jerman Timur, mengetuai delegasi wanita ke Persidangan Pemimpin-pemimpin Wanita ASEAN di Jakarta, dan mengikuti Seminar Wanita ASEAN mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan. Tahun berikutnya, beliau mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Jawatankuasa Kecil ASEAN Mengenai Wanita di Manila, Rancangan Pertukaran *Women in Political Process* di Amerika Syarikat, dan Seminar Wanita ASEAN mengenai Wanita dan Pekerjaan anjuran NACIWID di Kuala Lumpur. Pada tahun 1977, beliau mengepalai delegasi NCWO ke persidangan anjuran International Council of Women yang bertajuk *Raising the Status of Women Through Law* di New Delhi, India. Beliau juga pernah menghadiri Persidangan Wanita dalam Pembangunan di Asia di Dacca, pada tahun 1981, mewakili Malaysia ke Persidangan ASEAN Inter-Parliamentary Organisation (AIPO) di Singapura, pada tahun 1983, mengikuti Persidangan Antarabangsa *Impact of Gulf War* pada tahun 1984 di Baghdad, Iraq, mengetuai delegasi NCWO ke Perhimpunan ACWO di Bangkok, pada tahun 1990 dan menghadiri Persidangan Wanita Sedunia di Beijing, pada tahun 1995. Selain itu, Tan Sri Zaleha juga pernah turut serta dalam *Urban Childhood International Conference* di Norway, pada tahun 1997, menghadiri Persidangan Sosial Masyarakat ASEAN di Manila, Filipina, pada tahun 1998, mengikuti Persidangan Kependudukan di The Hague, Holland, pada tahun 1999 dan menyertai persidangan PBB mengenai Penduduk di New York, Amerika Syarikat, pada tahun 1999.

Selain menghadiri pelbagai persidangan antarabangsa, beliau juga pernah mengikuti kursus *Specialised Advance Course in the Production of Instruction Materials* selama tiga bulan di SEMEO Regional English Language Centre di Singapura, pada tahun 1972. Ketika bertugas di DBP, beliau telah menulis dan menghasilkan beberapa makalah dan buku melalui penerbitan DBP. Beliau telah menulis sebuah buku bertajuk *Percakapan Bahasa Melayu Sehari-*

hari terbitan The Shanghai Book Company, Singapura dalam tahun 1970. Beliau juga menulis makalah-makalah dalam majalah *Dewan Pelajar* dan *Dewan Bahasa* serta dalam *Ensiklopedia Perintis* dan *Ensiklopedia Sains* yang diterbitkan oleh DBP.

Tan Sri Zaleha telah dianugerahi bintang Setia Mahkota Selangor (S.M.S.) dan bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada tahun 1979 serta bintang Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) yang membawa gelaran 'Datin Paduka' pada tahun 1980. Beliau juga telah memperoleh Fellow Chartered Institute of Transport dan Darjah Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah (S.S.S.A.) daripada DYMM Sultan Selangor yang membawa gelaran 'Datin Paduka'. Pada tahun 2003, beliau telah menerima anugerah Pingat Emas Tun Fatimah daripada NCWO sempena perayaan Hari Wanita peringkat kebangsaan yang ke-41. Pada tahun yang sama, beliau menerima bintang Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran 'Tan Sri' daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

ZETI AKHTAR AZIZ, TAN SRI DATO' SERI DR.



Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Zeti Akhtar telah dilahirkan pada 26 Ogos 1947 di Johor Bahru. Beliau ialah anak tunggal kepada Profesor Diraja Ungku Aziz dan Puan Azah Aziz. Beliau merupakan wanita pertama di Malaysia yang dilantik Gabenor

Bank Negara Malaysia dan juga wanita pertama menjadi Gabenor Bank Pusat di rantau Asia.

Beliau memperoleh kelulusan daripada Universiti Malaya dalam bidang ekonomi pada tahun 1970. Selepas menamatkan pengajian di Universiti Malaya, beliau telah ditawarkan berkhidmat dengan Bank Negara oleh Gabenor Bank Negara ketika itu, Allahyarham Tun Ismail Ali. Oleh sebab kecenderungannya untuk membuat kajian dalam bidang urusan wang dan perbankan, beliau kekal di Universiti Malaya dan menjadi tutor selama lebih dari setahun di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. Pada tahun 1978, beliau mendapat Ijazah Kedoktoran daripada University of Pennsylvania, Amerika Syarikat, dalam bidang ekonomi mata wang. Beliau telah menulis sebuah tesis yang bertajuk *Commercial Bank Portofolio in an Open Developing Economy: Taking into Account International Capital Flows in an Environment of Interest Rate and Exchange Rate Movement*.

Sekembalinya ke Malaysia, Tun Ismail telah mengambil beliau berkhidmat di South East Asian Central Bank Research and Training Centre (SEACEN). Semasa di SEACEN, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar telah dipanggil untuk bekerja di Bank Negara Malaysia pada tahun 1985 sebagai Timbalan Pengurus Jabatan Ekonomi dan menjadi wanita pertama dilantik sebagai salah seorang daripada empat Penolong Gabenor Bank Negara pada tahun 1995. Ketika itu, Malaysia sedang berhadapan dengan kemelesetan ekonomi. Beliau telah ditugaskan membantu dalam merumus dasar bagi membawa Malaysia keluar daripada kemelut ekonomi dan seterusnya merangka reformasi dalam bidang perbankan.

Dari tahun 1989 hingga 1994, beliau telah dihantar ke London sebagai Ketua Perwakilan di Pejabat Perwakilan Bank Negara Malaysia di London. Apabila kembali ke Malaysia, beliau telah memegang jawatan Ketua Jabatan Ekonomi sebelum dinaikkan pangkat sebagai Penolong Gabenor Bank Negara pada tahun 1995.

Pada 1 September 1998, semasa negara sedang menghadapi kemuncak krisis kewangan, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar telah dilantik Pemangku Gabenor Bank Negara dan mengetuai pasukan yang ditubuhkan oleh Bank Negara bagi melaksanakan kawalan pertukaran terpilih. Kemudian, beliau memegang jawatan Timbalan Gabenor Bank Negara selama dua tahun. Mulai 1 Mei 2000, beliau telah dilantik Gabenor Bank Negara Malaysia.

Di samping itu, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar juga memegang beberapa jawatan lain. Antaranya, Pengerusi Lembaga Pengarah Labuan Offshore Financial Service Authority (LOFSA), Pengerusi Institut Bank-bank Malaysia (IBBM), Pengerusi Malaysia Institute of Insurance (MII), Pengerusi Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sultan Iskandar Johor dan Yayasan Temenggung Abdul Rahman Johor, Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad, Ahli Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) dan Exco MTEN.

Di peringkat antarabangsa, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar telah mendapat pengiktirafan sebagai Gabenor Bank Pusat yang cekap dan disegani. Beliau sering diberi penghormatan memberi ucapan utama di forum-forum kewangan antarabangsa sebagai wakil Asia. Malah Kumpulan G-7 turut memberi pengiktirafan kepada beliau apabila diundang untuk memberi taklimat mengenai perbankan Islam kepada pemimpin-pemimpin G-7 di satu persidangan di Washington, Amerika Syarikat.

Pada tahun 2003, beliau telah dipilih sebagai Gabenor Bank Pusat terbaik di Asia dalam satu pungutan suara di kalangan penganalisis dan pengurusan kanan bank-bank seluruh dunia. Pungutan suara ini diadakan sempena Mesyuarat Tahunan Dana Kewangan Antarabangsa/Bank Dunia di Dubai.

Beliau telah dikurniakan bintang Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) yang membawa gelaran 'Tan Sri' oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Beliau juga telah dianugerahi bintang Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (S.S.A.P.) yang membawa gelaran 'Dato' Seri' oleh DYMM Sultan Pahang dan bintang Dato' Paduka Mahkota Johor (D.P.M.J.) yang membawa gelaran 'Datin Paduka' oleh DYMM Sultan Johor.

ZURAIDAH ATAN, DATO'



Yang Berbahagia Dato' Zuraidah telah dilahirkan pada 17 Mac 1959. Beliau telah mendapat pendidikan menengah di Kolej Tunku Kurshiah dari tahun 1972 hingga 1977. Selepas itu, beliau telah melanjutkan pelajaran ke Holborn Law Tutors, London, dan St.

Giles College, Eastbourne, East Sussex, antara tahun 1977 hingga 1979. Beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari University of Buckingham, England, pada tahun 1984. Pada tahun 1992, beliau telah lulus Peperiksaan Qualifying Board Malaysia dan mendapat Sijil Amalan Guaman (CLP).

Dato' Zuraidah mula bertugas sebagai Pegawai Undang-undang/Penganalisis Korporat/Pegawai Kredit selama lima tahun dari tahun 1984 hingga 1989 di Perwira Habib Bank. Kemudian beliau menjadi Naib Pengerusi dan Ketua Bahagian Kewangan Korporat & Pasaran Modal/Penstruktur Semula Hutang Korporat di Kumpulan Bank OCBC dari tahun 1989 hingga 1999. Beliau merupakan anak bumiputera pertama yang memegang jawatan tertinggi di Malaysia dan seluruh dunia di Kumpulan Bank OCBC ketika itu. Mulai bulan September 1999 hingga September 2003, beliau ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Affin Merchant Bank Berhad (dahulu dikenali Perwira Affin Merchant Bank Berhad). Beliau merupakan

satu-satunya wanita Melayu yang diberikan kepercayaan menguruskan sebuah bank saudagar di Malaysia yang mempunyai aset berjumlah dua billion. Beliau memainkan peranan penting dalam memulihkan Affin Merchant Bank daripada kerugian sebanyak RM105 juta pada tahun 2000 kepada keuntungan sebanyak RM26 juta pada tahun 2001 dan RM32 juta pada tahun 2002.

Selain itu, Dato' Zuraidah menjadi Penasihat kepada agensi-agensi kerajaan negeri Kedah dan negeri Johor dan bertanggungjawab membuat penilaian semula, merasionalisasi dan menstruktur semula agensi-agensi serta pelaburan-pelaburan agensi-agensi kerajaan negeri tersebut. Beliau juga bertanggungjawab menasihati perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana di bawah Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (Federation of Malaysian Manufacturers @ FMM).

Beliau turut menganggotai beberapa pertubuhan profesional. Dari tahun 1988 lagi, beliau telah menganggotai FFM dan dilantik Pengerusi Jawatankuasa Ahli Gabungan FMM dan Ahli Jawatankuasa perkhidmatan keahlian antara tahun 1988 hingga 1999. Sejak tahun 1994, Dato' Zuraidah ialah anggota Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI) dan menjadi Ahli Jawatankuasa Pelaburan Antarabangsa serta Ahli Jawatankuasa Pelan Rancangan Malaysia Ketujuh. Pada tahun 1997, beliau menjadi ahli Persekutuan PENIAGAWATI manakala pada tahun 2001, beliau dilantik Ahli Jawatankuasa Biro Ekonomi Wanita UMNO. Pada tahun 2003, beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Jati Wanita, sebuah projek di bawah Wanita UMNO. Selain itu, beliau ialah Ahli Majlis Pelancongan, sebuah badan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Pada tahun 2003, beliau telah dikurniakan Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) yang membawa gelaran 'Dato' ' oleh DYMM Sultan Pahang.

ZURINAH HASSAN



Puan Zurinah telah dilahirkan pada 13 Jun 1949 di Bakar Bata, Alor Setar, Kedah. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Mohamaed Saaid Abdul Manap dan mereka mempunyai lima orang anak, iaitu Raihani, Ainul Huda, Muhd. Taufiq, Muhd. Faiz dan

Aina Mastura.

Pendidikan awalnya bermula di Sekolah Rendah Tikam Batu dan kemudian di Sekolah Rendah Sungai Petani. Seterusnya beliau menuntut di Sekolah Menengah Convent Father Barrier dan Sekolah Menengah Sultanah Asma sehingga ke tingkatan enam atas. Beliau telah melanjutkan pelajaran ke USM pada tahun 1971 dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1974. Dalam tahun 2000, beliau telah berjaya memperoleh Ijazah Sarjana daripada UPM.

Beliau mula bertugas sebagai tutor di USM dari tahun 1974 hingga 1975. Selepas itu, beliau menjadi Tutor di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, dari tahun 1975 hingga 1980. Antara tahun 1982 hingga 1996, beliau menjadi Pegawai Penerangan dan bersara secara pilihan pada tahun 1996.

Puan Zurinah telah mula berkarya seawal usia 12 tahun dengan menghantar puisi ke radio. Karyanya mula tersiar di *Utusan Zaman*, *Mastika* dan *Dewan Masyarakat* pada tahun 1967. Sajak beliau yang pertama tersiar ialah *Tujuh Gunung Tak Terdaki* yang tersiar dalam

Warta Mingguan Pulau Pinang. Mulai tahun 1970-an, beliau menulis cerpen yang tersiar di majalah *Jelita*, akhbar *Berita Minggu* dan majalah *Dewan Sastera*.

Karya-karya beliau yang telah diterbitkan ialah *Sesayup Jalan* (antologi puisi) (1974), *Di Sini Tiada Perhentian* (antologi puisi) (1976), *Meneruskan Perjalanan* (antologi cerpen) (1986), *Hatimu Aisyah* (novel) (1991), *Kajian Sasterawan Negara-USman Awang* (1991) dan *Pujangga Tidak Bernama* (antologi puisi) (1994).

Puan Zurinah pernah memenangi Hadiah Karya Sastera dan Hadiah Sastera Malaysia bagi tahun 1971, 1974, 1975, 1976, 1982/83 dan memenangi hadiah bagi kategori cerpen dan sajak bagi tahun 1984/85. Antara sajak-sajaknya yang memenangi anugerah ialah *Bahawa Aku Pernah Hidup* (1971), *Senja di Pelabuhan* (1974), *Apabila Kata-kata Menjadi Sebuah Dosa* (1974), *Satu Kebetulan* (1976), *Salam Perempuan Dari Penjara* (1976) dan *Kita Perlu Bersuara Setelah Diam Yang Lama* (1976). Kumpulan sajaknya berjudul *Kebangkitan* telah menggondol Hadiah Utama Sayembara Puisi Putera II pada tahun 1985. Di samping itu, beliau pernah mendapat tempat pertama dalam Peraduan Menulis Cerpen Berunsur Islam anjuran Jabatan Perdana Menteri dan Hadiah Penulis Rencana Terbaik, Anugerah Sri Angkasa pada tahun 1984 anjuran Kementerian Penerangan Malaysia.

Bagi menghargai jasanya dalam bidang sastera, beliau telah dianugerahi bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.) pada tahun 1991 dan bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) pada tahun 2000 oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

SENARAI SINGKATAN

ACWO	ASEAN Confederation of Women Organisation
ACWW	Associated Country Women of the World
AFPPD	Asian Forum of Parliamentarians for Population and Development
ANGKASA	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
APEC	Asia Pacific Economic Caucus
APFAM	Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia - Asia Pacific Forum on Families
APFWLD	Asia Pacific Federation of Women, Law and Development
ARROW	Asia Pacific Research and Resource Centre for Women
ASAIHL	The Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning
ASEAN	Association of South-east Asian Nation
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BSKL	Bursa Saham Kuala Lumpur (dahulu) - Bursa Malaysia (kini)
BAKTI	Badan Amal Kebajikan Isteri-isteri Menteri, Timbalan Menteri & Setiausaha Parlimen
BSN	Bank Simpanan Nasional
CEDAW	Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women
CICHE	Cooperation in Higher Education
CIDESCO	Comite International D'Esthetique et de Cosmetologie
CPA	Commonwealth Parliamentary Association
CUEPECS	Congress of Unions of Employees in Public and Civil Service
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
EPI	Expanded Program of Immunization
ESCAP	Economic and Social Commission for Asia and the Pacific
FAMA	Federal Agricultural and Marketing Authority

FELDA	Federal Land Development Authority
FESPIC	Far Eastern and South Pacific Games for the Handicapped
FINAS	Lembaga Filem Nasional
GMC	General Medical Council
GPMS	Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung
HAWA	Jabatan Hal Ehwal Wanita
HSC	Higher School Certificate
ICA	International Cooperative Alliance
ICSW	International Conference on Social Welfare
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IKWAM	Institut Kemajuan Wanita Malaysia
ILO	International Labour Organization
INNOTECH	Regional Centre for Innovation and Technology
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IRPA	Intensification of Research in Priority Areas
ISKANITA	Persatuan Isteri-isteri dan Kakitangan Wanita Kementerian Perdagangan dan Perindustrian
ISTD	Imperial Society of Teachers of Dancing
ITM	Institut Teknologi MARA
IWRAW	International Women's Rights Action Watch
KARYANEKA	Pusat Pemasaran Kraftangan
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KUB	Koperasi Usaha Bersatu
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LKPI	Lembaga Kebajikan Perempuan Islam
LKPIM	Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia
LPPKN	Lembaga Pembangunan Perancangan Keluarga Negara
MAAU	Malaysian Amateur Athlete Union
MABBIM	Majlis Bahasa Brunei Indonesia dan Malaysia
MASKPEN	Majlis Sukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar
MAMANEH	Malaysian Association of Maternal and Neonatal Health
MAMPU	Malaysia Administration, Modernisation and Planning Unit
MAPEN	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MATRADE	Malaysian External Trade Development
MCA	Malaysian Chinese Association

MIC	Malaysian Indian Congress
MKKM	Majlis Kanak-kanak Malaysia
MOSTE	Pusat Maklumat Sains and Teknologi Malaysia
MPWN	Majlis Penasihat Wanita Negara
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
MSSM	Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
MTUC	Malaysian Teachers' Union Congress
NACIWID	National Advisory Council of Integrating Women in Development @ Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Mengintegrasikan Wanita Dalam Pembangunan
NCWO	National Council of Women Organisations @ Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia
NGO	Non-Governmental Organization
OECD	Organization for Cooperation and Development
OIC	Organization of Islamic Countries
PAPITA	Persatuan Penghibur Tanah Air
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PBB	Parti Pusaka Bumiputera Bersatu
PDLN	Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri
PEMADAM	Persatuan Mencegah Dadah Malaysia
PENIAGAWATI	Persatuan Wanita Bumiputera dalam Perniagaan dan Profesyen
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
PERTAMA	Persatuan Wartawan Wanita Malaysia
PERTWI	Pertubuhan Tindakan Wanita Islam
PEWASA	Persatuan Wanita Sabah
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPSEAWA	Pan Pacific and South-east Asia Women Association
PTD	Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik
PUSPANITA	Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia
RELC	Regional Language Centre
RIDA	Rural Industrial Development Authority
RIHED	Regional Institute of Higher Education and Development
RISDA	Rubber Industry and Small Developers Authority
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SABATI	Sarawak Badan Amal Tenaga Isteri-isteri
SAHABAT	Persatuan Sahabat Pusat Perubatan Universiti Malaya

SAMA	South-east Asia Gender Studies Association
SEA	South-east Asia
SEAP	South-east Asia Pacific
SENIMAN	Persatuan Seniman Tanah Air
SIRIM	Institut Penyelidikan dan Piawain Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
SUKMA	Sukan Malaysia
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia
UDA	Urban Development Authority
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UMNO	United Malay National Organization
UN	United Nations
UNDP	United Nations Development Programme
UNESCO	United Nations Council for Education, Science and Culture
UNFPA	United Nations Fund for Population Activities
UNICEF	United Nations International Children's Education Fund
UNIFEM	United Nations Fund for Development and Advancement Of Women
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPM	Universiti Pertanian Malaysia (dulu) - Universiti Putra Malaysia (sekarang)
UPSI	Universiti Perguruan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
WAO	Women's Aid Organisation
WHO	World Health Organisation
W.I.	Women's Institute @ Perkumpulan Perempuan
WIM	Women Institute of Management
YADIM	Yayasan Dakwah Islam Malaysia
YWCA	Young Women Christian Association



Ahli Jawatankuasa Kecil Biografi Wanita Malaysia PERTIWI

Ahli Jawatankuasa Kecil Biografi Wanita Malaysia

Pengerusi: Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim
Naib Pengerusi: Datin Hajah Jamilah Adam

Ahli Jawatankuasa:

Datin Hajah Azizah Abbas
Puan Hajah Azizah Lakim
Cik Che Roby Muslim
Puan Khadijatul Wasiah Md. Jamli
Dr. Hajah Noriati Abdul Rashid
Puan Hajah Norsham Muslim
Puan Hajah Rusdina Hj. Yunus
Puan Hajah Shahar Banun Jaafar

Urus Setia/Penyelidik:

Encik Johan Cruyff @ Mohd Johari Nordin
(sehingga Jun 2003)
Puan Nurhafilah Musa
Cik Wan Intan Fadzilah Wan Mansor
Cik Wan Shahida Wan Omar
(sehingga Disember 2003)

Pengenalan Ringkas PERTIWI

PERTIWI atau Pertubuhan Tindakan Wanita Islam Malaysia telah ditubuhkan pada 16 November 1967. PERTIWI merupakan sebuah pertubuhan sukarela yang berorientasikan projek-projek kemasyarakatan, kebajikan dan keagamaan. Antara matlamat utama penubuhan PERTIWI adalah untuk menyebarkan ilmu pengetahuan bagi kemajuan wanita dan berusaha meninggikan taraf pelajaran dan pendidikan wanita dan kanak-kanak.

Kegiatan-kegiatan PERTIWI dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pelajaran dan pendidikan, dan kebajikan. Antara projek-projek utama:

PELAJARAN DAN PENDIDIKAN

1. Tadika PERTIWI
2. Projek Anak Angkat
3. Projek Teknologi Maklumat
4. Lawatan Sambil Belajar
5. Projek Tuisyen
6. Projek Mentor-Mentee
7. Kemahiran Vokasional Untuk Remaja Wanita

KEBAJIKAN

1. Siri Ceramah/ Aktiviti Ahli
2. Projek Kampung Angkat
3. Kursus Keibubapaan
4. Kursus Bimbingan dan Kaunseling
5. Projek Klinik Sehari di Luar Bandar
6. Kemahiran Kendiri Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah

*Burung serindit terbang melayang,
Mari hinggap di ranting mati ;
Bukan ringgit dipandang orang,
Budi bahasa rangkaian hati.*

*Di sana di sini padi,
Padi huma dari seberang ;
Di sana budi di sini budi,
Maka namanya dikenang orang.*